

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Inilah Terjemahan
فَتْحُ الْوَهَّابِ¹
FATHUL WAHHAB

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. قَالَ سَيِّدُنَا وَمَوْلَانَا قَاضِي الْقَضَاةِ شَيْخُ مَشَايِخِ الْإِسْلَامِ مَلِكُ الْعُلَمَاءِ الْأَعْلَامِ سَيِّبَوِيهِ زَمَانَهُ فَرِيدُ عَصْرِهِ وَوَحِيدُ دَهْرِهِ حُجَّةُ النَّاطِرِينَ لِسَانُ الْمُتَكَلِّمِينَ مُحْيِي السُّنَّةِ فِي الْعَالَمِينَ زَيْنُ الْمِلَّةِ وَالِدَيْنِ أَبُو يَحْيَى زَكَرِيَّا الْأَنْصَارِيُّ تَعَمَّدَهُ اللَّهُ بِرَحْمَتِهِ وَأَسْكَنَهُ فَيْسِحَ جَنَّتِهِ وَنَفَعَنَا وَالْمُسْلِمِينَ بِبِرْكَتِهِ :

1. Dengan nama Allah yang maha pemurah maha penyayang. Kata penghulu kami dan tuan kami, qadhi segala qadhi-qadhi, syeikh segala syeikh-syeikh Islam, raja ulamak yang hebat, sibawaih pada zamannya, yang tunggal pada masanya, hujjah orang-orang yang berbahas, lidah orang yang berkata-kata, penghidup sunnah diseluruh alam, perhiasan ugama, Abu Yahya Zakaria al anshari, moga Allah menyelubunginya dengan rahmatNya dan menempatkan di syurga yang luas dan moga dia memanfaatkan kita dan sekalian orang Islam dengan berkatnya:¹

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى أَفْضَالِهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَصَحْبِهِ وَآلِهِ (وَبَعْدُ) فَقَدْ كُنْتُ اخْتَصَرْتُ مِنْهَا جِزَاءَ الطَّالِبِينَ فِي الْفِقْهِ تَأَلَّفَ الْإِمَامُ شَيْخُ الْإِسْلَامِ أَبِي زَكَرِيَّا يَحْيَى مُحْيِي الدِّينِ النَّوَوِيُّ رَحِمَهُ اللَّهُ فِي كِتَابٍ سَمَّيْتُهُ بِمَنْهَجِ الطَّلَابِ.

2. Dengan nama Allah maha pemurah maha penyayang. Segala puji bagi Allah diatas kurniaan-kurniaanNya, selawat dan salam keatas penghulu kita Muhammad dan para sahabatnya dan keluarganya. (Selepas itu) maka sesungguhnya aku telah ringkaskan MINHAJ THALIBIN karangan imam syeikh Islam Abu Zakaria Yahya muhyiidin an nawawi rahimahullah pada satu kitab yang aku namakan MANHAJ THULLAB.

وَقَدْ سَأَلَنِي بَعْضُ الْأَعْرَةِ عَلَيَّ مِنَ الْفَضْلَاءِ الْمُتَرَدِّدِينَ إِلَيَّ أَنْ أَسْرَحَهُ شَرْحًا يَحِلُّ أَلْفَاظُهُ وَيَجَلَّ حِفَاظُهُ وَيَبِينُ مُرَادَهُ وَيُتِمُّ مَفَادَهُ؛ فَأَجَبْتَهُ إِلَى ذَلِكَ بِعَوْنِ الْقَادِرِ الْمَالِكِ وَسَمَّيْتُهُ بِفَتْحِ الْوَهَّابِ بِشَرْحِ مَنْهَجِ الطَّلَابِ. وَاللَّهُ أَسْأَلُ أَنْ يَنْفَعَ بِهِ وَهُوَ حَسْبِي وَنِعْمَ الْوَكِيلُ.

3. Sungguhnya sebahagian orang-orang yang memuliakan aku daripada orang-orang yang berkelebihan yang selalu berulang alik kepada aku telah meminta agar aku syarahkannya dengan syarah yang menghuraikan lafaz-lafaznya dan yang membesarkan orang yang menghafalnya yang menerangkan kehendaknya dan menyempurnakan faedahnya, maka aku berkenankan dia kepada demikian itu dengan bantuan yang maha kuasa yang memiliki, dan aku namakan ia dengan Fathul Wahhab syarah Manhaj Thullab. Akan Allah sahaja aku pinta agar dia memanfaatkannya, Dia memadai bagi ku dan sebaik-baik yang mewakili.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، أَيُّ أَوْلَفُ. وَالِاسْمُ مُشْتَقٌّ مِنَ السُّمُوِّ وَهُوَ الْعُلُوُّ. وَاللَّهُ عَلَّمَ عَلَى الدَّاتِ الْوَاجِبِ الْوُجُودِ. وَالرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ صِفَتَانِ مُشَبَّهَتَانِ بِنَيْتَا لِلْمُبَالِغَةِ مِنْ رَحِمٍ. وَالرَّحْمَنُ أَبْلَغُ مِنَ الرَّحِيمِ لِأَنَّ زِيَادَةَ الْبِنَاءِ تَدُلُّ عَلَى زِيَادَةِ الْمَعْنَى كَمَا فِي قَطْعٍ وَقَطْعٍ، وَلِقَوْلِهِمْ رَحْمَنُ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَرَحِيمُ الْآخِرَةِ. وَقِيلَ رَحِيمُ الدُّنْيَا.

4. Dengan nama Allah yang maha pemurah maha penyayang, iaitu aku mengarang². "اسْمٌ" dipecahkan dari "الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ" iaitu tinggi. "اللَّهُ" nama khas bagi zat yang mesti ujud. "الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ" dua sifat musyabbahah yang dibina untuk makna mendalam dari "رَحِمَ". "رَحْمَنٌ" lebih mendalam dari

¹ Rabu, maghrib 17 xx. Bersamaan Selasa 12 May 2009.

² Aku mengarang dengan nama Allah

”رَجِيمٌ” kerana lebih binaan menunjuk keatas lebih makna sepertimana pada ”قَطَعَ - قَطَعَ” i.e potong cincang, dan kerana kata mereka ”رَحْمَنُ الْآخِرَةِ” i.e pengasih penyayang diakhirat dan ”رَجِيمُ الدُّنْيَا” i.e pengasih penyayang didunia. Dikatakan ”رَجِيمُ الدُّنْيَا”.

(الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا) أَي دَلَّنَا (لِهَذَا) التَّأْلِيفِ (وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ). وَالْحَمْدُ لُغَةً التَّنَاءُ بِاللِّسَانِ عَلَى الْجَمِيلِ الْإِخْتِيَارِيِّ عَلَى جِهَةِ التَّبْجِيلِ سِوَاءَ تَعَلُّقِ بِالْفَضَائِلِ أَمْ بِالْفَوَاضِلِ، وَعَرَفْنَا فِعْلًا يُنْبِئُ عَنِ تَعْظِيمِ الْمُنْعَمِ مِنْ حَيْثُ إِنَّهُ مُنْعَمٌ عَلَى الْحَامِدِ أَوْ غَيْرِهِ.

5. (Segala puji bagi Allah yang menghidayahkan kami) iaitu menunjukkan kami (kepada ini) karangan (dan tidaklah kami mendapat petunjuk kalaulah Allah tidak menunjuk kami). Puji adalah menyebut baik dengan lidah kerana kebaikan yang jenis pilihan diatas pihak membesarkan samaada ianya berkaitan dengan kelebihan yang lazim atau kelebihan yang melampau³. Sementara pada ‘uruf ia adalah perbuatan yang memahamkan seorang itu membesarkan orang yang memberi ni’mat dari sudut bahawa dia memberi ni’mat keatas orang yang memuji atau orang lain.

وَابْتَدَأْتُ بِالْبِسْمَلَةِ وَالْحَمْدَةَ أَفْتِدَاءً بِالْكِتَابِ الْعَزِيزِ وَعَمَلًا بِخَبَرِ {كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُبْدَأُ فِيهِ بِبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ} وَفِي رِوَايَةٍ {بِالْحَمْدِ لِلَّهِ فَهُوَ أَجْزَمُ} أَي مَقْطُوعُ الْبَرَكَةِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَغَيْرُهُ وَحَسَنَةُ ابْنُ الصَّلَاحِ وَغَيْرُهُ.

6. Aku mula dengan basmalah dan hamdalah kerana mengikut al kitab yang mulia dan kerana beramal dengan khabar ((setiap perkara yang punya keadaan yang beri perhatian yang tidak dimulakan dengan bismillahirrahmanirrahim)) pada satu riwayat ((dengan alhamdulillah maka ianya berpenyakit kusta)) iaitu putus keberkatan. Meriwayatkannya Abu Daud dan selainnya sementara Ibnu Sholah dan selainnya menghukumkan hasan.

وَجَمَعْتُ بَيْنَ الْإِبْتِدَائَيْنِ عَمَلًا بِالرِّوَايَتَيْنِ وَإِشَارَةً إِلَى أَنَّهُ لَا تَعَارُضَ بَيْنَهُمَا إِذِ الْإِبْتِدَاءُ حَقِيقِي وَإِضَافِيٌّ. فَالْحَقِيقِيُّ حَصَلَ بِالْبِسْمَلَةِ وَالْإِضَافِيُّ حَصَلَ بِالْحَمْدَةِ. وَقَدَمْتُ الْبِسْمَلَةَ عَمَلًا بِالْكِتَابِ وَالْإِجْمَاعِ. وَالْحَمْدُ مُخْتَصٌّ بِاللَّهِ تَعَالَى كَمَا أَفَادَتْهُ الْجُمْلَةُ سِوَاءَ أَجْعَلْتُ أَلَّ فِيهِ لِلِاسْتِغْرَاقِ أَمْ لِلْجِنْسِ أَمْ لِلْعَهْدِ.

7. Aku himpulkan diantara dua permulaan itu kerana mengamalkan kedua riwayat itu dan kerana isyarat kepada bahawa tidak ada pertentangan diantara keduanya kerana permulaan itu dua, hakiki dan idhafi. Maka yang hakiki itu terhasil dengan basmalah dan yang idhafi itu terhasil dengan hamdalah. Aku dulukan basmalah kerana mengamalkan al kitab dan kerana ijmak. Pujian tersebut khusus dengan Allah taala sepertimana difahamkan oleh jumlah itu samaada dijadikan alif-lam padanya untuk istighraq atau untuk jenis atau untuk ‘ahdi.

(وَالصَّلَاةُ) وَهِيَ مِنْ اللَّهِ رَحْمَةٌ وَمِنْ الْمَلَائِكَةِ اسْتِغْفَارٌ وَمِنْ الْآدَمِيِّينَ تَضَرُّعٌ وَدُعَاءٌ. (وَالسَّلَامُ) بِمَعْنَى التَّسْلِيمِ (عَلَى مُحَمَّدٍ) نَبِيِّنَا (وَأَلِهِ) هُمْ مُؤْمِنُو بَنِي هَاشِمٍ وَبَنِي الْمُطَّلِبِ (وَصَحْبِهِ).

8. (Selawat) ianya dari Allah adalah rahmat dan dari malaikat istighfar dan dari anak adam rendah diri dan doa. (dan salam) iaitu sejahtera dengan makna mensejahterakan (keatas Muhammad) nabi kita (dan keluarganya) mereka itu orang-orang beriman daripada Bani Hasyim dan Bani Muttalib (dan para sahabatnya)

هُوَ عِنْدَ سِبْيَوِيهِ اسْمٌ جَمَعَ لِصَاحِبِ بِمَعْنَى الصَّحَابِيِّ. وَهُوَ مَنْ اجْتَمَعَ مُؤْمِنًا مِنْ بَنِي مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَعَطْفُ الصَّحْبِ عَلَى الْأَلِ الشَّامِلِ لِبَعْضِهِمْ لِتَشْمُلِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ بَاقِيَهُمْ.

9. ”صَحَابِي” disisi Sibawaih adalah isim jamak bagi ”صَاحِبٌ” dengan makna ”صَحَابِي”. Ia adalah orang yang berhimpun dalam keadaan beriman dengan nabi kita Muhammad sawm. ‘Ataf

³ Yang lazim itu seperti ilmu dan berani, dan yang melampau kepada orang lain itu seperti pemurah.

sahabat keatas keluarga yang mana ia meliputi sebahagian sahabat adalah supaya selawat dan salam itu meliputi baki sahabat.

وَجُمَلْنَا الْحَمْدَ وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ خَبْرَيْنَانَ لَفْظًا إِنشَائِيَّتَانِ مَعْنَى وَاخْتَرْتِ اسْمَيْتَهُمَا عَلَى فِعْلِيَّتَهُمَا لِلدَّلَالَةِ عَلَى الثَّبَاتِ وَالِدَوَامِ.

10. Dua jumlah puji dan selawat serta salam itu adalah dua jumlah khabar pada lafaz dan insya' pada makna. Aku memilih bentuk isim keduanya diatas bentuk fe'el kerana dilalah diatas tetap dan berterusan.

(الْفَائِزِينَ مِنْ اللَّهِ بِعِلَاهُ) صِفَةً لِمَنْ ذُكِرَ.

11. (yang mencapai dari Allah akan martabat-martabat yang tinggi dariNya). Sifat bagi orang yang disebutkan itu.

(وَبَعْدُ) يُؤْتَى بِهَا لِلانْتِقَالِ مِنْ أُسْلُوبٍ إِلَى آخَرَ. وَأَصْلُهَا أَمَّا بَعْدُ بِدَلِيلِ لُزُومِ الْفَاءِ فِي حَيْزِهَا عَالِيًا لِتَضَمُّنِ أَمَّا مَعْنَى الشَّرْطِ. وَالْأَصْلُ مَهْمَا يَكُنْ مِنْ شَيْءٍ بَعْدَ الْبِسْمَلَةِ وَالْحَمْدَةِ وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى مَنْ ذُكِرَ.

12. (Dan selepas itu). Didatangkan ia untuk pindah dari satu uslub kepada uslub yang lain. Asalnya "أَمَّا بَعْدُ" i.e adapun selepas itu, dengan dalil lazim fa' pada halamannya pada ghalibnya kerana "أَمَّا" mengandungi makna syarat. Asalnya "apa pun yang ada selepas basmalah dan hamdalah dan selawat dan salam keatas orang yang disebutkan itu.

(فَهَذَا) الْمَوْلُفُ الْحَاضِرُ ذَهْنًا (مُخْتَصَرٌ)، مِنْ الْاِخْتِصَارِ وَهُوَ تَقْلِيلُ اللَّفْظِ وَتَكْثِيرُ الْمَعْنَى. (فِي الْفِقْهِ) وَهُوَ لُغَةٌ الْفَهْمُ وَاصْطِلَاحًا الْعِلْمُ بِالْأَحْكَامِ الشَّرْعِيَّةِ الْعَمَلِيَّةِ الْمُكْتَسَبِ مِنْ أَدْلَتِهَا التَّفْصِيلِيَّةِ.

13. (Maka ini) karangan yang hadhir pada zihin (adalah mukhtasar) dari ikhtisar iaitu apa yang disdikitkan lafaz dan dibanyakkan makna. (pada feqh) ianya pada lughah adalah faham dan pada istilah : ilmu tentang hukum-hukum syara' amali yang didapatkan dari dalil-dalilnya yang rinci.

وَمَوْضُوعُهُ أَفْعَالُ الْمُكَلَّفِينَ مِنْ حَيْثُ عُرُوضُ الْأَحْكَامِ لَهَا. وَاسْتِمْدَادُهُ مِنَ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ وَالْإِجْمَاعِ وَالْقِيَاسِ وَسَائِرِ الْأَدَلَّةِ الْمَعْرُوفَةِ. وَفَائِدَتُهُ امْتِنَالُ أَوْامِرِ اللَّهِ تَعَالَى وَاجْتِنَابِ نَوَاهِيهِ الْمُحْصَلَانِ لِلْفَوَائِدِ الدُّنْيَوِيَّةِ وَالْآخِرَوِيَّةِ.

14. Tempat ia dihantarkan adalah perbuatan-perbuatan mukallaf sekira-kira datang hukum-hukum kepadanya. Pengambilannya adalah dari al kitab dan sunnah dan ijmak dan kias dan sekelian dalil-dalil yang makruf. Faedahnya : dapat menjunjung perintah Allah taala dan menjauhi tegahannya yang mana keduanya menghasilkan faedah duniawi dan ukhrawi.

(عَلَى مَذْهَبِ الْإِمَامِ) الْمُجْتَهِدِ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدَ بْنِ إِدْرِيسَ (الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَأَرْضَاهُ) أَي مَا ذَهَبَ إِلَيْهِ مِنَ الْأَحْكَامِ فِي الْمَسَائِلِ مَجَازًا عَنْ مَكَانِ الذَّهَابِ.

15. (diatas mazhab imam) mujtahid Abu Abdullah Muhammad bin Idris (as syafi'e moga Allah meredhainya dan menjadikan dia redha). Iaitu hukum-hukum yang dia pergi kepadanya pada masaalah-masaalah, sebagai majaz dari tempat pergi.

(اخْتَصَرْتُ فِيهِ مُخْتَصَرَ الْإِمَامِ أَبِي زَكَرِيَّا النَّوَوِيِّ) رَحِمَهُ اللَّهُ (الْمُسَمَّى بِمَنْهَاجِ الطَّالِبِينَ. وَضَمَمْتُ إِلَيْهِ مَا يُسَّرُ مَعَ إِبْدَالِ غَيْرِ الْمُعْتَمَدِ بِهِ) أَي بِالْمُعْتَمَدِ (بِلَفْظِ مُبِينٍ). وَسَأْتَبُهُ عَلَى ذَلِكَ عَالِيًا فِي مَحَالِهِ. (وَحَدَفْتُ مِنْهُ الْخِلَافَ رَوْمًا) أَي طَلَبًا (لِتَيْسِيرِهِ عَلَى الرَّاعِيَيْنِ) فِيهِ.

16. (Aku ringkaskan padanya mukhtasar imam Abu Zakaria an nawawi) rahimahullah (yang dinamakan Minhaj Thalilbin. Aku himpulkan kepadanya apa yang menyukakan

hati serta menggantikan yang tidak muktamad dengannya) iaitu dengan yang muktamad (dengan lafaz yang terang). Ghalibnya aku akan khabarkan demikian itu pada tempat-tempatnya. (dan aku hazafkan khilaf darinya kerana tujuan memudahkannya keatas orang yang gemar) padanya.

(وَسَمَّيْتَهُ بِمَنْهَجِ الطَّلَابِ) . الْمَنْهَجُ وَالْمَنْهَاجُ الطَّرِيقُ الْوَاضِحُ . (رَاجِيًا) أَيُّ مُؤَمَّلًا (مِنْ اللَّهِ) تَعَالَى (أَنْ يَنْتَفِعَ بِهِ أَوْلُو الْأَلْبَابِ) ، جَمْعُ لُبٍّ وَهُوَ الْعَقْلُ . (وَأَسْأَلُهُ التَّوْفِيقَ) . وَهُوَ خُلُقٌ قُدْرَةُ الطَّاعَةِ وَتَسْهِيلُ سَبِيلِ الْخَيْرِ . (لِلصَّوَابِ) أَيُّ لِمَا يُوَافِقُ الْوَاقِعَ مِنَ الْقَوْلِ وَالْفِعْلِ . (وَ) أَسْأَلُهُ (الْفَوْزَ) أَيُّ الظَّفَرَ بِالْخَيْرِ (يَوْمَ الْمَأْبِ) أَيُّ الرَّجُوعِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَيُّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ .

17. (Aku namakan ia Manhaj Thullab). Manhaj dan minhaj adalah jalan yang jelas. (hal keadaan aku mengharapakan dari Allah) taala (agar mengambil manfaat dengannya orang-orang yang punya akal). "ألْبَاب" jamak "لُب" iaitu akal. (dan aku meminta dariNya agar dia mentaufikkan). Ia adalah menjadikan kuasa taat dan memudahkan jalan kebajikan. (kepada yang betul) iaitu kepada apa yang berbetulan dengan hakikat pada kata-kata dan perbuatan. (dan) aku meminta dariNya (kejayaan) iaitu dapat mencapai kebaikan (pada hari kembali) kepada Allah taala iaitu pada hari kiamat.

كِتَابُ الطَّهَارَةِ²

هُوَ لُغَةٌ الصَّمُّ وَالْجَمْعُ . يُقَالُ كَتَبَ كِتَابًا وَكِتَابَةً وَكِتَابًا . وَاصْطِلَاحًا اسْمٌ لِجُمْلَةٍ مُخْتَصَّةٍ مِنَ الْعِلْمِ مُشْتَمَلَةٌ عَلَى أَبْوَابٍ وَفُصُولٍ غَالِبًا . وَالطَّهَارَةُ لُغَةٌ النَّظَافَةُ وَالْخُلُوصُ مِنَ الْأَدْنَسِ ، وَشَرْعًا : رَفَعُ حَدِّثٍ أَوْ إِزَالَةُ نَجَسٍ أَوْ مَا فِي مَعْنَاهُمَا وَعَلَى صُورَتَيْهِمَا كَالْتَّيْمِ وَالْأَغْسَالِ الْمَسْنُونَةِ وَتَجْدِيدِ الْوُضُوءِ وَالْغَسَلِ الثَّانِيَةِ وَالثَّلَاثَةِ . فَهِيَ شَامِلَةٌ لِأَنْوَاعِ الطَّهَارَاتِ .

18. **KITAB TOHARAH**. Ia pada lughah adalah himpun. Dikatakan "كُتِبَ كِتَابًا وَكِتَابَةً وَكِتَابًا". Dan pada istilah : nama bagi satu jumlah ilmu yang khas yang lengkap dengan beberapa bab dan fasal pada ghalibnya. Thaharah pada lughah adalah bersih dan bebas dari cemar-cemar. Dan pada syara' : mengangkat hadath atau menghilangkan najis atau apa yang pada makna keduanya

dan diatas rupa keduanya, seperti tayammum dan mandian sunat dan wudhuk yang diperbaharui dan basuhan yang kedua dan ketiga. Maka ianya meliputi bagai-bagai thoharah.

وَبَدَأَتْ بِالْمَاءِ لِأَنَّهُ الْأَصْلُ فِي آتِهَا. فَقُلْتُ (إِنَّمَا يُطَهَّرُ مِنْ مَانِعٍ مَاءٍ مُطْلَقٍ، وَهُوَ مَا يُسَمَّى مَاءً بِلَا قَيْدٍ)، وَإِنْ رُشِحَ مِنْ بُخَارِ الْمَاءِ الْمَغْلِيِّ كَمَا صَحَّحَهُ النَّوَوِيُّ فِي مَجْمُوعِهِ وَعَيْزُهُ، أَوْ قَيْدٌ لِمُوَافَقَةِ الْوَاقِعِ كَمَاءِ الْبَحْرِ، بِخِلَافِ الْخَلِّ وَنَحْوِهِ وَمَا لَا يُذَكَّرُ إِلَّا مُقَيَّدًا كَمَاءِ الْوَرْدِ وَمَاءٍ دَافِقٍ أَيْ مَنِيٍّ، فَلَا يُطَهَّرُ شَيْئًا.

19. Aku mulakan dengan air kerana ia asal pada alat-alatnya. Maka aku katakan (**Daripada segala cecair-cecair yang menyucikan hanyalah air mutlak. Ia adalah apa yang dinamakan air tanpa kaid**), sekalipun ia terpeluh dari wap air didih sepertimana disahkan oleh Nawawi didalam Majmuk-nya dan selainnya, atau dikaitkan kerana membetuli tempatnya seperti air laut, bersalahan cuka dan seumpamanya dan apa yang tidak disebut melainkan dalam keadaan ia dikaitkan seperti air mawar dan air pancut iaitu mani, maka ia tidak menyucikan apa-apa.

لِقَوْلِهِ تَعَالَى مُمْتَنًا بِالْمَاءِ { وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا } وَقَوْلِهِ تَعَالَى { فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا } { وَقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ بَالَ الْأَعْرَابِيُّ فِي الْمَسْجِدِ صُبُّوا عَلَيْهِ ذَنْبًا مِنْ مَاءٍ { رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَالذَّنُوبُ يَفْتَحُ الْمُعْجَمَةَ الدَّلُومُ الْمُتَمَلِّئَةُ مَاءً. وَالْأَمْرُ لِلْوُجُوبِ. وَالْمَاءُ يَنْصَرَفُ إِلَى الْمُطْلَقِ لِتَبَادُرِهِ إِلَى الْفَهْمِ. فَلَوْ طَهَّرَ عَيْزُهُ مِنَ الْمَانِعِ لَفَاتَ الْإِمْتِنَانُ بِهِ وَلَمَّا وَجِبَ التَّيَمُّمُ لَفَقِدَهُ وَلَا عَسَلَ الْبَوْلُ بِهِ.

20. Demikian itu kerana kata Allah taala hal keadaan Dia membilangkan air sebagai ni'mat ((dan Kami turunkan dari langit itu air yang menyucikan)) dan kataNya taala ((kemudian mereka itu tidak menemui air maka hendaklah mereka tuju kepada tanah yang baik)) dan kata nabi sawm ketika seorang darat kencing didalam masjid ((jiruskan keatasnya setimba air)), meriwayatkanya dua syeikh. "ذَنْبُوبٌ" dengan fathah dzal adalah timba yang penuh dengan air. Perintah itu untuk wajib. "Air" terpalang kepada yang tidak dikaitkan kerana cepatnya kepada difahami. Maka kalaulah secair selainnya boleh menyucikan nescaya tidak berfaedah membilangnya sebagai ni'mat, dan tentu tidak wajib tayammum kerana luputnya dan tidak wajib basuh kencing dengannya.

وَتَعْبِيرِي بِمَا ذُكِرَ شَامِلٍ لَطَهْرِ الْمُسْتَحَاضَةِ وَنَحْوِهَا وَلِلطَّهْرِ الْمَسْنُونِ. بِخِلَافِ قَوْلِ الْأَصْلِ : يُشْتَرَطُ لِرَفْعِ الْحَدَثِ وَالنَّجَسِ مَاءً مُطْلَقًا.

21. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan itu meliputi thaharah perempuan mustahadhah dan umpamanya dan thaharah yang sunat. Bersalahan kata asal "disyaratkan air mutlak untuk mengangkat hadath dan menyucikan najis".

(فَمَتَّعِيرٌ بِمُخَالِطٍ) وَهُوَ مَا لَا يَتَمَيَّزُ فِي رَأْيِ الْعَيْنِ، بِخِلَافِ الْمَجَاوِرِ (طَاهِرٌ مُسْتَعْنَى عَنْهُ) كَرَفْرَانَ وَمَذْيٍّ (تَغْيِيرًا يَمْنَعُ) لِكَثْرَتِهِ (الِاسْمُ)، أَيْ إِطْلَاقِ اسْمِ الْمَاءِ عَلَيْهِ وَلَوْ كَانَ التَّغْيِيرُ تَقْدِيرِيًّا؛ بِأَنَّ اخْتِلَاطَ بِالْمَاءِ مَا يُوَافِقُهُ فِي صِفَاتِهِ كَمَاءِ مُسْتَعْمَلٍ، فَيَقْدَرُ مُخَالَفًا لَهُ فِي أَحَدِهَا. (عَيْزٌ مُطَهَّرٌ)، سِوَاءَ أَكَانَ قَلَّتَيْنِ أَمْ لَا فِي عَيْزِ الْمَاءِ الْمُسْتَعْمَلِ بِقَرِينَةٍ مَا يَأْتِي، لِأَنَّهُ لَا يُسَمَّى مَاءً. وَلِهَذَا لَوْ حَلَفَ لَا يَشْرَبُ مَاءً فَشَرِبَ مِنْ ذَلِكَ لَمْ يَحْنَثْ.

22. (Maka air yang berubah dengan suatu yang bergaul) iaitu apa yang tidak terbeza pada pandangan mata, bersalahan yang berjiran, (yang suci yang air terkaya darinya⁴) seperti za'faran dan mani (dengan perubahan yang menegah) kerana kuatnya (akan nama air) iaitu dituturkan nama air keatasnya tanpa kaid, walaupun perubahan itu pada takdir dengan bahawa bergaul dengan air itu apa yang menyamainya pada sifat-sifat seperti air musta'mal, maka ditakdirkan ia sebagai benda yang menyalahinya pada satu daripada sifat-sifatnya. (adalah tidak menyucikan), samaada ianya dua kolah atau tidak pada selain air musta'mal dengan karenah apa

⁴ Bersalahan apa yang air tidak terkaya darinya seperti belerang pada tempat laluannya. Maka ia tidak dapat dielakkan.

yang akan datang, kerana ia tidak dinamakan air. Kerana ini kalau seorang bersumpah tidak akan minum air maka dia minum air yang sebegitu dia tidak melanggar sumpah.

(لَا تُرَابٍ وَمِلْحٍ مَاءٍ، وَإِنْ طُرِحَا فِيهِ)، تَسْهِيلاً عَلَى الْعِبَادِ أَوْ لِأَنَّ التَّغْيِيرَ بِالتُّرَابِ لِكَوْنِهِ كُدُورَةً وَبِالمِلْحِ المَائِيِّ لِكَوْنِهِ مُنْعَقِدًا مِنَ المَاءِ لَا يَمْنَعُ إِطْلَاقَ اسْمِ المَاءِ عَلَيْهِ، وَإِنْ أَشْبَهَ التَّغْيِيرُ بِهِمَا فِي الصُّورَةِ التَّغْيِيرَ الكَثِيرَ بِمَا مَرَّ. فَمَنْ عَلَّلَ بِالأَوَّلِ قَالَ : إِنَّ المُتَغْيِرَ بِهِمَا غَيْرُ مُطْلَقٍ، وَمَنْ عَلَّلَ بِالثَّانِي قَالَ : إِنَّهُ مُطْلَقٌ. وَهُوَ الأشْهَرُ، وَالأَوَّلُ أَفْعَدُ.

23. (tidak dengan tanah dan garam air, sekalipun keduanya dicampakkan kedalamnya) kerana memudahkan hamba atau kerana perubahan dengan tanah kerana keadaannya keruh dan dengan garam air kerana keadaannya membeku dari air tidak menegah dari dituturkan keatasnya nama air tanpa kaid, sekalipun perubahan dengan keduanya itu pada rupa adalah mirip dengan perubahan yang banyak dengan apa yang telah lalu itu. Maka orang yang meng'illat dengan yang pertama dia berkata : air yang berubah dengan keduanya tidak mutlak, sementara orang yang meng'illat dengan yang kedua berkata : ianya mutlak. Yang kedua ini yang paling masyhur, sementara yang pertama lebih kena dengan kaedah.

وَخَرَجَ بِمَا ذَكَرَ التَّغْيِيرُ بِمَجَاوِرِ كَذْهْنٍ وَعُودٍ وَلَوْ مُطَيَّبِينَ وَيَمَكْتُ وَيَمَا فِي مَقَرِّ المَاءِ وَمَمَرِّهِ وَإِنْ مَنَعَ الاسْمُ، وَالتَّغْيِيرُ بِمَا لَا يَمْنَعُ الاسْمَ لَقَلَّتْهُ فِي الأَخِيرَةِ، وَلِأَنَّ التَّغْيِيرَ بِالمَجَاوِرِ لِكَوْنِهِ تَرَوْحًا لَا يَضُرُّ كَالتَّغْيِيرِ بِحَبِيبَةِ قَرِيبَةِ مِنَ المَاءِ. وَأَمَّا التَّغْيِيرُ بِالبَقِيَّةِ فَلْتَعَذَّرَ صَوْنُ المَاءِ عَنْهَا أَوْ لِأَنَّهُ، كَمَا قَالَ الرَّافِعِيُّ تَبَعًا لِلإِمَامِ، لَا يَمْنَعُ تَغْيِيرَهُ بِهَا إِطْلَاقَ الاسْمِ عَلَيْهِ، وَإِنْ وَجِدَ الشَّبَهَ المُذْكَورَ.

24. Keluar dengan perubahan dengan benda yang bergaul itu oleh perubahan dengan benda yang berjiran i.e mujawir⁵ seperti minyak dan gaharu walaupun yang wangi, dan dengan sebab diam yang lama dan dengan apa yang ada pada tempat tetap air dan tempat lalunya, sekalipun perubahan ini menegah nama air tanpa kait, dan keluar oleh perubahan dengan barang yang tidak menegah nama air kerana sedikitnya pada masaalah yang akhir ini⁶, dan kerana perubahan dengan benda mujawir itu kerana keadaannya jangkitan bau adalah tidak memudharatkan sama seperti perubahan dengan bangkai yang dekat dengan air. Adapun perubahan dengan yang tinggal lagi⁷ maka kerana teruzur menjaga air darinya atau kerana perubahan dengannya tidak menegah dari diitlakkan nama air keatasnya, sepertimana kata Rafi'e kerana mengikut al imam, sekalipun didapati persamaan yang tersebut. *

وَالتَّصْرِيحُ بِالمِلْحِ المَائِيِّ مِنْ زِيَادَتِي وَخَرَجَ بِالمَائِيِّ الجَبَلِيِّ فَيَضُرُّ التَّغْيِيرُ الكَثِيرُ بِهِ إِنْ لَمْ يَكُنْ بِمَقَرِّ المَاءِ أَوْ مَمَرِّهِ. وَأَمَّا التَّغْيِيرُ بِالنَّجَسِ المَفْهُومِ مِنْ طَاهِرٍ فَسَيَّاتِي

25. Menjelaskan garam air adalah daripada tambahan ku. Keluar dengan air oleh garam bukit maka perubahan yang kuat dengannya memudharatkan, jika ia tidak berada pada tempat tetap air atau tempat lalunya. Adapun perubahan dengan najis yang difaham dari “yang suci” maka akan datang.

(وَكُرْهُ شَدِيدٌ حَرٌّ وَبَرْدٌ)، مِنْ زِيَادَتِي، أَيْ اسْتِعْمَالُهُ لِمَنْعِهِ الإِسْبَاحَ. نَعَمْ، إِنْ فُقدَ غَيْرُهُ وَصَاقَ الوَقْتُ وَجَبَ أَوْ خَافَ مِنْهُ ضَرَرًا حَرْمًا. وَخَرَجَ بِالشَّدِيدِ المُعْتَدَلِ وَلَوْ مُسَخَّنًا بِنَجَسٍ فَلَا يَكْرَهُ.

26. (Makruh oleh yang kuat panas dan sejuk), daripada tambahan ku, iaitu makruh penggunaannya kerana ia menegah rata. Na'am, jika luput selainya dan sempit waktu solat wajib

⁵ Yang terbeza dengan pandangan mata.

⁶ Iaitu katanya “dengan apa yang tidak mengubah nama”.

⁷ Perubahan dengan diam lama dan dengan apa yang ada pada tempat tetap dan tempat lalunya.

ia, atau dibimbangkan mudharat kerananya haram ia. Keluar dengan yang kuat oleh yang sederhana walaupun yang dipanaskan dengan najis, maka ia tidak makruh.

(وَ) كُرْهٌ (مُتَشَمَّسٌ بِشَرْوِطِهِ) الْمَعْرُوفَةُ، بِأَنْ يَتَشَمَّسَ فِي إِنَاءٍ مُنْطَبِعٍ غَيْرِ نَقْدِ كَحَدِيدٍ، بِفِطْرِ حَارٍّ كَالْحَجَّازِ، فِي بَدَنِ، وَلَمْ يَبْرُدْ، خَوْفَ الْبَرَصِ لِأَنَّ الشَّمْسَ بِحَدِّتِهَا تَفْصِلُ مِنَ الْإِنْدَاءِ زُهْمَةً تَعْدُو الْمَاءَ. فَإِذَا لَاقَتْ الْبَدْنَ بِسُخُونَتِهَا خِيفَ أَنْ تُقْبِضَ عَلَيْهِ فَتَحْبِسَ الدَّمَ فَيَحْصُلَ الْبَرَصُ.

27. (Makruh air yang terjemur matahari dengan syarat-syaratnya) yang makruf, dengan bahawa ia terjemur pada bejana yang ditempa yang selain emas-perak seperti besi, pada rantau yang panas seperti hijaz, pada tubuh, dan ia tidak sejuk semula, kerana takutkan sopak, kerana matahari dengan sebab tajamnya meceraikan dari bejana itu akan karatnya yang naik kepermukaan air itu. Maka bila ia bersentuh dengan tubuh dengan keadaan panasnya ditakuti ia melekat padanya maka ia menahan darah lalu terhasil sopak.

فَلَا يَكْرَهُ الْمُسَخَّنُ بِالنَّارِ كَمَا مَرَّ لِدَهَابِ الزُّهْمَةِ بِهَا، وَلَا مُتَشَمَّسٌ فِي غَيْرِ مُنْطَبِعٍ كَالْخَرْفِ وَالْحِيَاضِ، وَلَا مُتَشَمَّسٌ بِمُنْطَبِعٍ نَقْدٍ لَصَفَاءِ جَوْهَرِهِ، وَلَا مُتَشَمَّسٌ بِقَطْرِ بَارِدٍ أَوْ مُعْتَدِلٍ، وَلَا اسْتِعْمَالُهُ فِي غَيْرِ بَدَنِ، وَلَا إِذَا بَرَّدَ كَمَا صَحَّحَهُ النَّوَوِيُّ، عَلَى أَنَّهُ اخْتَارَ مِنْ جِهَةِ الدَّلِيلِ عَدَمَ كِرَاهَةِ الْمُتَشَمَّسِ مُطْلَقًا. وَتَعْبِيرِي بِمُتَشَمَّسٍ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِمُتَشَمَّسٍ وَقَوْلِي بِشَرْوِطِهِ مِنْ زِيَادَتِي .

28. Maka tidak makruh air yang dipanaskan dengan api sepertimana yang telah lalu kerana hilang karat padanya, dan tidak yang terjemur pada selain bejana yang ditempa seperti tembikar dan kolam, dan tidak air yang terjemur pada bejana yang ditempa dari emas-perak kerana murni jauharnya, dan tidak yang terjemur pada rantau yang sejuk atau sederhana, dan tidak penggunaannya pada selain tubuh, dan tidak bila ia telah sejuk sepertimana disahkan oleh Nawawi. Walaubagaimanapun dari pihak dalil dia memilih tidak ada karahah air yang terjemur matahari semata-mata. Ibarat aku dengan "yang terjemur matahari" terutama dari ibaratnya dengan "yang dijemur pada matahari", dan kata aku "dengan syarat-syaratnya" adalah dari tambahan ku.

(وَالْمُسْتَعْمَلُ فِي فَرْضِ) مِنْ طَهَارَةِ الْحَدَثِ كَالْعَسَلَةِ الْأَوْلَى وَلَوْ مِنْ طَهْرٍ صَاحِبِ ضَرُورَةٍ (غَيْرُ مَطَهَّرٍ إِنْ قَالِ) ؛ لِأَنَّ الصَّحَابَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ لَمْ يَجْمَعُوا الْمُسْتَعْمَلُ فِي أَسْفَارِهِمُ الْقَلِيلَةَ مِنَ الْمَاءِ لِيَتَطَهَّرُوا بِهِ، بَلْ عَدَلُوا عَنَّهُ إِلَى التَّيْمَمِ ؛ وَلِأَنَّهُ أَرَادَ الْمَانِعَ.

29. (Air yang telah digunakan pada fardhu) menyucikan hadath seperti air basuhan pertama, walaupun pada bersuci orang yang punya dharurat, (tidak menyucikan jika sedikit), kerana para sahabat radhiallahu anhum tidak mengumpulkan air yang telah digunakan pada perjalanan-perjalanan mereka yang kekurangan air untuk mereka bersuci dengannya, bahkan mereka berpaling darinya kepada tayammum, dan kerana air itu telah menghilangkan mani⁸.

فَإِنْ قُلْتَ : طَهُورٌ فِي الْآيَةِ السَّابِقَةِ بِوَزْنِ فَعُولٍ ؛ فَيَقْتَضِي تَكَرَّرَ الطَّهَارَةِ بِالْمَاءِ. قُلْتَ : فَعُولٌ يَأْتِي اسْمًا لِلْأَلَةِ كَسُحُورٍ لِمَا يُسَحَّرُ بِهِ، فَيَجُوزُ أَنْ يَكُونَ طَهُورٌ كَذَلِكَ. وَلَوْ سَلِمَ اقْتِضَاؤُهُ التَّكَرَّرَ فَالْمُرَادُ جَمْعًا بَيْنَ الْأَدِلَّةِ ثُبُوتُ ذَلِكَ لِجِنْسِ الْمَاءِ أَوْ فِي الْمَحَلِّ الَّذِي يَمُرُّ عَلَيْهِ ؛ فَإِنَّهُ يَطَهِّرُ كُلَّ جُزْءٍ مِنْهُ.

30. Maka jika kamu katakan : "طَهُورٌ" pada ayat yang lalu adalah dengan wazan "فَعُولٌ" maka ia menuntut berulang kali thaharah dengan air. Aku kata : "فَعُولٌ" datang sebagai nama bagi alat seperti "سُحُورٌ" bagi benda yang dibuat sahur dengannya, maka harus bahawa "طَهُورٌ" seperti itu, dan kalau diserahkan bahawa ia menuntut berulang kali maka yang dikehendaki dengan kita himpulkan diantara dalil-dalil adalah sabit demikian itu bagi jenis air atau pada tempat yang ia lalu diatasnya, maka ia menyucikan setiap juzuk daripadanya.

⁸ Iaitu telah mengangkat hadath. Maka ia tidak boleh mengangkatnya lagi.

وَالْمُسْتَعْمَلُ لَيْسَ بِمُطْلَقٍ عَلَى مَا صَحَّحَهُ النَّوَوِيُّ، لَكِنْ جَزَمَ الرَّافِعِيُّ بِأَنَّهُ مُطْلَقٌ وَهُوَ الصَّحِيحُ عِنْدَ الْأَكْثَرِينَ، لَكِنْ مُنَعٌ مِنَ اسْتِعْمَالِهِ تَعْبُدًا، فَهُوَ مُسْتَنْتَى مِنَ الْمُطْلَقِ.

31. Air musta'mal itu bukannya air mutlak diatas apa yang disahkan oleh Nawawi, tetapi Rafi'e jazam dengan bahawa ianya mutlak dan ianya sah disisi kebanyakan ulamak, Cuma ditegah penggunaannya kerana ibadat, maka ia dikecualikan dari air yang mutlak.

وَالْمُرَادُ بِالْفَرْضِ مَا لَا بُدَّ مِنْهُ، أَيْ بِيَرْكِهِ أَمْ لَا، عِبَادَةٌ كَانَتْ أَمْ لَا. فَيَشْمَلُ مَا تَوَضَّأَ بِهِ الصَّبِيُّ وَمَا اغْتَسَلَتْ بِهِ الدَّمِيَّةُ لِتَحَلِّ لِحَالِهَا الْمُسْلِمِ. أَمَّا إِذَا كَثُرَ ابْتِدَاءٌ أَوْ انْتِهَاءٌ بِأَنْ جُمِعَ حَتَّى كَثُرَ فَمُطَهَّرٌ، وَإِنْ قَلَّ بَعْدَ تَفْرِيقِهِ لِأَنَّ الطَّاهِرِيَّةَ إِذَا عَادَتْ بِالْكَثْرَةِ كَمَا يُعْلَمُ مِمَّا يَأْتِي فَالطَّاهِرِيَّةُ أَوْلَى.

32. Yang dikehendaki dengan fardhu adalah apa yang tidak dapat tidak darinya, berdosa seorang dengan meninggalkannya atau tidak, ibadat ada ia atau tidak. Maka ia meliputi air yang digunakan buat berwudhuk oleh kanak-kanak dan air yang diguna buat mandi oleh perempuan zimmi yang berjunub supaya dia halal bagi lelaki halalnya yang islam. Adapun bila ianya banyak pada permulaan atau penghujung dengan bahawa ia dikumpulkan hingga ia menjadi banyak maka ia menyucikan, sekalipun ia jadi sedikit selepas menceraikannya, kerana keadaan yang menyucikan bila kembali dengan sebab banyak, sepertimana diketahui dari apa yang akan datang, maka keadaan menyucikan terutama.

وَخَرَجَ بِالْفَرْضِ الْمُسْتَعْمَلُ فِي غَيْرِهِ كَالغَسَلَةِ الثَّانِيَةِ وَالثَّلَاثَةِ وَالْوُضُوءِ الْمَجْدَّدُ فَمُطَهَّرٌ لِانْتِفَاءِ الْعِلَّةِ. وَسَيَأْتِي الْمُسْتَعْمَلُ فِي النَّجَاسَةِ فِي بَابِهَا.

33. Keluar dengan "fardhu" oleh air yang telah digunakan pada selain fardhu seperti air basuhan yang kedua dan ketiga dan air basuhan wudhuk yang diperbaharui maka ianya menyucikan kerana ternafi illat. Akan datang air yang telah digunakan pada menyucikan najis pada babnya.

(وَلَا تَنْجُسُ قَلْتًا مَاءً وَهَمَّا خَمْسِمِائَةَ رِطْلٍ) بِكَسْرِ الرَّاءِ أَفْصَحُ مِنْ فَتْحِهَا (بَعْدَادِيٌّ تَقْرِيْبًا بِمِلَاقَةِ نَجَسٍ) لَخَبْرٍ { إِذَا بَلَغَ الْمَاءُ قَلْتَيْنِ لَمْ يَحْمَلْ خَبْنًا }، رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ. وَفِي رِوَايَةٍ { فَإِنَّهُ لَا يَنْجُسُ }، وَهُوَ الْمُرَادُ بِقَوْلِهِ " لَمْ يَحْمَلْ خَبْنًا " أَيْ يَدْفَعُ النَّجَسَ وَلَا يَقْبَلُهُ.

34. (Tidak bernajis dua kolah air iaitu lima ratus kati) –"رطل" dengan kasrah ra' lebih fasih dari fathahnya- (baghdadi, lebih kurang, dengan sebab bersentuh najis), kerana khabar ((bila air sampai dua kolah ia tidak menanggung najis)), meriwayatkannya Ibnu Hibban dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Pada satu riwayat lain ((maka ia tidak bernajis)) yang mana ia yang dikehendaki dengan katanya "tidak menanggung najis" iaitu menolak najis dan tidak menerimanya.

وَفِي رِوَايَةٍ { إِذَا بَلَغَ الْمَاءُ قَلْتَيْنِ مِنْ قَلِيلِ هَجَرَ }، وَالْوَّاحِدَةُ مِنْهَا قَدَرُهَا الشَّافِعِيُّ أَخَذًا مِنْ ابْنِ جُرَيْجِ الرَّائِي لَهَا بِقَرْبَتَيْنِ وَنِصْفٍ مِنْ قَرَبِ الْحِجَازِ. وَوَأَحَدُهَا لَا تَزِيدُ غَالِبًا عَلَى مِائَةِ رِطْلٍ بَعْدَادِيٌّ. وَسَيَأْتِي بَيَانُهُ فِي رِكَاتِ النَّابِتِ. وَهَجَرَ بِفَتْحِ الْهَاءِ وَالْحِيمِ قَرْيَةٌ بِقَرَبِ الْمَدِينَةِ النَّبَوِيَّةِ.

35. Pada satu riwayat yang lain ((bila air sampai dua kolah daripada kolah-kolah Hajar)). Satu unit daripadanya ditakdirkan oleh Syafi'e dengan dia mengambil faham dari Ibnu Juraij yang melihatnya dengan dua qirbah setengah daripada qirbah-qirbah Hijaz. Dan satu unitnya ghalibnya tidak lebih dari seratus kati baghdadi. Akan datang keterangannya pada zakat tumbuhan. Hajar adalah satu kampung berdekatan dengan Madinah Nabi.

وَالْقُلْتَانِ بِالمَسَاحَةِ فِي المَرَبَعِ ذِرَاعٌ وَرُبْعٌ طَوْلًا وَعَرْضًا وَعَمَقًا، بِذِرَاعِ الأَدَمِيِّ وَهُوَ شِبْرَانِ تَقْرِيْبًا. وَالمَعْنَى بِالتَّقْرِيْبِ فِي الخُمْسَمَانَةِ أَنَّهُ لَا يَضُرُّ نَفْسُ رَطْبَيْنِ عَلَيَّ مَا صَحَّحَهُ النَّوَوِيُّ فِي رَوْضَتِهِ، لَكِنَّهُ صَحَّحَ فِي تَحْقِيقِهِ مَا جَزَمَ بِهِ الرَّافِعِيُّ أَنَّهُ لَا يَضُرُّ نَفْسٌ قَدْرٌ لَا يَظْهَرُ بِنَقْصِهِ تَفَاوُتٌ فِي التَّغْيِيرِ بِقَدْرٍ مُعَيَّنٍ مِنَ الأَشْيَاءِ المُغْيِرَةِ.

36. Dua kolah itu dengan ukuran pada bejana empat segi adalah satu hasta suku panjang lebar dan dalam dengan hasta anak adam iaitu hampir dua jengkal. Makna dengan hampir pada lima ratus kati itu bahawa tidak memudharatkan kurang dua kati, diatas apa yang disahkan oleh Nawawi didalam Raudhah-nya, tetapi dia mengesahkan didalam Tahkik-nya akan apa yang Rafi'e jazamkan bahawa tidak memudharatkan kurang kadar yang tidak nampak dengan sebab kurangnya oleh lebih kurang pada perubahan sifat dengan kadar yang tertentu daripada benda-benda yang mengubah sifat air.

(فَإِنْ غَيَّرَهُ) وَلَوْ يَسِيرًا أَوْ تَغْيِيرًا تَقْدِيرِيًّا (فَجَسَّ) بِالْإِجْمَاعِ المُخَصَّصِ لِخَبَرِ السَّابِقِ، وَلِخَبَرِ التَّرْمِذِيِّ وَغَيْرِهِ { المَاءُ لَا يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ }.

37. (Maka jika ia mengubahnya) walaupun sedikit atau dengan perubahan yang ditakdirkan (maka ianya najis) dengan ijmak yang mengkhususkan khabar yang lalu itu, dan kerana khabar Turmizi dan selainnya ((air⁹ tidak dinajiskan oleh sesuatu)).

فَلَوْ تَغْيِيرٌ بِجِيفَةٍ عَلَيَّ الشَّطِّ لَمْ يُؤْتِرْ كَمَا أَفْهَمَهُ التَّفْهِيمُ بِالمَلَأَقَةِ. وَإِنَّمَا أَثَرَ التَّغْيِيرِ اليَسِيرِ بِالتَّجَسُّسِ بِخِلَافِهِ فِي الطَّاهِرِ لِغَلْظِ أَمْرِهِ. أَمَّا إِذَا غَيَّرَ بَعْضُهُ فَالمُتَغَيَّرُ نَجَسٌ، وَكَذَا البَاقِي إِنْ لَمْ يَبْلُغْ قُلْتَيْنِ.

38. Maka kalau ia berubah dengan bangkai diatas tebing ia tidak memberi kesan sepertimana difahamkan oleh kaid bertemu itu. Perubahan yang sedikit berkesan pada najis bersalahan pada benda suci hanyalah kerana berat pekerjaan najis itu. Adapun bila ia mengubah sebahagiannya maka yang berubah itu najis, begitu juga bakinya jika ia tidak sampai dua kolah.

(فَإِنْ زَالَ تَغْيِيرُهُ) الأَحْسَى أَوْ التَّقْدِيرِيُّ (بِنَفْسِهِ) أَي لَا بَعَيْنَ، كَطَوْلِ مُكْتٍ (أَوْ بِمَاءٍ) انْضَمَّ إِلَيْهِ وَلَوْ نَجَسًا أَوْ أَخَذَ مِنْهُ وَالبَاقِي قُلْتَانِ (طَهَّرَ) لِانْتِفَاءِ عِلَّةِ التَّنَجِّيسِ. وَلَا يَضُرُّ عَوْدُ تَغْيِيرِهِ إِذَا خَلَا عَنْ نَجَسِ جَامِدٍ. أَمَّا إِذَا زَالَ حَسَبًا بِغَيْرِ هَمَا كَمَسْكَ وَتُرَابٍ وَخَلَّ فَلَا يَطْهَرُ لِلشَّكِّ فِي أَنَّ التَّغْيِيرَ زَالَ أَوْ اسْتَتَرَ، بَلْ الظَّاهِرُ أَنَّهُ اسْتَتَرَ. فَإِنْ صَفَا المَاءُ وَلَا تَغْيِيرَ بِهِ طَهَّرَ.

39. (Maka jika hilang perubahannya) yang jenis zahir atau jenis takdir (dengan sendiri) iaitu bukan dengan 'ain, seperti lama diamnya (atau dengan air) yang dicampurkan kepadanya walaupun air najis atau dengan diambil darinya walhal bakinya dua kolah (sucilah ia) kerana ternafi 'illat jadi najisnya. Tidak memudharatkan kembali perubahannya bila ia sunyi dari najis keras. Adapun bila perubahan itu hilang pada zahir dengan selain keduanya seperti dengan kasturi dan tanah dan cuka maka ia tidak suci kerana syak pada bahawa perubahan itu hilang atau terlindung, bahkan yang zahirnya bahawa ianya terlindung. Maka jika air itu jadi murni dan tidak ada perubahan dengannya sucilah ia.

(وَ) المَاءُ (دُونَهُمَا) أَي القُلْتَيْنِ وَلَوْ جَارِيًا (يَنْجُسُ كَرَطِبٍ غَيْرِهِ) كَرَيْتِ وَإِنْ كَثُرَ (بِمَلَأَقَاتِهِ) أَي النَّجَسِ. أَمَّا المَاءُ فَلَمَفْهُومٌ خَبَرِ القُلْتَيْنِ السَّابِقِ المُخَصَّصِ لِمَنْطُوقِ خَبَرِ { المَاءُ لَا يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ } السَّابِقِ. نَعَمْ، إِنْ وَرَدَ عَلَيَّ النَّجَاسَةِ فَفِيهِ تَفْصِيلٌ يَأْتِي فِي بَابِهَا. وَأَمَّا غَيْرُ المَاءِ مِنَ الرُّطْبِ فَبِالأُولَى. وَفَارَقَ كَثِيرُ المَاءِ كَثِيرَ غَيْرِهِ بِأَنَّ كَثِيرَهُ قَوِيٌّ وَيَشُقُّ حِفْظَهُ مِنَ النَّجَاسَةِ، بِخِلَافِ غَيْرِهِ وَإِنْ كَثُرَ. وَخَرَجَ بِالرُّطْبِ الجَافِ. وَتَعْبِيرِي بِرَطْبِ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِمَاعٍ.

⁹ Bila sampai dua kolah.

40. Air (yang kurang dari dua kolah) walaupun yang mengalir (bernajis, sama seperti benda basah selainnya) seperti minyak, sekalipun banyak, (dengan sebab bertemu najis). Adapun air maka kerana mafhum khabar dua kolah yang lalu itu yang mengkhususkan mantuq khabar ((air dua kolah tidak dinajiskan oleh sesuatu)) yang telah lalu. Na'am, jika ia datang keatas najis maka padanya perincian yang akan datang pada babnya. Adapun selain air daripada benda-benda basah maka lebih terutama. Air yang banyak melaini selainnya dengan bahawa air yang banyak itu kuat dan susah menjaganya dari najis, bersalahan selainnya sekalipun banyak. Keluar dengan benda basah oleh benda kering. Ibarat ku dengan "basah" lebih umum dari ibaratnya dengan "cecair".

(لَا بِمَلَأَقَاةٍ مَيْتَةٍ لَا يَسِيلُ دَمُهَا) عِنْدَ شَقِّ عَضْوٍ مِنْهَا فِي حَيَاتِهَا كَذُبَابٍ وَخُنْفَسَاءٍ (وَلَمْ تُطْرَخْ) فِيهِ (وَ) لَا بِمَلَأَقَاةٍ (نَجَسٍ لَا يُدْرِكُهُ طَرْفٌ) أَي بَصَرَ لِقَلْتِهِ كَنَفْطَةٍ بَوْلٍ (وَ) لَا بِمَلَأَقَاةٍ (نَحْوِ ذَلِكَ) كَقَلِيلٍ مِنْ شَعْرِ نَجَسٍ، وَمِنْ دُخَانٍ نَجَسٍ وَكَغَبَارِ سِرْجَيْنِ وَحَيَوَانٍ مُتَنَجِّسٍ الْمَنْفَعِدِ غَيْرِ آدَمِيِّ.

41. (Tidak dengan bertemu dengan bangkai yang tidak mengalir darahnya) disisi dikoyakkan satu anggotanya pada masa hidupnya seperti lalat dan lipas, (yang tidak dicampakkan ia) kedalamnya, (dan) tidak dengan bertemu dengan (najis yang tidak didapat oleh pandangan mata) kerana sedikitnya seperti percikkan kencing, (dan) tidak dengan bertemu dengan (umpama demikian itu) seperti sedikit bulu najis dan asap najis dan debu tahi kering dan haiwan yang bernajis manfaznya yang selain anak adam.

وَذَلِكَ لِمَشَقَّةِ الْإِحْتِرَازِ عَنْهَا، وَالْخَبَرِ الْبُخَارِيِّ { إِذَا وَقَعَ الذُّبَابُ فِي شَرَابٍ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْمِسْهُ كُلَّهُ ثُمَّ لِيَنْزِعْهُ فَإِنَّ فِي أَحَدِ جَنَاحَيْهِ دَاءٌ وَفِي الْآخَرِ شِفَاءٌ } . زَادَ أَبُو دَاوُدَ ((وَأَنَّهُ يَتَّقِي بِجَنَاحِهِ الَّذِي فِيهِ الدَّاءُ))، وَقَدْ يُفْضِي عَمْسُهُ إِلَى مَوْتِهِ فَلَوْ نَجَسَ لَمَا أَمَرَ بِهِ. وَقَيْسَ بِالذُّبَابِ مَا فِي مَعْنَاهُ. فَإِنَّ غَيْرَتَهُ الْمَيْتَةَ لَكَثُرَتْهَا أَوْ طَرَحَتْ فِيهِ تَنَجَّسَ. وَقَوْلِي "وَلَمْ تُطْرَخْ" وَ"نَحْوِ ذَلِكَ" مِنْ زِيَادَتِي. وَتُعْتَبَرُ الْقَلَّةُ بِالْعُرْفِ.

42. Demikian itu kerana payah memelihara darinya dan kerana khabar Bukhari ((bila jatuh lalat kedalam minuman seorang dari kamu maka selamatkanlah ia semuanya kemudian keluarkan ia, maka sungguh pada satu daripada dua kepaknya ada penyakit dan pada yang satu lagi ada penawar)). Abu Daud menambah ((dan bahawa ia menjaga kepaknya yang ada penyakit padanya¹⁰)), terkadang menyelamkannya membawa kepada matinya maka kalau ia menajiskan tentu nabi sawm tidak suruh melakukannya. Dikiaskan dengan lalat akan apa yang pada maknanya. Maka jika bangkai itu mengubahnya kerana banyaknya atau dicampakkan kedalamnya ia menjadi najis. Kata ku "dan tidak dicampakkan" dan "umpama demikian itu" daripada tambahan ku. Diiktibarkan sedikit itu dengan 'uruf.

(فَإِنْ بَلَغَهُمَا) أَي الْمَاءِ النَّجَسُ الْقَلَّتَيْنِ (بِمَاءٍ وَلَا تَغْيِرَ بِهِ فَطَهُورٌ) لِمَا مَرَّ فَإِنْ لَمْ يَبْلُغَهُمَا أَوْ بَلَغَهُمَا بِغَيْرِ مَاءٍ أَوْ بِهِ مُتَغَيِّرًا لَمْ يَطْهُرْ لِبَقَاءِ عَلَّةِ التَّنَجِّيسِ .

43. (Maka jika ia sampai kepada keduanya) iaitu sampai air najis itu kepada dua kolah (dengan air yang lain dan tidak ada perubahan maka ia menyucikan) kerana apa yang telah lalu. Maka jika ia tidak sampai dua kolah atau sampai dengan selain air atau dengan air mutaghayyir ia tidak jadi suci kerana kekal 'illat jadi najisnya.

(وَالتَّغْيِيرُ الْمَوْتَرُ) بِطَاهِرٍ أَوْ نَجَسٍ تَغْيِيرُ طَعْمٍ أَوْ لَوْنٍ أَوْ رِيحٍ. وَخَرَجَ بِالْمَوْتَرِ بِطَاهِرٍ التَّغْيِيرُ الْيَسِيرُ بِهِ، وَبِالْمَوْتَرِ بِنَجَسٍ التَّغْيِيرُ بِجِيفَةٍ قُرْبَ الْمَاءِ، وَقَدْ مَرَّ. وَيُعْتَبَرُ فِي التَّغْيِيرِ التَّقْدِيرِيُّ بِالطَّاهِرِ الْمُخَالَفِ الْوَسَطِ الْمُعْتَدِلِ، وَبِالنَّجَسِ الْمُخَالَفِ الْأَشَدِّ.

¹⁰ Iaitu ia usaha menjatuhkannya kedalam air. Dikatakan yang kiri.

44. **(Perubahan yang berkesan)** dengan benda suci atau najis adalah perubahan rasa atau warna atau bau. Keluar dengan “yang berkesan dengan benda suci” oleh perubahan yang sedikit dengannya, dan dengan “yang berkesan dengan najis” oleh perubahan dengan bangkai berdekatan air, yang mana keduanya telah lalu. Diktibarkan pada perubahan pada takdir dengan benda suci menyalahi sifat air yang pertengahan, dan dengan najis akan benda yang menyalahi sifat air yang keras.

(وَلَوْ اشْتَبَهَ) عَلَى أَحَدٍ (طَاهِرٌ أَوْ طَهُورٌ بغيره) مِنْ مَاءٍ أَوْ غَيْرِهِ كَمَا أَفَادَهُ كَلَامُهُ فِي شُرُوطِ الصَّلَاةِ (اجْتِهَادٌ) فِيهِمَا جَوَازًا إِنْ قَدَرَ عَلَى طَاهِرٍ أَوْ طَهُورٍ بَيِّنِينَ، وَوَجُوبًا إِنْ لَمْ يَقْدِرْ وَخَافَ ضَيْقَ الْوَقْتِ. وَذَلِكَ بِأَنْ يَبْحَثَ عَمَّا يُبَيِّنُ النَّجْسَ مَثَلًا مِنَ الْأَمَارَاتِ كَرَشَاشٍ حَوْلَ إِيَّانِهِ أَوْ قُرْبِ كَلْبٍ مِنْهُ. هَذَا (إِنْ بَقِيَ). وَإِلَّا فَلَا اجْتِهَادَ، خِلَافًا لِمَا صَحَّحَهُ الرَّافِعِيُّ فِيمَا إِذَا تَلَفَ أَحَدُهُمَا.

45. **(Kalau kesamaran)** diatas seorang (suatu yang suci atau yang menyucikan dengan yang tidaknya) daripada air atau selainnya, sepertimana difahamkan oleh kata-katanya pada syarat-syarat sembahyang, **(dia berijtihad)** pada keduanya diatas jalan harus jika dia mampu mendapatkan yang suci atau yang menyucikan yang lain dengan yakin, dan diatas jalan wajib jika dia tidak mampu dan takut sempit waktu. Demikian itu dengan bahawa dia menyelidik apa yang boleh menerangkan najisnya, sebagai contoh, daripada tanda-tanda seperti percikkan najis keliling bejana atau dekat anjing dengannya. Ini **(jika keduanya masih ada)**. Jika tidak, maka tidak ada ijtihad, bersalahan apa yang disahkan oleh Rafi'e pada keadaan apabila satu daripada keduanya telah binasa.

وَشَمَلَ مَا ذَكَرَ الْأَعْمَى لِأَنَّهُ يُدْرِكُ الْأَمَارَةَ بِالْمَسِّ وَغَيْرِهِ، وَمَنْ قَدَرَ عَلَى طَاهِرٍ أَوْ طَهُورٍ بَيِّنِينَ كَمَا مَرَّ لِجَوَازِ الْعُدُولِ إِلَى الْمَظْنُونِ مَعَ وُجُودِ الْمُتَيَقِّنِ، كَمَا فِي الْأَخْبَارِ؛ فَإِنَّ الصَّحَابَةَ كَانُوا بَعْضُهُمْ يَسْمَعُ مِنْ بَعْضٍ مَعَ قُدْرَتِهِ عَلَى الْمُتَيَقِّنِ، وَهُوَ سَمَاعُهُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

46. Apa yang disebutkan itu meliputi orang buta kerana dia boleh mendapat tahu tanda-tanda itu dengan sentuh dan selainnya, dan orang yang mampu mendapatkan yang suci atau yang menyucikan dengan yakin, sepertimana telah lalu kerana harus berpaling kepada apa yang dizinkan serta ujud apa yang diyakinkan, sepertimana pada khabar-khabar, maka para sahabat selalunya sebahagian mereka mendengar kepada sebahagian yang lain serta boleh mendapatkan yang yakin iaitu dengar dari nabi sawm.

(وَاسْتَعْمَلَ مَا ظَنَّهُ) بِالِاجْتِهَادِ مَعَ طَهُورِ الْأَمَارَةِ (طَاهِرًا أَوْ طَهُورًا).

47. **(Dan dia menggunakan apa yang dia sangkakan suci atau menyucikan itu)** dengan ijtihadnya itu serta zahir tanda-tandanya.

وَتَعْبِيرِي بِطَاهِرٍ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِمَاءٍ طَاهِرٍ. وَذَكَرُ الْاجْتِهَادَ فِي اشْتِبَاهِ الطُّهُورِ بِالْمُسْتَعْمَلِ وَبِالْتَّرَابِ النَّجْسِ مَعَ التَّقْيِيدِ بِبَقَاءِ الْمُشْتَبِهَيْنِ مِنْ زِيَادَتِي.

48. Ibarat aku dengan “yang suci” lebih umum dari ibaratnya dengan “air yang suci”. Menyebutkan ijtihad pada kesamaran apa yang menyucikan dengan yang musta'mal dan dengan tanah najis serta mengkaitkan dengan masih kekal dua yang kesamaran itu adalah dari tambahan ku.

(لَا) إِنْ اشْتَبَهَ عَلَيْهِ (مَاءٌ وَبَوْلٌ) مَثَلًا، فَلَا يَجْتَهِدُ إِذْ لَا أَصْلَ لِلْبَوْلِ فِي التَّطْهِيرِ لِيُرَدَّ بِالِاجْتِهَادِ إِلَيْهِ، بِخِلَافِ الْمَاءِ، (بَلْ) - هُنَا وَفِيمَا يَأْتِي لِلِانْتِقَالِ مِنْ غَرَضٍ إِلَى آخَرَ لَا لِلْإِبْطَالِ - (يَتَيَمَّمُ بَعْدَ تَلَفٍ) لِهَمَّا أَوْ لِأَحَدِهِمَا، وَلَوْ بَصَبَ شَيْءٌ مِنْهُ فِي الْآخِرِ. فَإِنْ تَيَمَّمَّ قَبْلَهُ أَعَادَ مَا صَلَّى بِالتَّيَمُّمِ لِأَنَّهُ تَيَمَّمُ بِحَضْرَةِ مَاءٍ مُتَيَقِّنِ الطُّهَارَةَ مَعَ تَقْصِيرِهِ بِتَرْكِ إِعْدَامِهِ. وَكَذَا الْحُكْمُ فِيمَا لَوْ اجْتِهَدَ فِي الْمَاعَيْنِ فَتَحَيَّرَ.

49. **(tidak)** jika kesamaran keatasnya (**air dan kencing**) sebagai contoh, maka dia tidak berijtihad kerana tidak ada asal bagi kencing pada menyucikan untuk dipulangkan ia kepadanya dengan ijhtihad, bersalahan air, (**bahkan**) – disini dan pada apa yang akan datang adalah untuk pindah dari satu tujuan kepada tujuan yang lain bukan untuk membatalkan – (**dia bertayammum selepas binasa**) keduanya atau satu daripada keduanya, walaupun dengan dituangkan satu daripadanya pada yang satu lagi. Maka jika dia bertayammum sebelumnya dia mengulang apa yang dia sembahyangkan dengan tayammum itu kerana dia bertayammum dengan kehadiran air yang diyakinkan suci serta cuainya dengan tidak memusnahkannya. Begitu juga hukum pada keadaan kalau dia berijtihad pada dua air maka dia bingung.

وَلِلْأَعْمَى فِي هَذِهِ التَّقْلِيدِ، دُونَ الْبَصِيرِ. قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : فَإِنْ لَمْ يَجِدْ مَنْ يُقَلِّدُهُ أَوْ وَجَدَهُ فَتَحَيَّرَ تَيَمَّمَ. وَتَعْبِيرِي بِالتَّلْفِ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالْخَلْطِ.

50. Boleh orang buta pada keadaan ini bahawa dia bertaklid, tidak orang yang melihat. Katanya didalam Majmuk : maka jika dia tidak mendapat orang yang boleh dia taklid atau dia mendapatnya maka orang itu kebingungan dia bertayammum. Ibarat ku dengan “binasa” lebih umum dari ibaratnya dengan “campur”.

(وَلَا) (إِنْ اشْتَبَهَ عَلَيْهِ) (مَاءٌ وَمَاءٌ وَرَدَ) ، فَلَا يَجْتَهِدُ لِمَا مَرَّ فِي الْبَوْلِ ، (بَلْ يَتَوَضَّأُ بِكُلِّ) مِنْ الْمَاءِ وَمَاءِ الْوَرْدِ (مَرَّةً) . وَيُعْذَرُ فِي تَرَدُّدِهِ فِي النَّيَّةِ لِلضَّرُورَةِ . (وَإِذَا ظَنَّ طَهَارَةَ أَحَدِهِمَا) (أَيْ الْمَاءَيْنِ بِالْإِجْتِهَادِ (سُنَّ) لَهُ قِيلَ اسْتِعْمَالُهُ (إِرَاقَةَ الْآخِرِ) إِنْ لَمْ يَحْتَجْ إِلَيْهِ لِنَحْوِ عَطَشٍ لِنَلَا يَغْلُظُ فَيَسْتَعْمَلُهُ أَوْ يَتَغَيَّرُ اجْتِهَادُهُ فَيَسْتَبِيهِ عَلَيْهِ الْأَمْرُ . وَذَكَرَ سَنَ الْإِرَاقَةَ مِنْ زِيَادَتِي .

51. **(dan tidak)** jika kesamaran diatasnya (**air dan air mawar**), maka dia tidak berijtihad kerana apa yang telah lalu pada kencing itu, (**bahkan dia berwudhuk dengan setiap satu**) daripada air dan air mawar itu, (**sekali**). Diuzurkan dia pada berbelah baginya pada niat kerana dharurat. (**Bila dia menyangkakan suci satu daripada dua air itu**) dengan ijhtihad (**sunat**) baginya sebelum dia menggunakannya (**mencurahkan yang satu lagi**) jika dia tidak berhajat kepadanya untuk umpama dahaga supaya dia tidak tersilap lalu menggunakannya atau berubah ijhtihadnya maka kesamaran perkara itu diatasnya. Menyebutkan sunat menuangkan itu dari tambahan ku.

(فَإِنْ تَرَكَهُ) وَبَقِيَ بَعْضُ الْأَوَّلِ (وَتَغَيَّرَ ظَنُّهُ) بِاجْتِهَادِهِ ثَانِيًا (لَمْ يَعْمَلْ بِالثَّانِي) مِنْ الْإِجْتِهَادَيْنِ لِنَلَا يَنْقُضُ الْإِجْتِهَادَ بِالْإِجْتِهَادِ إِنْ غَسَلَ مَا أَصَابَهُ الْأَوَّلُ ، وَيُصَلِّي بِنَجَاسَةٍ إِنْ لَمْ يَغْسِلْهُ (بَلْ يَتَيَمَّمُ) (بَعْدَ التَّلْفِ (وَلَا يُعِيدُ) مَا صَلَّاهُ بِالتَّيَمُّمِ . فَإِنْ لَمْ يَدِقْ مِنَ الْأَوَّلِ شَيْءٌ ، وَقَلَّدَا : بِجَوَازِ الْإِجْتِهَادِ عَلَيَّ مَا اقْتَضَاهُ كَلَامُ الرَّافِعِيِّ فَلَا إِعَادَةَ إِذْ لَيْسَ مَعَهُ مَاءٌ مُتَيَقِّنُ الطَّهَارَةَ .

52. (**Maka jika mencurahkanya**) dan kekal sebahagian air yang pertama itu (**dan berubah sangkaannya**) dengan ijhtihadnya kali kedua (**tidak boleh dia beramal dengan yang kedua**) daripada dua ijhtihad itu supaya dia tidak membatalkan ijhtihad dengan ijhtihad jika dia basuh apa yang telah dikenai air yang pertama itu dan dia sembahyang dengan najis jika dia tidak membasuhnya, (**bahkan dia tayammum**) selepas musnah kedua-dua air itu. (**Dia tidak mengulang**) apa yang dia sembahyangkan dengan tayammum itu.

وَهَذِهِ مَسْأَلَةٌ الْمُنْهَاجِ لِدُكْرِهِ الْخِلَافَ فِيهَا. وَهِيَ إِنَّمَا تَأْتِي عَلَى طَرِيقَةِ الرَّافِعِيِّ هَذَا. وَالْأَوْلَى حَمْلُ كَلَامِ الْمُنْهَاجِ لِإِيَّتِي عَلَى طَرِيقَتِهِ أَيْضًا عَلَى مَا إِذَا بَقِيَ بَعْضُ الْأَوَّلِ، ثُمَّ تَغَيَّرَ اجْتِهَادُهُ ثُمَّ تَلَفَ الْبَاقِي دُونَ الْآخِرِ ثُمَّ تَيَمَّمَ ؛ إِذْ قَضِيَتْهُ كَلَامُ الْمَجْمُوعِ تَرْجِيحَ عَدَمِ الْإِعَادَةِ فِي ذَلِكَ أَيْضًا.

53. Ini adalah masaalah Minhaj kerana ia menyebutkan khilaf padanya. Ianya hanya datang diatas jalan Rafi’e. Fahami ini. Yang terutama adalah menanggungkan kalam Minhaj itu supaya ia datang diatas jalannya juga keatas keadaan apabila masih berbaki sebahagian air yang pertama,

kemudian berubah ijtihadnya kemudian musnah baki air itu tidak yang satu lagi, kemudian dia bertayammum, kerana kehendak kalam Majmuk mentarjihkan tidak ada ulang ibadat pada demikian itu¹¹ juga.

(وَلَوْ أَخْبَرَهُ بِتَنَجُّسِهِ) أَي الْمَاءِ أَوْ غَيْرِهِ (عَدْلُ رَوَايَةٍ) كَعَبْدٍ وَامْرَأَةٍ، لَا فَاسِقٌ وَمَجْهُولٌ وَصَبِيٌّ وَمَجْنُونٌ حَالَةً كَوْنُهُ (مُبَيَّنًا لِلسَّبَبِ) فِي تَنَجُّسِهِ كَوُلُوعِ كَلْبٍ (أَوْ فُقَيْهًا) بِمَا يُنَجِّسُ (مُوَافِقًا) لِلْمُخْبِرِ فِي مَذْهَبِهِ فِي ذَلِكَ وَإِنْ لَمْ يُبَيِّنِ السَّبَبَ (اعْتَمَدَهُ) بِخِلَافِ غَيْرِ الْفُقَيْهِ ، أَوْ الْفُقَيْهِ الْمُخَالَفِ أَوْ الْمَجْهُولِ مَذْهَبُهُ فَلَا يَعْتَمَدُهُ مِنْ غَيْرِ تَبْيِينٍ لِذَلِكَ لِاحْتِمَالِ أَنْ يُخْبِرَ بِتَنَجُّسِ مَا لَمْ يُنَجِّسْ عِنْدَ الْمُخْبِرِ .

54. (Kalau mengkhabarkan dia dengan bernajis air) atau selainnya (oleh seorang yang adil riwayat) seperti hamba dan perempuan, bukan orang yang fasik dan yang majhul keadaannya dan kanak-kanak dan orang gila, (hal keadaan orang itu menerangkan sebab) bernajisnya seperti jilatan anjing (atau mahir fekah) berkenaan apa yang menajiskannya (lagi pula sama) dengan orang yang dikhabarkan pada mazhabnya pada demikian itu, sekalipun orang itu tidak menerangkan sebabnya, (dia memegangnya), bersalahan yang tidak mahir fekah, atau yang mahir fekah yang menyalahi mazhab atau yang dijahilkan mazhabnya, maka dia tidak memegangnya tanpa keterangan tentang demikian itu kerana ihtimal bahawa dia mengkhabarkan hukum menajiskan apa yang tidak menajiskan disisi orang yang dikhabarkan.

(وَيَحِلُّ اسْتِعْمَالُ وَإِتِّخَاذُ) أَيِ افْتِنَاءِ (كُلِّ إِنَاءٍ طَاهِرٍ) مِنْ حَيْثُ إِنَّهُ طَاهِرٌ فِي الطَّهَارَةِ وَغَيْرِهَا بِالْإِجْمَاعِ. وَقَدْ تَوَضَّأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ شَنٍّْ مِنْ جِلْدٍ وَمِنْ قَدَحٍ مِنْ خَشَبٍ وَمِنْ مِخْضَبٍ مِنْ حَجَرٍ. فَلَا يَرِدُ الْمَغْضُوبُ وَجِلْدُ الْآدَمِيِّ وَنَحْوَهُمَا.

55. (Halal menggunakan dan membuat) dan menyimpan (setiap bejana yang suci) dari sekira-kira ianya suci, pada bersuci dan selainnya dengan ijmak. Sungguhnya nabi sawm pernah berwudhuk dari gereba¹² kulit yang kecil dan dari mangkok kayu dan dari bejana air dari batu. Maka tidak datang bejana yang dirampas dan kulit anak adam dan umpama keduanya.

وَخَرَجَ بِالطَّاهِرِ النَّجِسُ كَالْمَتَّخَذِ مِنْ مَيِّتَةٍ ؛ فَيَحْرُمُ اسْتِعْمَالُهُ فِي مَاءٍ قَلِيلٍ وَمَنَاعِ، لَا فِي جَائِفٍ وَالْإِنَاءِ جَائِفٍ أَوْ فِي مَاءٍ كَثِيرٍ، لَكِنَّهُ يَكْرَهُ. وَدَخَلَ فِيهِ النَّفْسُ كَمَا قُوتِ فَيَحِلُّ اسْتِعْمَالُهُ وَإِتِّخَاذُهُ ؛ لِأَنَّ مَا فِيهِ مِنَ الْخِيَلَاءِ وَكَسْرُ قُلُوبِ الْفُقَرَاءِ لَا يَدْرِكُهُ إِلَّا الْخَوَاصُّ، لَكِنَّهُ يَكْرَهُ.

56. Keluar dengan “yang suci” oleh bejana najis seperti yang dibuat dari bangkai, maka haram menggunakannya pada air yang sedikit dan cecair, tidak pada benda kering walhal bejana itu kering atau pada air yang banyak, akan tetapi ianya makruh. Masuk padanya bejana yang mahal seperti delima maka halal menggunakannya dan membuatnya kerana apa yang ada padanya daripada bermegah-megah dan terpecah hati orang fakir tidak difahami melainkan oleh orang yang tertentu, walau bagaimanapun ianya makruh.

(إِلَّا إِنَاءً كُلَّهُ أَوْ بَعْضُهُ) الْمَزِيدُ عَلَى الْأَصْلِ (ذَهَبٌ أَوْ فَضَّةٌ، فَيَحْرُمُ) اسْتِعْمَالُهُ وَإِتِّخَاذُهُ عَلَى الرَّجَالِ وَالنِّسَاءِ لَعَيْنِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ مَعَ الْخِيَلَاءِ وَلِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { لَا تَشْرَبُوا فِي أَنْيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَلَا تَأْكُلُوا فِي صِحَافِهَا } . رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَيُقَاسُ بِمَا فِيهِ مَا فِي مَعْنَاهُ ؛ وَلِأَنَّ اتِّخَاذَهُ يَجْرُ إِلَى اسْتِعْمَالِهِ.

(أَوْ يُتَمَّمُ) بِالْمَسْحِ (عَلَى نَحْوِ عِمَامَتِهِ) وَإِنْ لَمْ يُعَسَّرْ عَلَيْهِ نَزْعُهُ لِحَبْرٍ مُسْلِمٍ السَّابِقِ فِي رَابِعِ الْفُرُوضِ. وَالْأَفْضَلُ أَنْ لَا يَقْصَرَ عَلَى أَقْلٍ مِنَ النَّاصِيَةِ خُرُوجًا مِنَ الْخِلَافِ. وَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ فَإِنْ عَسَّرَ رَفَعِ عِمَامَتِهِ كَمَلَّ بِالْمَسْحِ عَلَيْهَا.

159. (atau dia sempurnakan) sapuan itu (didas umpama serbannya), sekaipun tidak susah dia mencabutnya, kerana khabar Muslim yang lalu pada fardhu keempat. Yang terafdhal bahawa dia tidak menghadkan diatas sekurang-kurang ubun-ubun kerana keluar dari khilaf. Ibarat ku dengan demikian itu terutama dari katanya "maka jika payah menanggalkan serbannya dia menyempurnakan dengan sapu diatasnya".

(فَ) مَسْحُ كُلِّ (أُذُنِيهِ) بِمَاءٍ جَدِيدٍ، لَا يَبَالُ الرَّأْسُ، لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَاهُ. وَالسُّنَّةُ فِي كَيْفِيَّةِ مَسْحِهِمَا أَنْ يُدْخَلَ مُسَبِّحَتَيْهِ فِي صِمَاخِيهِ وَيُدِيرُهُمَا عَلَى الْمَعَاطِفِ، وَيَمِرُّ إِبْهَامِيهِ عَلَى ظَهْرِهِمَا، ثُمَّ يُلْصِقُ كَفِيهِ وَهُمَا مَبْلُولَتَانِ بِالْأُذُنَيْنِ اسْتِظْهَارًا. وَالْمُرَادُ مِنْهَا أَنْ يَمْسَحَ بِرَأْسِ مُسَبِّحَتَيْهِ صِمَاخِيهِ وَبِبَاطِنِ أُنْمَلْتَيْهِمَا بَاطِنِ الْأُذُنَيْنِ وَمَعَاطِفَهُمَا.

160. (Kemudian) sapu seluruh (dua telinganya) dengan air baru, bukan dengan basahan kepala, kerana ittiba' yang diriwayatkan oleh Baihaqi dan Hakim dan mereka mengesahkannya. Sunnah pada kaifiat menyapu keduanya bahawa dia memasukkan jari telunjuknya pada dua cuping telinganya dan memusingkan keduanya keatas lipatan-lipatannya dan memperlalukan dua ibu jarinya keatas balakang keduanya kemudian mendempekkkan dua tapak tangannya walhal keduanya basah dengan dua telinganya kerana menuntut rata. Yang dikehendaki darinya bahawa dia menyapu dengan kepala dua jari telunjuknya akan dua lubang telinganya dan dengan batin ruas dua telunjuk itu akan batin dua telinga dan lipatannya.

(وَتَخْلِيلُ شَعْرِ يَكْفِي غَسْلُ ظَاهِرِهِ)، كَلْحِيَةِ رَجُلٍ كَثِيفَةً لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ. (وَ) تَخْلِيلُ (أَصَابِعِهِ) لِحَبْرٍ لَقِيطِ بْنِ صَبْرَةَ { أَسْبَغَ الْوُضُوءَ وَخَلَّلَ بَيْنَ الْأَصَابِعِ }، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ. وَالتَّخْلِيلُ فِي الشَّعْرِ بِأَنْ يُدْخَلَ أَصَابِعُهُ مِنْ أَسْفَلِ اللِّحْيَةِ مَثَلًا بَعْدَ تَفْرِيقِهَا، وَفِي أَصَابِعِ الْيَدَيْنِ بِالتَّشْبِيهِ، وَفِي أَصَابِعِ الرَّجُلَيْنِ مِنْ أَسْفَلِهِمَا بِخُنْصَرِ يَدِهِ الْيُسْرَى، مُبْتَدَأًا بِخُنْصَرِ رِجْلِهِ الْيُمْنَى خَاتِمًا بِخُنْصَرِ الْيُسْرَى. وَتَعْبِيرِي بِشَعْرِ الْحِجَابِ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِاللِّحْيَةِ الْكَثَّةِ.

161. (dan menyelati rambut yang memada basuh zahirnya) seperti janggut lelaki yang tebal, kerana ittiba' yang diriwayatkan oleh Turmizi dan dia mengesahkannya. (dan) menyelati

²³ Sunat menigakan itu dengan yakin. Maka bila dia syak telah basuh dua kali atau tiga kali maka dia tambah sekali lagi.

(**jari-jarinya**) kerana khabar Laqit bin Shabrah ((ratakanlah wudhu' dan selatilah diantara jari-jari)), meriwayatkannya Turmizi dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Menyelati pada rambut itu dengan bahawa dia memasukkan jari-jarinya dari bawah janggut sebagai contoh selepas menjarangkannya dan pada jari-jari dua tangan dengan tasybik, dan pada jari-jari dua kaki adalah dari bahagian bawah keduanya dengan kelingking tangan kirinya, hal keadaan dia memulakan dengan kelingking kakinya yang kanan menyudahi dengan kelingking kiri. Ibarat ku dengan "rambut" hingga akhirnya terutama dari ibaratnya dengan "janggut tebal".

(وَتَيْمَنُ) أَي : تَقْدِيمُ يَمِينٍ عَلَى يَسَارٍ (لِنَحْوِ أَقْطَعِ) كَمَنْ خُلِقَ بِيَدٍ وَاحِدَةً (مُطْلَقًا) أَي : فِي جَمِيعِ أَعْضَاءِ وَضُوئِهِ، (وَلِغَيْرِهِ فِي يَدَيْهِ وَرِجْلَيْهِ) ؛ لِأَنَّهُ { صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُحِبُّ التَّيْمَانَ مَا اسْتَطَاعَ فِي شَأْنِهِ كُلِّهِ، فِي طُهُورِهِ وَتَرْجُلِهِ وَتَنَعُّلِهِ }، رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَالتَّرْجُلُ تَسْرِيحُ الشَّعْرِ. فَإِنَّ قَدَمَ الْيَسَارِ كُرِهَتْ. نَصَّ عَلَيْهِ فِي الْأَمِّ. أَمَّا الْكَفَّانِ وَالْخُدَّانِ وَالْأَذْنَانِ وَجَانِبَا الرَّأْسِ لَعِبْرٍ نَحْوِ الْأَقْطَعِ فَيُطَهَّرَانِ دَفْعَةً وَاحِدَةً. وَالتَّفْصِيلُ الْمَذْكُورُ مِنْ زِيَادَتِي. وَيُسَنُّ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ الْبِدَاءَةُ بِأَعْلَى الْوَجْهِ.

162. (**dan menganan**) iaitu mendulukan yang kanan diatas yang kiri (**bagi umpama orang yang kudung satu tangan**) seperti orang yang dijadikan dengan satu tangan, (**semata-mata**) iaitu pada semua anggota-anggota wudhuknya, (**dan bagi selainnya pada dua tangan dan dua kaki**), kerana nabi sawm sentiasa kasih menganan semampunya pada semua urusannya, pada bersucinya dan bersikatnya dan memakai kasutnya)), meriwayatkannya dua syeikh. Bersikat itu menguraikan rambut. Maka jika dia mendulukan yang kiri ianya makruh. Syafi'e naskan diatasnya didalam al Umm. Adapun dua tapak tangan dan dua telinga dan dua pihak kepala bagi selain orang yang kudung maka dibersihkan sekali gus. Perincian yang tersebut itu dari tambahan ku. Sunat sepertimana didalam Majmuk mula dengan bahagian atas muka.

(وَإِطَالَةُ غُرَّتِهِ وَتَحْجِيلِهِ). وَهِيَ عَسَلٌ مَا فَوْقَ الْوَجْهِ فِي الْأَوَّلِ وَمِنْ الْيَدَيْنِ وَالرِّجْلَيْنِ فِي الثَّانِي، لَخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ { إِنَّ أُمَّتِي يُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُحَجَّلِينَ مِنْ آثَارِ الْوُضُوءِ، فَمَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غُرَّتَهُ فَلْيُفْعَلْ } . وَغَايَةُ الْغُرَّةِ أَنْ يَغْسِلَ صَفْحَةَ الْعُنُقِ مَعَ مَقْدَمَاتِ الرَّأْسِ، وَغَايَةُ التَّحْجِيلِ اسْتِيعَابُ الْعَضْدَيْنِ وَالسَّاقَيْنِ.

163. (**dan memanjangkan ghurrah dan tahjil**) iaitu basuh apa yang melebihi had wajib daripada muka pada yang pertama dan daripada dua tangan dan dua kaki pada yang kedua, kerana khabar dua syeikh ((sungguhnya umat ku dipanggil pada hari kiamat kelak dalam keadaan putih gemilang kepala, tangan dan kaki mereka dari kesan wudhuk. Maka siapa yang mampu dari kalangan kamu memanjangkan ghurrahnya maka hendaklah dia buat)). Sehabis-habis ghurrah itu bahawa dia membasuh papan tengkok serta bahagian depan kepalanya dan sehabis-habis tahjil itu meratakan dua lengan atas dan dua betis.

(وَوَلَاءٌ) بَيْنَ الْأَعْضَاءِ فِي التَّطْهِيرِ، بَحَيْثُ لَا يَجِفُّ الْأَوَّلُ قَبْلَ الشَّرُوعِ فِي الثَّانِي مَعَ اعْتِدَالِ الْهَوَاءِ وَالْمَرَاجِ. وَيَقْدَرُ الْمَسْمُوحُ مَغْسُولًا.

164. (**dan berturutan**) diantara anggota-anggota pada perbuatan bersuci itu, sekira-kira tidak kering yang pertama sebelum masuk pada yang kedua serta sederhana udara dan suhu badan. Ditakdirkan yang disapu sebagai yang dibasuh.

وَيُسَنُّ أَيْضًا الدَّلْكُ (وَتَرْكُ اسْتِعَانَةٍ فِي صَبِّ) عَلَيْهِ لِأَنَّهَا تَرْفَعُ لَا تَلْدِيقُ بِالْمَتَعَبِ. فَهِيَ خِلَافُ الْأُولَى. وَخَرَجَ بِزِيَادَتِي فِي صَبِّ اسْتِعَانَةٍ فِي عَسَلِ الْأَعْضَاءِ وَالِاسْتِعَانَةِ فِي إِخْضَارِ الْمَاءِ. وَالْأُولَى مَكْرُوهَةٌ إِلَّا فِي حَقِّ الْأَقْطَعِ وَنَحْوِهِ فَلَا كَرَاهَةَ وَلَا خِلَافَ الْأُولَى، بَلْ قَدْ تَجِبُ وَلَوْ بِأَجْرَةِ الْمِثْلِ، وَالثَّانِيَةُ لَا بَأْسَ بِهَا.

165. Sunat juga gosok (**dan meninggalkan dari minta tolong pada menuang air**) keatasnya kerana ia bersenang-senang yang tidak layak dengan orang yang beribadat. Maka ianya

menyalahi utama. Keluar dengan tambahan ku "pada tuang air" oleh minta tolong pada basuh anggota wudhuk dan minta tolong pada menghadirkan air. Yang pertama itu makruh melainkan pada hak orang yang kudung dan umpamanya maka tidak ada karahah dan tidak ada khilaful aula, bahkan terkadang ianya wajib walaupun dengan upah seumpama, dan yang keduanya tidak mengapa.

(وَ) تَرَكَ (نَفْض) لِلْمَاءِ لِأَنَّ نَفْضَهُ كَالْتَبَرِّئِ مِنَ الْعِبَادَةِ، فَهُوَ خِلَافُ الْأَوْلَى. وَبِهِ جَزَمَ فِي التَّحْقِيقِ. وَقَالَ فِي شَرْحِي الْمُهَذَّبِ وَالْوَسِيطِ أَنَّهُ الْأَشْهَرُ، لَكِنَّهُ رَجَحَ فِي الرَّوْضَةِ وَالْمَجْمُوعِ أَنَّهُ مُبَاحٌ، تَرَكَهُ وَفَعَلَهُ سِوَاهُ.

166. (dan) meninggalkan dari (merenjiskan) air kerana merenjiskannya seperti melepaskan diri dari ibadat, maka ia menyalahi utama. Dengannya jazam Nawawi didalam Tahkik-nya. Katanya didalam syarah Muhazzab dan Wasit bahawa ia yang paling masyhur, akan tetapi yang dia tarjihkan didalam Raudhah dan Majmuk bahawa ianya harus, meninggalkannya dan melakukannya sama.

(وَ) تَرَكَ (تَنْشِيف) بِلَا عُدْرٍ ؛ لِأَنَّهُ { صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ غُسْلِهِ مِنَ الْجَنَابَةِ أَتَتْهُ مَيْمُونَةٌ بِمِنْدِيلٍ فَرَدَّهُ وَجَعَلَ يَقُولُ بِالْمَاءِ هَكَذَا يَنْفُضُهُ }، رَوَاهُ الشَّيْخَانُ.

167. (dan) meninggalkan dari (mengelap) tanpa uzur, kerana ((nabi sawm selepas mandinya dari janabah didatangi Maimunah bersama dengan tuala maka dia menolaknya dan berkata : buat begini pada air ini, dia meretak-retakkannya)). Meriwayatkannya dua syeikh.

(وَالذَّكْرُ الْمَشْهُورُ عَقِبَهُ) أَي : الْوُضُوءُ وَهُوَ كَمَا فِي الْأَصْلِ : { أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ، وَأَتُوبُ إِلَيْكَ }، لَخَبَرِ مُسْلِمٍ { مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ قَالَ "أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ" إِلَى قَوْلِهِ "وَرَسُولُهُ" فَتَحَدَّثَ لَهُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ } . وَزَادَ التِّرْمِذِيُّ عَلَيْهِ بَعْدَهُ إِلَى الْمُتَطَهِّرِينَ، وَرَوَى الْحَاكِمُ الْبَاقِيَ وَصَحَّحَهُ. وَلَفْظُهُ { مَنْ تَوَضَّأَ ثُمَّ قَالَ سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ إِلَى آخِرِهِ كُتِبَ بِرَقٌّ } أَي : فِيهِ، كَمَا وَرَدَ فِي رِوَايَةٍ { ثُمَّ طَبِعَ بِطَابِعٍ فَلَمْ يُكْسَرْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ } أَي : لَمْ يَنْطَرَقْ إِلَيْهِ ابْطَالٌ. وَالطَّابِعُ بِفَتْحِ الْبَاءِ وَكُسْرِهَا الْخَاتَمُ. وَوَأُوْ وَبِحَمْدِكَ زَائِدَةٌ. فَسُبْحَانَكَ مَعَ ذَلِكَ جُمْلَةٌ وَاحِدَةٌ. وَقِيلَ عَاطِفَةٌ أَي : وَبِحَمْدِكَ سَبْحَتُكَ. فَذَلِكَ جُمْلَتَانِ.

168. (dan zikir yang masyhur mengiringinya) iaitu wudhuk. Ianya sepertimana didalam Asal " أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ، وَأَتُوبُ إِلَيْكَ " kerana khabar Muslim ((siapa berwudhuk maka dia mengelokkan wudhuknya kemudian berkata " أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ " hingga katanya " أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ " dibukakan baginya pintu-pintu syurga yang lapan itu masuklah dia dari mana satu yang dia hendak)). Turmizi menambah diatasnya selepsanya hingga kepada " وَرَسُولُهُ " dan Hakim meriwayatkan bakinya dan dia mengesahkannya. Lafaznya ((siapa berwudhuk kemudian berkata " مَنْ تَوَضَّأَ ثُمَّ قَالَ سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ لَا إِلَهَ إِلَّا " dituliskan ia pada satu kertas)) iaitu didalamnya sepertimana yang datang pada satu riwayat lain ((kemudian dicap dengan satu pengecap maka tidak dipecahkan ia hingga hari kiamat)) iaitu tidak mendatangnya pembatalan. "طابع" adalah cincin. Wau pada " وَبِحَمْدِكَ " adalah huruf zaidah maka " سُبْحَانَكَ " serta " بِحَمْدِكَ " adalah jumlah yang satu²⁴. Dikatakan huruf 'ataf iaitu " وَبِحَمْدِكَ سَبْحَتُكَ " , maka demikian itu dua jumlah.

وَسُنَّ أَنْ يَأْتِيَ بِالذَّكْرِ الْمَذْكُورِ مُتَوَجِّهَ الْقِبْلَةِ كَمَا فِي حَالَةِ الْوُضُوءِ. قَالَهُ الرَّافِعِيُّ.

169. Sunat bahawa dia mendatangkan zikir tersebut dalam keadaan mengadap kiblat sepertimana pada keadaan wudhuk. Mengatakannya Rafi'e.

²⁴ Maknanya " سَبْحَتُكَ يَا اللَّهُ مُصَاحِبًا لِحَمْدِكَ ".

بَابُ مَسْحِ الْخُفَّيْنِ ٦

هُوَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ مَسْحُ الْخُفِّ. (يَجُوزُ) الْمَسْحُ عَلَيْهِمَا لَا عَلَى خُفِّ رَجُلٍ مَعَ غَسَلِ الْأُخْرَى، (فِي الْوُضُوءِ) بَدَلًا عَنْ غَسَلِ الرَّجُلَيْنِ. وَتَغْيِيرُهُمْ بِيَجُوزُ فِيهِ تَنْبِيْهُ عَلَى أَنَّهُ لَا يَجِبُ وَلَا يُسَنُّ وَلَا يَحْرَمُ وَلَا يُكْرَهُ، لَكِنَّ الْغَسْلَ أَفْضَلَ.

170. **BAB SAPU DUA KHUF.** Ia terutama dari katanya “sapu khuf”. (Harus sapu diatas keduanya, tidak diatas khuf bagi satu kaki serta basuh kaki yang lain. (pada wudhuk) sebagai ganti dari basuh dua kaki. Ibarat mereka dengan “harus” ada penyedaran padanya diatas bahawa ianya tidak wajib dan tidak sunat dan tidak haram dan tidak makruh, akan tetapi basuh terafdhal.

نَعَمْ، إِنْ أَحَدَتْ لِابْسُهُ وَمَعَهُ مَاءٌ يَكْفِي الْمَسْحَ فَقَطَّ وَجِبَ كَمَا قَالَهُ الرَّوْيَانِيُّ، أَوْ تَرَكَ الْمَسْحَ رَغْبَةً عَنِ السُّنَّةِ أَوْ شَكًّا فِي جَوَازِهِ أَوْ خَافَ قُوَّةَ الْجَمَاعَةِ أَوْ عَرَفَهُ أَوْ إِنْقَادَ أُسِيرٍ أَوْ نَحْوَهَا فَالْمَسْحُ أَفْضَلُ، بَلْ يُكْرَهُ تَرْكُهُ فِي الثَّلَاثِ الْأَوَّلِ. وَكَذَا فِيْمَا عَطَفَ عَلَيْهَا كَمَا أَفْهَمَهُ كَلَامُهُمْ، لَكِنَّ يَنْبَغِي كَمَا قَالَهُ الْإِسْنَوِيُّ أَخْذًا مِمَّا مَرَّ عَنِ الرَّوْيَانِيِّ أَنَّهُ يَجِبُ فِيهِ الْمَسْحُ، فَيَحْرَمُ تَرْكُهُ. وَالْكَرَاهَةُ فِي التَّرْكِ رَغْبَةٌ أَوْ شَكًّا تَأْتِي فِي سَائِرِ الرَّخْصِ.

171. Na'am, jika pemakainya berhadath dan bersama dia ada air yang cukup untuk sapu sahaja wajib ia sepertimana dikatakan Ruyani, atau dia meninggalkan sapu kerana bencikan sunnah atau kerana syak pada harusnya atau bimbang luput jamaah atau Arafah atau tak dapat melepaskan tawanan atau umpamanya maka sapu terutama, bahkan makruh meninggalkannya pada tiga yang pertama, begitu juga pada apa yang di'atafkan keatasnya sepertimana yang difahamkan oleh kalam mereka, akan tetapi sayugia sepertimana dikatakan Isnawi kerana faham dari apa yang telah lalu dari Ruyani bahawa wajib sapu padanya, maka haram meninggalkannya. Karahah pada meninggalkan sunnah kerana benci atau syak datang pada sekalian kelonggaran-kelonggaran.

وَحَرَجَ بِالْوُضُوءِ إِزَالَةَ النَّجَاسَةِ وَالْغُسْلِ وَلَوْ مَنْدُوبًا، فَلَا مَسْحَ فِيهِمَا لِأَنَّهُمَا لَا يَتَكَرَّرَانِ تَكَرَّرَ الْوُضُوءُ.

172. Keluar dengan wudhuk oleh menghilangkan najis dan mandi walaupun yang sunat, maka tidak ada sapu pada keduanya kerana keduanya tidak berulang sebagaimana berulang wudhuk.

(لِمُسَافِرٍ) بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (سَفَرٌ قَصْرٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ بِلَيَالِيَهِنَّ، وَلِغَيْرِهِ) مِنْ مُقِيمٍ، وَعَلَيْهِ اقْتَصَرَ الْأَصْلُ، وَمُسَافِرٌ سَفَرٌ غَيْرُ قَصْرٍ كَعَاصٍ بِسَفَرِهِ وَمُسَافِرٌ سَفَرًا قَصِيرًا (يَوْمًا وَلَيْلَةً). لَخَبَرِ ابْنِ حَبَّانَ أَنَّهُ { صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ } أَرَحَّصَ لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهِنَّ وَلِلْمُقِيمِ يَوْمًا وَلَيْلَةً إِذَا تَطَهَّرَ فَلَبَسَ خُفَّيْهِ أَنْ يَمْسَحَ عَلَيْهِمَا. وَالْحَقُّ بِالْمُقِيمِ الْمُسَافِرُ سَفَرٌ غَيْرُ قَصْرٍ.

173. (**Bagi musafir**) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**pada safar qasar tiga hari dengan malam-malamnya, dan bagi selain dia**) daripada orang yang bermukim, yang mana diatasnya Asal menghadkan, dan musafir pada safar yang tidak boleh qasar seperti orang yang maksiat dengan safarnya dan musafir pada safar yang pendek (**sehari dan semalam**), kerana khabar Ibnu Hibban bahawa ((nabi sawm memberi kelonggaran bagi musafir selama tiga hari dan malam-malamnya dan bagi yang bermukim sehari semalam apabila dia bersuci lalu memakai dua khufnya bahawa dia menyapu diatas keduanya)). Dhubungkan dengan orang yang bermukim akan musafir pada safar yang tidak boleh qasar.

وَالْمُرَادُ بِلَيَالِيَهِنَّ ثَلَاثُ لَيَالٍ مُتَّصِلَةٌ بِهِنَّ، سِوَاءِ أَسْبَقَ الْيَوْمَ الْأَوَّلَ لَيْلَتُهُ بِأَنَّ أَحَدَتْ وَقْتُ الْغُرُوبِ، أَمْ لَا بِأَنَّ أَحَدَتْ وَقْتُ الْفَجْرِ. وَلَوْ أَحَدَتْ فِي أَتْنَاءِ اللَّيْلِ أَوْ النَّهَارِ أُعْتَبِرَ قَدْرُ الْمَاضِي مِنْهُ مِنَ اللَّيْلَةِ الرَّابِعَةِ أَوْ الْيَوْمِ الرَّابِعِ. وَيُقَاسُ بِذَلِكَ الْيَوْمَ وَاللَّيْلَةَ.

174. Yang dikehendaki dengan malam-malamnya adalah tiga malam yang berhubung dengannya, samaada mendahului siang pertama oleh malamnya dengan bahawa dia berhadath pada waktu ghurub atau tidak dengan bahawa dia berhadath pada waktu fajar. Kalau dia berhadath ditengah malam atau siang diiktibarkan kadar yang lalu darinya daripada malam atau siang keempat. Dikiaskan dengan demikian itu kadar sehari semalam²⁵.

وَابْتِدَاءُ مُدَّةِ الْمَسْحِ (مِنْ آخِرِ حَدَثٍ بَعْدَ نُبْسٍ) لِأَنَّ وَقْتَ الْمَسْحِ يَدْخُلُ بِذَلِكَ فَاعْتَبِرَتْ مُدَّتُهُ مِنْهُ فَيَمْسَحُ فِيهَا لِمَا يَشَاءُ مِنَ الصَّلَوَاتِ .

175. Mula tempoh sapuan itu (**dari akhir hadath selepas pakai**) kerana waktu sapu masuk dengan demikian itu, maka diiktibarkan tempohnya darinya. Maka dia menyapu padanya untuk apa yang dia hendak daripada sembahyang-sembahyang.

(فَإِنْ مَسَحَ) وَلَوْ أَحَدَ خُفَيْهِ (حَضْرًا فَسَافِرًا) سَفَرَ قَصْرًا (أَوْ عَكْسًا) أَي : مَسَحَ سَفْرًا فَأَقَامَ (لَمْ يُكْمِلْ مُدَّةَ سَفَرٍ) تَغْلِيْبًا لِلْحَضْرِ لِأَصَالَتِهِ . فَيَقْتَصِرُ فِي الْأَوَّلِ عَلَى مُدَّةِ حَضْرٍ . وَكَذَا فِي الثَّانِي إِنْ أَقَامَ قَبْلَ مُدَّتِهِ . وَإِلَّا ، وَجِبَ النَّزْعُ . وَعَلِمَ مِنْ اعْتِبَارِ الْمَسْحِ أَنَّهُ لَا عِبْرَةَ بِالْحَدَثِ حَضْرًا وَإِنْ تَلَبَّسَ بِالْمُدَّةِ ، وَلَا بِمُضِيِّ وَقْتِ الصَّلَاةِ حَضْرًا ، وَعَصِيَانُهُ إِنَّمَا هُوَ بِالتَّأخِيرِ لَا بِالسَّفَرِ الَّذِي بِهِ الرُّخْصَةُ .

176. (Maka jika dia menyapu) walaupun satu daripada dua khufnya (**pada hadhir kemudian dia bermusafir**) pada safar qasar (**atau sebaliknya**) iaitu dia menyapu pada safar kemudian dia bermukim (**tidak boleh dia menyempurnakan tempoh safar**) kerana memenangkana hadhir, kerana ianya asal. Maka dia menghadkan pada yang pertama diatas tempoh hadhir. Begitu juga pada yang kedua jika dia bermukim sebelum tempohnya. Jika tidak, wajib menanggalkan. Diketahui daripada dikirakan sapuan bahawa tidak ada kiraan dengan hadath sekalipun dia telah bersepakai dengan tempoh sapu, dan tidak dengan berlalu waktu sembahyang pada hadhir. Maksiatnya hanyalah dengan mentakhirkan sembahyang bukan dengan safar yang dengan sebabnya rukhsakh itu.

(لَكِنْ دَائِمٌ حَدَثٌ) كَمُسْتَحَاضَةٍ (وَمَتَيَّمٌ لَا لَفَقْدِ مَاءٍ) كَمَرَضٍ وَجُرْحٍ (إِنَّمَا يَمْسَحَانِ لِمَا يَحِلُّ) لِهَمَا مِنْ الصَّلَوَاتِ (لَوْ بَقِيَ طَهْرُهُمَا) الَّذِي لَيْسَا عَلَيْهِ الْخُفَّ ، وَذَلِكَ فَرَضٌ وَنَوَافِلٌ أَوْ نَوَافِلٌ فَقَطْرٌ . فَلَوْ كَانَ حَدَثُهُمَا بَعْدَ فِعْلِهِمَا الْفَرَضُ لَمْ يَمْسَحَا إِلَّا لِلنَّوَافِلِ إِذْ مَسَحُهُمَا مُرْتَّبٌ عَلَى طَهْرِهِمَا ، وَهُوَ لَا يُفِيدُ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ . فَلَوْ أَرَادَ كُلُّ مِنْهُمَا أَنْ يَفْعَلَ فَرَضًا آخَرَ وَجِبَ نَزْعُ الْخُفِّ وَالطَّهْرُ الْكَامِلُ لِأَنَّهُ مُحَدَّثٌ بِالنَّسْبَةِ إِلَى مَا زَادَ عَلَى فَرَضٍ وَنَوَافِلٍ ، فَكَأَنَّهُ لَيْسَ عَلَى حَدَثٍ حَقِيقَةٍ ، فَإِنَّ طَهْرَهُ لَا يَرْفَعُ الْحَدَثَ كَمَا مَرَّ .

177. (Akan tetapi orang yang berterusan hadath) seperti perempuan mustahadhah (**dan orang yang bertayammum bukan kerana luput air**) seperti orang sakit dan luka (**hanyalah menyapu untuk apa yang halal**) bagi mereka, daripada sembahyang-sembahyang, (**kalau kekal suci mereka**) yang mereka pakai khuf diatasnya. Demikian itu satu fardhu dan sunat-sunat atau sunat-sunat sahaja. Maka kalau hadath merka seleaps mereka melakukan fardhu mereka tidak menyapu meliankan untuk sunat-suat sahaja, kerana sapuan mereka tersusun diatas suci mereka yang mana ia tidak berfaedah lebih dari demikian itu. Maka kalau setiap daripada mereka hendak melakukan fardhu yang lain wajib menanggalkan khuf dan bersuci dengan sempurna kerana dia berhadath dengan nisbah kepada apa yang labih diatas satu fardhu dan sunat-sunat maka seolah-olah dia memakai khuf diatas hadath yang sebenar kerana thaharahnya tidak mengangkatkan hadath sepertimana yang telah lalu.

²⁵ Iaitu bagi pemukim yang memakai khuf.

أَمَّا الْمُتَيَّمُّ لَفَقِدَ الْمَاءَ فَلَا يَمْسَحُ شَيْئًا إِذَا وَجَدَ الْمَاءَ لِأَنَّهُ طَهَّرَهُ لِضُرُورَةٍ، وَقَدْ زَالَ بِزَوَالِهَا. وَكَذَا كُلُّ مَنْ دَائِمَ الْحَدَثِ وَالْمُتَيَّمِّ لِعَيْرِ فَقَدِ الْمَاءَ إِذَا زَالَ عُدْرُهُ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ. وَقَوْلِي آخَرَ مَعَ لَكِنُّ إِلَى آخِرِهِ مَعَ زِيَادَتِي.

178. Adapun orang yang bertayammum kerana luput air maka dia tidak menyapu apa-apa apabila dia mendapat air kerana thoharahnya dharurat walhal ianya telah hilang dengan hilang dharurat itu. Begitulah setiap daripada orang yang berterusan hadath dan yang bertayammum kerana selain luput air apabila hilang uzurnya sepertimana didalam Majmuk. Kata aku “akhir”²⁶ serta “akan tetapi” hingga akhirnya adalah daripada tambahan ku.

(وَشَرَطُ) جَوَازِ مَسْحِ (الْخُفِّ لِنِسْبِهِ بَعْدَ طَهْرٍ) مِنَ الْحَدَثَيْنِ، لِلْخَبَرِ السَّابِقِ. فَلَوْ لَبَسَهُ قَبْلَ غَسَلِ رِجْلَيْهِ وَغَسَلَهُمَا فِيهِ لَمْ يَجْزِ الْمَسْحُ، إِلَّا أَنْ يَنْزِعَهُمَا مِنْ مَوْضِعِ الْقَدَمِ ثُمَّ يَدْخُلُهُمَا فِيهِ. وَلَوْ أَدْخَلَ إِحْدَاهُمَا بَعْدَ غَسَلِهَا ثُمَّ غَسَلَ الْآخَرَى فَاذْخَلَهَا لَمْ يَجْزِ الْمَسْحُ إِلَّا أَنْ يَنْزِعَ الْأُولَى كَذَلِكَ ثُمَّ يَدْخُلَهَا. وَلَوْ غَسَلَهُمَا فِي سَاقِ الْخُفِّ ثُمَّ أَدْخَلَهُمَا فِي مَوْضِعِ الْقَدَمِ جَازَ الْمَسْحُ. وَلَوْ ابْتَدَأَ اللَّبْسَ بَعْدَ غَسَلِهِمَا ثُمَّ أَحْدَثَ قَبْلَ وَصُولِهِمَا إِلَى مَوْضِعِ الْقَدَمِ لَمْ يَجْزِ الْمَسْحُ.

179. (Syarat) harus sapu (khuf itu memakainya selepas suci) dari dua hadath kerana khabar yang lalu. Maka kalau dia memakainya sebelum basuh dua kakinya dan dia membasuh keduanya didalamnya tidak harus sapu, melainkan bahawa dia menanggalkan keduanya dari tempat tapak kaki kemudian memasukkan keduanya semula kedalamnya. Kalau dia memasukkan satu daripada keduanya selepas membasuhnya kemudian membasuh yang satu lagi lalu memasukkannya tidak harus sapu. Kalau dia mula pakai selepas basuh keduanya kemudian dia berhadath sebelum keduanya sampai kepada tempat tapak kaki tidak harus sapu.

(سَاتَرَ مَحَلَّ فَرَضٍ) وَهُوَ الْقَدَمُ بِكَعْبِيهِ مِنْ كُلِّ الْجَوَانِبِ بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (لَا مِنْ أَعْلَى). فَيَكْفِي وَاسِعٌ يَرَى الْقَدَمَ مِنْ أَعْلَاهُ، عَكْسُ سِتْرِ الْعَوْرَةِ، لِأَنَّ اللَّبْسَ هُنَا مِنْ أَسْفَلٍ وَثَمَّ مِنْ أَعْلَى غَالِبًا. وَلَوْ كَانَ بِهِ تَخَرُّقٌ فِي مَحَلِّ الْفَرَضِ ضَرَّ. وَلَوْ تَخَرَّقَتِ الْبِطَانَةُ أَوْ الظَّهَارَةُ وَالْبَاقِي صَفِيحٌ لَمْ يَضُرَّ. وَإِلَّا، ضَرَّ. وَلَوْ تَخَرَّقَتَا مِنْ مَوْضِعَيْنِ غَيْرِ مُتَحَادِبَيْنِ لَمْ يَضُرَّ.

180. (hal keadaan ia menutup tempat fardhu)²⁷ iaitu tapak kaki dengan dua buku lalinya dari setiap pihak dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (tidak dari atas). Maka memada khuf yang luas yang kelihatan tapak kaki dari atasnya, lawan tutup aurat, kerana pakai disini dari bawah dan disana ghalibnya dari atas. Kalau ada koyak padanya pada tempat fardhu ia memudharatkan. Kalau koyak lapisan dalam atau lapisan luar walhal bakinya kukuh tidak memudharatkan. Jika tidak, ia memudharatkan. Kalau keduanya koyak pada dua tempat yang tidak setentang tidak memudharatkan.

(طَاهِرًا) فَلَا يَكْفِي نَجِسٌ وَلَا مُتَنَجِّسٌ إِذْ لَا تَصِحُّ الصَّلَاةُ فِيهِمَا الَّتِي هِيَ الْمَقْصُودُ الْأَصْلِيُّ مِنَ الْمَسْحِ وَمَا عَدَاهَا مِنْ مَسِّ الْمُصْحَفِ وَنَحْوِهِ كَالْتَّابِعِ لَهَا. نَعَمْ، لَوْ كَانَ بِالْخُفِّ نَجَاسَةٌ مَغْفُورٌ عَنْهَا مَسَحَ مِنْهُ مَا لَا نَجَاسَةَ عَلَيْهِ ذَكَرَهُ فِي الْمَجْمُوعِ.

181. (lagi suci), maka tidak memada najis dan tidak yang mutanajjis kerana tidak sah sembahyang pada keduanya yang mana ia tujuan asal dari sapu itu, apa yang selainnya daripada sentuh mushaf dan umpamanya seperti pengikutnya. Na’am, kalau pada khuf itu ada najis yang dimaafkan dia menyapu darinya apa yang tidak ada najis diatasnya. Menyebutkannya Nawawi didalam Majmuk.

²⁶ من آخر حدث

²⁷ Hal bagi dhamir pada “لبسه”.

(يَمْنَعُ مَاءً) أَي : نُفُودُهُ بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي : (مِنْ غَيْرِ مَحَلِّ حَرَزٍ) إِلَى الرَّجُلِ لَوْ صُبَّ عَلَيْهِ. فَمَا لَا يَمْنَعُ لَا يُجْزِي لِأَنَّهُ خِلَافُ الْغَالِبِ مِنَ الْخِفَافِ الْمُنْصَرَفِ إِلَيْهَا نُصُوصُ الْمَسْحِ.

182. (menegah air) iaitu tembusnya dengan kaid yang aku tambahkan dengan kata ku (dari selain tempat jahit) kepada kaki kalau dituangkan air keatasnya. Maka apa yang tidak menegah tidak memada kerana ia menyalahi yang ghalib pada khuf-khuf yang terpalang kepadanya nas-nas sapu.

(وَيُمْكِنُ فِيهِ تَرَدُّدُ مُسَافِرٍ لِحَاجَتِهِ) عِنْدَ الْحَطِّ وَالتَّرْحَالِ وَغَيْرِهِمَا مِمَّا جَرَتْ بِهِ الْعَادَةُ، وَلَوْ كَانَ لِأَبْسُهُ مُفْعَدًا. بِخِلَافِ مَا لَمْ يَكُنْ كَذَلِكَ لِثِقَلِهِ أَوْ تَحْدِيدِ رَأْسِهِ أَوْ ضَعْفِهِ كَجَوْرَبٍ ضَعِيفٍ مِنْ صُوفٍ وَنَحْوِهِ أَوْ إِفْرَاطِ سَعْتِهِ أَوْ ضَيْقِهِ أَوْ نَحْوِهَا، إِذْ لَا حَاجَةَ لِمِثْلِ ذَلِكَ وَلَا فَائِدَةَ فِي إِدَامَتِهِ. نَعَمْ، إِنْ كَانَ الضَّيْقُ يَتَسَعُّ بِالْمَشْيِ فِيهِ عَنْ قُرْبٍ كَفَى.

183. (dan terboleah berulang alik musafir untuk hajatnya dengan memakainya) disisi singgah dan berjalan dan selain keduanya, daripada apa yang berjalan adat dengannya, walaupun pemakainya tepok. Bersalahan khuf yang tidak seperti demikian itu kerana beratnya atau tajam kepalanya atau lemahnya seperti stokin yang tak kukuh dari bulu dan umpamanya, atau terlajak luas atau sempitnya atau umpamanya, kerana tidak ada hajat bagi seumpama demikian itu dan tidak ada faedah pada terus memakainya. Na'am. Jika yang sempit itu jadi luas dengan sebab berjalan padanya dalam masa terdekat ia memada.

فَإِنْ قُلْتَ : "سَاتَرَ" وَمَا بَعْدَهُ أَحْوَالٌ مُقَيِّدَةٌ لِصَاحِبِهَا فَمِنْ أَيْنَ يَلْزَمُ الْأَمْرُ بِهَا إِذْ لَا يَلْزَمُ مِنَ الْأَمْرِ بِشَيْءٍ الْأَمْرُ بِالْمُقَيِّدِ لَهُ بِدَلِيلِ "إِضْرِبْ هُنْدًا جَالِسَةً"؟ قُلْتَ : مَحَلٌّ ذَلِكَ إِذَا لَمْ تَكُنْ الْحَالُ مِنْ نَوْعِ الْمَأْمُورِ بِهِ وَلَا مِنْ فِعْلِ الْمَأْمُورِ كَالْمِثَالِ الْمَذْكُورِ. أَمَّا إِذَا كَانَتْ مِنْ ذَلِكَ نَحْوُ حُجِّ مُفْرَدًا وَنَحْوِ ادْخُلْ مَكَّةَ مُحْرَمًا فَهِيَ مَأْمُورٌ بِهَا، وَمَا هُنَا مِنْ هَذَا الْقَبِيلِ. فَيَسْتَرْطُ فِي الْخُفِّ جَمِيعٌ مَا ذَكَرَ.

184. Maka jika kamu kata : "ساتر" dan apa yang selepasnya adalah hal-hal yang dikaitkan kepada 'amilnya maka dari mana boleh lazim perintah dengan hal-hal ini, kerana tidak lazim dari perintah dengan suatu perkara oleh perintah dengan apa yang dikaitkan kepadanya dengan dalil "إِضْرِبْ هُنْدًا جَالِسَةً" i.e pukullah Hindun dalam keadaan dia duduk? Aku kata : tempat demikian itu apabila hal bukan dari jenis yang diperintahkan dan bukan dari perbuatan yang diperintahkan seperti contoh tersebut. Adapun bila ianya dari demikian itu umpama "حُجِّ مُفْرَدًا" i. kerjakan haji hal keadaan kamu menunggalkan, dan umpama "ادْخُلْ مَكَّةَ مُحْرَمًا" i.e masuklah Makkah dalam keadaan kamu berihram maka ia diperintahkan, dan apa yang disini dari jenis ini. Maka disyaratkan pada khuf semua apa yang disebutkan itu.

(وَلَوْ) كَانَ (مُحْرَمًا) فَيَكْفِي مَعْصُوبٌ وَدَهَبٌ وَفِضَّةٌ، كَالنَّيِّمِ بِتُرَابٍ مَعْصُوبٍ، (أَوْ غَيْرِ جِلْدٍ) كَلْبَدٍ وَرَجَاجٍ وَخَرَقٍ مُطْبِقَةٍ، لِأَنَّ الْإِبَاحَةَ لِلْحَاجَةِ وَهِيَ مَوْجُودَةٌ فِي الْجَمِيعِ. بِخِلَافِ مَا لَا يُسَمَّى خُفًا كَجِلْدَةِ لَفْهًا عَلَى رِجْلِهِ وَشَدَّهَا بِالرَّبْطِ، اتِّبَاعًا لِلنُّصُوصِ. وَالتَّصْرِيحُ بِهَذَا مِنْ زِيَادَتِي.

185. (walaupun) ianya (haram). Maka memada yang dirampas dan emas dan perak, sama seperti tayammum dengan tanah yang dirampas, (atau bukan kulit) seperti bulu dan kaca dan perca-perca kain yang dilapiskan, kerana pengharusan itu adalah kerana hajat yang mana ianya ujud pada semuanya. Bersalahan apa yang tidak dinamakan khuf seperti kulit yang dia balutkan pada kakinya dan ikatkannya dengan tali, kerana mengikuti nas-nas. Penjelasan dengan ini daripada tambahan ku.

(أَوْ) مَشْفُوقًا (شُدَّ بِشَرَجٍ) أَي : بِعُرَى، بِحَيْثُ لَا يَظْهَرُ شَيْءٌ مِنْ مَحَلِّ الْفَرَضِ لِخُصُولِ السَّنَرِ وَسَهْوَلَةِ الْإِرْتِفَاقِ بِهِ فِي الْإِرَالَةِ وَالْإِعَادَةِ. فَإِنْ لَمْ يُشَدَّ بِالْعُرَى لَمْ يَكْفِ لظُهُورِ مَحَلِّ الْفَرَضِ إِذَا مَشَى. وَلَوْ فَتَحَتْ الْعُرَى بَطَلَّ الْمَسْحُ وَإِنْ لَمْ يَظْهَرِ مِنَ الرَّجُلِ شَيْءٌ لِأَنَّهُ إِذَا مَشَى ظَهَرَ.

186. (atau) koyak (**yang diikat dengan kancing**) sekira-kira tidak nampak suatu daripada tempat fardhu kerana terhasil tutupan dan mudah ambilan manfaat dengannya pada menanggal dan mengulang pakai. Maka jika ia tidak diikat dengan kancing tidak memada kerana nampak tempat fardhu bila berjalan. Kalau dibukakan kancingnya batal sapuannya sekalipun tidak zahir dari kaki itu oleh suatu kerana bila dia berjalan ianya kelihatan.

(وَلَا يُجْزَى جُرْمُوقٌ) هُوَ خُفٌّ فَوْقَ خُفٍّ، إِنْ كَانَ (فَوْقَ قَوِيٍّ)، ضَعِيفًا كَانَ أَوْ قَوِيًّا، لَوْرُودِ الرُّخْصَةِ فِي الخُفِّ لِعُمُومِ الْحَاجَةِ إِلَيْهِ وَالْجُرْمُوقُ لَا تَعْمُ الْحَاجَةُ إِلَيْهِ. وَإِنْ دَعَتْ إِلَيْهِ حَاجَةٌ أَمْكَنَهُ أَنْ يُدْخَلَ يَدَهُ بَيْنَهُمَا وَيَمْسَحَ الْأَسْفَلَ. فَإِنْ كَانَ فَوْقَ ضَعِيفٍ كَفَى إِنْ كَانَ قَوِيًّا لِأَنَّهُ الخُفُّ وَالْأَسْفَلُ كَاللِّفَافَةِ. وَإِلَّا فَلَا كَالْأَسْفَلِ.

187. (**Tidak memada jurmuk**) iaitu khuf diatas khuf, jika ianya diatas khuf yang kuat, samaada ianya dhaif atau kuat, kerana kelonggaran itu datang pada khuf kerana umum hajat kepadanya sedangkan jurmuk tidak umum hajat kepadanya. Jika sekiranya menyeru hajat kepadanya boleh dia memasukkan tangan diantara keduanya dan menyapu yang bawah. Maka jika jurmuk diatas khuf yang lemah memada sapu diatasnya jika ianya kuat kerana ia adalah khuf dan yang bawah seperti balutan. Jika tidak, maka tidak, sama seperti yang bawah.

(إِلَّا أَنْ يَصِلَهُ) أَي : الْأَسْفَلَ الْقَوِيَّ (مَاءً) فَيَكْفِي إِنْ كَانَ بِقَصْدِ مَسْحِ الْأَسْفَلِ فَقَطُّ أَوْ بِقَصْدِ مَسْحِهِمَا مَعًا أَوْ لَا بِقَصْدِ مَسْحِ شَيْءٍ مِنْهُمَا، لِأَنَّهُ قَصْدَ إسْقَاطِ الْفَرَضِ بِالْمَسْحِ وَقَدْ وَصَلَ الْمَاءُ إِلَيْهِ. (لَا بِقَصْدِ) مَسْحِ (الْجُرْمُوقِ فَقَطُّ)، فَلَا يَكْفِي لِقَصْدِهِ مَا لَا يَكْفِي الْمَسْحُ عَلَيْهِ فَقَطُّ. وَيَتَصَوَّرُ وَصُولَ الْمَاءِ إِلَى الْأَسْفَلِ فِي الْقَوِيَّيْنِ بِصَبِّهِ فِي مَحَلِّ الْخَرْزِ. وَقَوْلِي فَوْقَ قَوِيٍّ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

188. (**melainkan bahawa sampai kepadanya**) iaitu khuf yang dibawah yang kuat (**oleh air**), maka memada jika ianya dengan kasad sapu yang bawah sahaja atau dengan kasad sapu keduanya sekali atau tidak dengan kasad suatu daripada keduanya, kerana dia bermaksud menggugurkan fardhu dengan sapu dan air telah sampai kepadanya. (**tidak dengan kasad**) sapu (**jurmuk sahaja**). Maka tidak memada kerana dia kasadkan apa yang tidak memada sapu diatasnya sahaja. Digambarkan sampai air kepada yang bawah pada dua khuf yang kuat dengan dia menjirus air pada tempat jahit yang atas. Kata ku “didas yang kuat” hingga akhirnya daripada tambahan ku.

(فَرَعٌ). لَوْ لَيْسَ خُفًّا عَلَى جَبِيْرَةٍ لَمْ يَجْزُ الْمَسْحُ عَلَيْهِ عَلَى الْأَصَحِّ فِي الرَّوْضَةِ لِأَنَّهُ مَلْبُوسٌ فَوْقَ مَمْسُوحٍ كَالْمَسْحِ عَلَى الْعِمَامَةِ.

189. (**Cabangan**). Kalau seorang memakai khuf diatas belat tida harus sapu diatasnya diatas yang paling sah didalam Raudhah kerana ia dipakai diatas apa yang disapu, samalah seperti sapu diatas serban.

(وَسُنَّ مَسْحَ أَعْلَاهُ وَأَسْفَلِهِ) وَعَقِبِهِ وَحَرْفِهِ (خُطُوطًا)، بِأَنْ يَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى تَحْتَ الْعَقِبِ وَالْيُمْنَى عَلَى ظَهْرِ الْأَصَابِعِ، ثُمَّ يَمُرُّ الْيُمْنَى إِلَى آخِرِ سَاقِهِ وَالْيُسْرَى إِلَى أَطْرَافِ الْأَصَابِعِ مِنْ تَحْتِ مُفْرَجًا بَيْنَ أَصَابِعِ يَدَيْهِ، فَاسْتِيْعَابُهُ بِالْمَسْحِ خِلَافَ الْأُولَى. وَعَلَيْهِ يُحْمَلُ قَوْلُ الرَّوْضَةِ "لَا يُنْدَبُ اسْتِيْعَابُهُ". وَيُكْرَهُ تَكَرُّرُهُ وَغَسْلُ الخُفِّ.

190. (**Sunat sapu bahagian atas dan bahagian bawahnya**) dan tumitnya dan tepinya (**beberapa garisan**), dengan bahawa dia meletakkan tangan kirinya dibawah tumit dan yang kanan diatas belakang jari-jari, kemudian dia melalukan yang kanan hingga ke akhir betisnya dan yang kiri hingga ke tepi jari-jari dari bawah, hal keadaan dia menjarangkan diantara jari-jari dua tangannya itu. Maka meratai khuf dengan sapu menyalahi utama. Diatasnya ditanggungkan kata Raudhah “tidak sunat meratainya”. Makruh mengulang sapu dan basuf khuf.

(وَيَكْفِي مُسَمًّى مَسْحَ) كَمَسْحِ الرَّأْسِ (فِي مَحَلِّ الْفَرْضِ بِظَاهِرِ أَعْلَى الْخُفِّ) لَا بِأَسْفَلِهِ وَبَاطِنِهِ وَعَقْبِهِ وَحَرْفِهِ إِذْ لَمْ يَرِدْ الْاِقْتِصَارُ عَلَى شَيْءٍ مِنْهَا كَمَا وَرَدَ الْاِقْتِصَارُ عَلَى الْأَعْلَى. فَيُقْتَصَرُ عَلَيْهِ وَقُوْفًا عَلَى مَحَلِّ الرُّخْصَةِ. وَلَوْ وُضِعَ يَدُهُ الْمُبْتَلَّةُ عَلَيْهِ وَلَمْ يَمِرَّهَا أَوْ قَطَرَ عَلَيْهِ أَجْزَاءَهُ. وَقَوْلِي "بِظَاهِرٍ" مِنْ زِيَادَتِي .

191. (Memada apa yang dinamakan sapu) sama seperti sapu kepala (pada tempat fardhu pada zahir bahagian atas khuf), tidak pada bahagian bawahnya dan batinnya dan tumitnya dan tepinya, kerana tidak datang nas pada menghadkan diatas suatu daripadanya sepertimana datangnya pada menghadkan diatas bahagian atasnya. Maka dihadkan sapu diatasnya kerana berhenti diatas tempat kelonggaran itu. Kalau dia meletakkan tangannya yang basah diatasnya dan tidak melalukannya atau dia menitikkan air keatasnya ia memadainya. Kata aku "pada zahir" daripada tambahan ku.

(وَلَا مَسْحَ لِشَاكِّ فِي بَقَاءِ الْمُدَّةِ) كَأَنْ نَسِيَ ابْتِدَاءَهَا أَوْ أَنَّهُ مَسَحَ حَضْرًا أَوْ سَفْرًا، لِأَنَّ الْمَسْحَ رُخْصَةٌ بِشُرُوطٍ : مِنْهَا الْمُدَّةُ، فَإِذَا شَكَّ فِيهَا رَجَعَ إِلَى الْأَصْلِ وَهُوَ الْغُسْلُ.

192. (Tidak ada sapu bagi orang yang syak pada kekal tempohnya) seperti bahawa dia lupa permulaannya atau bahawa dia menyapu pada hadhir atau pada safar, kerana sapu khuf itu kelonggaran dengan beberapa syarat yang daripadanya adalah tempoh. Maka bila dia syak padanya dia kembali kepada asal iaitu basuh.

(وَلَا لِمَنْ لَزِمَهُ) أَيِ : لَا يَسِ الْخُفَّ . (غَسَلٌ) . هَذَا أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ فَإِنْ أَجَنَّبَ وَجِبَ تَجْدِيدُ لُبْسِ، أَيِ : إِنْ أَرَادَ الْمَسْحَ، فَيَنْزِعُ وَيَتَطَهَّرُ ثُمَّ يَلْبَسُ حَتَّى لَوْ اغْتَسَلَ لَا يَسَا لَا يَمْسَحُ بَقِيَّةَ الْمُدَّةِ كَمَا افْتَضَاهُ كَلَامُ الرَّافِعِيِّ.

193. (dan tidak bagi orang) iaitu pemakai khuf (yang dilazimi mandi). Ini lebih umum dari katanya "maka jika dia berjunub wajib membaharui pakai" iaitu jika dia hendak menyapu, maka dia menanggalkan dan bersuci kemudian memakai khuf, hinggakan kalau dia mandi dalam keadaan memakai khuf tidak boleh dia menyapu baki tempohnya, sepertimana dikehendaki kalam Rafi'e.

وَذَلِكَ لِحَبْرِ صَفْوَانَ { قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا مُسَافِرِينَ أَوْ سَفْرًا²⁸ أَنْ لَا نَنْزِعَ خُفَانَا ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ }، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ. وَقِيَسَ بِالْجَنَابَةِ مَا فِي مَعْنَاهَا. وَلِأَنَّ ذَلِكَ لَا يَتَكَرَّرُ تَكَرَّرَ الْحَدِيثِ الْأَصْغَرِ.

194. Demikian itu kerana khabar Safwan (katanya : adalah rasulullah sawm menyuruh kami bila kami bermusafir agar kami tidak menanggalkan khuf kami selama tiga hari tiga malam melainkan kerana janabah)). Meriwayatkannya Turmizi dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Dikiaskan dengan janabah apa yang pada maknanya. Dan kerana demikian itu tidak berulang sebagai berulangnya hadath kecil.

وَفَارَقَ الْجَبِيرَةَ مَعَ أَنَّ فِي كُلِّ مِنْهُمَا مَسْحًا بِأَعْلَى سَاتِرٍ لِحَاجَةِ مَوْضُوعٍ عَلَى طَهْرٍ بِأَنَّ الْحَاجَةَ ثُمَّ أَشَدُّ وَالنَّزْعُ أَشَقُّ.

195. Khuf melaini belat serta bahawa sabit sapu pada keduanya pada bahagian atas yang menutupi kerana hajat yang diletakkan diatas suci dengan bahawa hajat disana lebih kuat dan menanggalkannya lebih susah.

(وَمَنْ فَسَدَ خُفُّهُ أَوْ بَدَأَ) أَيِ : ظَهَرَ (شَيْءٌ مِمَّا سَتَرَهُ) مِنْ رَجُلٍ وَلِفَافَةٍ وَغَيْرِهِمَا (أَوْ انْقَضَتِ الْمُدَّةُ وَهُوَ بِطَهْرِ الْمَسْحِ) فِي الثَّلَاثِ (لَزِمَهُ غَسْلُ قَدَمَيْهِ) فَقَطُّ لِبُطْلَانِ طَهْرِهِمَا دُونَ غَيْرِهِمَا بِذَلِكَ. وَاخْتَارَ فِي

²⁸ Jamak "سافر", ianya syak dari rawi.

الْمَجْمُوعِ كَابِنِ الْمُنْدَرِ أَنَّهُ لَا يَلْزَمُهُ غَسْلُ شَيْءٍ وَيُصَلِّي بِطَهَارَتِهِ. وَخَرَجَ بِطَهْرِ الْمَسْحِ طَهْرُ الْغَسْلِ، فَلَا حَاجَةَ فِيهِ إِلَى غَسْلِ قَدَمَيْهِ. وَالْأُولَى وَالثَّالِثَةُ مِنْ زِيَادَتِي. وَتَغْيِيرِي فِي الثَّانِيَةِ بِمَا ذَكَرَ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ وَمَنْ نَزَعَ.

196. (Orang yang rosak khufnya atau nampak) iaitu zahir (sesuatu daripada apa yang ditutupi dengannya) daripada kaki dan pembalut dan selainnya (atau terhabis tempoh sapu walhal dia didalam suci dengan sapuan) pada tiga masalah ini (lazim dia membasuh dua tapak kakinya) sahaja kerana batal suci keduanya, tidak selain keduanya dengan sebab demikian itu. Nawawi memilih didalam Majmuk seperti Ibnu Munzir bahawa tidak lazim dia membasuh apa-apa dan dia sembahyang dengan toharahnya. Keluar dengan “suci sapuan” oleh suci basuh maka tidak ada hajat padanya kepada membasuh dua tapak kakinya. Yang pertama dan yang ketiga itu daripada tambahan ku. Ibarat ku pada yang kedua dengan apa yang disebutkan lebih umum dari katanya “orang yang menanggalkan”.

بَابُ الْغُسْلِ 7

بِفَتْحِ الْعَيْنِ وَضَمِّهَا. (مُوجِبُهُ) خَمْسَةٌ: (مَوْتٌ) لِمُسْلِمٍ غَيْرِ شَهِيدٍ لِمَا سَيَأْتِي فِي الْجَنَائِزِ، (وَحَيْضٌ) لِأَيَّةٍ { فَأَعْتَزَلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ } أَيِ: الْحَيْضِ. وَيُعْتَبَرُ فِيهِ وَفِيمَا يَأْتِي الْإِنْقِطَاعَ وَالْقِيَامَ لِلصَّلَاةِ وَنَحْوَهَا كَمَا صَحَّحَهُ فِي التَّحْقِيقِ وَغَيْرِهِ، وَإِنْ لَمْ يُصْرَحْ فِي التَّحْقِيقِ بِالْإِنْقِطَاعِ. (وَنَفَاسٌ) لِأَنَّهُ دَمٌ حَيْضٌ مُجْتَمِعٌ (وَنَحْوُ وِلَادَةٍ) مِنْ إِقَاءِ عُلْقَةٍ أَوْ مُضْغَةٍ وَلَوْ بِإِلَّا بَدَلٍ، لِأَنَّ كِلَا مِنْهُمَا مَذِيٌّ مُنْعَقِدٌ. وَنَحْوُ مِنْ زِيَادَتِي. (وَجَنَابَةٌ) وَتَحْصُلُ لِأَدْمِيٍّ حَيٍّ، فَاعِلٌ أَوْ مَفْعُولٌ بِهِ، (بِدُخُولِ حَشْفَةٍ أَوْ قَدْرَهَا) مِنْ فَاقِدِهَا (فَرْجًا)، فَبَلًا أَوْ ذُبْرًا وَلَوْ مِنْ مَيِّتٍ أَوْ بِهِمَةٍ. نَعَمْ، لَا غُسْلَ بِإِيْلَاجِ حَشْفَةٍ مُشْكِلٍ وَلَا بِإِيْلَاجِ فِي قَبْلِهِ، لَا عَلَى الْفَاعِلِ وَلَا الْمَفْعُولِ بِهِ.

197. BAB MANDI. "غسل" dengan fathah ghain dan dhammahnya. (Perkara yang mewajibkannya) lima:

- (mati) bagi orang islam yang selain syahid kerana apa yang akan datang pada bab jenazah.
- (dan haid) kerana ayat ((maka pinggirkan perempuan-perempuan ketika mahid)) iaitu haid. Diiktibarkan padanya dan pada apa yang akan datang akan putus dan bangun kepada sembahyang dan umpamanya sepertimana dia sahkan didalam Tahkik dan selainnya, sekalipun dia tidak menjelaskan didalam Tahkik dengan terputus.
- (dan nifas) kerana ia darah haid yang berhimpun.
- (dan umpama melahirkan anak) daripada mencampakkan ketulan darah atau daging, walaupun tanpa basah, kerana setiap daripada keduanya adalah mani yang membeku. "Umpama" daripada tambahan ku.
- (dan janabah). Terhasil ia bagi anak adam yang hidup, yang melakukan atau yang dilakukan (dengan masuk hasyafah atau kadarnya) dari orang yang luput hasyafah (kedalam faraj), kubul atau dubur, walaupun dari mayat atau bahimah. Na'am, tidak ada mandi dengan memasukkan hasyafah musykil dan tidak dengan dimasukkan pada kubulnya, tidak keatas yang membuat dan tidak yang kena buat.

(وَ) تَحْصُلُ (بِخُرُوجِ مَنِيَّهِ أَوْ لَا مِنْ مُعْتَادٍ أَوْ) مِنْ (تَحَدَّتْ صُدْبٌ) لِرَجُلٍ وَهُوَ الظَّهْرُ (وَتَرَائِبٌ) لِامْرَأَةٍ وَهِيَ عِظَامُ الصَّدْرِ، (وَأَسَدُ الْمُعْتَادِ)، لِحَبْرِ الشَّيْخَيْنِ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ { جَاءَتْ أُمَّ سَلِيمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِي مِنْ الْحَقِّ. هَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلٍ إِذَا هِيَ احْتَلَمَتْ؟ قَالَ: نَعَمْ، إِذَا رَأَتْ الْمَاءَ }.

198. Terhasil janabah (dengan keluar maninya mula-mula dari jalan biasa atau) dari (bawah sulbi) bagi lelaki iaitu belakang tubuh (dan taraiib) bagi perempuan iaitu tulang dada

(**walhal jalan biasa tersumbat**) kerana khabar dua syeikh dari Ummu Salamah katanya ((Ummu sulaim datang kepada rasulullah sawm maka katanya : sesungguhnya Allah tidak malu dari kebenaran, adakah perempuan kena mandi bila dia bermimpi? Katanya : ia, bila dia melihat air tu)).

وَخَرَجَ بِمَنِيَّهِ مَنِيٌّ غَيْرُهُ، وَبِأَوْلَى خُرُوجٍ مَنِيَّهِ ثَانِيًا كَأَن اسْتَدَخَلَهُ ثُمَّ خَرَجَ، فَلَا غَسْلَ عَلَيْهِ. فَتَعْبِيرِي بِمَنِيَّهِ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِمَنِيٍّ. وَقَوْلِي أَوْلَى مَعَ التَّفْهِيمِ بِتَحْتِ الصُّلْبِ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي. فَالصُّلْبُ وَالتَّرَائِبُ هُنَا كَالْمَعْدَةِ فِي الْحَدِيثِ فِيمَا مَرَّ نَمَّ. وَيَكْفِي فِي التَّيْبِ خُرُوجُ الْمَنِيِّ إِلَى مَا يَظْهَرُ مِنْ فَرْجِهَا عِنْدَ قُعُودِهَا لِأَنَّهُ فِي الْغُسْلِ كَالظَّاهِرِ كَمَا سَيَأْتِي. ثُمَّ الْكَلَامُ فِي مَنِيِّ مُسْتَحْكَمٍ فَإِنْ لَمْ يُسْتَحْكَمْ بِأَن خَرَجَ لِمَرَضٍ لَمْ يَجِبِ الْغُسْلُ بِإِلَّا خِلَافٍ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ الْأَصْحَابِ.

199. Keluar dengan "maninya" oleh mani orang lain, dan dengan "mula-mula" oleh keluar maninya kali kedua seperti dia memasukkannya kemudian ia keluar, maka tidak ada mandi diatasnya. Maka ibarat ku dengan "maninya" terutama dari ibaratnya dengan "mani", dan kata ku "mula-mula" serta kaid yang aku buat dengan "dibawah sulbi" hingga akhirnya adalah daripada tambahan ku. Maka sulbi dan tarāib disini seperti ma'idah pada hadath pada apa yang telah lalu disana. Memada pada janda keluar mani kepada apa yang zahir daripada farajnya disisi duduknya kerana ia pada mandi seperti jujuk yang zahir sepertimana akan datang. Kemudian kalam ini adalah pada mani yang kukuh. Maka jika ianya tidak kukuh dengan bahawa ia keluar kerana sakit tidak wajib mandi tanpa khilaf sepertimana didalam Majmuk dari para sahabat Syafi'e.

(وَيُعْرَفُ) الْمَنِيُّ (بِتَدْفُقِ) لَهُ (أَوْ لَذَّةِ) بِخُرُوجِهِ وَإِنْ لَمْ يَتَدَفَّقْ لِقَلَّتِهِ (أَوْ رِيحِ عَجِينِ) وَطَلْعِ نَخْلِ (رَطْبًا أَوْ) رِيحِ (بِيَاضِ بَيْضِ جَافًا) وَإِنْ لَمْ يَتَدَفَّقْ وَيَتَلَدَّدْ بِهِ، كَأَن خَرَجَ مَا بَقِيَ مِنْهُ بَعْدَ الْغُسْلِ. وَرَطْبًا وَجَافًا حَالَانِ مِنَ الْمَنِيِّ. (فَإِنْ فَتَدَّتْ) خَوَاصُّهُ الْمَذْكُورَةُ (فَلَا غَسْلَ) يَجِبُ بِهِ.

200. (Dikenali) mani itu (dengan terpancutnya atau rasa lazat) dengan keluarannya sekalipun ia tidak memancut kerana sedikitnya, (atau dengan bau tepung uli) dan mayam tamar (ketika basah atau) bau (putih telur ketika kering) sekalipun dia tidak memancut dan tidak dirasakan lazat seperti bahawa keluar apa yang tinggal darinya selepas mandi. "Basah" dan "kering" itu dua hal bagi mani. (Maka jika tidak didapati) cirri-ciri khasnya yang tersebut ini (maka tidak ada mandi) yang wajib dengan sebabnya.

فَإِنْ اِحْتَمَلَ كَوْنُ الْخَارِجِ مَنِيًّا أَوْ وَدِيًّا كَمَنْ اسْتَيْقِظَ وَوَجَدَ الْخَارِجَ مِنْهُ أَبْيَضَ ثَخِينًا تَخَيَّرَ بَيْنَ حُكْمَيْهِمَا، فَيُغْتَسَلُ أَوْ يَتَوَضَّأُ وَيَغْسِلُ مَا أَصَابَهُ مِنْهُ.

201. Maka jika ihtimal keadaan yang keluar itu mani atau wadi, seperti seorang yang jaga dari tidur dan mendapati ada air yang keluar darinya, yang putih lagi pekat, dia memilih diantara dua hukum bagi keduanya, maka dia mandi atau berwudhuk dan membasuh apa yang dikenainya daripada tubuhnya.

وَقَضِيَّةٌ مَا ذُكِرَ أَنَّ مَنِيَّ الْمَرْأَةِ يُعْرَفُ بِمَا ذُكِرَ أَيْضًا وَهُوَ قَوْلُ الْأَكْثَرِ، لَكِنْ قَالَ الْإِمَامُ وَالْغَزَالِيُّ لَا يُعْرَفُ إِلَّا بِالتَّلَدُّدِ، وَابْنُ الصَّلَاحِ لَا يُعْرَفُ إِلَّا بِالتَّلَدُّدِ وَالرَّيْحِ. وَبِهِ جَرَمَ النَّوَوِيُّ فِي شَرْحِ مُسْلِمٍ. وَقَالَ السَّبْكَيُّ إِنَّهُ الْمُعْتَمَدُ، وَالْأَدْرَعِيُّ إِنَّهُ الْحَقُّ.

202. Kehendak apa yang disebutkan ini bahawa mani perempuan dikenali dengan sifat yang disebutkan itu juga yang mana ia pendapat kebanyakan ulamak, akan tetapi kata al Imam dan Ghazali : tidak dikenali ia melainkan dengan lazat, dan Ibnu Sholah : tidak dikenali ia melainkan dengan lazat dan bau, yang dengannya Nawawi jazam didalam Syarah Muslim. Kata Subki bahawa ianya yang muktamad, dan kata Azrai'e bahawa ianya yang sebenar.

(وَحَرَمَ بِهَا) أَي : بِالْجَنَابَةِ (مَا حَرَّمَ بِحَدِيثٍ) مِمَّا مَرَّ فِي بَابِهِ، (وَمَكَّتْ مُسَلِّمٌ) بِلَا ضَرُورَةَ وَلَوْ مُتَرَدِّدًا (بِمَسْجِدٍ) لَا عُبُورَهُ. قَالَ تَعَالَى { وَلَا جُنْبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ }، بِخِلَافِ الرِّبَاطِ وَنَحْوِهِ. (وَقِرَاءَتُهُ لِقُرْآنٍ بِقَصْدِهِ)، وَلَوْ بَعْضَ آيَةٍ، لَخَبِرَ التِّرْمِذِيُّ { لَا يَقْرَأُ الْجُنْبُ وَلَا الْحَائِضُ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ }، وَهُوَ وَإِنْ كَانَ ضَعِيفًا لَهُ مُتَابِعَاتٌ تُجْبِرُ ضَعْفَهُ، لَكِنَّ فَائِدَ الطُّهُورَيْنِ لَهُ بَلَّ عَلَيْهِ قِرَاءَةُ الْفَاتِحَةِ فِي الصَّلَاةِ لِاضْطِرَارِهِ إِلَيْهَا.

203. (Haram dengannya) iaitu dengan janabah :

- (apa yang haram dengan hadath) daripada apa yang telah lalu pada babnya
- (dan diam seorang islam) tanpa dharurat walaupun dalam keadaan dia berulang alik (didalam masjid), tidak lalu melintasinya. Kata Allah taala ((dan janganlah dekati tempat sembahyang dalam keadaan kamu berjunub, melainkan orang yang melintas jalan)), bersalahan ribat dan umpamanya.
- (dan baca Quran dengan kasad quran) walaupun sebahagian ayat, kerana khabar Turmizi ((tidak boleh seorang yang berjunub dan yang berhaid membaca sedikit daripada quran)) ianya sekaipun lemah mempunyai penyokong-penyokong yang menampung kelemahannya, akan tetapi orang yang luput dua yang menyucikan boleh bahkan kena diatasnya membaca fatihah didalam sembahyang kerana dia terdesak kepadanya.

أَمَّا إِذَا لَمْ يَقْصُدْ كَأَنَّ قَالَ عِنْدَ الرُّكُوبِ { سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرْنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ } وَعِنْدَ الْمُصِيبَةِ { إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ }، بَعْدَ قَصْدِ قُرْآنٍ فَلَا تَحْرِمُ. وَهَذَا أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ وَتَحَلُّ أَدْكَارِهِ لَا يَقْصُدُ قُرْآنًا إِذْ غَيْرَ أَدْكَارِهِ كَمَا عَظَّمَهُ وَأَخْبَارَهُ كَذَلِكَ، كَمَا دَلَّ عَلَيْهِ كَلَامُ الرَّافِعِيِّ وَغَيْرِهِ وَالتَّقْيِيدُ بِالْمُسَلِّمِ مِنْ زِيَادَتِي. وَخَرَجَ بِهِ الْكَافِرُ فَلَا يُمْنَعُ مِنَ الْمَكْتَبِ وَلَا مِنَ الْقِرَاءَةِ كَمَا صَرَّحَ بِهِ فِيهَا الْمَاورِدِيُّ وَالرُّوْيَانِيُّ لِأَنَّهُ لَا يَعْتَقِدُ حُرْمَةَ ذَلِكَ، لَكِنَّ شَرْطَ حَلِّ قِرَاءَتِهِ أَنْ يُرْجَى إِسْلَامُهُ. وَبِالْقُرْآنِ غَيْرُهُ كَالْتَوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ.

204. Adapun apabila dia tidak mengkasadkannya seperti bahawa dia kata disisi menunggang " إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ " dan disisi musibah " سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرْنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ " maka tidak haram. Ini lebih umum dari katanya "dan halal zikir-zikirnya tidak denga kasad quran" kerana selain zikir-zikirnya seperti nasihat-nasihat dan khabar-khabarnya begitu juga, sepertimana ditunjukkan oleh kalam Rafi'e dan selainnya. Mengkaitkan dengan "orang Islam" daripada tambahan ku. Keluar dengannya oleh kafir maka tidak ditegah dia dari diam didalam masjid dan tidak dari membaca seperti apa yang dijelaskan pada bacaan quran oleh Mawardi dan Ruyani kerana ia tidak mengiktikadkan haram demikian itu, akan tetapi syarat halal dia membacanya bahawa diharapkan Islamnya. Keluar dengan quran selainnya seperti Taurat dan Injil.

(وَأَقْلَهُ) أَي : الْغُسْلُ مِنْ جَنَابَةٍ وَنَحْوِهَا (نِيَّةٌ رَفَعَتْ حَدَّثَ أَوْ نَحْوَ جَنَابَةٍ) كَحَدِيثِ أَبِي : رَفَعَتْ حُدْمَ ذَلِكَ (أَوْ) نِيَّةٌ (اسْتِبَاحَةٌ مُفْتَقِرٌ إِلَيْهِ) أَي : إِلَى الْغُسْلِ كَصَلَاةٍ (أَوْ آدَاءٍ) غُسْلٍ (أَوْ فَرَضٍ غُسْلٍ). وَفِي مَعْنَاهُ الْغُسْلُ الْمَفْرُوضُ وَالطَّهَارَةُ لِلصَّلَاةِ، بِخِلَافِ نِيَّةِ الْغُسْلِ لِأَنَّهُ قَدْ يَكُونُ عَادَةً.

205. (Sekurang-kurangnya) iaitu mandi kerana janabah dan seumpamanya (adalah niat mengangkat hadath atau seumpama janabah) seperti haid, iaitu mengangkat hukum demikian itu, (atau) niat (mengharuskan perkara yang berhajat kepadanya) iaitu kepada mandi seperti sembahyang, (atau menunaikan) mandi (atau fardhu mandi). Pada makna yang disebutkan itu adalah mandi yang fardhu dan thoharah untuk sembahyang, bersalahan niat mandi kerana ia terkadang adalah adat.

وَذَكَرُ نِيَّةَ رَفَعِ الْحَدَّثِ وَنَحْوِ الْجَنَابَةِ مِنْ زِيَادَتِي. وَتَعْبِيرِي بِأَدَاءٍ أَوْ فَرَضِ الْغُسْلِ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِأَدَاءٍ فَرَضِ الْغُسْلِ. وَظَاهِرٌ أَنَّ نِيَّةً مَنْ بِهِ سَلْسٌ مِنْ نِيَّةِ كَثِيرَةٍ مِنْ بِهِ سَلْسٌ بَوْلٍ. وَقَدْ مَرَّ بَيَانُهَا.

206. Menyebutkan niat mengangkat hadath dan umpama janabah daripada tambahan ku. Ibarat ku dengan "menunaikan" atau "fardhu mandi" terutama dari ibaratnya dengan "menunaikan fardhu mandi". Zahir nya bahawa niat orang yang bertalian mani seperti niat orang yang bertalian kencing. Sungguh telah lalu keterangannya.

(مَقْرُونَةٌ بِأُولِهِ) أَي : الْغُسْلِ . فَلَوْ نَوَى بَعْدَ غُسْلِ جُزْءٍ وَجِبَ إِعَادَةُ غُسْلِهِ .

207. (hal keadaan ia disertakan dengan awalnya) iaitu mandi. Maka kalau dia niat selepas basuh satu jujuk wajib mengulang basuhnya.

(وَتَعْمِيمُ ظَاهِرِ بَدَنِهِ) بِالْمَاءِ حَتَّى الْأَظْفَارِ وَالشَّعْرِ وَمَنْبَتِهِ وَإِنْ كُنْفَ وَمَا يَظْهَرُ مِنْ صِمَاحِ الْأَدْنَيْنِ وَمِنْ فَرْجِ الْمَرْأَةِ عِنْدَ قَعُودِهَا لِقَضَاءِ حَاجَتِهَا وَمَا تَحْتَ الْفُلْفَلَةِ مِنَ الْأَقْفَلِ فَعَلِمَ أَنَّهُ لَا تَجِبُ مَضْمَضَةٌ وَاسْتِنْشَاقٌ كَمَا فِي الْوُضُوءِ وَلَا غُسْلُ شَعْرِ نَبْتٍ فِي الْعَيْنِ ، أَوْ الْأَنْفِ وَكَذَا بَاطِنُ عَقْدِهِ فَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَتَعْمِيمُ شَعْرِهِ وَيَشْرَهُ .

208. (dan meratakan zahir tubuhnya) dengan air hinggakan kuku dan rambut dan tempat tumbuhnya sekalipun tebal dan apa yang zahir daripada cuping telinga dan daripada faraj perempuan disisi duduknya untuk kadha hajatnya, dan apa yang dibawah kulup dari orang yang berkulup. Maka diketahui bahawa tidak wajib kumur-kumur dan sedut air kehidung sepertimana pada wudhuk, dan tidak basuh bulu yang tumbuh didalam mata atau hidung, begitu juga batin simpulan-simpulan rambut. Maka ibarat ku dengan apa yang disebutkan itu terutama dari kata Asal "dan meratakan rambut dan kulitnya".

(وَأَكْمَلُهُ إِزَالَةَ قَدَرٍ) بِمُعْجَمَةٍ ، طَاهِرًا كَانَ أَوْ نَجِسًا كَمَنِيِّ وَوَدِي اسْتِظْهَارًا (فَتَكْفِي غَسْنَةً) وَاحِدَةً (لِنَجَسٍ وَحَدَّثَ) لِأَنَّ مُوجِبَهُمَا وَاحِدٌ ، وَقَدْ حَصَلَ . (ثُمَّ) بَعْدَ إِزَالَةِ الْقَدَرِ (وَضُوءٍ) لِلِاتِّبَاعِ رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ . وَلَهُ أَنْ يُؤَخَّرَهُ أَوْ بَعْضَهُ عَنِ الْغُسْلِ .

209. (Paling sempurnanya menghilangkan cemar), suci ada ia atau najis seperti mani dan wadi kerana menzahirkan sampai air (maka memadai satu basuhan untuk najis dan hadath), kerana yang mewajibkan keduanya satu walhal ia telah terhasil. (Kemudian) selepas menghilangkan cemar itu (wudhuk) kerana ittiba' yang diriwayatkan oleh Bukhari. Boleh dia mentakhirkannya atau sebahagiannya dari mandi.

259. Yang kedua daripada sebab-sebab itu adalah (**hajatnya**) kepada air (**kerana dahaga**) haiwan (**yang dihormati, walaupun**) hajatnya kepada air untuk demikian itu (**pada masa depan**) kerana menjaga nyawa atau selainnya dari binasa, maka dia tayammum serta ujud air. Tidak diberati dia melakukan toharah dengannya kemudian mengumpulkannya dan memberinya minum kepada selain haiwan dabbah kerana ia dikira cemar pada adatnya³⁶. Keluar dengan yang dihormati oleh selainnya sepertimana telah lalu. Dahaga yang mengharuskan tayammum itu diiktibarkan dengan bimbangan perkara yang diiktibarkan pada sebab yang akan datang. Boleh orang yang dahaga mengambil air dari pemiliknya dengan kekerasan jika dia tidak memberikan air itu kepadanya.

³⁶ Mafhumnya wajib begitu untuk minuman dabbah.

(وَ) ثَالِثُهَا (خَوْفٌ مَحْدُورٌ مِنْ اسْتِعْمَالِهِ) أَي الْمَاءِ مُطْلَقًا أَوْ الْمَعْجُوزُ عَنْ تَسْخِينِهِ (كَمَرَضٍ وَبِطْعٍ بَرِّعٍ) يَفْتَحُ الْبَاءَ وَضَمَّهَا (وَزِيَادَةُ أَلَمٍ وَشِدَّةٌ فِي عَضْوِ ظَاهِرٍ) ، لِلْعُذْرِ وَلِلْأَيَّةِ السَّابِقَةِ . وَالشَّدِيدُ الْأَثَرُ الْمُسْتَكْرَهُ مِنْ تَغْيِيرِ لَوْنٍ وَنَحْوٍ وَاسْتِحْشَافٍ وَثَغْرَةٍ تَبْقَى وَالْحَمَةُ تَزِيدُ .

260. Ketiganya (takutkan perkara yang ditakuti kerana menggunakannya) iaitu air semata-mata³⁷ atau yang tidak dapat dipanaskan, (seperti sakit dan lambat sembuh dan bertambah sakit dan parut yang keji pada anggota zahir) kerana uzur dan kerana ayat yang lalu itu. Parut adalah kesan yang dibenci kesan dari perubahan warna atau kurus atau kecut³⁸ atau lubang yang kekal atau daging yang bertambah.

وَالظَّاهِرُ مَا يَبْدُو عِنْدَ الْمَهْنَةِ غَالِبًا كَالْوَجْهِ وَالْيَدَيْنِ . ذَكَرَ ذَلِكَ الرَّافِعِيُّ . وَذَكَرَ فِي الْجَنَائِبِ مَا حَاصِلُهُ أَنَّهُ مَا لَا يُعَدُّ كَشْفَهُ هُنَاكَ لِلْمُرُوءَةِ . وَيُمْكِنُ رُدُّهُ إِلَى الْأَوَّلِ . وَخَرَجَ بِالْفَاحِشِ الْيَسِيرِ كَقَلِيلِ سَوَادٍ ، وَبِالظَّاهِرِ الْفَاحِشِ فِي الْبَاطِنِ فَلَا أَثَرَ لَخَوْفِ ذَلِكَ . وَيُعْتَمَدُ فِي خَوْفِ مَا ذَكَرَ قَوْلُ عَدَلٍ فِي الرَّوَايَةِ .

261. Yang zahir adalah apa yang nampak ketika bekerja ghalibnya, seperti muka dan dua tangan. Menyebutkan demikian itu Rafi'e. Dia sebutkan didalam bab jenayah apa yang hasilnya bahawa ia apa yang tidak dikirakan terdedahnya suatu yang mencarikkan maruah. Terboleh menolaknya kepada yang pertama. Keluar dengan "yang keji" oleh yang sedikit seperti sedikit hitam, dan dengan "yang zahir" oleh parut yang keji pada batin maka tidak ada kesan bagi takutkan demikian itu. Dipegang pada takutkan apa yang disebutkan itu kata seorang yang adil pada riwayat.

وَذَكَرَ زِيَادَةَ الْأَلَمِ مِنْ زِيَادَتِي . وَبِهِ صَرَخَ فِي الرَّوْضَةِ وَأَصْلُهَا . وَتَغْيِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَعَمُّ مِنْ تَغْيِيرِهِ بِمَا ذَكَرَهُ . وَمَا ذَكَرْتَهُ مِنْ أَنَّ الْأَسْبَابَ ثَلَاثَةٌ هُوَ مَا فِي الْأَصْلِ ، وَذَكَرَهَا فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا سَبْعَةً ، وَكُلُّهَا فِي الْحَقِيقَةِ تَرْجِعُ إِلَى فَقْدِ الْمَاءِ حِسًّا أَوْ شَرْعًا .

262. Menyebutkan lebih kesakitan dari tambahan ku. Dengannya Nawawi menjelaskan didalam Raudhah dan asalnya. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan itu lebih umum dari ibaratnya dengan apa yang dia sebutkan. Apa yang aku sebutkan daripada bahawa sebab-sebab itu tiga adalah apa yang didalam Asal, dan dia menyebutkannya didalam Raudhah seperti asalnya tujuh perkara yang semuanya pada hakikatnya kembali kepada luput air pada hissi itu pada syara'.

(وَإِذَا امْتَنَعَ اسْتِعْمَالُهُ) أَي : الْمَاءِ (فِي عَضْوٍ) لِعَلَّةٍ (وَجَبَ تَيَمُّمٌ) لِئَلَّا يَخْلُوَ الْعَضْوُ عَنْ طَهْرٍ ، وَيَمِرُّ التُّرَابَ مَا أَمْكَنَ عَلَى الْعَلَّةِ إِنْ كَانَتْ بِمَحَلِّ التَّيَمُّمِ .

263. (Apabila tertegah penggunaan) air (pada satu anggota) kerana sakit (wajib tayammum) supaya tidak sunyi anggota itu dari suci. Dia memperlalukan tanah seberapa terboleh diatas yang sakit jika ianya pada tempat tayammum.

(وَ) وَجَبَ (غَسْلُ صَحِيحٍ) سِوَاءَ كَانَ عَلَى الْعَضْوِ سَاتِرٌ كَلِصُوقٍ يُخَافُ مِنْ نَزْعِهِ مَحْدُورًا أَمْ لَا ، لِخَبَرِ { إِذَا أَمَرْتُمْ بِأَمْرِ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ } . وَيَتَلَطَّفُ فِي غَسْلِ الصَّحِيحِ الْمَجَاوِرِ لِلْعَلِيلِ بِوَضْعِ خِرْقَةٍ مَبْلُوءَةٍ بِقُرْبِهِ وَيَتَحَامَلُ عَلَيْهَا لِيَنْعَسِلَ بِالْمَتَّقِاطِرِ مِنْهَا مَا حَوَالَيْهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَسِيلَ إِلَيْهِ .

264. Wajib (basuh yang sihat) sama sahaja ada diatas anggota itu apa yang menutupi seperti pembalut yang dibimbangkan perkara yang ditakuti kerana menanggalkannya atau tidak, kerana khabar ((bila aku suruh kamu dengan satu perkara maka datangkan darinya apa yang kamu mampu)). Dia berlembut pada membasuh yang sihat yang bersebelahan dengan yang sakit

³⁷ Yang sejuk atau yang panas atau . . .

³⁸ kurus serta basah. استخشاف – kurus serta kering.

dengan meletakkan perca kain yang basah berdekatnya dan menekannya supaya terbasuh dengan titisan darinya apa yang disekeliling yang sakit tanpa mengalir air kepadanya.

(وَ) وَجِبَ (مَسْحُ كُلِّ السَّاتِرِ) إِنْ كَانَ (إِنْ لَمْ يَجِبْ نَزْعُهُ بِمَاءٍ) لَا يَتْرَابُ اسْتِعْمَالًا لِلْمَاءِ مَا أَمَكَنَ. وَإِنَّمَا وَجِبَ مَسْحُ الْكُلِّ ؛ لِأَنَّهُ مَسْحٌ أَبِيحٌ لِلضَّرُورَةِ كَالْتَيِّمِمْ ، وَلَا يَجِبُ مَسْحُ مَحَلِّ الْعِلَّةِ بِالْمَاءِ .

265. Wajib (sapu seluruh pembalut) jika ada, (jika tidak wajib menanggalkannya, dengan air) tidak dengan tanah, kerana menggunakan air seberapa terbole. Hanyalah wajib sapu seluruhnya kerana ia sapuan yang diharuskan kerana dharurat seperti tayammum. Tidak wajib sapu tempat sakit dengan air.

(لَا تَرْتِيْبَ) بَيْنَ الثَّلَاثَةِ (لِنَحْوِ جُنْبٍ) فَلَا يَجِبُ لِأَنَّ التَّيْمَمَ هُنَا لِلْعِلَّةِ وَهِيَ بَاقِيَةٌ ، بِخِلَافِهِ فِيمَا مَرَّ فِي اسْتِعْمَالِ النَّاقِصِ فَإِنَّهُ لَفَقْدِ الْمَاءِ فَلَا بُدَّ مِنْ فَقْدِهِ ، بَلْ الْأَوْلَى هُنَا تَقْدِيمُهُ لِنَزِيلِ الْمَاءِ أَثَرَ التَّرَابِ . وَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أَعَمُّ مِنْ قَوْلِهِ وَلَا تَرْتِيْبَ بَيْنَهُمَا لِلْجُنْبِ . وَخَرَجَ بِنَحْوِ الْجُنْبِ الْمُحْدَثِ ، فَيَتَيَّمُ وَيَمْسَحُ بِالْمَاءِ وَقَدْ دَخَلَ غَسْلٌ عَلَيْهِ رِعَايَةً لِتَرْتِيْبِ الْوُضُوءِ .

266. (Tidak ada aturan) diantara tiga ini³⁹ (bagi umpama orang yang berjunub). Maka ianya tidak wajib kerana tayammum disini kerana sakit dan ianya kekal, bersalahan tayammum pada apa yang telah lalu pada penggunaan air yang kurang maka ianya kerana luput air maka tidak dapat tidak dari luputnya, bahkan yang terutama disini mendulukannya supaya air menghilangkan kesan tanah. Ibarat aku dengan demikian itu lebih umum dari katanya “tidak ada aturan diantara keduanya bagi orang berjunub”. Keluar dengan umpama orang berjunub orang yang berhadath maka dia bertayammum dan menyapu dengan air pada waktu masuk basuh anggota sakitnya kerana memelihara tertib wudhuk.

(أَوْ) اِمْتَنَعَ اسْتِعْمَالُهُ فِي (عُضْوَيْنِ فَتَيَّمَمَانَ) يَجْبَانُ . وَكُلُّ مَنْ الْيَدَيْنِ وَالرِّجْلَيْنِ كَعَضْوٍ وَاحِدٍ . وَيُنْدَبُ أَنْ يُجْعَلَ كُلُّ وَاحِدَةٍ كَعَضْوٍ . أَوْ فِي ثَلَاثَةِ أَعْضَاءٍ فَثَلَاثَ تَيَّمَمَاتٍ . أَوْ أَرْبَعَةً فَأَرْبَعَةً إِنْ عَمَّتِ الْعِلَّةُ الرَّأْسَ . وَإِنْ عَمَّتِ الْأَعْضَاءَ كُلَّهَا فَتَيَّمَمٌ وَاحِدٌ .

267. (atau) tertegah penggunaan air pada (dua anggota maka dua tayammum) yang wajib. Setiap daripada dua tangan dan dua kaki seperti anggota yang satu. Sunat menjadikan setiap satunya seperti satu anggota. Atau pada tiga anggota maka tiga tayammum atau pada empat maka empat jika sakit itu meratai kepala. Jika ia meratai semua anggota-anggota maka satu tayammum.

(وَمَنْ تَيَّمَمَ لِفَرَضٍ آخَرَ وَلَمْ يُحْدِثْ لَمْ يُعَدَّ غَسْلًا وَلَا مَسْحًا) بِالْمَاءِ لِبَقَاءِ طَهْرِهِ ؛ لِأَنَّهُ يَتَنَقَّلُ بِهِ ، وَإِنَّمَا أَعَادَ التَّيْمَمَ لِضَعْفِهِ عَنْ آدَاءِ الْفَرَضِ ، فَإِنْ أَحْدَثَ أَعَادَ غَسْلَ صَحِيحِ أَعْضَاءِ وَضُوئِهِ وَتَيَّمَمَ عَنْ عَلَيْهَا وَقَدْ غَسَلَهُ وَمَسَحَ السَّاتِرَ إِنْ كَانَ بِالْمَاءِ ، وَإِنْ كَادَتْ الْعِلَّةُ بِغَيْرِ أَعْضَاءِ وَضُوئِهِ تَيَّمَمَ لِحَدَثِهِ الْأَكْبَرَ وَتَوَضَّأَ لِلْأَصْغَرِ ، وَتَعْبِيرِي بِآخِرِ أَعَمُّ مِنْ قَوْلِهِ : ثَانٍ ، وَقَوْلِي : وَمَسْحًا مِنْ زِيَادَتِي .

268. (Orang yang bertayammum untuk fardhu yang lain walhal dia belum berhadath dia tidak mengulang basuh dan tidak sapu) dengan air itu kerana sucinya kekal kerana dia boleh melakukan sunat dengannya. Dia hanya mengulang tayammum kerana lemahnya dari menunaikan fardhu. Maka jika dia berhadath dia mengulang basuh anggota-anggota wudhuknya yang sihat dan bertayammum dari yang sakitnya pada waktu basuhnya dan dia menyapu pembalut jika ianya dengan air. Jika sakit itu pada selain anggota-anggota wudhuknya dia bertayammum untuk hadathnya yang besar dan berwudhuk untuk hadath kecil. Ibarat aku dengan “yang lain” lebih umum dari katanya “yang kedua”, dan kata aku “dan sapu” daripada tambahan ku.

³⁹ Tayammum dan basuh yang sihat dan sapu satir.

(فَصَلَّ) فِي كَيْفِيَّةِ التَّيْمُمِ وَغَيْرَهَا. 12 (يَتَيَمَّمُ بِتُرَابٍ طَهُورٍ لَهُ عُبَارٌ) حَتَّى مَا يُدَاوِي بِهِ قَالَ تَعَالَى : { فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا } أَي : تُرَابًا طَاهِرًا كَمَا فَسَّرَهُ ابْنُ عَبَّاسٍ وَغَيْرُهُ. وَالْمُرَادُ بِالطَّاهِرِ الطَّهُورُ كَمَا عَبَّرَتْ بِهِ. (وَلَوْ بِرَمْلٍ لَا يَلْصِقُ) بِالْعَضْوِ، فَإِنَّهُ يَتَيَمَّمُ بِهِ لِأَنَّهُ مِنْ طَبَقَاتِ الْأَرْضِ، وَالتُّرَابِ جِنْسٌ لَهُ. بِخِلَافِ مَا يَلْصِقُ بِالْعَضْوِ. وَالتَّقْيِيدُ بِعَدَمِ لُصُوقِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

269. **FASAL** pada kaifiat tayammum dan selainnya. (**Bertayammum seorang dengan tanah yang menyucikan yang punya debu**) hinggakan apa yang dibuat ubat. Kata Allah taala ((maka tujulah tanah yang baik)) iaitu tanah yang suci sepertimana ditafsirkan Ibnu Abbas dan selainnya. Yang dikehendaki dengan yang suci adalah yang menyucikan sepertimana aku ibaratkan dengannya. (**walaupun bersama dengan pasir yang tidak melekat**) dengan anggota, maka dia bertayammum dengannya kerana ia satu daripada lapisan-lapisan bumi, dan tanah itu jenisnya. Bersalahan apa yang melekat dengan anggota. Mengkaitkan dengan tidak melekatnya adalah daripada tambahan ku.

وَدَخَلَ فِي التُّرَابِ الْمَذْكُورِ الْمَحْرُوقُ مِنْهُ وَلَوْ أَسْوَدَ مَا لَمْ يَصِرْ رَمَادًا كَمَا فِي الرَّوْضَةِ وَغَيْرِهَا. وَخَرَجَ بِهِ التُّرَابُ الْمُتَجَسِّسُ وَمَا لَا عُبَارَ لَهُ وَالْمُسْتَعْمَلُ وَسَيَاتِي وَغَيْرُهَا كَنُورَةَ وَزَرْنِيخَ وَسَخَاقَةَ خَزَفَ وَمُخْتَلَطٌ بِدَقِيقٍ وَنَحْوِهِ مِمَّا يَغْلُقُ بِالْعَضْوِ، وَإِنْ قَلَّ الْخَلِيطُ، لِأَنَّهَا لَيْسَتْ فِي مَعْنَى التُّرَابِ، وَلِأَنَّ الْخَلِيطَ يَمْنَعُ وَصُولَ التُّرَابِ إِلَى الْعَضْوِ.

270. Masuk pada tanah yang tersebut itu tanah yang dibakar walaupun yang menjadi hitam selama ia tidak menjadi debu sepertimana didalam Raudhah dan selainnya. Keluar dengannya tanah mutanajjis dan yang tidak ada debu dan yang musta'mal, yang akan datang, dan selainnya seperti kapur dan batu kawi dan serbuk tembikar dan yang bergaul dengan tepung dan umpamanya daripada apa yang melekat dengan anggota sekalipun sedikit, kerana ia bukan pada makna tanah, dan kerana apa yang bergaul itu menegah sampai tanah kepada anggota.

(لَا بِمُسْتَعْمَلٍ) كَالْمَاءِ. (وَهُوَ مَا بَقِيَ بِعَضْوِهِ أَوْ تَنَاطَرٍ مِنْهُ) حَالَةَ التَّيْمُمِ كَالْمُنْقَاطِرِ مِنَ الْمَاءِ. وَيُؤْخَذُ مِنْ حَصْرِ الْمُسْتَعْمَلِ فِي ذَلِكَ صِحَّةُ تَيْمُمِ الْوَاحِدِ أَوْ الْكَثِيرِ مِنْ تُرَابٍ يَسِيرٍ مَرَّاتٍ كَثِيرَةً وَهُوَ كَذَلِكَ. وَلَوْ رَفَعَ يَدَهُ فِي أَثْنَاءِ مَسْحِ الْعَضْوِ ثُمَّ وَضَعَهَا صَحَّ عَلَى الْأَصْح. وَخَرَجَ بِزِيَادَتِي مِنْهُ مَا تَنَاطَرَ مِنْ غَيْرِ مَسِّ الْعَضْوِ فَإِنَّهُ غَيْرُ مُسْتَعْمَلٍ.

271. (**tidak dengan yang musta'mal**) sama seperti air. (**Ianya apa yang tinggal pada anggotanya atau apa yang berjatuhan darinya**) ketika tayammum, sama seperti yang menitik daripada air. Difaham dari menghadkan musta'mal pada demikian itu sah satu atau banyak tayammum dari tanah yang sedikit banyak kali yang mana ia seperti itu. Kalau dia mengangkatkan tangannya ditengah sapu anggota kemudian dia meletakkannya sah ia diatas yang paling sah. Keluar dengan tambahan ku “darinya” oleh apa yang berjatuhan tanpa sapu anggota maka ia bukan musta'mal.

(وَأَرْكَانُهُ) أَي التَّيْمُمِ خَمْسَةٌ. أَحَدُهَا (نَقْلُ تُرَابٍ ، وَلَوْ مِنْ وَجْهِ وَيَدٍ)، بَأَن يَنْقُلُهُ مِنْ أَحَدِهِمَا إِلَيْهِ أَوْ إِلَى الْآخَرِ. فَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أَعَمٌّ مِنْ قَوْلِهِ فَلَوْ نُقِلَ مِنْ وَجْهِ إِلَى يَدٍ أَوْ عَكْسَ كَفَى. وَكُنْفَلُهُ مِنْ أَحَدِهِمَا نَقْلُهُ مِنَ الْهَوَاءِ. وَنَقْلُهُ يَتَضَمَّنُ قَصْدَهُ لَوْجُوبِ قَرْنِ النِّيَّةِ بِهِ كَمَا يَأْتِي. وَإِنَّمَا صَرَّحُوا بِالْقَصْدِ لِلْأَيَّةِ فَاتَّهَأَ أَمْرَهُ بِالتَّيْمُمِ وَهُوَ الْقَصْدُ، وَالنَّقْلُ طَرِيقُهُ.

272. (**Rukun-rukunnya**) iaitu tayammum itu lima. Satu daripadanya (**pindahan tanah walaupun dari muka dan tangan**) dengan bahawa dia memindahkannya dari satu daripada keduanya kepadanya atau kepada yang yang satu lagi. Maka ibarat aku dengan demikian itu lebih umum dari katanya “maka kalau dipindahkan ia dari muka kepada tangan atau ‘akasnya memada”. Seperti memindahkannya dari satu daripada keduanya adalah memindahkannya dari udara. Pindahan tanah itu mengandungi kasadkannya kerana wajib menyertakan niat dengannya

sepertimana akan datang. Mereka hanya membuatkan kasad itu jelas hanyalah kerana ayat tersebut, maka ia menyuruh tayammum yang mana ia adalah kasad, pindahan itu jalannya.

(فَلَوْ سَفْتَهُ رِيحٌ عَلَيْهِ) أَي : الْوَجْهِ أَوْ الْيَدِ (فَرَدَّدَهُ) عَلَيْهِ (وَنَوَى لَمْ يَكْفِ) ، وَإِنْ قَصَدَ بِوُقُوفِهِ فِي مَهَبِّ الرِّيحِ النَّيْمَ لِأَنَّهُ لَمْ يَقْصِدِ الثَّرَابَ ، وَإِنَّمَا الثَّرَابُ أَتَاهُ لَمَّا قَصَدَ الرِّيحَ ، وَقِيلَ : يَكْفِي فِي صُورَةِ الْقَصْدِ وَاخْتَارَهُ السُّبُكِيُّ (وَلَوْ يَمَّمُ بِإِذْنِهِ) وَنِيَّتِهِ (صَحَّ) ، وَلَوْ بِلَا عُدْرِ إِقَامَةِ لِفَعْلٍ مَاذُونِهِ مَقَامَ فِعْلِهِ .

273. (Maka kalau angin meniup tanah keatasnya) iaitu muka atau tangan (maka dia menggosok tanah itu) diatasnya (dan berniat tidak memada), sekalipun dia kasadkan tayammum dengan dia berdiri pada tiupan angin itu, kerana sebenarnya dia tidak kasadkan tanah, tanah itu hanyalah datang kepadanya tatkala dia kasadkan angin. Dikatakan : memada ia pada rupa kasad, dan memilihnya Subki. (Kalau dia ditayammumkan dengan izinnya) dan niatnya (sah ia) walaupun tanpa uzur, kerana meletakkan perbuatan orang izinannya pada tempat perbuatannya.

(وَ) ثَانِيهَا (نِيَّةٌ اسْتِبَاحَةٌ مُفْتَقِرٌ إِلَيْهِ) أَي : التَّيْمُّ كَصَلَاةٍ وَمَسٌّ مُصْحَفٍ . فَتَغْيِيرِي بِذَلِكَ أَعْمٌ مِنْ تَغْيِيرِهِ بِاسْتِبَاحَةِ الصَّلَاةِ . وَبِذَلِكَ عِلْمٌ أَنَّهُ لَا يَكْفِي نِيَّةٌ رَفَعُ حَدَثٍ لِأَنَّ التَّيْمُّ لَا يَرْفَعُهُ ، وَلَا نِيَّةٌ فَرَضُ تَيْمُّمٍ . وَفَارَقَ الْوُضُوءُ بِأَنَّهُ طَهَارَةٌ ضَرُورَةٌ لَا يَصْلُحُ أَنْ يَكُونَ مَقْصُودًا . وَلِهَذَا لَا يُسَنُّ تَجْدِيدُهُ ، بِخِلَافِ الْوُضُوءِ .

274. Keduanya (niat mengharuskan perkara yang berhajat kepadanya) iaitu kepada tayammum seperti sembahyang dan sentuh mushaf. Maka ibarat ku dengan demikian itu lebih umum dari ibaratnya dengan “mengharuskan sembahyang”. Dengan demikian itu diketahui bahawa tidak memada niat mengangkat hadath kerana tayammum tidak mengangkatnya dan tidak niat fardhu tayammum. Ia melaini wudhuk dengan bahawa ianya dharurat tidak sesuai bahawa ia yang dimaksudkan. Kerana ini tidak sunat memaharuinya, bersalahan wudhuk.

(مَقْرُونَةٌ) أَي : النِّيَّةُ (يَنْقُلُ) أَوَّلَ لِأَنَّهُ أَوَّلُ الْأَرْكَانِ . (وَمُسْتَدَامَةٌ إِلَى مَسْحِ) لِشَيْءٍ مِنَ الْوَجْهِ . فَلَوْ عَزَبَتْ أَوْ أَحْدَثَتْ قَبْلَهُ لَمْ يَكْفِ ، لِأَنَّ النَّقْلَ وَإِنْ كَانَ رُكْنًا غَيْرُ مَقْصُودٍ فِي نَفْسِهِ .

275. (hal keadaan disertakan) niat itu (dengan pindahan) yang pertama kerana ia yang awal daripada rukun-rukunnya (dan dikekalkan hingga sapu) suatu daripada muka. Maka kalau ianya hilang atau dia berhadath sebelumnya tidak memada, kerana pindahan itu tidak dimaksudkan pada dirinya, sekalipun ia rukun.

(فَإِنْ نَوَى) بِالتَّيْمُّمِ (فَرَضًا أَوْ) نَوَاهُ (وَنَفَلًا) أَي اسْتِبَاحَتَهُمَا (فَلَهُ) مَعَ الْفَرَضِ (نَفْلٌ وَصَلَاةٌ جَدَائِرُ) وَخُطْبَةٌ جُمُعَةٌ ، وَإِنْ عَيَّنَ فَرَضًا عَلَيْهِ فَلَهُ فِعْلٌ غَيْرُهُ .

276. (Maka jika dia niat) dengan tayammumnya (akan sembahyang fardhu atau) dia niatkannya dan (sembahyang sunat) iaitu mengharuskan kedua-duanya (maka baginya) beserta sembahyang fardhu (sembahyang sunat dan sembahyang jenazah) dan khutbah jumaat. Jika dia menentukan sembahyang fardhu diatasnya maka boleh dia buat selainnya

(أَوْ) نَوَى (نَفَلًا أَوْ الصَّلَاةَ فَلَهُ غَيْرُ فَرَضٍ عَيْنٍ) مِنَ النَّوَافِلِ وَفُرُوضِ الْكِفَايَاتِ وَغَيْرِهِمَا كَمَسِّ الْمُصْحَفِ ، لِأَنَّ ذَلِكَ إِمَّا مِثْلُ مَا نَوَاهُ فِي جَوَازِ تَرْكِهِ لَهُ أَوْ دُونَهُ . أَمَّا الْفَرَضُ الْعَيْنِيُّ فَلَا يَسْتَبِيحُهُ فِيهِمَا ، أَمَّا فِي الْأُولَى فَلِأَنَّ الْفَرَضَ أَصْلًا لِلنَّفْلِ فَلَا يُجْعَلُ تَابِعًا ، وَأَمَّا فِي الثَّانِيَةِ فَلِلْأَخْذِ بِالْأَخْوَاطِ . وَذَكَرُ حُدْمِ غَيْرِ النَّوَافِلِ فِيهِمَا مِنْ زِيَادَتِي . وَمِثْلُهُمَا مَا لَوْ نَوَى فَرَضَ الْكِفَايَةِ كَأَنَّ نَوَى بِالتَّيْمُّمِ اسْتِبَاحَةَ خُطْبَةِ الْجُمُعَةِ فَيَمْتَدُّ الْجَمْعُ بِهِ بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ صَلَاةِ الْجُمُعَةِ . وَلَوْ نَوَى فَرَضَيْنِ اسْتَبَاحَ أَحَدَهُمَا ، أَوْ نَوَى مَسَّ مُصْحَفٍ أَوْ نَحْوِهِ اسْتِبَاحَةَ دُونَ النَّفْلِ . ذَكَرَهُ فِي الْمَجْمُوعِ .

277. (atau) dia niatkan (sembahyang sunat atau sembahyang maka baginya selain fardhu 'ain) daripada sembahyang-sembahyang sunat dan fardhu-fardhu kifayah dan selain keduanya,

seperti sentuh mushaf, kerana demikian itu samaada seumpama apa yang dia niatkan pada harus meninggalkannya atau kurang darinya. Adapun fardhu 'ain maka dia tidak mengharuskannya pada kedua-dua niat ini. Adapun pada yang pertama maka kerana sembahyang fardhu itu asal bagi sembahyang sunat maka ia tidak dijadikan pengikut, dan adapun pada yang kedua maka kerana mengambil cermat. Menyebutkan hukum sembahyang sunat pada keduanya daripada tambahan ku. Seumpama keduanya keadaan kalau dia niatkan fardhu kifayah seperti bahawa dia niat dengan tayammumnya mengharuskan khutbah jumaat maka tertegah himpun dengan tayammum itu diantaranya dan diantara sembahyang jumaat. Kalau dia niatkan dua fardhu dia mengharuskan satu daripadanya, atau dia niatkan sentuh mushaf atau umpamanya dia mengharuskannya, tidak sembahyang sunat. Menyebutkannya Nawawi didalam Majmuk.

(وَ) ثَالِثُهَا وَرَابِعُهَا وَخَامِسُهَا (مَسْحٌ وَجْهَهُ) حَتَّى مُسْتَرَسِلٍ لِحَيْتِهِ وَالْمُقْبِلِ مِنْ أَنْفِهِ عَلَى شَفْتَيْهِ، (ثُمَّ) مَسْحٌ (يَدَيْهِ بِمِرْفَقَيْهِ)، وَالْتَرْتِيبُ الْمَفَادُ بِنْتُمْ، بَأَنْ يَفْتَدِمَ الْوَجْهَ عَلَى الْيَدَيْنِ وَلَوْ فِي تَيْمَمٍ لِحَدَثٍ أَكْبَرَ، (لَا) مَسْحٌ (مِنْبِتِ شَعْرِهِ)، وَإِنْ حَفَّ فِي الْوَجْهِ وَالْيَدَيْنِ، فَلَا يَجِبُ لِعُسْرِهِ.

278. Ketiga dan keempat dan kelimanya (**sapu mukanya**) hinggakan janggut yang menjulur dan bahagian hidungnya yang mengadap dua bibirnya, (**kemudian**) sapu (**dua tangannya dengan dua sikunya**), dan tertib yang difaham dari "kemudian", dengan bahawa dia mendulukan muka diatas dua tangan, walaupun pada tayammum untuk hadath besar, (**tidak**) sapu (**tempat tumbuh rambutnya**) sekalipun nipis pada muka dan dua tangan, maka tidak wajib kerana payahnya.

(وَيَجِبُ نَقْلَتَانِ) لِلْوَجْهِ وَالْيَدَيْنِ، وَإِنْ أَمَكَنَ بِنَقْلِهِ بِخَرْقَةٍ أَوْ نَحْوِهَا، لِيُرُودِهِ فِي خَبْرِي أَبِي دَاوُدَ وَالْحَاكِمِ. وَلَفْظُ الْحَاكِمِ { التَّيْمَمُ ضَرْبَتَانِ : ضَرْبَةٌ لِلْوَجْهِ وَضَرْبَةٌ لِلْيَدَيْنِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ }، (لَا تَرْتِيبُهُمَا). فَلَوْ ضَرَبَ بِيَدَيْهِ مَعًا وَمَسَحَ وَجْهَهُ بِإِحْدَاهُمَا وَبِالْأُخْرَى الْأُخْرَى جَازًا. وَفَارَقَ الْمَسْحَ بِأَنَّهُ وَسِيلَةٌ وَالْمَسْحُ أَصْلٌ.

279. (**Wajib dua pemindahan**) untuk muka dan dua tangan, sekalipun terbolehtayammum dengan sepotong kain atau umpamanya, kerana waridnya pada dua khabar Abu Daud dan Hakim. Lafaz Hakim ((tayammum itu dua kali tepuk, sekali tepuk untuk muka dan sekali tepuk untuk dua tangan hingga dua siku)). (**tidak tertib keduanya**), maka kalau dia menepuk dengan dua tangannya serentak dan menyapu mukanya dengan satu daripada keduanya dan dengan yang satu lagi akan satu lagi harus ia. Tepuk itu melaini sapu dengan bahawa ianya wasilah seadngkan sapu itu asal.

وَعَلِمَ مِنْ تَعْبِيرِي بِالنَّقْلِ أَنَّهُ لَا يَتَعَيَّنُ الضَّرْبُ، وَإِنْ عَبَّرَ بِهِ الْأَصْلُ وَالْخَبَرُ. فَيَكْفِي تَمَعُّكُ وَوَضْعُ يَدٍ عَلَى تَرَابٍ نَاعِمٍ لِحُصُولِ الْمَقْصُودِ، فَالتَّعْبِيرُ بِالضَّرْبَتَيْنِ خَرَجَ مَخْرَجَ الْغَالِبِ، كَمَا أَنَّ قَوْلَهُ فِي الْخَبَرِ ضَرْبَةٌ لِلْوَجْهِ وَضَرْبَةٌ لِلْيَدَيْنِ كَذَلِكَ، إِذْ لَوْ مَسَحَ بِبَعْضِ ضَرْبَةِ الْوَجْهِ وَبِبَعْضِهَا مَعَ أُخْرَى الْيَدَيْنِ فَظَاهِرٌ أَنَّهُ يُجْزَى.

280. Diketahui dengan ibarat aku dengan "pindah" bahawa tidak tertentu tepuk, sekalipun Asal dan khabar itu mengibarati dengannya. Maka memada berguling dan meletakkan tangan diatas tanah lembut kerana terhasil maksud. Maka ibarat dengan "dua kali tepuk" itu dikelaurkan pada tempat keluar yang ghalib, sepertimana bahawa katanya pada khabar itu "sekali tepuk untuk muka dan sekali tepuk untuk dua tangan" seperti demikian itu, kerana kalau dia menyapu dengan sebahagian tepuk akan muka dan sengan sebahagian lagi bersama tepuk yang satu lagi akan dua tangan maka zahirnya bahawa ianya memada.

(وَسُنَّ تَسْمِيَةً) حَتَّى لِحَيْبٍ وَنَحْوِهِ أَوَّلُهُ، وَتَوَجُّهُ فِيهِ لِلْقِبْلَةِ، وَسَوَائِكَ، وَعَدَمُ تَكَرُّرِ مَسْحٍ، وَإِتْيَانُ بِالشَّهَادَتَيْنِ بَعْدَهُ، (وَوَلَاءٌ) فِيهِ بِتَقْدِيرِ التَّرَابِ مَاءً، (وَتَقْدِيمِ يَمِينِهِ) عَلَى يَسَارِهِ، (وَأَعْلَى وَجْهِهِ) عَلَى أَسْفَلِهِ، كَالْوَضُوءِ فِي الْجَمِيعِ إِلَّا عَدَمَ التَّكَرُّرِ. (وَتَخْفِيفِ غَبَارٍ) مِنْ كَفَيْهِ مَثَلًا إِنْ كَثُرَ، بَأَنْ يَنْفُضَهُمَا أَوْ يَنْفُخَهُ عَنْهُمَا لِيَلَّا يَتَشَوَّهَ الْعُضْوُ بِالمَسْحِ، (وَتَفْرِيقِ أَصَابِعِهِ أَوَّلَ كُلِّ) مِنْ النَّقْلَتَيْنِ لِأَنَّهُ أَبْلَغُ فِي إِثَارَةِ الْغُبَارِ، فَلَا يَحْتَاجُ إِلَى

زِيَادَةٌ عَلَيْهِمَا، (وَنَزَعُ خَاتَمِهِ فِي الْأُولَى) لِيَكُونَ مَسْحُ الْوَجْهِ بِجَمِيعِ الْيَدِ. وَالتَّصْرِيحُ بِسَنِّ هَذَا مِنْ زِيَادَتِي (وَيَجِبُ) نَزْعُهُ (فِي الثَّانِيَةِ) لِيَصِلَ التُّرَابُ إِلَى مَحَلِّهِ. وَلَا يَكْفِي تَحْرِيكُهُ، بِخِلَافِهِ فِي الطَّهْرِ بِالْمَاءِ لِأَنَّ التُّرَابَ لَا يَدْخُلُ تَحْتَهُ بِخِلَافِ الْمَاءِ. فَيَجِبُ نَزْعُهُ إِنَّمَا هُوَ عِنْدَ الْمَسْحِ لَا عِنْدَ النَّقْلِ.

281. (Sunat tasmiah) hinggakan bagi orang berjunub dan umpamanya, pada awalnya, dan mengadap kiblat padanya, dan bersiwak, dan tidak mengulang sapu, dan mendatangkan dua syahadah selepasnya, (dan mualat) padanya dengan mentakdirkan tanah sebagai air, (dan mendulukan yang kanan) diatas yang kiri, (dan bahagian atas mukanya) diatas bahagian bawahnya, sama seperti wudhuk pada semuanya melainkan pada tidak ada ulangan, (dan menipiskan debu) dari dua tapak tangannya sebagai contoh jika ia banyak, dengan bahawa dia meretak-retakkan keduanya atau menghembusnya dari keduanya supaya tidak hodoh anggota-anggota dengan sapu, (dan menjarangkan jari-jarinya pada awal setiap) daripada dua pindahan itu supaya ia lebih mendalam pada membangkitkan debu maka dia tidak berhajat kepada menambah diatas keduanya, (dan menanggalkan cincin pada yang pertama) supaya adalah sapu muka itu dengan seluruh tangan. Penjelasan dengan sunat ini daripada tambahan ku. (Wajib) menanggalkannya (pada yang kedua) supaya sampai tanah kepada tempatnya. Tidak memada menggerakkannya, bersalahan pada bersuci dengan air kerana tanah tidak masuk kebawahnya, bersalahan air. Maka wajib menanggal cincin hanyalah disisi sapu, bukan disisi pindah tanah.

(وَمَنْ تَيَمَّمَ لِفَقْدِ مَاءِ فَجَوَّزَهُ لَا فِي صَلَاةٍ) وَلَوْ فِي تَحْرَمِهِ (بَطَلٌ) تَيَمُّمُهُ؛ لِأَنَّهُ لَمْ يَتَلَبَّسْ بِالْمَقْصُودِ فَصَارَ كَمَا لَوْ جَوَّزَهُ فِي أَثْنَاءِ التَّيَمُّمِ، (بِلَا مَانِعٍ) مَنْ اسْتَعْمَلَ الْمَاءَ يُقَارَنُ تَجْوِيزُهُ. فَإِنْ كَانَ ثَمَّ مَانِعٌ مِنْهُ كَعَطَشٍ وَسَبْعٍ لَمْ يَبْطُلْ تَيَمُّمُهُ؛ لِأَنَّ وُجُودَ الْمَاءِ حِينَئِذٍ كَالْعَدَمِ. وَقَوْلِي: فَجَوَّزَهُ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ فَوَجَدَهُ لِأَنَّ وُجُودَهُ لَيْسَ بِقَيْدٍ.

282. (Orang yang tayammum kerana luput air kemudian dia mengharuskannya tidak didalam sembahyang) walaupun pada takbir ihramnya (batal) tayammumnya kerana dia belum bersepakai dengan maksud tayammum maka jadilah sepertimana kalau dia mengharuskannya ditengah tayammum, (tanpa ada perkara yang menghalang) dari penggunaan air yang beserta dengan pengharusannya. Maka jika disana ada penghalang darinya seperti dahaga dan binatang buas tidak batal tayammumnya kerana ujud air ketika itu seperti tidak ujud. Kata aku "maka dia mengharuskannya" terutama dari katanya "maka dia mendapatinya" kerana ujudnya bukannya kait.

(أَوْ وَجَدَهُ فِيهَا) أَي فِي صَلَاةٍ وَلَا مَانِعٍ (وَلَمْ تَسْقُطْ بِهِ) أَي بِالتَّيَمُّمِ كَصَلَاةِ الْمُتَيَمِّمِ بِمَحَلٍّ لَا يَنْدُرُ فِيهِ فَقْدُ الْمَاءِ كَمَا سَيَأْتِي (بَطَلَتْ). فَلَا يَتَيَمُّهَا إِذْ لَا فَائِدَةَ فِي إِتْمَامِهَا لَوْ جُوبَ إِعَادَتِهَا.

283. (atau dia mendapat air didalam didalam sembahyang) dan tidak ada penghalang (dan tidak gugur ia dengannya) iaitu dengan tayammum itu seperti sembahyang orang yang tayammum pada tempat yang jarang padanya luput air sepertimana akan datang (batal ia), maka tidak boleh dia menyempurnakannya kerana tidak ada faedah pada menyempurnakannya kerana wajib mengulanginya.

(وَالْإِلا) بِأَنَّ جَوَّزَ وُجُودَهُ فِيهَا أَوْ وَجَدَهُ وَكَانَتْ تَسْقُطُ بِالتَّيَمُّمِ كَصَلَاةِ الْمُتَيَمِّمِ بِمَحَلٍّ لَا يَنْدُرُ فِيهِ فَقْدُ الْمَاءِ كَمَا سَيَأْتِي (فَلَا) تَبْطُلُ، وَإِنْ كَانَتْ نَفْلًا. فَلَهُ إِتْمَامُهَا لِتَلَبُّسِهِ بِالْمَقْصُودِ وَلَا مَانِعٍ مِنْ إِتْمَامِهِ، كَوُجُودِ الْمُكْفَرِ الرَّقِيقَةِ فِي الصَّوْمِ. نَعَمْ، إِنْ بَوَى الْإِقَامَةَ أَوْ الْإِتْمَامَ فِي مَقْصُورَةٍ بَعْدَ وُجُودِ الْمَاءِ بَطَلَتْ لِخُدُوثِ مَا لَمْ يَسْتَبِيحْهُ؛ إِذَا الْإِتْمَامُ كَأَفْتِتَاحِ صَلَاةٍ أُخْرَى.

284. (Jika tidak), dengan bahawa dia mengharuskan ujudnya didalam sembahyang atau dia mendapatinya dan adalah ia gugur dengan tayammum itu seperti sembahyang orang yang tayammum pada tempat yang tidak jarang padanya luput air sepertimana akan datang (maka

tidak) batal ia sekalipun ianya sunat. Maka boleh dia menyempurnakannya kerana dia telah bersepakai dengan maksud tayammum dan tidak ada penghalang dari menyempurnakannya, sama seperti seorang pembayar kifarfat mendapat hamba didalam puasanya. Na'am, jika dia niat bermukim atau menyempurnakan pada sembahyang qasar selepas ujud air batal sembahyang itu kerana mendatang apa yang dia tidak mengharuskannya kerana menyempurnakan sembahyang itu sama seperti memulakan sembahyang lain.

(وَقَطَعَهَا) وَلَوْ فَرِيضَةً لَيَتَوَضَّأُ وَيُصَلِّي بِدَلَّهَا (أَفْضَلُ) مِنْ إِتْمَامِهَا، لِيُخْرَجَ مِنْ خِلَافِ مَنْ حَرَّمَ إِتْمَامَهَا. (وَحَرَّمَ) أَي قَطَعَهَا (فِي فَرَضٍ) إِنْ (ضَاقَ وَقْتُهُ) عَنْهُ لِنَلَا يُخْرَجُهُ عَنْ وَقْتِهِ مَعَ قُدْرَتِهِ عَلَى آدَائِهِ فِيهِ. وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي. وَبِهِ جَزَمَ فِي التَّحْقِيقِ، وَإِنْ ضَعُفَ فِي الرُّوْضَةِ وَأَصْلِهَا.

285. (**Memutuskannya**) walaupun ia fardhu untuk dia berwudhuk dan sembahyang gantinya (**terafdhal**) dari menyempurnakannya, supaya dia keluar dari khilaf orang yang mengharamkan dari menyempurnakannya. (**Haram**) memutuskannya (**pada fardhu**) jika (**sempit waktunya**) darinya supaya dia tidak mengeluarkannya dari waktunya serta kuasa diatas menunaikannya didalamnya. Ini daripada tambahan ku. Dengannya jazam Nawawi didalam Tahkik sekalipun dia mendhaifkannya didalam Raudhah dan asalunya.

(وَالْمُتَقَلِّلُ) الْوَاحِدُ لِلْمَاءِ فِي صَلَاتِهِ (إِنْ نَوَى قَدْرًا) رَكْعَةً أَوْ أَكْثَرَ (أْتَمَّهُ) لِإِنْعِقَادِ نِيَّتِهِ عَلَيْهِ. (وَإِلَّا) أَي وَإِنْ لَمْ يَنْوِ قَدْرًا (فَ) لَا يُجَاوِزُ (رَكْعَتَيْنِ) ؛ لِأَنَّهُ الْأَحَبُّ وَالْمَعْهُودُ فِي النَّفْلِ. نَعَمْ، إِنْ وَجَدَهُ فِي ثَالِثَةِ فَمَا دُونَهَا⁴⁰ أْتَمَّهَا لِأَنَّهَا لَا تَتَّبَعُ.

286. (**Orang yang mengerjakan sembahyang sunat**) yang mendapat air didalam sembahyangnya (**jika dia niatkan satu kadar**) satu rakaat atau lebih (**dia menyempurnakannya**) kerana terjadi niatnya diatas kadar itu. (**Jika tidak**), iaitu jika dia tidak meniatkan satu kadar (**maka**) tidak boleh dia melampaui (**dua rakaat**), kerana ia yang sunat dan yang maklum pada sembahyang sunat. Na'am, jika dia mendapatnya pada rakaat ketiga maka lebih darinya dia menyempurnakannya supaya ia tidak boleh disetengahkan.

(وَلَا يُؤَدِّي بِهِ) أَي بِتَيْمَمِهِ لِفَرِيضَةِ عَيْنِيَّةٍ (مِنْ فُرُوضٍ عَيْنِيَّةٍ غَيْرِ وَاحِدٍ، وَلَوْ نَذْرًا) لِأَنَّهُ طَهَارَةٌ ضَرُورَةٌ، فَيَتَقَدَّرُ بِقَدْرِهَا. فَيَمْتَنِعُ جَمْعَهُ بَيْنَ صَلَاتَيْ فَرَضٍ وَلَوْ صَدَبًا وَبَيْنَ طَوَافَيْنِ، (إِلَّا تَمَكَّنَ حَلِيلٌ) لِلْمَرْأَةِ، فَلَهَا تَمَكُّنُهُ مِنَ الْوُطْءِ مِرَارًا، وَأَنْ تَجْمَعَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ فَرَضٍ آخَرَ.

287. (**Tidak boleh dia tunaikan dengan tayammumnya**) yang untuk fardhu 'ain (**daripada fardhu-fardhu 'ain melainkan satu walaupun yang nazar**) kerana ia toharah dharurat maka dikadarkan ia dengan kadarnya. Maka tertegah menghimpunkan diantara dua sembahyang fardhu, walaupun dia kanak-kanak, dan diantara dua tawaf (**melainkan tamkin halil**) bagi perempuan, maka boleh dia menyerah diri kepadanya untuk setubuh berkali-kali, dan bahawa dia menghimpunkan diantaranya dan diantara fardhu yang lain.

وَخَرَجَ بِالْفُرُوضِ الْعَيْنِيَّةِ النَّفْلِ وَفُرُوضِ الْكِفَايَةِ كَصَلَاةِ الْجَنَازَةِ، فَلَهُ فِعْلٌ مَا شَاءَ مِنْهُمَا كَمَا عَلِمَ مِمَّا مَرَّ، لِأَنَّ النَّفْلَ لَا يَنْحَصِرُ فُخْفَفَ أَمْرُهُ، وَصَلَاةُ الْجَنَازِ تَشْدِيدُ النَّفْلِ فِي جَوَازِ التَّرْكِ، وَتَعْيِينُهَا عِنْدَ انْفِرَادِ الْمُكَلَّفِ عَارِضٌ. وَقَوْلِي يُؤَدِّي أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ : يُصَلِّي. وَالِاسْتِنَاءُ مِنْ زِيَادَتِي.

288. Keluar dengan "fardhu-fardhu 'ain" oleh sembahyang sunat dan fardhu kifayah seperti sembahyang jenazah, maka boleh dia melakukan apa yang dia hendak daripada keduanya sepertimana diketahui daripada apa yang telah lalu, kerana sembahyang sunat tidak terhad maka ditinggalkan urusannya, dan sembahyang jenazah itu menyerupai sembahyang sunat pada harus meninggalkannya, jadi fardhu 'ainnya disisi sendirian seorang mukallaf adalah suatu yang

⁴⁰الصواب فما فوقها

mendatang. Kata aku "menunaikan" lebih umum dari katanya "sembahyangkan". Pengecualian itu daripada tambahan ku.

(وَمَنْ نَسِيَ إِحْدَى الْخُمْسِ) وَلَمْ يَعْلَمْ عَيْنَهَا (كَفَاهُ لَهُنَّ تَيْمُّمٌ) ؛ لِأَنَّ الْفَرَضَ وَاحِدٌ وَمَا سِوَاهُ وَسِيْلَةٌ لَهُ ، فَلَوْ تَذَكَّرَ الْمُنْسِيَّ بَعْدَ أَنْ تَجَبَّ إِعَادَتُهَا ، كَمَا رَجَّحَهُ فِي الْمَجْمُوعِ ، وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ : كَفَاهُ تَيْمُّمٌ لَهُنَّ لِأَنَّهُ قَدْ يُوْهِمُ تَعَلُّقَ لَهُنَّ بِتَيْمُّمٍ فَيَقْتَضِي اسْتِرَاطَ كَوْنِ التَّيْمُّمِ لَهُنَّ وَلَيْسَ مُرَادًا .

289. (Orang yang lupakan satu daripada lima sembahyang) dan dia tidak tahukan 'ainnya (memadainya untuk lima itu satu tayammum) kerana fardhu itu satu dan apa yang selainnya adalah wasilah kepunya. Maka kalau dia ingat apa yang dilupakan selepas itu tidak wajib mengulanginya sepertimana dia tarjihkan didalam Majmuk. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan itu terutama dari katanya "memadainya satu tayammum untuk kelimanya" kerana ia terkadang mewahamkan ta'aluk "baginya" dengan "tayammum"⁴¹, maka ia menuntut mensyaratkan keadaan tayammum itu untuk kelima-limanya sedangkan ia bukan yang dikehendaki.

(أَوْ) نَسِيَ مِنْهُنَّ (مُخْتَلَفَتَيْنِ) وَلَمْ يَعْلَمْ عَيْنَهُمَا (صَلَّى كُلًّا) مِنْهُنَّ (بِتَيْمُّمٍ أَوْ) صَلَّى (أَرْبَعًا) كَالظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ (بِهِ) أَيِّ بِتَيْمُّمٍ (وَأَرْبَعًا لَيْسَ مِنْهَا مَا بَدَأَ بِهَا) أَيُّ الْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ وَالصُّبْحِ (بِ) تَيْمُّمٍ (آخَرَ) ، فَيَبْرَأُ بَيِّقِينَ لِأَنَّ الْمُنْسِيَّتَيْنِ إِمَّا الظُّهْرَ وَالصُّبْحَ أَوْ إِحْدَاهُمَا مَعَ إِحْدَى الثَّلَاثِ أَوْ هُمَا مِنَ الثَّلَاثِ . وَعَلَى كُلِّ تَقْدِيرٍ صَلَّى كُلًّا مِنْهُمَا بِتَيْمُّمٍ .

290. (atau) dia lupakan dari lima sembahyang (akan dua sembahyang yang berlainan) dan dia tidak tahukan 'ain keduanya (dia sembahyangkan setiap satu) daripada lima sembahyang itu (dengan satu tayammum, atau) dia sembahyangkan (empat) seperti zohor dan asar dan maghrib dan isyak (dengannya) iaitu dengan satu tayammum (dan empat lagi yang tidak ada daripadanya sembahyang yang dia mula dengannya) iaitu asar dan maghrib dan isyak dan subuh (dengan) tayammum (yang lain), maka dia lepas dengan yakin, kerana dua sembahyang yang dilupakan itu samaada zohor dan subuh, atau satu daripada keduanya serta satu daripada tiga sembahyang lagi, atau kedua-duanya daripada tiga sembahyang lagi. Diatas setiap takdir dia sembahyangkan setiap satu daripada keduanya dengan satu tayammum.

أَمَّا إِذَا كَانَ مِنْهَا الَّتِي بَدَأَ بِهَا كَأَنَّ صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالصُّبْحَ فَلَا يَبْرَأُ بَيِّقِينَ لِحُجُوزِ كَوْنِ الْمُنْسِيَّتَيْنِ الْعِشَاءَ وَوَاحِدَةً غَيْرَ الصُّبْحِ ، فَبِالتَّيْمُّمِ الْأَوَّلِ تَصِحُّ تِلْكَ الْوَاحِدَةُ دُونَ الْعِشَاءِ وَبِالثَّنَائِي لَمْ يُصَلِّ الْعِشَاءَ . وَكَتَفَى بِتَيْمُّمَيْنِ لِأَنَّهُمَا عَدَدُ الْمُنْسِيِّ . وَقَضِيَّةُ قَوْلِ الْأَصْلِ أَرْبَعًا وَلِأَنَّ اسْتِرَاطَ الْوَلَاءِ ، وَلَيْسَ كَذَلِكَ . فَلِهَذَا حَذَفْتَهُ .

291. Adapun apabila satu daripada empat yang kedua itu sembahyang yang dia mulakan dengannya seperti bahawa dia sembahyangkan zohor dan asar dan maghrib dan subuh maka dia tidak lepas dengan yakin kerana harus keadaan dua sembahyang yang dilupakan itu isyak dan satu yang selain subuh, maka dengan tayammum pertama sah yang satu itu, tidak isyak, dan dengan tayammum kedua tidak dia sembahyangkan isyak. Dipadankan dengan dua tayammum kerana ia adalah bilangan sembahyang yang dilupakan itu. Kehendak kata Asal "empat berturutan" adalah disyaratkan berturutan sedangkan ia tidak seperti demikian itu, maka kerana ini aku hazafkannya.

(أَوْ) نَسِيَ مِنْهُنَّ (مُتَّفَقَتَيْنِ أَوْ شَكَّ) فِي اتَّفَاقِهِمَا وَلَمْ يَعْلَمْ عَيْنَهُمَا وَلَا تَكُونُ الْمُتَّفَقَتَانِ إِلَّا مِنْ يَوْمَيْنِ (فَ) يُصَلِّي (الْخُمْسَ مَرَّتَيْنِ بِتَيْمُّمَيْنِ) لِيَبْرَأَ بَيِّقِينَ ، وَقَوْلِي : أَوْ شَكَّ مِنْ زِيَادَتِي

⁴¹ Bahkan ta'luk "لهن" pada "كفاه".

292. (atau) dia lupakan daripada lima sembahyang (**dua yang sama atau dia syak**) pada sama kedua-duanya dan dia tidak tahukan 'ain kedua-duanya, tidak adalah dua yang sama ini melainkan dari dua hari, (**maka**) dia sembahyangkan (**lima sembahyang itu dua kali dengan dua tayammum**) supaya dia lepas dengan yakin. Kata aku "atau dia syak" daripada tambahan ku.

(وَلَا يَتَيَّمُّ لِمَوْقَتٍ) فَرَضًا كَانَ أَوْ نَفْلًا (قَبْلَ وَقْتِهِ) ، لِأَنَّ التَّيَّمَّ طَهَارَةٌ ضَرْوَةٌ ، وَلَا ضَرْوَةٌ قَبْلَ الْوَقْتِ ، بَلْ يَتَيَّمُّ لَهُ فِيهِ وَلَوْ قَبْلَ الْإِثْنَانِ بِشَرْطِهِ كَسْتَرٍ وَخُطْبَةِ جُمُعَةٍ ، وَإِنْ أَوْهَمَ تَعْبِيرُ الْأَصْلِ بِوَقْتٍ فَعَلِهِ خِلَافَ ذَلِكَ . وَلِهَذَا افْتَصَرَتْ كَالرُّوَضَةِ وَأَصْلُهَا عَلَى وَقْتِهِ .

293. (Tidak bertayammum seorang untuk sembahyang yang berwaktu) fardhu atau sunat (sebelum waktunya) kerana tayammum itu toharah dharurat dan tidak ada dharurat sebelum waktunya, bahkan dia bertayammum untuknya pada waktunya walaupun sebelum mendatangkan syaratnya seperti menutup aurat dan khutbah jumaat, sekalipun ibarat Asal dengan "waktu melakukannya" mewahamkan apa yang menyalahi demikian itu. Kerana ini aku hadkan diatas waktunya sama seperti Raudhah dan asalnya.

وَإِنَّمَا لَمْ يَصِحَّ التَّيَّمُّ قَبْلَ زَوَالِ النَّجَاسَةِ عَنِ الْبَدَنِ لِتَضَمُّنِهَا بِهَا مَعَ كَوْنِ التَّيَّمِّ طَهَارَةً ضَعِيفَةً ، لَا لِكَوْنِ زَوَالِهَا شَرْطًا لِلصَّلَاةِ . وَإِلَّا لَمَا صَحَّ التَّيَّمُّ قَبْلَ زَوَالِهَا عَنِ الثُّوبِ وَالْمَكَانِ . وَالْوَقْتُ شَامِلٌ لِقَوْلِ الْجَوَانِ وَالْوَقْتُ الْعُرَى . وَيَدْخُلُ وَقْتُ صَلَاةِ الْجَنَازَةِ بِانْقِضَاءِ الْغُسْلِ أَوْ بَدَلِهِ . وَيَتَيَّمُّ لِلنَّفْلِ الْمُطْلَقِ فِي كُلِّ وَقْتٍ أَرَادَهُ ، إِلَّا وَقْتُ الْكِرَاهَةِ . وَيَشْتَرِطُ الْعِلْمُ بِالْوَقْتِ فَلَوْ تَيَّمَّ شَاكًا فِيهِ لَمْ يَصِحَّ ، وَإِنْ صَادَقَهُ .

294. Hanyalah tidak sah tayammum sebelum hilang najis dari tubuh kerana berlumur dengannya serta keadaan tayammum itu toharah yang lemah, bukan kerana keadaan hilangnya syarat bagi sembahyang. Jika tidak tentu tidak sah tayammum sebelum hilangnya dari kain dan tempat sembahyang. Waktu itu meliputi waktu harus dan waktu uzur. Masuk waktu sembahyang jenazah dengan selesai mandinya atau gantinya. Dia bertayammum untuk sembahyang sunat mutlak pada setiap waktu dia hendakkannya, melainkan waktu karahah. Disyaratkan tahu waktunya,. Maka kalau dia bertayammum dalam keadaan dia syak padanya tidak sah ia, sekalipun ia membetulinya.

(وَعَلَى فَاقدِ) الْمَاءِ وَالتُّرَابِ (الطَّهْرَيْنِ) كَمَحْبُوسٍ بِمَحَلٍّ لَيْسَ فِيهِ وَاحِدٌ مِنْهُمَا (أَنْ يُصَلِّيَ الْفَرَضَ) لِحُرْمَةِ الْوَقْتِ ، (وَيُعِيدُ) إِذَا وَجَدَ أَحَدَهُمَا . وَإِنَّمَا يُعِيدُ بِالتَّيَّمِّ فِي مَحَلٍّ يَسْقُطُ بِهِ الْفَرَضُ ، إِذْ لَا فَائِدَةَ فِي الْإِعَادَةِ فِي مَحَلٍّ لَا يَسْقُطُ بِهِ الْفَرَضُ . وَخَرَجَ بِالْفَرَضِ النَّفْلُ فَلَا يُفْعَلُ .

295. (Kena diatas orang yang luput) air dan tanah (**yang menyucikan**) seperti orang yang terpenjara pada tempat yang tidak ada padanya satu daripada keduanya (**bahawa dia sembahyang fardhu**) untuk menghormati waktu (**dan dia mengulang**) bila dia mendapat satu daripada keduanya. Dia hanya mengulang dengan tayammum pada tempat yang gugur fardhu padanya kerana tidak ada faedah mengulangnya pada tempat yang tidak gugur fardhu padanya. Keluar dengan fardhu oleh sembahyang sunat maka ia tidak dibuat.

(وَيَقْضِي) وَجُوبًا (مُتَيَّمِّ) وَلَوْ فِي سَفَرٍ (لِبَرْدٍ) لِنُدْرَةِ فَقْدِ مَا يُسَخَّنُ بِهِ الْمَاءُ أَوْ يُدْتَرُّ بِهِ أَعْضَاءُهُ ، (وَ) مُتَيَّمِّ (لِفَقْدِ مَاءٍ) بِمَحَلٍّ (يَنْدُرُ) فِيهِ فَقْدُهُ ، وَلَوْ مُسَافِرًا لِنُدْرَةِ فَقْدِهِ ، بِخِلَافِهِ بِمَحَلٍّ لَا يَنْدُرُ فِيهِ ذَلِكَ وَلَوْ مُقِيمًا . (وَ) مُتَيَّمِّ (لِعُدْرِ) كَفَقْدِ مَاءٍ وَجُرْحٍ (فِي سَفَرٍ مَعْصِيَةٍ) كَأَبِي ، لِأَنَّ عَدَمَ الْقَضَاءِ رُخْصَةٌ فَلَا تَنَاطُ بِسَفَرِ الْمَعْصِيَةِ .

296. (Mengkadha) diatas jalan wajib (seorang yang bertayammum) walaupun pada safar (kerana sejuk) kerana jarang luput apa yang boleh dia panaskan air atau dia selimutkan anggota-anggotanya dengannya, (**dan**) orang yang bertayammum (kerana luput air) pada tempat (**yang**

jarang) luputnya padanya, walaupun dia musafir kerana jarang luputnya, bersalahan luputnya pada tempat yang tidak jarang padanya demikian itu walaupun dia orang bermukim. (**dan**) orang yang bertayammum (**kerana uzur**) seperti luput air dan luka (**pada safar maksiat**) seperti hamba yang melarikan diri, kerana tidak kadha itu kelonggaran maka ia tidak digantungkan dengan safar maksiat.

وَضَبُّي لِلْقَضَاءِ وَلِعَدَمِهِ بِمَا تَقَرَّرَ هُوَ التَّحْقِيقُ، فَضَبُّ الْأَصْلِ لَهُ بِالْمُتَيَّمِ فِي الْإِقَامَةِ وَلِعَدَمِهِ بِالتَّيَمُّمِ فِي السَّفَرِ جَرَى عَلَى الْغَالِبِ مِنْ غَلْبَةِ الْمَاءِ فِي الْإِقَامَةِ وَعَدَمِهَا فِي السَّفَرِ.

297. Dhabit ku bagi kadha dan tidak kadha dengan apa yang telah tetap itu adalah yang tahkik, maka dhabit Asal bagi kadha dengan orang yang tayammum pada bermukim dan tidak kadha dengan tayammum pada safar adalah berjalan diatas ghalib, kerana ghalib ada air pada bermukim dan tidak adanya pada safar.

(لَا) مُتَيَّمٌ فِي غَيْرِ سَفَرِ الْمَعْصِيَةِ (لِمَرَضٍ يَمْنَعُ الْمَاءَ مُطْلَقًا) أَي فِي جَمِيعِ أَعْضَاءِ الطَّهَارَةِ (أَوْ فِي عُضْوٍ لَمْ يَكُنْ دَمٌ جُرْحِهِ وَلَا سَاتِرٌ) بِهِ مِنْ لُصُوقِ أَوْ نَحْوِهِ، (أَوْ) بِهِ (سَاتِرٌ) مِنْ ذَلِكَ (وَوَضِعَ عَلَى طَهْرٍ فِي غَيْرِ عُضْوٍ تَيَمُّمٌ)، فَلَا يَقْضِي لِعُمُومِ الْمَرَضِ وَالْجُرْحِ مَعَ الْعَفْوِ عَنْ قَلِيلِ الدَّمِ وَقِيَاسًا عَلَى مَسْحِ الْخُفِّ فِي الْأَخِيرَةِ، بَلْ أَوْلَى لِلضَّرُورَةِ هُنَا. وَالْقَيْدُ الْأَخِيرُ مَعَ التَّقْيِيدِ بِعَدَمِ كَثْرَةِ الدَّمِ فِي السَّاتِرِ مِنْ زِيَادَتِي.

298. (**tidak**) orang yang bertayammum pada selain safar maksiat (**kerana sakit yang menegah air semata-mata**) iaitu pada semua anggota toharah (**atau pada satu anggota yang tidak banyak darah lukanya dan tidak ada satir**) padanya daripada pembalut dan selainnya, (**atau**) ada padanya (**satir**) daripada demikian itu (**dan ia diletakkan diatas suci pada selain anggota tayammum**), maka dia tidak mengkadha kerana umum sakit dan luka itu serta maaf pada sedikit darah dan kerana kias diatas sapu khuf pada yang akhir, bahkan terutama kerana dharurat disini. Kait yang akhira serta mengkaitkan dengan tidak banyak darah pada satir adalah daripada tambahan ku.

(وَإِلَّا) بِأَنَّ كَثْرَ الدَّمِ أَوْ وَضِعَ السَّاتِرِ عَلَى حَدَثٍ أَوْ عَلَى طَهْرٍ فِي عُضْوِ التَّيَمُّمِ (قَضَى)، وَإِنْ لَمْ يَجِبْ نَزْعُهُ، لِفَوَاتِ شَرْطِ الْوَضْعِ عَلَى الطَّهْرِ فِي الثَّانِيَةِ وَنُقْصَانِ الْبَدَلِ وَالْمُبْدَلِ مِنْهُ جَمِيعًا فِي الثَّلَاثَةِ وَحَمْلِهِ نَجَاسَةً غَيْرَ مَعْفُودٍ عَنْهَا فِي الْأُولَى.

299. (**Jika tidak**,) dengan bahawa darah itu banyak atau ia diletakkan diatas hadath atau diatas suci tapi pada anggota tayammum (**dia mengkadha**) sekalipun tidak wajib menanggalkannya, kerana luput syarat meletakkannya diatas suci pada yang kedua dan kerana kurang kedua-dua pengganti dan yang digantikan pada yang ketiga dan kerana menanggungnya akan najis yang tidak dimaafkan pada yang pertama.

وَلِكُونَ التَّيَمُّمِ طَهَارَةً ضَعِيفَةً لَمْ يُغْتَفَرِ فِيهِ الدَّمُ الْكَثِيرُ كَمَا لَا يُغْتَفَرُ فِيهِ جَوَازُ تَأْخِيرِ الْإِسْتِنْجَاءِ عَنْهُ، بِخِلَافِ الطَّهْرِ بِالْمَاءِ. وَيُمْكِنُ أَيْضًا حَمْلُ مَا هُنَا عَلَى كَثِيرِ جَوَازِ مَحَلَّةٍ أَوْ حَصَلِ بِفِعْلِهِ، فَلَا يَخَالِفُ مَا فِي شُرُوطِ الصَّلَاةِ. عَلَى أَنَّ بَعْضَهُمْ جَعَلَ الْأَصْحَ عَدَمَ الْعَفْوِ أَخْذًا مِمَّا صَحَّحَهُ فِي الْمَجْمُوعِ وَالتَّحْقِيقِ، ثُمَّ مِنْ عَدَمِ الْعَفْوِ خِلَافًا لِمَا صَحَّحَهُ فِي الْمِنْهَاجِ وَالرَّوْضَةِ ثُمَّ.

300. Kerana keadaan tayammum itu toharah yang lemah tidak dimaafkan padanya darah yang banyak sepertimana tidak diterima padanya harus mentakhirkan istinja darinya, bersalahan toharah dengan air. Boleh juga menanggungkan apa yang sabit disini diatas darah yang banyak yang melampaui tempatnya atau yang terhasil dengan perbuatannya sendiri. Maka ia tidak menyalahi apa yang sabit pada syarat sembahyang. Walaupun bagaimanapun sebahagian mereka menjadikan yang paling sah tidak ada maaf kerana faham dari apa yang Nawawi sahkan

didalam Majmuk dan Tahkik pada syarat sembahyang, daripada tidak ada maaf. Bersalahan apa yang Nawawi sahkan didalam Minhaj dan Raudhah pada syarat sembahyang.

(وَيَجِبُ نَزْعُهُ) سِوَاءَ أَوْضَعِهِ عَلَى حَدِّثٍ وَعَلَيْهِ ائْتَصَرَ الْأَصْلُ أَمْ عَلَى طَهْرٍ (إِنْ أَمِنَ) مَخْذُورًا مِمَّا مَرَّ. وَإِلَّا، فَلَا يَجِبُ.

301. (Wajib menanggalkan satir) sama sahaja samaada dia meletakkannya diatas hadath yang mana diatasnya Asal menghadkan atau diatas suci (jika dia aman) dari perkara yang ditakuti daripada apa yang telah lalu itu. Jika tidak maka tidak wajib.

بَابُ الْحَيْضِ¹³

وَمَا يُذَكَّرُ مَعَهُ مِنَ الْاِسْتِحَاظَةِ وَالنَّفَاسِ. وَالْحَيْضُ لُغَةً : السَّيْلَانُ، يُقَالُ : حَاضَ الْوَادِي إِذَا سَالَ ، وَشَرَعًا : دَمٌ جِبِلَّةٌ يَخْرُجُ مِنْ أَقْصَى رَجِمِ الْمَرْأَةِ فِي أَوْقَاتٍ مَخْصُوصَةٍ. وَالِاسْتِحَاظَةُ دَمٌ عَلَةٌ يَخْرُجُ مِنْ عِرْقٍ، فَمُهُ فِي أَدْنَى الرَّجْمِ، يُسَمَّى الْعَاذِلَ بِالْمُعْجَمَةِ عَلَى الْمُشْتَهُورِ، سِوَاءَ أَخْرَجَ أَثْرُ حَيْضٍ أَمْ لَا. وَالنَّفَاسُ : الدَّمُ الْخَارِجُ بَعْدَ فَرَاغِ الرَّجْمِ مِنَ الْحَمْلِ.

302. **BAB HAID** dan apa yang disebutkan bersamanya daripada istihadhah dan nifas. Haid pada lughah adalah mengalir, dikatakan : "حَاضَ الْوَادِي" apabila mengalir air padanya, dan pada syara' : darah tabi'e yang keluar dari seujung-hujung rahim perempuan pada waktu-waktu yang khusus. Istihadhah adalah darah penyakit yang keluar dari satu urat yang mulutnya pada serendah-rendah bahagian rahim, dinamakan ia "العاذل"⁴², sama sahaja ia keluar mengiringi haid atau tidak. Nifas adalah darah yang keluar selepas kosong rahim dari kandungan.

وَالْأَصْلُ فِي الْحَيْضِ آيَةٌ { وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ } أَيِ الْحَيْضِ، وَخَبَرُ الصَّحِيحِينَ { هَذَا شَيْءٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ }.

303. Asal pada haid itu ayat ((dan mereka bertanya kamu tentang mahid)) iaitu haid, dan khabar ((ini suatu yang Allah telah tetapkan keatas anak perempuan adam)).

(أَقَلُّ سَنَةٍ تِسْعُ سِنِينَ) قَمْرِيَّةٌ (تَقْرِيْبًا). فَلَوْ رَأَتْ الدَّمَ قَبْلَ تَمَامِ النَّسْعِ بِمَا لَا يَسَعُ حَيْضًا وَطَهْرًا فَهُوَ حَيْضٌ. وَإِلَّا، فَلَا. وَالنَّسْعُ فِي ذَلِكَ لَيْسَتْ ظَرْفًا، بَلْ خَبَرٌ. فَمَا قِيلَ : إِنْ قَانِلَ ذَلِكَ جَعَلَهَا كُلَّهَا ظَرْفًا لِلْحَيْضِ وَلَا قَانِلَ بِهِ لَيْسَ بِشَيْءٍ. وَتَقْرِيْبًا مِنْ زِيَادَتِي.

304. (Sekurang-kurangnya umurnya sembilan tahun) kiraan bulan (lebih kurang). Maka kalau dia lihat darah sebelum sempurna sembilan tahun dengan kadar yang tidak memuatkan haid dan suci maka ianya haid. Jika tidak, maka tidak. "sembilan" pada demikian itu bukannya zaraf bahkan khabar. Maka apa yang dikatakan : bahawa orang yang bercakap dengan demikian itu menjadikannya semuanya zaraf bagi haid dan tidak ada orang yang berkata dengannya adalah tidak bermakna. "lebih kurang" dari tambahan ku.

(وَأَقَلُّهُ) زَمَانًا (يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ) أَيِ قَدْرَهُمَا مُتَّصِلًا. وَهُوَ أَرْبَعٌ وَعِشْرُونَ سَاعَةً. (وَأَكْثَرُهُ) زَمَانًا (خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا بِلَيَالِيهَا) وَإِنْ لَمْ يَتَّصِلْ. وَغَالِبُهُ سِتَّةٌ أَوْ سَبْعَةٌ. كُلُّ ذَلِكَ بِالِاسْتِقْرَاءِ مِنَ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ (كَأَقَلِّ) (زَمَنَ) (طَهْرٍ بَيْنَ) (زَمَنِي) (حَيْضَتَيْنِ) فَإِنَّهُ خَمْسَةَ عَشَرَ بِلَيَالِيهَا لِأَنَّ الشَّهْرَ لَا يَخْلُو غَالِبًا عَنْ حَيْضٍ وَطَهْرٍ، وَإِذَا كَانَ أَكْثَرَ الْحَيْضِ خَمْسَةَ عَشَرَ لَزِمَ أَنْ يَكُونَ أَقَلُّ الطَّهْرِ كَذَلِكَ. وَخَرَجَ بَيْنَ الْحَيْضَتَيْنِ الطَّهْرُ بَيْنَ حَيْضٍ وَنَفَاسٍ فَإِنَّهُ يَجُوزُ أَنْ يَكُونَ أَقَلُّ مِنْ ذَلِكَ تَقَدَّمَ أَوْ تَأَخَّرَ كَمَا سَيَأْتِي. (وَلَا حَدٌّ لِأَكْثَرِهِ) أَيِ الطَّهْرِ بِالْإِجْمَاعِ. وَغَالِبُهُ بَقِيَّةُ الشَّهْرِ بَعْدَ غَالِبِ الْحَيْضِ.

⁴² Ia pada lughah : suatu yang mencela.

305. (Sekurang-kurangnya) nisbah masa (sehari dan semalam) iaitu kadar keduanya dalam keadaan bersambung. Ianya dua puluh empat jam. (Sebanyak-banyaknya) nisbah masa (lima belas hari dengan malam-malamnya) sekalipun tidak bersambung. Ghalibnya enam atau tujuh hari. Semua itu dengan selidik dari imam Syafi'e r.a. (sama seperti sekurang-kurang) masa (suci diantara) dua zaman (haid) maka ianya lima belas hari dengan malam-malamnya, kerana sebulan tidak sunyi ghalibnya dari sekali haid dan sekali suci, dan bila sebanyak-banyak haid itu lima belas hari lazimlah bahawa sekurang-kurang suci seperti demikian itu. Keluar diantara dua haid oleh suci oleh diantara haid dan nifas maka harus bahawa ianya kurang dari demikian itu, terdahulu suci itu atau terkemudian, sepertimana akan datang. (Tidak ada had bagi sebanyak-banyaknya) iaitu suci dengan ijmak. Ghalibnya baki sebulan selepas ghalib haid.

(وَحَرْمٌ بِهِ) أَيُّ بِالْحَيْضِ (وَبِنِفَاسٍ مَا حَرَّمَ بِجَنَابَةِ) مِنْ صَلَاةٍ وَغَيْرِهَا . (وَعُيُورٌ مَسْجِدٌ) إِنْ (خَافَتْ تَلَوِيئَهُ) بِمَثَلْتَهُ قَبْلَ الْهَاءِ بِالدَّمِ لِعَلْبَتِهِ أَوْ عَدَمِ إِحْكَامِهَا الشَّدَّ صِيَانَةً لِلْمَسْجِدِ . فَإِنْ أَمِنْتَهُ جَارَ لَهَا الْعُبُورُ كَالْجُنْبِ وَغَيْرِهَا مِمَّنْ بِهِ نَجَاسَةٌ مِثْلَهَا فِي ذَلِكَ . (وَطَهَّرَ عَنْ حَدَثٍ) أَوْ لِعِبَادَةِ لِتَلَاغِبِهَا إِلَّا أُغْسِلَ الْحَجَّ وَنَحْوَهَا فَتَنْدَبُ . وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي . (وَصَوْمٌ) لَخَبْرِ الصَّحِيحِينَ { أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ الْمَرْأَةُ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ؟ } . (وَيَجِبُ قِضَاؤُهُ) بِخِلَافِ الصَّلَاةِ كَمَا سَيَأْتِي فِي بَابِهَا ؛ لَخَبْرِ مُسْلِمٍ عَنْ { عَائِشَةَ كُنَّا نُؤْمَرُ بِقِضَاءِ الصَّوْمِ وَلَا نُؤْمَرُ بِقِضَاءِ الصَّلَاةِ } ، وَلِأَنَّهَا تَتَكَرَّرُ فَيَشُقُّ قِضَاؤُهَا بِخِلَافِهِ . (وَمُبَاشِرَةٌ مَا بَيْنَ سُرْتِهَا وَرُكْبَتِهَا) بِوِطْءٍ أَوْ غَيْرِهِ . وَقِيلَ : لَا يَحْرُمُ غَيْرُ الْوِطْءِ . وَقَوَاهُ فِي الْمَجْمُوعِ وَأَخْبَارُهُ فِي التَّحْقِيقِ . وَلَفْظُ مُبَاشِرَةٌ مِنْ زِيَادَتِي . (وَوِطْءٌ بِشَرْطِهِ) أَيُّ بِشَرْطِ تَحْرِيمِهِ الْآتِي فِي بَابِهِ مِنْ كَوْنِهَا مَوْطُوءَةً تَعْتَدُّ بِأَفْرَاءٍ مُطْلَقَةً بِلا عَوْضٍ مِنْهَا لِتَضَرَّرَ بِطُولِ الْمُدَّةِ ، فَإِنَّ زَمَنَ الْحَيْضِ وَالنِّفَاسِ لَا يُحْسَبُ مِنَ الْعِدَّةِ . وَالتَّنْصِيحُ بِهَذَا مِنْ زِيَادَتِي .

306. (Haram dengannya) iaitu dengan haid (dan dengan nifas

- apa yang haram dengan sebab janabah) daripada sembahyang dan selainnya.
- (dan melintas masjid) jika (dia takutkan mencemarkannya) dengan darah kerana kuatnya atau tidak kukuhnya ikatannya kerana memelihara masjid. Maka jika dia amankannya harus dia melintasinya, sama seperti orang yang berjunub dan selainnya daripada orang yang ada padanya najis yang seumpama dia pada demikian itu.
- (dan bersuci dari hadath) atau untuk ibadat kerana dia bermain-main, melainkan mandi-mandian haji dan umpamanya maka ianya sunat. Ini daripada tambahan ku.
- (dan puasa) kerana khabar dua yang sahih ((tidakkah apabila seorang perempuan itu berhaid dia tidak sembahyang dan tidak puasa?)). (Wajib mengkadhanya), bersalahan sembahyang sepertimana akan datang pada babnya, kerana khabar Muslim dari ((Aisyah adalah kami disuruh mengkadha puasa dan tidak disuruh mengkadha sembahyang)), dan kerana haid berulang maka payah menunaikannya, bersalahan puasa.
- (dan bersentuhan kulit dengan apa yang diantara pusat dan lututnya)), dengan setubuh atau selainnya. Dikatakan : tidak haram selain setubuh. Nawawi menguatkannya didalam Tahkik. Lafaz "مباشرة" itu dari tambahann ku.
- (dan talak dengan syaratnya) iaitu dengan syarat pengharamannya yang akan datang pada babnya, daripada keadaannya disetubuhi, beriddah dengan quru', ditalakkan tanpa bayaran darinya, kerana kemudharatannya dengan panjang tempoh iddah, kerana masa haid dan nifas tidak dikira daripada iddah. Penjelasan dengan ini dari tambahan ku.

(وَإِذَا انْقَطَعَ) مَا دُكِرَ مِنْ حَيْضٍ وَنَفَاسٍ (لَمْ يَحِلَّ) مِمَّا حَرَّمَ بِهِ (قَبْلَ طَهْرٍ) ، غُسْلًا كَانَ أَوْ تَيَمُّمًا ، فَهُوَ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ : قَبْلَ الْغُسْلِ (غَيْرُ صَوْمٍ وَطَلَّاقٍ وَطَهْرٍ) فَتَحِلُّ لِاتِّفَاءِ عِلَّةِ التَّحْرِيمِ . وَتَحِلُّ الصَّلَاةُ أَيْضًا لِإِفَادَةِ الطَّهْرَيْنِ بَلْ تَجِبُ . وَقَوْلِي : وَطَهْرٌ مِنْ زِيَادَتِي .

(وَ) سُنَّ (إِبْرَادَ بَظْهَرٍ) أَي تَأْخِيرُ فِعْلَهَا عَنْ أَوَّلِ وَقْتِهَا (لَشِدَّةِ حَرٍّ بَبَلَدٍ حَارٍّ) إِلَى أَنْ يَصِيرَ لِلْحَيْطَانِ ظِلٌّ يَمْشِي فِيهِ طَالِبُ الْجَمَاعَةِ ؛ لَخَبَرِ الصَّحِيحِينَ { إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرَدُوا بِالصَّلَاةِ } . وَفِي رِوَايَةِ لِلْبُخَارِيِّ { بِالظَّهْرِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ } أَي هَيَجَانِهَا . وَلَا يَجَاوِزُ بِهِ نِصْفَ الْوَقْتِ .

352. Sunat (menunggu sejuk pada sembahyang zohor) iatu melambat sembahyangnya dari awal waktunya (kerana sangat panas dinegeri yang panas) hingga bahawa dinding-dinding yang dia berjalan padanya untuk pergi jamaah mempunyai bayang, kerana khabar dua yang sahih ((bila kuat panas maka bersejuklah untuk sembahyang)). Pada satu riwayat bagi Bukhari ((dengan sembahyang zohor maka sesungguhnya panas terik itu dari hembusan jahannam)) iaitu geloranya. Tidak boleh padanya dia melampaui setengah waktu.

وَهَذَا (لِمُصَلِّيِ جَمَاعَةً بِمُصَلِّيٍ) مَسْجِدٍ أَوْ غَيْرِهِ ، (يَأْتُونَهُ) كُلُّهُمْ أَوْ بَعْضُهُمْ (بِمَشَقَّةٍ) فِي طَرِيقِهِمْ إِلَيْهِ . فَلَا يَسُنُّ فِي وَقْتِ وَلَا بَلَدٍ بَارِدِينَ أَوْ مُعْتَدِلِينَ وَلَا لِمَنْ يُصَلِّي بِبَيْتِهِ مُنْفَرِدًا أَوْ جَمَاعَةً ، وَلَا لِمَنْ يَأْتُونَهُ بِلَا مَشَقَّةٍ ، أَوْ حَضْرُوهُ وَلَا يَأْتِيهِمْ غَيْرُهُمْ أَوْ يَأْتِيهِمْ غَيْرُهُمْ بِلَا مَشَقَّةٍ عَلَيْهِ فِي إِثْنَانِهِ كَأَنْ كَانَ مَنْزِلُهُ بِقُرْبِ الْمُصَلِّيِّ أَوْ بَعِيدًا وَتَمَّ ظِلُّ يَأْتِي فِيهِ ، وَتَعْبِيرِي بِمُصَلِّيٍّ وَبِمَشَقَّةٍ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِمَسْجِدٍ وَبِمَنْ بَعْدَ .

353. Ini (bagi orang yang sembahyang berjamaah pada musalla) masjid atau selainnya (yang mereka datang kepadanya) semua atau sebahagian mereka (dengan kesukaran) pada jalan mereka kepadanya. Maka tidak sunat ia pada waktu dan negeri yang sejuk atau sederhana, dan tidak bagi orang yang sembahyang dirumahnya sendirian atau berjamaah, dan tidak bagi jamaah pada musalla yang mereka datang kepadanya tanpa sukar atau mereka menghadhirinya dan tidak datang kepada mereka orang lain tanpa susah payah dia datang kepadanya seperti bahawa rumahnya dekat dengan musalla itu atau jauh dan disana ada bayang yang dia boleh berjalan datang padanya. Ibarat aku dengan "musalla" dan dengan "sukar" lebih umum dari ibaratnya dengan "masjid" dan dengan "orang yang jauh".

وَخَرَجَ بِالظَّهْرِ غَيْرُهَا وَلَوْ جُمُعَةً لَشِدَّةِ حَظَرِ قُوَّتِهَا الْمُؤَدِّي إِلَيْهِ تَأْخِيرُهَا بِالتَّكَاسُلِ وَلِأَنَّ النَّاسَ مَأْمُورُونَ بِالتَّكْبِيرِ إِلَيْهَا فَلَا يَتَأَدُّونَ بِالْحَرِّ ، وَمَا فِي الصَّحِيحِينَ مِنْ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَبْرُدُ بِهَا بَيَانَ لِلْجَوَارِ فِيهَا مَعَ عَظْمِهَا مَعَ أَنَّ التَّغْلِيلَ الْأَوَّلَ مُنْتَفٍ فِي حَقِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .

354. Keluar dengan zohor oleh selainnya walaupun jumaat kerana kuat bahaya luputnya yang membawa kepadanya oleh mentakhirkannya dengan sebab malas, dan kerana orang ramai disuruh berpagi-pagi kepadanya maka mereka tidak terganggu dengan panas. Apa yang didalam dua yang sahih daripada bahawa nabi sawm menunggu sejuk pada jumaat adalah keterangan harus padanya serta besarnya⁴⁹ serta bahwa 'illat yang pertama itu ternafi pada hak nabi sawm.

(وَمَنْ وَقَعَ مِنْ صَلَاتِهِ فِي وَقْتِهَا رَكْعَةٌ) فَأَكْثَرُ ، وَالْبَاقِي بَعْدَهُ (فَالْكُلُّ آدَاءٌ وَإِلَّا فَفَقْصَاءٌ) لَخَبَرِ الصَّحِيحِينَ { مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ } أَي : مُؤَدَّاهُ ، وَمَفْهُومُهُ أَنَّ مَنْ لَمْ يُدْرِكْ رَكْعَةً لَا يُدْرِكُ الصَّلَاةَ مُؤَدَّاهُ ، وَالْفَرْقُ أَنَّ الرَّكْعَةَ تَشْتَمِلُ عَلَى مُعْظَمِ أَفْعَالِ الصَّلَاةِ ؛ إِذْ مُعْظَمُ الْبَاقِي كَالتَّكْرِيرِ لَهَا فَجَعَلَ مَا بَعْدَ الْوَقْتِ تَابِعًا لَهَا بِخِلَافِ مَا دُونِهَا .

355. (Orang yang jatuh daripada sembahyangnya didalam waktunya satu rakaat) maka lebih dan bakinya selepasnya (maka semuanya tunai, jika tidak maka kadha) kerana khabar dua yang sahih ((siapa yang mendapat satu rakaat daripada sembahyang maka sungguh dia mendapat sembahyang itu)) iaitu dalam keadaan tunai. Mafhumnya bahawa orang yang tidak

⁴⁹ Iaitu besar urusan jumaat itu ditakuti akan disangkan wajib menyegerakannya pada awal waktunya.

mendapat satu rakaat tidak mendapat sembahyang yang tunai. Bezanya bahawa satu rakaat melengkapkan semua perbuatan-perbuatan sembahyang kerana kebanyakan bakinya adalah seperti ulangnya, maka dijadikan apa yang selepas waktu itu sebagai pengikutnya, bersalahan apa yang kurang darinya.

(وَمَنْ جَهَلَ الْوَقْتَ) لَعْنِمِ أَوْ حَبَسَ بَيْتِ مُظْلَمٍ أَوْ غَيْرِ ذَلِكَ وَلَمْ يُخْبِرْهُ بِهِ ثِقَةً عَنْ عِلْمٍ (اجْتَهَدَ) إِنْ قَدَرَ (بِنَحْوِ وَرْدٍ) كَخِيَاطَةِ وَصَوْتِ دَيْكٍ مُجْرَبٍ، سِوَاءِ الْبَصِيرِ وَالْأَعْمَى. وَلَهُ كَالْبَصِيرِ الْعَاجِزِ تَقْلِيدَ مُجْتَهِدٍ لِعَجْزِهِ فِي الْجُمْلَةِ. قَالَ النَّوَوِيُّ : وَلِلْأَعْمَى وَالْبَصِيرِ تَقْلِيدَ الْمُؤَدِّنِ الثَّقَةِ الْعَارِفِ فِي الْعَيْمِ لِأَنَّهُ لَا يُؤَدِّنُ إِلَّا فِي الْوَقْتِ. أَمَا فِي الصَّخْرِ فَكَالْمُخْبِرِ عَنْ عِلْمٍ.

356. (Orang yang jahilkan waktu sembahyang) kerana mendung atau ditahan didalam bilik gelap atau selain demikian itu dan tidak mengkhabarkanya seorang yang thiqah berdasarkan ilmunya (dia berijtihad) jika dia mampu (dengan umpama wirid) seperti menjahit dan suara ayam yang telah teruji. Sama sahaja orang yang celik dan yang buta. Boleh orang buta sama seperti orang celik yang lemah dari ijtihad bertaklid kepada mujtahid kerana lemahnya pada keseluruhannya¹⁷. Kata Nawawi : boleh orang buta dan yang celik bertaklid kepada muazzin yang thiqah yang 'arif pada masa mendung kerana dia tidak azan melainkan didalam waktu. Adapun taqlid pada ketika langit cerah maka dia seperti orang yang mengkhabarkan dari ilmu⁵⁰.

(فَإِنْ عِلْمٌ) أَنْ (صَلَاتِهِ) بِالْاجْتِهَادِ وَقَعَتْ (قَبْلَ وَقْتِهَا) وَعِلْمٌ بِذَلِكَ فِيهِ أَوْ قَبْلَهُ أَوْ بَعْدَهُ (أَعَادَ) وَجُوبًا ، فَإِنْ عِلْمٌ وَقُوعَهَا فِيهِ أَوْ بَعْدَهُ أَوْ لَمْ يَتَبَيَّنْ الْحَالُ لَمْ تَجِبِ الْإِعَادَةُ ، وَتَعْبِيرِي بِالْإِعَادَةِ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالْقَضَاءِ.

357. (Maka jika dia yakin) bahawa (sembahyangnya) dengan ijtihad itu jatuh (sebelum waktunya) dan dia tahu demikian itu didalam waktu itu atau sebelumnya atau selepasnya (dia mengulang) diatas jalan wajib. Maka jika dia yakin jatuh sembahyang itu padanya atau selepasnya atau tidak ternyata keadaan itu tidak wajib ulang. Ibarat aku dengan "mengulang" lebih umum dari ibaratnya dengan kadha.

(وَيُبَادِرُ بِفَانِتِ) وَجُوبًا إِنْ فَاتَ بِلَا عُدْرِ وَتَذَبَّأَ إِنْ فَاتَ بِعُدْرِ كَنَوْمٍ وَنِسْيَانٍ ؛ تَعَجُّلًا لِبَرَاءَةِ الدَّمَةِ وَلِخَبَرِ الصَّحِيحِينَ : { مَنْ نَامَ عَنْ صَلَاةٍ أَوْ نَسِيَهَا فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا .

358. (Dia segera dengan yang luput) diatas jalan wajib jika ia luput tanpa uzur dan diatas jalan sunat jika ia luput dengan uzur seperti tidur dan lupa, kerana mencepatkan bebas zimmah dan kerana khabar dua yang sahih ((siapa yang tidur meninggalkan sembahyang atau lupakannya maka hendaklah dia sembahyangkannya bila dia ingat)).

(وَسُنُّنٌ تَرْتِيْبُهُ) أَيُّ : الْفَائِتِ فَيَقْضِي الصُّبْحَ قَبْلَ الظُّهْرِ وَهَكَذَا . (وَتَقْدِيمُهُ عَلَى حَاضِرَةٍ لَمْ يَخَفْ فَوْتَهَا) مَحَاكَاةً لِلأَدَاءِ ، فَإِنْ خَافَ فَوْتَهَا بَدَأَ بِهَا وَجُوبًا لِئَلَّا تَصِيرَ فَائِتَةً ، وَتَعْبِيرِي كَالأَصْلِ وَكَثِيرٌ بِأَمْ يَخَفْ فَوْتَهَا صَادِقٌ بِمَا إِذَا أَمَكْنَهُ أَنْ يُذْرِكَ رُكُوعَهُ مِنَ الْحَاضِرَةِ فَيَسَدُّنُ تَقْدِيمَ الْفَائِتِ عَلَيْهَا فِي ذَلِكَ أَيْضًا وَبِهِ صَرَخَ فِي الْكِفَايَةِ ، وَإِنْ أَقْتَضَتْ عِبَارَةُ الرَّوْضَةِ كَالشَّرْحَيْنِ خِلَافَهُ وَيُحْمَلُ إِطْلَاقُ تَحْرِيمِ إِخْرَاجِ بَعْضِ الصَّلَاةِ عَنْ وَقْتِهَا عَلَى غَيْرِ هَذَا وَنَحْوِهِ .

359. (Sunat mengaturnya) iaitu yang luput, maka dia mengkadha subuh sebelum zohor, dan beginilah seterusnya. (dan mendulukannya diatas yang hadhir yang tidak dibimbangkan luputnya) kerana menyerupakan dengan yang tunai. Maka jika dia bimbangkan luputnya dia mula dengannya diatas jalan wajib supaya ia tidak jadi luput. Ibarat aku seperti Asal dan ramai ulamak dengan "tidak dia bimbangkan luputnya" terbenar dengan keadaan apabila terbolehdia mendapat satu rakaat daripada yang hadhir, maka sunat dia mendulukan yang luput diatasnya

⁵⁰ Maka tidak harus ijtihad serta langit cerah.x

pada keadaan ini juga. Dengannya dia menjelaskan didalam Kifayah, sekalipun ibarat Raudhah seperti dua syarahnya menuntut menyalahinya. Ditanggungkan itlak haram mengeluarkan sebahagian sembahyang dari waktunya keatas selain ini dan umpamanya.

وَلَوْ تَذَكَّرَ فَاِنَّتَهُ بَعْدَ شُرُوعِهِ فِي حَاضِرَةِ اَتَمَّهَا صَاقَ الْوَقْتِ اَوْ اَتَسَعَ ، وَلَوْ شَرَعَ فِي فَاِنَّتَهُ مُعْتَقِدًا سَعَةَ الْوَقْتِ فَبَانَ ضَيْفُهُ عَلَى اِدْرَاكِهَا اَدَاءً وَجِبَ قَطْعُهَا

360. Kalau dia ingat satu sembahyang luput selepas masuk pada sembahyang hadir dia menyempurnakannya, sempit waktunya atau luas. Kalau dia masuk pada yang luput dalam keadaan mengiktikadkan luas waktunya maka ternyata sempitnya diatas mendapat sembahyang hadir dalam keadaan tunai wajib dia memutuskannya.

(وَكُرِهَ) كَرَاهَةً تَحْرِيْمَ كَمَا صَحَّحَهُ فِي الرَّوْضَةِ وَالْمَجْمُوعِ هُنَا وَكَرَاهَةً تَنْزِيهٍ كَمَا فِي التَّحْقِيْقِ وَفِي الطَّهَارَةِ مِنَ الْمَجْمُوعِ (فِي غَيْرِ حَرَمِ مَكَّةَ صَلَاةٌ عِنْدَ اسْتِوَاءِ) لِلشَّمْسِ حَتَّى تَرْوُلَ ، (اِلَّا يَوْمَ جُمُعَةٍ) ، لِلنَّهْيِ عَنْهَا فِي خَبَرِ مُسْلِمٍ وَالِاسْتِثْنَاءِ فِي خَبَرِ اَبِي دَاوُدَ وَغَيْرِهِ ، (وَ) عِنْدَ (طُلُوعِ شَمْسٍ وَيَعْدُ) صَلَاةٌ (صُبْحٍ) اَدَاءً لِمَنْ صَلَّاهَا (حَتَّى تَرْتَفِعَ) فِيهِمَا (كَرْمَحَ) فِي رَايِ الْعَيْنِ . وَاِلَّا ، فَالْمَسَافَةُ طَوِيْلَةٌ لِلنَّهْيِ عَنْهَا فِي خَبَرِ الصَّحِيْحَيْنِ . وَلَا يَسَ فِيهِ ذِكْرُ الرَّمْحِ وَهُوَ تَقْرِيْبٌ . (وَيَعْدُ) صَلَاةٌ (عَصْرٍ) اَدَاءً وَلَوْ مَجْمُوعَةً فِي وَقْتِ الظُّهْرِ . (وَعِنْدَ اصْفِرَارِ) لِلشَّمْسِ (حَتَّى تَعْرَبَ) فِيهِمَا لِلنَّهْيِ عَنْهَا فِي خَبَرِ الصَّحِيْحَيْنِ .

361. (**Dimakruhkan**) sebagai makruh tahrim sepertimana disahkan didalam Raudhah dan Majmuk disini dan sebagai karahah tanzih sepertimana didalam Tahkik dan pada kitab toharah didalam Majmuk (**pada selain haram Makkah sembahyang disisi istiwa'**) mathari hingga ia gelincir (**melainkan pada hari jumaat**), kerana tegahan darinya didalam khabar Muslim dan kerana pengecualian didalam khabar Abu Daud dan selainnya, (**dan**) disisi (**terbit matahari dan selepas**) sembahyang (**subuh**) dalam keadaan tunai bagi orang yang telah sembahyangkannya (**hingga ia meninggi**) pada dua masaalah ini (**sekadar lembing**) pada pandangan mata. Jika tidak, maka jaraknya sangat jauh, kerana tegahan darinya didalam khabar dua yang sahih. Tidak ada padanya sebutan lembing, dan ianya lebih kurang. (**dan selepas**) sembahyang (**asar**) tunai walaupun dijamakkan pada waktu zohor. (**dan disisi kekuningan**) matahari (**hingga ia ghurub**) pada keduanya kerana tegahan darinya pada khabar dua yang sahih.

(اِلَّا) صَلَاةً (لِسَبَبِ) بِقِيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (غَيْرِ مُتَأَخَّرِ) عَنْهَا بِأَنَّ كَانَ مُتَقَدِّمًا اَوْ مُقَارِنًا (كَفَاِنَّتَهُ) فَرَضِ اَوْ نَفْلِ بِقِيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (لَمْ يَقْصِدْ تَاخِيْرَهَا اِلَيْهَا) لِيَقْضِيَهَا فِيهَا (وَ) صَلَاةً (كُسُوفٍ وَتَحِيَّةٍ) لِمَسْجِدِ بِقِيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (لَمْ يَدْخُلْ) اِلَيْهِ (بِنِيَّتِهَا فَقَطَّ وَسَجْدَةً شُكْرًا) ، فَلَا تُكْرَهُ فِي هَذِهِ الْاَوْقَاتِ ؛ لِأَنَّهُ { صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاتَهُ رَكَعَتَا سُنَّةِ الظُّهْرِ الَّتِي بَعْدَهُ فَقَضَاهُمَا بَعْدَ الْعَصْرِ } رَوَاهُ الشَّيْخَانُ ، وَأَجْمَعُوا عَلَى جَوَازِ صَلَاةِ الْجَنَازَةِ بَعْدَ الصُّبْحِ وَالْعَصْرِ . وَقِيَسَ بِذَلِكَ غَيْرُهُزْ وَحُمِلَ النَّهْيُ فِيمَا ذَكَرَ عَلَى صَلَاةٍ لَا سَبَبَ لَهَا وَهِيَ النَّافِلَةُ الْمُطْلَقَةُ اَوْ لَهَا سَبَبٌ مُتَأَخَّرٌ وَسَيَاتِي بَيَانُهَا .

362. (**Melainkan**) sembahyang (**kerana sebab**) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**yang tidak terkemudian**) darinya, dengan bahawa ia mendahului atau menyertai (**seperti yang luput**) daripada fardhu atau sunat dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**yang dia tidak sengaja mentakhirkan kepadanya**) untuk dia kadha padanya. (**dan**) sembahyang (**gerhana dan tahiyat**) masjid dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**yang tidak dia masuk**) kedalamnya (**dengan niat untuk sembahyang sahaja, dan sujud syukur**). Maka tidak dimakruhkan ia pada waktu-waktu ini, kerana nabi sawm luput darinya sunat zohor yang selepasnya maka dia mengkadha keduanya selepas asar)), meriwayatkannya dua syeikh, dan mereka ijmak diatas harus sembahyang jenazah selepas subuh dan 'asar. Dikiaskan dengan demikian itu akan selainnya. ditanggungkan tegahan pada apa yang disebutkan itu keatas

sembahyang yang tidak punya sebab iaitu sunat mutlak atau yang punya sebab yang terkemudian yang akan datang keterangannya.

وَحَرَجَ بِغَيْرِ حَرَمِ مَكَّةَ الصَّلَاةُ بِحَرَمِهَا الْمَسْجِدُ وَغَيْرُهُ، فَلَا تُكْرَهُ مُطْلَقًا ؛ لَخَبَرِ { يَا بَنِي عَبْدِ مَنَافٍ لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا طَافَ بِهَذَا الْبَيْتِ وَصَلَّى أَيَّةَ سَاعَةٍ شَاءَ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ } رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَقَالَ : حَسَنٌ صَحِيحٌ. وَيُعِيرُ مُتَأَخِّرَ مَا لَهَا سَبَبٌ مُتَأَخَّرٌ فَتَحَرَّمَ، كَصَلَاةِ الْإِحْرَامِ وَصَلَاةِ الْإِسْتِخَارَةِ، فَإِنَّ سَبَبَيْهِمَا وَهُوَ الْإِحْرَامُ وَالْإِسْتِخَارَةُ مُتَأَخَّرٌ.

363. Keluar dengan selain tanah haram Makkah oleh sembahyang pada haramnya, masjid dan selainnya, maka tidak dimakruhkan ia semaa-mata, kerana khabar ((wahai anak cucu Abdu Manaf jangan kamu tegah seorang pun tawaf di rumah ini dan sembahyang bila-bala masa, daripada malam atau siang)). Meriwayatkannya Turmizi dan selainnya, dan katanya : hasan lagi sahih. Dan dengan "yang tidak terkemudian" oleh sembahyang yang punya sebab terkemudian maka ianya haram, seperti sembahyang ihram dan sembahyang istikharah, maka sebab keduanya iaitu ihram dan istikharah adalah terkemudian.

أَمَّا إِذَا قَصِدَ تَأْخِيرَ الْفَائِتَةِ إِلَى الْأَوْقَاتِ الْمَكْرُوهَةِ لِيَفْضِيَهَا فِيهَا أَوْ دَخَلَ فِيهَا الْمَسْجِدَ بِنِيَّةِ التَّحِيَّةِ فَقَطْ فَلَا تَنْعَقِدُ الصَّلَاةُ. وَكَسَجْدَةِ الشُّكْرِ سَجْدَةَ التَّلَاوَةِ، إِلَّا أَنْ يَفْرَأَ آيَتَهَا فِي هَذِهِ الْأَوْقَاتِ بِقَصْدِ السُّجُودِ أَوْ يَفْرَأَهَا فِي غَيْرِهَا لِيَسْجُدَ فِيهَا.

364. Adapun bila dia sengaja mentakhirkan sembahyang luput kepada waktu-waktu makruh itu untuk di kadha padanya atau dia masuk masjid pada waktu itu dengan niat tahiyat sahaja maka tidak terjadi sembahyangnya. Seperti sujud syukur itu sujud tilawah, melainkan bahawa dia membaca ayatnya pada waktu-waktu ini dengan niat sujud atau dia membacanya pada selainnya untuk dia sujud padanya.

وَعَدِّي كَالْمَحْرَرِ وَغَيْرِهِ لِأَوْقَاتِ الْكِرَاهَةِ خَمْسَةً أَجُودُ مِنْ عَدِّهِ لَهَا ثَلَاثَةٌ: عِنْدَ الْإِسْتِوَاءِ، وَبَعْدَ الصُّبْحِ حَتَّى تَرْتَفِعَ الشَّمْسُ كَرُمَحٍ، وَبَعْدَ الْعَصْرِ حَتَّى تَغْرُبَ، فَإِنَّ كِرَاهَةَ الصَّلَاةِ عِنْدَ طُلُوعِ الشَّمْسِ حَتَّى تَرْتَفِعَ وَعِنْدَ الْإِصْفَرَارِ حَتَّى تَغْرُبَ عَامَّةً لِمَنْ صَلَّى الصُّبْحَ وَالْعَصْرَ وَغَيْرِهِ عَلَى الْعِبَارَةِ الْأُولَى، خَاصَّةً بِمَنْ صَلَّى الصَّلَاةَ عَلَى الثَّانِيَةِ.

365. Membilang aku seperti Muharrar dan selainnya akan waktu-waktu karahah ini lima adalah lebih baik dari membilangnya akan waktu-waktu ini tiga, disisi istiwa', selepas subuh hingga matahari meninggi kadar lembing, dan selepas asar hingga matahari ghurub, kerana karahah sembahyang disisi terbit matahari hingga ia meninggi dan disisi kekuningan hingga ghurub adalah meratai orang yang telah sembahyang subuh dan asar dan selainnya diatas ibarat pertama, khusus dengan orang yang telah sembahyangkan keduanya diatas ibarat kedua.

(فَصَلِّ) فِيمَنْ تَجِبُ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَمَا يُذَكَّرُ مَعَهُ. (إِنَّمَا تَجِبُ عَلَى مُسْلِمٍ)، وَلَوْ فِيمَا مَضَى، فَدَخَلَ الْمُرْتَدُّ. (مُكَلَّفٍ) أَي بَالِغٍ عَاقِلٍ ذَكَرَ أَوْ غَيْرِهِ. (طَاهِرٍ) .

366. Fasal pada orang yang wajib sembahyang diatasnya dan apa yang disebutkan bersamanya. (Hanyalah wajib sembahyang keatas orang islam) walaupun pada apa yang telah lalu, maka masuk orang murtad. (yang mukallaf) iatu baligh lagi berakal, lelaki atau selainnya. (yang suci).

فَلَا تَجِبُ عَلَى كَافِرٍ أَصْلِيٍّ وَجُوبَ مُطَالَبَةِ بِهَا فِي الدُّنْيَا لِعَدَمِ صِحَّتِهَا مِنْهُ، لَكِنْ تَجِبُ عَلَيْهِ وَجُوبَ عِقَابِ عَلَيْهَا فِي الْآخِرَةِ كَمَا تَقَرَّرَ فِي الْأَصُولِ لِتَمَكُّنِهِ مِنْ فِعْلِهَا بِالْإِسْلَامِ، وَلَا عَلَى صَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَمُغْمَى عَلَيْهِ وَسَكَرَانَ لِعَدَمِ تَكْلِيفِهِمْ، وَلَا عَلَى حَائِضٍ وَنَفْسَاءٍ لِعَدَمِ صِحَّتِهَا مِنْهُمَا. وَوَجُوبُهَا عَلَى الْمُتَعَدِّيِّ بِجُنُونِهِ أَوْ إِعْمَانِهِ أَوْ

سُكِرَهُ عِنْدَ مَنْ عَبَّرَ بِوُجُوبِهَا عَلَيْهِ وَجُوبُ انْعِقَادِ سَبَبٍ كَمَا تَقَرَّرَ فِي الْأُصُولِ لِوُجُوبِ الْقَضَاءِ عَلَيْهِ كَمَا سَيَأْتِي.

367. Maka tidak wajib sembahyang diatas kafir asli sebagai wajib tuntutan dengannya didunia kerana tidak sahnya dari dia, akan tetapi wajib ia diatasnya sebagai wajib siksaan diatas meninggalkannya diakhirat sepertimana yang tetap didalam usul fekah kerana boleh dia melakukannya dengan Islam, dan tidak keatas kanak-kanak dan orang gila dan orang yang pitam dan mabuk kerana tidak ada taklif mereka itu, dan tidak diatas orang yang berhaid dan bernifas kerana tidak sahnya dari mereka. Wajib sembahyang diatas orang yang melampau dengan gilanya atau pitamnya atau mabuknya disisi orang yang mengirakan wajib sembahyang diatasnya adalah wajib kerana terjadi sebab sepertimana telah tetap didalam usul fekah, kerana wajib kadha diatasnya sepertimana akan datang.

(فَلَا قَضَاءَ عَلَى كَافِرٍ أَصْلِيٍّ) إِذَا أَسْلَمَ تَرْغِيْبًا لَهُ فِي الْإِسْلَامِ وَلِقَوْلِهِ تَعَالَى { قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ } . وَخَرَجَ بِالْأَصْلِيِّ الْمُرْتَدِّ فَعَلَيْهِ بَعْدَ الْإِسْلَامِ قَضَاءٌ مَا فَاتَهُ زَمَنَ الرَّدِّ حَتَّى زَمَنَ الْجُنُونِ فِيهَا تَغْلِيظًا عَلَيْهِ، بِخِلَافِ زَمَنِ الْحَيْضِ وَالنَّفَاسِ فِيهَا كَمَا يَأْتِي. وَالْفَرْقُ أَنَّ اسْقَاطَ الصَّلَاةِ عَنِ الْحَائِضِ وَالنَّفَسَاءِ عَزِيمَةٌ وَعَنْ الْمَجْنُونِ رُخْصَةٌ وَالْمُرْتَدُّ لَيْسَ مِنْ أَهْلِهَا. وَمَا وَقَعَ فِي الْمَجْمُوعِ مِنْ قَضَاءِ الْحَائِضِ الْمُرْتَدَّةِ زَمَنَ الْجُنُونِ سَبَقُ قَلَمٍ.

368. (Maka tidak ada kadha diatas kafir asli) apabila dia memeluk Islam kerana menggemarkannya pada Islam dan kerana kata Allah taala ((katakan kepada orang-orang yang kafir jika mereka berhenti diampunkan bagi mereka apa yang telah lepas)). Keluar dengan yang asli oleh kafir murtad maka diatasnya selepas Islam kadha apa yang luput darinya pada zaman riddahnya hinggakan pada zaman gila padanya kerana memberatkannya, bersalahan zaman haid dan nifas padanya sepertimana akan datang. Bezanya bahawa penguguran sembahyang kerana haid dan nifas itu kukuh dan dari orang gila itu rukhsakh yang mana orang murtad bukan dari ahlinya. Apa yang jatuh didalam Majmuk daripada wajib kadha perempuan berhaid yang murtad pada zaman gilanya adalah terlajak pena.

(وَلَا) قَضَاءَ عَلَى (صَبِيٍّ) ذَكَرٍ أَوْ غَيْرِهِ إِذَا بَلَغَ. (وَيُؤْمَرُ بِهَا) مُمَيَّرٌ (لِسَبْعِ، وَيُضْرَبُ عَلَيْهَا) أَي عَلَى تَرْكِهَا (لِعَشْرٍ)، لَخَبَرِ أَبِي دَاوُدَ وَغَيْرِهِ { مَرُوا الصَّبِيَّ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغَ سَبْعَ سِنِينَ، وَإِذَا بَلَغَ عَشْرَ سِنِينَ فَاضْرِبُوهُ عَلَيْهَا } . وَهُوَ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ حَدِيثٌ صَحِيحٌ. (كَصَوْمِ أَطَافِهِ)، فَإِنَّهُ يُؤْمَرُ بِهِ لِسَبْعِ وَيُضْرَبُ عَلَيْهِ لِعَشْرٍ كَالصَّلَاةِ. وَذَكَرُ الصَّرْبِ عَلَيْهِ مِنْ زِيَادَتِي. وَالْأَمْرُ بِهِ ذِكْرُهُ الْأَصْلُ فِي بَابِهِ.

369. (dan tidak ada) kadha diatas (kanak-kanak) lelaki atau selainnya bila dia baligh. (Disuruh sembahyang) budak mumayyiz (kerana tujuh tahun dan dipukul dia diatasnya) iaitu diatas meninggalkannya (kerana sepuluh tahun) kerana khabar Abu Daud dan selainnya ((suruhlah budak mengerjakan sembahyang apabila dia sampai tujuh tahun, dan bila dia sampai sepuluh tahun maka pukullah dia diatasnya)). Ianya sepertimana didalam Majmuk adalah hadith sahih. (sama seperti puasa yang dia mampukannya) maka dia disuruh dengannya kerana tujuh tahun dan dipukul diatasnya kerana sepuluh tahun, sama seperti sembahyang. Menyebutkan pukul diatas meninggalkan puasa daripada tambahan ku. Perintah dengan puasa disebutkan Asal didalam babnya.

قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : وَالْأَمْرُ وَالضَّرْبُ وَاجِبَانِ عَلَى الْوَلِيِّ، أَبًا كَانَ أَوْ جَدًّا أَوْ وَصِيًّا أَوْ قَيْمًا مِنْ جِهَةِ الْقَاضِي، وَفِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا يَجِبُ عَلَى الْأَبَاءِ وَالْأُمَّهَاتِ تَغْلِيمَ أَوْلَادِهِمُ الطَّهَارَةَ وَالصَّلَاةَ بَعْدَ سَبْعِ سِنِينَ وَضَرْبَهُمْ عَلَى تَرْكِهَا بَعْدَ عَشْرِ. وَقَوْلُهُمْ لِسَبْعِ وَعَشْرٍ أَي لِنَتَامِهِمَا. وَقَالَ الصَّيْمَرِيُّ يُضْرَبُ فِي أَتْنَاءِ الْعَاشِرَةِ وَجَزَمَ بِهِ ابْنُ الْمُقْرِي. وَقَوْلِي مُمَيَّرٌ مِنْ زِيَادَتِي.

370. Kata Nawawi didalam Majmuk : suruh dan pukul itu dua perkara wajib diatas wali, samaada dia bapa atau datuk atau pemegang wasiat atau petugas dari pihak qadhi. Didalam Raudhah seperti asalnya : wajib diatas bapa dan ibu mengajarkan anak mereka bersuci dan sembahyang selepas tujuh tahun dan memukul mereka diatas meninggalkannya selepas sepuluh. Kata mereka "kerana tujuh dan sepuluh" iaitu kerana sempurna keduanya. Kata Syaimuri : dipukul dia ditengah sepuluh tahun, dan dengannya Ibnu Muqri jazamkan. Kata ku "mumayyiz" daripada tambahan ku.

(وَلَا) فَضَاءَ عَلَى (ذِي جُنُونٍ أَوْ نَحْوِهِ) كَاغْمَاءٍ وَسُكْرٍ (بِلَا تَعَدُّ) إِذَا أَفَاقَ (فِي غَيْرِ رِدَّةٍ وَ) غَيْرِ (نَحْوِ سُكْرٍ) كَاغْمَاءٍ (بِتَعَدُّ). أَمَّا فِيهِمَا كَأَنَّ ارْتَدَّ ثُمَّ جُنَّ أَوْ أُغْمِيَ عَلَيْهِ أَوْ سَكَرَ بِلَا تَعَدُّ وَكَأَنَّ سَكَرَ أَوْ أُغْمِيَ عَلَيْهِ بِتَعَدُّ ثُمَّ جُنَّ أَوْ أُغْمِيَ عَلَيْهِ أَوْ سَكَرَ بِلَا تَعَدُّ فَيَقْضِي مَدَّةَ الْجُنُونِ أَوْ الْإِغْمَاءِ أَوْ السُّكْرِ الْحَاصِلَةَ فِي مَدَّةِ الرِّدَّةِ وَالسُّكْرِ وَالْإِغْمَاءِ بِتَعَدُّ لِتَعَدِّيهِ.

371. (Tidak ada kadha) diatas (orang gila atau umpamanya) seperti orang yang pitam dan mabuk (dengan tidak melampau) apabila dia siuman (pada selain riddah dan) selain (umpama mabuk) seperti pitam (dengan melampau). Adapun pada keduanya seperti bahawa dia murtad kemudian gila atau pitam atau mabuk dengan tidak melampau dan seperti bahawa dia mabuk atau pitam dengan melampau kemudian gila atau pitam atau mabuk dengan tidak melampau maka dia mengkadha tempoh gila atau pitam atau mabuk yang terhasil dalam tempoh riddah dan mabuk dan pitam dengan sengaja kerana melampaunya.

وَخَرَجَ بِقَوْلِي بِلَا تَعَدُّ مَا لَوْ تَعَدَّى بِذَلِكَ فَعَلَيْهِ الْقَضَاءُ. وَلَوْ سَكَرَ مَثَلًا بِتَعَدُّ ثُمَّ جُنَّ بِلَا تَعَدُّ فَضَى مَدَّةَ السُّكْرِ، لَا مَدَّةَ جُنُونِهِ بَعْدَهَا. بِخِلَافِ مَدَّةِ جُنُونِ الْمُرْتَدِّ كَمَا عَلِمَ ذَلِكَ، لِأَنَّ مَنْ جُنَّ فِي رِدَّتِهِ مُرْتَدًّا فِي جُنُونِهِ حُكْمًا وَمَنْ جُنَّ فِي سُكْرِهِ لَيْسَ بِسُكَرَانَ فِي دَوَامِ جُنُونِهِ قَطْعًا. وَقَوْلِي أَوْ نَحْوِهِ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ أَوْ إِغْمَاءٍ وَبِلَا تَعَدُّ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي .

372. Keluar dengan kata aku "tanpa melampau" oleh keadaan kalau dia melampau dengan demikian itu maka diatasnya kadha. Kalau dia mabuk sebagai contoh dengan melampau kemudian gila tanpa melampau dia mengkadha tempoh mabuk tidak tempoh gilanya selepasnya, bersalahan tempoh gila orang murtad sepertimana diketahui, kerana orang yang gila didalam riddahnya adalah orang murtad ketika gilanya pada hukum dan orang yang gila pada mabuknya bukan orang mabuk sepanjang gilanya dengan putus. Kata aku "atau umpamanya" lebih umum dari kata Asal "atau pitam" dan "dengan tidak melampau" hingga akhirnya daripada tambahan ku.

(وَلَا) عَلَى (حَائِضٍ وَنُفَسَاءِ)، وَلَوْ فِي رِدَّةٍ إِذَا طَهَّرْتَا. وَتَقَدَّمَ الْفَرْقُ بَيْنَهُمَا وَبَيَّنَّ الْمَجْنُونِ. وَذِكْرُ النَّفْسَاءِ مِنْ زِيَادَتِي.

373. (dan tidak) keatas (orang berhaid dan bernifas), walaupun didalam riddah apabila keduanya suci. Telah terdahulu beza diantara keduanya dan diantara orang gila. Menyebutkan nifas daripada tambahan ku.

ثُمَّ بَيَّنْتُ وَقْتُ الضَّرُورَةِ، وَالْمُرَادُ بِهِ وَقْتُ زَوَالِ مَوَانِعِ الْوُجُوبِ فَقُلْتُ : (وَلَوْ زَالَتِ الْمَوَانِعُ) الْمَذْكُورَةُ أَيْ الْكُفْرَ الْأَصْلِيَّ وَالصَّبَا وَالْجُنُونِ وَالْإِغْمَاءِ وَالْحَيْضَ وَالنَّفَاسَ (وَ) قَدْ (بَقِيَ) مِنَ الْوَقْتِ (قَدْرٌ) زَمَنَ (تَحَرُّمٍ) فَأَكْثَرَ (وَخِلَا) الشَّخْصُ (مِنْهَا قَدْرَ الطَّهْرِ وَالصَّلَاةِ لَزِمَتْ) أَيْ صَلَاةُ الْوَقْتِ بِإِدْرَاكِ جُزْءٍ مِنْ وَقْتِهَا، كَمَا يَلْزَمُ الْمَسَافِرَ إِتْمَامُهَا بِإِقْتِدَائِهِ بِمَقِيمٍ فِي جُزْءٍ مِنْهَا، (مَعَ فَرَضِ قَبْلِهَا إِنْ صَلَحَ لَجْمَعِهِ مَعَهَا وَخِلَا) الشَّخْصُ مِنَ الْمَوَانِعِ (قَدْرَهُ) أَيْضًا، لِأَنَّ وَقْتَهَا وَقْتُ لَهُ حَالَةَ الْعُدْرِ فَحَالَةُ الضَّرُورَةِ أَوْلَى. فَيَجِبُ الطَّهْرُ مَعَ الْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ مَعَ الْعِشَاءِ، لَا الْعِشَاءِ مَعَ الصُّبْحِ، وَلَا الصُّبْحِ مَعَ الطَّهْرِ، وَلَا الْعَصْرُ مَعَ الْمَغْرِبِ، لِإِنْتِفَاءِ صَلَاحِيَةِ الْجَمْعِ.

374. Kemudian aku terangkan waktu dharurat, yang dikehendaki dengannya waktu hilang penghalang-penghalang wajib, maka aku katakan : (**kalau hilang penghalang-penghalang**) yang disebutkan itu iaitu kufur asli dan kanak-kanak dan gila dan pitam dan haid dan nifas (**walhal masih tinggal**) daripada waktu itu (**oleh kadar**) masa (**taharrum**) maka lebih (**dan sunyi**) seorang itu (**darinya kadar bersuci dan sembahyang lazim**) sembahyang waktu itu dengan sebab mendapat satu juzuk daripada waktunya sepertimana lazim musafir menyempurnakan sembahyang dengan mengikut orang mukim pada satu juzuk daripada sembahyangnya. (**beserta dengan fardhu sebelumnya jika sesuai untuk dijamakkan bersamanya dan sunyi**) seorang itu dari penghalang-penghalang itu (**kadarnya**) juga, kerana waktunya itu adalah waktu fardhu yang sebelumnya pada keadaan uzur maka pada keadaan dharaurat terutama. Maka wajib zohor bersama dengan asar dan maghrib dengan isyak, tidak isyak subuh dan tidak subuh dengan zohor dan tidak asar dengan maghrib, kerana ternafi kesesuaian jamak.

هَذَا إِنْ خَلَا مَعَ ذَلِكَ مِنَ الْمَوَانِعِ قَدَرَ الْمُؤَدَّةَ. فَإِنْ خَلَا قَدَرَهَا وَقَدَرَ الطَّهْرَ فَقَطَّ تَعَيَّنَتْ، أَوْ مَعَ ذَلِكَ قَدَرَ مَا يَسَعُ الَّتِي قَبْلَهَا تَعَيَّنَتْ. أَمَا إِذَا لَمْ يَبْقَ مِنْ وَقْتِهَا قَدْرٌ تَحْرُمُ أَوْ لَمْ يَخُلْ الشَّخْصُ الْقَدْرَ الْمَذْكُورَ فَلَا تَلْزَمُ إِنْ لَمْ تُجْمَعْ مَعَ مَا بَعْدَهَا، وَإِلَّا لَزِمَتْ مَعَهَا فِي الشَّقِّ الْأَوَّلِ بِالشَّرْطِ السَّابِقِ. وَالتَّقْيِيدُ بِالْخُلُوِّ الْمَذْكُورِ فِي الْمَوْضِعِينَ مِنْ زِيَادَتِي.

375. Wajib sembahyang yang sebelumnya ini jika dia sunyi, beserta kadar fardhu itu, dari penghalang-penghalang pada kadar sembahyang yang ditunaikan⁵¹. Maka jika dia sunyi sekadar sembahyang itu⁵² dan sekadar bersucinya sahaja tertentu ia, atau beserta demikian itu kadar masa yang memuatkan sembahyang sebelumnya tertentu kedua-duanya. Adapun apabila tidak tinggal daripada waktu itu kadar taharrum atau tidak sunyi seorang dari penghalang pada kadar yang disebutkan itu maka tidak lazim ia, jika ia tidak boleh dijamakkan bersama sembahyang yang sebelumnya. Jika tidak, lazim ia bersamanya pada sebelah¹⁸ yang pertama dengan syarat yang lalu itu. Mengkaitkan dengan sunyi yang tersebut itu pada dua tempat ini daripada tambahan ku.

(وَلَوْ بَلَغَ فِيهَا) بِالسِّنِّ (أتمَّهَا) وَجُوبًا وَأَجْزَأْتَهُ ؛ لِأَنَّهُ أَدَّاهَا بِشَرْطِهَا فَلَا يُؤَثِّرُ تَغْيِيرُ حَالِهِ بِالْكَمَالِ كَالْعَبْدِ إِذَا عَتَقَ فِي الْجُمُعَةِ، (أَوْ) بَلَغَ (بَعْدَهَا) وَلَوْ فِي الْوَقْتِ بِالسِّنِّ أَوْ بِغَيْرِهِ (فَلَا إِعَادَةَ) وَاجِبَةً، كَالْعَبْدِ إِذَا عَتَقَ بَعْدَ الْجُمُعَةِ.

376. (**Kalau dia baligh didalam sembahyang**) dengan umur (**dia menyempurnakannya**) diatas jalan wajib dan ia memadainya, kerana dia menunaikannya dengan syaratnya maka tidak berkesan perubahan keadaanya dengan sempurna sama seperti hamba apabila dia merdeka didalam sembahyang jumaat, (**atau**) dia baligh (**selepasnya**) walaupun didalam waktu dengan umur atau dengan selainnya (**maka tidak ada ulangan**) yang wajib, sama seperti hamba apabila dia merdeka selepas jumaat.

(وَلَوْ طَرَأَ مَانِعٌ) مِنْ جُنُونٍ أَوْ إِغْمَاءٍ أَوْ حَيْضٍ أَوْ نَفَاسٍ (فِي الْوَقْتِ) أَيِ فِي أَثْنَانِهِ وَاسْتَعْرَقَ الْمَانِعَ بِأَفْيِهِ (وَأَدْرَكَ) مِنْهُ (قَدَرَ الصَّلَاةَ وَطَهْرًا لَا يَقْدَمُ) أَيِ لَا يَصِحُّ تَقْدِيمُهُ عَلَيْهِ كَتَيْمُمٍ (لَزِمَتْ) مَعَ فَرَضِ قَبْلِهَا إِنْ صَلَحَ لِجَمْعِهِ مَعَهَا وَأَدْرَكَ قَدْرَهُ كَمَا فَهَمَ مِمَّا مَرَّ بِالْأُولَى، لِتَمَكُّنِهِ مِنْ فِعْلِ ذَلِكَ. وَلَا يَجِبُ مَعَهَا مَا بَعْدَهَا وَإِنْ صَلَحَ لِجَمْعِهِ مَعَهَا. وَفَارِقَ عَكْسَهُ بِأَنَّ وَقْتِ الْأُولَى لَا يَصْلُحُ لِلثَّانِيَةِ إِلَّا إِذَا صَلَّاهُمَا جَمْعًا، بِخِلَافِ الْعَكْسِ. فَإِنْ صَلَحَ تَقْدِيمُ طَهْرِهِ عَلَى الْوَقْتِ كَوْضُوءٍ رَفَاهِيَةٍ لَمْ يُشْتَرَطْ إِذْرَاكَ قَدْرَ وَقْتِهِ لِإِمْكَانِ تَقْدِيمِهِ عَلَيْهِ.

377. (**Kalau mendatang penghalang**) daripada gila atau pitam atau haid atau nifas (**didalam waktu**) iaitu ditengahnya, dan penghalang itu menghabiskan baki waktu itu (**dan dia mendapat**)

⁵¹ Sembahyang yang sebelum. Tunai itu dengan nisbah kepada perbuatan dirinya, kerana ia bukannya kadha nisbah dirinya.

⁵² yang hilang penghalang padanya.

darinya (**kadar sembahyang dan besuci yang tidak boleh didulukan**) iaitu tidak sah mendulukannya diatas waktu seperti tayammum (**lazim ia**) bersama dengan fardhu sebelumnya jika sesuai untuk dijamakkan bersamanya dan dia mendapat kadarnya sepertimana difaham dari apa yang telah lalu itu dengan terutama, kerana terbole di melakukan demikian itu. Tidak wajib bersamanya sembahyang yang selepasnya sekalipun ia sesuai dijamakkan bersamanya. Ia melawani 'akasnya dengan bahawa waktu pertama tidak sesuai untuk yang kedua melainkan apabila dia sembahyangkan keduanya secara jamak, bersalahan 'akasnya. Maka jika sah mendulukan bersucinya diatas waktu seperti wudhuk bersenang-senang⁵³ tidak disyaratkan dapat kadar waktunya kerana terbole mendulukannya diatas waktu.

أَمَّا إِذَا لَمْ يُدْرِكْ قَدْرَ ذَلِكَ فَلَا يَجِبُ لِعَدَمِ تَمَكُّنِهِ مِنْ فِعْلِهِ. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذُكِرَ أَعَمُّ مِنْ قَوْلِهِ "وَلَوْ حَاصَتْ أَوْ جُنَّ". وَالتَّقْيِيدُ بِطَهْرٍ لَا يُقَدِّمُ مِنْ زِيَادَتِي.

378. Adapun apabila dia tidak mendapat kadar demikian itu maka ianya tidak wajib kerana tidak terbole melakukannya. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan itu lebih umum dari katanya "kalau dia berhaid atau gila". Mengkaitkan dengan suci yang tidak boleh didulukan adalah daripada tambahan ku.

بَابُ 19

بِالتَّنْوِينِ (سُنَّ) عَلَى الْكِفَايَةِ (أَذَانٍ) بِمُعْجَمَةِ (وَإِقَامَةٍ) لِمُوَظَبَةِ السَّنْفِ وَالْخَلْفِ عَلَيْهِمَا وَلِخَبَرِ الصَّحِيحِينَ : { إِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَدِّنْ لَكُمْ أَحَدَكُمْ } (لِرَجُلٍ ، وَلَوْ مُنْفَرِدًا) بِالصَّلَاةِ ، وَإِنْ بَلَغَهُ أَذَانُ غَيْرِهِ (لِمَكْتُوبَةٍ ، وَلَوْ فَايْتَهُ) لِمَا مَرَّ وَلِخَبَرِ الْأَتِي وَلِخَبَرِ مُسْلِمٍ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَامَ هُوَ وَأَصْحَابِيهِ عَنِ الصُّبْحِ حَتَّى طَلَعَتِ الشَّمْسُ فَسَارُوا حَتَّى ارْتَفَعَتْ ثُمَّ نَزَلَ فَنَوَّضًا ثُمَّ أَذَّنَ بِإِلَالٍ بِالصَّلَاةِ فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ صَلَّى صَلَاةَ الْغَدَاةِ } . بِخِلَافِ الْمُنْدُورَةِ وَصَلَاةِ الْجَنَازَةِ وَالنَّافِلَةِ.

379. **BAB. (Sunat)** diatas kifayah (**azan dan iqamah**) kerana salaf dan khalaf mengekali keduanya dan kerana khabar dua yang sahih ((bila hadhir waktu sembahyang maka hendaklah azan bagi kamu seorang dari kamu)), (**bagi lelaki walaupun sendirian**) dengan sembahyang dan sekalipun sampai kepadanya azan orang lain. (**untuk maktubah walaupun yang luput**) kerana apa yang telah lalu dan kerana khabar yang akan datang dan kerana khabar Muslim ((bahawa nabi sawm dan para sahabatnya pernah tidur lalu meninggalkan subuh hingga terbit matahari, kemudian mereka berjalan hingga matahari meninggi kemudian berhenti singgah lalu berwudhuk, kemudian Bilal azan untuk sembahyang, maka rasulullah sawm sembahyang dua rakaat kemudian sembahyang subuh)). Bersalahan yang dinazarkan dan sembahyang jenazah dan sembahyang sunat.

(وَ) سُنَّ لَهُ (رَفَعُ صَوْتِهِ بِأَذَانٍ فِي غَيْرِ مُصَلَّى أُقِيمَتْ فِيهِ جَمَاعَةٌ وَدَهَبُوا) . رَوَى الْبُخَارِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ابْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي صَعْصَعَةَ { أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ قَالَ لَهُ : إِنِّي أَرَاكَ تُحِبُّ الْعَنَمَ وَالْبَادِيَةَ ، فَإِذَا كُنْتَ فِي عَنَمِكَ أَوْ بَادِيَتِكَ فَأَذْنَتَ لِلصَّلَاةِ فَارْفَعِ صَوْتَكَ بِالنِّدَاءِ فَإِنَّهُ لَا يَسْمَعُ مَدَى صَوْتِ الْمُؤَدِّنِ جَنَّ وَلَا إِنْسٌ وَلَا شَيْءٌ إِلَّا شَهِدَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ . سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { أَي سَمِعْتُ مَا قُلْتَهُ لَكَ بِخَطَابٍ لِي . وَيَكْفِي فِي أَذَانِ الْمُنْفَرِدِ إِسْمَاعُ نَفْسِهِ ، بِخِلَافِ أَذَانِ الْإِعْلَامِ كَمَا سَيَأْتِي .

⁵³ Dengan bahawa dai bukan orang yang punya dharurat.

380. Sunat dia (**mengangkatkan suaranya dengan azan pada selain tempat sembahyang yang telah didirikan jamaah padanya dan mereka telah beredar**). Meriwayat Bukhari dari Abdullah bin Abdul Rahman bin Abi Sha'sha'ah ((bahawa Abu Said ak Khudri berkata kepadanya : sesungguhnya aku lihat kamu suka kepada kambing dan daratan, maka bila kamu berada pada kambing-kambing dan daratan kamu kemudian kamu azan untuk sembahyang maka angkatlah suara kamu dengan seruan itu, maka tidak mendengar sejauh suara kamu oleh jin dan tidak manusia dan tidak sesuatu melainkan ia menyaksikan azan itu pada hari kiamat kelak. Aku mendengarnya dari rasulullah sawm)) iaitu aku mendengar apa yang aku katakan kepada kamu dengan dia menuju cakap kepada aku. Memada pada azan orang yang sendirian mendengarkan dirinya, bersalahan azan untuk memaklumkan orang lain, sepertimana akan datang.

(وَ) سُنَّ (عَدْمُهُ فِيهِ) أَيَّ عَدَمٍ رَفَعِ صَوْتَهُ بِالْأَذَانِ فِي الْمُصَلِّي الْمَذْكُورِ، لِئَلَّا يَتَوَهَّمِ السَّامِعُونَ دُخُولَ وَقْتِ صَلَاةٍ أُخْرَى. وَالتَّصْرِيحُ بِسُنَّ رَفَعِ الصَّوْتِ وَعَدَمِ رَفْعِهِ لِعَبْرِ الْمُنْفَرِدِ مَعَ قَوْلِي وَدَهَبُوا مِنْ زِيَادَتِي. وَبِهِ صَرَخَ فِي الرُّوضَةِ وَأَصْلُهَا. وَتَعْبِيرِي بِمُصَلِّي أَعَمُّ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِمَسْجِدٍ. وَتَعْبِيرِي بِسُنَّ عَدَمِ الرَّفْعِ فِيمَا ذَكَرَ أَوْلَى مِمَّا ذَكَرَهُ لِأَنَّهُ إِنَّمَا يُفِيدُ عَدَمَ السُّنَنِ. وَسُنَّ إِظْهَارِ الْأَذَانِ فِي الْبَلَدِ وَغَيْرِهَا بِحَيْثُ يَسْمَعُهُ كُلُّ مَنْ أَصْعَى إِلَيْهِ مِنْ أَهْلِ ذَلِكَ الْبَلَدِ أَوْ غَيْرِهِ.

381. Sunat (**tidaknya padanya**) iaitu tidak meninggikan suara dengan azan pada musalla yang tersebut supaya tidak diwahamkan oleh orang yang mendengarnya bahawa waktu sembahyang lain telah masuk. Penjelasan dengan sunat meninggikan suara dan tidak meninggikannya bagi selain orang yang sembahyang sendirian serta kata aku "dan mereka telah beredar" adalah daripada tambahan ku. Dengannya Nawawi menjelaskan didalam Raudhah dan asalnya. Ibarat aku dengan "tempat sembahyang" lebih umum dari ibaratnya dengan masjid. Ibarat ku dengan sunat tidak meninggikan pada apa yang disebutkan itu terutama dari apa yang dia sebutkan kerana ia hanya memahamkan tidak sunat. Sunat menzahirkan azan pada penempatan dan selainnya sekira-kira mendengarnya setiap orang yang memerhati dengar kepadanya daripada penduduk penempatan itu atau selainnya.

(وَ) سُنَّ (إِقَامَةٌ) لَا أَذَانَ (لِعَبْرِهِ) أَيَّ لِلْمَرْأَةِ وَالْخُنْتَى مُنْفَرِدَيْنِ أَوْ مُجْتَمِعَيْنِ ؛ لِأَنَّهَا لِاسْتِنْهَاضِ الْحَاضِرِينَ فَلَا تَحْتَاجُ إِلَى رَفْعِ صَوْتِ، وَالْأَذَانَ لِأَعْلَامِ الْعَائِبِينَ فَيَحْتَاجُ فِيهِ إِلَى الرَّفْعِ وَالْمَرْأَةُ يَخَافُ مِنْ رَفْعِ صَوْتِهَا الْفِتْنَةَ. وَالْحَقُّ بِهَا الْخُنْتَى اخْتِيَاظًا. فَإِنَّ أَدْنَا لِلنِّسَاءِ يَقْدَرُ مَا يَسْمَعْنَ²⁰ لَمْ يُكْرَهُ، وَكَانَ ذِكْرًا لِلَّهِ تَعَالَى أَوْ فَوْقَهُ كُرْهُ، بَلْ حَرَمٌ إِنْ كَانَ تَمَّ أَجْنَبِيٌّ. وَذَكَرُ سُنَّ الْإِقَامَةَ لِلْمَرْأَةِ الْمُنْفَرِدَةِ وَالْخُنْتَى مِنْ زِيَادَتِي.

382. Sunat (**iqamah**) tidak azan (**bagi selainnya**) iaitu bagi perempuan dan khunsa, yang sendirian atau berkumpulan, kerana ia untuk membangunkan orang yang sedia hadir maka ia tidak perlu kepada meninggikan suara, sementara azan untuk memberi tahu orang yang ghaib maka diperlukan padanya kepada meninggikan suara yang mana perempuan itu ditakuti fitnah dari tinggi suaranya. Dihubungkan dengannya akan khunsa kerana cermat. Maka jika keduanya azan untuk jamaah perempuan kadar yang mereka dengar tidak makruh, dan adalah ia zikrullah taala, atau melebihinya dimakruhkan ia, bahkan haram jika ada lelaki ajnabi disana. Menyebutkan sunat iqamah bagi perempuan yang sendirian dan bagi khunsa daripada tambahan ku.

(وَأَنَّ يُقَالَ فِي نَحْوِ عِيدٍ) مِنْ نَفْلِ تَشْرَعُ فِيهِ الْجَمَاعَةُ وَصَلَّى جَمَاعَةً كَكُسُوفٍ وَتَرَائِيحِ (الصَّلَاةِ جَامِعَةً) لِوُرُودِهِ فِي خَبَرِ الصَّحِيحِينَ فِي كُسُوفِ الشَّمْسِ وَيُقَاسُ بِهِ نَحْوُهُ. وَالْجُزْءَانِ مَنْصُوبَانِ، الْأَوَّلُ بِالْإِعْرَافِ وَالثَّانِي بِالْحَالِيَّةِ. وَيَجُوزُ رَفْعُهُمَا عَلَى الْإِبْتِدَاءِ وَالْخَبَرِ، وَرَفْعُ أَحَدِهِمَا وَنَصْبُ الْآخَرِ كَمَا بَيَّنَّنْتُهُ فِي شَرْحِ الرُّوضِ. وَكَالصَّلَاةِ جَامِعَةً الصَّلَاةَ كَمَا نَصَّ عَلَيْهِ فِي الْأَمِّ.

383. (**dan bahawa dikatakan pada umpama hari raya**) daripada sunat yang disyariatkan jamaah padanya dan disambahyang berjamaah seperti gerhana dan tarawih (الصَّلَاةِ جَامِعَةً) kerana

waridnya pada khabar dua yang sahih pada gerhana dan dikiaskan dengannya akan selainnya. Dua juzuk itu dinashabkan, yang pertamanya dengan ighra' dan yang kedua dengan keadan hal. Harus rafa' keduanya diatas muftada dan khabar, dan rafa' satu daripada keduanya dan nashab yang satu lagi sepertimana aku jelaskan didalam Syarah Raudh. Seperti "الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ" adalah "الصَّلَاةُ" sepertimana dinaskan didalam al Umm.

(وَ) أَنْ (يُؤَدَّنُ لِلأُولَى فَقَطُ مِنْ صَلَوَاتِ وَالِهَا) كَفَوَاتِ وَصَلَاتِي جَمْعَ وَفَانْتَهُ وَحَاضِرَةٌ دَخَلَ وَقْتَهَا قَبْلَ شُرُوعِهِ فِي الأَذَانِ. وَيُقِيمُ لِكُلِّ لِاتِّبَاعِ فِي الأُولَيَيْنِ، رَوَاهُ فِي أَوْلَاهُمَا الشَّافِعِيُّ وَأَحْمَدُ بِإِسْنَادِ صَحِيحٍ وَفِي ثَانِيَتِهِمَا الشَّيْخَانِ، وَقِيَاسًا فِي الثَّالِثَةِ. فَإِنْ لَمْ يُؤَالِ أَوْ وَالِي فَانْتَهُ وَحَاضِرَةٌ لَمْ يَدْخُلْ وَقْتَهَا قَبْلَ شُرُوعِهِ فِي الأَذَانِ لَمْ يَكْفِ لِغَيْرِ الأُولَى الأَذَانُ لَهَا. وَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أُولَى مِنْ قَوْلِهِ فَإِنْ كَانَ فَوَانْتِ لَمْ يُؤَدَّنْ لِغَيْرِ الأُولَى.

384. (dan) bahawa (dia azan untuk yang pertama sahaja daripada sembahyang-sembahyang yang mengiringinya) seperti beberapa sembahyang yang luput, dan dua sembahyang jamak, dan sembahyang luput dan sembahyang hadhir yang masuk waktunya sebelum masuknya pada azan, dan dia iqamah untuk setiap sembahyang, kerana ittiba' pada dua masalah yang pertama yang meriwayatkannya pada yang pertama daripada keduanya oleh Syafi'e dan Ahmad dengan sanad-sanad yang sahih, dan pada yang kedua daripada dua itu oleh dua syeikh, dan kerana kias pada yang ketiga. Maka jika dia tidak mengiringkan atau dia mengiringkan yang luput dan yang hadhir yang belum masuk waktunya sebelum masuknya pada azan tidak memada bagi selain yang pertama oleh azan untuknya. Ibarat aku dengan demikian itu terutama dari kata Asal "maka jika ianya beberapa sembahyang yang luput tidak dia azan untu selain yang pertama".

(وَمُعْظَمُ الأَذَانِ مُتْنِي)، هُوَ مَعْدُولٌ عَنِ اثْنَيْنِ اثْنَيْنِ، (وَ) مُعْظَمُ (الإِقَامَةِ فَرَادَى). قِيدْتُ مِنْ زِيَادَتِي بِالْمُعْظَمِ لِأَنَّ التَّكْبِيرَ أَوَّلَ الأَذَانِ أَرْبَعٌ وَالتَّوْحِيدَ آخِرَهُ وَاحِدٌ وَالتَّكْبِيرُ الأَوَّلُ وَالأَخِيرُ وَلَفْظُ الإِقَامَةِ فِيهَا مُتْنِي، مَعَ أَنَّ الأَصْلَ اسْتَنْتَى لَفْظَ الإِقَامَةِ. وَاعْتَدَرَ فِي دَفَائِقِهِ عَنِ تَرْكِ التَّكْبِيرِ بِأَنَّهُ لَمَّا كَانَ عَلَى نِصْفِ لَفْظِهِ فِي الأَذَانِ كَانَ كَأَنَّهُ فَرْدٌ.

385. (Kebanyakan lafaz azan itu dua-dua) "متنى" dipalingkan dari "-الثنين اثنين" (dan) kebanyakan (lafaz iqamah itu satu-satu). Aku kaitkan dengan "kebanyakan" kerana takbir pada awal azan itu empat dan tauhid pada akhirnya satu dan takbir pertama dan akhir dan lafaz iqamah pada iqamah dua kali, serta⁵⁴ bahawa Asal mengecualikan lafaz iqamah. Dia menyatakan alasan didalam Daqaiq-nya dari meninggalkan dari mengecualikan takbir dengan bahawa tatkala takbir itu diatas setengah lafaznya pada azan adalah ia seolah-olah satu kali.

وَالأَصْلُ فِي ذَلِكَ خَبَرُ الصَّحِيحَيْنِ { أَمْرَ بِلَالٍ أَنْ يَشْفَعَ الأَذَانَ وَيُوتِرَ الإِقَامَةَ } . وَالمُرَادُ مِنْهُ مَا قُلْنَا. فَأَلِإِقَامَةَ إِحْدَى عَشْرَةَ كَلِمَةً وَالأَذَانَ تِسْعَ عَشْرَةَ كَلِمَةً بِالتَّرْجِيحِ. وَسَيَاتِي.

386. Asal pada demikian itu khabar dua yang sahih ((disuruh Bilal menggenapkan azan dan mengganjilkan iqamah)). Yang dikehendaki darinya adalah apa yang telah kami katakan. Maka iqamah itu sebelas kalimah dan azan itu sembilan belas kalimah dengan tarji'. Akan datang keterangannya.

(وَشُرْطٌ فِيهِمَا تَرْتِيبٌ وَوَلَاءٌ) بَيْنَ كَلِمَاتِهِمَا مُطْلَقًا، (وَالجَمَاعَةُ جَهْرٌ) بِحَيْثُ يَسْمَعُونَ لِأَنَّ تَرْكَ كُلِّ مِنْهُمَا يُخِلُّ بِالإِعْلَامِ. وَيَكْفِي سَمَاعٌ وَاحِدٍ مِنْهُمْ وَلَا يَضُرُّ فِي الوَلَاءِ تَخَلُّلٌ بِسِيرِ سَكُوتٍ أَوْ كَلَامٍ.

387. (Disyaratkan pada keduanya tertib dan mualat) diantara kalimah-kalimahnyanya semata-mata, (dan nyaring bagi jamaah) sekira-kira mereka mendengar, kerana meninggalkan setiap

⁵⁴ Ta'luk "مع" kepada "قيدت".

satu daripada keduanya mencederakan pemberitahuan. Memada dengar seorang daripada mereka. Tidak memudharatkan pada mualat itu oleh selang sedikit duam atau cakap.

(وَ) شُرْطُ فِيهِمَا . (عَدَمُ بِنَاءِ غَيْرِ) عَلَى أَدَانِهِ أَوْ إِقَامَتِهِ لِأَنَّ ذَلِكَ يُوقِعُ فِي لَبْسٍ ، وَهَذَا وَمَا قَبْلَهُ مِنْ اشْتِرَاطِ الْجَهْرِ مُطْلَقًا وَاشْتِرَاطِ التَّرْتِيبِ وَالْوَلَاءِ فِي الْإِقَامَةِ مِنْ زِيَادَتِي .

388. (dan) disyaratkan pada keduanya (**tidak ada bina oleh orang lain**) diatas azannya atau iqamahnya kerana demikian itu menjatuhkan pada kesamaran. Ini dan apa yang sebelumnya adalah daripada syarat nyaring semata-mata. Mensyaratkan tertib dan mualat pada iqamah daripada tambahn ku.

(وَ) دُخُولِ (وَتِ) لِأَنَّ ذَلِكَ لِلْإِعْلَامِ بِهِ فَلَا يَصِحُّ قَبْلَهُ ، (إِلَّا أَدَانَ صُبْحَ فَمَنْ نَصَفَ لَيْلٍ) يَصِحُّ . وَالْأَصْلُ خَبَرُ الصَّحِيحِينَ { إِنَّ بِلَالًا يُؤَدِّنُ بِلَيْلٍ فَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى تَسْمَعُوا أَدَانَ ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ } .

389. (dan) masuk (**waktu**) kerana demikian itu untuk memberitahu waktu maka tidak sah ia sebelumnya, (**melainkan azan subuh maka dari setengah malam**) sahnya. Asalnya khabar dua yang sah ((sungguhny Bilal azan pada malam maka makanlah dan minumlah hingga kamu dengar azan Ibnu Ummi Maktum)).

(وَ) شُرْطُ (فِي مُؤَدِّنٍ وَمُقِيمٍ إِسْلَامًا وَتَمْيِيزًا) مُطْلَقًا (وَلِغَيْرِ نِسَاءِ ذُكُورَةً) ، فَلَا يَصِحُّ مِنْ كَافِرٍ وَغَيْرِ مُمَيِّزٍ ؛ لِأَنَّهُ عِبَادَةٌ ، وَلَيْسَا مِنْ أَهْلِهَا وَلَا مِنْ أَمْرَاءِ وَخُنْتِي لِرِجَالٍ وَخُنَاتِي كَأِمَامَتِهِمَا لَهُمْ . أَمَّا الْمُؤَدِّنُ وَالْمُقِيمُ لِلنِّسَاءِ فَلَا يَشْتَرُطُ فِيهِمَا ذُكُورَةً . وَعَلِمَ مِمَّا مَرَّ أَنَّ الْخُنْتِي يُسَنُّ لَهُ الْإِقَامَةَ لِنَفْسِهِ دُونَ الْأَدَانِ . وَذَكَرَ الْمُقِيمُ وَتَقْيِيدُهُ الذُّكُورَةَ بِغَيْرِ النِّسَاءِ مِنْ زِيَادَتِي .

390. Disyaratkan (**pada muazzin dan muqim Islam dan tamyiz**) semata-mata (**dan bagi selain perempuan disyaratkan lelaki**) maka tidak sah ia dari kafir dan yang bukan mumayyiz kerana ia ibadat sedang kedua mereka bukan daripada ahlinya, dan tidak sah ia dari perempuan dan khunsa untuk lelaki dan khunsa sepertimana imamah mereka untuk mereka. Adapun muazzin dan muqim bagi perempuan maka tidak disyaratkan pada keduanya lelaki. Diketahui daripada apa yang telah lalu bahawa khunsa disunatkan iqamah untuk dirinya, tidak azan. Menyebutkan muqim dan mengkaitkannya dengan lelaki pada selain perempuan daripada tambahan ku.

(وَسُنَّ إِدْرَاجُهَا) أَيِ الْإِقَامَةِ أَيِ الْإِسْرَاعِ بِهَا ، (وَخَفْضُهَا) وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي ، (وَتَرْتِيلُهُ) أَيِ الْأَدَانِ أَيِ التَّائِي . فِيهِ لِلْأَمْرِ بِذَلِكَ فِي خَبَرِ الْحَاكِمِ إِلَّا الْخَفْضُ ؛ وَلِأَنَّ الْأَدَانَ لِلْغَائِبِينَ وَالْإِقَامَةَ لِلْحَاضِرِينَ فَالْإِقَامَةُ بِكُلِّ مِنْهُمَا مَا ذَكَرَ فِيهِ .

391. (**Sunat melajukannya**) iaitu iqamah (**dan merendahkan suara**) ianya daripada tamhahan ku (**dan mentartilkannya**) iaitu azan iaitu beranjuran padanya. Kerana suruhan dengan demikian itu pada khabar Hakim melainkan merendahkan suara, dan kerana azan itu untuk orang yang tak hadir dan iqamah untuk orang yang hadir maka yang layak dengan setiap daripada keduanya adalah apa yang disebutkan padanya ini.

(وَتَرْجِيعُ فِيهِ) أَيِ فِي الْأَدَانِ لَوُرُودِهِ فِي خَبَرِ مُسْلِمٍ وَهُوَ أَنْ يَأْتِيَ بِالشَّهَادَتَيْنِ مَرَّتَيْنِ بِخَفْضِ الصَّوْتِ قَبْلَ إِعَادَتِهِمَا بِرَفْعِهِ فَهُوَ اسْمٌ لِلأَوَّلِ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ وَغَيْرِهِ . وَفِي شَرْحِ مُسْلِمٍ أَنَّهُ لِلتَّائِي . وَقَضِيَّةُ كَلَامِ الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا أَنَّهُ لَهُمَا . وَسُمِّيَ بِذَلِكَ ؛ لِأَنَّ الْمُؤَدِّنَ رَجَعَ إِلَى رَفْعِ الصَّوْتِ بَعْدَ أَنْ تَرَكَهُ أَوْ إِلَى الشَّهَادَتَيْنِ بَعْدَ ذِكْرِهِمَا .

392. (**dan tarji' padanya**) iaitu pada azan, kerana waridnya pada khabar Muslim. Ia adalah mendatangkan dua syahadah dua kali, dengan suara rendah sebelum mengulang keduanya dengan suara tinggi. Maka ia adalah nama bagi yang pertama sepertimana didalam Majmuk dan selainnya. Didalam syarah Muslim bahawa ianya nama bagi yang kedua. Kehendak kalam

Raudhah seperti asalnya bahawa ia nama bagi kedua-duanya. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana muazzin kembali kepada meninggikan suara selepas bahawa dia meninggalkannya atau kembali kepada dua syahadah selepas menyebutkannya.

(وَتَثْوِبُ) بِمَثَلْتَهُ مِنْ تَابَ إِذَا رَجَعَ (فِي) أَذَانَ (صُبْحِ) لَوُرُودِهِ فِي خَيْرِ أَبِي دَاوُدَ وَغَيْرِهِ بِإِسْنَادٍ جَيِّدٍ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ. وَهُوَ أَنْ يَقُولَ بَعْدَ الْحَيْعَلَتَيْنِ الصَّلَاةَ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ مَرَّتَيْنِ. وَخَرَجَ بِالصُّبْحِ مَا عَدَّاهَا، فَيُكْرَهُ فِيهِ التَّثْوِيبُ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ.

393. (dan tathwib), "تثويب" dari "تاب" apabila seorang itu kembali (pada) azan (subuh) kerana waridnya pada khabar Abu Daud dan selainnya dengan sanad-sanad yang baik sepertimana didalam Majmuk. Ianya bahawa dia katakan selepas dua hai'alah " الصَّلَاةَ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ " dua kali. Keluar dengan subuh apa yang selainnya, maka makruh tathwib padanya sepertimana didalam raudhah.

(وَقِيَامٍ فِيهِمَا) أَي فِي الْأَذَانَ وَالْإِقَامَةَ عَلَى عَالٍ إِنْ أُحْتِجَ إِلَيْهِ لِحَبْرِ الصَّحِيحِينَ { يَا بِلَالُ قُمْ فَادِّ } ؛ وَلِأَنَّه أْبْلَغُ فِي الْإِعْلَامِ. وَوَضَعَ مُسَبِّحَتِيهِ فِي صِمَاحِي أَذْنِيهِ فِي الْأَذَانَ.

394. (dan berdiri pada keduanya) iaitu pada azan dan iqamah diatas tempat tinggi jika perlu kerana khabar dua yang sah ((wahai Bilal bangunlah maka serulah)), dan kerana ia lebih mendalam pada memberitahu. Dan meletakkan dua telunjuknya pada dua cuping telinganya pada azan.

(وَ) تَوَجُّةً (لِقِبْلَةٍ)؛ لِأَنَّهَا أَشْرَفُ الْجِهَاتِ؛ وَلِأَنَّ تَوَجُّهَهَا هُوَ الْمَنْفُورُ سَلْفًا وَخَلْفًا. وَذِكْرُ سَنِّ الْقِيَامِ وَالْوَجُّهِ فِي الْإِقَامَةِ مَعَ جَعْلِ كُلِّ مِنْهُمَا سُنَّةً مُسْتَقَلَّةً مِنْ زِيَادَتِي. وَكَذَا قَوْلِي :

395. (dan) mengadap (kiblat) kerana ia semulia-mulia pihak, dan kerana mengadapnya adalah yang dinakalkan dari salaf dan khalaf. Menyebutkan sunat berdiri dan mengadap kiblat pada iqamah serta menjadikan setiap daripada keduanya sebagai sunat yang tersendiri adalah daripada tambahan ku. Begitu juga kata aku :

(وَأَنْ يَلْتَفِتَ بِعُنُقِهِ فِيهِمَا يَمِينًا مَرَّةً فِي حَيِّ عَلَى الصَّلَاةِ) مَرَّتَيْنِ فِي الْأَذَانَ وَمَرَّةً فِي الْإِقَامَةِ . (وَشِمَالًا مَرَّةً فِي حَيِّ عَلَى الْفَلَاحِ) كَذَلِكَ مِنْ غَيْرِ تَحْوِيلِ صَدْرِهِ عَنِ الْقِبْلَةِ وَقَدَمَيْهِ عَنْ مَكَانِهِمَا لِأَنَّ بِلَالَ كَانَ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي الْأَذَانَ كَمَا فِي الصَّحِيحِينَ. وَفِيَسَ بِهِ الْإِقَامَةَ. وَاخْتَصَّ الْإِتِّفَاتُ بِالْحَيْعَلَتَيْنِ ؛ لِأَنَّهُمَا خِطَابُ آدَمِيِّ كَالسَّلَامِ مِنَ الصَّلَاةِ بِخِلَافِ غَيْرِهِمَا.

396. (dan bahawa dia berpaling dengan tengkoknya pada keduanya kekanan sekali pada " حَيِّ عَلَى الصَّلَاةِ "), dua kali pada azan dan sekali pada iqamah, (dan kekiri sekali pada " حَيِّ عَلَى الْفَلَاحِ "), juga dua kali tanpa mengubah dadanya dari kiblat dan dua tapak kakinya dari tempatnya, kerana Bilal sentiasa melakukan demikian itu pada azan sepertimana didalam dua yang sah. Dikiaskan dengannya akan iqamah. Dikhususkan berpaling ini dengan dua hai'alah kerana keduanya khitab kepada anak adam sama seperti salam pada sembahyang, bersalahan selain keduanya.

(وَ) أَنْ (يَكُونُ كُلُّ) مِنَ الْمُؤَدِّنِ وَالْمُقِيمِ (عَدْلًا) فِي الشَّهَادَةِ لِأَنَّهُ يُخْبِرُ بِأَوْقَاتِ الصَّلَوَاتِ، فَهُوَ أَوْلَى مِنَ الصَّبِيِّ وَالْعَبْدِ بِذَلِكَ، (صَيِّتًا) أَي عَالِي الصَّوْتِ ؛ لِأَنَّهُ أْبْدَعُ فِي الْإِعْلَامِ، (حَسَنَ الصَّوْتِ) لِأَنَّهُ أْبَعَثَ عَلَى الْإِجَابَةِ بِالْحَضُورِ.

397. (dan) bahawa (adalah setiap) daripada muazzin dan muqim itu (adil) pada saksi kerana dia mengkhabarkan waktu-waktu sembahyang, maka dia terutama dari kanak-kanak dan hamba dengan demikian itu, (besuara tinggi) kerana ia lebih mendalam pada memberi tahu (lagi merdu) kerana ia lebih membangkitkan diatas menyahut dengan hadir.

(وَكُرْهًا) أَي : الْأَذَانُ وَالْإِقَامَةُ . (مِنْ فَاسِقٍ) لِأَنَّهُ لَا يُؤْمَنُ أَنْ يَأْتِيَ بِهِمَا فِي غَيْرِ الْوَقْتِ . (وَصَبِيٍّ) كَالْفَاسِقِ . (وَأَعْمَى وَحَدَهُ) لِأَنَّهُ رُبَّمَا يَغْلُطُ فِي الْوَقْتِ ، وَذَكَرَ الثَّلَاثَةَ مِنْ زِيَادَتِي .

398. (Makruh keduanya) iaitu azan dan iqamah (dari orang fasik) kerana tidak diamankan bahawa dia mendatangkan keduanya pada selain waktunya, (dan kanak-kanak) sama seperti orang fasik, (dan orang buta yang sendirian) kerana dia mungkin tersalah pada waktu. Menyebutkan tiga ini daripada tambahan ku.

(وَمُحَدَّثٍ) ، لِحَبْرِ التِّرْمِذِيِّ { لَا يُؤَدَّنُ إِلَّا مُتَوَضِّئٌ } . وَقَيْسٌ بِالْأَذَانِ الْإِقَامَةَ . (وَ) الْكَرَاهَةُ (لِجُنُبِ أَشَدُّ) مِنْهَا لِلْمُحَدَّثِ لِغَلْظِ الْجَنَابَةِ ، (وَ) هِيَ (فِي إِقَامَةِ) مِنْهُمَا (أَعْظَمُ) مِنْهَا فِي أَدَانِيهِمَا لِغُرْبَاهَا مِنَ الصَّلَاةِ .

(وَذَكَرَ وَدُعَاءَ) وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي (بَعْدَهَا) أَي الصَّلَاةِ . { كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، إِذَا سَلَّمَ مِنْهَا قَالَ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ } . رَوَاهُ الشَّيْخَانُ . { وَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ سَبَّحَ اللَّهُ دُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ وَحَمَدَ اللَّهِ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ وَكَبَّرَ اللَّهُ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ ، ثُمَّ قَالَ تَمَامَ الْمَائِدَةِ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، إِلَى قَوْلِهِ قَدِيرٌ ، غُفِرَتْ لَهُ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ } . { وَكَانَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا انْصَرَفَ مِنْ صَلَاتِهِ اسْتَغْفَرَ اللَّهَ ثَلَاثًا ، وَقَالَ : اللَّهُمَّ أَدَّتْ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ } . رَوَاهُمَا مُسْلِمٌ .

562. (dan zikir dan doa) ianya daripada tambahan ku (selepas) sembahyang. Adalah nabi sawm bila memberi salam dari sembahyangnya dia berkata " لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا يُعْطَى لِمَا مَنَعْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ " , meriwayatkannya dua syeikh. Dan kata nabi sawm : siapa bertasbih selepas setiap sembahyang tiga puluh tiga kali dan bertahmid tiga puluh tiga kali dan bertakbir tiga puluh tiga kali kemudian dia kata menyempurnakan seratus : " لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ " hingga katanya " قَدِيرٌ " , diampunkan bagi dia kesalahan-kesalahannya sekalipun ia seumpama buih lautan. Adalah nabi sawm bila berpaling dari sembahyangnya dia beristighfar tiga kali dan berkata : " اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ " : " تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ " , meriwayatkannya Muslim.

{ وَسُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّ الدُّعَاءِ أَسْمَعُ أَيُّ أَقْرَبَ إِلَيَّ الْإِجَابَةِ ؟ قَالَ جَوْفَ اللَّيْلِ وَدُبُرَ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوبَاتِ } . رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ . وَيَكُونُ كُلُّ مِنْهُمَا سِرًّا ، لَكِنْ يَجْهَرُ بِهِمَا إِمَامٌ يُرِيدُ تَعْلِيمَ مَأْمُومِينَ . فَإِذَا تَعَلَّمُوا أَسْرًا .

563. Ditanya nabi sawm : mana satu doa yang lebih didengar iaitu lebih dekat kepada perkenan? Katanya : ditengah malam dan dibelakang sembahyang maktubah. Meriwayatkannya Turmizi. Adalah setiap daripada keduanya dengan perlahan, akan tetapi imam yang hendak mengajar para makmum menyaringkan keduanya. Maka bila mereka telah pandai dia memperlahankan.

(وَانْتَقَالَ لِصَلَاةٍ مِنْ مَحَلِّ أُخْرَى) تَكَثِيرًا لِمَوَاضِعِ السُّجُودِ ، فَاتَّهَاتُ تَشْهَدُ لَهُ . وَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ وَأَنْ يَنْتَقِلَ لِلنَّفْلِ مِنْ مَوْضِعٍ فَرَضِهِ . قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ وَغَيْرِهِ : فَإِنْ لَمْ يَنْتَقِلْ فَلْيُفَصِّلْ بِكَلَامِ إِنْسَانٍ .

564. (dan pindah untuk sembahyang lain ketempat lain) kerana membanyakkan tempat sujud, kerana ia menyaksikan baginya. Ibarat aku dengan demikian itu lebih umum dari katanya "dan bahawa dia berpindah untuk sembahyang sunat dari tempat fardhunya". Kata Nawawi didalam Majmuk dan selainnya : maka jika dia tidak pindah maka hendaklah dia menceraikan dengan kalam manusia.

(وَ) اِنْتَقَالَهُ (لِنَفْلِ فِي بَيْتِهِ اَفْضَلُ) لِحَبْرِ الصَّحِيحَيْنِ { صَلُّوا اَيُّهَا النَّاسُ فِي بَيْوتِكُمْ فَاِنَّ اَفْضَلَ الصَّلَاةِ صَلَاةَ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ اِلَّا الْمَكْنُوبَةَ } . وَيُسْتَنْنَى نَفْلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ قَبْلَهَا وَرَكَعَتَا الطَّوَافِ وَرَكَعَتَا الْاِحْرَامِ حَيْثُ كَانَ فِي الْمِيَقَاتِ مَسْجِدًا . وَزَيْدٌ عَلَيَّهَا صُورٌ ذَكَرْتُهَا فِي شَرْحِ الرَّوْضِ .

565. (dan) pindahnya (untuk sembahyang sunat dirumahnya terafdhal) kerana khabar dua yang sahih ((sembahyanglah wahai manusia dirumah kamu, maka sesungguhnya seafdhal-afdhal sembahyang itu sembahyang seorang dirumahnya melainkan sembahyang maktubah)). Dikecualikan sunat pada hari jumaat sebelumnya dan dua rakaat tawaf dan dua rakaat ihram sekra-kira ada masjid pada miqat. Ditambah diatsnya beberapa rupa masalah yang aku sebutkannya didalam Syarah Raudh.

(وَمَكَثَ رِجَالٌ لِيَنْصَرِفَ غَيْرَهُمْ) مِنْ نِسَاءٍ وَخَنَائِي لِلاتِّبَاعِ فِي النَّسَاءِ ، رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ . وَقَيْسٌ بِهِنَّ الْخَنَائِي . وَذَكَرَهُمْ مِنْ رِيَادَتِي . وَالْقِيَاسُ مَكْتُهُمْ لِيَنْصَرِفْنَ وَأَنْصِرَافَهُمْ بَعْدَهُنَّ فَرَادَى . وَهَذَا أَوْلَى مِنْ قَوْلِ الْمُهْمَاتِ "وَالْقِيَاسُ اسْتِحْبَابٌ أَنْصِرَافَهُمْ فَرَادَى إِمَّا قَبْلَ النَّسَاءِ أَوْ بَعْدَهُنَّ" .

566. (dan diam para lelaki⁶⁰ supaya berpaling pergi selain mereka) daripada kaum perempuan dan khunsa kerana ittiba' pada perempuan, yang diriwayatkan oleh Bukhari. Dikiaskan dengan mereka itu akan khunsa. Menyebutkan khunsa itu daripada tambahan ku. Kiasnya adalah diam khunsa supaya kaum perempuan berpaling pergi, dan mereka pergi selepas perempuan dalam keadaan seorang-seorang. Ini terutama dari kata Muhimmat "dan kiasnya sunat berpaling khunsa seorang-seorang samaada sebelum perempuan atau selepas mereka".

(وَانْصِرَافٌ لِحِجَّةٍ حَاجَةٍ) لَهُ أَيَّ جِهَةٍ كَانَتْ ، (وَإِلَّا فَيَمِينٍ) بِالْجَرِّ أَيَّ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ لِلْمُصَلِّي حَاجَةٌ فَيَنْصَرِفُ لِحِجَّةٍ يَمِينِهِ لِأَنَّهَا أَفْضَلُ .

567. (dan berpaling pergi kepada pihak hajat)nya, barang mana pihak ada ia, (jika tidak maka pihak kanan) iaitu jika musalli itu tidak punya hajat maka dia berpaling pergi kepihak kanannya kerana ia terafdhal.

(وَتَنْقِضِي فُذُوَّةَ بِسَلَامٍ إِمَامٍ) التَّسْلِيمَةَ الْأَوْلَى لِخُرُوجِهِ مِنَ الصَّلَاةِ بِهَا . فَلَوْ سَلَّمَ الْمَأْمُومُ قَبْلَهَا عَامِدًا بَطَلَتْ صَلَاتُهُ إِنْ لَمْ يَنْوِ الْمَفَارِقَةَ .

568. (Selesailah ikutan dengan salam imam) yang pertama kerana keluar imam itu dari sembahyang dengannya. Maka kalau makmum memberi salam sebelumnya dengan sengaja batal sembahyangnya jika dia tidak niatkan mufaraqah.

(فَلِأَمَامٍ) مُوَافِقٍ (أَنْ يَشْتَعَلَ بِدَعَاءٍ وَنَحْوِهِ) كَسُجُودِ سَهْوٍ لِانْقِطَاعِ الْفُذُوَّةِ (ثُمَّ يَسَلِّمُ) . وَلَهُ أَنْ يَسَلِّمَ فِي الْحَالِ . أَمَّا الْمَسْبُوقُ فَإِنْ كَانَ جُلُوسَهُ مَعَ الْإِمَامِ فِي مَحَلِّ تَشَهُدِهِ الْأَوَّلِ فَكَذَلِكَ مَعَ كَرَاهَةِ تَطْوِيلِهِ . وَإِلَّا فَيَقُومُ فَوْرًا بَعْدَ التَّسْلِيمَةِ الثَّانِيَةِ . فَإِنْ قَعَدَ عَامِدًا عَالِمًا بِالتَّحْرِيمِ بَطَلَتْ صَلَاتُهُ .

569. (Maka boleh makmum) yang muafiq (sibuk dengan doa dan umpamanya) seperti sujud sahwi kerana putus ikutan itu, (kemudian dia memberi salam). Boleh dia memberi salam pada masa itu juga. Adapun yang masbuq maka jika duduknya bersama dengan imam itu pada tempat tasyahhud awalnya maka begitu juga, serta karahah memanjangkannya. Jika tidak, maka dia bangun dengan segera selepas salam imam yang kedua. Maka jika dia duduk dengan sengaja lagi tahukan haramnya batal sembahyangnya.

(وَلَوْ اِقْتَصَرَ إِمَامُهُ عَلَى تَسْلِيمَةِ سَلَامٍ) هُوَ (تَنْتَيْنٍ) إِحْرَارًا لِفَضِيلَةِ الثَّانِيَةِ وَلِخُرُوجِهِ عَنْ مُتَابَعَتِهِ بِالْأَوْلَى ، بِخِلَافِ التَّشَهُدِ الْأَوَّلِ لَوْ تَرَكَهُ إِمَامُهُ لَا يَأْتِي بِهِ لِوُجُوبِ مُتَابَعَتِهِ قَبْلَ السَّلَامِ .

⁶⁰ Diam didalam masjid selepas salam imam.

570. (Kalau imamnya menghadkan diatas satu salam) dia (memberi salam dua kali) kerana haloba kepada fadhilat salam yang kedua dan kerana telah keluarnya dari mengikut imamnya dengan salam imamnya yang pertama. Bersalahan tasyahhud awal kalau imamnya meninggalkannya, tidak boleh dia mendatangkannya kerana wajib mengikutnya sebelum salam.

(وَلَوْ مَكَثَ) بَعْدَهَا لِذِكْرِ وَدُعَاءِ (فَأَلْفُضَلْ جَعَلَ يَمِينَهُ إِلَيْهِمْ) وَيَسَارِهِ إِلَى الْمِحْرَابِ لِلاتِّبَاعِ، رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي وَصَرَّحَ بِهِ فِي الْمَجْمُوعِ وَغَيْرِهِ.

571. (Kalau imam duduk) selepas sembahyang untuk zikir dan doa (maka yang terafdhal menjadikan kanannya kepada makmum) dan kirinya kepada mihrab kerana ittiba', meriwayatkannya Muslim. Ini daripada tambahan ku. Nawawi menjelaskannya didalam Majmuk dan selainnya.

بَابُ 30

بِالتَّنْوِينِ (شُرُوطُ الصَّلَاةِ) جَمْعُ شَرْطٍ بِالإِسْكَانِ ، وَهُوَ لُغَةٌ : تَعْلِيْقُ أَمْرٍ بِأَمْرٍ ، كُلُّ مِنْهُمَا فِي الْمُسْتَقْبَلِ، وَيُعْبَرُ عَنْهُ بِإِلْزَامِ الشَّيْءِ وَالتَّزَامِهِ وَاصْطِلَاحًا : مَا يَلْزَمُ مِنْ عَدَمِهِ الْعَدَمُ ، وَلَا يَلْزَمُ مِنْ وُجُودِهِ وُجُودٌ ، وَلَا عَدَمٌ لِدَاتِهِ.

572. **BAB.** (Syarat-syarat sembahyang). "شُرُوطٌ" Jamak "شَرْطٌ". Syarat pada lughah : menggantungkan suatu perkara dengan satu perkara yang lain yang setiap satu daripada keduanya pada masa depan. Diibaratkan darinya dengan : melazimkan suatu dan menerima lazim oleh suatu, dan pada istilah : apa yang lazim dari ketiadaannya oleh ketiadaan dan tidak lazim dari ujudnya oleh ujud dan tidak ketiadaan kerana zatnya.

فَشُرُوطُ الصَّلَاةِ مَا يَتَوَقَّفُ عَلَيْهَا صِحَّةُ الصَّلَاةِ وَلَيْسَتْ مِنْهَا. وَهِيَ تَسَعَةٌ بِالإِكْتِفَاءِ عَنِ الإِسْلَامِ بِطَهْرِ الْحَدَثِ، وَبِجَعْلِ ائْتِفَاءِ الْمَانِعِ شَرْطًا تَجَوُّزًا عَلَى مَا فِي الْمَجْمُوعِ، وَحَقِيقَةً عَلَى مَا مَالَ إِلَيْهِ الرَّافِعِيُّ.

573. Maka syarat-syarat sembahyang itu apa yang terhenti sah sembahyang diatasnya walhal ia bukan sebahagian daripada sembahyang. Ianya sembilan dengan memada dari islam dengan suci dari hadath, dan dengan menjadikan ternafi mani' sebagai syarat diatas jalan majaz berdasarkan apa yang sabit didalam Majmuk, dan diatas hakikat berdasarkan apa yang cenderung Rafi'e kepadanya.

أَحَدُهَا (مَعْرِفَةُ) نُحُولِ (وَقْتِ) يَقِينًا أَوْ ظَنًّا. فَمَنْ صَلَّى بِدُونِهَا لَمْ تَصِحَّ صَلَاتُهُ، وَإِنْ وَقَعَتْ فِي الْوَقْتِ.

574. Satu daripadanya (tahu) masuknya (waktu) dengan yakin atau zan. Maka siapa sembahyang tanpanya tidak sah sembahyangnya, sekalipun ia jatuh didalam waktu.

(وَ) ثَانِيهَا (تَوَجُّهُ) لِلْقِبْلَةِ. وَقَدْ تَقَدَّمَ بَيَانُهُ مَعَ مَا قَبْلَهُ فِي كِتَابِ الصَّلَاةِ.

575. Keduanya (mengadap kiblat). Sungguh telah terdahulu keterangannya pada kitab solat.

(وَ) ثَالِثُهَا (سِتْرُ عَوْرَةٍ) وَلَوْ خَالِيًا فِي ظُلْمَةٍ (بِمَا) أَيِ بَجْرِمِ (يَمْنَعُ إِذْرَاكَ لَوْنُهَا مِنْ أَعْلَى وَجَوَانِبِ) لَهَا، لَا مِنْ أَسْفَلِهَا. فَلَوْ رُبِيتَ مِنْ ذَيْلِهِ، كَانَ كَأَنَّ بَعْدَ وَالرَّائِي أَسْفَلَ لَمْ يَضُرَّ ذَلِكَ. (وَلَوْ) سَدَّتْهَا (بِطِينِ) وَنَحْوِ مَاءِ كَدْرِ (كَمَا صَافٍ مُتْرَاكِمٍ بِخَضْرَاءِ. فَعَلِمَ أَنَّهُ يَجِبُ التَّطْيِينُ وَنَحْوُهُ عَلَى فَاقِدِ الثُّوبِ وَنَحْوِهِ، وَأَنَّهُ لَوْ كَانَ بِحَيْثُ تَرَى عَوْرَتَهُ مِنْ طَوْقِهِ فِي رُكُوعٍ أَوْ غَيْرِهِ بَطَلَتْ عِنْدَهُمَا. فَلْيُزِرَّهُ أَوْ يَشُدَّ وَسَطَهُ. وَنَحْوُ مِنْ زِيَادَتِي.

576. Ketiganya (tutup aurat) walaupun dia sendirian didalam gelap (dengan barang) iaitu jirim (yang menegah dari dilihat warnanya, dari atas dan keliling)nya, bukan dari bawahnya. Maka kalau kelihatan auratnya dari ekor kainnya seperti bahawa dia berada diatas dan yang

melihat dibawah demikian itu tidak memudharatkan. (**walaupun**) dia menutupinya (**dengan tanah dan umpama air yang keruh**) seperti air jernih yang berlapis-lapis dengan lumut. Maka diketahui bahawa wajib diatas orang yang luput kain dan umpamanya melumurkan tanah dan umpamanya, dan bahawa kalaulah sekira-kira dilihat auratnya dari tengkok bajunya pada rukuk atau selainnya batal sembahyangnya disisi keduanya, maka hendaklah dia mengkancingnya atau mengikat pinggangnya. "Umpama' itu daripada tambahan ku.

(وَعَوْرَةُ رَجُلٍ) خَرًّا كَانَ أَوْ غَيْرَهُ (وَمَنْ بِهَا رِقٌّ) وَلَوْ مُبَعَّضَةً (مَا بَيْنَ سُرَّةِ وَرُكْبَةٍ)، لَخَبَرَ الْبَيْهَقِيَّ { وَإِذَا رَوَّجَ أَحَدُكُمْ أُمَّتَهُ عَبْدَهُ، أَوْ أَجْبَرَهُ، فَلَا تَنْظُرُ الْأُمَّةُ إِلَى عَوْرَتِهِ } . وَالْعَوْرَةُ مَا بَيْنَ السُّرَّةِ وَالرُّكْبَةِ. وَفَيْسَ بِالرَّجُلِ مَنْ بِهَا رِقٌّ بِجَامِعِ أَنَّ رَأْسَ كُلِّ مِنْهُمَا لَيْسَ بِعَوْرَةٍ. وَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أَعَمُّ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالْأُمَّةِ.

577. (Aurat lelaki) merdeka atau selainnya (**dan perempuan yang ada sifat hamba padanya**) walaupun muba'ad (**adalah apa yang diantara pusat dan lutut**), kerana khabar Baihaqi ((bila seorang dari kamu mengahwinkan amahnya dengan hambanya atau kulinya maka janganlah amah itu memandang kepada auratnya)). Aurat itu apa yang diantara pusat dan lutut. Dikiaskan dengan lelaki akan perempuan yang ada padanya sifat kehambaan dengan menasabah bahawa kepala setiap daripada mereka bukannya aurat. Ibarat aku dengan demikian itu lebih umum dari ibaratnya dengan amah.

(وَ) عَوْرَةُ (حُرَّةٌ غَيْرُ وَجْهِ وَكَفَّيْنِ)، ظَهْرًا وَبَطْنًا، إِلَى الْكُوعَيْنِ، لِقَوْلِهِ تَعَالَى { وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا } . وَهُوَ مُفَسَّرٌ بِالْوَجْهِ وَالْكَفَّيْنِ. وَإِنَّمَا لَمْ يَكُونَا عَوْرَةً لِأَنَّ الْحَاجَةَ تَدْعُو إِلَى إِبْرَازِهِمَا.

578. Aurat (**perempuan merdeka adalah muka dan dua tapak tangan**) zahir dan batin, hingga kepada dua pergelangan tangan, kerana kata Allah taala ((dan janganlah mereka menyatakan perhiasan mereka melainkan apa yang zahir daripadanya)). Ianya ditafsirkan dengan muka dan dua tapak tangan. Kedua-duanya bukanlah aurat hanyalah kerana hajat menyeru kepada menzahirnya.

(وَخُنْتِي كَأَنِّي) رِقًّا وَحُرِّيَّةً. وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي. فَلَوْ اقْتَصَرَ الْخُنْتَى الْخُرُّ عَلَى سِتْرِ مَا بَيْنَ سُرَّتِهِ وَرُكْبَتِهِ لَمْ تَصِحَّ صَلَاتُهُ.

579. (Khunsa seperti perempuan) nisbah merdeka dan hamba. Ini daripada tambahan ku. Maka kalau khunsa yang merdeka menghadkan pada menutup akan apa yang diantara pusatnya dan lututnya tidak sah sembahyangnya.

(وَلَهُ) (أَيُّ لِلْمُصَلِّيِّ) (سِتْرٌ بَعْضُهَا بِيَدٍ) لِحُصُولِ مَقْصُودِ السِّتْرِ. (فَإِنْ وَجِدَ كَافِيَهُ) (أَيُّ بَعْضُهَا) (قَدَمٌ) وَجُوبًا (سَوَاتِيهِ) (أَيُّ قُبْلَةً وَدُبْرَهُ؛ لِأَنَّهَا أَفْحَشُ مِنْ غَيْرِهِمَا. وَسَمِيًّا سَوَاتِيْنِ لِأَنَّ انْكَشَافَهُمَا يَسُوءُ صَاحِبَهُمَا.) (ثُمَّ) (إِنْ لَمْ يَكْفِهِمَا قَدَمٌ) (قُبْلَةً)، لِأَنَّهُ مُتَوَجِّهٌ بِهِ لِلْقُبْلَةِ فَكَانَ سِتْرُهُ أَهَمَّ تَعْظِيمًا لَهَا، وَلِأَنَّ الدُّبْرَ مَسْتَوْرٌ غَالِبًا بِالْأَلْيَيْنِ.

580. (Boleh) musalli (**menutup sebahagiannya dengan tangan kerana terhasil maksud tutupnya**). (Maka jika didapati apa yang mencukupi) sebahagian aurat (**dia mendulukan**) diatas jalan wajib (**akan dua kemaluannya**) iaitu kubulnya dan duburnya, kerana keduanya lebih keji dari selainnya. Dinamakan keduanya kemaluan kerana terdedahnya memalukan tuannya. (Kemudian) jika ia tidak mencukupi keduanya dia mendulukan (**kubulnya**) kerana dia mengadap kiblat dengannya maka adalah menutupnya lebih penting kerana membesarkan kiblat, dan kerana dubur itu ghalibnya tertutup dengan dua punggung.

(وَ) رَابِعُهَا وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي (عِلْمٌ بِكَيْفِيَّتِهَا) أَيُّ الصَّلَاةِ، بِأَنْ يُعْلَمَ فَرَضِيَّتُهَا، وَيُمَيِّزُ فُرُوضَهَا مِنْ سُنَنِهَا. نَعَمْ إِنْ اعْتَقَدَهَا كُلَّهَا فَرَضًا أَوْ بَعْضَهَا وَلَمْ يُمَيِّزْ، وَكَانَ عَامِيًّا، وَلَمْ يَقْصِدْ نَفْلًا بِفَرَضٍ صَحَّتْ.

581. Keempatnya yang mana ia daripada tambahan ku (**tahukan kaifatnya**) iaitu sembahyang, dengan bahawa dia tahukan kefardhuannya dan dapat membezakan rukun-rukunnya dari sunat-sunatnya. Na'am, jika dia mengiktikadkan sembahyang itu semuanya fardhu atau sebahagiannya fardhu dan dia tidak dapat membezakan dan adalah dia orang yang tidak pandai membaca⁶¹ dan dia tidak mengkasadkan yang sembahyang fardhu sebagai sembahyang sunat sah ia.

(وَ) خَامِسُهَا (طَهَّرَ عَنْ حَدَثٍ) عِنْدَ الْفُدْرَةِ، فَلَا تَتَعَقَّدُ صَلَاةٌ مُحَدَّثٌ. (فَإِنْ سَبَقَهُ) الْحَدَّثُ بَعْدَ إِحْرَامِهِ مُنْطَهَرًا (بَطَلَتْ) صَلَاتُهُ، لِبُطْلَانِ طَهَارَتِهِ، كَمَا لَوْ تَعَمَّدَهُ. (وَتَبَطَّلَ) أَيْضًا (بِمَنَافٍ) لَهَا (عَرَضَ) كَانْتِهَاءَ مُدَّةٍ خَفٍ وَتَنَجَّسَ ثَوْبٌ أَوْ بَدَنٌ بِمَا لَا يُغْفَى عَنْهُ، (لَا) إِنْ عَرَضَ (بِلَا تَقْصِيرٍ) مِنَ الْمُصَلِّيِّ، كَأَنْ كَشَفْتَ الرِّيحَ عَوْرَتَهُ أَوْ وَقَعَ عَلَى ثَوْبِهِ نَجَسٌ رَطْبٌ أَوْ يَابِسٌ (وَدَفَعَهُ خَالًا) بِأَنْ سَتَرَ الْعَوْرَةَ وَأَلْقَى الثَّوْبَ فِي الرِّطْبِ وَنَفَضَهُ فِي الْيَابِسِ فَلَا تَبْطُلُ صَلَاتُهُ. وَيُغْتَفَرُ هَذَا الْعَارِضُ الْيَسِيرُ.

582. Kelimanya (**suci dari hadath**) disisi kuasa, maka tidak terjadi sembahyang orang yang berhadath. (**Maka jika terjadi**) hadath selepas ihramnya dalam keadaan dia suci (**batal**) sembahyangnya kerana batal toharahnya, samalah kalau dia sengajakannya. (**Batal**) juga (**dengan perkara yang menafikan**)nya (**yang mendatang**) seperti terhabis tempoh sapu khuf dan bernajis kain atau tubuh dengan najis yang tidak dimaafkan, (**tidak**) jika ia mendatang (**tanpa kecuaiian**) dari musalli, seperti bahawa angin mendedahkan auratnya atau jatuh keatas kainnya najis yang basah atau kering (**dan dia menolaknya serta merta**) dengan bahawa dia menutup aurat dan mencampakkan kain itu pada najis basah dan meretak-retakkannya pada najis kering maka tidak batal sembahyangnya. Dimaafkan yang mendatang yang sedikit ini.

(وَ) سَادِسُهَا (طَهَّرَ نَجَسٍ) لَا يُغْفَى عَنْهُ (فِي مَحْمُولٍ وَبَدَنٍ وَمَلَاقِيهِمَا). فَلَا تَصِحُّ الصَّلَاةُ مَعَهُ فِي وَاحِدٍ مِنْهَا. وَتَغْيِيرِي بِالْمَحْمُولِ وَالْمَلَاقِي أَعْمٌ مِنْ تَغْيِيرِهِ بِالثَّوْبِ وَالْمَكَانِ، وَإِنْ فُهِمَ الْمُرَادُ مِمَّا يَأْتِي.

583. Keenamnya (**suci dari najis**) yang tidak dimaafkan darinya (**pada apa yang ditanggung dan tubuh dan yang bersentuh dengan keduanya**). Maka tidak sah sembahyang bersama dengan najis pada satu daripada tiga ini. Ibarat aku dengan "yang ditanggung" dan "yang bersentuh" lebih umum dari ibaratnya dengan "kain" dan "tempat", sekalipun difahami muradnya dari apa yang akan datang.

(وَلَوْ نَجَسَ) بِفَتْحِ الْجِيمِ وَكَسْرِهَا (بَعْضُ شَيْءٍ مِنْهَا) أَيَّ مِنَ الثَّلَاثَةِ (وَجَهْلٌ) ذَلِكَ الْبَعْضَ فِي جَمِيعِ الشَّيْءِ، (وَجِبَ غَسْلُ كُلِّهِ)، لِتَصِحِّ صَلَاتُهُ مَعَهُ، إِذِ الْأَصْلُ بَقَاءُ النَّجَاسَةِ مَا بَقِيَ جُزْءٌ مِنْهُ بِلَا غَسْلِ. وَعَلِمَ بِذَلِكَ أَنَّهُ لَوْ ظَنَّ بِاجْتِهَادِ طَرَفًا مِنْ ذَلِكَ نَجَسًا لَمْ يَكْفِ غَسْلُهُ، لِأَنَّ الْوَاحِدَ لَيْسَ مَحَلًّا لِلِاجْتِهَادِ، بَلْ يَجِبُ غَسْلُ الْجَمِيعِ، حَتَّىٰ لَوْ تَنَجَّسَ أَحَدُ كَمَيْنِ وَجْهَلُهُ وَجِبَ غَسْلُهُمَا. فَلَوْ فَصَلَهُمَا أَوْ أَحَدَهُمَا كَفَاهُ غَسْلُ مَا ظَنَّ نَجَاسَتَهُ بِالِاجْتِهَادِ كَالثَّوْبَيْنِ. وَلَوْ كَانَ النَّجَسُ فِي مُقَدِّمِ الثَّوْبِ مَثَلًا وَجَهْلَ مَحَلَّهُ وَجِبَ غَسْلُ مُقَدِّمِهِ فَقَطْ.

584. (**Kalau bernajis sebahagian suatu daripada**) tiga itu (**dan dia jahilkan**) yang sebahagian pada seluruh suatu itu (**wajib basuh semuanya**) supaya sah sembahyang seorang bersamanya, kerana asal adalah kekal najis selama mana kekal satu juzuk daripadanya tanpa dibasuh. Diketahui dengan demikian itu bahawa kalau dia zankan dengan ijthad bahawa satu hujung daripada demikian itu bernajis tidak memada membasuhnya, kerana benda yang satu bukannya tempat untuk ijthad, bahkan wajib basuh semuanya, hinggakan kalau bernajis satu daripada dua lengan baju dan dia jahilkannya wajib membasuh kedua-duanya. Maka kalau dia memisahkan keduanya atau satu daripada keduanya memadainya basuhan apa yang dia zankan najisnya dengan ijthadnya, sama seperti dua helai kain. Kalau najis itu dibahagian depan sehelai kain sebagai contoh dan dia jahilkan tempatnya wajib basuh bahagian depannya sahaja.

⁶¹ Orang yang tidak dapat membezakan fardhu-fardhu sembahyangnya dari sunat-sunatnya. Majmuk.

(وَلَوْ غُسِلَ بَعْضُ نَجَسٍ) كَثُوبٍ (ثُمَّ) غُسِلَ (بِأَقْبِيهِ، فَإِنْ غُسِلَ مَعَ مُجَاوِرِهِ) مِمَّا غُسِلَ أَوْلًا (طَهَّرَ) كُلَّهُ. (وَإِلَّا)، بَأَنْ غُسِلَ دُونَ مُجَاوِرِهِ (فَعَبَّرَ الْمَجَاوِرَ) يَطْهَرُ، وَالْمَجَاوِرُ نَجَسٌ لِمَلَقَاتِهِ وَهُوَ رَطْبٌ لِلنَّجَسِ. وَإِنَّمَا لَمْ يَتَنَجَّسْ بِالْمَجَاوِرِ مُجَاوِرُهُ الرُّطْبُ، وَهَكَذَا؛³¹ لِأَنَّ نَجَاسَةَ الْمَجَاوِرِ لَا تَتَّعَدِي إِلَى مَا بَعْدَهُ كَالسَّمَنِ الْجَامِدِ يَنْجَسُ مِنْهُ مَا حَوْلَ النَّجَاسَةِ فَقَط. وَتَعْبِيرِي "بِبَعْضٍ" أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ "بِنِصْفٍ".

585. (Kalau dibasuh sebahagian najis) seperti sehelai kain (kemudian) dibasuh (bakinya, maka jika ia dibasuh bersama yang bersebelahannya) daripada apa yang telah dibasuh mula-mula tadi (sucilah) semuanya. (Jika tidak), dengan bahawa ia dibasuh tanpa dibasuh yang bersebelahannya (maka selain yang bersebelahan itu) jadi suci dan yang bersebelahan itu najis kerana bertemunya dengan najis dalam keadaan ia basah. Hanyalah tidak bernajis dengan yang bersebelahan oleh yang bersebelahannya yang basah kerana najis yang bersebelahan itu tidak melampau kepada apa yang selepasnya, sama seperti minyak sapi beku yang bernajis daripadanya apa yang dikeliling najis sahaja. Ibarat aku dengan "sebahagian" lebih umum dari ibaratnya dengan "setengah".

(وَلَا تَصِيحُ صَلَاةٌ نَحْوَ قَابِضٍ) كَثَادًا بِيَدِهِ أَوْ نَحْوَهَا (طَرْفَ) شَيْءٍ كَحَبْلِ (مُتَّصِلٍ بِنَجَسٍ)، وَإِنْ لَمْ يَتَحَرَّكَ بِحَرَكَتِهِ، لِأَنَّهُ حَامِلٌ لِمُتَّصِلٍ بِنَجَسٍ، فَكَأَنَّهُ حَامِلٌ لَهُ. فَلَا يَصْرُّ جَعْلَ طَرْفِهِ تَحْتَ رِجْلِهِ، وَإِنْ تَحَرَّكَ بِحَرَكَتِهِ لِعَدَمِ حَمَلِهِ لَهُ. وَلَوْ كَانَ طَرْفُهُ مُتَّصِلًا بِسَاجُورٍ كَلْبٍ وَهُوَ مَا يُجْعَلُ فِي عُنُقِهِ أَوْ بِحِمَارٍ بِهِ نَجَسٌ فِي مَحَلٍّ آخَرَ بَطَلَتْ عَلَى الْأَصْحَحِ.

586. (Tidak sah sembahyang umpama orang yang menggenggam) seperti orang yang mengikat pada tangannya atau umpamanya (akan hujung) sesuatu seperti tali (yang berhubung dengan najis), sekalipun ia tidak bergerak dengan gerakannya, kerana dia menanggung apa yang berhubung dengan najis maka seolah-olah dia menanggung najis itu. Maka tidak mudharat menjadikan hujungnya dibawah kakinya sekalipun ia bergerak dengan gerakannya kerana dia tidak menanggungnya. Kalau hujungnya bersambung dengan kalong anjing iaitu apa yang diletakkan pada tengkoknya atau dengan himar yang ada najis padanya pada tempat lain batal sembahyang diatas yang paling sah.

قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : وَلَوْ حُبِسَ بِمَكَانٍ بِهِ نَجَسٌ صَلَّى وَتَجَافَى عَنِ النَّجَسِ قَدْرَ مَا يُمَكِّنُهُ. وَلَا يَجُوزُ وَضْعُ جَبْهَتِهِ بِالْأَرْضِ، بَلْ يَنْحَنِي لِلسُّجُودِ إِلَى قَدْرِ لَوْ زَادَ عَلَيْهِ لَأَقَى النَّجَسَ، ثُمَّ يُعِيدُ. وَنَحْوُ مِنْ زِيَادَتِي. (وَلَا يَصْرُّ نَجَسٌ يُحَادِيهِ) لِعَدَمِ مَلَقَاتِهِ لَهُ. وَقَوْلِي يُحَادِيهِ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ يُحَادِي صَدْرَهُ فِي الرُّكُوعِ وَالسُّجُودِ.

587. Kata Nawawi didalam Majmuk : kalau seorang ditahan pada tempat yang ada najis padanya dia sembahyang dan merenggang dari najis kadar terbole. Tidak harus meletakkan dahinya pada bumi, bahkan dia bongkok untuk sujud kepada kadar yang kalau dia melebihi diatasnya nescaya dia bersentuh dengan najis. Kemudian dia mengulang sembahyang. "Umpama" daripada tambahan ku. (Tidak memudharatkan najis yang setentang dengannya) kerana dia tidak bersentuh dengannya. Kata aku "setentang dengannya" lebih umum dari katanya "setentang dadanya pada rukuk dan sujud".

(وَلَوْ وَصَلَ عَظْمُهُ) بِقَيْدِ زِدْتُهُ بِقَوْلِي (لِحَاجَةِ) إِلَى وَصْلِهِ (بِنَجَسٍ)، مِنْ عَظْمٍ (لَا يَصْلُحُ) لِلْوَصْلِ (غَيْرُهُ)، هُوَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ لَفَقَدَ الطَّاهِرَ، (عَدْرَ) فِي ذَلِكَ. فَتَصِيحُ صَلَاتُهُ مَعَهُ. قَالَ فِي الرَّوَضَةِ كَأَصْلِهَا : وَلَا يَلْزَمُهُ نَزْعُهُ إِذَا وَجَدَ الطَّاهِرَ. قَالَ السَّبْكَيُّ تَبَعًا لِلْإِمَامِ وَغَيْرِهِ: إِلَّا إِذَا لَمْ يَخَفْ مِنَ النَّزْعِ ضَرْرًا.

588. (Kalau dia menyambung tulangnya) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (kerana hajat) kepada menyambung (dengan najis) daripada tulang (yang tidak sesuai) untuk sambung (oleh selainnya), ianya terutama dari kata Asal "kerana luput yang suci", (diuzurkan dia) pada demikian itu. Maka sah sembahyang dia bersamanya. Kata Nawawi

didalam Raudhah seperti asalnya : tidak lazim dia mencabutnya bila dia mendapat yang suci. Kata Subki kerana mengikut al Imam dan selainnya : melainkan bila dia tidak takut mudharat kerana mencabutnya.

(وَإِلَّا)، بَأَنْ لَمْ يَحْتَجْ أَوْ وَجَدَ صَالِحًا غَيْرَهُ مِنْ غَيْرِ آدَمِيٍّ (وَجَبَ) عَلَيْهِ (نَزْعُهُ) أَيِ النَّجَسِ، وَإِنْ اِكْتَسَى لَحْمًا (إِنْ أَمِنَ) مِنْ نَزْعِهِ (ضَرَرًا يَبِيحُ التَّيْمُمَ، وَلَمْ يَمُتْ)، لِحْمَلِهِ نَجَسًا تَعَدَى بِحَمْلِهِ مَعَ تَمَكُّنِهِ مِنْ إِزَالَتِهِ، كَوَصَلِ الْمَرْأَةِ شَعْرَهَا بِشَعْرِ نَجَسٍ. فَإِنْ اِمْتَنَعَ لَزِمَ الْحَاكِمَ نَزْعُهُ، لِأَنَّهُ مِمَّا تَدْخُلُهُ النَّيَابَةُ كَرَدِّ الْمَغْصُوبِ. فَإِنْ لَمْ يَأْمَنْ ضَرَرًا أَوْ مَاتَ قَبْلَ النَّزْعِ لَمْ يَجِبْ نَزْعُهُ رِعَايَةً لِحُوفِ الضَّرَرِ فِي الْأَوَّلِ وَلِعَدَمِ الْحَاجَةِ إِلَيْهِ فِي الثَّانِي لِزَوَالِ التَّكْلِيفِ.

589. (Jika tidak), dengan bahawa dia tidak berhajat atau dia mendapat tulang yang sesuai yang bukan najis dari selain anak adam (**wajib**) dia (**mencabut**) yang najis itu, sekalipun ia telah berbalut daging, (**jika dia aman**) kerana mencabutnya (**dari mudharat yang mengharuskan tayammum dan dia belum mati**) kerana dia menanggung najis yang dia melampau dengan menanggungnya serta boleh dia menghilangkannya. Samalah seperti sambungan rambut oleh perempuan dengan rambut najis. Maka jika dia enggan lazim hakim mencabutnya kerana ia termasuk pada perkara yang dimasuki oleh penggantian, sama seperti memulangkan barang rampasan. Maka jika dia tidak aman dari mudharat atau dia telah mati sebelum cabut tidak wajib mencabutnya kerana memelihara takut berlaku mudharat pada yang pertama dan kerana tidak ada hajat kepadanya pada yang kedua kerana telah hilang taklif.

(وَعُفِيَ عَنْ مَحَلِّ اسْتِجْمَارِهِ) فِي الصَّلَاةِ، وَلَوْ عَرِقَ، لِحَوَازِ الْاِفْتِصَارِ فِيهِ عَلَى الْحَجَرِ، (فِي حَقِّهِ) لَا فِي حَقِّ غَيْرِهِ. فَلَوْ حَمَلَ مُسْتَجْمِرًا فِي صَلَاتِهِ بَطُلَتْ، إِذْ لَا حَاجَةَ إِلَى حَمَلِهِ فِيهَا.

590. (Dimaafkan dari tempat istinja dengan batu) pada sembahyang, walaupun dia berpeluh, kerana harus menghadkan diatas batu pada istinja. (**pada haknya**) tidak pada hak orang lain. Maka kalau seorang menanggung orang yang istinja dengan batu didalam sembahyangnya batal ia, kerana tidak ada hajat kepada menanggungnya didalam sembahyang.

(وَ) عُفِيَ (عَمَّا عَسَرَ)، هُوَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ : يَتَعَدَّرُ، (الْاِحْتِرَازُ مِنْهُ غَالِبًا مِنْ طِينِ شَارِعِ نَجَسٍ يَقِينًا) لِعُسْرِ تَجَنُّبِهِ، بِخِلَافِ مَا لَا يَعْسُرُ الْاِحْتِرَازُ عَنْهُ غَالِبًا. (وَيَخْتَلَفُ) الْمَغْفُوعُ عَنْهُ (وَقِنَا وَمَحَلًّا مِنْ ثَوْبٍ وَبَدَنٍ) فَيُعْفَى فِي زَمَنِ الشِّتَاءِ عَمَّا لَا يُعْفَى عَنْهُ فِي زَمَنِ الصَّيْفِ، وَفِي الدَّيْلِ وَالرَّجْلِ عَمَّا لَا يُعْفَى عَنْهُ فِي الْكَمِّ وَالْيَدِ. أَمَّا الشَّوَارِعُ الَّتِي لَمْ تَتَيَقَّنْ نَجَاسَتَهَا فَمَحْكُومٌ بِطَهَارَتِهَا، وَإِنْ ظَنَّ نَجَاسَتَهَا عَمَلًا بِالْأَصْلِ.

591. (dan) dimaafkan (**apa yang payah**), ia terutama dari katanya "teruzur" (**memelihara darinya pada ghalibnya, daripada tanah jalan yang bernajis dengan yakin**) kerana payah mengelakkannya, bersalahan apa yang tidak payah memelihara darinya pada ghalibnya. (**Berlain-lainan**) yang dimaafkan darinya (**nisbah waktu dan tempat, daripada kain dan tubuh**), maka dimaafkan pada musim sejuk apa yang tidak dimaafkan darinya pada musim panas, dan pada hujung kain dan kaki apa yang tidak dimaafkan darinya pada lengan baju dan tangan. Adapun jalan raya yang tidak diyakinkan najisnya maka dihukumkan sucinya, sekalipun dia zankan najisnya kerana mengamalkan asalnya.

(وَ) عُفِيَ عَنْ (دَمِ نَحْوِ بَرَاغِيثٍ وَدَمَامِيلٍ) كَقَمَلٍ وَجُرُوحٍ (وَدَمِ قُصْدٍ وَحَجْمٍ بِمَحَلِّهِمَا وَوَنِيمِ دُبَابٍ) أَيِ رَوْثِهِ، وَإِنْ كَثُرَ ذَلِكَ، وَلَوْ بِاِنْتِشَارِ عَرَقٍ، لِعُمُومِ الْبُلْبُلِيِّ بِذَلِكَ. (لَا إِنْ كَثُرَ بِفِعْلِهِ)، مِنْ زِيَادَتِي. فَإِنْ كَثُرَ بِفِعْلِهِ كَانَ قَتْلُ بَرَاغِيثٍ أَوْ عَصْرِ الدَّمِّ لَمْ يُعْفَ عَنْ الْكَثِيرِ عَرَفًا، كَمَا هُوَ حَاصِلُ كَلَامِ الرَّافِعِيِّ وَالْمَجْمُوعِ.

592. (dan) dimaafkan dari (**darah umpama kutu babi dan bisul**) seperti kutu dan luka (**dan darah petik dan bekam pada tempat-tempatnya, dan tahi lalat**) sekalipun demikian itu banyak, walaupun dengan merebak disebabkan peluh, kerana umum bala dengan demikian itu.

(tidak jika ia banyak dengan perbuatannya), daripada tambahan ku. Maka jika ia banyak dengan perbuatannya seperti bahawa dia membunuh kutu babi atau memicit darahnya tidak dimaafkan dari yang banyak pada uruf, sepertimana ianya hasil kalam Rafi'e dan Majmuk.

وَالْعَفْوُ عَنِ الْكَثِيرِ فِي الْمَذْكُورَاتِ مُقَيَّدٌ بِاللَّبْسِ، لِمَا قَالَ فِي التَّحْقِيقِ : لَوْ حَمَلَ ثَوْبَ بَرَاعِيثٍ أَوْ صَلَّى عَلَيْهِ إِنْ كَثُرَ دَمُهُ ضَرًّا وَإِلَّا، فَلَا. وَمِثْلُهُ مَا لَوْ كَانَ زَانِدًا عَلَى تَمَامِ لِبَاسِهِ. قَالَهُ الْقَاضِي. وَيُقَاسُ بِذَلِكَ الْبَقِيَّةُ.

593. Maaf dari yang banyak pada segala yang disebutkan ini dikaitkan dengan pakaian, kerana apa yang dikatakan didalam Tahkik: kalau dia menanggung kain yang benajis dengan darah kutu babi atau dia sembahyang diatasnya jika banyak darahnya ia memudharatkan. Jika tidak, maka tidak. Seumpamanya keadaan kalau ia lebih diatas pakaiannya yang sempurna. Mengatakannya al Qadhi. Dikiaskan dengan demikian itu baki najis-najis yang dimaafkan itu.

وَاعْتَمَّ أَنْ دَمَ الْبَرَاعِيثِ رَشَحَاتٍ تَمُصُّهَا مِنْ بَدَنِ الْإِنْسَانِ ثُمَّ تَمُجُّهَا، وَلَيْسَ لَهَا دَمٌ فِي نَفْسِهَا. ذَكَرَهُ الْإِمَامُ وَعَيْزُهُ. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَعْمٌ مِمَّا عَبَّرَ بِهِ.

594. Ketahuilah bahawa darah kutu babi itu titisan-titisan yang disedutnya dari tubuh manusia kemudian dia meluaskannya, dan ia tidak punya darah pada dirinya. Menyebutkannya al Imam dan selainnya. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan lebih umum dari apa yang Asal ibaratkan dengannya.

(وَ) عَفِيَ عَنِ (قَلِيلِ دَمِ أَجْنَبِيٍّ) لِعُسْرِ تَجَنُّبِهِ، بِخِلَافِ كَثِيرِهِ. وَيُعْرَفَانِ بِالْعُرْفِ. (لَا) عَنِ قَلِيلِ دَمِ (نَحْوِ كَلْبٍ) لِعِظْمِهِ، وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي. وَصَرَخَ بِهِ صَاحِبُ الْبَيَانِ، وَنَقَلَهُ عَنْهُ فِي الْمَجْمُوعِ وَأَقْرَهُ. (وَكَالِدَمِ) فِيمَا ذَكَرَ (قَيْحٍ)، وَهُوَ مَدَّةٌ لَا يُخَالِطُهَا دَمٌ (وَصَدِيدٍ)، وَهُوَ مَاءٌ رَقِيقٌ يُخَالِطُهُ دَمٌ؛ لِأَنَّهُ أَصْلُهُمَا (وَمَاءُ جُرُوحٍ وَمُنْتَفِطٌ لَهُ رِيحٌ)، قِيَاسًا عَلَى الْقَيْحِ وَالصَّدِيدِ. أَمَّا مَا لَا رِيحَ لَهُ فَطَاهِرٌ كَالْعَرَقِ، خِلَافًا لِلرَّافِعِيِّ.

595. Dimaafkan dari (sedikit darah asing) kerana payah mengelakkannya, bersalahan yang banyaknya. Diketahui keduanya dengan uruf. (tidak) dari sedikit darah (umpama anjing) kerana beratnya. Ini daripada tambahan ku. Tuan kitab al Bayan menjelaskannya dan Nawawi menakalkan darinya didalam Majmuk dan dia mengakuinya. (Sama seperti darah) pada apa yang disebutkan itu (nanah) iaitu nanah yang tidak bergaul dengan darah, (dan danur) iaitu air yang cair yang bergaul dengan darah, kerana ia asal bagi keduanya, (dan air bisa dan air melepuh yang berbau), kerana kias diatas nanah dan danur. Adapun apa yang tidak punya bau maka suci seperti peluh, bersalahan Rafi'e.

(وَلَوْ صَلَّى بِنَجْسٍ) غَيْرِ مَعْفُودٍ عَنْهُ (لَمْ يَعْلَمْهُ أَوْ) عِلْمَهُ ثُمَّ (نَسِيَ) فَصَلَّى ثُمَّ تَذَكَّرَ (وَجَبَّتْ الْإِعَادَةُ) فِي الْوَقْتِ أَوْ بَعْدَهُ لِتَفْرِيطِهِ بِتَرْكِ التَّطْهِيرِ. وَتَجِبُ إِعَادَةُ كُلِّ صَلَاةٍ تَيَقَّنُ فِعْلَهَا مَعَ النَّجْسِ. بِخِلَافِ مَا احْتَمَلَ حُدُوثَهُ بَعْدَهَا فَلَا تَجِبُ إِعَادَتُهَا لَكِنْ تُسَنَّ، كَمَا قَالَهُ فِي الْمَجْمُوعِ.

596. (Kalau seorang sembahyang dengan najis) yang tidak dimaafkan darinya (yang dia tidak tahukannya atau) dia mengetahuinya kemudian (dia lupa) maka dia sembahyang kemudian ingat, (wajib ulang) didalam waktu atau selepasnya kerana cuainya dengan meninggalkan bersuci. Wajib mengulang setiap sembahyang yang dia yakinkan ianya dilakukan bersama dengan najis itu. Bersalahan najis yang diihimalkan baru ada selepas sembahyang maka tidak wajib mengulang sembahyang itu, akan tetapi sunat, sepertimana dikatakan didalam Majmuk.

(وَ) سَابِعُهَا (تَرَكَ نَطْقَ) عَمْدًا بَعِيرٍ قُرْآنَ وَذَكَرَ وَدُعَاءَ عَلَيَّ مَا سَيَأْتِي، (فَتَبْتَطُلُ بِحَرْفَيْنِ)، أَفْهَمًا أَوْ لَا، كَقَمٍّ وَعَنْ، (وَلَوْ فِي نَحْوِ تَنْحُنْحِ) كَضَحِكٍ وَبُكَاءٍ وَأَنْبِينِ وَنَفْخِ وَسَعَالٍ وَعُطَّاسٍ، فَهُوَ أَعْمٌ مِمَّا عَبَّرَ بِهِ،

(وَبِحَرْفٍ مُفْهِمٍ) كَقِيَ مِنَ الْوَقَايَةِ، وَإِنْ أَخْطَأَ بِحَدْفِ هَاءِ السَّكْتِ، (أَوْ) حَرْفٍ (مَمْدُودٍ)، لِأَنَّ الْمَدَّةَ أَلْفٌ أَوْ وَاوٌ أَوْ يَاءٌ، سِوَاءَ كَانَ ذَلِكَ لِمَصْلَحَةِ الصَّلَاةِ كَأَنَّ قَامَ إِمَامُهُ لِزَائِدٍ فَقَالَ لَهُ : أَقْعُدْ، أَمْ لَا.

597. Ketujuhnya (**meninggalkan tuturan**) sengaja dengan selain Quran dan zikir dan doa diatas apa yang akan datang, (**maka batal ia dengan dua huruf**), memberi faham atau tidak seperti "فَمُ" dan "عَنْ", (**walaupun pada umpama berdehem**) seperti ketawa dan menangis dan mengerang dan menghembus dan batuk dan bersin, maka ia lebih umum daripada apa yang asal ibaratkan dengannya. (**dan dengan satu huruf yang memberi faham**) seperti "ق" dari "وقاية" sekalipun dia salah dengan mengazafkan ha' saktah, (**atau**) satu huruf (**yang dipanjangkan**) kerana mad itu adalah alif atau wau atau ya', sama sahaja demikian itu untuk masalahat sembahyang seperti bahawa imamnya bangun kepada rakaat yang lebih maka dia kata kepadanya: duduklah, atau tidak.

وَالْأَصْلُ فِي ذَلِكَ خَبْرٌ مُسْلِمٌ { إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ لَا يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ } . وَالْكَلامُ يَقَعُ عَلَى الْمَفْهُومِ وَغَيْرِهِ الَّذِي هُوَ حَرْفَانِ. وَتَخْصِيصُهُ بِالْمَفْهُومِ اصْطِلَاحٌ لِلنَّحَاةِ. وَيُسْتَنْتَنِي مِنْ ذَلِكَ إِجَابَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَيَاتِهِ مِمَّنْ نَادَاهُ، وَالتَّلْفُظُ بِقُرْبَةٍ كَنَدَرٍ وَعَنْتِي بِلَا تَعْلِيْقٍ وَخَطَابٍ.

598. Asal pada demikian itu khabar Muslim ((sungguhnyanya sembahyang ini tidak sesuai padanya suatu pun dari kata-kata manusia)). "Kata-kata" itu jatuh keatas yang memberi faham dan yang tidaknya yang mana ianya dua huruf. Mengkhususkannya dengan yang memberi faham adalah istilah para ahli nahu. Dikecualikan dari demikian itu akan menjawab nabi sawm pada ketika hidupnya dari orang yang dia panggil, dan berlafaz dengan dampingan diri dan memerdekakan hamba tanpa ta'lik dan khitab.

(وَلَوْ) كَانَ النَّاطِقُ بِذَلِكَ (مُكْرَهًا) لِنَذْرَةِ الْإِكْرَاهِ فِيهَا.

599. (**Walaupun**) adalah orang yang bertutur dengan demikian itu (**dipaksa**) kerana jarang paksaan didalam sembahyang.

(لَا بِقَلِيلٍ كَلَامٍ) حَالَةٌ كَوْنِهِ (نَاسِيًا لَهَا) أَي الصَّلَاةِ (أَوْ سَبَقَ) إِلَيْهِ (لِسَانُهُ أَوْ جَهْلٌ تَحْرِيْمُهُ) فِيهَا، وَإِنْ عَلِمَ تَحْرِيْمَ جِنْسِ الْكَلَامِ فِيهَا (وَقُرْبَ إِسْلَامِهِ أَوْ بَعْدَ عَنِ الْعُلَمَاءِ)، بِخِلَافِ مَنْ بَعْدَ إِسْلَامِهِ وَقُرْبَ عَنِ الْعُلَمَاءِ، لِنَقْصِيرِهِ بِتَرْكِ التَّعَلُّمِ.

600. (**Tidak dengan sedikit kata-kata**) hal keadaan dia (**lupakan**) sembahyangnya (**atau terlancar**) kepada berkata-kata (**oleh lidahnya atau dia jahilkan pengharamannya**) didalam sembahyang, sekalipun dia tahukan haram jenis kata-kata didalam sembahyang (**dan baru islamnya atau dia jauh dari ulamak**), bersalahan orang yang lama islamnya dan dekatnya dengan ulamak, kerana cuainya dengan tidak belajar.

(وَلَا يَتَنَحَّنُ لِتَعَدُّرِ رُكْنِ قَوْلِي) لَا لِتَعَدُّرِ غَيْرِهِ كَجَهْرٍ، لِأَنَّهُ لَيْسَ بِوَاجِبٍ. فَلَا ضَرُورَةَ إِلَى التَّنَحُّنِ لَهُ. (وَلَا بِقَلِيلٍ نَحْوِهِ) أَي نَحْوِ التَّنَحُّنِ مِنْ ضَحْكَ وَغَيْرِهِ (لِعَلْبَةٍ). وَخَرَجَ بِقَلِيلِهِ وَقَلِيلٌ مَا مَرَّ كَثِيرُهُمَا، لِأَنَّهُ يَقْطَعُ نِظْمَ الصَّلَاةِ. وَقَوْلِي " أَوْ بَعْدَ عَنِ الْعُلَمَاءِ " مِنْ زِيَادَتِي، وَكَذَا التَّفْهِيمُ فِي الْعَلْبَةِ بِالْقَلِيلِ. وَتَعَرَّفَ الْقَلْبَةُ وَالكَثْرَةُ بِالْعَرْفِ. وَقَوْلِي " رُكْنٌ قَوْلِي " أَعَمُّ وَأَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالْقِرَاءَةِ.

601. (**dan tidak dengan berdehem kerana teruzur rukun qauli**), tidak kerana teruzur selainnya seperti nyaring, kerana ia tidak wajib, maka tidak ada dharurat kepada berdehem untuknya. (**dan tidak dengan sedikit umpama**) berdehem daripada ketawa dan selainnya (**tak tertahan**). Keluar dengan yang sedikitnya dan sedikit apa yang telah lalu itu oleh yang banyak daripada keduanya kerana ia memutuskan aturan sembahyang. Kata aku "atau jauh dari ulamak" daripada tambahan ku. Begitu juga kait pada tak tertahan dengan sedikit. Diketahui sedikit dan banyak itu dengan uruf. Kata ku "rukun qauli" lebih umum dari ibaratnya dengan bacaan.

(وَلَا) تَبْطُلَنَّ (بِذِكْرِ وَدُعَاءِ) غَيْرِ مُحَرَّمٍ (إِلَّا أَنْ يُخَاطَبَ بِهِمَا) كَقَوْلِهِ لِعَیْبِهِ : سُبْحَانَ رَبِّيَ وَرَبِّكَ، أَوْ لِعَاطِسٍ : رَحِمَكَ اللَّهُ ، فَتَبْطُلَنَّ بِهِ بِخِلَافِ رَحْمَةِ اللَّهِ وَخِطَابِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ كَمَا عَلِمَ مِنْ أَدْكَارِ الرُّكُوعِ وَغَيْرِهِ. وَذَكَرَتْ فِي شَرْحِ الرُّوْضِ وَغَيْرِهِ زِيَادَةً عَلَى ذَلِكَ.

602. (dan tidak) batal sembahyang (dengan zikir dan doa) yang tidak haram⁶² (melainkan bahawa dia mengkhitab dengan keduanya) seperti kata dia kepada orang lain "سُبْحَانَ رَبِّيَ وَرَبِّكَ" i.e maha suci Tuhan aku dan Tuan kamu, atau kepada orang yang bersin "رَحِمَكَ اللَّهُ", maka batal sembahyang dengannya, bersalahan "رَحْمَةُ اللَّهِ" dan khitab kepada Allah dan rasulNya sepertimana diketahui daripada zikir-zikir rukuk dan selainnya. Aku sebutkan didalam Syarah Raudh dan selainnya tambahan diatas demikian itu.

(وَلَا يَنْظُمُ الْقُرْآنَ بِقَصْدِ تَفْهِيمٍ وَقِرَاءَةٍ) كَ { يَا يَحْيَى خُذِ الْكِتَابَ } مَفْهُمًا بِهِ مَنْ يَسْتَأْذِنُ فِي أَخْذِ شَيْءٍ أَنْ يَأْخُذَهُ، كَمَا لَوْ قَصَدَ الْقِرَاءَةَ فَقَطْ. فَإِنْ قَصَدَهُ فَقَطْ أَوْ لَمْ يَقْصِدْ شَيْئًا بَطُلَتْ، لِأَنَّهُ يُشْبِهُ كَلَامَ الْأَدْمِيِّينَ، وَلَا يَكُونُ قُرْآنًا إِلَّا بِالْقَصْدِ. وَخَرَجَ بِنَظْمِ الْقُرْآنِ مَا لَوْ أَتَى بِكَلِمَاتٍ مِنْهُ مُتَوَالِيَةً مُفْرَدَاتُهَا فِيهِ دُونَ نَظْمِهَا كَقَوْلِهِ : يَا إِبْرَاهِيمَ سَلَامٌ كُنْ، فَتَبْطُلَنَّ بِهِ صَلَاتُهُ. فَإِنْ فَرَّقَهَا وَقَصَدَ بِهَا الْقِرَاءَةَ لَمْ تَبْطُلَنَّ بِهِ. نَقَلَهُ فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ الْمُتَوَالِيَةِ وَأَقْرَبَهُ

603. (dan tidak dengan nazam quran dengan kasad memahamkan dan bacaan) seperti ((يَا)) hal keadaan dia memahamkan dengannya kepada orang yang minta izin mengambil sesuatu agar dia mengambilnya, sepertimana kalau dia kasadkan Quran sahaja. Maka jika dia kasad memahamkan sahaja atau dia tidak kasadkan sesuatu batal sembahyangnya, kerana ia menyerupai kalam anak adam, dan nazam quran itu bukannya quran melainkan dengan kasad. Keluar dengan nazam quran oleh keadaan kalau dia mendatangkan beberapa kalimah dari quran berturutan, yang mufradat-mufradatnya ada didalam quran tidak nazamnya, seperti kata nya "يَا إِبْرَاهِيمَ سَلَامٌ كُنْ", maka batal sembahyang dengannya. Maka jika dia menceraikan mufradat-mufradat itu dan mengkasad baca quran dengan setiap satunya tidak batal sembahyang sedengannya. Menakalkannya didalam Majmuk dari Mutawalli dan dia mengakuinya.

(وَلَا بِسُكُوتٍ طَوِيلٍ) وَلَوْ عَمْدًا بِلَا عَرَضٍ، لِأَنَّهُ لَا يَحْرِمُ هَيْئَتَهَا. وَسَيَأْتِي فِي الْبَابِ الْآتِي أَنَّنِ تَطْوِيلُ الرُّكْنِ الْقَصِيرِ يُبْطِلُ عَمْدَهُ.

604. (dan tidak dengan diam yang lama) walaupun dengan sengaja tanpa tujuan, kerana dia tidak mencederakan³² kelakuannya. Akan datang pada bab yang akan datang bahawa memanjangkan rukun pendek sengajanya membatalkan.

(وَسُنَّ لِرَجُلٍ تَسْبِيْحَ) أَي قَوْلُ : سُبْحَانَ اللَّهِ (وَلِعَیْبِهِ) مِنْ امْرَأَةٍ وَخُنْتَى (تَصْفِيْقٍ) بِضَرْبِ بَطْنٍ كَفَّ أَوْ ظَهْرَهَا عَلَى ظَهْرٍ أُخْرَى، أَوْ ضَرْبِ ظَهْرٍ كَفَّ عَلَى بَطْنٍ أُخْرَى، (لَا بِ) ضَرْبِ (بَطْنٍ) مِنْهَا (عَلَى بَطْنٍ) مِنْ أُخْرَى، بَلْ إِنْ فَعَلَهُ لِأَعْبَاءٍ عَالَمًا بِتَحْرِيمِهِ بَطُلَتْ صَلَاتُهُ، وَإِنْ قَلَّ لِمُنَافَاتِهِ الصَّلَاةِ. وَإِنَّمَا يُسَنَّ ذَلِكَ لِهَمَا (إِنْ نَابَهُمَا شَيْءٌ) فِي صَلَاتِهِمَا كَتَنِّيهِ إِمَامَهُمَا عَلَى سَهْوٍ وَإِدْنِهِمَا لِذَاخِلٍ وَإِنْدَارِهِمَا أَعْمَى حَشِيًّا وَقُوعَهُ فِي مَحْذُورٍ.

605. (Sunat bagi lelaki bertasbih) iaitu kata "" (dan bagi selainnya) daripada perempuan dan khunsa (tashfiq) dengan menepukkan batin tapak tangan atau belakangnya keatas belakang yang satu lagi, atau dengan menepukkan belakang satu tapak tangan keatas batin yang satu lagi, (tidak dengan) menepukkan (batin) satu tapak tangan (keatas batin) yang satu lagi, bahkan jika dia melakukannya dalam keadaan bermain lagi tahukan haramnya batal sembahyangnya, sekalipun sedikit, kerana ia menafikan sembahyang. Hanyalah sunat demikian itu bagi kedua mereka (jika

⁶² Zikir yang haram seperti zikir yang mengandungi perkataan yang tidak diketahui maksudnya. Doa yang haram seeperti doa dengan perkara mustahil seperti minta ampun semua dosa umat Muhammad.

mengenal³³ mereka oleh sesuatu) didalam sembahyang mereka seperti bahawa mereka menyedarkan imam mereka diatas lupanya dan mengizinkan orang yang masuk dan memberi amaran orang buta kerana takut jatuhnya pada perkara yang bahaya.

وَالأَصْلُ فِي ذَلِكَ خَبَرُ الصَّحِيحَيْنِ { مَنْ نَابَهُ شَيْءٌ فِي صَلَاتِهِ فَلْيَسْبِخْ، وَإِنَّمَا التَّصْفِيقُ لِلنِّسَاءِ } . وَيُعْتَبَرُ فِي التَّسْبِيحِ أَنْ يَقْصِدَ بِهِ الذَّكْرَ وَلَوْ مَعَ التَّفْهِيمِ، كَنَظِيرِهِ السَّابِقِ فِي الْقِرَاءَةِ. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذُكِرَ أَعْمٌ مِمَّا عَبَّرَ بِهِ. 606. Asal pada demikian itu adalah khabar dua yang sahih (siapa yang dikenai sesuatu didalam sembahyangnya maka hendaklah dia bertasbih, tepuk tangan itu hanyalah bagi perempuan). Diiktibarkan pada tasbih itu bahawa dia mengkasadkan zikir walaupun beserta dengan memahami, sama dengan yang sebandingnya yang telah lalu pada bacaan quran. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan itu lebih umum daripada apa yang dia ibaratkan dengannya.

وَلَوْ صَفَّقَ الرَّجُلُ وَسَبَّحَ غَيْرُهُ جَازَ مَعَ مَخَالَفَتِهِمَا السَّنَةَ. وَالْمُرَادُ بَيَانُ التَّفَرُّقَةِ بَيْنَهُمَا فِيمَا ذُكِرَ، لَا بَيَانُ حُكْمِ التَّنْبِيهِ، وَإِلَّا فَإِنْدَارُ الأَعْمَى وَنَحْوِهِ وَاجِبٌ، فَإِنْ لَمْ يَحْصُنِ الإِنْدَارُ إِلا بِالْكَلامِ أَوْ بِالفِعْلِ المُبْطِلِ وَجِبَ وَتَبْطُلُ الصَّلَاةُ بِهِ عَلَى الأَصْحَحِّ.

607. Kalau lelaki bertepuk tangan dan selainnya bertasbih harus ia serta mereka menyalahi sunnah. Yang dikehendaki adalah menerangkan beza diantara kedua mereka pada apa yang disebutkan, bukan menerangkan hukum menyedarkan itu, jika tidak maka memberi amaran kepada orang buta dan umpamanya adalah wajib, maka jika amaran itu tidak terhasil melainkan dengan cakap atau perbuatan yang membatalkan ianya wajib, dan batal sembahyang dengannya diatas yang sahih.

(وَ) ثَامِنُهَا (تَرَكَ زِيَادَةَ رُكْنٍ فِعْلِيٍّ عَمْدًا)، فَتَبْطُلُ بِهَا صَلَاتُهُ لِتَلَاغِيهِ. بِخِلَافِهَا سَهْوًا لِأَدْنَى صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّم { صَلَّى الظُّهْرَ خَمْسًا وَسَجَدَ لِلسَّهْوِ وَلَمْ يُعْدهَا } رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَيُعْتَفَرُ الْقُعُودُ الْيَسِيرُ قَبْلَ السُّجُودِ وَبَعْدَ سَجْدَةِ التَّلَاوَةِ. وَسَيَاتِي فِي صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ أَنَّهُ لَوْ أَقْدَى بِمَنْ اعْتَدَلَ مِنَ الرُّكُوعِ أَنَّهُ يَلْزِمُهُ مُتَابَعَتُهُ فِي الرَّائِدِ، وَأَنَّهُ لَوْ رَكَعَ أَوْ سَجَدَ قَبْلَ إِمَامِهِ وَعَادَ إِلَيْهِ لَمْ يَضُرَّ. وَخَرَجَ بِالفِعْلِيِّ الْقَوْلِيُّ كَتَكْرِيرِ الفَاتِحَةِ. وَسَيَاتِي فِي البَابِ الأَتِيِّ.

608. Kelapannya (meninggalkan dari menambah rukun fe'li dengan sengaja), maka batal sembahyang dengannya kerana bermain-main. Bersalahan menambahnya dengan lupa kerana nabi sawm ((sembahyang zohor lima rakaat dan dia sujud sahwi dan tidak mengulanginya)). Meriwayatkannya dua syeikh. Dimaafkan duduk sekejap sebelum sujud dan selepas sujud tilawah. Akan datang pada sembahyang jamaah bahawa kalau dia mengikut seorang yang sedang i'tidal dari rukuk bahawa lazim dia mengikutnya pada yang lebih, dan bahawa kalau dia rukuk atau sujud sebelum imamnya dan dia kembali mengikutnya tidak memudharatkan. Keluar dengan "fe'li" oleh qauli seperti mengulang fatihah. Akan datang pada bab yang akan datang.

(وَتَرَكَ فِعْلٍ فَحْشٍ) كَوَثْبَةٍ، فَتَبْطُلُ بِهِ وَلَوْ سَهْوًا صَلَاتُهُ لِمُنَافَاتِهِ لَهَا. وَهَذَا أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ : وَتَبْطُلُ بِالْوَثْبَةِ الفَاحِشَةِ.

609. (dan meninggalkan perbuatan keji) seperti lompat, maka batal sembahyang dengannya walaupun diatas jalan lupa kerana ia menafikan sembahyang. Ini terutama dari kata asal "dan batal ia dengan lompat yang keji".

(أَوْ) فِعْلٍ (كَثْرَ مِنْ غَيْرِ جِنْسِهَا) فِي غَيْرِ شِدَّةِ خَوْفٍ (عُرْفًا) كَثَلَاتِ خُطُواتٍ (وَلاَءً). فَتَبْطُلُ بِهِ وَلَوْ سَهْوًا صَلَاتُهُ لِذَلِكَ، بِخِلَافِ القَلِيلِ كَخَطُوتَيْنِ وَالكَثِيرِ المُتَفَرِّقِ، { لِأَنَّهُ صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّم صَلَى وَهُوَ حَامِلٌ أَمَامَةً فَكَانَ إِذَا سَجَدَ وَضَعَهَا وَإِذَا قَامَ حَمَلَهَا }، رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَكَالكَثِيرِ مَا لَوْ نَوَى ثَلَاثَةَ أَفْعَالٍ وَلاَءً وَفِعْلٍ وَاحِدًا مِنْهَا. صَرَّحَ بِهِ العِمْرَانِيُّ. وَيُسْتَتْنَى مِنَ القَلِيلِ الفِعْلِ بِقَصْدِ اللُّعْبِ فَتَبْطُلُ بِهِ، كَمَا مَرَّ.

610. (atau) perbuatan (yang banyak dari selain jenisnya) pada selain keadaan sangat takut (pada uruf) seperti tiga langkah (berturutan). Maka batal sembahyang dengannya walaupun diatas jalan lupa kerana demikian itu. Bersalahan perbuatan sedikit seperti dua langkah dan perbuatan yang banyak yang bercerai-cerai, ((kerana nabi sawm sembahyang sedang dia menanggung Umamah. Maka adalah dia bila sujud dia meletakkannya dan bila dia berdiri dia menanggungnya)). Meriwayatkannya dua syeikh. Seperti yang banyak itu keadaan kalau dia niat melakukan tiga perbuatan berturutan dan dia melakukan satu daripadanya. Menjelaskannya 'Imrani. Dikecualikan dari yang sedikit itu perbuatan dengan kasad bermain maka batal sembahyang dengannya sepertimana telah lalu.

(لَا إِنْ خَفَّ) الْكَثِيرُ كَتَحْرِيكِ أَصَابِعِهِ مِرَارًا بِلَا حَرَكَةٍ كَفَّهُ فِي سُبْحَةِ، إِحَاقًا لَهُ بِالْقَلِيلِ. فَإِنْ حَرَكَ كَفَّهُ فِيهَا ثَلَاثًا وَلَا بَطَلَتْ صَلَاتُهُ، (أَوْ اشْتَدَّ جَرَبٌ) بِأَنْ لَا يَقْدِرَ مَعَهُ عَلَى عَدَمِ الْحَكِّ، فَلَا تَبْطُلُ بِتَحْرِيكِ كَفَّهُ لِلْحَكِّ ثَلَاثًا وَلَا لِلضَّرُورَةِ. وَهَذِهِ مِنْ زِيَادَتِي، وَبِهَا صَرَّحَ الْقَاضِي وَغَيْرُهُ.

611. (tidak jika ianya ringan) yang banyak itu seperti menggerakkan jari-jarinya beberapa kali tanpa menggerakkan tapak tangan pada membilang biji-biji tasbih, kerana menghubungkannya dengan yang sedikit. Maka jika dia menggerakkan tapak tangan padanya tiga kali berturutan batal sembahyangnya. (atau teruk kurap) dengan bahawa dia tidak tahan bersamanya diatas tidak menggaru. Maka tidak batal sembahyang dengan menggerakkan tapak tangannya untuk menggaru tiga kali berturutan kerana dharurat. Ini daripada tambahan ku. Dengannya al Qadhi dan selainnya menjelaskan.

(وَ) تَاسِعُهَا (تَرَكَ مُفْطِرٌ وَأَكَلَ كَثِيرًا أَوْ بِإِكْرَاهٍ). فَتَبْطُلُ بِكُلِّ مِنْهَا، وَإِنْ كَانَ الْأَوَّلُ وَالثَّلَاثُ قَلِيلَيْنِ كَبَلْعِ ذُؤَبٍ سَكْرَةٍ، وَالثَّانِي مُفْرَقًا سَهْوًا أَوْ جَهْلًا بِحُرْمَتِهِ لِإِشْعَارِ الْأَوَّلَيْنِ بِالْإِعْرَاضِ عَنْهَا وَذُؤُورِ الثَّلَاثِ. وَالْمَضْغُ مِنَ الْأَفْعَالِ فَتَبْطُلُ بِكَثِيرِهِ، وَإِنْ لَمْ يَصِلْ إِلَى الْجَوْفِ شَيْءٌ مِنَ الْمَمْضُوعِ. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَعْمٌ مِمَّا عَبَّرَ بِهِ.

612. Kesembilannya (meninggalkan perkara membatalkan puasa dan barang makanan yang banyak atau dengan paksaan) maka batal sembahyang dengan setiap satu daripadanya, sekalipun yang pertama dan ketiga itu sedikit, seperti telan gula cair, dan yang kedua itu dalam terpisah-pisah atau dijahilkan haramnya, kerana dua yang pertama itu menyedarkan dengan berpaling dari sembahyang dan yang ketiga itu jarang berlaku. Kunyah adalah daripada perbuatan-perbuatan, maka batal sembahyang dengan yang banyaknya, sekalipun tidak sampai sesuatu daripada yang dikunyah kepada rongga. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan itu lebih umum dari apa yang dia ibaratkan dengannya.

(وَسُنُّنٌ أَنْ يُصَلِّيَ لِنَحْوِ جِدَارٍ) كَعَمُودٍ (ثُمَّ) إِنْ عَجَزَ عَنْهُ فَلِنَحْوِ (عَصَا مَعْرُوزَةٍ) كَمَتَاعٍ، لِاتِّبَاعِ رَوَاهِ الشَّيْخَانِ، وَلِخَبَرِ { اسْتَبْرَأُوا فِي صَلَاتِكُمْ، وَلَوْ بِسَهْمٍ }، رَوَاهُ الْحَاكِمُ. وَقَالَ: عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ (ثُمَّ) إِنْ عَجَزَ عَنْ ذَلِكَ (يَبْسُطُ مُصَلِّيٌ) كَسَجَادَةٍ بِفَتْحِ السَّيْنِ، (ثُمَّ) إِنْ عَجَزَ عَنْهُ (يَخْطُ أَمَامَهُ) خَطًّا طَوِيلًا، كَمَا فِي الرَّوْضَةِ. رَوَى أَبُو دَاوُدَ خَيْرٌ { إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَجْعَلْ أَمَامَ وَجْهِهِ شَيْئًا، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَلْيَنْصِبْ عَصًا، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ مَعَهُ عَصًا فَلْيَخْطُ خَطًّا، ثُمَّ لَا يَضْرِبْهُ مَا مَرَّ أَمَامَهُ } . وَقَيْسَ بِالْخَطِّ الْمُصَلِّي. وَقَدَّمَ عَلَى الْخَطِّ، لِأَنَّهُ أَظْهَرَ فِي الْمُرَادِ.

613. (Sunat bahawa dia sembahyang kearah dinding) seperti tiang, (kemudian) jika dia lemah darinya maka kepada umpama (tongkat yang dipacakkan) sama seperti barang-barang, kerana ittiba' yang diriwayatkan dua syeikh, dan kerana khabar (hendaklah kamu berselindung pada sembahyang kamu, walaupun dengan anak panah)), meriwayatkannya Hakim, dan katanya : diatas syarat Muslim. (Kemudian) jika dia lemah dari demikian itu (dia membenteng musalla) seperti sejadah, (kemudian) jika dia lemah darinya (dia menggores didepannya) satu garisan pada pihak memanjang, sepertimana didalam Raudhah. Abu Daud meriwayatkan khabar ((bila seorang dari kamu sembahyang maka letakkan sesuatu didepan mukanya, maka jika dia tidak

mendapatnya maka hendaklah dia memacakkan tongkat, maka jika tidak ada tongkat bersamanya maka hendaklah dia menggores satu garisan, kemudian tidak memudharatkan apa yang lalu didepannya)). Dikiaskan dengan garisan akan musalla. Didulukan ia diatas garisan kerana ia lebih zahir pada apa yang dikehendaki.

(وَطُولُهَا) أَي الْمَذْكُورَاتِ (ثَلَاثًا ذِرَاعًا) فَأَكْثَرُ، (وَبَيْنَهُمَا) أَي بَيْنَهَا وَبَيْنَ الْمُصَلِّي (ثَلَاثَةٌ أَدْرَعُ فَأَقَلُّ) .

614. (Tingginya) iaitu ssemua yang disebutkan itu (**tiga hasta**) maka lebih, (**dan diantara keduanya**) iaitu diantara apa yang disebutkan itu dan diantara musalli (**tiga hasta maka kurang**).

وَذَكَرُ سَنَ الصَّلَاةِ إِلَى الْمَذْكُورَاتِ مَعَ اعْتِبَارِ التَّرْتِيبِ فِيهَا وَضَبْطِهَا بِمَا ذَكَرَ مِنْ زِيَادَتِي. وَبِذَلِكَ صَرَّحَ فِي التَّحْقِيقِ وَغَيْرِهِ إِلَّا التَّرْتِيبَ فِي الْأَوَّلَيْنِ فَهُوَ مُقْتَضَى كَلَامِ الرُّوضَةِ وَأَصْلِهَا، وَصَرَّحَ بِهِ فِي الْمَجْمُوعِ، وَإِلَّا ضَبَطَ الْأَخِيرَيْنِ فَهُوَ الْفِيَّاسُ، كَمَا قَالَهُ الْإِسْنَوِيُّ.

615. Menyebutkan sunat sembahyang kearah segala yang disebutkan serta mengiktibarkan tertib padanya dan mendhabitnya dengan sifat yang disebutkan adalah daripada tambahan ku. Dengan demikian itu Nawawi menjelaskan didalam Tahkik dan selainnya, melainkan tertib pada dua yang pertama maka ia kehendak kalam Raudhah dan asalnya, dan dia menjelaskan dengannya didalam Majmuk, dan melainkan dhabit dua yang akhir maka ianya kias sepertimana dikatakan Isnawi.

وَإِذَا صَلَّى إِلَى شَيْءٍ مِنْهَا (فَيَسُنُّ) لَهُ وَغَيْرِهِ (دَفْعَ مَارٍّ) بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا. وَالْمُرَادُ بِالْمُصَلِّي وَالْخَطُّ مِنْهَا أَغْلَاهُمَا. وَذَلِكَ لَخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ { إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَأَرَادَ أَحَدًا أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيُدْفِعْهُ، فَإِنَّ أَبِي فَلْيَقَاتِلْهُ، فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ } أَي مَعَهُ شَيْطَانٌ أَوْ هُوَ شَيْطَانُ الْإِنْسِ. وَذَكَرُ سَنَ الدَّفْعِ لِغَيْرِ الْمُصَلِّي مِنْ زِيَادَتِي. وَبِهِ صَرَّحَ الْإِسْنَوِيُّ وَغَيْرُهُ تَفَقُّهُ.

616. Apabila dia sembahyang mengadap suatu daripada demikian itu (**maka sunat**) baginya dan orang lain (**menolak orang yang lalu**) diantara dia dan diantaranya. Yang dikehendaki dengan musalla dan garisan daripada segala yang tersebut itu adalah bahagian atasnya. Demikian itu kerana khabar dua syeikh ((bila seorang dari kamu sembahyang kepada suatu yang melindunginya dari orang ramai maka seorang hendak melintas dihadapannya maka hendaklah dia menolaknya, maka jika dia enggan maka hendaklah dia membunuhnya kerana dia itu hanyalah Syaitan) iaitu ada bersaman dia Syaitan atau dia adalah Syaitan manusia. Menyebutkan sunat menolak bagi selain musalli adalah dariapda tambahan ku. Dengannya Isnawi dan selainnya menjelaskan berdasarkan kaedah fekah.⁶³

(وَحَرَمَ مُرُورٍ) وَإِنْ لَمْ يَجِدْ الْمَارَّ سَبِيلًا آخَرَ، لَخَبَرِ { لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيْ الْمُصَلِّي - أَي إِلَى السُّتْرَةِ - مَا دَأَا عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ لَكَانَ أَنْ يَقْفَ أَرْبَعِينَ حَرِيفًا خَيْرًا لَهُ مِنْ أَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ }، رَوَاهُ الشَّيْخَانُ إِلَّا " مِنْ الْإِثْمِ " فَالْبَحَارِيُّ، وَإِلَّا " حَرِيفًا " فَالْبَزَّازُ.

617. (**Haram lalu**) sekalipun orang yang lalu itu tidak mendapat jalan lain, kerana khabar ((kalaulah orang yang lalu dihadapan orang yang sembahyang -iaitu yang mendapap sitrah- tahu apa yang kena keatasnya daripada dosa nescaya berdirinya empat puluh tahun lebih baik bagi dia daripada bahawa dia lalu dihadapannya)). Meriwayatkannya dua syeikh melainkan " مِنْ الْإِثْمِ " maka Bukhari dan melainkan " حَرِيفًا " maka Bazzar.

⁶³ Bukan dengan nas.

والتَّحْرِيمُ مُقَيَّدٌ بِمَا إِذَا لَمْ يُقَصِّرِ الْمُصَلِّي بِصَلَاتِهِ فِي الْمَكَانِ. وَإِلَّا، كَدَأْنُ وَقَفَ بِقَارِعَةِ الطَّرِيقِ فَلَا حُرْمَةَ، بَلْ لَا كَرَاهَةَ، كَمَا قَالَ فِي الْكِفَايَةِ أَخَذًا مِنْ كَلَامِهِمْ، وَبِمَا إِذَا لَمْ يَجِدِ الْمَارُّ فُرْجَةَ أَمَامَهُ. وَإِلَّا فَلَا حُرْمَةَ، بَلْ لَهُ خَرَقُ الصُّفُوفِ وَالْمُرُورُ بَيْنَهَا لَيْسَ دُفْرَجَةً، كَمَا قَالَ فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا.

618. Pengharaman ini dikaitkan dengan keadaan apabila musalli itu tidak cuai dengan sembahyangnya pada tempat itu, jika tidak, seperti bahawa dia berdiri pada tengah jalan maka tidak haram melintas didepannya, bahkan tidak makruh, sepertimana kata Ibnu Rif'ah didalam al Kifayah kerana faham dari kalam para fuqaha', dan dikaitkan dengan keadaan apabila orang yang lalu itu tidak mendapat ruang didepannya. Jika tidak, maka tidak haram, bahkan boleh dia membelah saf dan lalu diantaranya untuk menyumbat ruang kosong, sepertimana dikatakan didalam Raudhah seperti asalnya.

وَفِيهَا لَوْ صَلَّى بِلَا سِتْرَةٍ ، أَوْ تَبَاعَدَ عَنْهَا ، أَيْ : أَوْ لَمْ تَكُنْ بِالصَّفَةِ الْمَذْكُورَةِ ، فَلَيْسَ لَهُ الدَّفْعُ لِتَقْصِيرِهِ ، وَلَا يَحْرُمُ الْمُرُورُ بَيْنَ يَدَيْهِ ، لَكِنَّ الْأَوْلَى تَرْكُهُ فَقَوْلُهُ فِي غَيْرِهَا : " لَكِنْ يُكْرَهُ " مَحْمُولٌ عَلَى الْكَرَاهَةِ غَيْرِ الشَّدِيدَةِ . قَالَ : وَإِذَا صَلَّى إِلَى سِتْرَةٍ فَالسُّنَّةُ أَنْ يَجْعَلَهَا مُقَابِلَةَ لِيَمِينِهِ أَوْ شِمَالِهِ ، وَلَا يَصْنُدُ لَهَا بِضَمِّ الْمِيمِ أَيْ لَا يَجْعَلُهَا تِلْقَاءَ وَجْهِهِ .

619. Didalam Raudhah : kalau seorang sembahyang tanpa sitrah atau jauh darinya, iaitu atau ianya tidak dengan sifat yang tersebut itu maka tidak boleh dia menolak orang lalu kerana cuainya, dan tidak haram lalu dihadapannya akan tetapi yang terutama meninggalkannya. Maka katanya didalam selain Raudhah "akan tetapi dimakruhkan" ditanggungkan diatas makruh yang tidak keras. Katanya : bila dia sembahyang mengadap sitrah maka sunat dia menjadikannya berdepan kanan atau kirinya, dan tidak menjadikannya setentang mukanya.

(وَكُرِّهَ التَّفَاتُ) فِيهَا بِوَجْهِهِ ، لَخَيْرِ عَائِشَةَ { سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْإِنْتِفَاتِ فِي الصَّلَاةِ فَقَالَ : هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ { ، رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ . (وَتَعْطِيَةٌ فِيمَ) لِلنَّهْيِ عَنْهُ ، رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ . (وَقِيَامٌ عَلَى رِجْلِ) وَاحِدَةٍ ؛ لِأَنَّهُ تَكَلَّفَ يَنَافِي الْخُشُوعِ

620. (Makruh menoleh) didalam sembahyang dengan muka, kerana khabar Aisyah ((aku tanya rasulullah sawm tentang menoleh didalam sembahyang, maka katanya : ia adalah sambaran, yang disambar oleh Syaitan dari sembahyang seorang hamba itu)), meriwayatkannya Bukhari. (dan menutup mulut) kerana tegahan darinya yang diriwayatkan Ibnu Hibban dan selainnya dan mereka mengesahkannya. (dan berdiri diatas satu kaki) kerana ia menyusahkan diri yang menafikan khusyuk.

(إِلَّا لِحَاجَةٍ) فِي الثَّلَاثَةِ . فَإِنْ كَانَ لَهَا لَمْ يُكْرَهُ . وَقَدْ رَوَى مُسْلِمٌ خَبَرَ أَنَّهُ { صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَكَى فَصَلَّيْنَا وَرَاءَهُ ، وَهُوَ قَاعِدٌ فَالْتَفَتَ إِلَيْنَا فَرَأَانَا قِيَامًا فَأَشَارَ إِلَيْنَا { الْحَدِيثُ ، وَخَبَرَ { إِذَا تَتَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيُمْسِكْ بِيَدِهِ عَلَى فِيهِ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَدْخُلُ { فَتَأْخِيرِي " لَا لِحَاجَةٍ " عَنْ الثَّلَاثَةِ أَوْلَى مِنْ تَقْدِيمِ الْأَصْلِ لَهُ عَلَى الْأَخِيرِ مِنْهَا ، بَلْ قَدْ يُجْعَلُ قَيْدًا أَيْضًا فِيمَا يَأْتِي أَوْ فِي بَعْضِهِ .

621. (melainkan kerana hajat) pada tiga ini. Maka jika ianya kerana hajat tidak makruh. Sungguhnya Muslim meriwayatkan khabar ((bahawa nabi sawm sakit maka kami sembahyang dibelakangnya sedang dia duduk, maka dia berpaling kepada kami maka melihat kamu berdiri maka dia mengisyarat kepada kami)) al hadith, dan khabar ((bila seorang dari kamu menguap maka letakkanlah tangannya diatas mulutnya, maka sungguhnya Syaitan masuk)). Maka mentakhir aku "melainkan kerana hajat" dari tiga itu terutama dari mendulukannya oleh asal diatas yang terakhir daripadanya, bahkan terkadang ia dijadikan kait juga pada apa yang akan datang atau pada sebahagiannya.

(وَنَظَرَ نَحْوَ سَمَاءٍ) مِمَّا يُلْهِي كَتُوبَ لَهُ أَعْلَامٌ. وَذَلِكَ لِحَبْرِ الْبُخَارِيِّ { مَا بَالَ أَقْوَامٌ يَرْفَعُونَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِي صَلَاتِهِمْ، لِيَنْتَهَنَ عَنْ ذَلِكَ أَوْ لَتُحْطَفْنَ أَبْصَارُهُمْ }، وَحَبْرِ الشَّيْخَيْنِ { كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَعَلَيْهِ حَمِيصَةٌ ذَاتُ أَعْلَامٍ فَلَمَّا فَرَّغَ قَالَ : أَلْهَتْنِي أَعْلَامُ هَذِهِ، أَذْهَبُوا بِهَا إِلَى أَبِي جَهْمٍ وَأَنْتُونِي بِأَنْبِجَانِيَّتِهِ } . " وَنَحْوُ " مِنْ زِيَادَتِي.

622. (dan memandang kearah langit) daripada apa yang melalaikan seperti kain yang punya corak jalur. Demikian itu kerana khabar Bukhari ((apa kena kaum-kaum itu, mereka mengangkat pandangan mereka kelangit didalam sembahyang mereka, hendaklah mereka berhenti dari demikian itu atau akan disambar pandangan mata mereka)), dan khabar dua syeikh ((adalah nabi sawm sembahyang dan memakai baju yang bercorak jalur, maka tatkala dia selesai dia berkata : melalaikan aku jaluran ini, kamu bawa ia pergi kepada abu Jahm dan bawa datang kepada aku baju kasar yang tidak bercorak)). 'Umpama" daripada tambahan ku.

(وَكَفَّ شَعْرًا أَوْ تَوْبًا)، لِحَبْرِ { أَمَرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظَمَ، وَلَا أَكْفُ تَوْبًا وَلَا شَعْرًا }، رَوَاهُ الشَّيْخَانِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ. وَالْمَعْنَى فِي النَّهْيِ عَنْهُ أَنَّهُ يَسْجُدُ مَعَهُ.

623. (dan menahan rambut atau kain) kerana khabar ((aku disuruh sujud diatas tujuh tulang, dan tidak menahan kain dan rambut)). Meriwayatkannya dua syeikh dan lafaznya bagi Muslim. Hikmah pada tegahan darinmenahan ini bahawa apa yang ditahan itu sujud bersamanya.

(وَبِصُقِّ أَمَامًا وَيَمِينًا)، لَا يَسَارًا، لِحَبْرِ الشَّيْخَيْنِ { إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلَاةِ فَاتَهُ يَنْاجِي رَبَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، فَلَا يَبْزُقَنَّ بَيْنَ يَدَيْهِ، وَلَا عَنْ يَمِينِهِ، وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ، أَيْ وَلَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ } . وَهَذَا كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ فِي غَيْرِ الْمَسْجِدِ. أَمَّا فِيهِ فَيُحْرَمُ، لِحَبْرِ الشَّيْخَيْنِ { الْبِصَاقُ فِي الْمَسْجِدِ حَطِيئَةٌ، وَكَفَّارَتُهَا دَفْنُهَا، بَلْ يَبْصُقُ فِي طَرَفِ تَوْبِهِ مِنْ جَانِبِهِ الْأَيْسَرِ وَيَحُكُّ بَعْضَهُ بِبَعْضٍ } . وَيَبْصُقُ بِالصَّادِ وَالزَّايِ وَالسَّيْنِ.

624. (dan berludah kedepan dan kekanan) tidak kekiri, kerana khabar dua syeikh ((bila seorang dari kamu didalam sembahyang maka sesungguhnya dia bermunajat kepada Tuhannya azza wa jalla, maka janganlah dia meludah kehadapannya dan kekanannya, tetapi kekirinya. Iaitu walaupun dibawah tapak kakinya)). Ini sepertimana didalam Majmuk adalah pada selain masjid. Adapun didalam masjid maka haram kerana khabar ((berludah didalam masjid itu satu kesalahan, dan kifaratnya adalah menanamnya, bahkan dia meludah pada hujung kainnya dari sebelah kirinya dan dia menggosok-gosokkan sebahagiannya dengan sebahagian yang lain)).

(وَاخْتِصَارًا) بِأَنْ يَضَعَ يَدَهُ عَلَى خَاصِرَتِهِ، لِحَبْرِ أَبِي هُرَيْرَةَ { أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ يُصَلِّيَ الرَّجُلُ مُخْتَصِرًا }، رَوَاهُ الشَّيْخَانِ. وَالْمَرْأَةُ كَالرَّجُلِ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ. وَمِثْلُهُمَا الْخُنْثَى.

625. (dan cekak pinggang) dengan bahawa dia meletakkan tangannya ditaas pinggangnya, kerana khabar Abu Hurairah ((bahawa rasulullah sawm menegah dari bahawa seorang itu sembahyang dalam keadaan bercekak pinggang)), meriwayatkannya dua syeikh. Perempuan sama seperti lelaki, sepertimana didalam Majmuk. Seumpama keduanya adalah khunsa.

(وَخَفْضُ رَأْسٍ) عَنْ ظَهْرٍ (فِي رُكُوعٍ) لِمَجَاوَزَتِهِ لِفِعْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَحَدَفْتُ تَقْيِيدَ الْأَصْلِ الْخَفْضِ بِالْمَبَالِغَةِ تَبَعًا لِنَصِّ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَغَيْرِهِ.

626. (dan merendahkan kepala) dari belakang tubuh (pada rukuk) kerana ia melampau perbuatan nabi sawm. Aku hazafkan kait asal akan rendah itu dengan bersangatan kerana mengikut nas Syafi'e r.a dan selainnya.

(وَصَلَاةٌ بِمُدَافَعَةٍ حَدَثَ) كَبُولٍ وَغَائِطٍ وَرِيحٍ (وَبِحَضْرَةِ) بِتَثْلِيثِ الْحَاءِ (طَعَامٍ) مَأْكُولٍ وَمَشْرُوبٍ (يَتَوَقُّ) بِالْمُتَنَاءِ أَيْ يَشْتَأِقُ (إِلَيْهِ) لِحَبْرِ مُسْلِمٍ { لِأَنَّ صَلَاةَ، أَيْ كَامِلَةً، بِحَضْرَةِ طَعَامٍ، وَلَا وَهُوَ يُدَافِعُهُ الْأَحْبَثَانِ، أَيْ الْبَوْلُ وَالْغَائِطُ } . وَتَعْبِيرِي بِمُدَافَعَةٍ حَدَثَ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ : حَاقِنًا أَوْ حَاقِبًا، أَيْ بِالْبَوْلِ وَالْغَائِطِ.

627. (dan sembahyang dengan menolak-nolak hadath) seperti kencing dan tahi dan angin (dan dengan kehadiran makanan) dan minuman (yang dia ingin sangat kepadanya) kerana khabar Muslim ((tidak ada sembahyang, iaitu yang sempurna, dengan kehadiran makanan, dan tidak sedang dia ditolak-tolak dua najis, iaitu kencing dan tahi)). Ibarat aku dengan "menolak-nolak hadath" lebih umum dari katanya "tak tertahan" iaitu dengan kencing dan tahi.

(وَبِحَمَّامٍ) وَمِنْهُ مَسْلَخَةٌ (وَطَرِيقٍ) فِي بَنِيانٍ، لَا بَرِّيَّةَ، (وَنَحْوِ مَرْبَلَةٍ) وَهِيَ مَوْضِعُ الرَّبْلِ، كَمَجْزَرَةٍ وَهِيَ مَوْضِعُ دَبْحِ الْحَيَوَانِ، (وَ) نَحْوِ (كَنِيسَةٍ) وَهِيَ مَعْبَدُ الْيَهُودِ كَبَيْعَةٍ وَهِيَ مَعْبَدُ النَّصَارَى، (وَ) نَحْوِ (عَطْنِ إِبِلٍ) وَدَوُّ طَاهِرًا، كَمَرَاجِهَا الْآتِي. وَالْعَطْنُ الْمَوْضِعُ الَّذِي تُنْحَى إِلَيْهِ الْإِبِلُ الشَّارِبَةُ لِيَشْرَبَ غَيْرَهَا، فَإِذَا اجْتَمَعَتْ سَبَقَتْ مِنْهُ إِلَى الْمَرْعَى. " وَنَحْوُ " مِنْ زِيَادَتِي. (وَبِمَقْبَرَةٍ) بِتَثْنِيَةِ الْمُؤَدَّةِ، نُبِشَتْ أَمْ لَا، لِلنَّهْيِ فِي خَبَرِ التِّرْمِذِيِّ عَنِ الصَّلَاةِ فِي الْجَمِيعِ خَلَا الْمَرَاخِ وَسَيَاتِي، وَخَلَا نَحْوِ الْكَنِيسَةِ فَأَلْحَقْتُ بِالْحَمَّامِ.

628. (dan sembahyang dibilik mandi) yang daripadanya adalah tempat persalinan, (dan dijalan) yang pada kawasan bangunan, tidak didaratan, (dan pada umpama tempat sampah) sama seperti tempat sembelih haiwan, (dan) pada umpama (kanisah) iaitu tempat ibadat Yahudi, sama seperti bi'ah iaitu tempat ibadat Nasrani, (dan) pada umpama ('atan unta) walaupun suci sama seperti kandang tidurnya yang akan datang. 'Atan itu tempat diundurkan unta yang minum supaya yang lain dapat minum, maka bila semuanya telah berhimpun dihalau darinya kepada padang ragut. "Umpama" daripada tamabahan ku. (dan dikuburan), yang dibongkar atau tidak, kerana tegahan pada khabar Turmizi dari sembahyang pada semua yang tersebut selain kandang unta yang akan datang keterangannya, dan selain umpama kanisah maka ia dihubungkan dengan bilik mandi.

وَالْمَعْنَى فِي الْكِرَاهَةِ فِيهِمَا أَنَّهُمَا مَأْوَى الشَّيَاطِينِ، وَفِي الطَّرِيقِ اشْتِعَالُ الْقَلْبِ بِمُرُورِ النَّاسِ فِيهِ وَقَطْعُ الْخُشُوعِ، وَفِي نَحْوِ الْمَرْبَلَةِ وَالْمَقْبَرَةِ الْمُنْبُوشَةُ نَجَاسَتُهُمَا تَحْتَ مَا يُفْرَشُ عَلَيْهِمَا، فَإِنْ لَمْ يُفْرَشْ شَيْءٌ لَمْ تَصِحَّ الصَّلَاةُ، وَفِي غَيْرِ الْمُنْبُوشَةِ نَجَاسَةٌ مَا تَحْتَهَا بِالصَّدِيدِ، وَفِي عَطْنِ الْإِبِلِ نَفَارُهَا الْمَشْدُوشُ لِلْخُشُوعِ. وَالْحَقُّ بِهَا مَرَاخِهَا بِضَمِّ الْمِيمِ، وَهُوَ مَأْوَاهَا لَيْلًا لِلْمَعْنَى الْمَذْكُورِ فِيهِ. وَلِهَذَا لَا تُكْرَهُ فِي مَرَاخِ الْغَنَمِ، وَلَا فِيهَا يَتَّصَرُ مِنْهَا مِنْ مِثْلِ عَطْنِ الْإِبِلِ. وَالْبَقَرِ كَالْغَنَمِ قَالَهُ ابْنُ الْمُنْذِرِ وَغَيْرُهُ. قَالَ الزَّرْكَشِيُّ : وَفِيهِ نَظْرٌ.

629. Hikmah pada karahah pada bilik mandi adan kanisah itu adalah bahawa keduanya tempat tinggal syaitan, dan pada jalan adalah sibuk hati dengan lalu lalang orang ramai padanya dan terputus khusyuk, dan pada umpama tempat sampah dan kuburan yang dibongkar adalah najis keduanya dibawah apa yang dihamparkan diatas keduanya, maka jika tidak dihamparkan sesuatu tidak sah sembahyang, dan pada yang tidak dibongkar adalah najis apa yang dibawahnya dengan danur, dan pada 'atan unta adalah liar unta itu yang mensarukan khusyuk. Dihubungkan dengannya akan kandang tidurnya pada waktu malam kerana makna yang disebutkan pada unta itu, kerana ini tidak makruh sembahyang pada kandang kambing dan tidak pada tempat yang didapati pada kambing daripada seumpama 'atan unta⁶⁴. Lembu sama seperti unta. Mengatakannya Ibnu Munzir dan selainnya. Kata Zarkasyi : padanya renungan.

(بَابٌ فِي) مُقْتَضَى (سَجُودِ السَّهْوِ) وَمَا يَتَّعَلَقُ بِهِ³⁴

(سَجُودُ السَّهْوِ) فِي الصَّلَاةِ فَرَضًا أَوْ نَفْلًا (سُنَّةٌ) لِأَحَدِ أَرْبَعَةِ أُمُورٍ : (لِتَرْكِ بَعْضِ) مِنَ الصَّلَاةِ ، وَدَوُّ عَمْدًا. (وَهُوَ) ثَمَانِيَةٌ (تَشْهَدُ أَوَّلَ) أَوْ بَعْضَهُ، (وَقَعُودُهُ) وَإِنْ اسْتَلْزَمَ تَرْكُهُ تَرْكَ التَّشْهَدِ. وَالْمُرَادُ بِالتَّشْهَدِ الْأَوَّلِ اللَّفْظُ الْوَاجِبُ فِي التَّشْهَدِ الْأَخِيرِ، دُونَ مَا هُوَ سُنَّةٌ فِيهِ، فَلَا يُسْجَدُ لِتَرْكِهِ. قَالَهُ الْمُحِبُّ الطَّبْرِيُّ. (وَقَفُوتُ

⁶⁴ Seperti 'atan kambing jika ada.

رَاتِبٍ) أَوْ بَعْضُهُ. (وَقِيَامُهُ)، وَإِنْ اسْتَلْزَمَ تَرْكُهُ تَرْكُ قُدُوتِ. (وَصَلَاةٌ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَهُمَا) أَي بَعْدَ التَّشَهُدِ وَالْقُدُوتِ الْمَذْكُورَيْنِ. وَذِكْرُهَا بَعْدَ الْقُدُوتِ، وَتَقْدِيدُهُ بِالرَّاتِبِ مِنْ زِيَادَتِي. وَسَيَاتِي بَيَانٌ مِمَّا يَخْرُجُ بِهِ. (وَ) صَلَاةٌ (عَلَى الْأَلِ بَعْدَ) التَّشَهُدِ (الْأَخِيرِ وَ) بَعْدَ (الْقُدُوتِ). وَالنَّصْرِيحُ بِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

630. **BAB** pada tuntutan **sujud sahwi** dan apa yang berkaitan dengannya. (**Sujud sahwi**) pada sembahyang fardhu atau sunat (**adalah sunat**) kerana satu daripada empat perkara : (**meninggalkan sebahagian**) daripada sembahyang walaupun dengan sengaja. (**Ianya**) lapan:

- (**tasyahhud awal**) atau sebahagiannya,
- (**danuduknya**) sekalipun meninggalkannya melazimkan tinggal tasyahhud itu. Yang dikehendaki dengan tasyahhud awal itu lafaz yang wajib pada tasyahhud akhir, tidak apa yang ianya sunat padanya, maka tidak ada sujud kerana meninggalkannya. Mengatakannya Muhibbu Tabari.
- (**dan qunut ratib**⁶⁵) atau sebahagiannya,
- (**dan berdirinya**) sekalipun meninggalkannya melazimkan tinggal qunut itu.
- (**dan selawat atas nabi sawm selepas keduanya**) iaitu selepas tasyahhud dan qunut tersebut. Menyebutkannya selepas qunut dan mengkaitkannya dengan ratib daripada tambahan ku, akan datang keterangan apa yang keluar dengannya.
- (**dan**) selawat (**keatas keluarga nabi selepas**) tasyahhud (**akhir**)
- (**dan**) selepas (**qunut**). Penjelasan dengannya daripada tambahan ku.

وَذَلِكَ } لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ مِنْ رَكَعَتَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ وَلَمْ يَجْلِسْ ثُمَّ سَجَدَ فِي آخِرِ الصَّلَاةِ قَبْلَ السَّلَامِ سَجْدَتَيْنِ { رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَقِيَسَ بِمَا فِيهِ الْبَقِيَّةُ. وَيَتَصَوَّرُ تَرْكُ السَّابِعِ مِنْهَا بِأَنَّ يَتَيَقَّنُ تَرْكُ إِمَامِهِ لَهُ بَعْدَ سَلَامِهِ وَقَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ هُوَ. وَظَاهِرٌ أَنَّ الْفُعُودَ لِلصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ بَعْدَ التَّشَهُدِ الْأَوَّلِ وَالصَّلَاةِ عَلَى الْأَلِ بَعْدَ الْأَخِيرِ كَالْفُعُودِ لِلأَوَّلِ، وَأَنَّ الْقِيَامَ لَهُمَا بَعْدَ الْقُنُوتِ كَالْقِيَامِ لَهُ.

631. Demikian itu kerana nabi sawm bangun dari dua rakaat sembahyang zohor dan tidak duduk, kemudian dia sujud pada akhir sembahyangnya sebelum salam dua kali sujud)). Meriwayatkannya dua syeikh. Dikiaskan dengan apa yang sabit padanya akan baki lapan perkara itu. Tergambar tinggal yang ketujuh daripadanya dengan bahawa dia yakin imamnya meninggalkannya selepas salamnya dan sebelum dia memberi salam. Yang zahir bahawa duduk untuk untuk selawat atas nabi selepas tasyahhud awal dan untuk selawat atas keluarganya selepas yang akhir sama seperti duduk untuk tasyahhud awal, dan bahawa berdiri untuk keduanya selepas qunut sama seperti berdiri untuk qunut.

وَسُمِّيَتْ هَذِهِ السُّنَنُ أَبْعَاضًا لِقُرْبِهَا بِالْجَبْرِ بِالسُّجُودِ مِنَ الْأَبْعَاضِ الْحَقِيقَةِ أَي الْأَرْكَانِ. وَخَرَجَ بِهَا بِقِيَّةِ السُّنَنِ كَأَذْكَارِ الرُّكُوعِ وَالسُّجُودِ، فَلَا يُجْبَرُ تَرْكُهَا بِالسُّجُودِ لِعَدَمِ رُودِهِ فِيهَا، وَبِرَاتِبِ وَهُوَ قُدُوتُ الصُّبْحِ وَالوَيْتْرِ قُنُوتِ النَّازِلَةِ، لِأَنَّهُ سُنَّةٌ فِي الصَّلَاةِ، لَا مِنْهَا أَي لَا بَعْضٌ مِنْهَا.

632. Dinamakan sunat-sunat ini sebagai bahagian kerana dekatnya dengan bahagian sembahyang yang sebenar iaitu rukun dengan sebab meninggalkannya ditampung dengan sujud. Keluar dengannya oleh baki sunat-sunat seperti zikir rukuk dan sujud, maka meninggalkannya tidak ditampung dengan sujud kerana tidak warid sujud padanya, dan dengan "ratib" yang mana ia qunut subuh dan witr oleh qunurt nazilah, kerana ia sunat didalam sembahyang bukan daripada sembahyang iaitu bukan sebahagian daripadanya.

⁶⁵ Yang tetap iaitu qunut subuh dan witr.

(وَلِسَهْوٍ مَا يُبْطِلُ عَمْدَهُ فَقَطْ) أَي دُونَ سَهْوِهِ، سَوَاءً أَحْصَلَ مَعَهُ زِيَادَةً بِتَدَارُكِ رُكْنٍ كَمَا مَرَّ فِي رُكْنِ التَّرْتِيبِ أَمْ لَا. وَذَلِكَ (كَتَطْوِيلِ رُكْنٍ قَصِيرٍ. وَهُوَ اعْتِدَالٌ) لَمْ يُطَلَّبْ تَطْوِيلُهُ، (وَجُلُوسِ بَيْنَ سَجْدَتَيْنِ) كَذَلِكَ. وَكَقَلِيلِ كَلَامٍ وَأَكْلِ، وَزِيَادَةِ رَكْعَةٍ فَيَسْجُدُ لِسَهْوِهِ، لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { صَلَّى الظُّهْرَ حَمْسًا وَسَجَدَ لِسَهْوِهِ بَعْدَ السَّلَامِ }. رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَقَيْسَ بِمَا فِيهِ نَحْوُهُ.

633. (dan kerana lupa perkara yang sengajanya sahaja membatalkan) tidak lupanya, sama sahaja terhasil bersamanya oleh tambahan dengan memperdapatkan rukun sepertimana telah lalu pada rukun tertib atau tidak. Demikian itu (seperti memanjangkan rukun pendek iaitu i'tidal) yang tidak dituntut memanjangkannya (dan duduk diantara dua sujud) begitu juga, dan seperti sedikit cakap dan makan dan tambah rakaat, maka dia sujud kerana lupanya, kerana nabi sawm ((sembahyang zohor lima rakaat dan sujud kerana lupanya itu selepas salam)). Meriwayatkannya dua syeikh. Dikiaskan dengan apa yang sabit pada khabar ini akan yang seumpamanya.

وَيُسْتَنْتَى مِنْ ذَلِكَ الْمُتَنَفَّلِ فِي السَّفَرِ إِذَا انْحَرَفَ عَنْ طَرِيقِهِ إِلَى غَيْرِ الْقِبْلَةِ نَاسِيًا وَعَادَ عَنْ قُرْبٍ، فَإِنَّ صَلَاتَهُ لَا تَبْطُلُ، بِخِلَافِ الْعَامِدِ كَمَا مَرَّ، وَلَا يَسْجُدُ لِسَهْوٍ عَلَى الْمَنْصُوصِ الَّذِي فِي الرُّوَضَةِ كَأَصْلِهَا، وَصَحَّحَهُ فِي الْمَجْمُوعِ وَغَيْرِهِ. لَكِنْ صَحَّحَ الرَّافِعِيُّ فِي الشَّرْحِ الصَّغِيرِ أَنَّهُ يَسْجُدُ. قَالَ الْإِسْنَوِيُّ: وَهُوَ الْقِيَاسُ.

634. Dikecualikan dari demikian itu orang yang sembahyang sunat pada safar bila dia menyimpang dari jalannya kepada selain kiblat dalam keadaan lupa dan dia kembali dalam masa yang terdekat. Maka sembahyangnya tidak batal, bersalahan yang sengaja sepertimana telah lalu, dan tidak dia sujud kerana lupanya itu diatas apa yang dinaskan didalam Raudhah, sama seperti asalnya. Dia mengesahkannya didalam Majmuk dan selainnya. Akan tetapi Rafi'e mengesahkan didalam Syarah Saghir bahawa dia sujud. Kata Isnawi : ianya kias.

وَإِنَّمَا كَانَ الْإِعْتِدَالُ وَالْجُلُوسُ الْمَذْكُورُ قَصِيرَيْنِ، لِأَنَّهُمَا لَمْ يُقْصَدَا فِي أَنْفُسِهِمَا، بَلْ لِلْفَصْلِ، وَإِلَّا لَشَرَعَ فِيهِمَا ذِكْرٌ وَاجِبٌ لِيَتَمَيَّزَا بِهِ عَنِ الْعَادَةِ، كَالْقِيَامِ. وَفِيهِ كَلَامٌ ذَكَرْتُهُ مَعَ جَوَابِهِ فِي شَرْحِ الرُّوَضِ.

635. I'tidal dan duduk tersebut adalah dua rukun pendek hanyalah kerana keduanya tidak dimaksudkan pada diri keduanya, bahkan untuk ceraian, jika tidak nescaya disyara'kan pada keduanya zikir yang wajib supaya terbeza dengannya dari ibadat, sama seperti qiam. Pada ta'lil ini ada bahasan yang aku sebutkan bersama jawabnya didalam Syarah Raudh.

وَخَرَجَ بِمَا يُبْطِلُ عَمْدَهُ مَا لَا يُبْطِلُ عَمْدَهُ كَالْتَفَاتِ وَخَطُوتَيْنِ، فَلَا يَسْجُدُ لِسَهْوِهِ وَلَا لِعَمْدِهِ لِعَدَمِ وُرُودِ السُّجُودِ لَهُ. وَيُسْتَنْتَى مِنْهُ مَعَ مَا بَأْتِي مِنْ نَقْلِ الْقَوْلِيِّ مَا لَوْ فَرَّقَهُمْ فِي الْخَوْفِ أَرْبَعَ فِرَقٍ وَصَلَّى بِكُلِّ رَكْعَةٍ، أَوْ فِرْقَتَيْنِ وَصَلَّى بِفِرْقَةٍ رَكْعَةً وَبِالْآخَرَى ثَلَاثًا، فَإِنَّهُ يَسْجُدُ لِسَهْوٍ لِلْمُخَالَفَةِ بِالْإِنْفِطَارِ فِي غَيْرِ مَحَلِّهِ. وَخَرَجَ بِ " فَقَطْ " مَا يُبْطِلُ عَمْدَهُ وَسَهْوُهُ كَثِيرٌ كَلَامٍ وَأَكْلِ وَفَعْلٍ فَلَا سُّجُودَ، لِأَنَّهُ لَيْسَ فِي صَلَاةٍ.

636. Keluar dengan apa yang sengajanya membatalkan oleh apa yang sengajanya tidak membatalkan seperti menoleh dan dua langkah, maka dia tidak sujud kerana lupa dan tidak kerana sengajanya kerana tidak warid sujud kerananya. Dikecualikan darinya serta apa yang akan datang daripada memindahkan qauli oleh keadaan kalau dia memecahkan mereka pada keadaan khauf kepada empat kumpulan dan sembahyang dengan setiap kumpulan satu rakaat, atau kepada dua kumpulan dan sembahyang dengan satu kumpulan satu rakaat dan dengan yang satu lagi tiga rakaat, maka imam itu sujud sahwi kerana menyalahi sunnah⁶⁶ dengan menunggu pada selain tempatnya. Keluar dengan "sahaja" oleh apa yang sengajanya dan lupanya membatalkan seperti banyak cakap dan makanan dan perbuatan, maka dia tidak sujud kerana dia tidak berada didalam sembahyang.

⁶⁶ Kerana yang warid dari nabi sawm menunggu itu pada qiam ketiga dan tasyahhud pada khauf dan pada tasyahhud dan rukuk pada seliannya.

(وَنَقَلَ) مَطْلُوب (قَوْلِي غَيْرِ مُبْطِل) نَقَلَهُ إِلَى غَيْرِ مَحَلِّهِ رُكْنَا كَانَ كَفَاتِحَةَ أَوْ بَعْضَهَا أَوْ غَيْرِ رُكْنِ كَسُورَةٍ وَقُنُوتٍ بِنَيْتِهِ وَتَسْبِيحٍ فَيَسْجُدُ لَهُ، سِوَاءَ نَقَلَهُ عَمْدًا أَوْ سَهْوًا لِتَرْكِهِ التَّحْقِظَ الْمَأْمُورَ بِهِ فِي الصَّلَاةِ مُؤَكَّدًا كَتَأْكِيدِ الشَّهَادَةِ الْأُولَى. وَلَا يَرُدُّ نَقْلَ السُّورَةِ قَبْلَ الْفَاتِحَةِ حَيْثُ لَا يَسْجُدُ لَهُ، لِأَنَّ الْقِيَامَ مَحَلَّهَا فِي الْجُمْلَةِ. وَيُقَاسُ بِذَلِكَ نَظَائِرُهُ.

637. (dan kerana pemindahan) tuntutan (qauli yang tidak membatalkan) pindahannya kepada selain tempatnya, rukun ada ia seperti fatihah atau sebahagiannya atau bukan rukun seperti surah dan qunut dengan niatnya dan tasbih maka dia sujud kerananya, sama sahaja dia memindahkannya dengan sengaja atau lupa kerana dia meninggalkan peliharaan yang disuruh dengannya didalam sembahyang dengan suruhan yang kuat seperti kuatnya tasyahhud awal. Tidak datang oleh pindahan surah sebelum fatihah sekira-kira dia tidak sujud kerananya kerana pada dasarnya qiam itu adalah tempatnya. Dikiaskan dengan demikian itu akan segala yang sebandingnya.

وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَعْمَ وَأَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِنَقْلِ رُكْنِ قَوْلِي، وَمِنْ تَقْيِيدِهِ السُّجُودَ بِالسَّهْوِ. وَخَرَجَ بِمَا ذَكَرَ نَقْلَ الْفِعْلِيِّ وَالسَّلَامِ وَتَكْبِيرَةَ الْإِحْرَامِ عَمْدًا فَمُبْطِلٌ. وَفَارَقَ نَقْلَ الْفِعْلِيِّ نَقْلَ الْقَوْلِيِّ غَيْرَ مَا ذَكَرَ بِأَنَّهُ لَا يُعَيَّرُ هَيْئَةَ الصَّلَاةِ، بِخِلَافِ نَقْلِ الْفِعْلِيِّ.

638. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan itu lebih umum dan terutama dari ibaratnya dengan "pindah rukun qauli", dan dari mengkaitkan sujud dengan lupa. Keluar dengan apa yang disebutkan itu pindahan oleh fe'li dan salam dan takbir ihram dengan sengaja maka ia membatalkan. Pindahan fe'li melaini akan pindahan qauli yang selain apa yang disebutkan itu dengan bahawa ia tidak mengubah kelakuan sembahyang, bersalahan pindahan fe'li.

(وَلِلشَّكِّ فِي تَرْكِ بَعْضٍ) بِقَيْدِ زِدْتُهُ بِقَوْلِي : (مُعَيَّنٌ) كَقُنُوتٍ، لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمُ الْفِعْلِ، بِخِلَافِ الشَّكِّ فِي تَرْكِ مَنْدُوبٍ فِي الْجُمْلَةِ، لِأَنَّ الْمَتْرُوكَ قَدْ لَا يَفْتَضِي السُّجُودَ، وَبِخِلَافِ الشَّكِّ فِي تَرْكِ بَعْضٍ مُبْهَمٍ لِيُضَعَّفَهُ بِالْإِبْهَامِ. وَبِهَذَا عِلْمٌ أَنَّ لِلتَّقْيِيدِ بِالْمُعَيَّنِ مَعْنَى. خِلَافًا لِمَنْ زَعَمَ خِلَافَهُ فَجَعَلَ الْمُبْهَمَ كَالْمُعَيَّنِ.

639. (dan kerana syak pada meninggalkan sunat ab'ad), dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (yang tertentu) seperti qunut, kerana asalnya tidak dilakukan, bersalahan syak pada meninggalkan yang sunat secara borong kerana yang ditinggalkan itu terkadang tidak menuntut sujud, dan bersalahan syak pada meninggalkan sunat ab'ad yang kesamaran kerana lemahnya dengan kesamaran itu. Dengan ini diketahui bahawa ada makna bagi mengkaitkan dengan "yang tertentu". Bersalahan orang yang menyangkakan lawannya maka dia menjadikan yang kesamaran itu seperti yang tertentu.

(لَا) لِلشَّكِّ (فِي) فِعْلٍ (مِنْهُي) عَنْهُ، وَإِنْ أَبْطَلَ عَمْدَهُ، كَكَلَامِ قَلِيلٍ نَاسِيًا فَلَا يَسْجُدُ، لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمُهُ. وَلَوْ سَهَا وَشَكَ هُنَّ سَهَا بِالْأَوَّلِ أَوْ بِالثَّانِي وَافْتَضَى السُّجُودَ ؟ أَوْ هَلْ مَتْرُوكُهُ الْقُنُوتُ أَوْ الشَّهَادَةُ ؟ سَجَدَ لِتَيَقُّنِ مُقْتَضِيهِ،

640. (tidak) kerana syak (pada) melakukan (perkara yang ditegah) darinya, sekalipun sengajanya membatalkan, seperti cakap yang sedikit dalam keadaan lupa, maka dia tidak sujud, kerana asal tidak adanya. Kalau dia lupa dan syak adakah dia lupa dengan yang pertama atau dengan yang kedua⁶⁷ dan yang kedua itu menuntut sujud, atau adakah yang ditinggalkannya itu qunut atau tasyahhud? Dia sujud kerana yakin ada perkara yang menuntutnya.

⁶⁷ Yang pertama : tinggalkan ab'ad, yang kedua : buat yang ditegah.

(إِلَّا) لِلشَّكِّ (فِي مَا) صَلَاةً وَ (اِحْتَمَلَ زِيَادَةً. فَلَوْ شَكَّ) وَهُوَ فِي رُبَاعِيَّةٍ (أَصَلِّي ثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا أَتَى بِرُكْعَةٍ)، لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمَ فِعْلِهَا، (وَسَجَدَ)، وَإِنْ زَالَ شَكُّهُ قَبْلَ سَلَامِهِ بِأَنْ تَذَكَّرَ قَبْلَهُ أَنَّهَا رَابِعَةٌ لِلتَّرَدُّدِ فِي زِيَادَتِهَا. وَلَا يَرْجِعُ فِي فِعْلِهَا إِلَى ظَنِّهِ وَلَا إِلَى قَوْلٍ غَيْرِهِ، وَإِنْ كَانَ جَمْعًا كَثِيرًا.

641. (melainkan) kerana syak (pada apa) yang dia telah sembahyangkan dan (ianya menanggung lebih. Maka kalau dia syak) sedang dia pada sembahyang empat rakaat (adakah dia telah sembahyang tiga atau empat dia mendatangkan satu rakaat lagi) kerana asal ianya belum dibuat, (dan dia sujud), sekalipun hilang syaknya sebelum salamnya dengan bahawa dia ingat sebelumnya bahawa ianya yang keempat kerana berbelah bagi pada lebihnya. Tidak boleh dia merujuk pada telah dilakukan atau tidak kepada zannya dan tidak kepada kata orang lain, sekalipun ianya kumpulan yang ramai.

وَالْأَصْلُ فِي ذَلِكَ خَبَرُ مُسْلِمٍ { إِذَا شَكَ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَدْرِ أَصَلَّى ثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا فَلْيَطْرَحِ الشَّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ ثُمَّ يَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَسْلَمَ }. فَإِنْ كَانَ صَلَّى خَمْسًا شَفَعْنَ لَهُ صَلَاتَهُ أَيْ رَدَّتْهَا السَّجْدَتَانِ وَمَا تَضَمَّنَتْهُ مِنَ الْجُلُوسِ بَيْنَهُمَا إِلَى الْأَرْبَعِ. أَمَّا مَا لَا يَحْتَمِلُ زِيَادَةً كَأَنَّ شَكَّ فِي رُكْعَةٍ مِنْ رُبَاعِيَّةٍ أَهِيَ ثَالِثَةٌ أَمْ رَابِعَةٌ فَتَذَكَّرَ فِيهَا أَنَّهَا ثَالِثَةٌ فَلَا يَسْجُدُ، لِأَنَّ مَا فَعَلَهُ مِنْهَا مَعَ التَّرَدُّدِ لَا بَدَّ مِنْهُ.

642. Asal pada demikian itu khabar Muslim ((bila seorang kamu syak pada sembahyangnya maka dia tidak tahu adakah dia telah sembahyang tiga atau empat maka hendaklah dia mencampakkan syak itu dan membina diatas apa yang dia yakinkan, kemudian dia sujud dua kali sebelum dia beri salam)), maka jika dia telah sembahyang lima rakaat digenapkan bagi dia akan sembahyangnya, iaitu dua sujud itu dan apa yang yang keduanya kandungi daripada duduk diantara keduanya memulangkannya kepada empat rakaat. Adapun apa yang tidak menanggung lebih seperti bahawa dia syak pada satu rakaat daripada sembahyang empat rakaat adakah ianya ketiga atau keempat maka dia ingat padanya bahawa ianya tiga maka dia tidak sujud, kerana apa yang dia telah buat daripada sembahyang itu beserta dengan berbelah bagi hatinya adalah tidak dapat tidak daripadanya.

(وَلَوْ سَهَا) بِمَا يُجِبُّ بِالسُّجُودِ (وَشَكَّ أَسْجَدَ) أَمْ لَا (سَجَدَ) لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمَ السُّجُودِ. وَلَوْ شَكَّ أَسْجَدَ وَاحِدَةً أَمْ ثِنْتَيْنِ سَجَدَ أُخْرَى.

643. (Kalau dia lupa) dengan apa yang ditampung dengan sujud (dan dia syak adakah dia telah sujud) atau tidak (dia sujud) kerana asalnya tidak sujud. Kalau dia syak adakah dia telah sujud sekali atau dua kali dia sujud sekali lagi.

(وَلَوْ نَسِيَ تَشَهُدًا أَوَّلَ) وَحَدَهُ أَوْ مَعَ قُعُودِهِ (أَوْ قُنُوتًا وَتَلَبَّسَ بِفَرَضٍ) مِنْ قِيَامٍ أَوْ سُجُودٍ (فَإِنْ عَادَ) لَهُ (بَطَلَتْ) صَلَاتُهُ لِقَطْعِهِ فَرَضًا لِنَفْلِ، (لَا) (إِنْ عَادَ) (نَاسِيًا) أَنَّهُ فِيهَا (أَوْ جَاهِلًا) تَحْرِيمَهُ، فَلَا تَبْطُلُ لِعُدْرِهِ. وَهُوَ مِمَّا يَخْفَى عَلَى الْعَوَامِ. وَيَلْزَمُهُ الْعُودُ عِنْدَ تَذَكُّرِهِ أَوْ تَعْلَمِهِ. (لَكِنَّهُ يَسْجُدُ) لِلسَّهْوِ لَزِيَادَةِ قُعُودٍ أَوْ اعْتِدَالٍ فِي غَيْرِ مَحَلِّهِ.

644. (Kalau dia lupa tasyahhud awal) sahaja atau bersama dengan duduknya (atau qunut, dan dia telah bersepakai dengan fardhu) daripada qiam atau sujud (maka jika dia kembali) kepadanya (batal) sembahyangnya kerana dia memutuskan fardhu untuk sunat. (tidak) batal jika dia kembali (dalam keadaan lupa) bahawa dia didalam sembahyang (atau jahilkan) pengharamannya, maka tidak batal sembahyang kerana uzurnya. Ianya daripada apa yang tersulit diatas orang awam. Lazim dia kembali disisi ingatkannya atau mengetahuinya. (walaubagaimanapun dia sujud) sahwi kerana menambah duduk atau i'tidal pada selain tempatnya.

(وَلَا) (إِنَّ عَادَ (مَأْمُومًا) فَلَا تَبْطُلُ صَلَاتُهُ، (بَلَّ عَلَيْهِ عَوْدٌ). فَإِنْ لَمْ يَعُدْ بَطَلَتْ صَلَاتُهُ، إِلَّا أَنْ يَنْوِيَ مُفَارَقَتَهُ. بِخِلَافِهِ إِذَا تَعَمَّدَ التَّرْكَ فَلَا يَلْزِمُهُ الْعَوْدُ، بَلَّ يُسَنَّ كَمَا رَجَّحَهُ فِي التَّحْقِيقِ وَغَيْرِهِ فِي التَّشَهُدِ. وَمِثْلُهُ الْقُنُوتُ. وَفَارَقَ مَا قَبْلَهُ بِأَنَّ الْفَاعِلَ ثُمَّ مَعْدُورٌ فَعِلُهُ غَيْرٌ مُعْتَدٍّ بِهِ فَكَأَنَّهُ لَمْ يَفْعَلْ شَيْئًا، بِخِلَافِهِ هُنَا فَعِلُهُ مُعْتَدٌّ بِهِ وَقَدْ انْتَقَلَ مِنْ وَاجِبٍ إِلَى آخَرَ فَخَيْرٌ بَيْنَهُمَا.

645. (dan tidak batal) jika dia kembali (dalam keadaan dia makmum) maka tidak batal sembahyangnya, (bahkan kena dia kembali). Maka jika dia tidak kembali batal sembahyangnya, melainkan bahawa dia niatkan mufaraqah. Bersalahan apabila dia sengaja meninggalkannya, maka tidak lazim dia kembali, bahkan sunat sepertimana ditarjihkan Nawawi didalam Tahkik dan selainnya pada tasyahhud. Seumpamanya adalah qunut. Ia melaini apa yang sebelumnya dengan bahawa orang yang melakukan disana diuzurkan maka perbuatannya tidak dikira maka seolah-olah dia tidak melakukan apa-apa, bersalahan dia disini maka perbuatannya dikira dan dia telah berpindah dari satu yang wajib kepada yang lain maka dia diberi pilih diantara keduanya.

وَلَوْ عَادَ الْإِمَامُ لِلتَّشَهُدِ مَثَلًا قَبْلَ قِيَامِ الْمَأْمُومِ حَرَمَ فَعَوْدُهُ مَعَهُ لَوْجُوبِ الْقِيَامِ عَلَيْهِ بِانْتِصَابِ الْإِمَامِ. وَلَوْ انْتَصَبَ مَعَهُ ثُمَّ عَادَ هُوَ لَمْ يَجْزُ لَهُ مُتَابَعَتُهُ فِي الْعَوْدِ، لِأَنَّهُ إِمَامٌ مُخْطِئٌ بِهِ فَلَا يُوَافِقُهُ فِي الْخَطَأِ أَوْ عَامِدٍ فَصَلَاتُهُ بَاطِلَةٌ، بَلَّ يُفَارِقُهُ أَوْ يَنْتَظِرُهُ حَمَلًا عَلَى أَنَّهُ عَادَ نَاسِيًا.

646. Kalau imam kembali duduk untuk tasyahhud sebagai contoh sebelum makmum berdiri haram dia duduk bersama imamnya, kerana wajib dia berdiri dengan sebab berdiri tegak imamnya. Kalau dia berdiri tegak bersama imamnya kemudian imam itu kembali duduk tidak harus dia mengikutnya pada kembali itu kerana imam itu samaada salah dengannya maka dia tidak mengikutinya pada yang salah, atau sengaja maka sembahyangnya batal, bahkan dia mufaraqah darinya atau menunggunya dengan menanggungkan diatas bahawa imamnya itu kembali duduk dalam keadaan lupa.

(وَإِنْ لَمْ يَتَلَبَّسْ بِهِ) أَيِ بَفَرَضِ (عَادَ) مُطْلَقًا (وَسَجَدَ) لِلسَّهْوِ (إِنْ قَارَبَ الْقِيَامَ) فِي مَسْأَلَةِ التَّشَهُدِ (أَوْ بَلَغَ حَدَّ الرَّكَعِ) فِي مَسْأَلَةِ الْقُنُوتِ، لِتَغْيِيرِ ذَلِكَ نَظْمِ الصَّلَاةِ، بِخِلَافِ مَا إِذَا لَمْ يَصِلْ إِلَى ذَلِكَ لِقَلَّةِ مَا فَعَلَهُ. وَفِي السُّجُودِ الْمَذْكُورِ اضْطِرَابٌ ذَكَرْتُهُ فِي شَرْحِ الرُّوْضِ وَغَيْرِهِ.

647. (Jika dia belum bersepakai dengan) fardhu (dia kembali) semata-mata (dan sujud) sahwi (jika dia dekat dengan qiam) pada masaalah tasyahhud (atau sampai kepada had orang yang rukuk) pada masaalah qunut kerana demikian itu mengubah nazam sembahyang. Bersalahan keadaan apabila dia belum sampai kepada demikian itu kerana sedikit apa yang dia lakukan. Pada sujud tersebut ada khilaf yang aku sebutkan didalam Syarah Raudh dan selainnya.

(وَلَوْ تَعَمَّدَ غَيْرُ مَأْمُومٍ تَرَكَهُ) أَيِ التَّشَهُدِ الْأَوَّلِ أَوْ الْقُنُوتِ (فَعَادَ) عَامِدًا عَالِمًا بِالتَّحْرِيمِ (بَطَلَتْ) صَلَاتُهُ (إِنْ قَارَبَ أَوْ بَلَغَ مَا مَرَّ) مِنْ الْقِيَامِ فِي الْأُولَى وَحَدَّ الرَّكَعِ فِي الثَّانِيَةِ، بِخِلَافِ الْمَأْمُومِ لِمَا مَرَّ عَنِ التَّحْقِيقِ وَغَيْرِهِ. أَمَّا إِذَا لَمْ يُقَارَبْ أَوْ لَمْ يَبْلُغْ مَا مَرَّ فَلَا تَبْطُلُ صَلَاتُهُ. وَذَكَرِي فِي مَسْأَلَةِ الْقُنُوتِ حُكْمَ الْعَامِدِ الْعَالِمِ وَالنَّاسِيِ وَالْجَاهِلِ وَالْمَأْمُومِ وَتَعَمَّدَ التَّرْكَ مَعَ تَقْيِيدِهِ فِي مَسْأَلَةِ التَّشَهُدِ بِغَيْرِ الْمَأْمُومِ مِنْ زِيَادَتِي.

648. (Kalau selain makmum sengaja meninggalkan) tasyahhud awal atau qunut (maka dia kembali) dengan sengaja lagi tahukan pengharamannya (batal) sembahyangnya (jika dia telah dekat atau sampai kepada apa yang telah lalu itu) daripada qiam pada yang pertama dan had rukuk pada yang kedua. Bersalahan makmum kerana apa yang telah lalu dari Tahkik dan selainnya. Adapun bila dia belum dekat atau belum sampai kepada apa yang telah lalu itu maka tidak batal sembahyangnya. Menyebut aku pada masaalah qunut akan hukum orang yang sengaja yang tahu dan orang yang lupa dan yang jahil dan makmum dan sengaja meninggalkan serta

mengkaitkannya pada masalah tasyahhud dengan selain makmum adalah daripada tambahan aku.

(وَلَوْ شَكَ بَعْدَ سَلَامِهِ) وَإِنْ قَصَرَ الْفَصْلَ (فِي تَرَكَ فَرَضَ) بِقَيْدِ زِدْتُهُ بِقَوْلِي (غَيْرِ نِيَّةٍ وَتَكْبِيرٍ) لِتَحْرِمِ (لَمْ يُؤْتِرْ)، لِأَنَّ الظَّاهِرَ وَفَوْعَ السَّلَامِ عَنْ تَمَامٍ. فَإِنْ كَانَ الْفَرَضُ نِيَّةً أَوْ تَكْبِيرًا اسْتَأْنَفَ لِأَنَّهُ شَكَ فِي أَصْلِ الْإِنْعِقَادِ. وَكَذَا لَوْ شَكَ هَلْ نَوَى الْفَرَضَ أَوْ التَّطَوُّعَ؟ كَمَا قَالَ الْبُغَوِيُّ. وَيُمْكِنُ إِدْرَاجُهَا فِيمَا زِدْتُهُ.

649. (Kalau dia syak selepas salamnya) sekalipun pendek ceraiannya (pada meninggalkan satu fardhu) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (selain niat dan takbir) taharrum (tidak berkesan syak itu) kerana yang zahir jatuh salam itu dari sempurna. Maka jika fardhu itu niat atau takbir dia mulakan sembahyang lain, kerana dia syak pada asal terjadi sembahyangnya. Begitu juga kalau dia syak adakah dia niatkan fardhu atau sunat. Sepertimana dikatakan Bughawi. Terboleh memasukkan masalah ini pada apa yang aku tambahkan⁶⁸.

(وَسَهْوُهُ حَالَ قُدُوتِهِ) الْحَسِيَّةِ كَأَنَّ سَهَا عَنْ التَّشَهُدِ الْأَوَّلِ، أَوْ الْحُكْمِيَّةِ كَأَنَّ سَهَتْ الْفِرْقَةَ الثَّانِيَةَ فِي تَأْنِيَتِهَا فِي صَلَاةِ ذَاتِ الرَّقَاعِ (يَحْمِلُهُ إِمَامُهُ) كَمَا يَحْمِلُ الْجَهْرَ وَالسُّورَةَ وَغَيْرَهُمَا. (فَلَوْ ظَنَّ سَلَامَهُ فَسَلَّمَ فَبَانَ خِلَافُهُ) أَيِ خِلَافِ مَا ظَنَّهُ (تَابِعَهُ) فِي السَّلَامِ (وَلَا سُجُودَ)، لِأَنَّ سَهْوَهُ فِي حَالِ قُدُوتِهِ.

650. (Lupa makmum ketika qudwahnya i.e ikut imam) yang jenis hissi seperti bahawa dia lupa dari tasyahhud awal, atau yang jenis hukum seperti bahawa lupa satu kumpulan yang kedua pada rakaat keduanya pada sembahyang zaturriqa' (ditanggung oleh imamnya) sama sepertimana dia menanggung nyaring dan surah dan selain keduanya. (Maka kalau dia zankan salam imam maka dia memberi salam maka ternyata sebaliknya) iaitu lawan apa yang dia zankan (dia mengikutnya) pada salam (dan tidak ada sujud) kerana lupanya pada ketika qudwahnya.

(وَلَوْ ذَكَرَ فِي تَشَهُدِهِ تَرَكَ رُكْنَ غَيْرِ مَا مَرَّ) أَنْفًا، مِنْ نِيَّةٍ أَوْ تَكْبِيرٍ وَفِي رُكْنِ التَّرْتِيبِ مِنْ سَجْدَةٍ مِنْ رَكْعَةٍ آخِرَةٍ (أَتَى بَعْدَ سَلَامِ إِمَامِهِ بِرَكْعَةٍ) كَأَنَّ تَرَكَ سَجْدَةً مِنْ غَيْرِ الْآخِرَةِ (وَلَا يَسْجُدُ) لِأَنَّ سَهْوَهُ فِي حَالِ قُدُوتِهِ. وَخَرَجَ بِحَالِ قُدُوتِهِ مَا لَوْ سَهَا قَبْلَهَا أَوْ بَعْدَ انْقِطَاعِهَا فَلَا يَحْمِلُهُ إِمَامُهُ. فَلَوْ سَلَّمَ مَسْبُوقٌ بِسَلَامِ إِمَامِهِ وَذَكَرَ بَنَى إِنْ قَصَرَ الْفَصْلَ، وَسَجَدَ.

651. (Kalau dia ingat pada tasyahhudnya bahawa dia meninggalkan rukun yang selain apa yang telah lalu) tadi, daripada niat atau takbir, dan pada rukun tertib daripada satu sujud dari rakaat yang akhir (dia mendatangkan selepas salam imamnya satu rakaat), seperti bahawa dia meninggalkan satu sujud dari selain rakaat akhir, (dan dia tidak sujud) kerana lupanya pada ketika qudwahnya. Keluar dengan ketika qudwahnya oleh keadaan kalau dia lupa sebelumnya atau selepas putusannya maka imamnya tidak menanggungnya. Maka kalau masuk memberi salam dengan salam imamnya dan dia ingat dia membina, jika pendek ceraiannya dan dia sujud.

(وَيَلْحَقُهُ) أَيِ الْمَأْمُومِ (سَهْوُ إِمَامِهِ)، كَمَا يَحْمِلُ الْإِمَامُ سَهْوَهُ، سِوَاءَ أَسَهَا قَبْلَ اقْتِدَائِهِ بِهِ أَمْ حَالَ اقْتِدَائِهِ. (فَإِنْ سَجَدَ) إِمَامُهُ (تَابِعَهُ). فَإِنْ تَرَكَ مُتَابِعَتَهُ عَمْدًا بَطَلَتْ صَلَاتُهُ. وَاسْتَنْتَى فِي الرَّوَضَةِ كَأَصْلِهَا مَا إِذَا تَبَيَّنَ لَهُ حَدَثُ الْإِمَامِ فَلَا يَلْحَقُهُ سَهْوُهُ وَلَا يَحْمِلُ الْإِمَامُ سَهْوَهُ، وَمَا إِذَا تَبَيَّنَ غَلَطَ الْإِمَامِ فِي ظَنِّهِ وَجُودَ مُفْتَضٍ لِلْسُّجُودِ فَلَا يَتَابِعُهُ فِيهِ. (ثُمَّ يُعِيدُهُ مَسْبُوقٌ آخِرَ صَلَاتِهِ) لِأَنَّهُ مَحَلُّ سُجُودِ السَّهْوِ. (وَإِلَّا) أَيِ وَإِنْ لَمْ يَسْجُدِ الْإِمَامُ وَسَلَّمَ (سَجَدَ الْمَأْمُومُ آخِرَ صَلَاتِهِ) جَبْرًا لِحُلُلِ صَلَاتِهِ بِسَهْوِ إِمَامِهِ.

652. (Menghubungi) makmum (lupa imamnya) sepertimana imamnya menanggung lupanya, sama sahaja samaada dia lupa sebelum qudwah dengan imamnya atau ketika qudwahnya. (Maka jika) imamnya (sujud dia mengikutnya). Maka jika dia tidak mengikutnya dengan sengaja batal

⁶⁸ Dengan katanya "selain niat dan takbir".

sembahyangnya. Nawawi mengecualikan didalam Raudhah seperti asalnya keadaan bila ternyata bagi makmum oleh hadath imam, maka tidak menghubunginya lupa imamnya itu dan imam itu tidak menanggung lupanya, dan keadaan bila dia yakinkan silap imam pada zannya bahawa ujud perkara yang menuntut sujud maka dia tidak mengikutnya pada sujudnya. (**Kemudian masbuq mengulangsujud pada akhir sembahyangnya**) kerana ia tempat sujud sahwi. (**Jika tidak,**) iaitu jika imam itu tidak sujud dan memberi salam (**makmum itu sujud pada akhir sembahyangnya**) kerana menampung cedera sembahyangnya dengan sebab lupa imamnya.

(وَسُجُودُ السَّهْوِ وَإِنْ كَثُرَ) السَّهْوُ (سَجْدَتَانِ) بِنِيَّةِ سُجُودِ السَّهْوِ (فَبَيِّنِ سَلَامَهُ) ، لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلَهُ وَأَمَرَ بِهِ إِذْ دَاكَّ، وَلِأَنَّهُ لِمُصَلِّحَةِ الصَّلَاةِ فَكَانَ قَبْلَ السَّلَامِ، كَمَا لَوْ نَسِيَ سَجْدَةً مِنْهَا. وَأَجَابُوا عَنْ سُجُودِهِ بَعْدَهُ فِي خَبَرِ ذِي الْيَدَيْنِ وَغَيْرِهِ بِحَمْلِهِ عَلَى أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ عَنْ قَصْدٍ مَعَ أَنَّهُ لَمْ يَرِدْ لِبَيَانِ حُكْمِ سُجُودِ السَّهْوِ، سِوَاءَ كَانَ السَّهْوُ بِزِيَادَةٍ أَوْ نَقْصٍ أَمْ بِهِمَا، (كَسُجُودِ الصَّلَاةِ) فِي وَاجِبَاتِهِ وَمَنْدُوبَاتِهِ.

653. (Sujud sahwi itu sekalipun banyak) lupa (**adalah dua kali sujud**) dengan niat sujud sahwi (**sejurus sebelum salamnya**), kerana anabi sawm melakukannya dan menyuruh dengannya pada ketika itu, dan kerana ia untuk maslahat sembahyang maka adalah ia sebelum salam, sepertimana kalau dia lupa satu sujud daripada sembahyangnya. Mereka menjawab dari sujud nabi sawm selepas salam pada khabar Zulyadain dan selainnya dengan menanggungkannya keatas bahawa salam itu bukan disengajakan serta bahawa ia tidak datang untuk menerangkan hukum sujud sahwi, sama sahaja lupa itu dengan menambah atau mengurangkan atau dengan keduanya, (**sama seperti sujud sembahyang**) pada wajib-wajibnya dan sunat-sunatnya.

(فَإِنْ سَلَّمَ عَمْدًا) مُطْلَقًا (أَوْ) سَهْوًا وَ(طَالَ فَصَلَّ) عُرْفًا (فَآتَ) السُّجُودَ، (وَإِلَّا سَجَدَ) . نَعَمْ، إِنْ سَلَّمَ مُصَلِّي الْجُمُعَةِ فَخَرَجَ وَقَنَّهَا أَوْ الْقَاصِرُ فَنَوَى الْإِقَامَةَ أَوْ انْتَهَى سَفَرُهُ بِوُصُولِ سَفِينَتِهِ أَوْ رَأَى الْمُتَيْمِّمَ الْمَاءِ أَوْ انْتَهَتْ مُدَّةُ مَسْحِ الْخُفِّ أَوْ نَحْوَ ذَلِكَ لَمْ يَسْجُدْ. (وَ) إِذَا سَجَدَ فِيمَا إِذَا سَلَّمَ سَاهِيًا وَلَمْ يُطَلِّ فَصَلَّ (صَارَ عَائِدًا إِلَى الصَّلَاةِ) . فَيَجِبُ أَنْ يُعِيدَ السَّلَامَ. وَإِذَا أَحْدَثَ بَطَلَتْ صَلَاتُهُ، وَإِذَا خَرَجَ وَقَتُّ الظَّهْرِ فِيهِ فَآتَتْ الْجُمُعَةَ. قَالَ الْبَغَوِيُّ : وَالسُّجُودُ فِي هَذِهِ حَرَامٌ عِنْدَ الْعُلَمَاءِ بِالْحَالِ لِأَنَّهُ يُفَوِّتُ الْجُمُعَةَ مَعَ امْتِنَانِهَا.

654. (Maka jika dia memberi salam dengan sengaja) semata-mata (**atau**) lupa dan (**panjang perceraian**) pada uruf (**luputlah**) sujud itu. (**Jika tidak, dia sujud**). Na'am, jika memberi salam orang yang sembahyang jumaat maka keluar waktunya atau orang yang sembahyang qasar maka dia niat bermukim atau tamat safarnya dengan sampai kapalnya atau orang yang bertayammum melihat air atau terhabis tempoh sapu khuf atau umpama demikian itu tidak boleh dia sujud. (**Dan**) bila dia sujud pada keadaan bila dia memberi salam dalam keadaan lupa dan tidak lama perceraian (**jadilah dia kembali kepada sembahyang**). Maka wajib dia mengulang salam, dan bila dia berhadath batal sembahyangnya, dan bila keluar waktu zohor pada ketika sujudnya luputlah jumaatnya. Kata Bughawi : sujud pada masaalah ini haram disisi tahu dengan keadaan ini kerana dia meluputkan jumaat serta dia boleh mendapatnya.

ثُمَّ بَيَّنَّتْ مَا يَتَعَدَّدُ فِيهِ السُّجُودُ صُورَةً لَا حُكْمًا فَقُلْتُ: (وَلَوْ سَهَا إِمَامٌ جُمُعَةَ وَسَجَدُوا فَبَانَ فَوُثَّهَا أَتَمَّوْهَا ظَهْرًا) لِمَا سَيَأْتِي فِي بَابِهَا (وَسَجَدُوا) ثَانِيًا آخِرَ الصَّلَاةِ لِتَبَيِّنِ أَنَّ السُّجُودَ الْأَوَّلَ لَيْسَ فِي آخِرِ الصَّلَاةِ.

655. Kemudian aku terangkan keadaan yang berbilang sujud padanya pada rupa tidak pada hukum, maka aku kata : (**walau imam jumaat lupa dan mereka sujud sahwi maka ternyata luput jumaat itu mereka menyempurnakannya sebagai zohor**) kerana apa yang akan datang pada babnya, (**dan mereka sujud**) kali kedua pada akhir sembahyang, kerana ternyata bahawa sujud pertama itu tidak berada pada akhir sembahyang.

(وَلَوْ ظَنَّ) الْمُصَلِّي (سَهْوًا فَسَجَدَ فَبَانَ عَدْمُهُ) أَي عَدَمَ مَا ظَنَّهُ (سَجَدًا) ثَانِيًا لِزِيَادَةِ السُّجُودِ الْأَوَّلِ. وَكَذَا لَوْ سَجَدَ فِي آخِرِ صَلَاةٍ مَقْصُورَةٍ فَلَزِمَهُ الْإِتْمَامُ. وَلَوْ سَجَدَ لِلْسَهْوِ ثُمَّ سَهَا قَبْلَ سَلَامِهِ بِكَلَامٍ أَوْ غَيْرِهِ لَا يَسْجُدُ ثَانِيًا عَلَى الْأَصَحِّ، لِأَنَّهُ لَا يَأْمَنُ وَقُوعَ مِثْلِهِ فَيَسْتَسَلِّسُ.

656. (Kalau) musalli (menyangka berlaku lupa maka dia sujud maka ternyata tidak ada) apa yang dia sangkakan (dia sujud) kali kedua kerana sujud yang pertama itu adalah lebih. Begitu juga kalau dia sujud pada akhir sembahyang qasar kemudian lazim dia menyempurnakan sembahyang itu. Kalau dia sujud sahwi kemudian dia lupa sebelum salamnya dengan bercakap atau selainnya dia tidak sujud kali kedua diatas yang paling sah, kerana tidak aman dari jatuh seumpamanya maka ia bertali-talian.

(بَابٌ) فِي سُجُودِي التَّلَاوَةِ وَالشُّكْرِ 35

(تُسَنُّ سَجَدَاتُ تِلَاوَةِ) بَفَتْحِ الْجِيمِ (لِقَارِي) وَلَوْ صَبِيًّا أَوْ امْرَأَةً أَوْ خَطِيبًا وَأَمَكَنَهُ السُّجُودُ عَنْ قُرْبٍ بِمَكَانِهِ أَوْ أَسْفَلَ الْمُنْبَرِ، (وَسَامِعٌ) قَصَدَ السَّمَاعَ أَمْ لَا، وَلَوْ كَانَ الْقَارِي كَافِرًا، (قِرَاءَةً) لَجَمِيعِ آيَةِ السَّجْدَةِ (مَشْرُوعَةً)، كَالْقِرَاءَةِ فِي الْقِيَامِ وَلَوْ قَبْلَ الْفَاتِحَةِ. بِخِلَافِ غَيْرِهَا كَقِرَاءَةِ مُصَلٍّ فِي غَيْرِ مَحَلِّهَا وَقِرَاءَةِ جُنْدٍ وَسَكَرَانَ.

657. BAB pada sujud tilawah dan syukur. (Sunat sujud tilawah bagi orang yang membaca) walaupun kanak-kanak atau khatib dan terbolehdia sujud dalam masa yang dekat pada tempatnya atau dibawah mimbar, (dan bagi orang yang mendengar), dia mengkasadkan dengar itu atau tidak, walaupun pembacanya kafir (akan bacaan) semua ayat sajdah (yang disyara'kan) seperti bacaan pada qiam walaupun sebelum Fatihah, bersalahan selainnya seperti bacaan orang sembahyang pada selain tempatnya dan bacaan orang berjunub dan mabuk.

وَالْأَصْلُ فِيهَا ذِكْرُ مَا رَوَاهُ الشَّيْخَانُ عَنْ ابْنِ عُمَرَ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَفْرَأُ الْقُرْآنَ فَيَقْرَأُ السُّورَةَ فِيهَا سَجْدَةٌ فَيَسْجُدُ وَنَسْجُدُ مَعَهُ حَتَّى مَا يَجِدُ بَعْضُنَا مَوْضِعًا لِمَكَانِ جَبْهَتِهِ }. وَفِي رِوَايَةٍ مُسَلِّمٍ " فِي غَيْرِ صَلَاةٍ " .

658. Asal pada apa yang disebutkan itu apa yang diriwayatkan oleh dua syeikh dari Ibnu Umar ((bahawa nabi sawm selalu membaca Quran maka dia membaca surah yang padanya sujud maka dia sujud, dan kami sujud bersamanya hingga sebahagian kami tidak mendapat tempat untuk meletakkan dahinya)). Pada satu riwayat bagi Muslim "pada selain bab sembahyang".

(وَتَتَأَكَّدُ) السَّجْدَةُ (لَهُ) أَي : لِلْسَامِعِ (بِسُجُودِ الْقَارِي) لَكَنَّ تَأَكَّدَهَا لِغَيْرِ الْقَائِدِ لَيْسَ كَتَأَكَّدَهَا لِلْقَائِدِ ، وَذَكَرُ تَأَكَّدَهَا لِغَيْرِ الْقَائِدِ مَعَ التَّقْيِيدِ بِمَشْرُوعِيَةِ الْقِرَاءَةِ مِنْ زِيَادَتِي ، وَإِذَا سَجَدَ السَّمَاعُ مَعَ الْقَارِي فَلَا يَرْتَبِطُ بِهِ ، وَلَا يَنْوِي الْإِفْتِدَاءَ بِهِ .

659. (Kuatlah tuntutan) sujud (bagi) orang yang mendengar (dengan sujud orang yang membaca), akan tetapi kuatnya bagi orang yang tidak mengkasad dengar tidak sama seperti kuatnya bagi orang yang mengkasadnya. Menyebutkan kuat tuntutanannya bagi orang yang tidak mengkasad dengar serta mengkaitkan dengan bacaan yang disyara'kan adalah daripada tambahan ku. Bila yang mendengar sujud bersama yang membaca maka dia tidak terikat dengannya dan tidak berniat mengikutnya.

(وَهِيَ) أَي سَجَدَاتُ التَّلَاوَةِ (أَرْبَعٌ عَشْرَةٌ) : سَجَدَاتُ الْحَجِّ، وَثَلَاثٌ فِي الْمَفْصَلِ فِي النَّجْمِ وَالْإِنْشِقَاقِ وَأَقْرَأُ، وَالْبَقِيَّةُ فِي الْأَعْرَافِ وَالرَّعْدِ وَالنَّحْلِ وَالْإِسْرَاءِ وَمَرِيَمَ وَالْفِرْقَانَ وَالنَّمْلَ وَالْمَ تَنْزِيلَ وَحَمَّ السَّجْدَةِ. وَمَحَالُّهَا مَعْرُوفَةٌ. وَاحْتَجَّ لِذَلِكَ بِخَبَرِ أَبِي دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ عَنْ عُمَرُو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : { أَقْرَأَنِي

رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسَ عَشْرَةَ سَجْدَةً فِي الْقُرْآنِ {، مِنْهَا ثَلَاثٌ فِي الْمُفْصَلِ وَفِي الْحَجِّ سَجْدَتَانِ. وَالسَّجْدَةُ الْبَاقِيَةُ مِنْهُ سَجْدَةٌ ص الْمَذْكُورَةُ بِقَوْلِي:

660. (Ianya) iaitu sujud-sujud tilawah (**empat belas**): dua sujud surah al Haj dan tiga pada mufassal pada an Najm dan al Insiyiqaq dan al Iqra', bakinya pada al A'raf dan ar Ra'd dan an Nahl dan al Isra' dan Maryam dan al Furqan dan an Naml dan Alif Lam Mim Tanzil dan Ha Mim Sajdah. Tempat-tempatnya dimaklumi. Dihujahkan untuk demikian itu dengan khabar Abu Daud dengan sanad-sanad yang baik dari 'Amr bin al 'Ash r.a katanya ((rasulullah sawm membilangkan bagi aku lima belas sujud didalam Quran. Daripadanya tiga pada mufassal, dan pada al Haj dua sujud. Daripada sujud yang tinggal lagi didalam hadith ini adalah sujud Shad yang disebutkan dengan kata aku

(لَيْسَ مِنْهَا سَجْدَةٌ ص، بَلْ هِيَ سَجْدَةٌ شُكْرٌ) لِحَبْرِ النَّسَائِيِّ { سَجْدَهَا دَاوُدُ تَوْبَةً وَنَسَجْدُهَا شُكْرًا } أَي عَلَى قَبُولِ تَوْبَتِهِ، كَمَا قَالَ الرَّافِعِيُّ. (تُسَنَّ) عِنْدَ تِلَاوَتِهَا (فِي غَيْرِ صَلَاةٍ)، وَلَا تَدْخُلُ فِيهَا كَمَا يُعْلَمُ مِمَّا يَأْتِي.

713. (Begitu juga apa yang ramai jamaahnya) daripada masjid atau selainnya terafdhal bagi musalli, sekalipun jauh, dari apa yang sedikit jamaahnya. Kata nabi sawm ((sembahyang seorang lelaki bersama seorang lelaki lain lebih baik dari sembahyangnya sendirian, dan sembahyangnya bersama dengan dua lelaki lebih baik dari sembahyangnya bersama seorang lelaki, dan apa yang ianya lebih ramai maka ia lebih kasih kepada Allah)). Meriwayatkannya Ibnu Hibban dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Na'am, jamaah pada masjid yang tiga itu terafdhal dari jamaah pada selainnya sekalipun ia sedikit, bahkan kata Mutawalli: bahawa sendirian padanya terafdhal dari jamaah pada selainnya.

(إِلَّا لِنَحْوِ بَدْعَةِ إِمَامِهِ) كَفَسَقَهُ وَاعْتَقَادَهُ عَدَمَ وَجُوبِ بَعْضِ الْوَاجِبَاتِ كَحَنْفِيٍّ، (أَوْ تَعَطَّلَ مَسْجِدٌ) قَرِيبٌ أَوْ بَعِيدٌ عَنِ الْجَمَاعَةِ فِيهِ (لِعَيْبَتِهِ) عَنَّهُ، لِكُونِهِ إِمَامَةً أَوْ يَحْضُرُ النَّاسُ بِحُضُورِهِ، فَقَلِيلُ الْجَمْعِ أَفْضَلُ مِنْ كَثِيرَةٍ فِي ذَلِكَ، لِيُؤْمَنَ النِّقْصُ فِي الْأَوْلَى وَتَكْتُرَ الْجَمَاعَةُ فِي الْمَسَاجِدِ فِي الثَّانِيَةِ، بَلْ الْإِنْفِرَادُ فِي الْأَوْلَى أَفْضَلُ كَمَا قَالَهُ الرُّوِيَائِيُّ.

714. (melainkan kerana umpama bid'ah imamnya) seperti fasiknya dan iktikadnya tidak wajib sebahagian perkara-perkara wajib seperti yang bermazhab Hanafi, (atau terabai masjid), yang dekat atau yang jauh, dari jamaah padanya (kerana ghaib dia) darinya kerana keadaan dia imamnya, atau hadhir orang ramai dengan sebab hadhirnya. Maka yang sedikit jamaah terafdhal dari yang banyak pada demikian itu, supaya diamankan kurang pahala pada yang pertama dan supaya ramai jamaah masjid pada yang kedua, bahkan sendirian pada yang pertama terafdhal sepertimana dikatakan Ruyani.

وَنَحْوُ مِنْ زِيَادَتِي. وَإِطْلَاقِي لِلْمَسْجِدِ أَوْلَى مِنْ تَفْيِيدِ الْأَصْلِ كَغَيْرِهِ لَهُ بِالْقَرِيبِ إِذْ الْبَعِيدُ مِثْلُهُ فِيمَا يَظْهَرُ كَمَا يَدُلُّ لَهُ تَغْلِيلُهُمُ السَّابِقُ. لَا يُقَالُ لَيْسَ مِثْلُهُ لِأَنَّ الْقَرِيبَ حَقَّ الْجَوَارِ وَلِكُونِهِ مَدْعُوًّا مِنْهُ، لِأَنَّا نَقُولُ مُعَارِضٌ بِأَنَّ الْبَعِيدَ مَدْعُوًّا مِنْهُ أَيْضًا، وَبِكَثْرَةِ الْأَجْرِ فِيهِ بِكَثْرَةِ الْخَطَا الدَّالِّ عَلَيْهَا الْأَخْبَارُ كَخَبَرِ مُسْلِمٍ { أَعْظَمَ النَّاسُ فِي الصَّلَاةِ أَجْرًا أَبْعَدُهُمْ إِلَيْهَا مَمْشَى }.

715. "Umpama" daripada tambahan ku. Mengitlak aku akan masjid terutama dari kait oleh asal seperti selainnya akan masjid itu dengan dekat, kerana yang jauh sama seumpamanya pada apa yang zahir sepertimana menunjuk kepadanya oleh ta'lim mereka yang lalu itu. Tidak dikatakan : ia tidak seumpamanya kerana yang dekat mempunyai hak jiran dan kerana keadaannya dipanggil darinya, kerana kita katakan : ianya dikritik dengan bahawa yang jauh dipanggil darinya juga⁷⁰ dan dengan banyak pahala padanya dengan banyak langkah yang ditunjukkan oleh khabar-khabar seperti khabar Muslim ((sebesar-besar manusia pada sembahyang nisbah pahala adalah yang paling jauh daripada mereka kepadanya nisbah berjalan)).

(وَتُذْرِكُ فَضِيلَةَ تَحْرِمٍ) مَعَ الْإِمَامِ (بِحُضُورِهِ لَهُ) أَيُّ بِحُضُورِ الْمَأْمُومِ التَّحْرِمِ. وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي. (وَاشْتِغَالِهِ بِهِ عَقَبَ تَحْرِمٍ إِمَامِهِ). بِخِلَافِ الْغَائِبِ عَنَّهُ. وَكَذَا الْمُتْرَاخِي عَنَّهُ إِنْ لَمْ تَعْرِضْ لَهُ وَسَوْسَةً خَفِيفَةً.

716. (Didapat fadhilat taharrum) bersama imam (dengan dia hadhir untuknya) iaitu dengan hadhir makmum pada taharrum itu. Ianya daripada tambahan ku. (dan dia sibuk dengannya mengiringi taharrum imamnya). Bersalahan orang yang tidak menghadirinya, begitu juga yang terkemudian darinya, jika tidak mendatang kepadanya waswas yang ringan.

⁷⁰ Kerana takdir bahawa dia mendengar darinya juga.

(وَ) تَدْرِكُ فَضِيلَةَ (جَمَاعَةٍ مَا لَمْ يُسَلِّمْ) أَيِ الْإِمَامِ التَّسْلِيمَةِ الْأُولَى وَإِنْ لَمْ يَفْعُدْ مَعَهُ، بِأَنْ سَلَّمَ عَقِبَ تَحْرِمِهِ، لِإِدْرَاكِهِ رُكْنًا مَعَهُ، لَكِنْ دُونَ فَضِيلَةٍ مِنْ أَدْرَاكِهَا مِنْ أَوْلِيَّهَا. وَمُقْتَضَى ذَلِكَ إِدْرَاكُ فَضِيلَتِهَا وَإِنْ فَارَقَهُ وَهُوَ كَذَلِكَ إِنْ فَارَقَهُ بِعُذْرٍ.

717. Didapat fadhilat (**jamaah selama imam belum beri salam**) pertama sekalipun dia tidak dapat duduk bersamanya, dengan bahawa imam salam mengiringi taharrumnya, kerana dia mendapat satu rukun bersamanya, akan tetapi kurang dari fadhilat orang yang mendapat jamaah dari awalnya. Kehendak demikian itu didapat fadhilatnya sekalipun dia mufaraqah dari imam, yang mana ia seperti demikian itu, jika dia mufaraqah darinya dengan sebab uzur.

(وَسُنَّ تَخْفِيفُ إِمَامٍ) لِلصَّلَاةِ بِأَنْ لَا يَفْتَصِرَ عَلَى الْأَقَلِّ وَلَا يَسْتَوْفِي الْأَكْمَلَ الْمُسْتَحَبَّ لِلْمُنْفَرِدِ. وَالتَّصْرِيحُ بِسُنِّ ذَلِكَ مِنْ زِيَادَتِي. (مَعَ فِعْلِ أَبْعَاضٍ وَهَيْئَاتٍ) أَيِ السُّنَنِ غَيْرِ الْأَبْعَاضِ. وَذَلِكَ لِخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ { إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ بِالنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ، فَإِنَّ فِيهِمُ الضَّعِيفَ وَالسَّقِيمَ وَذَا الْحَاجَةَ }.

718. (**Sunat imam meringankan**) sembahyang, dengan bahawa dia tidak menghadkan diatas sekurang-kurangnya dan tidak mencukupkan yang paling sempurnanya yang disunatkan bagi orang yang sendirian. Penjelasan dengan sunat demikian itu daripada tambahan ku. (**serta melakukan ab'ad dan haiah**) iaitu sunat-sunat selain ab'ad. Demikian itu kerana khabar dua syeikh ((bila seorang dari kamu sembahyang dengan orang ramai maka hendaklah dia meringankan, kerana dikalangan mereka itu ada orang yang lemah dan yang sakit dan yang punya hajat)).

(وَكُرْهٌ) لَهُ (تَطْوِيلٌ) وَإِنْ فَصَدَ لُحُوقَ غَيْرِهِ، لِتَضَرُّرِ الْمُفْتَدِينَ بِهِ، وَلِمُخَالَفَتِهِ الْخَبَرَ السَّابِقَ. (لَا إِنْ رَضُوا) بِتَطْوِيلِهِ حَالَةَ كَوْنِهِمْ (مَحْضُورِينَ)، فَلَا يُكْرَهُ التَّطْوِيلُ، بَلْ يُسَنُّ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ عَنْ جَمَاعَةٍ نَعَمْ، لَوْ كَانُوا أَرْقَاءَ أَوْ أَجْرَاءَ، أَيِ إِجَارَةَ عَيْنٍ عَلَى عَمَلٍ نَاجِزٍ، وَأَذِنَ لَهُمُ السَّادَةُ وَالْمُسْتَأْجِرُونَ فِي حُضُورِ الْجَمَاعَةِ لَمْ يُعْتَبَرِ رِضَاهُمْ بِالتَّطْوِيلِ بِغَيْرِ إِذْنٍ فِيهِ مِنْ أَرْبَابِ الْحُقُوقِ كَمَا نَبَّهَ عَلَيْهِ الْأَدْرَعِيُّ.

719. (**Makruh**) dia (**memanjangkan**) sekalipun dia bertujuan agar orang lain dapat menghubungi kerana kemudharatan orang yang mengikutnya, dan kerana dia menyalahi khabar yang lalu itu. (**tidak jika mereka itu redha**) dengan memanjangkan hal keadaan mereka itu (**terhad**)⁷¹ maka tidak makruh memanjangkan, bahkan sunat, sepertimana didalam Majmuk dari sekumpulan ulamak. Na'am, kalau para makmum itu hamba atau orang yang diupah, iaitu sebagai upahan 'ain diatas amalan yang lurus, dan penghulu serta tuan upah mereka mengizinkan mereka menghadhiri jamaah tidak diiktibarkan redha mereka dengan memanjangkan tanpa izin padanya dari tuan-tuan hak itu, sepertimana disedarkan oleh Azraie.

(وَلَوْ أَحَسَّ) الْإِمَامُ (فِي رُكُوعٍ) غَيْرِ ثَانٍ مِنْ صَلَاةِ الْكُسُوفِ (أَوْ) فِي (تَشَهُدٍ آخَرَ بِدَاخِلٍ) مَحَلَّ الصَّلَاةِ يَفْتَدِي بِهِ (سُنَّ أَنْتَظَرَهُ لِلَّهِ) تَعَالَى إِعَانَةً لَهُ عَلَى إِدْرَاكِ الرَّكْعَةِ فِي الْمَسْأَلَةِ الْأُولَى وَالْجَمَاعَةِ فِي الثَّانِيَةِ، (إِنْ لَمْ يُبَالِغْ) فِي أَنْتَظَرِهِ (وَلَمْ يُمَيِّزْ) بَيْنَ الدَّاخِلِينَ بِأَنْتَظَرِ بَعْضِهِمْ لِمَلَاذِمَةٍ أَوْ دِينٍ أَوْ صَدَاقَةٍ أَوْ نَحْوِهَا، دُونَ بَعْضٍ، بَلْ يُسَوِّي بَيْنَهُمْ فِي الْإِنْتِظَارِ لِلَّهِ تَعَالَى. وَاسْتَنْتَبِي مِنْ سُنِّ الْإِنْتِظَارِ مَا إِذَا كَانَ الدَّاخِلُ يَعْتَادُ الْبُطْءَ وَتَأْخِيرَ التَّحَرُّمِ إِلَى الرُّكُوعِ، وَمَا إِذَا خَشِيَ خُرُوجَ الْوَقْتِ بِالْإِنْتِظَارِ، وَمَا إِذَا كَانَ الدَّاخِلُ لَا يَعْتَقِدُ إِدْرَاكَ الرَّكْعَةِ أَوْ فَضِيلَةَ الْجَمَاعَةِ بِإِدْرَاكِ مَا ذَكَرَ.

720. (**Kalau**) imam (**berasa didalam rukuk**) yang selain rakaat kedua pada sembahyang gerhana (**atau**) pada (**tasyahhud akhir ada orang yang masuk**) ketempat sembahyang hendak mengikutnya (**sunat dia menunggunya kerana Allah**) taala, kerana membantunya diatas mendapatkan rakaat pada masaalah pertama dan mendapat jamaah pada yang kedua, (**jika dia tidak bersangatan**) pada menunggunya (**dan tidak membezakan**) diantara orang-orang yang

⁷¹ Iaitu tidak ada orang luar yang sembahyang sekali.

masuk dengan menunggu sebahagian mereka kerana hubungan rapat atau hutang atau sedekah atau umpamanya, tidak sebahagian yang lain, bahkan dia menyamakan diantara mereka pada tunggu itu kerana Allah taala. Dikecualikan dari sunat tunggu itu keadaan bila yang masuk itu biasa lambat dan melewati taharrum kepada rukuk, dan keadaan bila dia takut keluar waktu dengan menunggunya, dan keadaan apabila yang masuk itu tidak mengiktikadkan dapat rakaat atau fadhilat jamaah dengan mendapat apa yang disebutkan itu.

(وَإِلَّا) أَي وَإِنْ كَانَ الْإِنْتِظَارُ فِي غَيْرِ الرُّكُوعِ وَالتَّشَهُدِ الْآخِرِ أَوْ فِيهِمَا وَأَحْسَ بِخَارِجٍ عَنْ مَحَلِّ الصَّلَاةِ أَوْ لَمْ يَكُنْ ائْتِظَارُهُ لِلَّهِ كَالْتَّوَدُّدِ إِلَيْهِمْ وَاسْتِمَالَةِ قُلُوبِهِمْ أَوْ بَالِغٍ فِي الْإِنْتِظَارِ أَوْ مَيِّزٍ بَيْنَ الدَّاخِلِينَ (كَرِهَ)، بَلْ قَالَ الْفُورَانِيُّ : إِنَّهُ يَحْرُمُ إِنْ كَانَ لِلتَّوَدُّدِ، لِعَدَمِ فَائِدَةِ الْإِنْتِظَارِ فِي الْأُولَى وَتَقْصِيرِ الْمُتَأَخِّرِ وَضَرَرِ الْحَاضِرِينَ فِي الْبَاقِي.

721. (Jika tidak), iaitu jika tunggu itu pada selain rukuk dan tasyahhud atau pada keduanya dan dia merasakan ada orang yang diluar tempat sembahyang atau tunggunya itu bukan kerana Allah seperti kerana kasih sayang kepada mereka dan meminatkan hati mereka kepadanya atau dia bersangatan pada tunggu atau dia membezakan diantara orang-orang yang masuk (dimakruhkan ia), bahkan kata Faurani : haram ia jika ianya kerana kasih sayang, kerana tidak ada faedah bagi tunggu itu pada yang pertama dan kerana cuai orang yang lewat dan kerana kemudharatan orang-orang yang hadir pada bakinya.

وَقَوْلِي لِلَّهِ مَعَ التَّصْرِيحِ بِالْكَرَاهَةِ مِنْ زِيَادَتِي. وَبِهَا صَرَّحَ صَاحِبُ الرَّوْضِ أَخْذًا مِنْ قَوْلِ الرَّوْضَةِ " قُلْتُ : الْمَذْهَبُ أَنَّهُ يُسْتَحَبُّ ائْتِظَارُهُ فِي الرُّكُوعِ وَالتَّشَهُدِ الْآخِرِ بِالشَّرْطِ الْمَذْكُورَةِ ". وَيُكْرَهُ فِي غَيْرِهِمَا الْمَأْخُذُ مِنْ طَرِيقَةٍ ذَكَرَهَا فِيهَا قَبْلَ وَبَدَأَ بِهَا فِي الْمَجْمُوعِ وَهِيَ أَنَّ فِي الْإِنْتِظَارِ قَوْلَيْنِ أَصَحَّهُمَا عِنْدَ الْأَكْثَرِ أَنَّهُ يُسْتَحَبُّ. وَقِيلَ يُكْرَهُ. ⁷² لَمْ يَنْفِيهِ النَّافِيَةُ لِلْكَرَاهَةِ الْمُثَبَّتَةِ لِلْخِلَافِ فِي الْإِسْتِحْبَابِ وَعَدَمِهِ. فَلَا يُقَالُ : إِذَا فُتِدَتِ الشَّرْطُ كَانَ الْإِنْتِظَارُ مُبَاحًا كَمَا فَهَمَهُ بَعْضُهُمْ.

722. Kata ku "kerana Allah" serta penjelasan dengan karahah adalah daripada tambahan ku. Dengan karahannya pengarang Raudh menjelaskan kerana faham dari kata Raudhah "aku katakan : pendapat mazhab bahawa sunat imam menunggu pada rukuk dan tasyahhud akhir dengan syarat-syarat tersebut". Makruh ia pada selain keduanya yang difaham dari satu jalan yang Nawawi sebutkan didalam Raudhah sebelum katanya itu, dan dia mendulukannya didalam Majmuk, iaitu bahawa menunggu itu ada dua pendapat, paling sahih daripada keduanya disisi kebanyakan ulamak adalah bahawa ianya sunat, dan dikatakan : makruh. Tidak makruh dari jalan yang menafikan karahah yang disabitkan kerana khilaf pada sunat tunggu dan tidak sunatnya. Maka tidak boleh dikatakan : bila luput syarat-syarat itu adalah menunggu itu harus sepertimana difahami sebahagian mereka.

وَضَابِطُ الْمُبَالَغَةِ فِي ذَلِكَ كَمَا نَقَلَهُ الرَّافِعِيُّ عَنِ الْإِمَامِ وَأَقْرَهُ أَنْ يَطْوَلَ تَطْوِيلًا لَوْ وُزِعَ عَلَى جَمِيعِ الصَّلَاةِ لُظْهَرَ أَثَرُهُ فِيهِ.

723. Dhabit bersangatan pada demikian itu sepertimana dinakalkan Rafi'e dari al Imam dan dia mengakuinya bahawa dia memanjangkan dengan panjang yang kalau diagihkan keatas semua sembahyang nescaya tampak kesannya padanya.

(وَسُنَّ إِعَادَتُهَا) أَي الْمَكْتُوبَةِ مَرَّةً، وَلَوْ صَلَّيْتَ جَمَاعَةً. قَالَ الْإِسْنَوِيُّ : وَكَذَا غَيْرُهَا مِنْ نَفْلِ تَسَنُّ فِيهِ الْجَمَاعَةُ كَمَا يَدُلُّ لَهُ تَعْلِيلُ الرَّافِعِيِّ بِحُصُولِ الْفَضِيلَةِ (مَعَ غَيْرِ) وَلَوْ وَاحِدًا بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (فِي الْوَقْتِ). { قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ صَلَاتِهِ الصُّبْحِ لِرَجُلَيْنِ لَمْ يُصَلِّيَا مَعَهُ وَقَالَ : صَلَّيْنَا فِي رِحَالِنَا إِذَا صَلَّيْتُمَا فِي

⁷² Diatafkan keatas "من طريقة ذكرها".

رَحَالِكُمَا، ثُمَّ أَتَيْتُمَا مَسْجِدَ جَمَاعَةٍ فَصَلَّيَاهَا مَعَهُمْ فَإِنَّهَا لَكُمَا نَافِلَةٌ ۚ رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ. وَسَوَاءٌ فِيمَا إِذَا صَلَّيْتَ الْأُولَى جَمَاعَةً اسْتَوَتْ الْجَمَاعَتَانِ أَمْ زَادَتْ إِحْدَاهُمَا بِفَضِيلَةٍ كَكَوْنِ الْإِمَامِ أَوْرَعًا أَوْ الْجَمْعِ أَكْثَرَ أَوْ الْمَكَانِ أَشْرَفَ. وَقَوْلِي مَعَ غَيْرِ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ مَعَ جَمَاعَةٍ.

724. (Sunat mengulang) maktubah sekali walaupun ia disembahyangkan berjamaah. Kata Isnawi : begitu juga selainnya daripada sunat yang disunatkan jamaah, sepertimana menunjuk kepadanya ta' lil Rafi'e dengan terhasil fadhilat, (bersama orang lain) walaupun seorang, dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (didalam waktunya). Kata nabi sawm selepas sembahyang subuh kepada dua lelaki yang tidak sembahyang bersamanya dan berkata : kami telah sembahyang dirumah kami : apabila kamu berdua telah sembahyang pada rumah kamu kemudian kamu datang ketempat sembahyang jamaah maka hendaklah kamu sembahyangkannya bersama mereka maka sesungguhnya ia bagi kamu sembahyang sunat)). Meriwayatkannya Turmizi dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Sama sahaja pada keadaan apabila disembahyangkan yang pertama dalam keadaan berjamaah dan sama dua jamaah itu atau lebih satu daripada keduanya dengan fadhilat seperti keadaan imamnya lebih wara' atau jamaahnya lebih ramai atau tempatnya lebih mulia. Kata aku "bersama orang lain" lebih umum dari katanya bersama jamaah.

وَتَكُونُ إِعَادَتُهَا (بِنِيَّةِ فَرَضٍ)، وَإِنْ وَقَعَتْ نَفْلًا، لِأَنَّ الْمُرَادَ أَنَّهُ يَنْوِي إِعَادَةَ الصَّلَاةِ الْمَفْرُوضَةِ حَتَّى لَا تَكُونَ نَفْلًا مُبْتَدَأً، لَا إِعَادَتَهَا فَرَضًا، أَوْ أَنَّهُ يَنْوِي مَا هُوَ فَرَضٌ عَلَى الْمَكْلُوفِ لَا الْفَرَضَ عَلَيْهِ كَمَا فِي صَلَاةِ الصَّبِيِّ. هَذَا وَقَدْ اخْتَارَ الْإِمَامُ أَنَّهُ يَنْوِي الظُّهْرَ أَوْ الْعَصْرَ مَثَلًا وَلَا يَتَعَرَّضُ لِلْفَرَضِ وَرَجَّحَهُ فِي الرَّوْضَةِ. (وَالْفَرَضُ الْأُولَى) لِلْخَبَرِ السَّابِقِ وَسُقُوطِ الْخُطَابِ بِهَا فَإِنْ لَمْ يَسْقُطْ بِهَا فَفَرَضُهُ الثَّانِيَةُ إِذَا نَوَى بِهَا الْفَرَضَ.

725. Adalah ulangannya (dengan niat fardhu), sekalipun ia jatuh sebagai sunat, kerana yang dikehendaki bahawa dia niatkan ulang sembahyang fardhu hingga ianya tidak menjadi sembahyang sunat pada permulaan⁷³, bukan mengulangnya sebagai fardhu, atau bahawa dia niatkan sembahyang yang ianya fardhu diatas mukallaf bukan fardhu diatas dirinya sepertimana pada sembahyang kanak-kanak. Fahami ini. Sungguhnya al Imam memilih bahawa dia niatkan zohor atau 'asar sebagai contoh dan tidak menyentuh akan fardhu, dan Nawawi mentarjihkannya didalam Raudhah. (Yang fardhu yang pertama) kerana khabar yang lalu itu dan kerana gugur khitab dengannya. Maka jika tidak gugur ia dengannya maka fardhunya yang kedua apabila dia niatkan fardhu dengannya.

(وَرُخِّصَ تَرْكِهَا) أَيِ الْجَمَاعَةِ (بَعْدَ) عَامٍ أَوْ خَاصٍّ. فَلَا رُخْصَةَ بِدُونِهِ لِحَبْرِ ابْنِ حَبَّانَ وَالْحَاكِمِ فِي صَحِيحَيْهِمَا ۚ مَنْ سَمِعَ النَّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ فَلَا صَلَاةَ لَهُ أَيِ كَامِلَةً إِلَّا مِنْ عُدْرٍ ۚ. وَالْعُدْرُ (كَمَشَقَّةِ مَطَرٍ) بَلِيلٌ أَوْ نَهَارٌ لِلاتِّبَاعِ، رَوَاهُ الشَّيْخَانُ، وَلِبَلِّهِ التُّوبَ (وَشِدَّةَ رِيحِ بَلِيلٍ) لِعِظَمِ مَشَقَّتِهَا فِيهِ دُونَ النَّهَارِ. قَالَ فِي الْمُهَمَّاتِ : وَالْمُتَجِّةُ الْحَاقُّ الصُّبْحَ بِاللَّيْلِ فِي ذَلِكَ. (وَ) شِدَّةٌ (وَحَلٌ) بِفَتْحِ الْحَاءِ عَلَى الْمَشْهُورِ بَلِيلٌ أَوْ نَهَارٌ لِلتَّلْوِيثِ بِالْمَشْيِ فِيهِ. (وَ) شِدَّةٌ (حَرٌّ وَ) شِدَّةٌ (بَرْدٌ) بَلِيلٌ أَوْ نَهَارٌ لِمَشَقَّةِ الْحَرِّكَةِ فِيهِمَا.

726. (Dirukhsakhkan i.e beri kelonggaran pada meninggalkannya) iaitu jamaah (dengan uzur) yang umum atau yang khusus. Maka tidak ada rukhsakh tanpanya kerana khabar Ibnu Hibban dan Hakim pada sahih mereka ((siapa mendengar seruan maka dia tidak mendatangnya maka tidak ada sembahyang baginya, iaitu yang sempurna, melainkan kerana uzur)). Uzur itu (seperti hujan) pada malam atau siang, kerana ittiba' yang diriwayatkan dua syeikh, dan kerana ia membasahkan pakaian. (dan angina kencang pada malam hari) kerana besar kepayahan padanya, tidak pada siang hari. Kata Isnawi didalam al Muhimmat : yang ada jalan menghubungkan subuh dengan malam pada demikian itu. (dan selut) yang tebal pada waktu

⁷³ Iaitu tidak terdahulu sifat fardhu padanya.

malam atau siang kerana tercemar dengan berjalan padanya. (**dan panas**) terik (**dan sejuk**) melampau pada malam atau siang kerana masyarakat bergerak pada keduanya.

(وَ) شِدَّةُ (جُوعٍ وَ) شِدَّةِ (عَطَشٍ) بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (وَبِحَضْرَةِ طَعَامٍ يَتَوَقَّؤُا إِلَيْهِ) ، مَأْكُولٍ أَوْ مَشْرُوبٍ ، لِأَنَّهُمَا حِينَئِذٍ يَذْهَبَانِ الْخُشُوعَ ، وَلِخَبَرِ الصَّحِيحِينَ { إِذَا حَضَرَ الْعِشَاءُ وَأَقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَأَبْدَعُوا بِالْعِشَاءِ } ، وَلِخَبَرِ مُسْلِمٍ { لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ طَعَامٍ } . وَشِدَّةُ الْجُوعِ أَوْ الْعَطَشِ تُغْنِي عَنِ التَّوَقُّانِ ، كَعَكْسِهِ الْمَذْكُورِ فِي الْمُهَذَّبِ وَشَرْحِهِ وَغَيْرِهِمَا لِتَلَازِمِهِمَا ، إِذْ مَعْنَى التَّوَقُّانِ الْإِشْتِيَاقُ الْمَسَاوِي لِشِدَّةِ مَا ذُكِرَ ، لَا الشُّوقُ . وَقَوْلُ ابْنِ الرَّفْعَةِ تَبِعًا لِابْنِ يُونُسَ " لَا يُشْتَرَطُ حُضُورُ الطَّعَامِ نَظْرًا لِمَعْنَى الْمَذْكُورِ " غَرِيبٌ مُخَالَفٌ لِلْأَخْبَارِ الصَّحِيحَةِ وَلِنُصُوصِ الشَّافِعِيِّ وَأَصْحَابِهِ . نَعَمْ ، مَا قَرَّبَ حُضُورَهُ فِي مَعْنَى الْحَاضِرِ . وَاعْلَمْهُ مُرَادُ مَنْ ذُكِرَ . فَيَبْدَأُ بِالْأَكْلِ وَالشُّرْبِ ، فَيَأْكُلُ لِقَمًا يَكْسِرُ بِهَا حِدَّةَ الْجُوعِ ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ الطَّعَامُ مِمَّا يُؤْتَى عَلَيْهِ مَرَّةً وَاحِدَةً كَالسَّوِيقِ وَاللَّبَنِ .

727. (**dan**) sangat (**lapar dan**) sangat (**dahaga**) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**bersama dengan hadir makanan yang dia rindukan sangat kepadanya**), dimakan atau diminum, kerana keduanya ketika itu menghilangkan khusyuk, dan kerana khabar dua yang sahih ((bila hadir makan malam kamu dan diqamatkan sembahyang maka mulakanlah dengan makan malam)), dan kerana khabar Muslim ((tidak ada sembahyang pada kehadiran makanan)). Sangat lapar atau dahaga mengkayakan dari ingin sangat, seperti sebaliknya yang disebutkan didalam Muhazzab dan syarahnya dan selain keduanya kerana keduanya berlaziman, kerana makna rindu itu sangat teringin yang menyamai dengan kuat apa yang disebutkan itu, bukan semata-mata ingin. Kata Ibnu Rif'ah kerana mengikut Ibnu Yunus "tidak disyaratkan hadir makanan kerana memandang kepada makna tersebut" adalah pelik lagi menyalahi khabar-khabar yang sahih dan nas-nas Syafi'e dan para sahabatnya. Na'am, apa yang dekat hadirnya adalah pada makna hadir. Barangkali ia apa yang dikehendaki oleh mereka yang tersebut itu. Maka dia mula dengan makan dan minum, maka dia makan beberapa suap yang pecah dengannya pedih laparnya, melainkan bahawa makanan itu daripada apa yang dimakan sekali lalu seperti sagon dan susu.

(وَمَشَقَّةٌ مَرَضٍ) لِلتَّبَاعِ رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ بِأَنَّ يَشُقُّ الْخُرُوجَ مَعَهُ كَمَشَقَّةِ الْمَطَرِ وَتَقْيِيدُ الْمَطَرِ ، وَالْمَرَضِ بِالْمَشَقَّةِ مِنْ زِيَادَتِي .

728. (**dan kesulitan kerana sakit**) kerana ittiba' yang diriwayatkan Bukhari dengan bahawa payah keluar besertanya seperti payah kerana hujan. Mengkaitkan hujan dan sakit dengan kesulitan adalah daripada tambahan ku.

(وَمُدَافَعَةٌ حَدَثٍ) مِنْ بَوْلٍ أَوْ غَائِطٍ أَوْ رِيحٍ ، فَيَبْدَأُ بِتَفْرِيعِ نَفْسِهِ مِنْ ذَلِكَ لِكِرَاهَةِ الصَّلَاةِ حِينَئِذٍ كَمَا مَرَّ آخِرَ شُرُوطِ الصَّلَاةِ . فَإِذَا لَمْ تُطَلَّبْ مَعَهُ الصَّلَاةُ فَالْجَمَاعَةُ أَوْلَى .

729. (**dan menolak-nolak hadath**) daripada kencing dan berak atau angin, maka dia mula dengan melapangkan dirinya dari demikian itu kerana makruh sembahyang ketika itu sepertimana telah lalu pada akhir syarat-syarat sembahyang. Maka bila tidak dituntut sembahyang bersama apa yang disebut itu maka jamaah terutama³⁸.

(وَخَوْفٌ عَلَى مَعْصُومٍ) مِنْ نَفْسٍ أَوْ عَرَضٍ أَوْ حَقٍّ لَهُ أَوْ لِمَنْ يَلْزِمُهُ الدَّبُّ عَنْهُ بِخِلَافِ خَوْفٍ مِمَّنْ يُطَالَبُ بِحَقٍّ هُوَ ظَالِمٌ فِي مَنْعِهِ بَلْ عَلَيْهِ الْحُضُورُ وَتَوْفِيَةُ الْحَقِّ وَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَخَوْفٌ ظَالِمٍ عَلَى نَفْسٍ أَوْ مَالٍ .

730. (**dan bimbangkan mudharat diatas suatu yang maksum** i.e wajib dipelihara) daripada diri atau kehormatan atau hak baginya atau bagi orang yang lazim dia mempertahankannya, bersalahan takut dari orang yang menuntut dengan hak yang dia zalim dengan menegahnya,

bahkan kena dia hadhir dan menyempurnakan hak itu. Ibarat aku dengan demikian itu terutama dari kata asal "dan takut orang zalim diatas diri atau harta".

(وَ) خَوْفٍ (مِنْ) مُلَازِمَةٌ أَوْ حَبْسٍ (غَرِيمٌ لَهُ وَبِهِ) أَيُّ بِالْخَائِفِ (إِعْسَارٌ يَعْسُرُ) عَلَيْهِ (ائْتَابُهُ)، بِخِلَافِ الْمُوسِرِ بِمَا يَفِي بِمَا عَلَيْهِ وَالْمُعْسِرِ الْقَادِرِ عَلَى الْاِثْبَاتِ بَبَيِّنَةٍ أَوْ حَلْفٍ. وَالْغَرِيمُ يُطْلَقُ لُغَةً عَلَى الْمَدِينِ وَالذَّائِنِ وَهُوَ الْمُرَادُ هُنَا. وَقَوْلِي يَعْسُرُ ائْتَابُهُ مِنْ زِيَادَتِي، وَصَرَّحَ بِهِ فِي الْبَسِيطِ.

731. (dan) takut (dari) didesak atau ditahan (oleh gharimnya i.e tuan hutangnya walhal dia) iaitu orang yang takut itu (papa dan susah) dia (mensabitkannya), bersalahan yang kaya dengan apa yang boleh dia bayar apa yang sabit diatasnya dan orang yang papa yang dapat mensabitkan dengan terangan atau sumpah. Gharim itu dituturkan pada lughah keatas orang yang berhutang dan tuan hutang yang mana ia yang dikehendaki disini. Kata aku "payah mensabitkannya" daripada tambahan ku. Al Ghazali menjelaskannya didalam al Basit.

(وَ) خَوْفٍ مِنْ (عُقُوبَةٍ) كَقَوْدٍ وَحَدِّ قَدْفٍ وَتَعْزِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى أَوْ لِأَدَمِيٍّ (يَرْجُو) الْخَائِفُ (الْعَفْوُ) عَنْهَا (بِغَيْبَتِهِ) مُدَّةَ رَجَائِهِ الْعَفْوُ، بِخِلَافِ مَا لَا يَقْبَلُ الْعَفْوُ كَحَدِّ سَرْقَةٍ وَشُرْبِ وَزْنًا إِذَا بَلَغَتْ الْإِمَامُ أَوْ كَانَ لَا يَرْجُو الْعَفْوُ. وَاسْتَشْكَلَ الْإِمَامُ جَوَازَ الْعَيْبَةِ لِمَنْ عَلَيْهِ قَوْدٌ، فَإِنَّ مُوجِبَهُ كَبِيرَةٌ وَالتَّخْفِيفُ يُنَافِيهِ. وَأَجَابَ بِرَأْنِ الْعَفْوِ مَنْدُوبٍ إِلَيْهِ وَالْعَيْبَةُ طَرِيقَةٌ. قَالَ الْأَدْرَعِيُّ : وَالْإِشْكَالُ أَقْوَى.

732. (dan) takut dari (siksaan) seperti bunuh balas dan had tuduh dan ta'zir bagi Allah taala atau bagi anak adam (yang diharapkan kemaafan darinya) oleh orang yang takut itu (dengan sebab ghaibnya), pada tempoh harapannya pada mendapat kemaafan itu, bersalahan apa yang tidak menerima kemaafan seperti had curi dan minum dan zina apabila sampai kepada imam atau adalah dia tidak berharap akan mendapat kemaafan. al Imam menimbulkan musykil pada harus ghaib bagi orang yang ada bunuh balas diatasnya kerana perkara yang mewajibkannya sangat besar dan keringanan menafikannya. Dia menjawab dengan bahawa kemaafan itu disunatkan dan ghaib adalah satu jalannya. Kata Azrai'e : kemusykilan itu kuat.

(وَ) خَوْفٍ مَنْ (تَخَلَّفَ عَنْ رُفْقَةٍ) تَرَحَّلَ لِمَشَقَّةِ التَّخَلُّفِ عَنْهُمْ.

733. (dan) takut (ketinggalan dari rakan-rakan) yang berangkat, kerana kesulitan ketinggalan dari mereka.

(وَفَقْدَ لِبَاسٍ لَانِقٍ) بِهِ، وَإِنْ وَجَدَ سَاتِرَ الْعَوْرَةِ، لِأَنَّ عَلَيْهِ مَشَقَّةً فِي خُرُوجِهِ كَذَلِكَ. أَمَّا إِذَا وَجَدَ لِانِقًا بِهِ وَلَوْ سَاتِرًا لِلْعَوْرَةِ فَقَطُّ فَلَيْسَ بِعُذْرٍ. وَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَعَرِي، لِإِيْهَامِهِ أَنَّهُ لَا يُعْذَرُ مَنْ وَجَدَ سَاتِرَ الْعَوْرَةِ مُطْلَقًا مَعَ أَنَّهُ يُعْذَرُ إِذَا لَمْ يَعْتَدِ ذَلِكَ.

734. (dan luput pakaian yang layak) dengannya, sekalipun dia mendapat yang menutup aurat, kerana menjadi kesulitan diatasnya pada keluar seperti demikian itu. Adapun apabila dia mendapat yang layak dengannya walaupun yang menutup aurat sahaja maka ia bukannya uzur. Ibarat aku dengan demikian itu terutama dari kata asal "dan telanjang" kerana ia mewahamkan bahawa tidak diuzurkan orang yang mendapat penutup aurat semata-mata serta bahawa dia diuzurkan bila dia tidak biasa dengan demikian itu.

(وَأَكْلُ ذِي رِيحٍ كَرِيهِ) بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (تَعَسَّرُ إِزَالَتُهُ) كَبَصَلٍ وَثُومِ نِيءٍ، لِحَبْرِ الصَّحِيحَيْنِ { مِنْ أَكَلِ بَصَلًا أَوْ ثُومًا أَوْ كُرَاتًا فَلَا يَفْرَبَنَّ مَسْجِدَنَا }. وَفِي رِوَايَةٍ { الْمَسَاجِدُ، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَتَأَدَّى مِمَّا يَتَأَدَّى مِنْهُ بَنُو آدَمَ }. زَادَ الْبُخَارِيُّ : قَالَ جَابِرٌ : مَا أَرَاهُ يَعْنِي إِلَّا نَيْبَةً. بِخِلَافِ مَا إِذَا لَمْ تَعَسَّرْ، وَبِخِلَافِ الْمَطْبُوحِ لِزَوَالِ رِيحِهِ.

735. (dan makan apa yang punya bau busuk) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (yang payah menghilangkannya) seperti bawang merah dan bawang putih mentah, kerana

khobar dua yang sah ((siapa makan bawang merah atau bawang putih atau daun kucai maka janganlah dia mendekati masjid kita)). Pada satu riwayat ((masjid-masjid, maka sesungguhnya para malaikat terganggu dengan apa yang anak adam terganggu dengannya)). Bukhari menambah, kata Jabir : aku tidak sangkakan nabi menghendaki melainkan yang mentah. Bersalahan apa yang tidak susah hilangnya, dan besalahan yang dimasak kerana hilang baunya.

(وَخَضُورٍ مَرِيضٍ) وَلَوْ غَيْرَ نَدْوٍ قَرِيبٍ (بِإِلَّا مُتَعَهِّدٍ لَهُ) لِتَضَرَّرَهُ بِغَيْبَتِهِ عِنْدَهُ (أَوْ) بِمُتَعَهِّدٍ (وَكَانَ) الْمَرِيضُ (نَدْوٍ قَرِيبٍ) كَزَوْجٍ وَرَقِيقٍ وَصَهْرٍ وَصَدِيقٍ (مُحْتَضِرًا) أَي حَضَرَهُ الْمَوْتُ، لِتَأَلَّمَ نَدْوٍ قَرِيبِهِ بِغَيْبَتِهِ عِنْدَهُ (أَوْ) لَمْ يَكُنْ مُحْتَضِرًا لَكِنْ (يَأْتِسُ بِهِ) أَي بِالْحَاضِرِ لِمَا مَرَّ فِي الْأُولَى، بِخِلَافِ مَرِيضٍ لَهُ مُتَعَهِّدٌ وَلَمْ يَكُنْ نَدْوٍ قَرِيبٍ أَوْ كَانَ وَلَمْ يَكُنْ مُحْتَضِرًا أَوْ لَا يَأْتِسُ بِالْحَاضِرِ. وَلَوْ كَانَ الْمُتَعَهِّدُ مَشْغُولًا بِشِرَاءِ الْأَدْوِيَةِ مَثَلًا عَنِ الْخُدْمَةِ فَكَمَا لَوْ لَمْ يَكُنْ لَهُ مُتَعَهِّدٌ. وَقَدْ ذَكَرْتُ فِي شَرْحِ الرُّوضِ زِيَادَةَ عَلَى الْأَعْدَارِ الْمَذْكُورَةِ مَعَ فَوَائِدٍ. وَنَحْوِ مِنْ زِيَادَتِي. وَكَذَا التَّقْيِيدُ بِقَرِيبٍ فِي الْإِيْنَسِ.

736. (dan hadir pada orang sakit) walaupun selain umpama kerabat (**tanpa ada orang yang mengurusinya**) kerana kemudharatan dia dengan ghaibnya dari dia (**atau**) ada orang yang mengurusinya (**dan adalah**) orang sakit itu (**umpama kerabatnya**) seperti isteri dan hamba dan menantu dan kawan rapat (**hal keadaan dia dihadhiri kematian**) kerana pedihhati umpama kerabatnya itu dengan ghaibnya dari dia, (**atau**) dia tidak dihadhiri kematian tetapi (**dia berasa jinak hati dengannya**) iaitu dengan orang yang hadir itu kerana apa yang telah lalu pada yang pertama tadi. Bersalahan orang sakit yang ada orang yang mengurusinya dan dia bukan umpama kerabatnya atau kerabatnya dan dia tidak dihadhiri kematian atau tidak jinak hati dengan orang yang hadir itu. Kalau orang yang mengurusinya sibuk membeli ubat sebagai contoh maka meninggalkan khidmatnya maka sepertimana kalau dia tidak punya orang yang mengurusinya. Sungguh telah aku sebutkan didalam syarah Raudh tambahan diatas uzur-uzur yang tersebut serta beberapa faedah. "Umpama daripada" tambahan ku. Begitu juga kait dengan kerabat pada rasa jinak hati.

فَصْلٌ : فِي صِفَاتِ الْأَيْمَةِ³⁹. (لَا يَصِحُّ اقْتِدَاؤُهُ مِنْ يَعْتَقِدُ بِطُلَانِ صَلَاتِهِ كَشَافِعِيٍّ) اقْتَدَى (بِحَنْفِيٍّ مَسَّ فَرْجَهُ) فَإِنَّهُ لَا يَصِحُّ (لِأَنَّ اقْتِصَادَ) فَإِنَّهُ يَصِحُّ اِعْتِبَارًا بِاِعْتِقَادِ الْمُقْتَدِي أَنْ الْمَسَّ يَنْقُضُ دُونَ الْفَصْدِ فَمَدَارُ عَدَمِ صِحَّةِ الْاِقْتِدَاءِ بِالْمُخَالَفِ عَلَى تَرْكِهِ وَاجِبًا فِي اِعْتِقَادِ الْمُقْتَدِي.

737. **FASAL** pada sifat-sifat imam. (Tidak sah iqtida' i.e ikutan seorang akan orang yang dia iktikadkan batal sembahyangnya seperti yang bermazhab Syafi'e) mengikut (yang bermazhab Hanafi yang menyentuh farajnya), maka ianya tidak sah. (Tidak batal jika dia berpetik) maka ianya sah kerana mengiktibarkan iktikad orang yang mengikut bahawa sentuhan itu membatalkan, tidak petik. Maka putaran tidak sah ikut orang yang menyalahi adalah diatas meninggalkannya akan yang wajib pada iktikad orang yang mengikut.

(وَكَمْجْتَهْدَيْنِ اِخْتَلَفَا فِي اِنَاءَيْنِ) مِنْ الْمَاءِ طَاهِرٍ وَنَجَسٍ وَتَوَضَّأَ كُلُّ مَنْ اِنَاءَهُ فَلَيْسَ لِوَاحِدٍ مِنْهُمَا أَنْ يَقْتَدِيَ بِالْآخَرِ لِاِعْتِقَادِهِ بِطُلَانِ صَلَاتِهِ. (فَإِنْ تَعَدَّدَ الطَّاهِرُ) مِنْ اِنْيَةٍ مَعَ تَعَدُّدِ الْمُجْتَهِدِ وَظَنَّ كُلُّ مَنْهُمُ طَهَارَةَ اِنَاءِهِ فَقَطَّ كَمَا فِي الْمَثَالِ الْآتِي (صَحَّ) اِقْتِدَاءُ بَعْضِهِمْ بِبَعْضٍ (مَا لَمْ يَتَّعَيْنِ اِنَاءُ اِمَامٍ لِنَجَاسَةٍ)، فَلَا يَصِحُّ اِقْتِدَاءُ بِصَاحِبِهِ.

738. (dan seperti seperti dua mujtahid yang berlainan pendapat pada dua bejana) daripada air suci dan air najis dan tiap seorang bewudhuk dari bejananya, maka tidak boleh seorang dari mereka mengikut yang seorang lagi kerana iktikadnya akan batal sembahyang yang seorang lagi itu. (**Maka jika berbilang yang suci**) daripada bejana serta berbilang mujtahid dan tiap seorang dari mereka menyangkakan suci bejananya sahaja sepertimana pada contoh akan

datang (sah) iqtida' sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain, (selama tidak tertentu bejana imam bagi najis), maka tidak sah iqtida' dengan tuannya.

(فَلَوْ اشْتَبَهَ خَمْسَةً) مِنْ أَنْبِيَاءٍ (فِيهَا نَجَسٌ عَلَى خَمْسَةِ) مِنْ أَنْبِيَاءٍ وَاجْتَهَدُوا (فَظَنَّ كُلُّ طَهَارَةٍ إِنَاءٍ) مِنْهَا (فَتَوَضَّأَ بِهِ وَأَمَّ) بِالْبَاقِينَ (فِي صَلَاةٍ) مِنْ الْخَمْسِ (أَعَادَ مَا أَنْتَمُ فِيهِ آخِرًا) فَلَوْ ابْتَدَعُوا بِالصُّبْحِ أَعَادُوا الْعِشَاءَ إِلَّا إِمَامَهَا فَيُعِيدُ الْمَغْرِبَ لِتَعَيَّنِ إِنَاءِي إِمَامَيْهِمَا لِلنَّجَاسَةِ فِي حَقِّ الْمُؤْتَمِّينَ فِيهِمَا

739. (Maka kalau kesamaran lima) bejana (yang didalamnya ada najis keatas lima) orang dan mereka berijtihad (maka tiap seorang menyangkakann suci satu bejana) daripadanya (maka dia berwudhuk dengannya dan menjadi imam) bagi orang yang tinggal lagi (pada satu sembahyang) daripada lima sembahyang (dia mengulang sembahyang akhir yang dia mengikut imam padanya). Maka kalau mereka mula dengan subuh mereka mengulang isyak melainkan imam isyak maka dia mengulang maghrib kerana tertentu dua bejana bagi dua imam maghrib dan isyak itu untuk najis pada hak orang yang ikut imam pada keduanya.

(وَلَا) يَصِحُّ افْتِدَاؤُهُ (بِمُقْتَدٍ) وَلَوْ شَكَّ لِأَنَّهُ تَابِعٌ لِغَيْرِهِ يُلْحَقُهُ سَهْوُهُ، وَمِنْ شَأْنِ الْإِمَامِ الْإِسْتِقْلَالَ وَحَمْلَ سَهْوِ غَيْرِهِ فَلَا يَجْتَمَعَانِ. (وَلَا يَمُنُّ تَلْزُمُهُ إِعَادَةٌ) كَمُتَمِّمٍ لِبُرْدِ لِعَدَمِ الْإِعْتِدَادِ بِصَلَاتِهِ. (وَصَحَّ) الْإِفْتِدَاءُ (بِغَيْرِهِ كَمُسْتَحَاضَةٍ غَيْرِ مُتَحَيَّرَةٍ) وَمُتَمِّمٍ لَا تَلْزُمُهُ إِعَادَةٌ وَمَاسِحِ خُفٍّ وَمُضْطَجِعٍ وَمُسْتَلْقٍ وَلَوْ مُؤْمِيًا وَصَبِيًّا وَلَوْ عَبْدًا وَسَلَسٍ وَمُسْتَجْمِرٍ. أَمَّا الْمُتَحَيَّرَةُ فَلَا يَصِحُّ افْتِدَاءُ غَيْرِهَا بِهَا وَلَوْ مُتَحَيَّرَةً بِنَاءً عَلَى وَجُوبِ الْإِعَادَةِ عَلَيْهَا. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَعَمُّ مِمَّا ذَكَرَهُ.

740. (Tidak) sah ikutan makmum (akan orang yang mengikut) walaupun diatas jalan syak, kerana dia mengikut orang lain yang menghubungi dia oleh lupanya, walhal daripada keadaan imam itu adalah tersendiri dan menanggung lupa orang lain, maka keduanya tidak berhimpun. (dan tidak sah ikut akan orang yang lazim mengulang sembahyang) seperti orang yang bertayammum kerana sejuk kerana tidak dikira sembahyangnya. (Sah) ikut (orang yang tidak lazim mengulang seperti mustahadhah yang tidak mutahayyirah) dan orang yang bertayammum yang tidak lazim mengulang sembahyang dan orang yang menyapu khuf dan yang baring mengereng dan yang telentang walaupun dia mengisyarat dan kanak-kanak walaupun hamba dan bertalian hadath dan orang yang istinja dengan batu. Adapun mutahayyirah maka tidak sah orang lain mengikutnya walaupun orang itu juga mutahayyirah kerana bina diatas wajib ulang diatasnya. Ibarat aku dengan apa yang disebut itu lebih umum dari apa yang dia sebutkan.

(وَلَا) يَصِحُّ (افْتِدَاءُ غَيْرِ أَنْثَى) مِنْ ذَكَرٍ وَخُنْثَى (بِغَيْرِ ذَكَرٍ) مِنْ أَنْثَى وَخُنْثَى، وَإِنْ جُهِلَ حَالُهُمَا، لِيَخْبَرَ ابْنِ مَاجَةَ { لَا تَوْمَنُ امْرَأَةٌ رَجُلًا } . وَقَيْسٌ بِهَا الْخُنْثَى اخْتِيَاطًا. وَالْخُنْثَى الْمُقْتَدِي بِأَنْثَى يَجُوزُ كَوْنُهُ ذَكَرًا، وَبِخُنْثَى يَجُوزُ كَوْنُهُ ذَكَرًا وَالْإِمَامُ أَنْثَى. فَعَلِمَ مِمَّا صَرَّحَ بِهِ الْأَصْلُ أَنَّهُ لَوْ افْتَدَى بِخُنْثَى فَبَانَ ذَكَرًا لَمْ تَسْقُطِ الْإِعَادَةُ. وَمِثْلُهَا لَوْ بَانَ خُنْثَى لِعَدَمِ صِحَّةِ افْتِدَائِهِ بِهِ ظَاهِرًا لِلتَّرَدُّدِ فِي حَالِهِ، وَأَدْبَهُ لَوْ بَانَ إِمَامُهُ أَنْثَى وَجَبَتْ الْإِعَادَةُ. وَمِثْلُهَا مَا لَوْ بَانَ خُنْثَى. وَيَصِحُّ افْتِدَاءُ الْأَنْثَى بِأَنْثَى وَبِخُنْثَى كَمَا يَصِحُّ افْتِدَاءُ الذَّكَرِ وَغَيْرِهِ بِذَكَرٍ.

741. (Tidak) sah (ikut selain perempuan) daripada lelaki dan khunsa (akan selain lelaki) daripada perempuan dan khunsa, sekalipun dijahilkan hal kedua mereka, kerana khabar Ibnu Majah ((janganlah perempuan menjadi imam pada lelaki)). Dikiaskan dengannya akan khunsa kerana cermat. Khunsa yang mengikut perempuan harus keadaannya lelaki dan yang mengikut khunsa harus keadaannya lelaki dan imamnya perempuan. Maka diketahui dari apa yang dijelaskan oleh asal bahawa kalau seorang mengikut khunsa maka ternyata dia lelaki tidak gugur ulang. Seumpama masalah ini kalau ternyata imam itu khunsa, kerana tidak sah ikutan makmum itu dengannya pada zahir kerana berbelah bagi pada keadaannya, dan bahawa kalau ternyata imamnya perempuan wajib ulang. Seumpama masalah ini keadaan kalau nyata imamnya

khunsa⁷⁴. Sah ikut perempuan dengan perempuan dan dengan khunsa sepertimana sah ikut lelaki dan selainnya dengan lelaki.

(وَلَا) اِفْتِدَاءً (قَارِي بِأُمِّي)، اَمَكَدَهُ التَّعَلُّمُ اَوْ لَا، عَدِمَ الْقَارِي حَالَهُ اَوْ لَا، لِأَنَّ الْإِمَامَ بَصَدَدِ تَحْمَلِ الْقِرَاءَةِ عَنِ الْمَسْبُوقِ وَإِذَا لَمْ يُحْسِنَهَا لَمْ يَصُحَّ لِلتَّحْمَلِ. فَعِلْمٌ مِمَّا صَرَّحَ بِهِ الْأَصْلُ أَنَّهُ لَوْ بَانَ إِمَامُهُ أُمِّيًّا وَجَبَتْ الْإِعَادَةُ.

742. (dan tidak) ikutan (qari dengan ummi) yang terbolelah belajar atau tidak, qari itu mengetahui halnya atau tidak, kerana imam dengan berdepan dengan tugas menanggung bacaan dari masbuq dan bila dia tidak pandai membaca tidak sesuai dia untuk menanggungnya. Maka diketahui dengan apa yang asal jelaskan bahawa kalau ternyata imamnya ummi wajib ulang.

وَالْأُمِّيُّ مَنْ (يُخِلُّ بِحَرْفٍ) كَتَّخْفِيفٍ مُشَدَّدٍ (مِنْ الْفَاتِحَةِ) بِأَنَّ لَا يُحْسِنُهُ، (كَارَتَ) بِمُتَنَاءَةٍ وَهُوَ مَنْ (يُدْعَمُ) بِإِبْدَالِ (فِي غَيْرِ مَحَلِّهِ) أَيِ الْإِدْغَامِ، بِخِلَافِهِ بِإِبْدَالِ كَتَّشْدِيدِ اللَّامِ أَوْ الْكَافِ مِنْ مَالِكٍ، (وَالْتَّغِ) بِمُتَنَاءَةٍ وَهُوَ مَنْ (يُبَدِّلُ حَرْفًا) بِأَنَّ يَأْتِي بِغَيْرِهِ بَدْلَهُ كَأَنَّ يَأْتِي بِالْمُتَنَاءَةِ بِدَلِّ السَّيْنِ فَيَقُولُ الْمُتَتَّقِيمُ.

743. Ummi itu orang yang (mencederakan huruf) seperti meringankan yang bertasydid (dari fatihah) dengan bahawa dia tidak pandai menyebutnya, (seperti yang aratt) iaitu (orang yang mengidghamkan) serta menggantikan huruf (pada selain tempat) idgham, bersalahan idgham tanpa menggantikan huruf seperti mentasydidkan lam atau kaf pada "مالك", (dan yang althagh) iaitu orang (yang menggantikan huruf) dengan bahawa dia mendatangkan selainnya sebagai gantinya seperti bahawa dia mendatangkan tha' ganti dari sin maka dia kata "متتقيم".

(فَإِنْ اَمَكَدَهُ) أَيِ الْأُمِّيِّ (تَعَلَّمَ) وَلَمْ يَتَعَلَّمْ (لَمْ تَصَحَّ صَلَاتُهُ) كَمَا ذَكَرَهُ الْأَصْلُ فِي اللَّاحِنِ الصَّادِقِ بِالْأُمِّيِّ. (وَالْأَصْحَحُ كَافْتِدَائِهِ بِمِثْلِهِ) فِيمَا يُخِلُّ بِهِ كَارَتَ بِأَرْتِ وَالْتَّغِ بِالْتَّغِ فِي حَرْفٍ لَا فِي حَرْفَيْنِ، وَلَا أَرْتِ بِالْتَّغِ وَعَكْسِهِ، لِأَنَّ كُلًّا مِنْهُمَا فِي ذَلِكَ يُحْسِنُ مَا لَا يُحْسِنُهُ الْآخَرُ. وَكَذَا مَنْ يُحْسِنُ سَبْعَ آيَاتٍ مِنْ غَيْرِ الْفَاتِحَةِ بِمَنْ لَا يُحْسِنُ إِلَّا الذِّكْرَ. وَلَوْ كَانَتْ لُتَّغْنُهُ يَسِيرَةً بِأَنَّ يَأْتِي بِالْحَرْفِ غَيْرِ صَافٍ لَمْ يُؤْتَرُ.

744. (Maka jika terbolelah) ummi itu (belajar) dan dia tidak belajar (tidak sah sembahyangnya) sepertimana disebutkan asal pada orang yang silap bacaan yang terbenar dengan orang yang ummi. (Jika tidak, sah mengikutnya pada orang yang sama dengannya) pada apa yang dia cederakan, seperti orang yang aratt dengan yang aratt dan orang yang althagh dengan yang althagh pada satu huruf, tidak pada dua huruf, dan tidak yang aratt dengan yang althagh dan sebaliknya, kerana tiap seorang daripada keduanya pada demikian itu pandai apa yang tidak pandai padanya oleh yang seorang lagi. Begitu juga orang yang pandai tujuh ayat dari selain fatihah dengan orang yang tidak pandai melainkan zikir. Kalau sifat althaghnya i.e telornya sedikit dengan bahawa dia mendatangkan huruf dalam keadaan tidak bersih tidak memberi kesan.

(وَلَوْ بَانَ إِمَامُهُ) بَعْدَ الْاِفْتِدَاءِ بِهِ (كَافِرًا وَلَوْ مُخْفِيًّا) كُفْرُهُ كَزَنْدِيقِ (وَجَبَتْ الْإِعَادَةُ)، لِتَقْصِيرِهِ بِتَرْكِ الْبَحْثِ فِي ذَلِكَ وَلِنُقْصِ الْإِمَامِ. نَعَمْ، لَوْ لَمْ يَبَيِّنْ كُفْرَهُ إِلَّا بِقَوْلِهِ وَقَدْ أَسْلَمَ قَبْلَ الْاِفْتِدَاءِ بِهِ فَقَالَ بَعْدَ الْفِرَاقِ: لَمْ أَكُنْ أَسْلَمْتُ حَقِيقَةً، أَوْ أَسْلَمْتُ ثُمَّ ارْتَدَدْتُ، لَمْ تَجِبْ الْإِعَادَةُ لِأَنَّهُ كَافِرٌ بِذَلِكَ فَلَا يُقْبَلُ حَبْرُهُ.

745. (Kalau ternyata imamnya) selepas dia mengikutnya (seorang kafir walaupun yang tersulit) kufurnya seperti zindiq (wajib ulang) kerana cuainya dengan meninggalkan selidik pada demikian itu dan kerana kurang imamnya. Na'am, kalau tidak jelas kufurnya melainkan dengan katanya walhal dia Islam sebelum diikut sembahyang dibelakangnya maka katanya selepas selesai : aku tidak Islam pada hakikatnya, atau aku telah Islam kemudian murtad, tidak wajib ulang kerana dia kafir dengan kata-kata itu, maka tidak diterima khabarnya.

⁷⁴ Nyata imamnya khunsa dan dizankan dia lelaki.

(لَا) إِنْ بَانَ (دَا حَدَثٌ) وَلَوْ حَدَثًا أَكْبَرَ (وَ) دَا (نَجَاسَةٌ خَفِيَّةٌ) فِي تَوْبِهِ أَوْ بَدَنِهِ، فَلَا تَجِبُ الْإِعَادَةُ عَلَى الْمُقْتَدِي لِإِنْتِفَاءِ التَّقْصِيرِ مِنْهُ فِي ذَلِكَ. بِخِلَافِ النَّجَاسَةِ الظَّاهِرَةِ وَهِيَ مَا تَكُونُ بِحَيْثُ لَوْ تَأَمَّلَهَا الْمُقْتَدِي رَأَاهَا. وَالْخَفِيَّةُ بِخِلَافِهَا. وَحَمَلَ فِي الْمَجْمُوعِ إِطْلَاقَ مَنْ أَطْلَقَ وَجُوبَ الْإِعَادَةُ فِي النَّجَاسَةِ عَلَى الظَّاهِرَةِ، لَكِنَّهُ صَحَّحَ فِي التَّحْقِيقِ عَدَمَ وَجُوبِ الْإِعَادَةِ مُطْلَقًا. وَمَحَلُّ عَدَمِ وَجُوبِهَا فِيمَا ذَكَرَ فِي غَيْرِ الْجُمُعَةِ. وَكَذَا فِيهَا إِنْ زَادَ الْإِمَامُ عَلَى أَرْبَعِينَ. نَعَمْ، إِنْ عَلِمَ الْمَأْمُومُ الْحَدَثَ أَوْ النَّجْسَ ثُمَّ نَسِيَهُ وَلَمْ يَحْتَمِلِ التَّطَهَّرَ وَجِبَتْ الْإِعَادَةُ وَتَعْبِيرِي بِالْمُحَدَّثِ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالْجُنُبِ

746. (Tidak) jika ternyata (**dia orang yang punya hadath**) walaupun hadath besar (**dan**) yang punya (**najis yang tersulit**) pada kainnya atau tubuhnya, maka tidak wajib ulang diatas orang yang mengikut kerana ternafi cuai darinya pada demikian itu. Bersalahan najis yang zahir iaitu apa yang kalau orang yang mengikut mengamatinya nescaya dia melihatnya. Najis yang tersulit menyalahinya. Dia menanggungkan didalam majmuk itlak orang yang mengitlak wajib ulang pada najis keatas yang zahir, akan tetapi dia mengesahkan didalam Tahkik tidak wajib ulang semata-mata. Tempat tidak wajib ulang itu adalah pada selain jumaat. Begitu juga padanya jika imam lebih diatas empat puluh. Na'am, jika makmum tahukan hadath imam atau najisnya kemudian dia lupakannya dan tidak menanggungkan bahawa dia telah bersuci wajib ulang. Ibarat aku dengan "yang berhadath" lebih umum dari ibaratnya dengan "junub".

(وَعَدْلٌ أَوْلَى مِنْ فَاسِقٍ)، بَلْ يُكْرَهُ الْإِنْتِمَاءُ بِهِ، وَإِنْ اخْتَصَّ بِصِفَاتٍ مُرَجَّحَةٍ لِأَنَّهُ يُخَافُ مِنْهُ أَنْ لَا يَحَافِظَ عَلَى الْوَاجِبَاتِ. وَيُكْرَهُ أَيْضًا الْإِنْتِمَاءُ بِمُبْتَدِعٍ لَا نُكْفَرُهُ وَإِمَامَةً مَنْ يُكْرَهُهُ أَكْثَرُهُمْ شَرًّا لَا الْإِنْتِمَاءُ بِهِ.

747. (Orang yang adil terutama dari yang fasik), bahkan makruh berimam dengannya, sekalipun dia khusus dengan sifat-sifat yang memberatkan, kerana ditakuti dia tidak memelihara perkara-perkara wajib. Makruh juga berimamkan ahli bid'ah yang kita tidak kufurkannya, dan makruh imamah orang yang dibenci oleh yang lebih ramai daripada mereka pada syara', tidak berimam dengannya.

(وَقَدَّمَ وَالْإِمَامَ رَاتِبًا) مِنْ زِيَادَتِي. وَصَرَخَ بِهِ فِي الرُّوضَةِ وَأَصْلُهَا. نَعَمْ، إِنْ وَلَاهُ الْإِمَامَ الْأَعْظَمَ فَهُوَ مُقَدَّمٌ عَلَى الْوَالِي كَمَا قَالَ الْأَدْرَعِيُّ وَغَيْرُهُ.

748. (Didulukan penguasa pada tempat kuasanya), yang paling atas maka yang paling atas, kerana khabar yang akan datang dan kerana mendulukan selain dia beserta kehadirannya tidak layak dengan pemberian taat kepadanya. (Maka imam ratib) daripada tambahan ku. Dia menjelaskan dengannya didalam Raudhah dan asalnya. Na'am, jika imam agong melantiknya maka dia didulukan keatas penguasa itu sepertimana dikatakan Azrai'e dan selainnya.

(وَ) قَدَّمَ (سَاكِنٌ) فِي مَكَانٍ (بِحَقِّ)، وَلَوْ بِإِعَارَةِ أَوْ إِذْنٍ مِنْ سَيِّدِ الْعَبْدِ لَهُ عَلَى غَيْرِهِ، لِلْخَبَرِ الْآتِي. فَيَقْدَمُ مُكْتَرٍ عَلَى مُكْرٍ لِمَلِكِهِ الْمَنْفَعَةِ. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَوْلَى مِمَّا عَبَّرَ بِهِ. (لَا عَلَى مُعِيرٍ) لِلْسَّاكِنِ، بَلْ يَقْدَمُ الْمُعِيرُ عَلَيْهِ لِمَلِكِهِ الرَّقْبَةِ وَالْمَنْفَعَةِ. (وَ) لَا عَلَى (سَيِّدٍ) إِذْنٌ لَهُ فِي السُّكْنَى، بَلْ يَقْدَمُ سَيِّدُهُ عَلَيْهِ (غَيْرٌ) سَيِّدٍ (مُكَاتِبٌ لَهُ) فَمُكَاتِبُهُ مُقَدَّمٌ عَلَيْهِ فِيمَا لَمْ يَسْتَعِرْهُ مِنْ سَيِّدِهِ لِأَنَّهُ مَعَهُ كَالْأَجْنَبِيِّ.

749. Didulukan orang yang mendiami satu tempat (**dengan hak**) walaupun dengan pinjaman atau izin dari penghulu hamba kepadanya diatas orang lain, kerana kabar yang akan datang. Maka didulukan peminjam kerana dia memiliki manfaat. Ibarat aku dengan apa yang disebutkan terutama daripada apa yang dia ibaratkan dengannya. (**tidak keatas pemberi pinjam**) kepada orang yang mendiami itu, bahkan didulukan pemberi pinjam diatasnya kerana dia memiliki zat dan manfaat. (**dan**) tidak diatas (**penghulu**) yang mengizinkan dia pada diam padanya, bahkan didulukan penghulunya keatasnya. (**selain**) penghulu (**yang mengkitabahkannya**) maka

mukatabnya didulukan diatasnya pada apa yang pinjam dari penghulunya kerana dia bersamanya seperti orang asing.

(فَأَفْقَهُ) لِأَنَّ افْتِقَارَ الصَّلَاةِ لِلْفَقْهِ لَا يَنْحَصِرُ، بِخِلَافِ الْقُرْآنِ. (فَأَقْرَأُ) أَي أَكْثَرَ قُرْآنًا لِأَنَّهَا أَشَدُّ افْتِقَارًا إِلَى الْقُرْآنِ مِنَ الْوَرَعِ. (فَأَوْرَعُ) أَي أَكْثَرَ وَرَعًا، وَهُوَ زِيَادَةُ عَلَى الْعَدَالَةِ بِالْعِفَّةِ وَحُسْنِ السَّيْرَةِ. (فَأَقْدَمُ هِجْرَةَ) إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ إِلَى دَارِ الْإِسْلَامِ لِلْخَيْرِ الْآتِي. وَبِهِ عِلْمٌ أَنَّ مَنْ هَاجَرَ مُقَدِّمٌ عَلَى مَنْ لَمْ يَهَاجِرْ. وَهَذَا مَعَ تَقْدِيمِ الْأَقْرَأِ عَلَى الْأَوْرَعِ وَالْأَوْرَعِ عَلَى مَنْ بَعْدَهُ مِنْ زِيَادَتِي. وَهُوَ مَا فِي التَّحْقِيقِ وَغَيْرِهِ. (فَأَسَنَّ) فِي الْإِسْلَامِ لَا بِكِبَرِ السِّنِّ. (فَأَنْسَبُ)، وَهُوَ مَنْ يَنْسَبُ إِلَى قُرَيْشٍ أَوْ ذِي هِجْرَةَ أَوْ أَقْدَمَهَا أَوْ غَيْرَهُمْ مِمَّنْ يُعْتَبَرُ فِي الْكِفَاءَةِ كَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ، لِأَنَّ فَضِيلَةَ الْأَوَّلِ فِي ذَاتِهِ وَالثَّانِي فِي أَبَائِهِ وَفَضِيلَةَ الذَّاتِ أَوْلَى.

750. (Maka yang lebih fekah), kerana hajat sembahyang kepada fekah tidak terhad, bersalahan Quran, (maka yang lebih qari) iaitu lebih banyak Quran kerana ia lebih berhajat kepada Quran daripada wara', (maka yang lebih wara') iaitu lebih banyak sifat warak, ia adalah lebih diatas adil dengan baik nafsu dan elok sirah⁷⁵, (maka yang lebih dulu hijrah) kepada nabi sawm atau ke negeri islam kerana khabar yang akan datang. Dengannya diketahui bahawa orang yang berhijrah didulukan keatas orang yang tidak berhijrah. Ini serta mendulukan yang lebih qari diatas yang lebih warak dan yang lebih warak diatas orang yang selepasnya adalah daripada tambahan ku. Ianya apa yang ada didalam Tahkik dan selainnya. (maka yang labih tua) pada Islam , bukan dengan tuan umur. (maka lebih baik titihan), ianya orang yang menitih kepada Quraisy atau yang berhijrah atau yang lebih dulu hijrah atau selain mereka daripada orang yang diiktibarkan pada kupu, seperti ulamak dan orang soleh, kerana fadhilat yang pertama itu pada zatnya dan yang kedua ini pada datuk neneknya yang mana fadhilat zat itu terutama.

وَرَوَى الشَّيْخَانِ { لِيَوْمِكُمْ أَكْبَرُكُمْ } . وَرَوَى مُسْلِمٌ خَبَرَ { يَوْمُ الْقَوْمِ أَقْرَأُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى . فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ . فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةَ . فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ سِنًا } . وَفِي رِوَايَةٍ { سَلِمًا ، وَلَا يَوْمَنَّ الرَّجُلُ الرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ } ، وَفِي رِوَايَةٍ { فِي بَيْتِهِ وَلَا سُلْطَانِهِ ، وَلَا يَقْعُدُ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ } .

751. Dua syeikh meriwayatkan ((hendaklah mengimamkan kamu orang yang paling tua dariapda kamu)). Muslim meriwayatkan khabar ((mengimamkan orang ramai oleh yang paling banyak membaca kitab Allah taala daripada mereka, maka jika mereka itu sama pada banyak membaca maka yang paling 'alim daripada mereka dengan sunnah, maka jika mereka pada sunah sama maka yang paling dulu berhijrah daripada mereka, maka jika mereka sama pada hijrah maka yang paling kedepan daripada mereka nisbah umur)), pada satu riwayat (nisbah Islam. Janganlah seorang lelaki menjadi imam seorang lelaki pada kekuasaannya)), pada satu riwayat ((pada rumahnya dan pada kekuasaannya, dan janganlah dia duduk didalam rumahnya diatas tempat istimewanya melainkan dengan izinnya)).

وَوَظَاهِرُهُ تَقْدِيمُ الْأَقْرَأِ عَلَى الْأَفْقَهُ كَمَا هُوَ وَجْهٌ. وَأَجَابَ عَنْهُ الشَّافِعِيُّ بِأَنَّ الصَّدْرَ الْأَوَّلَ كَانُوا يَتَفَقَّهُونَ مَعَ الْقِرَاءَةِ فَلَا يُوجَدُ قَارِئٌ إِلَّا وَهُوَ فَقِيهٌ. وَلِلنَّوَوِيِّ فِيهِ إِشْكَالٌ ذَكَرْتَهُ مَعَ جَوَابِهِ فِي شَرْحِ الرَّوْضِ. وَاعْلَمْ أَنَّهُ لَوْ كَانَ الْأَفْقَهُ وَالْأَقْرَأُ صَبِيًّا أَوْ مُسَافِرًا أَوْ فَاسِقًا أَوْ وَلَدًا زِنَا فَضَدَّهُ أَوْلَى كَمَا أَشْرَفْتُ إِلَى بَعْضِهِ فِيمَا مَرَّ. وَبِمَا تَقَرَّرَ عِلْمٌ أَنَّ الْمُنْتَسِبَ إِلَى مَنْ هَاجَرَ مُقَدِّمٌ عَلَى الْمُنْتَسِبِ إِلَى قُرَيْشٍ مَثَلًا.

752. Zahir khabar ini adalah didulukan yang paling qari sepertimana ianya wajah. Syafi'e menjawab darinya dengan bahawa pada zaman awal adalah mereka mendalami fekah beserta dengan membaca, maka tidak didapati orang yang banyak membaca melainkan dia sangat fakhir.

⁷⁵ Sebutan baik dikalangan orang ramai.

Nawawi mempunyai kemusykilan pada ta'lib ini yang aku sebutkan didalam Syarah Raudh bersama jawabnya. Ketahuilah bahawa kalau yang lebih fekah dan yang lebih qari itu kanak-kanak atau musafir atau fasik atau anak zina maka lawannya terutama sepertimana aku isyaratkan kepada sebahagiannya pada apa yang telah lalu. Dengan apa yang telah tetap diketahui bahawa yang menitih kepada orang yang berhijrah didulukan diatas yang menitih kepada Quraisy sebagai contoh.

(فَأَنْظَفُ ثَوْبًا وَبَدَنًا وَصَنْعَةً) عَنْ الْأَوْسَاخِ لِإِفْضَاءِ النَّظَافَةِ إِلَى اسْتِمَالَةِ الْقُلُوبِ وَكَثْرَةِ الْجَمْعِ . (فَأَحْسَنُ صَوْتًا) لِمَيْلِ الْقُلُوبِ إِلَى الْإِفْتِدَاءِ بِهِ وَاسْتِمَاعِ كَلَامِهِ . (فِ) أَحْسَنُ (صَوْرَةً) لِمَيْلِ الْقَلْبِ إِلَى الْإِقْتِدَاءِ بِهِ . كَذَا رَتَّبَ فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا عَنِ الْمُتَوَلَّى . وَجَزَمَ بِهِ فِي الشَّرْحِ الصَّغِيرِ .

753. (Maka yang lebih bersih pakaian dan tubuh dan pekerjaan) dari cemar-cemar kerana bersih membawa kepada minat hati dan banyak jamaah. (maka yang lebih merdu suara) kerana minat hati kepada mengikutnya dan mendengar kata-katanya. (maka) yang lebih kakak (rupa) kerana minat hati kepada mengikutnya. Beginilah dia menyusun didalam Raudhah seperti asalnya dari Mutawalli dan dia jazamkan dengannya didalam Syarah Saghir.

وَالْأَصْلُ عَطَفَ بِالْوَاوِ فَقَالَ : فَإِنْ اسْتَوَى فَنظَافَةُ الثَّوْبِ وَالْبَدَنِ وَحُسْنُ الصَّوْتِ وَطِيبُ الصَّنْعَةِ وَنَحْوَهَا أَيْ كَحُسْنِ وَجْهِ وَسَمْتِ . وَالَّذِي فِي التَّحْقِيقِ فَإِنْ اسْتَوَى قَدَّمَ بِحُسْنِ الذِّكْرِ ثُمَّ بِنِظَافَةِ الثَّوْبِ وَالْبَدَنِ وَطِيبِ الصَّنْعَةِ وَحُسْنِ الصَّوْتِ ، ثُمَّ الْوَجْهِ . وَفِي الْمَجْمُوعِ الْمُخْتَارِ تَقْدِيمَ أَحْسَنِهِمْ ذِكْرًا ثُمَّ صَوْتًا ثُمَّ هَيْئَةً . فَإِنْ تَسَاوَى وَتَشَاخَا أْفَرَعَ بَيْنَهُمَا .

754. Asal mengatafkan dengan wau maka katanya : maka jika keduanya sama maka bersih kain dan tubuh dan lunak suara dan elok pekerjaan dan umpamanya, iaitu seperti elok rupa paras dan tabiat. Yang sabit didalam Tahkik : maka jika keduanya sama didulukan dia dengan elok sebutan kemudian dengan bersih pakaian dan tubuh dan baik pekerjaan dan elok suara, kemudian muka. Didalam Majmuk yang dipilih adalah mendulukan yang lebih elok daripada mereka nisbah sebutan kemudian suara kemudian kelakuan. Maka jika keduanya sama dan berebut diundi diantara mereka.

(وَأَعْمَى كَبَصِيرٍ) لِنْتَعَارِضِ فَضِيلَتَيْهِمَا لِأَنَّ الْأَعْمَى أَخْشَعُ وَالْبَصِيرَ أَحْفَظُ عَنِ النَّجَاسَةِ .

755. (Orang buta sama seperti orang celik) kerana berlawanan fadhilat kedua mereka kerana orang buta lebih khusyuk dan orang celik lebih memelihara najis.

(فَصَلِّ) فِي قَطْعِ الْقُدْوَةِ وَمَا تَنْقَطِعُ بِهِ وَمَا يَتَّبِعُهُمَا.⁴³ (تَنْقَطِعُ قُدْوَةٌ بِخُرُوجِ إِمَامِهِ مِنْ صَلَاتِهِ) بِحَدِيثٍ أَوْ غَيْرِهِ لِرُؤَالِ الرَّابِطَةِ. (وَلَهُ) أَيِ الْمَأْمُومِ (قَطْعُهَا) بِنِيَّةِ الْمَفَارِقَةِ، وَإِنْ كَانَتْ الْجَمَاعَةُ فَرَضَ كِفَايَةً، لِأَنَّهُ لَا يُلْزَمُ بِالشَّرُوعِ إِلَّا فِي الْجِهَادِ، وَصَلَاةِ الْجِنَازَةِ وَالْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ، وَلِأَنَّ الْفِرْقَةَ الْأُولَى فَارَقَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ذَاتِ الرَّقَاعِ كَمَا سَيَأْتِي.

802. FASAL pada memutuskan qudwah dan apa yang terputus ia dengannya dan apa yang mengikut keduanya. (Terputus qudwah i.e ikutan imam dengan keluar imamnya dari sembahyangny) dengan hadath atau selainnya kerana hilang penambatnya. (Boleh) makmum (memutuskannya) dengan niat mufaraqah, sekalipun jamaah itu fardhu kifayah, kerana tidak lazim dengan masuk melainkan pada jihad dan sembahyang jenazah dan haji dan umrah, dan kerana kumpulan yang pertama mufaraqah dari nabi sawm pada Zaturriqa' sepertimana akan datang.

(وَكُرْهٌ) مِنْ زِيَادَتِي، أَيِ قَطْعِهَا لِمَفَارِقَتِهِ الْجَمَاعَةَ الْمَطْلُوبَةَ وَجُوبًا أَوْ نَدْبًا مُؤَكَّدًا (إِلَّا لِعُذْرٍ)، سِوَاءِ أَرُخِّصَ فِي تَرْكِ الْجَمَاعَةِ أَوْ لَا (كَمَرَضٍ وَتَطْوِيلِ إِمَامٍ) الْقِرَاءَةَ لِمَنْ لَا يَصْبِرُ لِضَعْفٍ أَوْ شَعْلٍ، (وَتَرْكِهِ سَنَةً مَقْصُودَةً) كَتَشَهُدِ أَوَّلِ وَقُتُوتِ فَيَفَارِقُهُ لِيَأْتِي بِهَا.

803. (Makruh) memutuskan qudwah kerana dia berpisah dari jamaah yang dituntut diatas jalan wajib atau sunat muakkad, (melainkan kerana uzur), samaada dia dirukhaskhkan pada meninggalkan jamaah atau tidak, (seperti sakit dan memanjang imam) akan bacaan bagi orang yang tidak sabar kerana lemah atau sibuk (dan kerana dia meninggalkan sunat yang dimaksudkan) seperti tasyahhud awal dan qunut, maka dia mufaraqah darinya untuk mendatangkannya.

(وَلَوْ نَوَاهَا) أَيِ الْقُدْوَةِ (مُنْفَرِدٌ فِي أَتْنَاءِ صَلَاتِهِ جَازٌ) كَمَا يَجُوزُ أَنْ يَقْتَدِيَ جَمْعٌ بِمُنْفَرِدٍ فَيَصِيرُ إِمَامًا (وَتَبِعَهُ) فِيمَا هُوَ فِيهِ، وَإِنْ كَانَ عَلَى خِلَافِ نَظْمِ صَلَاتِهِ رِعَايَةً لِحَقِّ الْإِقْتِدَاءِ. (فَإِنْ فَرَعَ إِمَامُهُ أَوَّلًا فَ) هُوَ (كَمَسْبُوقٍ) فَيَتِمُّ صَلَاتُهُ، (أَوْ) فَرَعَ (هُوَ) أَوَّلًا (فَإِنْتِظَارُهُ أَفْضَلُ) مِنْ مَفَارِقَتِهِ لَيْسَلَمْ، وَإِنْ جَازَتْ بِلَا كَرَاهَةٍ عَلَى قِيَاسِ مَا مَرَّ فِي الْإِقْتِدَاءِ فِي الصُّبْحِ بِنَحْوِ الظُّهْرِ. وَذَكَرَ الْأَفْضَلِيَّةِ مِنْ زِيَادَتِي.

804. (Kalau meniatkan) qudwah (oleh orang yang sendirian ditengah sembahyangnya harus ia) sepertimana harus bahawa kumpulan ramai mengikut orang yang sendirian, maka jadilah dia imam. (dan dia mengikutnya) pada apa yang dia padanya, sekalipun dia diatas selain susunan sembahyangnya kerana memelihara hak qudwah. (Kemudian jika imamnya selesai dulu maka) dia (seperti masbuq) maka dia menyempurnakan sembahyangnya, (atau dia) selesai dulu (maka menunggunya terafdhal) dari mufaraqah darinya untuk beri salam, sekalipun ianya harus tanpa karahah diatas kias apa yang akan datang pada qudwah pada subuh dengan umpama zohor. Menyebutkan afdhal itu dariapda tambahan ku.

(وَمَا أَدْرَكَهُ مَسْبُوقٌ) مَعَ الْإِمَامِ مِمَّا يُعْتَدُّ لَهُ بِهِ (فَأَوَّلُ صَلَاتِهِ)، وَمَا يَفْعَلُهُ بَعْدَ سَلَامِ الْإِمَامِ آخِرَهَا. (فَيُعِيدُ فِي ثَانِيَةِ صُبْحٍ) أَدْرَكَ الْأَخِيرَةَ مِنْهَا وَقَفَّتْ فِيهَا مَعَ الْإِمَامِ (الْفُتُوتُ، وَ) فِي ثَانِيَةِ (مَغْرِبٍ) أَدْرَكَ الْأَخِيرَةَ مِنْهَا مَعَهُ (النَّشْهُدُ) لِأَنَّهَا مَحَلُّهُمَا. وَمَا فَعَلَهُ مَعَ الْإِمَامِ إِنَّمَا كَانَ لِلْمُتَابَعَةِ وَرَوَى الشَّيْخَانُ خَبْرًا { مَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا وَمَا فَاتَكُمْ فَاتَمُّوا }، وَإِتْمَامَ الشَّيْءِ إِنَّمَا يَكُونُ بَعْدَ أَوَّلِهِ. وَيَقْضِي فِيمَا لَوْ أَدْرَكَ رَكَعَتَيْنِ مِنْ رُبَاعِيَّةٍ قِرَاءَةَ السُّورَةِ فِي الْأَخِيرَتَيْنِ لِنَلَا تَخْلُوقَ صَلَاتِهِ مِنْهَا كَمَا مَرَّ فِي صِفَةِ الصَّلَاةِ. أَمَّا مَا لَا يُعْتَدُّ لَهُ بِهِ كَأَنَّ أَدْرَكَهُ فِي الْإِعْتِدَالِ فَلَيْسَ بِأَوَّلِ صَلَاتِهِ، وَإِنَّمَا يَفْعَلُهُ لِلْمُتَابَعَةِ.

805. (Apa yang masbuq dapat) bersama dengan imamnya daripada apa yang dikira baginya (maka adalah awal sembahyangnya), dan apa yang dia buat selepas salam imamnya adalah akhirnya. (Maka dia mengulang pada rakaat kedua sembahyang subuh) yang dia dapat rakaat akhir daripadanya dan membaca qunut padanya bersama imamnya (akan qunut, dan) pada rakaat kedua (maghrib) yang dia dapat rakaat akhir daripadanya bersama imamnya (akan tasyahhud) kerana rakaat kedua itu tempat keduanya. Apa yang dia buat bersama dengan imam hanyalah kerana ikutan. Dua syeikh meriwayatkan khabar ((apa yang kamu dapat maka sembahyangkan dan apa yang kamu luput maka sempurnakan)). Menyempurnakan suatu itu hanyalah selepas awalnya. Dia mengkadha pada keadaan kalau dia mendapat dua rakaat daripada sembahyang empat rakaat akan bacaan surah pada dua yang akhir supaya sembahyangnya tidak sunyi darinya sepertimana telah lalu pada sifat sembahyang. Adapun apa yang tidak dikirakan baginya seperti bahawa dia mendapat imam pada i'tidal maka ia bukan awal sembahyangnya, hanya dia membuatnya kerana ikutan.

(وَإِنْ أَدْرَكَهُ فِي رُكُوعٍ مَحْسُوبٍ) لِلْإِمَامِ (وَاطْمَأَنَّ يَقِينًا قَبْلَ ارْتِفَاعِ إِمَامِهِ عَنْ أَقْلِهِ أَدْرَكَ الرَّكَعَةَ)، لَخَبْرِ أَبِي بَكْرَةَ السَّابِقِ فِي الْفَصْلِ الْمُتَقَدِّمِ. وَخَرَجَ بِالرُّكُوعِ غَيْرَهُ كَالْإِعْتِدَالِ وَالْمَحْسُوبِ وَهُوَ أَعْمٌ مِمَّا عَبَّرَ بِهِ فِي بَابِ الْجُمُعَةِ غَيْرُهُ كَرُكُوعٍ مُحَدَّثٍ وَرُكُوعٍ زَائِدٍ. وَمِثْلُهُ الرُّكُوعُ الثَّانِي مِنَ الْكُسُوفِ كَمَا سَيَأْتِي فِي بَابِهِ، وَإِنْ كَانَ مَحْسُوبًا وَبِالْيَقِينِ مَا لَوْ شَكَّ فِي إِدْرَاكِ أَحَدِ الْمُعْتَبَرِ قَبْلَ ارْتِفَاعِ إِمَامِهِ، فَلَا يُدْرِكُ الرَّكَعَةَ، لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمُ إِدْرَاكِهِ، وَإِنْ كَانَ الْأَصْلُ أَيْضًا بَقَاءَ الْإِمَامِ فِيهِ. وَرَجَّحَ الْأَوَّلَ بِأَنَّ الْحُكْمَ بِإِدْرَاكِ مَا قَبْلَ الرُّكُوعِ بِهِ رُخْصَةً فَلَا يُصَارُ إِلَيْهِ إِلَّا بِبَيِّنٍ.

806. (Jika dia mendapat imam pada rukuk yang dikira) bagi imam itu (dan dia tama'ninah dengan yakin sebelum imamnya itu bangkit dari sekurang-kurang rukuk dia mendapat rakaat itu) kerana khabar Abu Bakrah yang lalu pada fasal terdahulu. Keluar dengan "rukuk" oleh selainnya seperti i'tidal, dan dengan "yang dikira" yang mana ia lebih umum dari apa yang dia ibaratkan dengannya pada bab jumaat oleh yang tidak dikira seperti rukuk imam yang berhadath dan rukuk yang lebih, seumpamanya rukuk kedua pada gerhana sepertimana akan datang pada babnya, sekalipun ia dikira, dan dengan "yakin" oleh keadaan kalau dia syak pada mendapat had yang diiktibarkan itu sebelum bangkit imamnya, maka dia tidak mendapat rakaat itu kerana asal tidak mendapatnya sekalipun asal juga kekal imam padanya. Ditarjihkan yang pertama itu dengan bahawa hukum dapat apa yang sebelum rukuk itu ada rukhsakh padanya maka tidak dipergikan kepunyaan melainkan dengan yakin.

(وَيُكَبِّرُ) أَيَّ مَسْبُوقٍ أَدْرَكَ الْإِمَامُ فِي رُكُوعٍ (لِتَحْرِمَ ثُمَّ لِرُكُوعٍ) كَغَيْرِهِ. (فَلَوْ كَبَّرَ وَاحِدَةً، فَإِنْ نَوَى بِهَا التَّحْرِيمَ فَقَطْ) وَأَتَمَّهَا قَبْلَ هُوِيَّةِ (انْعَقَدَتْ) صَلَاتُهُ. وَلَا يُصْرُ تَرْكُ تَكْبِيرَةِ الرُّكُوعِ لِأَنَّهَا سُنَّةٌ. (وَإِلَّا) بِأَنَّ نَوَاهُمَا بِهَا أَوْ الرُّكُوعُ فَقَطْ أَوْ أَحَدَهُمَا مُبْهَمًا أَوْ لَمْ يَنْوِ شَيْئًا (فَلَا) تَتَعَقَدُ لِلتَّشْرِيكِ فِي الْأُولَى بَيْنَ فَرْضِ وَسُنَّةٍ مَقْصُودَةٍ، وَلِخُلُوقِهَا عَنِ التَّحْرِيمِ فِي الثَّانِيَةِ وَلِتَعَارُضِ قَرِينَتِي الْإِفْتِتَاحِ وَالْهُوِيِّ فِي الْأَخِيرَتَيْنِ. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَعْمٌ مِمَّا ذَكَرَهُ.

807. (Bertakbir) masbuq yang mendapat imam pada rukuk (untuk taharrum kemudian untuk rukuk) sama seperti selainnya. (Maka kalau dia takbir sekali, maka jika dia niatkan

taharrum sahaja) dan dia menyempurnakannya sebelum turunnya (**terjadi**) sembahyangnya. Tidak mudharat meninggalkan takbir rukuk kerana ianya sunat. (**Jika tidak**) dengan bahawa dia niatkan keduanya dengan sekali takbir itu atau atau rukuk sahaja atau satu daripada keduanya dalam keadaan kesamaran atau dia tidak niatkan sesuatu (**maka tidak**) terjadi sembahyangnya kerana dia mensyarikatkan pada yang pertama diantara fardhu dan sunat yang dimaksudkan dan kerana sunyi sembahyangnya dari taharrum pada yang kedua dan kerana berlawanan dua karenah iftitah dan turun rukuk pada dua yang akhir. Ibarat aku dengan apa yang tersebut lebih umum dari apa yang dia sebutkan.

(وَلَوْ أَدْرَكَهُ فِي اعْتِدَالِهِ فَمَا بَعْدَهُ وَافَقَهُ فِيهِ وَفِي ذِكْرِهِ) أَي ذَكَرَ مَا أَدْرَكَهُ فِيهِ مِنْ تَحْمِيدٍ وَتَسْبِيحٍ وَتَشَهُدٍ وَدُعَاءٍ، (وَ) فِي (ذِكْرٍ ائْتِقَالِهِ عَنْهُ) مِنْ تَكْبِيرٍ، (لَا) فِي ذِكْرٍ ائْتِقَالِهِ (إِلَيْهِ). فَلَوْ أَدْرَكَهُ فِيمَا لَا يُحْسَبُ لَهُ كَسُجُودٍ لَمْ يُكَبَّرْ لِلِائْتِقَالِ إِلَيْهِ، لِأَنَّهُ لَمْ يَتَابَعَهُ فِيهِ وَلَا هُوَ مُحْسُوبٌ لَهُ، بِخِلَافِ ائْتِقَالِهِ عَنْهُ وَائْتِقَالِهِ إِلَى الرَّكُوعِ. وَتَعْبِيرِي بِمَا ذَكَرَ أَوْلَى مِنْ عِبَارَتِهِ لِإِيْهَامِهَا الْقُصُورَ عَلَى بَعْضِ مَا ذَكَرْتَهُ.

808. (**Kalau dia mendapat imam pada i'tidalnya maka apa yang selepasnya dia muafakat dengan imam itu padanya dan pada zikirnya**) iaitu zikir apa yang dia dapat imam itu padanya daripada tahmid dan tasbih dan tasyahhud dan doa, (**dan**) pada (**zikir pindahannya darinya**) daripada takbir, (**tidak**) pada zikir pindahannya (**kepadanya**). Maka kalau dia mendapat imam pada apa yang tidak dikirakan baginya seperti sujud dia tidak takbir untuk pindah kepadanya, kerana dia tidak mengikutnya padanya dan ia tidak dikirakan baginya, bersalahan pindahannya dari sujud itu dan pindahannya kepada rukuk. Ibarat aku dengan apa yang tersebut terutama dari ibaratnya kerana ia mewahamkan had diatas sebahagian apa yang aku sebutkan.

(وَإِذَا سَلَّمَ إِمَامُهُ كَبَّرَ لِقِيَامِهِ أَوْ بَدَلَهُ) نَذْبًا (إِنْ كَانَ) جُلُوسُهُ مَعَ الْإِمَامِ (مَحَلَّ جُلُوسِهِ) لَوْ كَانَ مُنْفَرِدًا، بِأَنَّ أَدْرَكَهُ فِي ثَانِيَةِ الْمَغْرِبِ أَوْ ثَالِثَةِ الرَّبَاعِيَّةِ كَمَا لَوْ كَانَ مُنْفَرِدًا. (وَإِلَّا) بِأَنَّ أَدْرَكَهُ فِي ثَالِثَةِ الْمَغْرِبِ لَهُ أَوْ ثَانِيَةِ الرَّبَاعِيَّةِ (فَلَا) يُكَبَّرُ لِذَلِكَ لِأَنَّهُ لَيْسَ بِمَحَلِّ تَكْبِيرِهِ وَلَا مُتَابَعَةً. وَلَيْسَ لَهُ أَنْ لَا يَقُومَ إِلَّا بَعْدَ تَسْلِيمَتِي الْإِمَامِ. وَقَوْلِي كَبَّرَ لِقِيَامِهِ أَوْ بَدَلَهُ أَوْلَى وَأَكْثَرُ فَايِدَةً مِنْ قَوْلِهِ قَامَ مُكَبَّرًا.

809. (**Bila imamnya memberi salam dia takbir untuk qiam atau gantinya**) diatas jalan sunat (**jika adalah**) duduknya bersama imam itu (**tempat duduknya**) kalau dia sendirian, dengan bahawa dia mendapat imam pada rakaat kedua maghrib atau ketiga sembahyang empat rakaat, sama sepertimana kalau dia sembahyang sendirian. (**Jika tidak**), dengan bahawa dia mendapat imam pada rakaat ketiga maghrib baginya atau pada yang kedua daripada empat rakaat (**maka tidak**) dia takbir untuk demikian itu kerana dia bukan berada pada tempat takbirnya dan bukan pada tempat ikut imam. Tidak boleh dia bangkit melainkan selepas dua salam imam. Kata aku "dia takbir untuk qiamnya atau gantinya" terutama dan lebih banyak faedah dari katanya "dia bangun seraya bertakbir".

(بَابُ) كَيْفِيَّةِ (صَلَاةِ الْمُسَافِرِ)⁴⁴

مِنْ حَيْثُ الْقَصْرِ وَالْجَمْعِ مَعَ كَيْفِيَّةِ الصَّلَاةِ بِنَحْوِ الْمَطْرِ. (إِنَّمَا تُقْصَرُ رُبَاعِيَّةٌ مَكْتُوبَةٌ)، هِيَ مِنْ زِيَادَتِي، شُرُوطُهُ الْأَتِيَّةُ، فَلَا تُقْصَرُ صُبْحٌ وَمَغْرِبٌ وَمَنْدُورَةٌ وَنَافِلَةٌ، وَلَا فَائِتَةٌ حَضَرَ، لِأَنَّهُ قَدْ تَعَيَّنَ فَعْلُهَا أَرْبَعًا فَلَمْ يَجْزِ نَقْصُهَا كَمَا فِي الْحَضَرِ، وَلَا مَشْكُوكٌ فِي أَنَّهَا فَائِتَةٌ سَفَرٍ أَوْ حَضَرَ اِخْتِيَابًا، وَلِأَنَّ الْأَصْلَ الْإِتِمَامَ، وَلَا فَائِتَةٌ سَفَرٍ غَيْرِ قَصْرِ وَلَوْ فِي سَفَرٍ آخَرَ، وَلَا فَائِتَةٌ سَفَرٍ قَصْرِ فِي حَضَرَ أَوْ سَفَرٍ غَيْرِ قَصْرِ لِأَنَّهُ لَيْسَ مَحَلَّ قَصْرِ.

810. **BAB KAIFIAT SEMBAHYANG MUSAFIR**, daripada sekira-kira qasar dan jamak serta kaifiat sembahyang dengan umpama hujan. (**Hanyalah diqasarkan sembahyang empat rakaat**

yang maktubah), dengan syarat-syaratnya yang akan datang. Maka tidak diqasarkan subuh dan maghrib dan yang dinazarkan dan yang sunat dan tidak yang luput pada hadhir kerana telah tertentu melakukannya empat rakaat maka tidak harus kurang daripadanya sepertimana pada hadhir, dan tidak yang disyakkan pada bahawa ianya luput pada safar atau pada hadhir kerana cermat dan kerana asal adalah itmam i.e menyempurnakannya, dan tidak yang luput pada safar yang tidak boleh qasar walaupun pada safar yang lain, dan tidak yang luput pada safar qasar pada⁷⁷ hadhir atau pada safar yang tidak qasar kerana ia bukan tempat qasar.

(وَأَوْلُهُ) أَي السَّفَرِ لِسَاكِنِ أَيْبِيَةِ (مُجَاوِزَةٌ سُور) وَإِنْ تَعَدَّدَ، بِقَيْدِ زِدْتُهُ بِقَوْلِي (مُخْتَصِّصٌ بِمَا سَافَرَ مِنْهُ) كَبَدِّ وَقَرْيَةٍ، وَإِنْ كَانَ دَاخِلُهُ أَمَاكِنَ خَرِبَةٍ وَمَزَارِعٍ، لِأَنَّ جَمِيعَ مَا هُوَ دَاخِلُهُ مَعْدُودٌ مِمَّا سَافَرَ مِنْهُ.

811. (Awal) safar bagi orang yang tinggal pada kawasan bangunan (**melintasi kota**) sekalipun berbilang-bilang, dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**yang khusus dengan tempat yang dia bermusafir darinya**) seperti negeri dan kampong⁷⁸, sekalipun didalamnya banyak kawasan runtuhan dan kawasan tanaman, kerana semua apa yang ada didalamnya dibilang sebagai apa yang dia bermusafir darinya.

(فَإِنْ لَمْ يَكُنْ) لَهُ سُورٌ مُخْتَصِّصٌ بِهِ بِأَنَّ لَمْ يَكُنْ لَهُ سُورٌ مُطْلَقًا أَوْ فِي صَوْبِ سَفَرِهِ، أَوْ كَانَ لَهُ سُورٌ غَيْرٌ مُخْتَصِّصٌ بِهِ كَقَرَى مُتَفَاصِلَةٍ جَمَعَهَا سُورٌ (فَ) أَوْلُهُ (مُجَاوِزَةٌ عُمُرَانِ) وَإِنْ تَخَلَّلَهُ خَرَابٌ، (لَا) مُجَاوِزَةٌ (خَرَابِ) بِطَرَفِهِ، بِقَيْدِ زِدْتُهُ بِقَوْلِي (هُجْرَ) بِالتَّخْوِيطِ عَلَى الْعَامِرِ أَوْ زُرْعِ بَقْرِيَّةٍ مَا يَأْتِي، (أَوْ أُنْدَرَسَ) بِأَنَّ ذَهَبَتْ أَصْدُولُ حَيْطَانِهِ لِأَنَّهُ لَيْسَ مَحَلَّ إِفَامَةٍ بِخِلَافِ مَا لَيْسَ كَذَلِكَ فَادُهُ يُشْتَرَطُ مُجَاوِزَتُهُ كَمَا صَدَحَّه فِي الْمَجْمُوعِ.

812. (Maka jika tidak ada) baginya kota yang khusus dengannya, dengan bahawa ia tidak punya kota semata-mata atau pada hala safarnya, atau ada baginya kota yang tidak khusus dengannya seperti beberapa kampong yang terpisah-pisah yang dihimpunkan oleh satu kota (**maka**) awal safarnya (**melintasi bangunan-bangunan**) sekalipun diselangi oleh kawasan runtuhan, (**bukan**) melintasi (**runtuhan**) pada pinggirnya, dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku: (**yang ditegah**) keatas orang yang hendak memajukannya atau keatas tanaman dengan dipagar, dengan karenah apa yang akan datang, (**atau yang telah lenyap**) dengan bahawa hilang umbi-umbi pagarnya kerana ia bukan tempat kediaman, bersalahan apa yang tidak seperti demikian itu, maka disyaratkan melintasinya sepertimana Nawawi sahkan didalam Majmuk.

(وَ) لَا مُجَاوِزَةَ (بَسَاتِينَ) وَمَزَارِعَ كَمَا فَهَمْتُ بِالْأُولَى وَإِنْ اتَّصَلْنَا بِمَا سَافَرَ مِنْهُ، أَوْ كَانَتْ مَحْوِطَتَيْنِ لِأَنَّهُمَا لَا يَتَّخِذَانِ لِلْإِقَامَةِ. نَعَمْ إِنْ كَانَ بِالْبَسَاتِينَ قُصُورٌ أَوْ دُورٌ تُسْكَنُ فِي بَعْضِ فُصُولِ السَّنَةِ اشْتَرَطَ مُجَاوِزَتُهَا. كَذَا فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا. قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ بَعْدَ نَقْلِهِ ذَلِكَ عَنِ الرَّافِعِيِّ : وَفِيهِ نَظْرٌ، وَلَمْ يَتَّخِذْ لَهُ الْجُمْهُورُ وَالظَّاهِرُ أَنَّهُ لَا يُشْتَرَطُ مُجَاوِزَتُهَا لِأَنَّهَا لَيْسَتْ مِنَ الْبُلْدِ. قَالَ فِي الْمُهَمَّاتِ : وَالْفَتْوَى عَلَيْهِ وَالْقَرْيَتَانِ الْمُتَّصِلَتَانِ يُشْتَرَطُ مُجَاوِزَتُهُمَا.

813. (**dan**) bukan melintasi (**kebun-kebun**) dan ladang, sepertimana difaham dengan terutama, sekalipun keduanya bersambung dengan tempat yang dia bermusafir darinya, atau keduanya dipagar kerana keduanya tidak dibuat untuk didiami. Na'am, jika dikebun-kebun itu ada mahligai-mahligai atau rumah-rumah yang didiami pada sebahagian musim-musim didalam setahun disyaratkan melintasinya, beginilah didalam Raudhah seperti asalnya. Katanya didalam Majmuk selepas dia menakal demikian itu dari Rafi'e : padanya tilikkan, yang tidak disentuh oleh jumhur.⁴⁵ Zahirnya bahawa tidak disyaratkan melintasinya kerana ia bukan daripada negeri.

⁷⁷ Yang luput pada safar qasar dikadha pada hadhir atau pada safar tidak qasar.

⁷⁸ Balad i.e negeri adalah kawasan yang punya pentadbiran seperti ada qadhi, polis, bukan seperti yang difahami sekarang. Kampong juga diterjemahkan dengan dusun.

Katanya didalam Muhimmat : bermula fatwa diatasnya. Dua kampung yang bersambung disyaratkan melintas keduanya.

(وَ) أَوْلُهُ لِسَاكِنِ خِيَامٍ كَالْأَعْرَابِ (مُجَاوِزَةٌ حَلَّةٌ فَقَطْ) بِكَسْرِ الْحَاءِ، بُيُوتٌ مُجْتَمِعَةٌ أَوْ مُتَفَرِّقَةٌ بِحَيْثُ يَجْتَمِعُ أَهْلُهُ لِلسَّمْرِ فِي نَادٍ وَاحِدٍ وَيَسْتَعِيرُ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ. وَيَدْخُلُ فِي مُجَاوِزَتِهَا عَرْفًا مُجَاوِزَةً مَرَّافِقِهَا كَمَطْرَحِ الرَّمَادِ وَمَلْعَبِ الصَّبِيَّانِ وَالنَّادِي وَمَعَاظِنِ الْإِبِلِ، لِأَنَّهَا مَعْدُودَةٌ مِنْ مَوَاضِعِ إِقَامَتِهِمْ.

814. Awal safar bagi orang yang mendiami khemah seperti orang darat (**melintasi hillah sahaja**) iaitu rumah-rumah yang berkelompok sekira-kira penduduknya berkumpul untuk berbual malam pada tempat berkumpul dan pinjam meminjam sebahagian mereka dari sebahagian yang lain. Masuk pada melintasinya pada 'uruf oleh melintas kemudahan-kemudahannya seperti tempat buang abu dan tempat permainan kanak-kanak dan tempat berbual dan kandang unta kerana ia dikirakan sebagai satu daripada tempat-tempat tinggal mereka.

(وَمَعَ) مُجَاوِزَةٌ (عَرْضِ وَادٍ) إِنْ سَافَرَ فِي عَرْضِهِ (وَ) مَعَ مُجَاوِزَةٍ (مَهْبِطٌ) أَي مَحَلٌّ هُبُوطٍ إِنْ كَانَ فِي رِبْوَةٍ (وَ) مَعَ مُجَاوِزَةٍ (مَصْعَدٌ) أَي مَحَلٌّ صُعُودٍ إِنْ كَانَ فِي وَهْدَةٍ. هَذَا إِنْ (اعْتَدَلَتْ) الثَّلَاثَةُ. فَإِنْ أَفْرَطَتْ سَعَتْهَا أَكْثَفِي بِمُجَاوِزَةِ الْحَلَّةِ عَرْفًا. وَظَاهِرٌ أَنَّ سَاكِنَ غَيْرِ الْأَبْنِيَةِ وَالْخِيَامِ كَنَزَلٍ بِطَرِيقِ خَالٍ عَنْهُمَا؛ رَحْلُهُ كَالْحَلَّةِ فِيمَا تَقَرَّرَ. وَقَوْلِي فَقَطْ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

815. (**dan serta**) melintasi (**lintang wadi**) jika dia bermusafir pada lintangnya (**dan**) serta melintasi (**mahbat**) iaitu tempat menurun jika dia pada tanah tinggi (**dan**) serta melintasi (**tempat mendaki**) jika dia pada tanah lembah. Ini jika (**sederhana**) yang tiga itu. Maka jika ia terlajak luasnya memada dengan melintasi hillah pada uruf. Yang zahir bahawa penduduk selain binaan dan khemah seperti orang yang berhenti singgah pada jalan yang sunyi dari keduanya, tempat tinggalnya adalah seperti hillah pada apa yang telah lalu. Kata aku "sahaja" hingga akhirnya daripada tambahan ku.

(وَيَنْتَهِي) سَفْرُهُ (بِبُلُوغِهِ مَبْدَأَ سَفَرٍ) مِنْ سُورٍ أَوْ غَيْرِهِ (مِنْ وَطْنِهِ أَوْ) مِنْ (مَوْضِعٍ) آخَرَ، رَجَعَ مِنْ سَفَرِهِ إِلَيْهِ⁷⁹ أَوْ لَا⁸⁰، (وَ) قَدْ (نَوَى قَبْلَ) أَي قَبْلَ بُلُوغِهِ، بِقَيْدِ زِدْتُهُ بِقَوْلِي (وَهُوَ مُسْتَقَلٌّ إِقَامَةً بِهِ)، وَإِنْ لَمْ يَصِحْ لَهَا إِمَّا (مُطْلَقًا) وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي (أَوْ أَرْبَعَةَ أَيَّامٍ صِحَاحٌ) أَي غَيْرَ يَوْمِي الدُّخُولِ وَالْخُرُوجِ.

816. (**Tamatlah**) safarnya (**dengan dia sampai kepada tempat mula safar**) daripada kota atau selainnya (**daripada watannya atau**) daripada (**tempat**) lain, dia kembali dari safarnya kepada tempat itu atau tidak, (**walhal dia telah niat sebelum**) sampainya, dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku, (**akan bermukim padanya dalam keadaan dia sendirian**⁸¹) sekalipun ia tidak sesuai untuk bermukim, samaada (**semata-mata**) yang mana ia daripada tambahan ku, (**atau empat hari penuh**) iaitu selain dua hari masuk dan keluar.

(وَبِإِقَامَتِهِ وَ) قَدْ (عِلْمٌ) حِينَئِذٍ (أَنَّ إِرْبَةَ) بِكَسْرِ أَوَّلِهِ وَإِسْكَانِ ثَانِيهِ وَبِفَتْحِهِمَا أَي حَاجَتَهُ (لَا يَنْقُضِي فِيهَا) . أَمَّا إِذَا لَمْ يَنْوِ إِقَامَةً أَوْ نَوَاهَا بَعْدَ بُلُوغِهِ فَلَا يَنْتَهِي سَفْرُهُ بِذَلِكَ. وَإِنَّمَا يَنْتَهِي بِالْإِقَامَةِ فِي الْأُولَى وَبِنَيْتِهَا وَهُوَ مَا كُنْتُ مُسْتَقَلًّا فِي الثَّانِيَةِ. وَالتَّقْيِيدُ بِالْمَكْتِ فِيهَا ذِكْرُهُ فِي الْمَجْمُوعِ. وَوَقَعَ لِبَعْضِهِمْ عَزْوُهُ لَهُ فِي غَيْرِهَا.

817. (**dan dengan bermukimnya**⁸² **walhal dia tahu**) ketika itu (**bahawa hajatnya tidak selesai pada empat hari**). Adapun apabila dia tidak niatkan mukim atau dia niatkannya selepas sampainya maka tidak tamat safarnya dengan sampai kepada tempat lain itu, hanya ia tamat

⁷⁹ Seperti keluar orang Syam dari Mesir ke Makkah kemudian balik dari Makkah ke Mesir.

⁸⁰ Seperti bahawa keluar orang Syam dari Mesir ke Makkah bertujuan hendak bermukim di Makkah.

⁸¹ Iaitu tidak ada ahli keluarganya padanya.

⁸² Juga merujuk kepada selain watannya.

dengan bermukim pada masaalah pertama⁸³ dan dengan niatnya walhal dia menetap diam lagi sendirian pada masaalah kedua. Mengkaitkan dengan diam pada masaalah kedua disebutkan didalam Majmuk. Sebahagian mereka tersalah pada membangsakan kait itu kepada Majmuk pada selain yang kedua.

وَالْأَصْلُ فِيمَا ذَكَرَ خَبْرًا { يُقِيمُ الْمُهَاجِرُ بَعْدَ قَضَاءِ نُسُكِهِ ثَلَاثًا } ((وَكَانَ يَحْرُمُ عَلَى الْمُهَاجِرِينَ الْإِقَامَةَ بِمَكَّةَ وَمَسَاكِنَةِ الْكُفَّارِ {، رَوَاهُمَا الشَّيْخَانُ. فَالْتَّرْخِيسُ بِالثَّلَاثَةِ يَدُلُّ عَلَى بَقَاءِ حُكْمِ السَّفَرِ، بِخِلَافِ الْأَرْبَعَةِ. وَالْحَقُّ بِإِقَامَتِهَا نِيَّةُ إِقَامَتِهَا. وَتُعْتَبَرُ بِلَيَالِيهَا. وَفِي مَعْنَى الثَّلَاثَةِ مَا فَوْقَهَا وَدُونَ الْأَرْبَعَةِ. وَإِنَّمَا لَمْ يُحْسَبْ يَوْمَا الدُّخُولِ وَالْخُرُوجِ لِأَنَّ فِيهِمَا الْحَطَّ وَالرَّحِيلَ وَهُمَا مِنْ أَشْغَالِ السَّفَرِ.

818. Asal pada yang disebutkan itu dua khabar ((bermukim seorang yang berhijrah selepas menunaikan nusuknya selama tiga hari)) ((dan adalah haram keatas muhajirin⁸⁴ bermukim di Makkah dan tempat-tempat tinggal kafir)), meriwayatkan keduanya dua syeikh. Maka pemberian rukhsakh dengan tiga hari menunjukkan kekal hukum safar, bersalahan empat hari. Dihubungkan dengan bermukim empat hari akan niat bermukim padanya. Diiktibarkan ia dengan malam-malamnya. Pada makna tiga hari itu apa yang lebih darinya dan kurang dari empat. Hanyalah tidak dikira hari masuk dan keluar kerana pada keduanya berhenti dan berangkat yang mana keduanya daripada aktiviti bermusafir.

أَمَّا لَوْ نَوَى الْإِقَامَةَ فِي الثَّانِيَةِ وَهُوَ سَائِرٌ فَلَا يُؤْتَرُ لِأَنَّ سَبَبَ الْقَصْرِ السَّفَرُ وَهُوَ مَوْجُودٌ حَقِيقَةً. وَكَذَا لَوْ نَوَاهَا فِيهَا أَوْ فِي مَسْأَلَةِ الْكِتَابِ غَيْرِ الْمُسْتَقَلِّ دُونَ مَثْبُوعِهِ، كَعَبْدٍ وَجَيْشٍ وَلَوْ مَأْكِنًا.

819. Adapun kalau dia berniat mukim pada masaalah kedua⁸⁵ walhal dia masih berjalan maka tidak berkesan kerana sebab qasar itu adalah safar yang mana benar-banar ujud. Begitu juga tidak berkesan kalau berniat mukim pada masaalah kedua atau pada masaalah didalam matan oleh orang yang tidak tersendiri tidak meniatkannya orang yang diikutnya, seperti hamba dan tentera walaupun dalam keadaan dia tak berjalan.

(وَإِنْ تَوَقَّعَهُ) أَي رَجَا حُصُولَ إِرْبِهِ (كُلُّ وَقْتٍ قَصَرَ ثَمَانِيَةَ عَشَرَ يَوْمًا) صَحَاحًا، وَلَوْ غَيْرَ مُحَارِبٍ { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقَامَهَا بِمَكَّةَ عَامَ الْفَتْحِ لِحَرْبِ هَوَازِنَ يَفْصُرُ الصَّلَاةَ {، رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَنَهُ، وَإِنْ كَانَ فِي سَنَدِهِ ضَعْفٌ، لِأَنَّ لَهُ شَوَاهِدَ تَجْبُرُهُ. وَقَبَسَ بِالْمُحَارِبِ غَيْرُهُ، لِأَنَّ الْمُرْخَصَ هُوَ السَّفَرُ لَا الْمُحَارِبَةَ. وَفَارَقَ مَا لَوْ عَلِمَ أَنَّهُ لَمْ يَنْقُضْ فِي الْأَرْبَعَةِ كَمَا مَرَّ بِأَنَّهُ تَمَّ مُطْمَئِنٌّ بَعِيدٌ عَنْ هَيْئَةِ الْمُسَافِرِ بِخِلَافِهِ هُنَا.

820. (Jika dia menjangkakannya) iaitu mengharapakan terhasil hajatnya (pada setiap waktu dia mengaqasar lapan belas hari) penuh, walaupun dia bukan orang yang berperang ((kerana nabi sawm bermukim lapan belas hari di Makkah pada hari pembukaan Makkah kerana peperangan Hawazin, dia mengqasar sembahyangnya)), meriwayatkannya Abu Daud dan Turmizi dan dia membilanganya hasan, sekalipun ada lemah pada sanadnya, kerana ia mempunyai beberapa syahid yang menampungnya. Dikiaskan dengan orang yang berperang akan selainnya, kerana yang merukhsakhkan adalah safar bukan perang. Ia melaini keadaan kalau dia tahukan bahawa hajatnya tidak selesai pada empat hari sepertimana telah lalu dengan bahawa dia disana orang yang tenang lagi jauh dari kelakuan orang yang bermusafir bersalahan dia disini.

(وَ) يَنْتَهِي سَفَرُهُ أَيضًا (بِنِيَّةِ رُجُوعِهِ مَأْكِنًا) وَلَوْ مِنْ طَوِيلٍ، (لَا إِلَى غَيْرِ وَطْنِهِ لِحَاجَةٍ)، بِأَنَّ نَوَى رُجُوعَهُ إِلَى وَطْنِهِ أَوْ إِلَى غَيْرِهِ لَغَيْرِ حَاجَةٍ. فَلَا يَقْصُرُ فِي ذَلِكَ الْمَوْضِعِ. فَإِنْ سَافَرَ فَسَفَرَ جَدِيدًا. فَإِنْ كَانَ

⁸³ Yang pertama : tidak niatkan mukim, yang kedua : dia niatkannya selepas sampainya

⁸⁴ Pada umrah qadha tahun tujuh hjah.

⁸⁵ Niat selepas masuk. Muqabil katanya "walhal dia diam i.e tak berjalan".

طَوِيلًا قَصْرًا. وَإِلَّا، فَلَا. فَإِنْ نَوَى الرَّجُوعَ وَلَوْ مِنْ قَصِيرٍ إِلَى غَيْرِ وَطْنِهِ لِحَاجَةٍ لَمْ يَنْتَه سَفَرُهُ بِذَلِكَ. وَكُنْيَةُ الرَّجُوعِ التَّرَدُّدُ فِيهِ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ الْبُغَوِيِّ. وَقَوْلِي مَا كُنَّا إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

821. Tamat juga safarnya (dengan niat baliknya hal keadaan dia berhenti berjalan) walaupun dari tempat yang jauh, (tidak kepada selain watannya kerana hajat), dengan bahawa dia niat balik kepada watannya atau kepada selainnya tidak kerana hajat. Maka tidak boleh dia qasar pada tempat itu. Maka jika dia bermusafir maka safar yang baru, jika ianya jauh dia mengqasar. Jika tidak, maka tidak. Maka jika dia niatkan balik walaupun tempat yang dekat kepada selain watannya kerana hajat tidak tamat safarnya dengan demikian itu. Sama seperti niat balik itu berbelah bagi padanya sepertimana didalam Majmuk dari Bughawi. Kata aku "dalam keadaan dia berhenti berjalan" hingga akhirnya daripada tambahan ku.⁴⁶

(فَصَلْ) فِي شُرُوطِ الْقَصْرِ وَمَا يُذَكَّرُ مَعَهَا.⁴⁷ (لِلْقَصْرِ شُرُوطٌ) ثَمَانِيَةٌ. أَحَدُهَا (سَفَرٌ طَوِيلٌ)، وَإِنْ قَطَعَهُ فِي لِحَاجَةٍ، فِي بَرٍّ أَوْ بَحْرٍ، إِنْ سَافَرَ (لِغَرَضٍ) صَحِيحٍ (وَلَمْ يَعْدِلْ) عَنِ قَصِيرٍ (إِلَيْهِ) (أَيُّ الطَّوِيلِ) (أَوْ عَدَلَ) عَنْهُ إِلَيْهِ (لِغَرَضٍ غَيْرِ الْقَصْرِ) كَسُهُولَةٍ وَأَمْنٍ وَعِيَادَةٍ وَتَنْزِهِ. فَإِنْ سَافَرَ بِغَيْرِ غَرَضٍ صَحِيحٍ كَأَنَّ سَافَرَ لِمُجَرَّدِ التَّنَقُّلِ فِي الْبِلَادِ لَمْ يَقْصُرْ، وَإِنْ عَدَلَ إِلَى الطَّوِيلِ لَا لِغَرَضٍ أَوْ لِمُجَرَّدِ الْقَصْرِ فَكَذَلِكَ، كَمَا لَوْ سَلَكَ الْقَصِيرَ وَطَوَّلَهُ بِالذَّهَابِ يَمِينًا وَشِمَالًا. وَقَوْلِي أَوْلَا لِغَرَضٍ مِنْ زِيَادَتِي.

822. FASAL pada syarat-syarat qasar dan apa yang disebutkan bersamanya. (Bagi qasar itu beberapa syarat) yang lapan. Satu daripadanya (safar yang jauh) sekalipun dia memutuskan jarak itu didalam sedetik, didarat atau laut jika, jika dia bermusafir (kerana tujuan) yang sah, (dan tidak berpaling) dari yang dekat (kepadanya) iaitu yang jauh (atau berpaling) darinya kepadanya (kerana selain tujuan qasar) seperti mudah dan aman jalan dan melawat orang sakit dan melapangkan fikiran. Maka jika dia bermusafir tanpa tujuan yang sah seperti bahawa dia bermusafir kerana semata-mata bersiar-siar pada banyak negeri-negeri dia tidak boleh qasar, dan jika dia berpaling kepada jalan jauh bukan kerana apa-apa tujuan atau kerana semata-mata hendakkan qasar maka begitu juga, sepertimana kalau dia melalui jalan dekat dan dia memanjangkannya dengan pergi kekanan kekiri. Kata aku "atau tidak" daripada tambahan ku.

(وَهُوَ) أَيُّ الطَّوِيلِ (ثَمَانِيَةٌ وَأَرْبَعُونَ مِيلاً هَاشِمِيَّةً ذَهَابًا وَهِيَ مَرِحَلَتَانِ) أَيُّ سَيْرٍ يَوْمَيْنِ مُعْتَدَلَيْنِ بِسَيْرِ الْأَنْقَالِ، وَهِيَ سِتَّةٌ عَشْرَ فَرَسَخًا وَهِيَ أَرْبَعَةٌ بَرْدٍ. فَقَدْ كَانَ ابْنُ عَمَرَ وَابْنُ عَبَّاسٍ يَقْصُرَانِ وَيُفْطِرَانِ فِي أَرْبَعَةِ بَرْدٍ. عَلَقَهُ الْبُخَارِيُّ بِصِيغَةِ الْجَزْمِ وَأَسْنَدَهُ الْبَيْهَقِيُّ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ. وَمِثْلُهُ إِنَّمَا يَفْعَلُ بِتَوْقِيفٍ.

823. (Ianya) iaitu safar yang jauh (empat puluh lapan batu hasyimi nisbah perjalanan pergi, yang mana ianya dua marhalah) iaitu perjalanan dua siang yang sederhana dengan perjalanan unta yang ada muatan. Ianya enam belas farsakh iaitu empat barid. Maka sesungguhnya Ibnu Umar dan Ibnu Abbas mengqasar dan berbuka puasa pada empat barid. Bukhari menta'likkannya⁸⁶ dengan sighth jazam dan Baihaqi mensanadkannya dengan sanad yang sah. Seumpamanya hanyalah dibuat dengan ajaran syara'.

وَحَرَاجَ بَزِيَادَتِي ذَهَابًا إِلَى الْإِيَابِ مَعَهُ. فَلَا يُحْسَبُ حَتَّى لَوْ قَصَدَ مَكَانًا عَلَى مَرِحَلَةٍ بَنِيَّةٍ أَنْ لَا يُقِيمَ فِيهِ بَلَّ يَرْجِعُ فَلَيْسَ لَهُ الْقَصْرُ وَإِنْ نَالَ مَشَقَّةَ مَرِحَلَتَيْنِ مُتَوَالِيَتَيْنِ لِأَنَّهُ لَا يُسَمَّى سَفَرًا طَوِيلًا. وَالْغَالِبُ فِي الرَّخْصِ الْإِتِّبَاعُ وَالْمَسَافَةُ تَحْدِيدٌ، لِأَنَّ الْقَصْرَ عَلَى خِلَافِ الْأَصْلِ فَيُحْتَاطُ فِيهِ بِتَحْقِيقِ تَقْدِيرِهَا. وَالْمِيلُ : أَرْبَعَةُ أَلْفِ خُطْوَةٍ، وَالْخُطْوَةُ : ثَلَاثَةُ أَقْدَامٍ. وَحَرَاجَ بِالْهَاشِمِيَّةِ الْمُنْسُوبَةِ لِبَنِي هَاشِمٍ الْأُمَوِيَّةِ الْمُنْسُوبَةِ لِبَنِي أُمِيَّةٍ فَالْمَسَافَةُ بِهَا أَرْبَعُونَ، إِذْ كُلُّ خَمْسَةٍ مِنْهَا قَدْرُ سِتَّةِ هَاشِمِيَّةٍ.

824. Keluar dengan tambahan ku "pergi" oleh balik yang bersamanya. Maka ia tidak dikira, hinggakan kalau dia menuju satu tempat diatas satu marhalah dengan niat tidak bermukim

⁸⁶ Ta'lik : hazaf sanad yang awal. Irsal : hazaf sanad yang akhir.

padanya bahkan dia balik, maka tidak boleh dia qasar sekalipun mengenainya kesukaran dua marhalah berturut-turut kerana ia tidak dinamakan safar yang jauh. Yang ghalib pada rukhsakh-rukhsakh adalah ittiba' dan jarak itu dihadkan, kerana qasar diatas menyalahi asal maka dicermatkan pada urusannya dengan dipastikan kadarnya. Satu batu itu empat ribu langkah, dan satu langkah itu tiga tapak kaki. Keluar dengan hashimi iaitu yang dinisbahkan kepada bani Hasyim oleh umawi iaitu yang dinisbahkan kepada Bani Umayyah, maka jarak dengannya empat puluh, kerana setiap lima batu daripada umawi kadar enam batu hashimi.

(وَ) ثَانِيهَا (جَوَازُهُ . فَلَا قَصْرَ كَغَيْرِهِ) مِنْ بَقِيَّةِ رُخْصِ السَّفَرِ (لِعَاصِ بِهِ) ، وَدَوِّ فِي أَثْنَانِهِ كَأَبَقٍ وَنَاشِرَةٍ ، لِأَنَّ السَّفَرَ سَبَبُ الرُّخْصَةِ فَلَا تَنَاطُ بِالمَعْصِيَةِ . نَعَمْ ، لَهُ بَلْ عَلَيْهِ التَّيَمُّمُ مَعَ وَجُوبِ إِعَادَةِ مَا صَلَّاهُ بِهِ عَلَى الْأَصَحِّ كَمَا فِي المَجْمُوعِ .

825. Keduanya (**harusnya. Maka tidak ada qasar seperti selainnya**) daripada baki rukhsakh-rukhsakh (**bagi orang yang maksiat dengan safarnya**), walaupun pada tengahnya seperti hamba yang lari dan perempuan nusyuz, kerana safar itu sebab rukhsakh maka tidak digantungkan ia dengan maksiat. Na'am, boleh bahkan kena dia bertayammum serta wajib ulang apa yang dia sembahyangkan dengannya diatas yang paling sahih sepertimana didalam Majmuk.

(فَإِنْ تَابَ فَأَوْلُهُ مَحَلُّ تَوْبَتِهِ) . فَإِنْ كَانَ طَوِيلًا أَوْ لَمْ يُشْتَرَطْ لِلرُّخْصَةِ طَوْلُهُ كَأَكْلِ المَيْتَةِ لِلْمُضْطَرِّ فِيهِ تَرْخُصٌ . وَإِلَّا ، فَلَا . وَالْحَقُّ بِسَفَرِ المَعْصِيَةِ أَنْ يُتَعَبَ نَفْسَهُ أَوْ دَابَّتَهُ بِالرُّكُضِ بِلَا عَرَضٍ . ذَكَرَهُ فِي الرُّوْضَةِ كَأَصْلِهَا .

826. (**Maka jika dia taubat maka mula safarnya adalah tempat taubatnya**). Maka jika ianya jauh atau tidak disyaratkan bagi rukhsakh itu jauhnya seperti makan bangkai bagi yang kemudharatan padanya rukhsakh. Jika tidak, maka tidak. Dihubungkan dengan safar maksiat bahawa dia memenatkan dirinya atau tunggangannya dengan berjalan laju tanpa tujuan. Dia menyebutkannya didalam Raudhah seperti asalnya.

(وَ) ثَالِثُهَا (قَصْدٌ مَحَلٌّ مَعْلُومٌ) ، وَإِنْ لَمْ يُعَيَّنْ (أَوْلاً) لِيَعْلَمَ أَنَّهُ طَوِيلٌ ، فَيَقْصُرُ فِيهِ . وَتَعْبِيرِي بِمَعْلُومٍ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِمُعَيَّنٍ . (فَلَا قَصْرَ لَهُنَّ) وَإِنْ طَالَ تَرَدُّدُهُ . وَهُوَ مَنْ لَا يَدْرِي أَيْنَ يَتَوَجَّهُ . (وَلَا لِمُسَافِرٍ لِعَرَضٍ) كَرَدِّ أَبِي (لَمْ يَقْصِدِ المَحَلَّ) المَذْكُورَ وَإِنْ طَالَ سَفَرُهُ لِانْتِفَاءِ عِلْمِهِ بِطَوْلِهِ أَوْلَهُ . نَعَمْ ، إِنْ قَصَدَ سَفَرَ مَرَحَلَتَيْنِ أَوْلاً كَانَ عِلْمٌ أَنَّهُ لَا يَجِدُ مَطْلُوبَهُ قَبْلَهُمَا قَصْرَ كَمَا فِي الرُّوْضَةِ وَأَصْلِهَا . قَالَ الزَّرْكَاشِيُّ فِي مَرَحَلَتَيْنِ لَا فِيمَا زَادَ عَلَيْهِمَا إِذْ لَيْسَ لَهُ مَقْصِدٌ مَعْلُومٌ ، انْتَهَى . وَظَاهِرٌ أَنَّ قَصْدَ سَفَرٍ أَكْثَرَ مِنْ مَرَحَلَتَيْنِ كَقَصْدِ سَفَرِهِمَا ، وَأَنَّ لَهُنَّ كَأَلْمَسَافِرِ المَذْكُورِ فِي ذَلِكَ .

827. Ketiganya (**tujuan tempat yang diketahui**), sekalipun dia tidak menentukannya (**mula-mula**) supaya dia tahu bahawa ianya jauh, maka dia mengqasar padanya. Ibarat aku dengan "yang diketahui" terutama dari ibaratnya dengan "yang tertentu". (**Maka tidak ada qasar bagi hajim**) sekalipun jauh kesana kemarinya. Ia adalah orang yang tidak tahu kemana dia tuju. (**dan tidak bagi musafir kerana tujuan**) yang seperti mendapatkan hamba yang lari (**yang tidak menuju tempat**) yang tersebut itu sekalipun jauh safarnya kerana ternafi tahunya dengan jauhnya pada awalnya. Na'am, jika dia bermaksud safar dua marhalah mula-mula, seperti bahawa dia tahu bahawa dia tidak mendapat apa yang dicarinya sebelumnya boleh dia mengqasar sepertimana didalam Raudhah dan asalnya. Kata Zarkasyi : pada dua marhalah tidak pada apa yang lebih diatasnya kerana dia tidak punya tempat tujuan yang diketahui. Intaha. Yang zahir disisi aku bahawa kasad bermusafir lebih dari dua marhalah sama seperti kasad bermusafir dua marhalah dan bahawa hajim seperti musafir yang tersebut pada demikian itu.

(وَلَا رَقِيقَ وَرَوْجَةَ وَجُنْدِيَّ قَبْلَ) سَيْرِ (مَرَحَلَتَيْنِ إِنْ لَمْ يَعْرِفُوا أَنَّ مَثْبُوعَهُمْ يَقْطَعُهُمَا)، لَمَّا مَرَّ. فَإِنْ عَرَفُوا ذَلِكَ قَصُرُوا. وَأَمَّا بَعْدَ سَيْرِ مَرَحَلَتَيْنِ فَيَقْصُرُونَ. وَهَذَا كَمَا لَوْ أَسَرَ الْكُفَّارُ رَجُلًا فَسَارُوا بِهِ وَلَمْ يَعْرِفْ أَنَّهُمْ يَقْطَعُونَهُمَا لَمْ يَقْصُرْ. وَإِنْ سَافَرَ مَعَهُمْ مَرَحَلَتَيْنِ قَصَرَ بَعْدَ ذَلِكَ. وَالتَّقْيِيدُ بِقَبْلِ مَرَحَلَتَيْنِ مِنْ زِيَادَتِي. وَتَعْبِيرِي بِمَا بَعْدَهُ أَوْلَى مِمَّا عَبَّرَ بِهِ.

828. (dan tidak hamba dan isteri dan askar sebelum) berjalan (dua marhalah jika mereka tidak tahu bahawa orang yang mereka ikut memotong keduanya) kerana apa yang telah lalu. Maka jika mereka tahukan demikian itu mereka mengqasar. Adapun selepas perjalanan dua marhalah maka mereka mengqasar. Ini sepertimana kalau kafir menawan seorang lelaki maka mereka berjalan dengan dan dia tidak tahu bahawa mereka akan memotong dua marhalah itu tidak boleh dia qasar. Jika dia telah berjalan bersama mereka dua marhalah dia mengqasar selepas itu. Mengkaitkan dengan "sebelum dua marhalah" daripada tambahan ku. Ibarat aku dengan "apa yang selepasnya" terutama dari pa yang dia ibaratkan dengannya.

(فَلَوْ نَوَّوْهُمَا) أَبِي الْمَرَحَلَتَيْنِ أَي سَيْرَهُمَا (قَصَرَ الْجُنْدِيَّ) بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (إِنْ لَمْ يُثَبِّتْ فِي الدِّيْوَانِ) لِأَنَّهُ حِينَئِذٍ لَيْسَ تَحْتَ قَهْرٍ مَثْبُوعِهِ بِخِلَافِهِمَا. فَنِيَّتُهُمَا كَالْعَدَمِ. فَإِنْ أَثَبَّتْ فِي الدِّيْوَانِ لَمْ يَقْصُرْ. وَفَارَقَ غَيْرَ الْمُثَبَّتِ بِأَنَّهُ تَحْتَ قَهْرِ الْأَمِيرِ، فِيمَا خَالَفَتْهُ يَحْتَلُّ النُّظَامُ. بِخِلَافِ مُخَالَفَةِ غَيْرِ الْمُثَبَّتِ.

829. (Maka kalau tiga orang ini niatkan) dua marhalah iaitu perjalanannya (askar itu mengqasar) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (jika dia tidak disabitkan didalam diwan) kerana dia ketika itu bukan dibawah paksaan orang yang diikutinya, bersalahan dua orang lagi itu itu, maka niat kedua mereka seperti tidak ujud. Maka jika dia disabitkan didalam diwan tidak boleh dia qasar. Dia melaini askar yang disabitkan dengan bahawa dia dibawah paksaan ketuanya. Maka dengan dia menyalahi ketua cederalah perancangan. Bersalahan menyalahi perintah orang yang tidak disabitkan.

(وَ) رَابِعُهَا : (عَدَمُ افْتِدَائِهِ بِمَنْ جَهِلَ سَفَرَهُ أَوْ بِمَتَمٍّ) وَلَوْ فِي صُبْحِ أَوْ بَانَ حَدَثَ إِمَامِهِ. (فَلَوْ افْتَدَى) وَلَوْ لِحُظَّةٍ (بِهِ) أَي بِأَحَدِهِمَا (أَوْ بِمَنْ ظَنَّهُ مُسَافِرًا فَبَانَ مُقِيمًا فَقَطُّ أَوْ) مُقِيمًا (ثُمَّ مُحَدَّثًا)، وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي (أَتَمَّ) لِرُومًا، وَإِنْ بَانَ فِي الْأُولَى مُسَافِرًا قَاصِرًا لِتَقْصِيرِهِ فِيهَا، وَفِي الثَّلَاثَةِ بِقِسْمِيهَا لِظُهُورِ شِعَارِ الْمُسَافِرِ وَالْمُقِيمِ وَالْأَصْلُ الْإِتْمَامُ، وَلِأَنَّ ذَلِكَ هُوَ السُّنَّةُ فِي الثَّانِيَةِ كَمَا رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ. أَمَّا لَوْ بَانَ مُحَدَّثًا ثُمَّ مُقِيمًا أَوْ بَانَا مَعًا فَلَا يَلْزِمُهُ الْإِتْمَامُ إِذْ لَا قُدُورَةَ فِي الْحَقِيقَةِ وَفِي الظَّاهِرِ ظَنُّهُ مُسَافِرًا.

830. Keempatnya (tidak mengikut orang yang dijahilkan safarnya, atau orang yang sembahyang tamam) walaupun pada subuh atau ternyata hadath imamnya. (Maka kalau dia mengikut) walaupun satu detik (seorang) daripada keduanya (atau mengikut orang yang dia zankan seorang musafir maka ternyata dia orang yang bermukim sahaja atau) orang yang bermukim (kemudian berhadath), yang mana ini daripada tambahan ku, (dia menyempurnakan sembahyang) diatas jalan lazim, sekalipun ternyata orang itu pada yang pertama seorang yang musafir lagi mengqasar sembahyang kerana dia cuai padanya, dan pada yang ketiga dengan dua bahagiannya kerana zahir tanda orang yang musafir dan yang bermukim yang mana asal adalah itmam i.e menyempurnakan, dan kerana menyempurnakan itu adalah sunnah pada yang kedua sepertimana diriwayatkan Imam Ahmad dengan sanad yang sahih dari Ibnu Abbas. Adapun kalau ternyata dia berhadath kemudian bermukim atau ternyata keduanya serentak maka tidak lazim dia menyempurnakan kerana pada hakikat tidak ada ikutan, dan pada zahir disangkakan dia musafir.

(وَلَوْ اسْتَخْلَفَ قَاصِرٌ) لِحَبِّثٍ أَوْ غَيْرِهِ، هَذَا أَعَمُّ وَأَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَلَوْ رَعَفَ الْإِمَامُ الْمُسَافِرُ وَاسْتَخْلَفَ، (مِمَّنَّ) مِنَ الْمُقْتَدِينَ أَوْ غَيْرِهِمْ (أَتَمَّ الْمُقْتَدُونَ) بِهِ وَإِنْ لَمْ يَنْوُوا الْإِفْتِدَاءَ بِهِ لِأَنَّهُمْ مُقْتَدُونَ بِهِ حُكْمًا بِدَلِيلٍ

لُحُوقِهِمْ سَهْوُهُ (كَالْإِمَامِ إِنْ عَادَ وَافْتَدَى بِهِ) فَإِنَّهُ يَلْزِمُهُ الْإِتِمَامَ كَافْتِدَائِهِ بِمَتْمٍ. وَسِوَاءَ فِيمَا ذَكَرَ مِنْ لُزُومِ الْإِتِمَامِ لِلْمُقْتَدِي أَفْسَدَتْ صَلَاةُ أَحَدِهِمَا أَمْ لَا، لِأَنَّهُ انْتَرَمَ الْإِتِمَامَ بِالِافْتِدَاءِ وَمَا ذَكَرَ لَا يَنْفَعُهُ.

831. (Kalau imam yang mengqasar menggantikan dari dirinya) kerana najis atau selainnya, ini lebih umum dan utama dari katanya "kalau imam berdarah hidung dan dia menggantikan dari dirinya" (akan seorang yang sembahyang tamam) daripada para makmum atau selain mereka, (orang yang mengikutnya menyempurnakan sembahyang) sekalipun mereka tidak berniat mengikutnya, kerana mereka mengikutnya pada hukum dengan dalil mengubungi mereka oleh lupanya, (samalah seperti imam itu jika dia kembali dan mengikutnya), maka lazim dia menyempurnakan kerana dia mengikut orang yang sembahyang tamam. Sama pada apa yang disebutkan itu, kerana lazim itmam oleh orang yang mengikut, samaada rosak sembahyang satu daripada keduanya⁸⁷ atau tidak, kerana yang mengikut itu melazimi itmam dengan sebab ikutnya dan apa yang disebutkan itu⁸⁸ tidak menolaknya.

(وَلَوْ ظَنَّنَهُ) أَوْ عَلِمَهُ الْمَفْهُومُ بِالْأُولَى (مُسَافِرًا وَشَكَكَ فِي نِيَّتِهِ) الْقَصْرَ (قَصَرَ) جَوَازًا (إِنْ قَصَرَ)، وَإِنْ عَلِقَ نِيَّتَهُ بِنِيَّتِهِ، كَمَا قَالَ : إِنْ قَصَرَ قَصَرْتَ وَإِلَّا ائْتَمَرْتَ، لِأَنَّ الظَّاهِرَ مِنْ حَالِ الْمُسَافِرِ الْقَصْرَ وَلَا يَضُرُّ التَّعْطِيقَ لِأَنَّ الْحُكْمَ مُطَبَّقٌ بِصَلَاةِ إِمَامِهِ. وَإِنْ جَرَمَ، فَإِنَّ أْتَمَّ إِمَامُهُ أَوْ لَمْ يَعْلَمْ هُوَ أْتَمَّ تَبَعًا لَهُ فِي الْأُولَى وَاحْتِيَاطًا فِي الثَّانِيَةِ. وَقَوْلِي ظَنَّنَهُ أُولَى مِنْ قَوْلِهِ عَلِمَهُ.

832. (Kalau dia zankan imam) atau dia tahukannya yang difaham dengan terutama (seorang musafir dan dia syak pada bahawa dia niatkan) qasar (dia mengqasar) diatas jalan harus (jika imamnya mengqasar) sekalipun dia menta'likkan niatnya dengan niat imamnya, seperti bahawa dia berkata : jika dia qasar aku qasar, jika tidak aku sempurnakan, kerana yang zahir dari hal musafir adalah qasar. Tidak memudaharat oleh ta'lik kerana hukum itu dita'likkan dengan sembahyang imamnya. Jika dia jazam, maka jika imamnya menyempurnakan atau dia tidak tahu dia mentamamkan kerana mengikut imamnya pada yang pertama dan kerana cermat pada yang kedua. Kata aku "dia zankannya" terutama dari katanya "mengetahuinya".

(وَ) خَامِسُهَا : (نِيَّتُهُ) أَي الْقَصْرِ، بِخِلَافِ الْإِتِمَامِ لِأَنَّهُ الْأَصْلُ، فَيَلْزِمُ وَإِنْ لَمْ يَنْوِهِ. (فِي تَحْرِيمِ) كَأَصْلِ النِّيَّةِ. فَلَوْ لَمْ يَنْوِهِ فِيهِ بِأَنْ نَوَى الْإِتِمَامَ أَوْ أَطْلَقَ ائْتَمَّ لِأَنَّهُ الْمُنَوِيُّ فِي الْأُولَى وَالْأَصْلُ فِي الثَّانِيَةِ.

833. Kelimanya (niat) qasar, bersalahan itmam kerana ia asal, maka ianya lazim sekalipun dia tidak meniatkannya. (didalam taharrum) sama seperti asal niat. Maka kalau dia tidak niatkan qasar pada taharrum dengan bahawa dia niatkan itmam atau mengitlak dia menyempurnakan kerana ia yang diniatkan pada yang pertama dan yang asal pada yang kedua.

(وَ) سَادِسُهَا : (تَحَرَّرَ عَنْ مُنَافِيهَا دَوَامًا) أَي فِي دَوَامِ الصَّلَاةِ. (فَلَوْ شَكَكَ هَلْ نَوَى الْقَصْرَ) أَوْ لَا (أَوْ) نَوَاهُ ثُمَّ (تَرَدَّدَ فِي أَنَّهُ يَقْصُرُ) أَوْ يَتِمُّ (ائْتَمَّ)، لِأَنَّهُ الْأَصْلُ وَيَلْزِمُهُ الْإِتِمَامُ. وَإِنْ تَذَكَّرَ فِي الْأُولَى حَالًا أَنَّهُ نَوَى الْقَصْرَ لَتَأْدَى جُزْءٌ مِنَ الصَّلَاةِ حَالَ التَّرَدُّدِ عَلَى التَّمَامِ.

834. Keenamnya (memelihara dari perkara yang menafikan qasar sepanjang) sembahyang. (Maka kalau dia syak adakah dia niatkan qasar) atau tidak (atau) dia niatkannya kemudian (berbelah bagi pada bahawa dia mengqasar) atau menyempurnakan (dia menyempurnakan), kerana ia yang asal, dan lazim dia menyempurnakan, sekalipun dia ingat pada yang pertama serta merta bahawa dia telah niatkan qasar, kerana tertunai satu juzuk daripada sembahyang diatas tamam ketika berbelah bagi itu.

⁸⁷ Imam gentian dan makmum.

⁸⁸ Rosal sembahyang imam gentian atau makmum.

(وَلَوْ قَامَ إِمَامُهُ لِثَلَاثَةِ فَتَنِكَ أَهْوَى مُتَمِّمٌ) أَوْ سَاهٍ (أْتَمَّ) وَإِنْ كَانَ سَاهِيًّا، لِأَنَّهُ الْأَصْلُ، (أَوْ قَامَ لَهَا قَاصِرٌ) عَامِدًا عَالِمًا (بِلَا مُوجِبٍ لِإِتْمَامٍ) كُنِيَّتُهُ أَوْ نِيَّةُ إِقَامَةٍ (بَطَلَتْ صَلَاتُهُ)، كَمَا لَوْ قَامَ الْمُتَمِّمُ إِلَى رَكْعَةٍ زَائِدَةٍ، (لَا) إِنْ قَامَ لَهَا (سَاهِيًّا أَوْ جَاهِلًا فَلْيَعُدَّ) عِنْدَ تَذْكُرِهِ أَوْ عِلْمِهِ (وَيَسْجُدُ لِلسَّهْوِ) وَيَسَلِّمُ. (فَإِنْ أَرَادَ) عِنْدَ تَذْكُرِهِ أَوْ عِلْمِهِ (أَنْ يُتَمَّ عَادَ ثُمَّ قَامَ مُتَمِّمًا) بِنِيَّةِ الْإِتْمَامِ، لِأَنَّ الْقِيَامَ وَاجِبٌ عَلَيْهِ وَقِيَامُهُ كَانَ لَعْوًا. وَقَوْلِي أَوْ جَاهِلًا الْمَعْلُومُ مِنْهُ تَقْيِيدٌ مَا قَبْلَهُ بِالْعِلْمِ بِالتَّحْرِيمِ مِنْ زِيَادَتِي.

835. (Kalau bangun imamnya untuk rakaat ketiga maka dia syak adakah imam itu menyempurnakan sembahyang) atau lalai, (dia menyempurnakan) sekalipun imam itu lalai, kerana ia yang asal, (atau dia bangun untuknya dalam keadaan dia mengqasar) dengan sengaja lagi tahu (tanpa ada yang mewajibkan itmam) seperti niat itmam atau niat bermukim (batal sembahyangnya) sepertimana kalau bangun orang yang sembahyang sempurna kepada rakaat yang lebih, (tidak) jika dia bangun untuknya (dalam keadaan lupa atau jahil, maka dia kembali) disisi ingatnya atau tahunya (dan dia sujud sahwi) dan memberi salam. (Maka jika dia hendak menyempurnakan) ketika dia ingat atau tahu (dia kembali kemudian dia bangun menyempurnakan) dengan niat menyempurnakan, kerana bangun itu wajib diatasnya sedangkan bangunnya itu lagha. Kata aku "atau jahil" yang dimaklumi darinya akan kait apa yang sebelumnya dengan tahukan haramnya adalah daripada tambahan ku.

(وَ) سَابِعُهَا (دَوَامٌ سَفَرُهُ فِي) جَمِيعِ (صَلَاتِهِ. فَلَوْ أَنْتَهَى) سَفَرُهُ (فِيهَا) كَأَنَّ بَلَغَتْ سَدْفِينَتَهُ فِيهَا دَارَ إِقَامَتِهِ (أَوْ شَكَ) فِي أَنْتَهَائِهِ وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي (أْتَمَّ) لِرُزْوَالِ سَبَبِ الرُّخْصَةِ فِي الْأُولَى وَلِلشَّكِّ فِيهِ فِي الثَّانِيَةِ.

836. Ketujuhnya (kekal safarnya pada) semua (sembahyangnya. Maka kalau tamat) safarnya (didalam sembahyang) seperti bahawa sampai kapalnya kenegeri dia bermukim (atau dia syak) pada tamatnya yang mana ia daripada tambahan ku (dia menyempurnakan), kerana hilang sebab rukhsakh pada yang pertama dan kerana syak pada hilangnya pada yang kedua.

(وَ) ثَامِنُهَا وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي (عِلْمٌ بِجَوَازِهِ) أَيِ الْقَصْرِ. (فَلَوْ قَصَرَ جَاهِلٌ بِهِ لَمْ تَصِحَّ صَلَاتُهُ) لِتِلْغَابِهِ كَمَا فِي الرُّوْضَةِ وَأَصْلُهَا.

837. Kelapannya yang mana ia daripada tambahan ku (tahu dengan harusnya) iaitu qasar. (Maka kalau orang yang jahilkannya mengqasar tidak sah sembahyangnya) kerana bermain-mainnya sepertimana didalam Raudhah dan asalnya.

(وَالْأَفْضَلُ) لِمُسَافِرٍ سَفَرَ قَصْرَ (صَوْمٍ) أَيِ هُوَ أَفْضَلُ مِنَ الْفِطْرِ إِنْ (لَمْ يَصُرَّه) لِمَا فِيهِ مِنْ بَرَاءَةِ الذِّمَّةِ وَالْمَحَافَظَةِ عَلَى فَضِيلَةِ الْوَقْتِ. فَإِنْ صُرَّه فَالْفِطْرُ أَفْضَلُ.

838. (Yang terafdhal) bagi musafir pada safar yang dekat (adalah puasa) iaitu ianya terafdhal dari tak puasa jika (ia tidak memudharatkan) kerana apa yang sabit padanya daripada lepas zimmah dan peliharaan fadhilat waktu. Maka jika ia memudharatkannya maka tak puasa terafdhal.

(وَ) الْأَفْضَلُ لَهُ (قَصْرٌ)، أَيِ هُوَ أَفْضَلُ مِنَ الْإِتْمَامِ (إِنْ بَلَغَ سَفَرُهُ ثَلَاثَ مَرَاجِلَ وَلَمْ يُخْتَلَفْ فِي) جَوَازِ قَصْرِهِ. فَإِنْ لَمْ يَبْلُغْهَا فَالْإِتْمَامُ أَفْضَلُ (خُرُوجًا مِنْ خِلَافِ أَبِي حَنِيفَةَ، فَاتَّهُ يُوجِبُ الْقَصْرَ إِنْ بَلَغَتْهَا وَالْإِتْمَامَ إِنْ لَمْ يَبْلُغْهَا. وَقَدِّمْتُ فِي بَابِ مَسْحِ الْخَفِّ أَنْ مَنْ تَرَكَ رُخْصَةَ رَغْبَةً عَنِ السُّنَّةِ أَوْ شَكًّا فِي جَوَازِهَا كَرِهَ لَهُ تَرْكُهَا.

839. Yang terafdhal baginya (adalah qasar), iaitu ia terafdhal dari itmam (jika safarnya sampai tiga marhalah dan tidak dikhilafkan pada) harus (qasarnya. Maka jika ia tidak sampai tiga marhalah maka itmam terafdhal) kerana keluar dari khilaf Abu Hanifah, maka dia mewajibkan qasar bilamana safar sampai kepada tiga marhalah dan itmam jika ia tidak sampai

kepadanya. Aku telah dulukan pada bab sapu khuf bahawa orang yang meninggalkan rukhsakh kerana tidak minatkan sunnah atau syak pada harusnya makruh dia meninggalkannya.

وَخَرَجَ بزيادتي وَلَمْ يُخْتَلَفْ فِي قَصْرِهِ مَا لَوْ اِخْتَلَفَ فِيهِ كَمَلَّاحِ يُسَافِرُ فِي الْبَحْرِ وَمَعَهُ عِيَالُهُ فِي سَفِينَةٍ، وَمَنْ يَدِيمُ السَّفَرَ مُطْلَقًا فَأَلْتَمَامُ أَفْضَلُ لَهُ لِأَنَّهُ فِي وَطَنِهِ وَلِلْخُرُوجِ مِنْ خِلَافٍ مَنْ أَوْجِبَهُ عَلَيْهِ كَالْإِمَامِ أَحْمَدَ فَإِنَّهُ لَا يَجُوزُ لَهُ الْقَصْرُ.

840. Keluar dengan tambahan ku "dan tidak dikhilafkan pada qasarnya" oleh keadaan kalau dikhilafkan padanya, seperti nakhoda kapal yang bermusafir dilautan dan bersama dia keluarganya didalam kapal, dan orang yang kekal bermusafir semata-mata maka, itmam terafdhal baginya kerana dia pada watannya dan kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya keatas dia seperti imam Ahmad, maka dia tidak mengharuskan qasar baginya.

(فَصَنَّ) فِي الْجَمْعِ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ. 48 (يَجُوزُ جَمْعُ عَصْرَيْنِ) أَي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ، (وَمَغْرِبَيْنِ) أَي الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ، (تَقْدِيمًا) فِي وَقْتِ الْأُولَى (وَتَأْخِيرًا) فِي وَقْتِ الثَّانِيَةِ، (فِي سَفَرٍ قَصْرٍ). هُوَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ فِي السَّفَرِ الطَّوِيلِ. وَالْجُمُعَةُ كَالظُّهْرِ فِي جَمْعِ التَّقْدِيمِ. وَغَلَبَ فِي الثَّنَائِيَةِ الْعَصْرُ لِشَرَفِهَا وَالْمَغْرِبُ لِلنَّهْيِ عَنِ تَسْمِيَّتِهَا عِشَاءً

841. FASAL pada jamak diantara dua sembahyang. (Harus jamak i.e himpun dua 'asar) iaitu zohor dan asar (dan dua maghrib) iaitu maghrib dan isyak, (sebagai jamak taqdim i.e mendulukan) pada waktu pertama (dan takhir i.e mengkemudiankan) pada waktu kedua, (pada safar qasar), ianya terutama dari kata asal "pada safar yang jauh". Jumaat sama seperti zohor pada jamak taqdim. Dimenangkan pada tathniah akan asar kerana mulianya dan maghrib kerana tegahan dari menamakannya dengan isyak.

(وَالْأَفْضَلُ لِسَائِرِ وَقْتِ أَوْلَى) كَسَائِرِ بَيْتِ بَمُزْدَلِفَةَ (تَأْخِيرٍ وَلِغَيْرِهِ تَقْدِيمٍ) لِلتَّبَاعِ. رَوَاهُ الشَّيْخَانُ فِي الْعَصْرَيْنِ وَأَبُو دَاوُدَ وَغَيْرُهُ فِي الْمَغْرِبَيْنِ. فَلَا جَمْعَ بغيرِ مَا يَأْتِي فِي غيرِ سَفَرٍ قَصْرٍ كَحَضْرٍ وَسَفَرٍ قَصِيرٍ وَسَفَرٍ مَعْصِيَةٍ.

842. (Yang terafdhal bagi orang yang berjalan pada waktu pertama) seperti orang yang berjalan yang bermalam di Muzdalifah⁴⁹ (adalah mentakhirkan dan bagi selainnya mentaqdimkan) kerana ittiba'. Meriwayatkannya dua syeikh pada dua asar dan Abu Daud dan selainnya pada dua maghrib. Maka tidak ada jamak dengan sealin sebab yang akan datang⁵⁰ pada selain safar qasar, seperti hadhir dan safar yang pendek dan safar maksiat.

وَلَا تُجْمَعُ الصُّبْحُ مَعَ غَيْرِهَا وَلَا الْعَصْرُ مَعَ الْمَغْرِبِ. وَتَرَكَ الْجَمْعَ أَفْضَلُ كَمَا أَشْعَرَ بِهِ التَّعْبِيرُ بِجُوزٍ. وَيُسْتَنْتَنِي مِنْهُ الْحَاجُّ بِعَرَفَةَ وَمُزْدَلِفَةَ وَمَنْ إِذَا جَمَعَ صَلَّى جَمَاعَةً أَوْ خَلَا عَنْ حَدِّهِ الدَّائِمِ أَوْ كَشَفَ عَوْرَتِهِ، فَالْجَمْعُ أَفْضَلُ. وَيُسْتَنْتَنِي مِنْ جَمْعِ التَّقْدِيمِ الْمُتَحَيَّرَةَ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ فِي بَابِهَا.

843. Tidak dijamakkan subuh dengan selainnya dan tidak asar dengan maghrib. Meninggalkan jamak terafdhal sepertimana disedarkan ibarat dengan "harus". Dikecualikan darinya orang yang mengerjakan haji di Arafah dan Muzdalifah dan orang yang apabila menjamak dia sembahyang jamaah atau sunyi dari hadathnya yang berpanjangan atau sunyi dari terdedah auratnya, maka jamak terafdhal. Dikecualikan dari jamak taqdim akan mutahayyirah sepertimana didalam Raudhah didalam babnya.

(وَشُرْطَ لَهُ) أَي لِلتَّقْدِيمِ أَرْبَعَةَ شُرُوطٍ أَحَدُهَا : (تَرْتِيبٌ) بِأَنْ يَبْدَأَ بِالْأَوْلَى لِأَنَّ الْوَقْتَ لَهَا وَالثَّانِيَةَ تَبَعٌ. فَلَوْ صَلَّى قَبْلَ الْأَوْلَى لَمْ تَصِحَّ وَيُعِيدُهَا بَعْدَهُ إِنْ أَرَادَ الْجَمْعَ.

844. (Disyaratkan bagi) taqdim empat syarat. Satu daripadanya (tertib) dengan bahawa dia mula dengan yang pertama kerana waktu itu miliknya dan yang kedua pengikutnya. Maka kalau

dia sembahyangkannya sebelum yang pertama tidak sah ia dan dia mengulanginya selepasnya jika dia hendak menjamak.

(وَ) ثَانِيهَا : (نِيَّةً جَمْعَ) ، لِيَتَمَيَّزَ التَّقْدِيمُ الْمَشْرُوعُ عَنِ التَّقْدِيمِ سَهْوًا أَوْ عِبْتًا (فِي أُولَى) ، وَلَوْ مَعَ تَحْلِهِ مِنْهَا لِحُصُولِ الْغَرَضِ بِذَلِكَ ، لَكِنْ أَوْلَاهَا أُولَى .

845. Ketiganya (**niat jamak**) supaya terbeza taqdim yang disyara'kan dari taqdim diatas jalan lalai atau bermain-main (**pada yang pertama**), walaupun beserta dengan tahallul darinya kerana terhasil tujuan dengan demikian itu, akan tetapi pada awalnya terutama.

(وَ) ثَالِثُهَا (وَلَا) ، بِأَنَّ لَا يَطُولُ بَيْنَهُمَا فَصْلٌ (عُرْفًا) ، لِمَا رَوَى الشَّيْخَانُ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا جَمَعَ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ وَالْيَ بَيْنَهُمَا وَتَرَكَ الرُّوَاتِبَ بَيْنَهُمَا وَأَقَامَ الصَّلَاةَ بَيْنَهُمَا } . فَيُضْرُ فَصْلٌ طَوِيلٌ وَلَوْ بَعْدَ كَسْهُوَ وَإِعْمَاءِ . بِخِلَافِ الْقَصِيرِ كَقَدْرِ إِقَامَةِ وَتَيْمُمٍ وَطَلَبِ خَفِيفٍ .

846. Ketiganya (**berturutan**) dengan bahawa tidak lama perceraian (**pada uruf**) kerana apa yang diriwayatkan dua syeikh ((bahawa nabi sawm tatkala menjamak diantara dua sembahyang dia menurut-nurutkan diantara keduanya dan meninggalkan rawatib diantara keduanya dan mengqamatkan sembahyang diantara keduanya)). Maka memudharatkan ceraian yang lama walaupun dengan uzur seperti lupa dan pitam. Bersalahan yang pendek seperi kadar qamat dan tayammum dan mencari air yang ringan.

(وَلَوْ ذَكَرَ بَعْدَهُمَا تَرَكَ رُكْنَ مِنْ أُولَى أَعَادَهُمَا) ، الْأُولَى لِبُطْلَانِهَا بِتَرَكَ الرُّكْنِ وَتَعَدَّرَ التَّدَارُكَ بِطُولِ الْفَصْلِ ، وَالثَّانِيَةَ لِبُطْلَانِ فَرْضِيَّتِهَا بِإِنْتِفَاءِ شَرْطِهَا مِنْ إِبْتِدَائِهِ بِالْأُولَى لِبُطْلَانِهَا . (وَلَهُ جَمْعُهُمَا) تَقْدِيمًا أَوْ تَأْخِيرًا لَوْجُودِ الْمُرْخَصِ .

847. (Kalau dia ingat selepas keduanya bahawa dia meninggalkan satu rukun dari yang pertama dia mengulang kedua-duanya), yang pertama kerana batalnya dengan sebab meninggalkan rukun dan teruzur memperdapatkannya dengan sebab lama ceraian, yang kedua kerana batal kefardhuannya dengan ternafi syaratnya daripada memulakannya dengan yang pertama kerana batalnya. (Boleh dia menjamakkankeduanya), taqdim dan takhir, kerana ujud yang merukhsahkan.

(أَوْ) ذَكَرَ بَعْدَهُمَا تَرَكَهُ (مِنْ ثَانِيَةٍ وَلَمْ يَطُنْ فَصْلٌ) بَيْنَ سَلَامِهَا وَالدُّكْرِ (تَدَارُكَ) وَصَحَّتَا . (وَإِلَّا) أَيَّ وَإِنْ طَالَ الْفَصْلُ (بَطَلَتْ) أَيُّ الثَّانِيَةَ ، (وَلَا جَمْعَ) لَطُولِ الْفَصْلِ فَيُعِيدُهَا فِي وَقْتِهَا . (وَلَوْ جَهْلٌ) بِأَنَّ لَمْ يُدْرِكْ مِنْ الْأُولَى أَمْ مِنْ الثَّانِيَةَ (أَعَادَهُمَا) لِاحْتِمَالِ أَنَّهُ مِنَ الْأُولَى (بِلَا جَمْعٍ تَقْدِيمِ) بِأَنَّ يُصَلِّي كُلًّا مِنْهُمَا فِي وَقْتِهِ أَوْ يَجْمَعُهُمَا تَأْخِيرًا لِاحْتِمَالِ أَنَّهُ مِنَ الثَّانِيَةِ مَعَ طُولِ الْفَصْلِ بِهَا وَبِالْأُولَى الْمَعَادَةَ بَعْدَهَا . فَتَعْبِيرِي بِذَلِكَ أُولَى مِنْ قَوْلِهِ لَوْقْتَهُمَا .

848. (atau) dia ingat selepas kedua sembahyangnya bahawa dia meninggalkan satu rukun (**dari yang kedua dan tidak lama perceraian**) diantara salamnya dan ingatnya (**dia memperdapatkan**) dan sahlah keduanya. (**Jika tidak**) iaitu jika lama perceraian itu (**batallah**) yang kedua, (**dan tidak boleh jamak**) kerana lama perceraian maka dia mengulanginya didalam waktunya. (**Kalau dijahilkan ia**) dengan bahawa dia tidak tahu, dari yang pertama atau dari yang kedua (**dia mengulang kedua-duanya**) kerana ihtimal bahawa ia dari yang pertama (**dengan selain jamak taqdim**), dengan bahawa dia sembahyangkan setiap satu daripada keduanya didalam waktunya atau dia menjamakkan keduanya dengan jamak takhir kerana ihtimal bahawa rukun itu dari sembahyang yang kedua serta lama perceraian dengannya dan dengan sembahyang yang pertama yang diulang selepasnya. Maka ibarat aku dengan demikian itu terutama dari katanya "bagi waktu keduanya".

(وَ) رَابِعُهَا (دَوَامٌ سَفَرِهِ إِلَى عَقْدِ ثَانِيَةٍ. فَلَوْ أَقَامَ قَبْلَهُ فَلَا جَمْعَ) لِزَوَالِ السَّبَبِ. فَيَتَعَيَّنُ تَأْخِيرُ الثَّانِيَةِ إِلَى وَقْتِهَا.

849. Keempatnya (berterusan safarnya hingga kepada terjadi yang kedua. Maka kalau dia bermukim sebelumnya maka tidak ada jamak) kerana hilang sebab. Maka tertentu mentakhirkan yang kedua kepada waktunya.

(وَشُرْطٌ لِلتَّأْخِيرِ أَمْرَانِ) فَقَطُّ. أَحَدُهُمَا (نِيَّةُ جَمْعٍ فِي وَقْتِ أَوْلَى مَا بَقِيَ قَدْرُ رُكْعَةٍ)، تَمْيِيزًا لَهُ عَنِ التَّأْخِيرِ تَعْدِيًّا. وَظَاهِرٌ أَنَّهُ لَوْ أَخَّرَ النِّيَّةَ إِلَى وَقْتِ لَا يَسَعُ الْأَوْلَى عَصَى وَإِنْ وَقَعَتْ أَدَاءً. (وَإِلَّا) أَيِ وَإِنْ لَمْ يَتَوَّجَّعْ الْجَمْعُ أَوْ نَوَاهُ فِي وَقْتِ الْأَوْلَى وَلَمْ يَبْقُ مِنْهُ مَا يَسَعُ رُكْعَةً (عَصَى وَكَانَتْ قِضَاءً). وَقَوْلِي مَا بَقِيَ قَدْرُ رُكْعَةٍ مِنْ زِيَادَتِي أَخْذًا مِنَ الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا عَنِ الْأَصْحَابِ، وَإِنْ وَقَعَ فِي الْمَجْمُوعِ مَا يُخَالِفُهُ ظَاهِرًا. وَقَدْ بَيَّنَّتْ ذَلِكَ مَعَ فَوَائِدٍ فِي شَرْحِ الْبَهْجَةِ وَغَيْرِهِ.

850. (Disyaratkan bagi takhir itu dua perkara) sahaja. Satu daripadanya (niat jamak pada waktu pertama selama tinggal lagi kadar satu rakaat, kerana membezakannya dari takhir yang melampaui batas. Yang zahir bahawa kalau dia mentakhirkan niat itu hingga kepada waktu yang tidak memuatkan sembahyang yang pertama dia maksiat sekalipun ia jatuh sebagai tunai. (Jika tidak), iaitu jika dia tidak niatkan jamak atau dia niatkannya didalam waktu pertama dan tidak tinggal darinya kadar yang memuatkan satu rakaat (dia maksiat dan adalah ianya qadha). Kata aku " selama tinggal kadar satu rakaat" daripada tambahan ku kerana faham dari Raudhah seperti asalnya dari para sahabat Syafi'e. Sekalipun jatuh didalam Majmuk apa yang menyalahinya pada zahir. Sungguhnya telah aku jelaskan demikian itu beserta beberapa faedah didalam syarah Bahjah dan selalinya.

(وَ) ثَانِيَهُمَا (دَوَامٌ سَفَرِهِ إِلَى تَمَامِهِمَا. فَلَوْ أَقَامَ قَبْلَهُ صَارَتْ الْأَوْلَى قِضَاءً) لِأَنَّهَا تَابِعَةٌ لِلثَّانِيَةِ فِي الْأَدَاءِ لِلْعُدْرِ وَقَدْ زَالَ قَبْلَ تَمَامِهَا. وَفِي الْمَجْمُوعِ إِذَا قَامَ فِي أَثْنَاءِ الثَّانِيَةِ يَنْبَغِي أَنْ تَكُونَ الْأَوْلَى أَدَاءً بِلَا خِلَافٍ. قَالَ السُّبْكِيُّ وَغَيْرُهُ : وَتَعْلِيلُهُمْ مُنْطَبِقٌ عَلَى تَقْدِيمِ الْأَوْلَى. فَلَوْ عَكَسَ وَأَقَامَ فِي أَثْنَاءِ الظُّهْرِ مَثَلًا فَقَدْ وَجَدَ الْعُدْرَ فِي جَمِيعِ الْمُتَبَوِّعَةِ وَأَوَّلِ التَّابِعَةِ. وَقِيَاسٌ مَا مَرَّ فِي جَمْعِ التَّقْدِيمِ أَنَّهَا أَدَاءٌ عَلَى الْأَصْحَاحِ أَيِ كَمَا أَفْهَمَهُ تَعْلِيلُهُمْ. وَمِنْهُمْ مَنْ أَجْرَى الْكَلَامَ عَلَى ظَاهِرِهِ. وَفَرَّقَ بَيْنَ جَمْعِ التَّقْدِيمِ وَالتَّأْخِيرِ وَقَدْ بَيَّنَّتهُ فِي شَرْحِ الْبَهْجَةِ وَغَيْرِهِ. وَأَمَّا بَقِيَّةُ شُرُوطِ التَّقْدِيمِ فَسُنَّةٌ هُنَا كَمَا صَرَّحَ بِهِ فِي الْمَجْمُوعِ.

851. Keduanya (kekal safarnya hingga sempurna keduanya. Maka kalau dia bermukim sebelumnya jadilah yang pertama itu kadha), kerana ia mengikut yang kedua pada tunai kerana uzur dan ia telah hilang sebelum sempurnanya. Didalam Majmuk : bila dia bermukim ditengah yang kedua sayugia bahawa yang pertama itu tunai tanpa khilaf. Kata Subki dan selainnya : ta'ilil mereka itu kena keatas mendulukan sembahyang pertama. Maka kalau di'akaskan dan dia bermukim pada tengah zohor sebagai contoh maka sungguh didapati uzur - iaitu safar- pada semua sembahyang yang diikut dan awal sembahyang yang mengikuti, dan kias apa yang telah lalu pada jamak taqdim bahawa ianya tunai diatas yang paling sahah iaitu sepertimana difahamkan oleh ta'ilil mereka. Daripada mereka ada orang yang memperjalankan kalam ini diatas zahirnya⁸⁹ dan dia membezakan diantara jamak taqdim dan ta'khir. Sungguh telah aku jelaskan didalam syarah Bahjah dan selainnya. Adapun baki syarat-syarat taqdim maka disini adalah sunat seperti mana dijelaskan didalam Majmuk.

(وَيَجُوزُ) وَلَوْ لِمَقِيمٍ (جَمْعٌ) لِمَا يُجْمَعُ بِالسَّفَرِ (بِنَحْوِ مَطَرٍ) كَتَلَجٍ وَبَرْدٍ دَانِبَيْنِ وَشَفَّانٍ (تَقْدِيمًا) بِقِيْدِ زِدَّتِهِ بِقَوْلِي (بِشُرُوطِهِ) السَّابِقَةِ (غَيْرِ) الشَّرْطِ (الْأَخِيرِ) فِي الْجَمْعِ بِالسَّفَرِ لِلِاتِّبَاعِ رَوَاهُ الشَّيْخَانِ وَغَيْرُهُمَا وَتَعْبِيرِي بِنَحْوِ مَطَرٍ أَعْمٌ مِمَّا ذَكَرَهُ .

⁸⁹ Daripada bahawa tidak dapat tidak dari kekal safar.

852. (**Harus**) walaupun bagi yang bermukim (**jamak**) akan apa yang dijamakkan dengan safar (**dengan umpama hujan**) seperti salju dan embun yang cair dan hujan ribut (**sebagai jamak taqdim**) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**dengan syarat-syaratnya**) yang lalu (**selain**) syarat (**yang akhir**), pada jamak dengan safar, kerana ittiba' yang diriwayatkan dua syeikh dan selain keduanya. Ibarat aku dengan "umpama hujan" lebih umum dari apa yang dia sebutkan".

(وَ) بِشَرْطِ (أَنْ يُصَلِّيَ جَمَاعَةً بِمُصَلِّي)، هُوَ أَعَمُّ مِنْ قَوْلِهِ بِمَسْجِدٍ، (بَعِيدٌ) عَنْ بَابِ دَارِهِ عُرْفًا بِحَيْثُ (يَتَأَدَّى بِذَلِكَ فِي طَرِيقِهِ) إِلَيْهِ، بِخِلَافِ مَنْ يُصَلِّي فِي بَيْتِهِ مُنْفَرِدًا أَوْ جَمَاعَةً أَوْ يَمْشِي إِلَى الْمَصَلَّى فِي كَنْ أَوْ كَانَ الْمَصَلَّى قَرِيبًا، فَلَا يَجْمَعُ لِانْتِفَاءِ التَّأَدِّي، وَبِخِلَافِ مَنْ يُصَلِّي مُنْفَرِدًا بِمُصَلِّي لِانْتِفَاءِ الْجَمَاعَةِ فِيهِ. وَأَمَّا { جَمَعَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَطَرِ مَعَ أَنْ بَيُوتَ أَزْوَاجِهِ كَانَتْ بِجَذْبِ الْمَسْجِدِ } فَاجَابُوا عَذَّةً بِأَنَّ بُيُوتَهُنَّ كَانَتْ مُخْتَلَفَةً وَأَكْثَرَهَا كَانَ بَعِيدًا، فَلَعَلَّهُ حِينَ جَمَعَ لَمْ يَكُنْ بِالْقَرِيبِ. وَيَجَابُ أَيْضًا بِأَنَّ لِلْإِمَامِ أَنْ يَجْمَعَ بِالْمَأْمُومِينَ وَإِنْ لَمْ يَتَأَدَّ بِالْمَطَرِ. صَرَّحَ بِهِ ابْنُ أَبِي هُرَيْرَةَ وَغَيْرُهُ.

853. (**dan**) dengan syarat (**bahawa dia sembahyang berjamaah pada musalla**), ia lebih umum dari katanya "dimasjid", (**yang jauh**) dari pintu rumahnya pada 'uruf dengan sekira-kira (**dia terganggu dengan demikian itu pada jalannya**) kepadanya, bersalahan orang yang sembahyang didalam rumahnya sendirian atau berjamaah atau berjalan kepada musalla dibawah teduhan atau adalah musallanya dekat, maka dia tidak menjamak kerana ternafi gangguan, dan bersalahan orang yang sembahyang sendirian pada musalla kerana ternafi jamaah padanya. Adapun ((jamak nabi sawm dengan sebab hujan serta rumah-rumah isteri-isterinya adalah disebelah masjid)) maka mereka menjawab darinya dengan bahwa rumah-rumah mereka itu banyak dan kebanyakannya adalah jauh, maka barangkali ketika menjamak dia tidak berada pada yang dekat. Dijawab juga dengan bahawa imam boleh menjamak dengan para makmum sekalipun dia tidak terganggu dengan hujan. Menjelaskannya Ibnu Abi Hurairah dan selainnya.

(وَ) بِشَرْطِ (أَنْ يُوجَدَ ذَلِكَ) أَي نَحْوِ الْمَطَرِ (عِنْدَ تَحْرِمِهِ بِهِمَا) لِيُقَارَنَ الْجَمْعُ (وَ) عِنْدَ (تَحَلُّهِ مِنْ أَوْلَى) لِيَتَّصَلَ بِأَوَّلِ الثَّانِيَةِ. فَيُؤْخَذُ مِنْهُ اعْتِبَارُ امْتِدَادِهِ بَيْنَهُمَا، وَهُوَ ظَاهِرٌ. وَلَا يَضُرُّ انْقِطَاعُهُ فِي أَثْنَاءِ الْأَوَّلَى أَوْ الثَّانِيَةِ أَوْ بَعْدَهُمَا. قَالَ الْمُحِبُّ الطَّبْرِيُّ : وَلِمَنْ اتَّفَقَ لَهُ وَجُودُ الْمَطَرِ وَهُوَ بِالْمَسْجِدِ أَنْ يَجْمَعَ. وَإِلَّا لَاحْتِاجَ إِلَى صَلَاةِ الْعَصْرِ أَوْ الْعِشَاءِ فِي جَمَاعَةٍ، وَفِيهِ مَشَقَّةٌ فِي رُجُوعِهِ إِلَى بَيْتِهِ ثُمَّ عَوْدِهِ أَوْ فِي إِقَامَتِهِ. وَكَلَامٌ غَيْرُهُ يَفْتَضِيهِ. أَمَّا الْجَمْعُ تَأْخِيرًا بِمَا ذَكَرَ فَمُمْتَنِعٌ لِأَنَّ الْمَطَرُ قَدْ يَنْقَطِعُ قَبْلَ أَنْ يَجْمَعَ.

854. (**dan**) dengan syarat (**bahawa didapati demikian itu**) iaitu umpama hujan (**disisi taharrumnya dengan keduanya**) supaya ia beserta dengan jamak (**dan**) disisi (**tahallulnya dari sembahyang pertama**) supaya ia bersambung dengan awal sembahyang kedua. Maka diambil faham darinya bahawa diktibarkan berpanjangannya diantara keduanya yang mana ianya zahir. Tidak mudharat terputusnya pada tengah yang pertama atau yang kedua atau selepas keduanya. Kata Muhibbu Thabari : boleh bagi orang yang kebetulan padanya ujud hujan sedang dia berrada didalam masjid bahawa dia menjamak. Jika tidak, nescaya dia perlu kepada sembahyang asar atau isyak berjamaah dan ujud masyaqqah padanya pada baliknya kepada rumahnya kemudian kembalinya kemusalla atau pada bermukimnya pda musalla. Kalam selain dia menuntutnya. Adapun jamak takhir dengan apa yang disebutkan itu maka tertegah kerana hujan terkadang putus sebelum dia membuat jamak.

(تَتِمَّةٌ). الْأَوَّلَى : أَنْ يُصَلِّيَ فِي جَمْعِ الْعَصْرَيْنِ قَبْلَهُمَا سُنَّةَ الظُّهْرِ الَّتِي قَبْلَهَا وَبَعْدَهُمَا بَقِيَّةَ السُّنَنِ مُرْتَبَةً، وَفِي جَمْعِ الْمَغْرِبِينَ بَعْدَهُمَا سُنَّتُهُمَا مُرْتَبَةً إِنْ تَرَكَ سُنَّةَ الْمَغْرِبِ الَّتِي قَبْلَهَا. وَإِلَّا فَكَجْمَعِ الْعَصْرَيْنِ. وَلَهُ غَيْرُ ذَلِكَ عَلَى مَا حَرَّرْتَهُ فِي شَرْحِ الرَّوْضِ وَغَيْرِهِ.

855. (Tatimmah). Yang pertama : bahawa dia sembahyang pada jamak dua asar sebelum keduanya akan sunat qabliyah zohor dan selepas keduanya baki sunat-sunat rawatib dalam keadaan tersusun, dan pada jamak dua maghrib selepas keduanya akan sunat-sunat keduanya dalam keadaan tersusun, jika dia meninggalkan sunat qabliyah maghrib. Jika tidak⁹⁰, maka seperti jamak dua asar itu. Boleh dia melakukannya dalam keadaan tidak tersusun diatas apa yang dia huraikan didalam syarah Raudh dan selainnya.

(بَابُ صَلَاةِ الْجُمُعَةِ)

بِضْمِ الْمِيمِ وَسُكُونِهَا وَفَتْحِهَا وَحَكِي كَسْرُهَا. (تَتَعَيَّنُ). وَالْأَصْلُ فِي تَعْيِينِهَا آيَةٌ { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ } ، وَأَخْبَارٌ صَحِيحَةٌ كَخَبَرِ { رَوَّاحِ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ } وَخَبَرِ { الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةٌ : عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ } . وَمَعْلُومٌ أَنَّهَا رَكْعَتَانِ .

856. **BAB SEMBAHYANG JAMAAH. (Tertentu).** Asal pada tertentunya adalah ayat ((wahai orang-orang beriman bila diserukan kepada sembahyang pada hari jumaat)), dan beberapa hadith yang sahih seperti khabar ((pergi jumaat itu wajib diatas setiap lelaki yang mimpi)), dan khabar ((jumaat itu hak yang wajib diatas setiap muslim secara berkumpulan melainkan empat: hamba yang dimiliki atau perempuan atau kanak-kanak atau orang sakit)). Maklum bahawa ianya dua rakaat.

(عَلَى) مُسْلِمٍ مُكَلَّفٍ كَمَا عَلِمَ ذَلِكَ مِنْ كِتَابِ الصَّلَاةِ (حُرٌّ ذَكَرَ بِلاَ عُدْرٍ تَرَكَ الْجَمَاعَةَ مُقِيمٍ بِمَحَلِّ جُمُعَةٍ) تَأْسِيًّا بِه صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَالْخُلَفَاءَ بَعْدَهُ ، (أَوْ بِمُسْتَوٍ بَلَغَهُ فِيهِ) حَالَةً كَوْنِهِ (مُعْتَدِلٌ سَمِعَ صَوْتَ عَالٍ عَادَةً فِي هُدُوءٍ) أَيِ سَكُونٍ لِلْأَصْوَاتِ وَالرِّيَّاحِ (مِنْ طَرَفِ مَحَلِّهَا الَّذِي يَلِيهِ ، أَوْ مُسَافِرٍ لَهُ) أَيِ لِلْمُسْتَوِيِّ (مِنْ مَحَلِّهَا) أَوْ مُسَافِرٍ لِمَعْصِيَةٍ كَمَا عَلِمَ مِنَ الْبَابِ قَبْلَهُ ، لِخَبَرِ أَبِي دَاوُدَ { الْجُمُعَةُ عَلَى مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ } وَالْمُسَافِرِ لِمَعْصِيَةٍ لَيْسَ مِنْ أَهْلِ الرَّخْصِ .

857. (keatas) muslim, yang mukallaf sepertimana diketahui demikian itu dari kitab sembahyang (yang merdeka, yang lelaki, tanpa uzur meninggalkan jamaah, yang bermukim pada tempat jumaat) kerana bercontoh dengan nabi sawm dan dengan para khalifah selepasnya (atau pada tempat rata yang sampai kepada dia padanya) hal keadaan dia (sederhana pendengaran oleh suara yang tinggi pada adatnya pada ketika tenang) iaitu tidak ada suara-suara dan angin (dari pinggir tempat jumaat yang mengiringinya, atau orang yang bermusafir kepadanya) iaitu kepada tempat rata itu (dari tempat jumaat), atau yang bermusafir kerana maksiat sepertimana diketahui daripada bab sebelumnya kerana khabar Abu Daud ((jumaat itu diatas orang yang mendengar seruan)), dan musafir kerana maksat bukan daripada ahli rukhaskh.

فَلَا جُمُعَةٌ عَلَى كَافِرٍ أَصْلِيٍّ بِمَعْنَى أَنَّهُ لَا يُطَالَبُ بِهَا فِي الدُّنْيَا ، وَلَا عَلَى صَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَمُعْمَى عَلَيْهِ وَسُكْرَانَ كَسَائِرِ الصَّلَوَاتِ وَإِنْ لَزِمَ الثَّلَاثَةَ الْأَخِيرَةَ عِنْدَ التَّعَدِّيِّ قَضَاؤُهَا ظَهْرًا كَغَيْرِهَا ، وَلَا عَلَى مَنْ بِهِ رِقٌّ ، وَلَا عَلَى امْرَأَةٍ وَخُنْثَىٍّ لِلْخَبَرِ السَّابِقِ ، وَالْحَقُّ بِالْمَرْأَةِ فِيهِ الْخُنْثَى لِاحْتِمَالِ أَنْوَتِهِ ، وَلَا عَلَى مَنْ بِهِ عُدْرٌ فِي تَرَكَ الْجَمَاعَةِ مِمَّا يُتَصَوَّرُ هُنَا لَمَّا مَرَّ فِي الْخَبَرِ ، وَالْحَقُّ بِالْمَرِيضِ فِيهِ نَحْوُهُ ، وَلَا عَلَى مُسَافِرٍ غَيْرٍ مِنْ مَرٍّ وَدَوٍّ سَفَرًا قَصِيرًا لِاسْتِغَالِهِ بِالسَّفَرِ وَأَسْبَابِهِ ، وَلَا مُقِيمٍ بغيرِ مَحَلِّ الْجُمُعَةِ وَلَا يَبْلُغُهُ الصَّوْتُ الْمَذْكُورُ لِمَفْهُومِ خَبَرِ أَبِي دَاوُدَ السَّابِقِ .

⁹⁰ Iaitu jika dia sembahyangkan sunat maghrib maka dia sembahyangkannya sebelum keduanya. Ini disebutkan kerana sunat qabliyah maghrib tidak muakkad.

858. Maka tidak ada jumaat keatas kafir asli dengan makna bahawa dia tidak dituntut dengannya didunia, dan tidak keatas kanak-kanak dan orang gila dan orang yang pitam dan mabuk sama seperti baki sembahyang-sembahyang, sekalipun lazim tiga orang yang akhir disisi melampau mengkadahnya seagai zohor seperti selainnya, dan tidak keatas orang yang ada kehamban padanya, dan tidak keatas perempuan dan khunsa kerana khabar yang lalu, dihubungkan dengan perempuan padanya akan khunsa kerana ihtimal keperempuannya, dan tidak keatas orang yang ada uzur padanya pada meninggalkan jamaah daripada apa yang tergambar adanya disini kerana apa yang telah lalu pada khabar itu, dihubungkan dengan orang sakit padanya akan yang seumpamanya, dan tidak keatas musafir selain musafir yang disebutkan walaupun pada safar yang pendek kerana sibuknya dengan safar dan sebab-sebabnya, dan tidak keatas orang yang bermukim pada selain tempat jumaat dan tidak sampai kepadanya suara yang tersebut kerana mafhum khabar Abu Daud yang lalu itu.

وَعَلِمَ بِقَوْلِي بِمُسْتَوٍ أَنَّهُ لَوْ كَانَتْ قَرْيَةٌ لَيْسَتْ مَحَلَّ جُمُعَةٍ عَلَى رَأْسِ جَبَلٍ فَسَمِعَ أَهْلُهَا النَّدَاءَ لَعُلُّوْهَا وَلَوْ كَانَتْ بِمُسْتَوٍ لَمْ يَسْمَعُوهُ أَوْ كَانَتْ فِي مُنْحَفِصٍ فَلَمْ يَسْمَعُوهُ لِانْخِفَاضِهَا وَلَوْ كَانَتْ بِمُسْتَوٍ لَسَمِعُوهُ لَزِمَتْهُمْ الْجُمُعَةُ فِي الثَّانِيَةِ دُونَ الْأُولَى.

859. Diketahui dengan kata aku "pada tanah rata" bahawa kalau kampung yang bukan tempat jumaat itu diatas puncak bukit maka penduduknya mendengar seruan jumaat kerana tingginya, dan kalaulah ia pada tanah rata nescaya mereka tidak mendengarnya atau adalah ia pada tanah rendah maka mereka tidak mendengarnya kerana rendahnya dan kalaulah ia pada tanah rata nescaya mereka mendengarnya melazimi mereka oleh jumaat pada yang kedua tidak yang pertama.

وَبِقَوْلِي مُعْتَدِلٍ سَمِعَ أَنَّهُ لَوْ كَانَ أَصَمًّا أَوْ جَاوَزَ سَمْعُهُ حَدَّ الْعَادَةِ لَمْ يُعْتَبَرْ. وَبِقَوْلِي عَادَةً فِي هُدُوِّ أَنَّهُ لَوْ كَانَ الصَّوْتُ الْعَالِي عَلَى خِلَافِ عَادَتِهِ فِي بَقِيَّةِ الْأَيَّامِ أَوْ عَلَى عَادَتِهِ لَا فِي هُدُوِّ لَمْ تَتَّعَيْنَ. وَلَا يُعْتَبَرُ وَقُوفُ الْمُنَادِي بِمَحَلِّ عَالٍ كَمَنَارَةٍ.

860. Diketahui dengan kata aku "yang sederhana pendengaran" bahawa kalau dia tuli atau pendengarannya melebihi had adap tidak diiktibarkan. Diketahui dengan kata ku pada adat dalam keadaan tenang" bahawa kalau suara itu tinggi diatas menyelahi adatnya pada hari-hari lain atau diatas adatnya tapi tidak pada keadaan tenang tidak tertentu jumaat. Tidak diiktibarkan berdiri orang yang menyeru pada tempat tinggi seperti menara.

وَلَوْ وَافَقَ يَوْمَ جُمُعَةٍ عِيدٌ فَحَضَرَ صَلَاتَهُ أَهْلٌ قَرَى يَبْلُغُهُمُ النَّدَاءُ فَلَهُمُ الْإِنْصِرَافُ وَتَرَكَ الْجُمُعَةَ. نَعَمْ، لَوْ دَخَلَ وَقْتُهَا قَبْلَ أَنْصِرَافِهِمْ كَأَنَّ دَخَلَ عَقَبَ سَلَامِهِمْ مِنَ الْعِيدِ فَالظَّاهِرُ أَنَّهُ لَيْسَ لَهُمْ تَرْكُهَا. وَقَوْلِي مُعْتَدِلٍ سَمِعَ وَعَادَةً مَعَ أَوْ مُسَافِرٍ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي. وَتَغْيِيرِي بِمُسْتَوٍ أُولَى مِنْ تَغْيِيرِهِ بِقَرْيَةٍ.

861. Kalau berbetulan dengan hari jumaat oleh hari raya maka penduduk kampung yang sampai kepada mereka seruan jumaat itu hadir maka boleh mereka berpaling pergi dan meninggalkan jumaat. Na'am, kalau masuk waktunya sebelum mereka berpaling pergi seperti bahawa ia masuk mengiringi salam mereka dari sembahyang raya maka yang zahir bahawa tidak boleh mereka meninggalkannya. Kata aku "sederhana pendengaran" dan "adat" serta "atau yang bermusafir" hingga akhirnya adalah daripada tambahan ku. Ibarat aku dengan "tempat rata" terutama dari ibaratnya dengan kampung.

(وَتَلَزَمَ) الْجُمُعَةَ (أَعْمَى وَجَدَ قَائِدًا) مُتَبَرِّعًا أَوْ بِأَجْرَةٍ أَوْ مِلْكًا لَهُ (وَ) شَيْخًا (هِمًّا وَزَمِنًا وَجَدًا مَرْكَبًا) مِلْكًا أَوْ بِأَجْرَةٍ أَوْ إِعَارَةٍ (لَا يَشْتَقُّ رُكُوبَهُ) عَلَيْهِمَا.

862. Jumaat (**melazimi orang buta yang mendapat pemimpin**) yang sukarela atau dengan upah atau miliknya (**dan**) orang tua (**yang sangat tua dan lumpuh⁹¹ yang mendapat kenderaan**) dengan milik atau dengan upah atau pinjam (**yang tidak susah menunggangnya**) diatas kedua mereka.

(وَمَنْ صَحَّ ظَهْرُهُ مِمَّنْ لَا تَلْزَمُهُ جُمُعَةٌ صَحَّتْ) جُمُعَتُهُ، لِأَنَّهَا إِذَا صَحَّتْ مِمَّنْ تَلْزَمُهُ فَمِمَّنْ لَا تَلْزَمُهُ أُولَى، وَتَغْنِي عَنْ ظَهْرِهِ.

863. (Orang yang sah zohornya daripada orang yang tidak dilazimi jumaat sah) jumaatnya, kerana jumaat itu bila sah dari orang yang dilaziminya maka dari orang yang tidak dilaziminya terutama, dan ia mengkayakan dari zohornya.

(وَلَهُ أَنْ يَنْصَرِفَ) مِنَ الْمُصَلِّي (قَبْلَ إِحْرَامِهِ) بِهَا (إِلَّا نَدَوَ مَرِيضٌ) كَأَعْمَى لَا يَجِدُ قَائِدًا فَلَيْسَ لَهُ أَنْ يَنْصَرِفَ قَبْلَ إِحْرَامِهِ (إِنْ دَخَلَ وَقْتُهَا وَلَمْ يَزِدْ ضَرْرُهُ بِانْتِظَارِهِ) فَعَلَهَا، (أَوْ أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ).

864. (Boleh dia berpaling pergi) dari tempat sembahyang (sebelum ihramnya, melainkan umpama orang sakit) seperti orang buta yang tidak mendapat pemimpin, maka tidak boleh dia berpaling pergi sebelum taharrumnya (jika telah masuk waktunya dan tidak bertambah kemudharatannya dengan sebab dia menunggu) untuk melakukannya, (atau telah diqamatkan sembahyang).

نَعَمْ، لَوْ أُقِيمَتِ وَكَانَ تَمَّ مَشَقَّةٌ لَا تُحْتَمَلُ كَمَنْ بِهِ إِسْهَالٌ ظَنَّ انْقِطَاعَهُ فَأَحْسَسَ بِهِ وَلَوْ بَعْدَ تَحْرِمِهِ وَعَلِمَ مِنْ نَفْسِهِ أَنَّهُ إِنْ مَكَثَ سَبَقَهُ فَأَلْمَتَجَهُ كَمَا قَالَ الْأَدْرَعِيُّ أَنَّ لَهُ الْإِنْصِرَافَ وَتَرَكَ الْجُمُعَةَ. وَالْفَرْقُ بَيْنَ الْمُسْتَتَنِّي وَالْمُسْتَتَنِّي مِنْهُ أَنَّ الْمَنَاعَ فِي نَحْوِ الْمَرِيضِ مِنْ وُجُوبِهَا مَشَقَّةٌ الْحُضُورِ وَقَدْ حَصَرَ مُحْتَمَلًا لَهَا، وَالْمَنَاعَ فِي غَيْرِهِ صِفَاتٌ قَائِمَةٌ بِهِ لَا تَزُولُ بِالْحُضُورِ. وَالتَّقْيِيدُ بِمَنْ لَا تَلْزَمُهُ جُمُعَةٌ وَيَقْبَلُ الْإِحْرَامَ وَيُأَيِّمُهَا مِنْ زِيَادَتِي.

865. Na'am, kalau diqamatkan dan ada pada umpama orang sakit masyaqqah yang tidak dapat ditanggung seperti orang yang cirit yang menyangkakan putusnya maka dia merasakannya walaupun selepas taharrumnya dan dia tahukan didalam hatinya bahawa kalau dia diam ia akan mendahuluinya⁹² maka yang ada wajah sepertimana kata Azrai'e bahawa boleh dia berpaling pergi dan meninggalkan jumaat. Beza diantara yang dikecualikan dan yang dikecualikan darinya bahawa perkara yang menegah pada umpama orang sakit dari wajib jumaat adalah payah menghadhirnya dan sesungguhnya dia telah hadhir dalam keadaan menanggungnya sedang perkara yang menegah pada selainnya adalah sifat-sifat yang berdiri padanya yang tidak hilang dengan hadhirnya. Mengkaitkan dengan orang yang tidak dilazimi jumaat dan dengan sebelum ihram dan dengan iqamat adalah daripada tambahan ku.

(وَيَجْزِي حَرْمَ عَلَى مَنْ لَزِمَتْهُ) بَأَنَّ كَانَ مِنْ أَهْلِهَا (سَفَرٌ تَفُوتٌ بِهِ) كَأَنَّ ظَنَّ أَنَّهُ لَمْ يَدْرِكْهَا فِي طَرِيقِهِ أَوْ مَقْصِدِهِ، وَلَوْ كَانَ السَّفَرُ طَاعَةً وَقَبْلَ الزَّوَالِ، (لَا إِنْ خَشِيَ) مِنْ عَدَمِ سَفَرِهِ (ضَرْرًا) كَانْقِطَاعِهِ عَنِ الرَّفْقَةِ، فَلَا يَحْرُمُ وَلَوْ بَعْدَ الزَّوَالِ. وَإِنَّمَا حَرْمٌ قَبْلَ الزَّوَالِ وَإِنْ لَمْ يَدْخُلْ وَقْتُهَا لِأَنَّهَا مُضَافَةٌ إِلَى الْيَوْمِ. وَلِذَلِكَ يَجِبُ السَّعْيُ إِلَيْهَا قَبْلَ الزَّوَالِ عَلَى بَعِيدِ الدَّارِ.

866. (Dengan fajar haram diatas orang yang dilazimi jumaat) dengan bahawa dia daripada ahlinya (**bermusafir yang luput dengannya**) seperti bahawa dia zankan bahawa dia tidak mendapatnya pada jalannya atau tempat tujuannya, walaupun ia safar taat dan sebelum zawal, (**tidak jika dia takutkan**) dari tidak bermusafirnya (**akan mudharat**) seperti putusnya dari rakan-rakan maka tidak haram ia walaupun selepas zawal. Hanyalah ianya haram selepas zawal

⁹¹ Penyakit yang melemahkan pergerakan tubuh.

⁹² Keluar tanpa terkawal.

sekalipun belum masuk waktunya kerana ia disandarkan kepada harinya. Kerana demikian itu wajib berjalan kepadanya sebelum zawal diatas orang yang rumahnya jauh.

(وَسُنَّ لِعَيْبِهِ) أَي لِمَنْ لَا تَلْزِمُهُ وَلَوْ بِمَحَلِّهَا (جَمَاعَةً فِي ظَهْرِهِ) فِي وَقْتِهَا لِعُمُومِ أَدَلَّةِ الْجَمَاعَةِ (وَإِخْفَاؤُهَا إِنْ خَفِيَ عُدْرُهُ) ، لِئَلَّا يَتَّهَمَ بِالرَّغْبَةِ عَنِ صَلَاةِ الْإِمَامِ . فَإِنْ ظَهَرَ لَمْ يَسُنَّ إِخْفَاؤُهَا لِانْتِفَاءِ التَّهْمَةِ . وَالنَّصْرِيحُ بِسُنَّ الْإِخْفَاءِ مِنْ زِيَادَتِي .

867. (Sunat bagi selainnya) iaitu bagi orang yang tidak dilazimi jumaat walaupun pada tempat jumaat (**berjamaah pada zohornya**) didalam waktunya kerana umum dalil-dalil jamaah itu, (**dan menyembunyikannya jika tersulit uzurnya**) supaya dia tidak ditohmah dengan bencikan sembahyang imam. Maka jika ianya zahir tidak sunat menyembunyikannya kerana ternafi tohmah itu. Penjelasan dengan sunat menyembunyikan itu daripada tambahan ku.

(وَ) سُنَّ (لِمَنْ رَجَا زَوَالَ عُدْرِهِ) قَبْلَ فَوْتِ الْجُمُعَةِ كَعَبْدٍ يَرْجُو الْعُنُقَ وَمَرِيضٍ يَرْجُو الْخَفَّةَ (تَأْخِيرُ ظَهْرِهِ إِلَى فَوْتِ الْجُمُعَةِ) لِأَنَّهُ قَدْ يَزُولُ عُدْرُهُ قَبْلَ ذَلِكَ فَيَأْتِي بِهَا كَامِلًا . وَيَحْصُلُ الْفَوْتُ بِرَفْعِ الْإِمَامِ رَأْسَهُ مِنْ رُكُوعِ الثَّانِيَةِ . فَلَوْ صَلَّى قَبْلَ فَوْتِهَا الظُّهْرَ ثُمَّ زَالَ عُدْرُهُ وَتَمَكَّنَ مِنْهَا لَمْ تَلْزِمُهُ لِأَنَّهُ أَدَّى فَرَضَ وَقْتِهِ ، إِلَّا إِنْ كَانَ حُنْثَى فَبَانَ رَجُلًا .

868. Sunat (**bagi orang yang mengharap akan hilang uzurnya**) sebelum luput jumaat seperti hamba yang harap akan dimerdekakan dan orang sakit yang harap ringannya (**mentakhirkan zohornya kepada luput jumaat**) kerana terkadang hilang uzurnya sebelum demikian itu maka dia mendatangkannya dalam keadaan sempurna. Terhasil luput itu dengan imam mengangkat kepalanya dari rukuk kedua. Maka kalau dia sembahyang zohor sebelum luputnya kemudian uzurnya hilang dan dia mendapat sebahagian daripadanya tidak melazimi dia jumaat itu, kerana dia telah menunaikan fardhu waktunya, melainkan jika dia khunsa maka ternyata lelaki.

(وَ) سُنَّ (لِعَيْبِهِ) أَي لِمَنْ لَا يَرْجُو زَوَالَ عُدْرِهِ كَامِرَةً وَزَمِنَ (تَعَجِيلُهَا) أَي الظُّهْرَ لِيَحُورَ فَضِيلَةَ أَوَّلِ الْوَقْتِ . قَالَ فِي الرُّوْضَةِ وَالْمَجْمُوعِ : هَذَا اخْتِيَارُ الْخُرَاسَانِيِّينَ وَهُوَ الْأَصَحُّ . وَقَالَ الْعِرَاقِيُّونَ : يُسْتَحَبُّ لَهُ تَأْخِيرُ الظُّهْرِ حَتَّى تَفُوتَ الْجُمُعَةَ ، لِأَنَّهُ قَدْ يَنْشَطُ لَهَا ، وَلِأَنَّهَا صَلَاةُ الْكَامِلِينَ فَاسْتَحَبَّ كَوْنُهَا الْمُقَدَّمَةَ . قَالَ : وَالْإِخْتِيَارُ النَّوْصُطُ ، فَيُقَالُ إِنْ كَانَ هَذَا الشَّخْصُ جَازِمًا بِأَنَّهُ لَا يَحْضُرُ الْجُمُعَةَ وَإِنْ تَمَكَّنَ مِنْهَا أُسْتَحَبَّ لَهُ تَقْدِيمُ الظُّهْرِ ، وَإِنْ كَانَ لَوْ تَمَكَّنَ أَوْ نَشِطَ حَضَرَهَا أُسْتَحَبَّ لَهُ التَّأْخِيرُ .

869. Sunat (**bagi selainnya**) iaitu selain orang yang harap akan hilang uzurnya seperti perempuan dan orang yang lumpuh (**menyegerakannya**) iaitu zohor supaya dia mencapai fadhilat awal waktu. Kata Nawawi didalam Raudhah dan Majmuk: ini pilihan ulamak Khusarasan yang mana ia yang paling sahih. Kata ulamak Iraq : sunat dia mentakhirkan zohor hingga luput jumaat kerana dia terkadang rajin kepadanya dan kerana ia sembahyang orang-orang yang sempurna maka sunat keadaannya didulukan. Katanya : yang dipilih adalah yang ditengah-tengah, maka dikatakan : jika orang ini jazam dengan bahawa dia tidak akan menghadhiri jumaat sekalipun dia boleh sunat dia mendulukan zohor, dan kalau sekiranya dia boleh mendapatkannya atau rajin dia menghadhirinya sunat dia mentakhirkan zohor.

(وَلِصَحَّتِهَا) أَي الْجُمُعَةِ (مَعَ شَرْطِ غَيْرِهَا شُرُوطٌ) سِتَّةٌ . أَحَدُهَا (أَنْ تَقَعَ وَقْتُ ظَهْرٍ) ، لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ الشَّيْخَانُ مَعَ خَبَرٍ { صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أَصْلِي } . (فَلَوْ ضَاقَ) الْوَقْتُ عَنْهَا وَعَنْ حُطْبَتَيْهَا كَمَا سَيَأْتِي (أَوْ شَكَّ) فِي ذَلِكَ وَهُوَ مِنْ زِيَادَتِي (وَجِبَ ظَهْرٌ) ، كَمَا لَوْ فَاتَ شَرْطُ الْقَصْرِ يَرْجِعُ إِلَى الْإِتْمَامِ . فَعَلِمَ أَنَّهَا إِذَا فَاتَتْ لَا تَقْضَى جُمُعَةً ، بَلْ ظَهْرًا كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْأَصْلُ ، (أَوْ خَرَجَ) الْوَقْتُ (وَهُمْ فِيهَا وَجِبَ) أَي الظُّهْرُ (بِنَاءً) إِحَاقًا لِلدَّوَامِ بِالْإِبْتِدَاءِ ، فَيُسْرُ بِالْقِرَاءَةِ مِنْ حَيْثُذِ ، بِخِلَافِ مَا لَوْ شَكَّ فِي خُرُوجِهِ ، لِأَنَّ الْأَصْلَ بَقَاؤُهُ ، (كَمَسْبُوقٍ) أَدْرَكَ مَعَ الْإِمَامِ مِنْهَا رَكْعَةً إِذَا خَرَجَ الْوَقْتُ قَبْلَ سَلَامِهِ فَاتَهُ يَجِبُ ظَهْرٌ بِنَاءً ، وَإِنْ كَانَتْ تَابِعَةً لَجُمُعَةٍ صَحِيحَةٍ .

870. (**Bagi sahnya**) iaitu jumaat (**serta syarat selain jumaat beberapa syarat**) yang enam. Satu daripadanya (**bahawa ia jatuh pada waktu zohor**) kerana ittiba' yang diriwayatkan dua syeikh, serta khabar ((sembahyanglaah kamu sepertimana kamu lihat aku sembahyang)). (**Maka kalau sempit**) waktu darinya dan dari dua khutbahnya sepertimana akan datang (**atau dia syak**) pada demikian itu, yang mana ia daripada tambahan ku, (**wajib zohor**) sepertimana kalau luput syarat qasar dia kembali kepada itmam. Maka diketahui bahawa bila jumaat luput tidak dikadha ia sebagai jumaat, bahkan zohor, sepertimana asal jelaskan dengannya, (**atau keluar**) waktunya (**walhal mereka didalamnya wajib**) zohor (**diatas jalan bina**) kerana menghubungkan yang berterusan dengan permulaan, maka dia memperlahankan bacaan mula dari ketika itu, bersalahan keadaan kalau dia syak pada keluarnya kerana asalnya kekal waktunya, (**sama seperti makmum masbuq**) yang mendapat bersama imamnya satu rakaat darinya bila keluar waktu sebelum salamnya, maka wajib zohor diatas jalan bina, sekalipun sembahyangnya mengikut jumaat yang sah.

(وَ) ثَانِيهَا : أَنْ تَقَعَ (بِأَبْنِيَّةٍ مُجْتَمَعَةٍ) وَلَوْ بِفَضَاءٍ لِأَنَّهَا لَمْ تَقُمْ فِي عَصْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ إِلَّا فِي مَوَاضِعِ الْإِقَامَةِ، كَمَا هُوَ مَعْلُومٌ. وَسِوَاءَ أَكَانَتْ الْأَبْنِيَّةُ مِنْ حَجَرٍ أَمْ طِينٍ أَمْ خَشَبٍ أَمْ غَيْرِهَا. فَلَوْ أَنَّهُدِمَتْ فَأَقَامَ أَهْلُهَا عَلَى الْعِمَارَةِ لَزِمَتْهُمْ الْجُمُعَةُ فِيهَا لِأَنَّهَا وَطَنُهُمْ. (فَلَا تُصَحُّ مِنْ أَهْلِ خِيَامٍ) بِمَحَلِّهِمْ لِأَنَّهُمْ عَلَى هَيْئَةِ الْمُسْتَوْفِرِينَ. فَإِنْ سَمِعُوا النِّدَاءَ مِنْ مَحَلِّهَا لَزِمَتْهُمْ فِيهِ تَبَعًا لِأَهْلِهِ كَمَا عَلِمَ مِمَّا مَرَّ.

871. Keduanya bahawa ia belaku (**pada binaan-binaan yang berkumpul**) walaupun dipadang kerana ia tidak pernah didirikan pada zaman nabi sawm dan khulafa' rasyidin melainkan pada tempat-tempat bermukim, sepertimana ianya maklum. Samaada binaan-binaan itu dari batu atau tanah atau kayu atau selainnya. Maka kalau ia roboh maka penduduknya berazam hendak memajukan semula melazimi mereka jumaat padanya kerana ia watan mereka. (**Maka tidak sah ia dari penduduk khemah-khemah**) pada tempat mereka kerana mereka diatas kelakuan orang-orang yang tidak menetap. Maka jika mereka mendengar seruan dari tempat jumaat ia melazimi mereka padanya kerana mengikut ahlinya sepertimana diketahui dari apa yang telah lalu.

(وَ) ثَالِثُهَا : (أَنْ لَا يَسْبِقُهَا بِتَحْرِمٍ وَلَا يَقَارِنُهَا فِيهِ جُمُعَةٌ بِمَحَلِّهَا) لِامْتِنَاعِ تَعَدُّدِهَا بِمَحَلِّهَا، إِذْ لَمْ تَقُمْ فِي عَصْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ إِلَّا فِي مَوْضِعٍ وَاحِدٍ مِنْ مَحَلِّهَا، وَلِأَنَّ الْإِقْتِصَارَ عَلَى وَاحِدَةٍ أَفْضَى إِلَى الْمَقْصُودِ مِنْ إِظْهَارِ شِعَارِ الْجَمَاعَةِ وَاتِّفَاقِ الْكَلِمَةِ. وَإِنَّمَا أُعْتَبِرَ التَّحْرِمُ أَيَّ أَنْتَهَاؤُهُ مِنْ إِمَامِهَا لِأَنَّ بِهِ يَتَبَيَّنُ الْإِنْعِقَادُ. أَمَّا السَّبْقُ وَالْمُقَارَنَةُ فِي غَيْرِ مَحَلِّهَا فَلَا يُؤْتِرَانِ. وَتَعْبِيرِي بِمَحَلِّهَا أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِبِلْدَتِهَا.

872. Ketiganya (**bahawa tidak mendahului satu jumaat dengan taharrum dan tidak beserta dengannya padanya oleh jumaat lain pada kawasannya**) kerana tertegah berbilang jumaat pada kawasannya, kerana ia tidak pernah didirikan pada zaman nabi sawm dan khulafa' rasyidin melainkan pada satu tempat daripada satu kawasan, dan kerana menghadkan diatas satu membawa kepada maksudnya, dari pada menzahirkan syi'ar masyarakat dan kesatuan kalimah. Hanyalah diiktibarkan taharrum iaitu selesainya dari imamnya kerana dengannya ternyata terjadinya. Adapun terdahulu dan bersamaan pada selain kawasannya maka tidak berkesan. Ibarat aku dengan "kawasannya" lebih umum dari ibaratnya dengan "negerinya".

(إِلَّا إِنْ كَثُرَ أَهْلُهُ) أَيُّ : أَهْلُ مَحَلِّهَا (وَعَسَرَ اجْتِمَاعُهُمْ بِمَكَانٍ) وَاحِدٍ. فَيَجُوزُ تَعَدُّدُهَا لِلْحَاجَةِ بِحَسَبِهَا، لِأَنَّ الشَّافِعِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ دَخَلَ بَغْدَادَ وَأَهْلُهَا يُقِيمُونَ بِهَا جُمُعَتَيْنِ وَقِيلَ ثَلَاثًا فَلَمْ يُنْكَرْ عَلَيْهِمْ فَحَمَلَهُ الْأَكْثَرُ عَلَى عَسْرِ الْجَمَاعَةِ. قَالَ الرَّوْيَانِيُّ : وَلَا يَحْتَمِلُ مَذْهَبُ الشَّافِعِيِّ غَيْرَهُ. وَقَالَ الصَّيْمَرِيُّ : وَبِهِ أَفْتَى الْمُرْنَبِيُّ بِمِصْرَ. وَظَاهِرُ النَّصِّ مَنَعُ التَّعَدُّدِ مُطْلَقًا. وَعَلَيْهِ اقْتَصَرَ الشَّيْخُ أَبُو حَامِدٍ وَمَتَابِعُوهُ.

873. (**melainkan jika ramai penduduknya**) iaitu penduduk tempat jumaat (**dan payah berkumpul mereka pada satu tempat**), maka harus berbilang jumaat kerana hajat dengan

sekira-kira hajat itu, kerana Syafi'e r.a masuk Baghdad walhal penduduknya mendirikan dua jumaat dan dikatakan tiga maka dia tidak ingkarkan mereka, maka kebanyakan ulamak menanggungkannya diatas payah berkumpul. Kata Ruyani : mazhab Syafi'e tidak menanggung selainnya. Kata Shaimari : dengannya Muzani berfatwa di Mesir. Zahir nas Syafi'e menegah berbilang jumaat semata-mata. Diatasnya Syeikh Abu Hamid dan para pengikutnya menghadkan.

(فَلَوْ وَقَعْنَا) فِي مَحَلٍّ لَا يَجُوزُ تَعَدُّهَا فِيهِ (مَعًا أَوْ شَكًّا) فِي الْمَعِيَةِ (أُسْتُوْنَفَتْ) جُمُعَةٌ إِنْ اتَّسَعَ الْوَقْتُ لَتَدَافَعَهُمَا فِي الْمَعِيَةِ، فَلَيْسَتْ إِحْدَاهُمَا أَوْلَى مِنَ الْأُخْرَى، وَلِأَنَّ الْأَصْلَ فِي صُورَةِ الشَّكِّ عَدَمُ جُمُعَةٍ مُجْزِئَةٍ. قَالَ الْإِمَامُ: وَحُكْمُ الْأَمَّةِ بِأَنَّهُمْ إِذَا أَعَادُوا الْجُمُعَةَ بَرِئَتْ ذَمَّتْهُمْ مُشْكَلٌ لِاحْتِمَالِ تَقَدُّمِ إِحْدَاهُمَا فَلَا تَصِحُّ أُخْرَى. فَأَلْيَقِينَ أَنْ يُقِيمُوا جُمُعَةً ثُمَّ ظَهَرَا. قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ: وَمَا قَالَهُ مُسْتَحَبٌّ، وَإِلَّا فَالْجُمُعَةُ كَافِيَةٌ فِي الْبِرَاءَةِ كَمَا قَالُوهُ، لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمُ وَقُوعِ جُمُعَةٍ مُجْزِئَةٍ فِي حَقِّ كُلِّ طَائِفَةٍ

874. (Kalau jatuh dua jumaat) pada satu kawasan yang tidak harus berbilang jumaat padanya (bersama-sama atau disyakkan) pada bersamaan itu (dimulakan) jumaat lain jika luas waktunya kerana tolak-menolak keduanya pada bersamaan itu maka tidaklah satu daripada keduanya terutama dari yang satu lagi, dan kerana asal pada rupa masalah syak itu tidak ada jumaat yang memada. Kata al Imam : hukum imam-imam dengan bahawa bila mereka itu mengulang jumaat lepaslah zimmah mereka adalah musykil kerana ihtimal terdahulu satu daripada keduanya maka tidak sah yang satu lagi. Maka yang yakin bahawa mereka mendirikan jumaat kemudian zohor. Kata Nawawi didalam Majmuk : apa yang dia katakana itu sunat. Jika tidak maka jumaat memada pada lepas zimmah sepertimana yang mereka katakan, kerana asal tidak jatuh jumaat yang memada pada hak setiap kumpulan.

(أَوْ التَّبَسُّتِ) إِحْدَاهُمَا بِالْأُخْرَى، إِمَّا أَوْلًا كَأَنَّ سَمِعَ مَرِيضَانَ أَوْ مُسَافِرَانَ خَارِجَ الْمَكَانِ تَكْدِيرَتَيْنِ مُتَلَاخِقَتَيْنِ فَأُخْبِرَا بِذَلِكَ وَلَمْ يَعْرِفَا الْمُتَقَدِّمَةَ مِنْهُمَا، أَوْ ثَانِيًا بِأَنْ تَعَيَّنَتْ ذَمَّ نُسَيْبَتْ (صَلُّوا ظَهْرًا) لِأَلْتِبَاسِ الصَّحِيحَةِ بِالْفَاسِدَةِ. فَإِنْ لَمْ تَلْتَبَسْ فَالصَّحِيحَةُ السَّابِقَةُ وَإِنْ كَانَ السُّلْطَانُ مَعَ الثَّانِيَةِ وَخِيفَتْ الْفِتْنَةُ.

875. (atau kesamaran) satu daripada keduanya dengan yang satu lagi, samaada dari mula seperti bahawa dua orang sakit atau dua orang musafir diluar tempat sembahyang mendengar dua takbir yang sambung menyambung maka mereka mengkhabarkan dengan demikian itu dan mereka tidak tahukan yang terdahulu daripada keduanya, atau bukan pada mula-mula dengan bahawa tertentu satu daripada keduanya kemudian dilupakan, (mereka sembahyang zohor) kerana kesamaran yang sah dengan yang fasid. Maka jika ia tidak kesamaran maka yang sah adalah yang terdahulu sekalipun sultan ada bersama yang kedua dan ditakuti fitnah.

(وَ) رَابِعُهَا: (أَنْ تَقَعَ جَمَاعَةٌ) فِي الرَّكْعَةِ الْأُولَى، لِأَنَّهَا لَمْ تَقَعْ فِي عَصْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا كَذَلِكَ. وَيُسْتَرْطُ تَقَدُّمُ إِحْرَامٍ مَنْ تَتَعَقَّدُ بِهِمْ لِتَصِحِّحِ لَعْنِهِمْ لِأَنَّهُ تَبَعَ. وَلَا يَنَافِيهِ صِحَّتُهَا لَهُ إِذَا كَانَ إِمَامًا فِيهَا مَعَ تَقَدُّمِ إِحْرَامِهِ لِأَنَّ تَقَدُّمَ إِحْرَامِ الْإِمَامِ ضَرُورِيٌّ فَأَعْتَفَرَ فِيهِ مَا لَا يُعْتَفَرُ فِي غَيْرِهِ.

876. Keempatnya (bahawa ia jatuh secara berjamaah) pada rakaat pertama, kerana ia tidak jatuh pada zaman nabi sawm melainkan seperti demikian itu. Disyaratkan terdahulu ihram orang yang terjadi jumaat dengan mereka supaya sah ia bagi selain mereka kerana dia pengikut. Tidak menafikannya oleh sah jumaat bagi dia bilamana dia menjadi imam padanya serta terdahulu ihramnya kerana terdahulu ihram imam itu dharuri maka dimaafkan padanya apa yang tidak dimaafkan pada selainnya.

(وَ) خَامِسُهَا: أَنْ تَقَعَ (بِأَرْبَعِينَ) وَلَوْ مَرَضَى أَوْ مِنْهُمْ الْإِمَامُ (مُكَلَّفًا حُرًّا ذَكَرًا) اتِّبَاعًا لِلسَّلْفِ وَالْخَلْفِ، (مُتَوَطَّنًا) بِمَحَلِّهَا أَيْ لَا يَظْعُنُّ عَنْهُ شِتَاءٌ وَلَا صَيْفًا إِلَّا لِحَاجَةٍ، { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يُجْمَعْ بِحِجَّةٍ

الْوَدَاعِ مَعَ عَزْمِهِ عَلَى الْإِقَامَةِ أَيَّامًا لِعَدَمِ التَّوَطُّنِ، وَكَانَ يَوْمَ عَرَفَةَ فِيهَا يَوْمَ جُمُعَةٍ { كَمَا فِي الصَّحِيحَيْنِ،
 { وَصَلَّى بِهِ الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ تَفْدِيمًا } كَمَا فِي خَبَرِ مُسْلِمٍ.

877. Kelimanya : bahawa ia jatuh (**dengan empat puluh orang**) walaupun orang-orang sakit atau daripada mereka itu imam, (**yang mukallaf, yang merdeka, yang lelaki**) kerana mengikut salam dan khalaf, (**lagi pemastautin**) pada tempat Jumaat iaitu tidak pindah darinya pada musim sejuk dan tidak pada musim panas melainkan kerana hajat, ((kerana nabi sawm tidak membuat sembahyang jumaat pada haji wada' serta azamnya diatas bermukim beberapa hari kerana tidak ada mastautin, dan adalah hari Arafah padanya hari jumaat)), sepertimana diriwayatkan dua yang sahih, ((dan dia sembahyang zohor dan asar padanya sebagai jamak taqdim)) sepertimana didalam khabar Muslim.

(وَلَوْ نَقَصُوا فِيهَا بَطَلَتْ) لِاشْتِرَاطِ الْعَدَدِ فِي دَوَامِهَا كَالْوَقْتِ وَقَدْ فَاتَتْ، فَيَتِمُّهَا الْبَاقُونَ ظَهْرًا، (أَوْ فِي خُطْبَةٍ لَمْ يُحَسَبْ رُكْنٌ) مِنْهَا (فَعَلِنَ حَالَ نَقْصِهِمْ) لِعَدَمِ سَمَاعِهِمْ لَهُ. وَتَعْبِيرِي بِنَقْصِهِمْ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِانْقِصَاضِهِمْ. (فَإِنْ عَادُوا قَرِيبًا) عَرُفًا (جَازَ بِنَاءٍ) عَلَى مَا مَضَى مِنْهَا. (وَإِلَّا)، بِأَنْ عَادُوا بَعْدَ طَوْلِ الْفَضْلِ (وَجَبَ اسْتِنْفَافٌ) لَهَا لِانْتِفَاءِ الْمَوَالِةِ الَّتِي فَعَلَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْأَيْمَةُ بَعْدَهُ. فَيَجِبُ اتِّبَاعُهُمْ فِيهَا. (كَنَقْصِهِمْ بَيْنَهُمَا) أَيَّ بَيْنَ الْخُطْبَةِ وَالصَّلَاةِ، فَإِنَّهُمْ إِنْ عَادُوا قَرِيبًا جَازَ الْبِنَاءُ. وَإِلَّا، وَجَبَ الْاسْتِنْفَافُ لِدَلَالَتِهِ.

878. (**Kalau kurang bilangan mereka didalam sembahyang batal ia**) kerana disyaratkan bilangan itu pada berkekalannya sama seperti waktu walhal ia telah luput, maka mereka menyempurnakannya sebagai zohor, (**atau didalam khutbah tidak dikirakan rukun**)nya (**yang dibuat ketika kurang bilangan mereka**) kerana mereka tidak mendengarnya. Ibarat aku dengan "kurang mereka" terutama dari ibaratnya dengan "bersurai". (**Maka jika mereka kembali dalam masa dekat**) pada uruf (**harus bina**) diatas apa yang telah lalu daripadanya. (**Jika tidak**), dengan bahawa mereka kembali selepas ceraian yang lama (**wajib memulakan**)nya kerana ternafi mualat yang dibuat oleh nabi sawm dan imam-imam selepasnya. Maka wajib mengikut mereka padanya. (**sama seperti kurang bilangan mereka diantara kedua**) khutbah dan sembahyang, maka mereka jika kembali dalam masa yang dekat harus bina,. Jika tidak wajib memulakan kerana demikian itu.

وَلَوْ أَحْرَمَ أَرْبَعُونَ قَبْلَ انْقِصَاضِ الْأَوَّلِينَ تَمَّتْ لَهُمُ الْجُمُعَةُ، وَإِنْ لَمْ يَكُونُوا سَمِعُوا الْخُطْبَةَ. وَإِنْ أَحْرَمُوا عَقَبَ انْقِصَاضِ الْأَوَّلِينَ، قَالَ فِي الْوَسِيطِ: تَسْتَمِرُّ الْجُمُعَةُ بِشَرْطِ أَنْ يَكُونُوا سَمِعُوا الْخُطْبَةَ. ذَكَرَ ذَلِكَ فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا.

879. Kalau ihram empat puluh orang sebelum bersurai orang-orang yang awal⁹³ sempurnalah bagi mereka jumaat itu, sekalipun mereka tidak mendengar khutbah. Jika mereka itu ihram mengiringi bersurai orang-orang yang awal⁹⁴, kata Ghazali didalam al Wasit : berterusan jumaat itu dengan syarat adalah mereka mendengar khutbah. Nawawi menyebutkan demikian itu didalam Raudhah sama seperti asalnya.

(وَتَصِحُّ) الْجُمُعَةُ (خَلْفَ عَبْدٍ وَصَبِيٍّ وَمُسَافِرٍ وَمَنْ بَانَ مُحَدَّثًا) وَلَوْ حَدَّثًا أَكْبَرَ كَغَيْرِهَا. هَذَا (إِنْ تَمَّ الْعَدَدُ بِغَيْرِهِمْ). بِخِلَافِ مَا إِذَا لَمْ يَتِمَّ إِلَّا بِهِمْ.

880. (**Sah**) jumaat (**dibelakang hamba dan kanak-kanak dan musafir dan orang yang berhadath**) walaupun hadath besar, sama seperti selain jumaat. Ini (**jika sempurna bilangan itu dengan selain mereka**). Bersalahan keadaan apabila ia tidak sempurna melainkan dengan mereka.

⁹³ Iaitu mereka yang mendengar khutbah.

⁹⁴ Tetapi terdahulu ihram mereka.

(وَ) سَادِسُهَا : (أَنْ يَتَقَدَّمَهَا خُطْبَتَانِ) ، لِاتِّبَاعِ مَعَ خَبَرٍ { صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي } . بِخِلَافِ الْعِيدِ فَإِنَّ خُطْبَتَيْهِ مُؤَخَّرَتَانِ لِاتِّبَاعِ وَلَاَنَّ خُطْبَةَ الْجُمُعَةِ شَرْطٌ ، وَالشَّرْطُ مُقَدَّمٌ عَلَى مُشْرُوطِهِ .

881. Keenamnya (**bahawa mendahului**nya dua khutbah) kerana ittiba' serta khabar ((sembahyanglah kamu sepertimana kamu lihat aku sembahyang)). Bersalahan raya maka dua khutbahnya terkemudian kerana ittiba', dan kerana khutbah jumaat itu syarat, dan syarat itu didulukan keatas apa yang disyaratkan baginya.

(وَأَرْكَانُهُمَا) خَمْسَةٌ . أَحَدُهَا (حَمْدُ اللَّهِ تَعَالَى) لِاتِّبَاعِ رَوَاهُ مُسْلِمٌ . (وَ) ثَانِيهَا : (صَلَاةٌ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) ، لِأَنَّ مَا يَفْتَقَرُ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى يَفْتَقَرُ إِلَى ذِكْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَالْأَدَانِ وَالصَّلَاةِ ، (بِلَفْظِهِمَا) أَيِ حَمْدِ اللَّهِ تَعَالَى وَالصَّلَاةِ عَلَى نَبِيِّنَا كَمَا جَرَى عَلَيْهِ السَّلْفُ وَالْخَلْفُ ، كَالْحَمْدِ لِلَّهِ أَوْ أَحْمَدُ اللَّهُ أَوْ نَحْمَدُ اللَّهَ أَوْ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ أَوْ أُصَلِّيْ عَلَى مُحَمَّدٍ أَوْ نُصَلِّيْ عَلَى مُحَمَّدٍ أَوْ النَّبِيِّ أَوْ أَحْمَدُ أَوْ الْعَاقِبِ أَوْ نَحْوِهِ مِمَّا رَوَى . فَخَرَجَ الْحَمْدُ لِلرَّحْمَنِ وَالشُّكْرُ لِلَّهِ وَنَحْوُهُمَا ، وَرَحِمَ اللَّهُ مُحَمَّدًا أَوْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى جِبْرِيلَ وَنَحْوَهَا . (وَ) ثَالِثُهَا : (وَصِيَّةٌ بِتَقْوَى) لِاتِّبَاعِ رَوَاهُ مُسْلِمٌ ، وَلَوْ بغيرِ لَفْظِهَا لِأَنَّ غَرَضَهَا الْوَعظُ وَهُوَ حَاصِلٌ بِغَيْرِ لَفْظِهَا . فَيَكْفِي "أَطِيعُوا اللَّهَ" . وَالثَّلَاثَةُ أَرْكَانٌ (فِي كُلِّ) مِنْ الْخُطْبَتَيْنِ لِاتِّبَاعِ السَّلْفِ وَالْخَلْفِ .

882. (Rukun-rukun keduanya) lima. Satu daripadanya (**puji Allah taala**) kerana ittiba' yang diriwayatkan Muslim. Keduanya (**selawat keatas nabi sawm**) kerana apa yang berhajat kepada disebutkan Allah taala berhajat kepada disebutkan rasulullah sawm seperti azan dan selawat. (**dengan lafaz keduanya**) iaitu puji Allah taala dan selawat keatas nabi kita sepertimana berjalan diatasnya salaf dan khalaf, seperti "الْحَمْدُ لِلَّهِ" atau "أَحْمَدُ اللَّهُ" atau "نَحْمَدُ اللَّهَ" atau "اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ" atau umpama "الْعَاقِبِ" atau "أَحْمَدُ" atau "النَّبِيِّ" atau "نُصَلِّيْ عَلَى مُحَمَّدٍ" atau "أُصَلِّيْ عَلَى مُحَمَّدٍ" atau umpama keduanya daripada apa yang diriwayatkan. Maka keluar oleh "الْحَمْدُ لِلرَّحْمَنِ" dan "الشُّكْرُ لِلَّهِ" dan umpama keduanya, dan "رَحِمَ اللَّهُ مُحَمَّدًا" atau "صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ" dan "صَلَّى اللَّهُ عَلَى جِبْرِيلَ" dan umpamanya. Ketiganya (**wasiat dengan takwa**) kerana ittiba' yang diriwayatkan oleh Muslim, walaupun dengan selain lafaznya kerana tujuannya adalah nasihat yang mana ia terhasil dengan selain lafaznya. Maka memada "أَطِيعُوا اللَّهَ". Tiga ini adalah rukun pada setiap satu daripada dua khutbah kerana mengikut salaf dan khalaf.

(وَ) رَابِعُهَا : (قِرَاءَةُ آيَةِ مَفْهُمَةٍ) لَا كَ { ثُمَّ نَظَرَ } ، لِاتِّبَاعِ رَوَاهُ الشَّيْخَانِ ، وَلَوْ فِي إِحْدَاهُمَا ، لِأَنَّ الثَّابِتَ الْقِرَاءَةُ فِي الْخُطْبَةِ مِنْ غَيْرِ تَعْيِينٍ . (وَ) لَكِنَّهَا (فِي أَوْلَى أَوْلَى) كَمَا قَالَهُ فِي الْمَجْمُوعِ . وَقَوْلِي مَفْهُمَةٍ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي .

883. Keempatnya (**baca ayat yang memberi faham**), tidak seperti ((ثُمَّ نَظَرَ)), kerana ittiba' yang diriwayatkan oleh dua syeikh, walaupun pada satu daripada keduanya, kerana yang sabit adalah baca pada khutbah tanpa ditentukan. Akan tetapi ianya (**pada khutbah pertama terutama**) sepertimana dikatakan Nawawi didalam Majmuk. Kata aku "yang memberi faham" hingga akhirnya daripada tambahan ku.

(وَ) خَامِسُهَا : (دُعَاءٌ لِلْمُؤْمِنِينَ) بِقِيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (بِأَخْرَوِي) ، وَلَوْ بِقَوْلِهِ رَحِمَكُمُ اللَّهُ ، (فِي) خُطْبَةٍ (ثَانِيَةٍ) لِاتِّبَاعِ السَّلْفِ وَالْخَلْفِ وَلَاَنَّ الدُّعَاءَ يَلِيْقُ بِالْخَوَاتِيمِ . وَالْمُرَادُ بِالْمُؤْمِنِينَ الْجِنْسَ الشَّامِلَ لِلْمُؤْمِنَاتِ . وَبِهِمَا عَبْرٌ فِي الْوَسِيْطِ تَبَعًا لِلرُّوْيَانِي . وَفِي التَّنْزِيلِ { وَكَانَتْ مِنَ الْقَائِتِينَ } . أَمَّا الدُّعَاءُ لِلسُّلْطَانِ بِخُصُوصِهِ فَلَا يُسَنُّ كَمَا نَقَلَهُ فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ اتِّفَاقِ أَصْحَابِنَا . قَالَ : وَالْمُخْتَارُ أَنَّهُ لَا بَأْسَ بِهِ إِذَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ مُجَازَفَةٌ فِي وَصْفِهِ .

884. Kelimanya (**doa bagi orang-orang mukmin**) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (**dengan perkara akhirat**), walaupun dengan katanya "رَحِمَكُمُ اللَّهُ" , (**pada**) khutbah (**kedua**) kerana mengikut salaf dan khalaf dan kerana doa itu layak dengan penyudah. Yang

dikehendaki dengan orang mukmin itu adalah jenis yang meliputi mukminat. Dengan keduanya Ghazali ibaratkan didalam al Wasit kerana mengikut Ruyani. Didalam Tanzil ((وَكَانَتْ مِنَ الْفَائِزِينَ))⁹⁵. Adapun doa bagi sultan dengan khususnya maka tidak disunatkan sepertimana Nawawi nakalkan didalam Majmuk dari sepakatan sahabat-sahabat kita. Katanya : yang dinakalkan bahawa ianya tidak mengapa bila tidak berlebih-lebih pada mensifatkannya.

(وَشُرْطُ كَوْنِهِمَا عَرَبِيَّتَيْنِ). وَالْمُرَادُ أَرْكَانُهُمَا لِاتِّبَاعِ السَّلْفِ وَالْخَلْفِ. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ نَمَّ مَنْ يُحْسِنُ الْعَرَبِيَّةَ وَلَمْ يُمْكِنَ تَعَلُّمُهَا خُطْبَ بَعْضِهَا، أَوْ أُمْكِنَ تَعَلُّمُهَا وَجَبَّ عَلَى الْجَمِيعِ عَلَى سَبِيلِ فَرَضِ الْكِفَايَةِ. فَيَكْفِي فِي تَعَلُّمِهَا وَاحِدٌ. فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ عَصَا وَلَا جُمُعَةٌ لَهُمْ بَلْ يَصَلُّونَ الظُّهْرَ. وَأَجَابَ الْقَاضِي عَنْ سَوَالٍ : مَا فَايِدَةُ الْخُطْبَةِ بِالْعَرَبِيَّةِ إِذَا لَمْ يَعْرِفْهَا الْقَوْمُ؟ بِأَنَّ فَايِدَتَهَا الْعِلْمُ بِالْوَعظِ مِنْ حَيْثُ الْجُمْلَةُ.

885. (Disyaratkan keadaan keduanya berbahasa arab). Yang dikehendaki adalah rukun-rukun keduanya, kerana mengikut salaf dan khalaf. Maka jika tidak ada disana orang yang pandai bahasa arab dan tidak terbolelah mempelajarinya dia berkhotbah dengan selainnya, atau terbolelah mempelajarinya wajib ia diatas semua orang diatas jalan fardhu kifayah. Maka memada pada mempelajarinya oleh seorang. Maka jika dia tidak buat mereka semua berdosa dan tidak ada jumaat bagi mereka bahkan mereka sembahyang zohor. Al Qadhi menjawab dari soalan : apa faedah khutbah dengan bahasa arab bila orang ramai tidak memahaminya? dengan bahawa faedahnya adalah tahukan nasihat secara keseluruhan.

(وَ) كَوْنُهُمَا (فِي الْوَقْتِ) أَيِ وَقْتِ الظُّهْرِ لِاتِّبَاعِ رَوَاهُ البُخَارِيُّ. (وَوَلَاءَ) بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ أَرْكَانِهِمَا وَبَيْنَهُمَا وَبَيْنَ الصَّلَاةِ، (وَظَهْرٌ) عَنْ حَدِيثِ أَصْعَرَ وَأَكْبَرَ وَعَنْ نَجَسٍ غَيْرِ مَعْفُوفٍ عَنْهُ فِي تَوْبِهِ وَبَدَنِهِ وَمَكَانِهِ. (وَسِتْرٌ) الْعَوْرَةَ فِي الْخُطْبَتَيْنِ كَمَا جَرَى عَلَيْهِ السَّلْفُ وَالْخَلْفُ. (وَقِيَامٌ قَادِرٌ) عَلَيْهِ فِيهِمَا. (وَجُلُوسٌ بَيْنَهُمَا) لِاتِّبَاعِ رَوَاهُ مُسْلِمٌ (بِطَمَأْنِينَةٍ) فِي جُلُوسِهِ كَمَا فِي الْجُلُوسِ بَيْنَ السُّجُودَيْنِ. وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي. وَمَنْ خُطِبَ قَاعِدًا لِعَدْرِ فَصَلَ بَيْنَهُمَا بِسَكْتَةٍ وَجُوبًا. (وَإِسْمَاعُ الْأَرْبَعِينَ) الَّذِينَ تَنَعَّدُوا بِهِمْ الْجُمُعَةَ وَمِنْهُمْ الْإِمَامُ، (أَرْكَانُهُمَا) لِأَنَّ مَقْصُودَهُمَا وَعَظُهُمْ وَهُوَ لَا يَحْصُلُ إِلَّا بِذَلِكَ. فَعَلِمَ أَنَّهُ يُشْتَرَطُ سَمَاعُهُمْ أَيْضًا وَإِنْ لَمْ يَفْهَمُوا مَعْنَاهُمَا كَالْعَامِّيِّ يَقْرَأُ الْفَاتِحَةَ فِي الصَّلَاةِ وَلَا يَفْهَمُ مَعْنَاهَا. فَلَا يَكْفِي الْإِسْرَارُ كَالْأَذَانِ وَلَا إِسْمَاعُ دُونَ الْأَرْبَعِينَ وَلَا حُضُورُهُمْ بِلا سَمَاعٍ لَصَمٍّ أَوْ بُعْدٍ أَوْ نَحْوِهِ.

886. (dan) keadaan keduanya (didalam waktunya) iaitu waktu zohor, kerana ittiba' yang diriwayatkan Bukhari. (dan mualat) diantara keduanya dan diantara rukun-rukun keduanya dan diantara keduanya dan diantara sembahyang. (dan suci) dari hadath kecil dan besar dan dari najis yang tidak dimaafkan pada kainnya dan tubuhnya dan tempatnya. (dan tutup) aurat pada dua khutbah sepertimana berjalan diatasnya salaf dan khalaf. (dan berdiri orang yang kuasa) berdiri pada keduanya. (dan duduk diantara keduanya) kerana ittiba' yang diriwayatkan Muslim. (dengan tama'ninah) pada duduknya sepertimana pada duduk diantara dua sujud. Ini daripada tambahan ku. Orang yang berkhotbah dalam keadaan duduk kerana uzur menceraikan diantara keduanya dengan diam diatas jalan wajib. (dan mendengarkan empat puluh orang) yang terjadi jumaat dengan mereka yang daripada mereka itu imam. (akan rukun-rukun keduanya) kerana maksud dari kedua khutbah itu adalah menasihati mereka yang mana ia tidak terhasil melainkan dengan demikia itu. Maka diketahui bahawa disyaratkan dengar mereka juga sekalipun mereka tidak faham makna keduanya, sama seperti orang awam yang membaca fatihah didalam sembahyang dan tidak faham maknanya. Maka tidak memada perlahan, sama seperti azan, dan tidak mendengarkan kurang dari empat puluh dan tidak hadir mereka tanpa dengar kerana tuli atau jauh atau umpamanya.

⁹⁵ Dalil kata "مؤمنة" itu dikehendaki jenis yang meliputi "مؤمن".

(وَسُنَّ تَرْتِيبَهَا) أَي أَرْكَانَ الْخُطْبَتَيْنِ بِأَنْ يَبْدَأَ بِالْحَمْدِ ثُمَّ بِالصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ الْوَصِيَّةَ ثُمَّ الْقِرَاءَةَ ثُمَّ الدُّعَاءَ كَمَا جَرَى عَلَيْهِ السَّلْفُ وَالْخَلَفُ. وَإِنَّمَا لَمْ يَجِبْ لِحُصُولِ الْمَقْصُودِ بِذَوْنِهِ. وَتَقْيِيدِ الْإِسْمَاعِ بِالْأَرْكَانِ مَعَ ذِكْرِ سُنَنِ التَّرْتِيبِ مِنْ زِيَادَتِي.

887. (Sunat tertib) rukun-ruun dua khutbah itu dengan bahawa dia mula dengan puji kemudian dengan selawat keatas nabi sawm kemudian wasiat kemudian baca ayat kemudian doa sepertimana berjalan diatasnya salaf dan khalaf. Ianya tidak wajib hanyalah kerana terhasil maksud tanpanya. Mengkaitkan beri dengar dengan rukun-rukun serta menyebutkan sunat tertib itu daripada tambahan ku.

(وَ) سُنَّ لِمَنْ سَمِعَهُمَا (إِنْصَاتٍ فِيهِمَا) أَي سَكَوتٍ مَعَ إِصْغَاءٍ لَهُمَا لِقَوْلِهِ تَعَالَى { وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا } . ذَكَرَ فِي التَّفْسِيرِ أَنَّهَا نَزَلَتْ فِي الْخُطْبَةِ. وَسُمِّيَتْ قِرَاءَةً لِأَشْتِمَالِهَا عَلَيْهِ. وَوَجِبَ رَدُّ السَّلَامِ وَسُنَّ تَشْمِيتِ الْعَاطِسِ وَرَفْعِ الصَّوْتِ بِالصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ قِرَاءَةِ الْخُطْبِ { إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ } ، وَإِنْ أَقْتَضَى كَلَامُ الرُّوضَةِ إِبَادَةَ الرَّفْعِ وَصَرَاحَ الْقَاضِي أَبِي الطَّيِّبِ بِكَرَاهَتِهِ.

888. Disunat bagi orang yang mendengar dua khutbah itu (akan inshat pada keduanya) iaitu diam serta memerhati dengar akan keduanya kerana kata Allah taala ((dan bila dibacakan Quran maka hendaklah kamu mendengarnya dan diam)). Disebutkan didalam tafsir bahawa ia turun pada khutbah. Dinamakan khutbah dengan Quran kerana ia melengkapi Quran. Wajib menjawab salam dan mendoakan orang bersin dan meninggikan suara dengan selawat atas nabi sawm disisi khatib membaca ((إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ)) sekalipun kehendak kalam Raudhah harus meninggan suara itu dan al Qadhi Abu Tayyib menjelaskan dengan karahahnya.

وَعَلِمَ مِنْ سُنَنِ الْإِنْصَاتِ فِيهِمَا عَدَمَ حُرْمَةِ الْكَلَامِ فِيهِمَا كَمَا صَرَاحَ بِهِ الْأَصْلُ، لَمَا رَوَى الْبَيْهَقِيُّ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ عَنْ أَنَسٍ { أَنَّ رَجُلًا دَخَلَ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ مَتَى السَّاعَةُ فَأَوْمَأَ النَّاسُ إِلَيْهِ بِالسُّكُوتِ فَلَمْ يَقْبَلْ، وَأَعَادَ الْكَلَامَ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الثَّلَاثَةِ : مَا أَعَدَدْتَ لَهَا ؟ فَقَالَ : حُبُّ اللَّهِ وَرَسُولِهِ. قَالَ : إِنَّكَ مَعَ مَنْ أَحَبَبْتَ } . فَلَمْ يَنْكُرْ عَلَيْهِ الْكَلَامَ وَلَمْ يَبَيِّنْ لَهُ وَجُوبَ السُّكُوتِ. وَالْأَمْرُ فِي الْآيَةِ لِلنَّدْبِ جَمْعًا بَيْنَ الدَّلِيلَيْنِ. أَمَّا مَنْ لَمْ يَسْمَعْهُمَا فَيَسْكُتُ أَوْ يَشْتَغِلُ بِالذِّكْرِ أَوْ الْقِرَاءَةِ.

889. Diketahui dari sunat diam pada keduanya tidak haram bercakap pada keduanya sepertimana dijelaskan oleh asal, kerana apa yang diriwayatkan Baihaqi dengan sanad-sanad yang sahih dari Anas ((bahawa seorang lelaki masuk masjid sedang nabi sawm berkhotbah pada hari jumaat, maka katanya : bilakah kiamat? Maka orang ramai mengisyarat kepadanya supaya diam maka dia tidak terima dan mengulang kata-katanya itu, maka kata nabi sawm kepadanya pada kali ketiga : apa yang kamu sediakan untuknya? Maka katanya : kasih Allah dan rasulNya. Kata nabi : sesungguhnya kamu bersama dengan orang yang kamu kasih)). Maka nabis sawm tidak ingkarkan kata-kata diatasnya dan tidak menerangkan kepadanya wajib diam. Perintah pada ayat itu untuk sunat kerana himpun diantara dua dalil itu. Adapun orang yang tidak mendengar keduanya maka dia diam atau sibuk dengan zikir atau bacaan quran.

(وَ) سُنَّ (كَوْنُهُمَا عَلَى مَنْبَرٍ) لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ الشَّيْخَانِ ، (ف) إِنْ لَمْ يَكُنْ مَنْبَرٌ فَعَلَى (مُرْتَفَعٍ) لِقِيَامِهِ مَقَامَ الْمَنْبَرِ فِي بُلُوغِ صَوْتِ الْخُطِيبِ النَّاسِ. وَسُنَّ كَوْنُ ذَلِكَ عَلَى يَمِينِ الْمُحْرَابِ. وَتَعْبِيرِي بِالْفَاءِ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِأَوْ.

890. Sunat (keadaan keduanya diatas mimbar) kerana ittiba' yang diriwayatkan dua syeikh, (maka) jika tidak ada mimbar maka diatas (suatu yang tinggi) kerana ia berdiri pada tempat mimbar pada menyampaikan suara khatib kepada orang ramai. Sunat keadaan demikian itu pada kanan mihrab. Ibarat aku dengan "maka" terutama dari ibaratnya dengan "atau"..

(وَأَنْ يُسَلِّمَ عَلَى مَنْ عِنْدَ الْمُنْبَرِ) إِذَا انْتَهَى إِلَيْهِ لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ، وَلِمَفَارَقَتِهِ لَهُمْ. (وَ) أَنْ (يُقْبَلَ عَلَيْهِمْ إِذَا صَعِدَ) الْمُنْبَرَ أَوْ نَحْوَهُ وَانْتَهَى إِلَى الدَّرَجَةِ الَّتِي يَجْلِسُ عَلَيْهَا الْمُسَمَّاءُ بِالْمُسْتَرَاحِ. (وَ) أَنْ (يُسَلِّمَ) عَلَيْهِمْ (ثُمَّ يَجْلِسُ فَيُؤَدِّنُ وَاحِدٌ)، لِلاتِّبَاعِ فِي الْجَمِيعِ، رَوَاهُ فِي الْأَخِيرِ الْبُخَارِيُّ وَفِي الْبَقِيَّةِ الْبَيْهَقِيُّ وَعَیْرُهُ. وَذَكَرَ التَّرْتِيبَ بَيْنَ السَّلَامِ وَالْجُلُوسِ مَعَ قَوْلِي وَاحِدٌ مِنْ زِيَادَتِي.

891. (dan bahawa dia memberi salam keatas orang yang disisi mimbar) bila dia sampai kepadanya, kerana ittiba' yang diriwayatkan Baihaqi, dan kerana dia berpisah dari mereka⁹⁶. (dan) bahawa (dia mengadap kepada mereka bila dia telah naik) mimbar atau umpamanya dan sampai kepada darjat yang dia duduk di atasnya yang dinamakan dengan mustarah. (dan) bahawa (dia mengucap salam) keatas mereka (kemudian duduk, maka seorang melaungkan azan), kerana ittiba' pada semuanya. Meriwayatkannya pada yang akhir oleh Bukhari dan pada bakinya Baihaqi dan selalinya. Menyebutkan tertib diantara salam dan duduk serta kata aku "seorang" daripada tambahan ku.

(وَ) أَنْ (تَكُونَ) الْخُطْبَةُ (بَلِيغَةً) أَي فَصِيحَةً جَزَلَةً لَا مُبْتَدَلَةَ رَكِيكَةً، فَإِنَّهَا لَا تُؤَثَّرُ فِي الْقُلُوبِ، (مَفْهُومَةً) أَي قَرِيبَةً لِلْفَهْمِ لَا غَرِيبَةً وَخَشِيئَةً، إِذْ لَا يَنْتَفِعُ بِهَا أَكْثَرُ النَّاسِ، (مُتَوَسِّطَةً) لِأَنَّ الطَّوِيلَةَ تَمَلُّ. وَفِي خَبَرِ مُسْلِمٍ عَنِ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ قَالَ { كَانَتْ صَلَاةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَصْدًا وَخُطْبَتُهُ قَصْدًا } أَي مُتَوَسِّطَةً. وَالْمُرَادُ أَنْ تَكُونَ الْخُطْبَةُ قَصِيرَةً بِالنِّسْبَةِ لِلصَّلَاةِ لِخَبَرِ مُسْلِمٍ { أَطِيلُوا الصَّلَاةَ وَأَقْصِرُوا الْخُطْبَةَ } بِضَمِّ الصَّادِ. وَتَعْبِيرِي بِمُتَوَسِّطَةٍ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِقَصِيرَةٍ، فَإِنَّهُ الْمُوَافِقُ لِلرَّوَضَةِ كَأَصْلِهَا وَالْمُحَرَّرُ.

892. (dan) bahawa (adalah) khutbah itu (mendalam) iaitu fasih lagi padat, tidak tawar⁹⁷ lagi berbelit kerana ianya tidak berkesan pada hati, (difahami) iaitu mudah difahami, tidak pelik dan liar, kerana tidak mengambil manfaat dengannya kebanyakan orang ramai, (sederhana) kerana yang panjang itu menjemukan. Pada satu khabar Muslim dari Jabir bin Samurah katanya ((adalah sembahyang rasullullah sawm sederhana dan khutbahnya sederhana)). Yang dikehendaki bahawa adalah khutbah itu pendek dengan nisbah kepada sembahyang, kerana khabar Muslim ((panjangkanlah sembahyang dan pendekkan khutbah)). Ibarat aku dengan sederhana terutama dari ibaratnya dengan "pendek", maka ianya sama dengan ibarat Raudhah sama seperti asalnya dan Muharrar.

(وَ) أَنْ (لَا يَنْتَفَتِ) فِي شَيْءٍ مِنْهَا، بَلْ يَسْتَمِرُّ مُقْبِلًا عَلَيْهِمْ إِلَى فَرَاعِهَا. وَيُسَنُّ لَهُمْ أَنْ يَقْبَلُوا عَلَيْهِ مُسْتَمِعِينَ لَهُ. (وَ) أَنْ (يَشْغَلَ يُسْرَاهُ بِنَحْوِ سَيْفٍ) لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ. وَالْحِكْمَةُ فِي ذَلِكَ الْإِشَارَةُ إِلَى أَنَّ هَذَا الدِّينَ قَامَ بِالسَّلَاحِ، (وَيُؤْمَنُ بِحَرْفِ الْمُنْبَرِ) لِاتِّبَاعِ السَّلْفِ وَالْخَلْفِ. وَهَذَا مَعَ قَوْلِي يُسْرَاهُ مِنْ زِيَادَتِي. فَإِنْ لَمْ يَجِدْ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ جَعَلَ الْيُمْنَى عَلَى الْيُسْرَى أَوْ أَرْسَلَهُمَا. وَالْغَرَضُ أَنْ يَخْشَعَ وَلَا يَعْبَثَ بِهِمَا.

893. (dan) bahawa (dia tidak menoleh) pada suatu daripadanya, bahkan terus mengadap mereka hingga akhirnya. Sunat mereka mengadapnya seraya menuntut dengarnya. (dan) bahawa (tangan kirinya memegang umpama pedang) kerana ittiba' yang diriwayatkan Abu Daud. Hikmah pada demikian itu adalah isyarat kepada bahawa ugama ini terdiri dengan pedang, (dan) tangan kanannya memegang tepi mimbar) kerana mengikut salaf dan khalaf. Ini serta kata aku "kirinya" adalah daripada tambahan ku. Maka jika dia tidak mendapat suatu dari demikian itu dia meletakkan tangan kanannya diatas tangan kirinya atau menjuntaikan keduanya. Tujuannya bahawa dia khusyuk dan tidak bermain-main dengan keduanya.

(وَ) أَنْ (يَكُونَ جُلُوسُهُ بَيْنَهُمَا) أَي الْخُطْبَتَيْنِ (قَدَرِ سُورَةِ الْإِخْلَاصِ) تَقْرِيْبًا، لِذَلِكَ وَخُرُوجًا مِنْ خِلَافِ مَنْ أَوْجَبَهُ. وَيَقْرَأُ فِيهِ شَيْئًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ ابْنُ حَبَّانَ.

⁹⁶ Dengan dia naik keatas mimbar.

⁹⁷ Kata-kata yang biasa dikalangan orang ramai.

894. (dan) bahawa (adalah duduknya diantara kedua) khutbah itu (kadar surah Ikhlas) lebih kurang, kerana demikian itu dan kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya. Dia membaca padanya suatu daripada Quran kerana ittiba' yang diriwayatkan Ibnu Hibban.

(وَ) أَنْ (يُقِيمَ بَعْدَ فَرَاعِهِ) مِنْ الْخُطْبَةِ (مُؤَدَّنْ، وَيَبَادِرُ هُوَ لِيَبْلُغَ الْمُحْرَابَ مَعَ فَرَاعِهِ) مِنْ الْإِقَامَةِ، فَيَسْتَرْعُ فِي الصَّلَاةِ. وَالْمَعْنَى فِي ذَلِكَ الْمُبَالَغَةُ فِي تَحْقِيقِ الْوَلَاءِ الَّذِي مَرَّ وَجُوبُهُ.

895. (dan) bahawa (muazzin melaungkan qamat selepas selesai imam) dari khutbah (dan dia bersegera untuk sampai kepada mihrab serta selesai) iqamah, maka dia masuk pada sembahyang. Hikmah pada demikian itu adalah mendalami pada mentahkikkan mualat yang telah lalu wajibnya.

(وَ) أَنْ (يَفْرَأَ فِي) الرَّكْعَةِ (الْأُولَى) بَعْدَ الْفَاتِحَةِ (الْجُمُعَةِ وَ) فِي (الثَّانِيَةِ الْمُدَافِقِينَ جَهْرًا) لِلاتِّبَاعِ، رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَرَوَى أَيْضًا { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَفْرَأُ فِي الْجُمُعَةِ بِ "سَبَّحَ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى" وَ "هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْعَاشِيَةِ" }. قَالَ فِي الرَّوْضَةِ : كَانَ يَفْرَأُ هَاتَيْنِ فِي وَقْتٍ وَهَاتَيْنِ فِي وَقْتٍ فَهُمَا سَدَّتَانِ. وَفِيهَا كَأَصْلِهَا : لَوْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ فِي الْأُولَى قَرَأَهَا مَعَ الْمُنَافِقِينَ فِي الثَّانِيَةِ، أَوْ قَرَأَ الْمُنَافِقِينَ فِي الْأُولَى قَرَأَ الْجُمُعَةَ فِي الثَّانِيَةِ، كَيْ لَا تَخْلُو صَلَاتُهُ عَنْهُمَا. وَالتَّصْرِيحُ بِسَنِّ عَدَمِ الْإِتِّفَاتِ وَمَا عَطَفَ عَلَيْهِ مِنْ زِيَادَتِي.

896. (dan) bahawa (dia membaca pada) rakaat (pertama) selepas fatimah (al Jumua dan) pada (yang kedua al Munafiqun, dengan nyaring) kerana ittiba' yang diriwayatkan Muslim. Dia meriwayatkan juga ((bahawa nabi sawm sentiasa membaca pada sembahyang jumaat akan "سَبَّحَ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى" dan "هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْعَاشِيَةِ". Kata Nawawi didalam Raudhah : adalah dia membaca dua ini pada satu waktu dan dua ini pada waktu yang lain, maka keduanya sunat. Didalamnya sama seperti asalnya : kalau dia meninggalkan al Jumua pada rakaat pertama dia membacanya bersama dengan al Munafiqun pada rakaat kedua, atau dia membaca al Munafiqun pada yang pertama dia membaca al Jumua pada yang kedua, supaya tidak sunyi sembahyangnya dari keduanya. Penjelasan dengan sunat tidak menoleh dan apa yang di'atafkan keatasnya daripada tambahan ku.

(فَصَلِّ) فِي الْأَعْسَالِ الْمَسْنُونَةِ فِي الْجُمُعَةِ وَعَاطِرَهَا وَمَا يَذْكَرُ مَعَهَا. وَيَتَوَيَّ بِهَا الْمُغْتَسِلُ أَسْبَابَهَا إِلَّا الْغُسْلَ مِنْ جُنُونٍ أَوْ إِعْمَاءٍ فَيَتَوَيَّ بِهِ رَفَعَ الْجَنَابَةَ.

897. FASAL⁵¹ pada mandi-mandian sunat pada jumaat dan selainnya dan apa yang disebutkan bersamanya. Orang yang mandi berniat dengannya akan sebab-sebabnya, melainkan mandi dari gila atau pitam maka dia niat mengangkat janabah dengannya.

(سَنَّ غُسْلًا، فَ) إِنْ عَجَزَ سَنَّ (بَدَلَهُ) بِنِيَّةِ الْغُسْلِ (لِمُرِيدِهَا) أَيِ الْجُمُعَةِ، وَإِنْ لَمْ تَلْزَمَهُ، بَلْ يُكْرَهُ تَرْكُهُ إِحْرَارًا لِلْفَضِيلَةِ وَالْخَيْرِ الشَّيْخَيْنِ { إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ الْجُمُعَةَ أَيِ أَرَادَ مَجِيئَهَا فَلْيَغْتَسِلْ }، وَخَبَرِ ابْنِ حَبَّانَ { مَنْ أَتَى الْجُمُعَةَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ فَلْيَغْتَسِلْ } . وَصَرَفَ الْأَمْرَ عَنِ الْوُجُوبِ إِلَى النَّدْبِ خَبَرُ { مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِيهَا وَنَعِمَتْ وَمَنْ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ }، رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَعَاطِرُهُ وَحَسَنَةُ التِّرْمِذِيُّ. وَقَوْلُهُ : فِيهَا أَيِ فَبِالسَّنَةِ أَخَذَ أَيِ بِمَا جَوَزْتَهُ مِنَ الْإِقْتِصَارِ عَلَى الْوُضُوءِ وَنَعِمَتْ الْخَصْلَةُ، وَالْغُسْلُ مَعَهَا أَفْضَلُ.

898. (Sunat mandi, maka) jika dia lemah sunat (gantinya) dengan niat mandi (bagi orang yang hendakkan) jumaat sekalipun ia tidak melaziminya, bahkan makruh meninggalkannya kerana halobakan fadhilatnya dan kerana khabar dua syeikh ((bila seorang dari kamu datang kepada jumaat -iaitu hendak datang kepadanya- maka hendaklah dia mandi)), dan khabar Ibnu Hibban ((siapa dari kalangan lelaki dan perempuan yang datang keapda jumaat maka hendaklah dia mandi)). Memalingkan perintah itu dari wajib kepada sunat oleh khabar ((siapa berwudhuk pada hari jumaat maka dengannya dan ianya baik, dan siapa mandi maka mandi itu terafdhal)), meriwayatkannya Abu Daud dan selainnya dan Turmizi membilanganya hasan. Katanya "maka

dengannya" iaitu maka dia mengambil sunnah, iaitu apa yang sunnah haruskan daripada had diatas wudhuk dan sebaik-baik perkara adalah ia, dan mandi bersamanya terafdhal.

(بَعْدَ) طُلُوعِ (فَجْرِ) لِأَنَّهُ مُعَلَّقٌ بِلَفْظِ الْيَوْمِ كَمَا سَيَأْتِي. (وَفَرُبُهُ مِنْ ذَهَابِهِ) (إِلَيْهَا) (أَفْضَلُ)، لِأَنَّهُ أَفْضَى إِلَى الْغُرُضِ مِنْ انْتِفَاءِ الرَّائِحَةِ الْكَرِيهَةِ حَالَةَ الْاجْتِمَاعِ.

899. (selepas terbit fajar), kerana ia digantungkan dengan lafaz siang sepertimana akan datang. (Dekatnya dengan perginya) kepada jumaat itu (terafdhal) kerana ia menyampaikan kepada tujuannya daripada ternafi bau yang busuk ketika berhimpun.

(وَمِنْ الْمَسْنُونِ أَغْسَالِ حَجٍّ) وَعُمْرَةَ تَأْتِي فِي كِتَابَيْهِمَا، (وَغُسْلُ عِيدٍ وَكُسُوفٍ) بِقِسْمَيْهِمَا (وَاسْتِسْقَاءٍ) لِاجْتِمَاعِ النَّاسِ لَهَا كَالْجُمُعَةِ وَاللَّزِينَةِ فِي الْعِيدِ، فَلَا يَخْتَصُّ بِسَنِّ الْغُسْلِ لَهُ مُرِيدُهُ.

900. (Daripada mandi-mandian yang sunat itu adalah mandi-mandi haji) dan umrah yang akan datang pada kitab keduanya, (dan mandi raya dan gerhana) dengan dua bahagian bagi keduanya, (dan istisqa'), kerana berhimpun orang ramai untuknya sama seperti jumaat dan kerana berhias pada raya maka tidak khusus dengan sunat mandi kerananya oleh orang yang hendak menghadhirinya.

(وَ) غُسْلٌ (لِغَاسِلِ مَيِّتٍ)، مُسْلِمًا كَانَ أَوْ كَافِرًا، لَخَبَرِ { مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَلْيَغْتَسِلِ }، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَنَهُ وَابْنُ حِبَّانَ وَصَحَّحَهُ. وَصَرَّفَهُ عَنِ الْوُجُوبِ خَبَرٌ { لَيْسَ عَلَيْكُمْ فِي غُسْلِ مَيِّتِكُمْ غُسْلٌ إِذَا غَسَلْتُمُوهُ }، رَوَاهُ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَلَى شَرْطِ الْبُخَارِيِّ. وَقَيْسٌ بِمَيِّتِنَا مَيِّتٌ غَيْرِنَا.

901. (dan) mandi (bagi orang yang memandikan mayat), muslim adalah dia atau kafir, kerana khabar ((siapa memandikan mayat maka hendaklah dia mandi)), meriwayatkannya Turmizi dan dia membilangannya hasan, dan Ibnu Hibban dan dia mengesahkannya. Memalingkannya dari wajib khabar ((tidak ada diatas kamu pada mandi mayat kamu apa-apa mandian bila kamu memandaikannya)), meriwayatkannya Hakim dan dia mengesahkannya diatas syarat Bukhari. Dikiaskan dengan mayat kita akan selain kita.

(وَ) غُسْلٌ (لِمَجْنُونٍ وَمُعْمَى عَلَيْهِ) إِذَا (أَفَاقَا)، لِاتِّبَاعِ فِي الْمُعْمَى عَلَيْهِ رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. وَقَيْسٌ بِهِ الْمَجْنُونُ. (وَكَافِرٍ) إِذَا (أَسْلَمَ) { لِأَمْرِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَيْسٌ بْنُ عَاصِمٍ بِالْغُسْلِ لَمَّا أَسْلَمَ، وَكَذَا ثَمَامَةُ بْنُ أَثَالٍ }، رَوَاهُمَا ابْنَا خُرَيْمَةَ وَحِبَّانَ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ. وَلَيْسَ الْأَمْرُ لِلْوُجُوبِ، لِأَنَّ جَمَاعَةً أَسْلَمُوا فَلَمْ يَأْمُرْهُمْ بِالْغُسْلِ. وَهَذَا إِذَا لَمْ يَعْزُضْ لَهُ فِي الْكُفْرِ مَا يُوجِبُ الْغُسْلَ مِنْ جَنَابَةٍ أَوْ نَحْوِهَا. وَإِلَّا، وَجِبَ الْغُسْلُ وَإِنْ اغْتَسَلَ فِيهِ.

902. (dan) mandi (bagi orang gila dan pitam) bila (keduanya siuman), kerana ittiba' pada orang pitam yang diriwayatkan dua syeikh. Dikiaskan dengannya akan orang gila. (dan bagi orang kafir) bila (memeluk islam), kerana nabi sawm menyuruh Qais bin 'Asim dengan mandi tatkala dia memeluk islam, begitu juga Thumamah bin Athal. Meriwayatkan keduanya Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban dan selain kedua mereka. Perintah itu bukan untuk wajib kerana ramai orang memeluk islam maka dia tidak menyuruh mereka dengan mandi. Ini bila tidak mendatang kepada dia pada kufurnya apa yang mewajibkan mandi daripada janabah atau umpamanya. Jika tidak, wajib mandi itu sekalipun dia telah mandi pada kufurnya.

وَأَفَادَ التَّعْبِيرُ بِمَنْ أَنَّهُ قَدْ بَقِيَتْ أَغْسَالٌ أُخْرُ مَسْنُونَةٌ كَالْغُسْلِ لِلْبُلُوغِ بِالسِّنِّ وَبِالْخُرُوجِ مِنَ الْحَمَامِ.

903. Ibarat dengan "daripada" memberi faedah bahawa tinggal lagi mandi-mandi yang lain yang sunat seperti mandi kerana baligh dengan tahun dan kerana iktikaf dan kerana keluar dari hammam.

(وَأَكْذَهَا غُسْلُ جُمُعَةٍ، ثُمَّ) غَسَلَ (غَاسِلِ مَيِّتٍ) لِلْأَحَادِيثِ الصَّحِيحَةِ الْكَثِيرَةِ فِي الْأَوَّلِ. وَلَيْسَ لِلثَّانِي حَدِيثٌ صَحِيحٌ، بَلْ اعْتَرَضَ فِي الْمَجْمُوعِ عَلَى التَّرْمِذِيِّ فِي تَحْسِينِهِ لِلْحَدِيثِ السَّابِقِ مِنْ أَحَادِيثِهِ، فَعَلَى ابْنِ حِبَّانَ فِي تَصْحِيحِهِ لَهُ أَوْلَى. وَقَدَّمَ غُسْلُ غَاسِلِ الْمَيِّتِ عَلَى الْبَقِيَّةِ لِلْإِخْتِلَافِ فِي وُجُوبِهِ.

904. (Paling muakkadnya mandi jumaat, kemudian) mandi (orang yang memandikan mayat), kerana hadith-hadith sahih yang banyak pada yang pertama. Tidak ada bagi yang kedua satu hadith sahih⁹⁸, bahkan Nawawi mengkritik Turmizi didalam Majmuk kerana dia menghukumkan hasan akan hadith yang lalu daripada hadith-hadithnya, maka terutama kritik keatas Ibnu Hibban kerana dia menghukumkannya sahih. Didulukan mandi orang yang memandikan mayat diatas baki mandi-mandian kerana khilaf pada wajibnya.

(وَسُنَّ بِكُورٍ) إِلَيْهَا (لِعَیْرِ إِمَامٍ) لِيَأْخُذُوا مَجَالِسَهُمْ وَيَنْتَظِرُوا الصَّلَاةَ، وَلِخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ { مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غَسَلَ الْجَنَابَةَ أَيْ كَعَسَلَهَا ثُمَّ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْأُولَى فَكَانَ قَرَبَ بَدَنَةٍ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَانَ قَرَبَ بَقْرَةٍ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّلَاثَةِ فَكَانَ قَرَبَ كَبْشًا أَقْرَنَ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَانَ قَرَبَ دَجَاجَةٍ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَانَ قَرَبَ بَيْضَةٍ. فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ. } وَرَوَى النَّسَائِيُّ { فِي الْخَامِسَةِ كَالَّذِي يَهْدِي عَصْفُورًا، وَفِي السَّادِسَةِ بَيْضَةً. } فَمَنْ جَاءَ فِي أَوَّلِ سَاعَةٍ مِنْهَا وَمَنْ جَاءَ فِي آخِرِهَا مُشْتَرِكًا فِي تَحْصِيلِ الْبَدَنَةِ مَثَلًا لَكِنَّ الْأَوَّلَ أَكْمَلَ مِنْ بَدَنَةِ الْآخِرِ، وَبَدَنَةُ الْمُتَوَسِّطِ مُتَوَسِّطَةٌ. أَمَّا الْإِمَامُ فَيُسَنُّ لَهُ التَّأخِيرُ إِلَى وَقْتِ الْخُطْبَةِ اتِّبَاعًا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَخُلْفَانِهِ.

905. (Sunat berpagi-pagi) pergi kepadanya (bagi selain imam) untuk mereka mengambil tempat mereka dan menunggu sembahyang, dan kerana khabar dua syeikh ((orang yang mandi pada siang jumaat sebagaimana mandi janabah kemudian dia pergi pada masa yang pertama maka seolah-olah dia bersedekah dengan seekor unta, dan siapa yang pergi pada masa yang kedua maka seolah-olah dia bersedekah dengan seekor lembu, dan orang yang pergi pada masa yang ketiga maka seolah-olah dia bersedekah dengan kibas bertanduk, dan orang yang pergi pada masa keempat maka seolah-olah dia bersedekah dengan bapak ayam, dan orang yang pergi pada masa kelima maka seolah-olah dia bersedekah dengan sebiji telur. Maka bila imam keluar⁹⁹ hadhirlah para malaikat mendengar khutbah)). Nasai'e meriwayatkan ((pada masa yang kelima seperti orang yang menghadiahkan seekor burung, dan pada yang keenam sebiji telur)). Maka orang yang datang pada saat awal daripada waktu-waktu itu dan orang yang datang pada akhirnya bersyarikat pada menghasilkan unta sebagai contoh akan tetapi unta orang yang pertama lebih sempurna dari unta orang yang akhir, dan unta orang yang datang ditengahnya sederhana. Adapun imam maka sunat dia mentakhirkan kepada waktu khutbah kerana mengikut nabi sawm dan para khalifahnya.

وَالْبُكُورُ يَكُونُ (مَنْ) طُلُوعِ (فَجْرِ)، لِأَنَّهُ أَوَّلُ الْيَوْمِ شَرْعًا. وَبِهِ يَتَعَلَّقُ جَوَازُ غَسْلِ الْجُمُعَةِ كَمَا مَرَّ. وَإِنَّمَا ذَكَرَ فِي الْخَبَرِ لَفْظَ الرُّوْحِ مَعَ أَنَّهُ اسْمٌ لِلْخُرُوجِ بَعْدَ الزَّوَالِ كَمَا قَالَهُ الْجَوْهَرِيُّ وَغَيْرُهُ، لِأَنَّهُ خُرُوجٌ لِمَا يُؤْتَى بِهِ بَعْدَ الزَّوَالِ، عَلَى أَنَّ الْأَزْهَرِيَّ مَنَعَ ذَلِكَ، وَقَالَ: إِنَّهُ مُسْتَعْمَلٌ عِنْدَ الْعَرَبِ فِي السَّيْرِ أَيْ وَقْتٍ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ. وَقَوْلِي لِعَیْرِ إِمَامٍ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

906. Berpagi-pagi itu adalah ia (dari) terbit (fajar), kerana ia awal hari pada syara'. Dengannya bergantunglah harus mandi jumaat sepertimana yagn telah lalu. Hanyalah disebutkan pada khabar itu lafaz "رواح" serta bahawa ia nama bagi keluar selepas zawal sepertimana dikatakan Jauhari dan selainnya kerana ia keluar untuk apa yang didatangi selepas zawal, walaupun bagaimana pun al Azhari menegah demikian itu dan katanya : ianya digunakan disisi

⁹⁸ Iaitu yang disepakatkan diatas sahihnya, maka tidak menafikan bahawa ia punya hadith sahih.

⁹⁹ Naik keatas mimbar.

arab pada perjalanan pada sebarang waktu daripada malam atau siang. Kata aku "bagi selain imam" hingga akhirnya daripada tambahan aku.

(وَ) سُنَّ (دَهَابٌ) إِلَيْهَا (فِي طَرِيقٍ طَوِيلٍ مَاشِيًا)، لَا رَاكِبًا إِلَيْهَا (بِسَكِينَةٍ وَرُجُوعٍ فِي) آخَرَ (قَصِيرٍ)، مَاشِيًا أَوْ رَاكِبًا، كَمَا فِي الْعِيدِ فِي الدَّهَابِ وَالرُّجُوعِ، وَذَكَرَهُمَا مِنْ زِيَادَتِي، وَاللَّحْتُ عَلَى الْمَشْيِ فِي خَبَرِ رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَنَهُ وَابْنُ حِبَّانٍ وَصَحَّحَهُ، وَلِخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ فِي السَّكِينَةِ { إِذَا أَتَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَلَا تَأْتَوْهَا وَأَنْتُمْ تَسْعَوْنَ، وَأَتَوْهَا وَعَلَيْكُمْ السَّكِينَةُ } . وَهُوَ مُبَيَّنٌ لِلْمَرَادِ مَنْ قَوْلِهِ تَعَالَى { إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ } أَيِ امْضُوا كَمَا قُرِئَ بِهِ.

907. Sunat (pergi) kepadanya (pada jalan jauh, berjalan kaki,) tidak berkenderaan, (dengan tenang, dan balik pada) jalan lain (yang dekat), berjalan atau berkenderaan, sepertimana pada raya pada pergi dan balik itu, dan kerana galakkan diatas berjalan pada satu khabar yang diriwayatkan Turmizi dan dia membilangnyanya hasan dan Ibnu Hibban dan dia membilangnyanya sahih, dan kerana khabar dua syeikh pada tenang itu, ((bila kamu datang kepada sembahyang maka janganlah kamu datang kepadanya walhal kamu berlari dan datangilah ia sedang kamu tenang)). Ianya menerangkan murad dari kata Allah taala ((bila diserukan untuk sembahyang pada hari jumaat maka berlarilah i.e bersegeralah kepada menyebut Allah)) iaitu "pergilah" sepertimana dibaca dengannya.

(إِلَّا لِعُدْرٍ) فِي الْمَذْكُورَاتِ، مِنْ زِيَادَتِي، بِأَنَّ يَشَقُّ الْبُكُورُ أَوْ الدَّهَابُ أَوْ الرَّجُوعُ فِيمَا ذَكَرَ أَوْ الْمَشْيُ أَوْ يَضِيقُ الْوَقْتُ. فَأَلْوَلَى تَرَكَ الثَّلَاثَةَ الْأَوَّلِ وَالرُّكُوبَ وَالْإِسْرَاعَ. وَقَالَ الْمُحَدِّثُ الطَّبْرِيُّ : يَجِبُ الْإِسْرَاعُ إِذَا لَمْ تُدْرِكَ الْجُمُعَةَ إِلَّا بِهِ.

908. (Melainkan kerana uzur) pada segala yang disebutkan itu, dengan bahawa susah untuk keluar pagi atau pergi atau balik pada jalan yang disebutkan itu atau susah berjalan atau sempit waktunya. Maka yang terutama meninggalkan tiga yang pertama dan dia menunggang dan berjalan cepat. Kata Muhibbu Thabari : wajib cepat bila tidak didapatkan jumaat melainkan dengannya.

(وَ) سُنَّ (اشْتِعَالَ فِي طَرِيقِهِ وَخُضُورُهُ) قَبْلَ الْخُطْبَةِ (بِقِرَاءَةٍ أَوْ ذِكْرٍ) أَوْ صَلَاةٍ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيُنَالَ ثَوَابَهَا فِي هَذَا الْوَقْتِ الْعَظِيمِ. (وَتَزَيَّنَ بِأَحْسَنِ ثِيَابِهِ) لِلحَّتِّ عَلَى ذَلِكَ وَغَيْرِهِ فِي خَبَرِ رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانٍ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَاهُ. وَيَزِيدُ الْإِمَامُ : فِي حُسْنِ الْهَيْئَةِ. (وَالْبَيْضُ) مِنْهَا (أَوْلَى) مِنْ زِيَادَتِي لِخَبَرِ { الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ وَكَفْنَا فِيهَا مَوْتَاكُمْ } . رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ. وَيَلِي الْبَيْضُ مَا صُبِعَ قَبْلَ نَسْجِهِ.

909. Sunat (sibuk pada jalannya dan hadhirnya) sebelum khutbah (dengan bacaan Quran atau zikir) atau selawat atas nabi sawm supaya dia mencapai pahalanya pada waktu yang besar ini. (dan berhias dengan seelok-elok pakaiannya) kerana galakkan diatas demikian itu dan selainnya pada satu khabar yang diriwayatkan Ibnu Hibban dan Hakim dan mereka mengesahkannya. Al Imam menambah : pada kalakuan yang elok.. (Yang putih) daripadanya (terutama), kerana khabar ((pakailah pakaian kamu yang putih maka ianya sebaik-baik pakaian kamu dan kafankanlah mayat kamu padanya)). Meriwayatkannya Turmizi dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Mengiringi yang putih itu apa yang dicelup sebelum ditunen.

(وَ) تَزَيَّنَ (بِطَيِّبٍ) لِذِكْرِهِ فِي خَبَرِ ابْنِ حِبَّانٍ وَالْحَاكِمِ السَّابِقِ. (بِإِزَالَةِ نَحْوِ ظُفْرِ) كَشَعْرٍ لِلتَّيَّاعِ رَوَاهُ الْبَزَّازُ فِي مُسْنَدِهِ. (وَ) نَحْوِ (رِيحٍ) كَرِيهِهِ كَصُنَّانٍ وَوَسَخٍ لِنَلَا يَتَأَدَّى بِهِ أَحَدًا. قَالَ الشَّافِعِيُّ : مَنْ نَظَفَ نَوْبَهُ قَلَّ هَمُّهُ وَمَنْ طَابَ رِيحُهُ زَادَ عَقْلُهُ. وَنَحْوُ مِنْ زِيَادَتِي.

910. (dan) berhias diri (dengan wangian) kerana ia disebutkan didalam khabar Ibnu Hibban dan Hakim yang lalu. (dan dengan menghilangkan umpama kuku) seperti bulu tubuh kerana

ittiba' yang diriwayatkan al Bazzar didalam Masnadnya, (**dan**) umpama (**bau**) buruk seperti bau ketiak dan daki supaya tidak terganggu sesorang dengannya. Kata Syafi'e : siapa bersih pakaiannya sedikit dukacitanya dan siapa wangi baunya bertambah akalunya.

(وَ) سُنَّ (إِكْتَارُ دُعَاءِ) يَوْمَهَا وَلَيْلَتَهَا. أَمَّا يَوْمَهَا فَلَرَجَاءُ أَنْ يُصَادَفَ سَاعَةً الْإِجَابَةِ وَهِيَ سَاعَةٌ خَفِيفَةٌ. وَأَرْجَاهَا مِنْ جُلُوسِ الْخَطِيبِ إِلَى آخِرِ الصَّلَاةِ كَمَا فِي خَبَرِ مُسْلِمٍ. قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : وَأَمَّا خَبْرٌ { يَوْمَ الْجُمُعَةِ ثِنْتَا عَشْرَةَ سَاعَةً، فِيهِ سَاعَةٌ لَا يُوْجَدُ عَبْدٌ مُسْلِمٌ يَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهُ، فَالْتَمِسُوهَا آخِرَ سَاعَةِ بَعْدِ الْعَصْرِ }. فَيُحْتَمَلُ أَنَّ هَذِهِ السَّاعَةَ مُنْتَقِلَةٌ تَكُونُ يَوْمًا فِي وَقْتٍ وَيَوْمًا فِي آخَرٍ كَمَا هُوَ الْمُخْتَارُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ. وَأَمَّا لَيْلَتُهَا فَبِالْقِيَاسِ عَلَى يَوْمِهَا. وَقَدْ قَالَ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : بَلَّغْنِي أَنْ الدُّعَاءُ يُسْتَجَابُ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ.

911. Sunat (**membanyakan doa**) pada siang dan malamnya. Adapun pada siangnya maka kerana diharapkan akan kena dengan saat ijabah iaitu satu saat yang singkat. Paling diharapkan adalah mula dari duduk khatib hingga kepada akhir sembahyang sepertimana pada khabar Muslim. Kata Nawawi didalam Majmuk : adapun khabar ((hari jumaat itu dua belas saat, padanya satu saat yang tidak didapati seorang hamba yang muslim yang meminta Allah taala akan sesuatu melainkan Allah memberikan dia permintaannya. Maka carilah ia pada saat akhir selepas asar.)) maka ditanggungkan bahawa saat ini berpindah-pindah, adalah ia satu hari pada satu waktu dan pada hari yang lain pada waktu yang lain sepertimana ianya yang dipilih pada malam qadar. Adapun malam jumaat maka dengan kias diatas siangya. Kata Syafi'e r.a : sampai kepada aku bahawa doa itu diperkenankan pada malam jumaat.

(وَ) إِكْتَارُ (صَلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) يَوْمَهَا وَلَيْلَتَهَا، لَخَبَرٍ { أَكْثَرُوا عَلَيَّ مِنْ الصَّلَاةِ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ وَيَوْمَ الْجُمُعَةِ. فَمَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا }. رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ بِإِسْنَادٍ جَيِّدٍ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ.

912. (**dan**) membanyakan (**selawat atas nabi sawm**) pada siangya dan malamnya, kerana khabar ((perbanyakkanlah selawat keatas aku pada malam jumaat dan siang jumaat. Maka siapa berselawat keatas aku satu selawat Allah berselawat keatas dia dengan sebabnya sepuluh selawat)). Meriwayatkannya Baihaqi dengan sanad-sanad yang baik sepertimana didalam Majmuk.

(وَ) إِكْتَارُ (قِرَاءَةِ الْكُفْهِ يَوْمَهَا وَلَيْلَتَهَا)، لَخَبَرٍ { مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكُفْهِ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ }، رَوَاهُ الْحَاكِمُ وَقَالَ : صَحِيحُ الْإِسْنَادِ، وَخَبَرٌ { مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكُفْهِ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ }، رَوَاهُ الدَّارِمِيُّ. فَقَوْلِي يَوْمَهَا وَلَيْلَتَهَا مُتَعَلِّقٌ بِالْمَسَائِلِ الثَّلَاثِ كَمَا تَقَرَّرَ. وَذَكَرُ إِكْتَارِ الْقِرَاءَةِ مِنْ زِيَادَتِي.

913. (**dan**) membanyakan (**baca surah al Kahfi pada siangya dan malamnya**) kerana khabar ((siapa membaca surah al Kahfi pada siang jumaat Allah taala menyinarkan cahaya baginya apa yang diantara dua jumaat)), meriwayatkannya Hakim dan katanya : sahih sanad-sanadnya, dan kerana khabar ((siapa membaca surah al Kahfi pada malam jumaat Allah taala menyinarkan cahaya baginya pada jarak diantara dia dan diantara baitul 'atiq)), meriwayatkannya Darimi. Maka kata aku "siangya dan malamnya" berta'luk dengan tiga masalah ini sepertimana telah tetap. Menyebutkan baca itu daripada tambahan ku.

(وَكُرْهَ تَخَطُّ) رِقَابِ النَّاسِ، لِلْحَثِّ عَلَى الْمَنَعِ مِنْ ذَلِكَ فِي خَبَرِ رَوَاهُ ابْنُ حَبَّانَ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّاهُ. (إِلَّا لِإِمَامٍ) لَمْ يَجِدْ طَرِيقًا إِلَّا بِتَخَطُّ، فَلَا يُكْرَهُ لَهُ لِاضْطِرَّارِهِ إِلَيْهِ، (وَمَنْ وَجَدَ فُرْجَةً لَا يَصِلُهَا إِلَّا بِتَخَطُّ وَاحِدٍ أَوْ اثْنَيْنِ أَوْ) أَكْثَرَ (لَمْ يَرْجُ سَدَّهَا)، فَلَا يُكْرَهُ لَهُ، وَإِنْ وَجَدَ غَيْرَهَا لِتَقْصِيرِ الْقَوْمِ بِإِخْلَانِهَا، لَكِنْ يُسَنُّ لَهُ إِنْ

وَجَدَ غَيْرَهَا أَنْ لَا يَتَّخِطِي. فَإِنْ رَجَا سَدَّهَا كَانَ رَجَا أَنْ يَتَّقَدَّمَ أَحَدٌ إِلَيْهَا إِذَا أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ كُرْهًا لَهُ لِكَثْرَةِ الْأَدْي. وَذَكَرَ الْكِرَاهَةَ مَعَ قَوْلِي إِلَّا لِإِمَامٍ الْخُ مِنْ زِيَادَتِي.

914. (**Makruh langkah**) tengkok orang ramai, kerana galakkan diatas menegah dari demikian itu pada satu khabar yang diriwayatkan Ibnu Hibban dan Hakim dan mereka mengesahkannya. (**melainkan bagi imam**) yang tidak mendapat jalan melainkan dengan melangkah, maka tidak dimakruhkan ia baginya kerana dia terdesak kepadanya, (**dan orang yang mendapati ada tempat kosong yang dia tidak boleh sampai kepadanya melainkan dengan melangkah tengkok seorang atau dua atau**) lebih dan (**dia tidak harap ia akan disumbat**), maka tidak makruh langkah itu baginya, sekalipun dia mendapat selainnya kerana cuai orang ramai dengan mengosongkannya, akan tetapi sunat dia tidak melangkah jika dia mendapat selainnya. Maka jika dia harap ia akan disumbat seperti bahawa dia harap bahawa seorang akan maju kepadanya bila diqamatkan sembahyang makruh dia melangkah kerana banyak menyakiti hati orang lain. Menyabuitkan karahah itu serta kata aku "melainkan bagi imam" hingga akhir daripada tambahan ku.

(وَحَرَّمَ عَلَيَّ مَنْ تَلَزَمَهُ) الْجُمُعَةَ (اسْتَعَالَ بِنَحْوِ بَيْعِ) مِنْ عُقُودٍ وَصَنَائِعَ وَغَيْرَهَا مِمَّا فِيهِ تَشَاغُلٌ عَنِ السَّعْيِ إِلَى الْجُمُعَةِ (بَعْدَ شُرُوعِ فِي آدَانِ خُطْبَةٍ). قَالَ تَعَالَى { إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ } أَيِ اتْرُكُوهُ. وَالْأَمْرُ لِلْوُجُوبِ، فَيُحْرَمُ الْفِعْلُ. وَقَيْسٌ بِالْبَيْعِ غَيْرُهُ مِمَّا ذَكَرَ. وَتَقْيِيدُ الْأَدَانِ بِمَا ذَكَرَ لِأَنَّهُ الَّذِي كَانَ فِي عَهْدِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَانصَرَفَ النِّدَاءُ فِي الْآيَةِ إِلَيْهِ.

915. (**Haram diatas orang yang dilazimi**) jumaat (**melakukan umpama jual**) daripada akad-akad dan kerja-kerja pertukangan dan selainnya, daripada apa yang menyibukkan dari berjalan kepada jumaat, (**selepas masuk pada azan khutbah**). Kata Allah taala ((bila diserukan kepada sembahyang pada hari jumaat maka hendaklah kamu berjalan pergi kepada menyebut Allah dan tinggalkan jual beli)). Perintah itu untuk wajib. Maka haram buat. Dikiaskan dengan jual akan selainnya daripada apa yang disebutkan itu. Mengkaitkan azan dengan apa yang disebutkan itu adalah kerana ia yang ada pada zaman nabi sawm, maka terpalang seruan pada ayat itu kepadanya.

وَحَرْمَةُ مَا ذَكَرَ فِي حَقِّ مَنْ جَلَسَ لَهُ فِي غَيْرِ الْمَسْجِدِ. أَمَّا إِذَا سَمِعَ النِّدَاءَ فَقَامَ قَاصِدًا الْجُمُعَةَ فَبَايَعَ فِي طَرِيقِهِ أَوْ قَعَدَ فِي الْجَامِعِ وَبَايَعَ فَلَا يَحْرُمُ كَمَا صَرَّحَ بِهِ فِي التَّتَمَّةِ وَنَقَلَهُ فِي الرَّوْضَةِ. قَالَ : وَهُوَ الظَّاهِرُ، لَكِنَّ الْبَيْعَ فِي الْمَسْجِدِ مَكْرُوهٌ. وَلَوْ تَبَايَعَ اثْنَانِ أَحَدُهُمَا تَلَزَمَهُ الْجُمُعَةَ دُونَ الْآخَرِ أَثَمَ الْآخَرُ أَيْضًا لِإِعَانَتِهِ عَلَى الْحَرَامِ. وَقِيلَ : كُرْهٌ لَهُ. وَخَرَجَ بِمَنْ تَلَزَمَهُ مَنْ لَا تَلَزَمُهُ. فَلَوْ تَبَايَعَ اثْنَانِ مِمَّنْ لَمْ تَلَزَمُهُ لَمْ يَحْرُمْ وَلَمْ يُكْرَهْ.

916. Haram apa yang disebutkan itu adalah pada hak orang yang duduk untuknya pada selain masjid. Adapun bila dia mendengar seruan jumaat lalu dia bangun menuju jumaat maka dia berjual beli pada jalannya atau dia duduk didalam masjid jami' dan berjual beli maka tidak haram sepertimana Nawawi jelaskan didalam Tatimmah dan dia menakalkannya didalam Raudhah. Katanya : ianya yang zahir, akan tetapi jual beli didalam masjid itu makruh. Kalau dua orang berjual beli, seorang daripadanya dilazimi jumaat tidak yang seorang lagi berdosa juga yang seorang lagi itu kerana dia membantu diatas haram. Dikatakan : ia makruh baginya. Keluar dengan "orang yang dilazimi jumaat" oleh orang yang tidak dilazimi jumaat. Maka kalau berjual beli dua orang daripada orang yang tidak dilazimi jumat tidak haram ia dan tidak makruh.

(فَإِنْ عَقَدَ) مَنْ حَرَّمَ عَلَيْهِ الْعُقْدُ (صَحَّ) الْعُقْدُ لِأَنَّ الْمَنْعَ مِنْهُ لِمَعْنَى خَارِجٍ. وَقَوْلِي عَقَدَ أَعْمٌ مِنْ قَوْلِهِ بَاعَ.

917. (**Maka jika berakad**) orang yang haram akad diatasnya (**sah**) akad itu kerana tegahan darinya adalah kerana makna yang diluar akad. Kata aku "akad" lebih umum dari katanya 'jual'.

(وَكُرِهَ) ذَلِكَ (قَبْلَ الْأَذَانِ) الْمَذْكُورِ وَالْجُلُوسِ لِلْخُطْبَةِ (بَعْدَ زَوَالِ) لِدُخُولِ وَقْتِ الْوُجُوبِ. نَعَمْ، يَتَّبِعِي كَمَا قَالَ الْإِسْنَوِيُّ أَنْ لَا يُكْرَهُ فِي بَلَدٍ يُؤَخَّرُونَ فِيهَا تَأْخِيرًا كَثِيرًا كَمَكَّةَ لِمَا فِيهِ مِنَ الصَّرْبِ. أَمَّا قَبْلَ الزَّوَالِ فَلَا يُكْرَهُ. وَهَذَا مَعَ نَفْيِ التَّحْرِيمِ بَعْدَهُ وَقَبْلَ الْأَذَانِ وَالْجُلُوسِ مَحْمُولٌ كَمَا قَالَ ابْنُ الرَّفْعَةِ عَلَى مَنْ لَمْ يَلْزِمَهُ السَّغْيَ حِينَئِذٍ. وَإِلَّا، فَيَحْرَمُ ذَلِكَ.

918. (Makruh) dengan perkara-perkara itu (sebelum azan) yang disebutkan dan sebelum duduk untuk khutbah (selepas zawal) kerana telah masuk waktu wajibnya. Na'am, sayugia sepertimana kata Isnawi bahawa tidak dimakruhkan ia pada negeri yang penduduknya melambatkan jumaat padanya sebagai lambat yang banyak seperti Makkah kerana mudharat yang sabit padanya. Adapun sebelum zawal maka ia tidak makruh. Tidak makruhnya sebelum zawal serta ternafi haram selepas zawal dan sebelum azan dan duduk khatib adalah ditanggungkan, sepertimana kata Ibnu Rif'ah, keatas orang yang lazim berjalan pergi jumaat ketika itu¹⁰⁰. Jika tidak, maka demikian itu haram.

(فَصَلِّ) فِي بَيَانِ مَا تُدْرِكُ بِهِ الْجُمُعَةَ وَمَا لَا تُدْرِكُ بِهِ مَعَ جَوَازِ الْإِسْتِخْلَافِ وَعَدَمِهِ. (مَنْ أَدْرَكَ) مَعَ إِمَامِهَا رَكْعَةً وَلَوْ مُلَفَّقَةً لَمْ تَفْتَهُ الْجُمُعَةَ، فَيُصَلِّي بَعْدَ زَوَالِ قُدُوتِهِ (بِمُفَارَقَتِهِ أَوْ سَلَامِ إِمَامِهِ) رَكْعَةً (جَهْرًا لِإِتْمَامِهَا. قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ } مَنْ أَدْرَكَ مِنْ صَلَاةِ الْجُمُعَةِ رَكْعَةً فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ { . وَقَالَ } مَنْ أَدْرَكَ مِنْ الْجُمُعَةِ رَكْعَةً فَلْيُصَلِّ إِلَيْهَا أُخْرَى { ، رَوَاهُمَا الْحَاكِمُ وَقَالَ فِي كُلِّ مِنْهُمَا إِسْنَادُهُ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ. وَقَوْلُهُ فَلْيُصَلِّ بِضَمِّ الْيَاءِ وَفَتْحِ الصَّادِ وَتَشْدِيدِ اللَّامِ.

919. FASAL⁵² pada menerangkan apa yang didapat jumaat dengannya dan apa yang tidak didapat jumaat dengannya serta harus penggantian imam dan tidak harusnya. (Orang yang mendapat) bersama imamnya (akan satu rakaat walaupun yang bertampung¹⁰¹ tidak luput jumaat itu darinya, maka dia sembahyang selepas hilang qudwahnya) dengan sebab mufaraqahnya atau salam imamnya (satu rakaat lagi) dengan nyaring untuk menyempurnakannya. Kata nabi sawm ((siapa mendapat dari sembahyang jumaat satu rakaat maka sungguh dia mendapat sembahyang itu)) dan katanya ((siapa mendapat dari jumaat satu rakaat maka hendaklah dia sembahyang kepada rakaat itu satu rakaat lagi)), meriwayatkan keduanya oleh Hakim dan katanya pada setiap satu daripada keduanya : sanad-sanadnya sahih diatas syarat dua syeikh. Katanya "فليصل" dengan dhammah ya' dan fathah shad dan tasydid lam.

(أَوْ) أَدْرَكَ (دُونَهَا) أَيِ الرَّكْعَةِ (فَاتَتْهُ) أَيِ الْجُمُعَةَ لِمَفْهُومِ الْخَبَرِ الْأَوَّلِ، (فَيَتِمُّ) بَعْدَ سَلَامِ إِمَامِهِ صَلَاتَهُ (ظَهْرًا) لِفَوَاتِ الْجُمُعَةِ. وَتَعْبِيرِي بِرَكْعَةٍ وَبِزَوَالِ الْقُدُوتِ أَوْلَى مِنْ تَعْبِيرِهِ بِرُكُوعِ الثَّانِيَةِ وَبَعْدِ السَّلَامِ.

920. (atau) mendapat (kurang darinya) iaitu dari satu rakaat (luput darinya) jumaat itu kerana mafhum khabar yang pertama itu (maka dia menyempurnakan) selepas salam imamnya akan sembahyangnya (sebagai zohor) kerana luput jumaat itu. Ibarat aku dengan "satu rakaat" dan dengan "hilang qudwah" terutama dari ibaratnya dengan "rukuk kedua" dan dengan "selepas salam".

(وَيَنْوِي) وَجُوبًا (فِي افْتِدَائِهِ جُمُعَةً)، لَا ظَهْرًا، مُوَافَقَةً لِلْإِمَامِ وَلِأَنَّ الْيَأْسَ مِنْهَا لَمْ يَحْصُلْ إِلَّا بِالسَّلَامِ، إِذْ قَدْ يَتَدَارَكُ إِمَامُهُ تَرْكُ رُكْنٍ فَيَأْتِي بِرَكْعَةٍ فَيُدْرِكُ الْجُمُعَةَ. وَهَذَا يَحْمَلُ عَلَى مَنْ لَا عُدْرَ لَهُ فَلَا يَشْكُلُ بِمَا مَرَّ فِيمَنْ لَهُ عُدْرٌ وَأَمَكَنَ زَوَالَهُ مِنْ أَنَّ الْيَأْسَ يَحْصُلُ بِرَفْعِ الْإِمَامِ رَأْسَهُ مِنْ رُكُوعِ الثَّانِيَةِ. وَيَفْرُقُ بَيَانَ لِمَنْ مَرَّ ثُمَّ أَنْ

¹⁰⁰ Ketika sebelum zawal atau selepasnya dan sebelum azan dengan bahawa dia tidak mendapat jumaat melainkan dengan dia bergerak pergi pada waktu itu.

¹⁰¹ Pada masaalah sesak. masaalah dia tidak dapat sujud hingga imam rukuk pada rakaat kedua maka dia ikut rukuk dan seterusnya, maka dia mendapat satu rakaat yang dikapohkan daripada rukuk pertama dan sujud rakaat kedua. Rukuk yang kedua kerana ikutan imam.

يُصَلِّي الظُّهْرَ قَبْلَ فُوتِ الْجُمُعَةِ، فَلَا تَفُوتُ عَلَيْهِ بِمَجْرَدِ اِحْتِمَالِ إِدْرَاكِهَا فَضِيْلَةً تَعْجِيلِ الظُّهْرِ، بِخِلَافِ مَنْ هُنَا، فَإِنَّ الْجُمُعَةَ لَأَزِمَةٌ لَهُ فَلَا يَبْتَدِئُ غَيْرَهَا مَعَ قِيَامِ اِحْتِمَالِ إِدْرَاكِهَا.

921. (**Dia niatkan**) diatas jalan wajib (**pada qudwahnya akan jumaat**) bukan zohor kerana muafakat dengan imam dan kerana putus asa dari jumaat tidak terhasil melainkan dengan salam kerana terkadang imamnya memperdapatkan rukun yang dia tinggalkan maka dia mendatangkan satu rakat lagi maka dia mendapat jumaat itu. Ini ditanggungkan diatas orang yang tidak ada uzur baginya, maka tidak dimusykilkan dengan apa yang lalu pada orang yang uzur dan boleh hilangnya, daripada bahawa putus asa itu terhasil dengan imam mengangkatkan kepalanya dari rukuk kedua. Dibezakan dengan bahawa orang yang telah lalu itu disana boleh sembahyang zohor sebelum luput jumaat, maka tidak luput diatasnya dengan semata-mata ihtimal mendapat jumaat oleh fadhilat menyegerakan zohor, bersalahan orang yang disini, maka jumaat itu melaziminya maka dia tidak boleh memulakan selainnya serta terdiri ihtimal mendapatkannya.

(وَإِذَا بَطَلَتْ صَلَاةُ إِمَامٍ جُمُعَةً كَانَتْ أَوْ غَيْرَهَا (فَخَلَفَهُ) أَي عَنْ قُرْبٍ (مُقْتَدٍ بِهِ قَبْلَ بَطْلَانِهَا جَارٍ)، سِوَاءِ اسْتَخْلَفَ نَفْسَهُ أَمْ اسْتَخْلَفَهُ الْإِمَامُ أَمْ الْقَوْمُ أَوْ بَعْضُهُمْ، لِأَنَّ الصَّلَاةَ بِإِمَامَيْنِ بِالتَّعَاقُبِ جَائِزَةٌ كَمَا فِي قِصَّةِ أَبِي بَكْرٍ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَرَضِهِ، سِوَاءِ اسْتَأْنَفُوا نِيَّةَ قُدْوَةٍ بِهِ أَمْ لَا لِأَنَّهُ مُنْزَلٌ مُنْزَلَةٌ الْأَوَّلِ فِي دَوَامِ الْجَمَاعَةِ.

922. (**Bila batal sembahyang imam**), jumaat adalah ia atau selainnya, (**maka menggantikannya**) dalam masa terdekat (**orang yang mengikutnya sebelum batal sembahyang imam itu harus ia**), sama sahaja dia sendiri menjadi pengganti atau menyuruh dia jadi pengganti oleh imam itu atau orang ramai atau sebahagian mereka, kerana sembahyang dengan dua imam dengan bergilir ganti adalah harus sepertimana pada kisah Abu Bakar dengan nabi sawm pada sakitnya, sama sahaja mereka memulakan niat qudwah dengannya atau tidak kerana dia menempati imam yang pertama pada kekal jamaah.

وَالِاسْتِخْلَافُ فِي الرَّكْعَةِ الْأُولَى مِنَ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ، وَفِي غَيْرِهَا مُنْدُوبٌ. وَخَرَجَ بِقَوْلِي عَنْ قُرْبِ الْمُشْعِرِ بِهِ الْقَاءُ مَا لَوْ انْفَرَدُوا بِرُكْنٍ، فَإِنَّ ذَلِكَ يَمْتَنِعُ فِي غَيْرِ الْجُمُعَةِ بِغَيْرِ تَجْدِيدِ نِيَّةِ اقْتِدَاءٍ، وَفِيهَا مُطْلَقًا. وَهَذَا لَا يُسْتَفَادُ مِنَ الْأَصْلِ.

923. Penggantian imam pada rakaat pertama daripada sembahyang jumaat adalah wajib, dan pada selain yang pertama adalah sunat¹⁰². Keluar dengan kata aku "dalam masa yang dekat" yang disedarkan oleh huruf fa' itu¹⁰³ oleh keadaan kalau mereka sendirian dengan satu rukun, maka demikian itu tertegah pada selain jumaat tanpa membaharui niat qudwah, dan pada jumaat semata-mata. Ini tidak difahami dari asal.

(وَكَذَا) لَوْ خَلَفَهُ (غَيْرُهُ) أَي غَيْرُ مُقْتَدٍ بِهِ قَبْلَ بَطْلَانِهَا جَارٍ (فِي غَيْرِ جُمُعَةٍ) بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (إِنْ لَمْ يُخَالَفْ إِمَامَهُ) فِي نَظْمِ صَلَاتِهِ، بِأَنْ اسْتَخْلَفَ فِي الْأُولَى أَوْ فِي ثَالِثَةِ الرَّبَاعِيَّةِ. فَإِنْ اسْتَخْلَفَ فِي الثَّانِيَةِ أَوْ الْأَخِيرَةِ لَمْ يَجْزِ بِلا تَجْدِيدِ نِيَّةٍ. أَمَّا فِي الْجُمُعَةِ فَلَا يَجُوزُ ذَلِكَ فِيهَا لِأَنَّ فِيهَا إِنْشَاءَ جُمُعَةٍ بَعْدَ أُخْرَى أَوْ فَعَلَ الظُّهْرَ قَبْلَ فُوتِ الْجُمُعَةِ، وَذَلِكَ لَا يَجُوزُ. وَلَا يَرُدُّ الْمُسْبُوقُ لِأَنَّهُ تَابِعٌ لَا مُنْشِئٌ. وَدَخَلَ فِي الْمُقْتَدِي مَنْ لَمْ يَحْضُرَ الْخُطْبَةَ وَلَا الرَّكْعَةَ الْأُولَى، فَيَجُوزُ اسْتِخْلَافُهُ، لِأَنَّهُ بِالِاقْتِدَاءِ صَارَ فِي حُكْمِ حَاضِرِهِمَا.

924. (**Begitu juga**) kalau menggantikan imam (**oleh selain**) orang yang mengikutnya sebelum batal sembahyangnya, harus ia (**pada selain jumaat**) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku: (**jika dia tidak menyalahi imamnya**) pada susunan sembahyangnya, dengan bahawa dia menggantikan pada rakaat pertama atau pada rakaat ketiga sembahyang empat rakaat. Maka jika dia menggantikan pada rakaat kedua atau yang akhir tidak harus ia tanpa membaharui niat.

¹⁰² Kerana wajib jamaah pada jumaat itu pada rakaat pertama sahaja.

¹⁰³ Iaitu pada kata "فخلفه".

Adapun pada jumaat maka demikian itu tidak harus padanya kerana penggantian ini mengujudkan satu jumaat selepas satu jumaat yang lain atau membuat zohor sebelum luput jumaat yang mana demikian itu tidak harus. Tidak datang oleh masbuq kerana dia orang yang mengikut bukan yang memulakan sembahyang. Masuk pada orang yang mengikut sembahyang itu orang yang tidak menghadhiri khutbah dan tidak rakaat pertama, maka harus menggantikannya kerana dia menjadi pada hukum orang yang menghadhiri keduanya dengan mengikut imam itu.

(ثُمَّ إِنَّ) كَانَ الْخَلِيفَةُ فِي الْجُمُعَةِ (أَدْرَكَ) الرَّكْعَةَ (الْأُولَى) وَإِنْ بَطَلَتْ صَلَاةَ الْإِمَامِ فِيهَا (تَمَّتْ جُمُعَتُهُمْ) أَيْ الْخَلِيفَةُ وَالْمُقْتَدِينَ. (وَإِلَّا) أَيْ وَإِنْ لَمْ يَدْرِكْ الْأُولَى وَإِنْ اسْتُخْلِفَ فِيهَا (فَتَمَّتْ) الْجُمُعَةُ (لَهُمْ لَا لَهُ) لِأَنَّهُمْ أَدْرَكُوا رَكْعَةً كَامِلَةً مَعَ الْإِمَامِ وَهُوَ لَمْ يَدْرِكْهَا مَعَهُ، فَيُتِمُّهَا ظَهْرًا. كَذَا ذَكَرَهُ الشَّيْخَانُ. وَقَضِيَّتُهُ أَنَّهُ يُتِمُّهَا ظَهْرًا وَإِنْ أَدْرَكَ مَعَهُ رُكُوعَ الثَّانِيَةِ وَسُجُودَهَا، لَكِنْ قَالَ الْبَعْوِيُّ يُتِمُّهَا جُمُعَةً، لِأَنَّهُ صَلَّى مَعَ الْإِمَامِ رَكْعَةً.

925. (Kemudian jika) pengganti pada jumaat itu (mendapat) rakaat (pertama) sekalipun sembahyang imam batal padanya (sempurnalah jumaat mereka) iaitu pengganti itu dan para makmum. (Jika tidak) iaitu jika dia tidak mendapat rakaat pertama sekalipun dia menggantikan padanya (maka sempurnalah) jumaat itu (bagi mereka tidak bagi dia) kerana mereka mendapat satu rakaat yang sempurna bersama imam dan dia tidak mendapatnya bersama imam itu, maka dia menyempurnakannya sebagai zohor. Begitulah yang disebutkan dua syeikh. Kehendaknya bahawa dia menyempurnakannya sebagai zohor sekalipun dia mendapat bersama imam rukuk rakaat kedua dan sujudnya, akan tetapi kata Bughawi dia menyempurnakannya sebagai jumaat kerana dia sembahyang satu rakaat bersama imam.

(وَيُرَاعِي الْمَسْبُوقُ) الْخَلِيفَةُ (نَظْمٌ) صَلَاةِ (الْإِمَامِ) فَيَقْدُتُ لَهُمْ فِي الصُّبْحِ وَيَتَشَهَّدُ جَالِسًا. (فَبَادَا تَشَهَّدَ) أَشَارَ) إِلَيْهِمْ بِمَا يُفْهِمُهُمْ فَرَاعَ صَلَاتِهِمْ. (وَانْتَظَرَهُمْ) لَهُ لَيْسَلُمُوا مَعَهُ (أَفْضَلُ) مِنْ مُفَارَقَتِهِمْ لَهُ، وَإِنْ جَارَتْ بِلا كَرَاهَةٍ. وَذَكَرَ الْأَفْضَلِيَّةِ مِنْ زِيَادَتِي، وَصَرَّحَ بِهَا فِي الْمَجْمُوعِ.

(وَسُنَّ أَنْ تَضُرُّوهُ بِكَثْرَةِ مَطَرٍ) بِتَثْلِيثِ الْكَافِ (أَنْ يَقُولُوا) كَمَا { قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا سُكِيَ إِلَيْهِ ذَلِكَ اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا، اللَّهُمَّ عَلَى الْأَكَامِ وَالظَّرَابِ وَبُطُونِ الْأُودِيَةِ وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ } . رَوَاهُ الشَّيْخَانِ. أَيُّ اجْعَلِ الْمَطَرِ فِي الْأُودِيَةِ وَالْمَرَاعِي، لَا فِي الْأَبْنِيَةِ وَنَحْوِهَا.

1026. (Sunat jika mereka kemudharatan dengan banyak hujan bahawa mereka berkata) sepertimana ((kata nabi sawm tatkala diadukan demikian itu kepadanya: "اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا اللَّهُمَّ "

"عَلَى الْأَكَامِ وَالظَّرَابِ وَبُطُونِ الْأُودِيَّةِ وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ", meriwayatkannya dua syeikh, iaitu jadikan hujan itu pada lembah-lembah dan padang-padang ragut, tidak pada bangunan-bangunan dan umpamanya.

وَالْأَكَامُ بِالْمَدِّ جَمْعُ أَكْمٍ بِضَمَّتَيْنِ جَمْعُ إِكَامٍ بِوَزْنِ كِتَابٍ جَمْعُ أَكْمٍ بِفَتْحَتَيْنِ جَمْعُ أَكْمَةٍ وَهِيَ التَّلُّ الْمُرْتَفِعُ مِنَ الْأَرْضِ إِذَا لَمْ يَبْلُغْ أَنْ يَكُونَ جَبَلًا وَالظَّرَابُ جَمْعُ ظَرْبٍ بِفَتْحٍ أَوَّلِهِ وَكَسْرٍ ثَانِيهِ جَبَلٌ صَغِيرٌ . (بِإِلَّا صَلَاةٍ) لِعَدَمِ وُرُودِهَا فِيهِ .

1027. "الأكام" dengan mad jamak "أكم" dan dengan dua dhammah, jamak "إكام" dengan wazan "إكام" dengan dua fathah jamak "أكمه" iaitu banggol yang meninggi daripada bumi bila tidak sampai menjadi bukit. "ظراب" jamak "ظرب" dengan fathah awalnya dan kasrah yang keduanya adalah bukit kecil.

(بَابٌ) فِي حُكْمِ تَارِكِ الصَّلَاةِ

(مَنْ أَخْرَجَ) مِنَ الْمُكَلَّفِينَ (مَكْتُوبَةً كَسَلًا وَلَوْ جُمُعَةً) ، وَإِنْ قَالَ : أَصَلَّيْهَا ظُهُرًا ، (عَنْ أَوْقَاتِهَا) كُلِّهَا (قُتِلَ حَدًّا) لَا كُفْرًا ، لَخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ { أَمَرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ } وَالْحَدِيثِ ، وَخَبَرِ أَبِي دَاوُدَ وَغَيْرِهِ { حَمَسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ فَلَمْ يُضَيِّعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتَحْفَافًا بِحَقِّهِنَّ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ . وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ ، إِنْ شَاءَ عَذِبُهُ وَإِنْ شَاءَ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ } . وَالْجَنَّةُ لَا يَدْخُلُهَا كَافِرٌ .

1028. ⁶⁰BAB pada hukum orang yang meninggalkan sembahyang. (Siapa yang mengeluarkan) dari kalangan orang-orang mukallaf (sembahyang maktubah kerana malas walaupun jumaat), sekalipun dia berkata : aku sembahyangkannya sebagai zohor, (dari waktu-waktunya) semuanya (dibunuh dia sebagai had) bukan kufur, kerana khabar dua syeikh ((aku disuruh memerangi manusia hingga mereka bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu rasul Allah, dan mereka mendirikan sembahyang)) bacalah hadith ini, dan khabar Abu Daud dan selainnya ((lima sembahyang Allah fardhukan keatas hamba-hambanya, maka siapa mendatangkannya lalu dia tidak mensia-siakan sedikit pun daripadanya kerana meringan-rngankan haknya adalah bagi dia diisi Allah janji bahawa Dia memasukkannya kedalam syurga. Dan siapa yang tidak mendatangkannya maka tidak ada bagi dia diisi Allah apa-apa janji, jika dia hendak Dia mengazabnya dan jika dia hendak Dia memasukkannya kedalam syurga)). Syurga itu tidak dimasuki orang kafir.

فَلَا يُقْتَلُ بِالظُّهْرِ حَتَّى تَغْرُبَ الشَّمْسُ وَلَا بِالْمَغْرِبِ حَتَّى يَطْلُعَ الْفَجْرُ ، وَيُقْتَلُ فِي الصُّبْحِ بِطُلُوعِ الشَّمْسِ وَفِي الْعَصْرِ بِغُرُوبِهَا وَفِي الْعِشَاءِ بِطُلُوعِ الْفَجْرِ . وَطَرِيقُهُ أَنْهُ يُطَالَبُ بِأَدَائِهَا إِذَا ضَاقَ وَقْتُهَا وَيَتَوَعَّدُ بِالْقَتْلِ إِنْ أَخْرَجَهَا عَنِ الْوَقْتِ . فَإِنْ أَصْرَ وَأَخْرَجَ اسْتَحَقَّ الْقَتْلَ . نَعَمْ ، لَا يُقْتَلُ بِتَرْكِهَا فَاقْدِ الطُّهُورَيْنِ لِأَنَّهُ مُخْتَلَفٌ فِيهِ . ذَكَرَهُ الْقَفَّالُ .

1029. Maka tidak dibunuh dengan sebab zohor hingga tenggelam matahari dan tidak dengan maghrib hingga terbit fajar. Dibunuh dia pada subuhdengan terbit matahari dan pada asar dengan ghurubnya dan pada isyak dengan terbit fajar. Jalannya bahawa dia dituntut menunaikannya bila sempit waktunya dan dijanjikan dengan bunuh jika dia mengeluarkannya dari waktunya. Maka jika mereka terus degil dan mengeluarkannya dia berhak dibunuh. Na'am, tidak dibunuh dia dengan meninggalkannya dalam keadaan dia lupa dua alat bersuci kerana dikhilafkan padanya. Menyebutkannya al Qaffal.

وَأَمَّا يُقْتَلُ غَيْرُهُ (بَعْدَ اسْتِثْنَاءِ) لَهُ لِأَنَّهُ لَيْسَ أَسْوَأَ حَالًا مِنَ الْمُرْتَدِّ. فَإِنْ تَابَ. وَإِلَّا، قُتِلَ. وَقَضِيَّةٌ كَلَامِ الرُّوْضَةِ كَأَصْلِهَا وَالْمَجْمُوعِ أَنَّ اسْتِثْنَاءَهُ وَاجِبَةٌ كَالْمُرْتَدِّ، لَكِنْ صَحَّحَ فِي التَّحْقِيقِ نَذْبَهَا. وَالْأَوَّلُ أَوْجَهُ، وَإِنْ فَرَّقَ الْإِسْنَوِيُّ بَيْنَهُمَا.

1030. Hanyalah dibunuh selainnya (**selepas disuruh taubat**) kerana dia bukanlah lebih teruk keadaannya dari orang murtad. Maka jika dia taubat maka zahir. Jika tidak, dibunuh dia. Kehendak kalam Raudhah seperti asalnya dan Majmuk bahawa suruh taubat itu wajib seperti orang yang murtad, akan tetapi dia sahkan didalam Tahkik akan sunatnya. Yang pertama itu lebih ada wajah, sekalipun Isnawi membezakan diantara keduanya.

وَتَكْفِي اسْتِثْنَاءُهُ فِي الْحَالِ لِأَنَّ تَأْخِيرَهَا يُفَوِّتُ صَلَوَاتٍ. وَقِيلَ: يُمَهِّلُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ. وَالْفَوْلَانِ فِي النَّذْبِ. وَقِيلَ فِي الْوَجُوبِ. وَالْمَعْنَى أَنَّهَا فِي الْحَالِ أَوْ بَعْدَ الثَّلَاثَةِ مَنُذُوبَةٌ. وَقِيلَ: وَاجِبَةٌ. فَإِنْ لَمْ يَثْبُقْ قُتِلَ.

1031. Memada suruh taubat pada masa dia meninggalkan sembahyang kerana mentakhirkannya meluputkan sembahyang lain. Dikatakan : ditangguhkan ia tiga hari. Dua pendapat itu pada sunat. Dikatakan : pada wajib. Hikmahnya bahawa suruh taubat itu pada masa tinggal sembahyang atau selepas tiga hari itu adalah sunat. Dikatakan : wajib. Maka jika dia tidak taubat dibunuh dia.

(ثُمَّ) بَعْدَ قَتْلِهِ (لَهُ حُكْمُ الْمُسْلِمِ) الَّذِي لَمْ يَتْرُكِ الصَّلَاةَ. فَيَجْهَرُ وَيُصَلِّي عَلَيْهِ وَيُدْفَنُ بِمَقَابِرِ الْمُسْلِمِينَ، وَلَا يُطْمَسُ قَبْرُهُ كَسَائِرِ أَصْحَابِ الْكِبَائِرِ. وَلَا يُقْتَلُ إِنْ قَالَ: صَلَّيْتُ. وَلَوْ قَتَلَهُ فِي مَدَّةِ الْإِسْتِثْنَاءِ أَوْ قَبْلَهَا إِنْ سَأَلَ أَتَمَّ وَلَا ضَمَانَ عَلَيْهِ، كَقَاتِلِ الْمُرْتَدِّ. وَكَتَارِكِ الصَّلَاةِ فِيمَا ذَكَرَ تَارِكٌ شَرِطَ لَهَا كَالْوَضُوءِ لِأَنَّهُ مُمْتَنِعٌ مِنْهَا.

1032. (Kemudian) selepas dia dibunuh (**bagi dia hukum orang islam**) yang tidak meninggalkan sembahyang. Maka dia dipersiapkan dan disembahyangkan dan dikebumikan pada kuburan orang islam dan tidak dihapuskan tanda kuburnya, sama seperti sekalian orang-orang yang melakukan dosa besar. Tidak dibunuh dia jika dia berkata : aku telah sembahyang. Kalau seorang membunuh dia dalam tempoh suruh taubat atau sebelumnya dia berdosa dan tidak ada dhaman diatasnya, sama seperti pembunuh orang yang murtad. Seperti orang yang meninggalkan sembahyang pada apa yang disebutkan itu orang yang meninggalkan syaratnya seperti wudhuk kerana dia tertegah dari sembahyang.

كِتَابُ الْجَنَائِزِ

بِالْفَتْحِ جَمْعُ جِنَازَةٍ بِالْكَسْرِ وَالْفَتْحِ اسْمٌ لِلْمَيِّتِ فِي النَّعْشِ، وَقِيلَ بِالْفَتْحِ اسْمٌ لِدَلِّكَ وَبِالْكَسْرِ اسْمٌ لِلنَّعْشِ وَعَلَيْهِ الْمَيِّتُ، وَقِيلَ عَسْنَةٌ، وَقِيلَ غَيْرُ ذَلِكَ. مِنْ جِنَزَهُ أَيْ سَتَرَهُ.

1033. **KITAB JENAZAH.** "الْجَنَائِزِ" dengan fathah jamak "جِنَازَةٌ" dengan kasrah dan fathah, nama bagi mayat yang ada diatas pengusung, dikatakan dengan fathah nama bagi demikian itu dan dengan kasrah nama bagi pengusung yang ada mayat diatasnya, dan dikatakan 'akasnya, dan dikatakan selain demikian itu. Daripada "جِنَزَهُ" iaitu "سَتَرَهُ" i.e ia menudunginya.

(لَيْسَتَعَدَّ لِلْمَوْتِ) كُلُّ مَكْلَفٍ (بِتَوْبَةٍ) بِأَنْ يُبَادِرَ إِلَيْهَا لِئَلَّا يَفْجَأَهُ الْمَوْتُ الْمَفُوتُ لَهَا. (وَسَنَّ أَنْ يُكْتَرَّ ذِكْرَهُ) لِخَبَرِ { أَكْتَرُوا مِنْ ذِكْرِ هَادِمِ اللَّذَاتِ بِعِنِي الْمَوْتِ }، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَنَهُ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَاهُ. زَادَ النَّسَائِيُّ { فَإِنَّهُ مَا ذَكَرَ فِي كَثِيرٍ إِلَّا قَلِيلٌ وَلَا قَلِيلٌ إِلَّا كَثِيرٌ }، أَيْ كَثِيرٌ مِنَ الْأَمَلِ وَالْدُنْيَا وَقَلِيلٌ مِنَ الْعَمَلِ. وَهَادِمٌ بِالْمُعْجَمَةِ أَيْ قَاطِعٌ. وَالتَّصْرِيحُ بِسُنَنِ ذَلِكَ مِنْ زِيَادَتِي. (وَمَرِيضٌ أَكْدُ) بِمَا ذَكَرَ أَيْ أَشَدُّ طَلْبًا بِهِ مِنْ غَيْرِهِ.

1034. (**Hendaklah bersiap sedia**) setiap mukallaf (**untuk mati dengan taubat**) dengan bahawa dia segera bertaubat supaya dia tidak dikejutkan oleh kematian yang meluputkannya.

(**Sunat seorang itu banyak mengingatinya**), kerana khabar ((hendaklah kamu semua banyak mengingati pemutus kelazatan-kelazatan, iaitu mati)), meriwayatkannya Turmizi dan dia membilangannya hasan, dan Ibnu Hibban dan Hakim dan mereka mengesahkannya. Nasai'e menambah ((maka tidaklah seorang itu mengingatinya pada yang banyak melainkan ia mendedikannya, dan tidak pada yang sedikit melainkan ia membanyakannya)), iaitu yang banyak daripada panjang angan-angan dan dunia, dan yang sedikit daripada amal kebajikan. "هاذِم" dengan dzal itu adalah apa yang memutuskan. Penjelasan dengan sunat demikian itu daripada tambahan ku. (**Orang yang sakit lebih kuat dituntut**) dengan apa yang disebutkan itu iaitu lebih keras tuntutan dengan taubat dari selainnya.

(وَ) أَنْ (يَتَدَاوَى) الْمَرِيضُ لَخَبَرِ الْبُخَارِيِّ { مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا وَأَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً } ، وَخَبَرَ { إِنَّ الْأَعْرَابَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْتَدَاوَى؟ فَقَالَ : تَدَاوَوْا، فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً إِلَّا الْهَرَمَ } . رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ . قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : فَإِنَّ تَرَكَ التَّدَاوِي تَوَكُّلاً فَهُوَ فَضِيلَةٌ .

1035. (**dan**) sunat bahawa orang yang sakit (**berubat**), kerana khabar Bukhari ((Allah tidak menurunkan penyakit melainkan dia menurunkan penawarnya)), dan khabar ((sungguhnyanya orang-orang darat berkata : wahai rasullah! Adakah kami nak berubat? maka katanya : hendaklah kamu semua berubat, maka sesungguhnya Allah taala tidak meletakkan satu penyakit melainkan dia meletakkan ubatnya melainkan tua)). Meriwayatkannya Turmizi dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Kata Nawawi didalam Majmuk : maka jika dia meninggalkan berubat kerana tawakkal maka ianya fadhilat.

(وَكُرْهُ إِكْرَاهُهُ عَلَيْهِ) لِمَا فِيهِ مِنَ التَّشْوِيشِ عَلَيْهِ قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ . وَخَبَرَ { لَا تُكْرَهُوا مَرَضَاكُمْ عَلَى الطَّعَامِ فَإِنَّ اللَّهَ يُطْعِمُهُمْ وَيَسْقِيهِمْ } ضَعِيفٌ ، ضَعْفُهُ الْبَيْهَقِيُّ وَغَيْرُهُ ، وَادَّعَى التِّرْمِذِيُّ أَنَّهُ حَسَنٌ .

1036. (**Makruh memaksa dia di atasnya**) kerana ia mengacau fikirannya. Katanya didalam Majmuk : khabar ((jangan kamu paksa orang-orang sakit dikalangan kamu diatas makan maka sesungguhnya Allah memberi mereka makan dan minum)) adalah dhaif, Baihaqi dan selain dia mendhaifkannya, dan Turmizi mendakwa bahawa ianya hasan.

(وَ) كُرْهُ (تَمَنِّي مَوْتٍ لَضُرٍّ) فِي بَدَنِهِ أَوْ دُنْيَاهِ ، (وَسِنَّ) تَمَنِّيهِ (لِفِتْنَةِ دِينٍ) لَخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ فِي الْأَوَّلِ { لَا يَتَمَنَّيَنَّ أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ لِضُرٍّ أَصَابَهُ فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ فَاعْلَمْ فَلْيَقُلْ اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَا كَانَتْ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي وَتَوَفَّنِي إِذَا كَانَتْ الْوُفَاةَ خَيْرًا لِي } ، وَاتَّبَاعًا فِي الثَّانِي لِكَثِيرٍ مِنَ السَّلَفِ . وَذَكَرَ السَّنُّ مِنْ زِيَادَتِي . وَقَالَ الْإِسْنَوِيُّ وَغَيْرُهُ إِنَّ النَّوَوِيَّ أَفْتَى بِهِ .

1037. Makruh (**mencita mati kerana kemudharatan**) pada tubuh badan atau dunianya. (**Sunat**) mencitanya (**kerana fitnah ugama**) kerana khabar dua syeikh pada yang pertama, ((hendaklah jangan seorang dari kamu mencita mati kerana mudharat yang menyimpannya, maka jika dia tidak dapat tidak melakukannya maka katakan "ya Allah hidupkan aku selama mana hidup itu lebih baik bagi ku dan matikan aku bila kematian itu lebih baik bagi ku)), dan kerana mengikut ramai salaf pada yang kedua. Menyebutkan sunatnya itu daripada tambahan ku. Kata Isnawi dan selainnya : Nawawi berfatwa dengannya.

(وَأَنْ يُلَقَّنَ مُحْتَضِرٌ) أَيَّ مَنْ حَضَرَهُ الْمَوْتُ (الشَّهَادَةَ) أَيَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، لَخَبَرِ مُسْلِمٍ { لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ } ، أَيَّ دَكَّرُوا مَنْ حَضَرَهُ الْمَوْتُ وَهُوَ مِنْ بَابِ تَسْمِيَةِ الشَّيْءِ بِمَا يَصِيرُ إِلَيْهِ . وَرَوَى الْحَاكِمُ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ { مَنْ كَانَ آخِرَ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ } . (بِلَا الْحَاحِ) عَلَيْهِ لَنْلَا يَضَجِرَ . وَلَا يُقَالُ لَهُ : قُلْ ، بَلْ يَتَشَهَّدُ عِنْدَهُ . وَلَيْكُنْ غَيْرَ مَتَّهِمٍ كَحَاسِدٍ وَعَدُوٍّ وَوَارِثٍ . فَإِنَّ لَمْ يَحْضُرْ غَيْرُهُمْ لَقِّنَهُ مَنْ حَضَرَ مِنْهُمْ كَمَا بَحَثَهُ الْأَدْرَعِيُّ . فَإِنَّ حَضَرَ الْجَمِيعِ لَقِّنَ الْوَارِثَ فِيمَا يَظْهَرُ ، أَوْ وَرَثَةَ لَقِّنَهُ أَشْفَقَهُمْ عَلَيْهِ . وَإِذَا قَالَهَا مَرَّةً لَا تُعَادُ عَلَيْهِ إِلَّا أَنْ يَتَكَلَّمَ بَعْدَهَا .

1038. (dan bahawa ditalkinkan orang yang dihadhiri kematian dengan syahadah) iaitu "la ilaha illallah", kerana khabar Muslim ((ajarilah orang yang hampir mati dari kalangan kamu akan "la ilaha illa illallah", iaitu hendaklah kamu ingatkan orang yang dihadhiri kematian. Ianya daripada bab menamakan suatu dengan apa yang ia akan menjadi kepadanya. Hakim meriwayatkan dengan sanad-sanad yang sahih ((siapa yang adalah akhir kalamnya "la ilaha illallah" dia masuk syurga)). (Tanpa mendesak-desak)nya supaya dia tidak rasa meluat. Tidak dikatakan kepadanya : katakan! tanpa dia bertasyahhud disisinya. Hendaklah dia itu seorang yang tidak ditohmahkan seperti orang yang dengki dan musuh dan waris. Maka jika tidak hadir orang selain mereka itu mentalkinkannya orang yang hadir daripada mereka itu sepertimana dibahaskan oleh Azrai'e. Maka jika semua mereka itu hadir mentalkinkannya warisnya pada apa yang zahir, atau hadir para waris mentalkinkannya oleh yang paling mesra dengannya daripada mereka itu. Bila dia mengatakannya sekali tidak diulang di atasnya melainkan bahawa dia bercakap selepasnya.

(ثُمَّ يُوجَّهُ) إِلَى الْقِبْلَةِ بِاضْطِجَاعِ (لِحَنْبِ أَيْمَنِ). فَإِنْ تَعَدَّرَ (فَ) لِحَنْبِ (أَيْسَرَ) كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ، لِأَنَّ ذَلِكَ أَبْلَغُ فِي التَّوَجُّهِ مِنْ اسْتَلْقَائِهِ. وَذَكَرَ الْأَيْسَرَ مِنْ زِيَادَتِي. (ف-) إِنْ تَعَدَّرَ وَجْهَهُ بِ- (اسْتَلْقَاءِ)، بِأَنَّ يُلْقَى عَلَى قَفَاهُ وَوَجْهَهُ وَأَخْمَصَاهُ لِلْقِبْلَةِ، بِأَنَّ يَرْفَعُ رَأْسَهُ قَلِيلًا. وَالْأَخْمَصَانِ هُنَا هُمَا أَسْفَلُ الرَّجُلَيْنِ وَحَقِيقَتُهُمَا الْمُنْخَفِضُ مِنَ أَسْفَلِهِمَا. وَالتَّرْتِيبُ بَيْنَ التَّلْقِينِ وَالتَّوَجُّهِ مِنْ زِيَادَتِي. وَبِهِ صَرَّحَ الْمَاوَرِدِيُّ. وَقَالَ التَّاجُ ابْنُ الْفَرَكَاكِحِ إِنْ أَمَكَنَّ الْجُمُعُ فَعِلًا مَعًا، وَإِلَّا بُدِئَ بِالتَّلْقِينِ.

1039. (Kemudian dihadapkan dia) kearah kiblat dengan mengerengkan (diatas lambung kanan). Maka jika teruzur (maka) diatas lambung (kiri) sepertimana didalam Majmuk, kerana demikian itu lebih mendalam pada mengadap kiblat dari telentangnya. Menyebutkan yang kiri adalah daripada tambahan ku. (Maka) jika teruzur dihadapkan dia dengan (telentang), dengan bahawa ditelentangkan dia diatas tengkoknya dan mukanya dan tapak kakinya mengadap kiblat, dengan bahawa diangkatkan kepalanya sedikit. "أخمصان" disini adalah bahagian bawah dua kaki. Hakikat keduanya adalah apa yang melekok daripada bahagian dua tapak kaki. Susunan diantara talkin dan mengadapkan kiblat itu daripada tambahan ku. Dengannya Mawardi menjelaskan. Kata Tajul Farkah : jika terbolelah himpun diperbuat keduanya serentak. Jika tidak dimulakan dengan talkin.

(وَ) أَنْ (يَقْرَأَ عِنْدَهُ) سُورَةَ (يَس) لِحَبْرٍ { اقْرءوا علي موتاكم يس }، رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَغَيْرُهُ، وَقَالَ: الْمُرَادُ بِهِ مَنْ حَضَرَ الْمَوْتَ، لِأَنَّ الْمَيِّتَ لَا يَقْرَأُ عَلَيْهِ. وَالْحِكْمَةُ فِي قِرَاءَتِهَا أَنَّ أَحْوَالَ الْقِيَامَةِ وَالْبُعْثِ مَذْكُورَةٌ فِيهَا، فَإِذَا قُرِئَتْ عِنْدَهُ تَجَدَّدَ لَهُ ذِكْرُ تِلْكَ الْأَحْوَالِ.

1040. (dan) bahawa (dibacakan disisinya) surah (يس) kerana khabar ((bacakanlah keatas mayat kamu akan surah yasin)), meriwayatkannya Abu Daud dan selainnya, sementara Ibnu Hibban dan selainnya menghukumkannya sahih. Katanya : yang dikehendaki dengannya adalah orang yang dihadhiri kematian kerana mayat tidak dibacakan keatasnya. Hikmah pada membacaknya bahawa disebutkan padanya keadaan-keadaan kiamat dan kebangkitan, maka bila dibacakan ia disisinya segarlah bagi dia ingatan tentang keadaan-keadaan itu.

(وَ) أَنْ (يُحْسِنَ ظَنَّهُ بِرَبِّهِ) لِحَبْرٍ مُسْلِمٍ عَنْ جَابِرٍ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { يَقُولُ قَبْلَ مَوْتِهِ بِثَلَاثٍ لَا يَمُوتَنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ بِاللَّهِ تَعَالَى } أَي يَظُنُّ أَنَّ يَرْحَمُهُ وَيَعْفُو عَنَّهُ، وَلِحَبْرِ الشَّيْخَيْنِ { قَالَ اللَّهُ أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي }. وَيُسْنُّ لِمَنْ عِنْدَهُ تَحْسِينُ ظَنِّهِ وَتَطْمِينُهُ فِي رَحْمَةِ اللَّهِ تَعَالَى.

1041. (dan) bahawa (dia membaikkan sangka terhdap Tuhannya) kerana khabar Muslim dari Jabir katanya : aku dengar nabi sawm berkata sebelum kematiannya dengan tiga perkara : janganlah mati seorang dari kamu melainkan sedang dia baik sangka dengan Allah taala)) iaitu bahawa dia menyangkakan bahawa Dia mengasihinya dan memaafkannya, dan kerana khabar

dua syeikh ((kata Allah : Aku disisi sangkaan hamba Ku terhadap Ku)). Sunat bagi orang yang ada disisinya menasihatkan dia agar baik sangka dan menasihatkan dia agar berasa tamak pada rahmat Allah taala.

(فَأِذَا مَاتَ غُمُضَ) لَيْلًا يَفْبُحَ مَنْظَرَهُ. وَرَوَى مُسْلِمٌ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَى أَبِي سَلَمَةَ وَقَدْ شَقَّ بَصَرَهُ فَأَغْمَضَهُ، ثُمَّ قَالَ : إِنَّ الرُّوحَ إِذَا فَبِضَ تَبِعَهُ البَصَرُ } . وَ"شَقَّ بَصَرُهُ" يَفْتَحُ الشَّيْنِ وَضَمَّ الرَّاءِ شَخْصَ بَفْتَحِ الشَّيْنِ وَالْحَاءِ . (وَشَدَّ لِحْيَاهُ بِعَصَابَةٍ) عَرِيضَةٍ تَرْتَبِطُ فَوْقَ رَأْسِهِ لَيْلًا يَبْقَى فَمُهْ مُنْفَتِحًا فَتَدْخُلُهُ الْهُوَامُ .

1042. (Maka bila dia mati dipejamkan matanya) supaya tidak keji dipandang keadaannya. Muslim meriwayatkan : ((bahawa nabi sawm masuk keatas Abi Salamah walhal matanya terbuka maka dia menutupkan kelopak matanya, kemudian dia berkata : sesungguhnya roh bila digenggam mengikutinya pandangan mata)). (dan diikat dua tulang rahangnya dengan belat) yang lebar, yang menambat bahagian atas kepalanya supaya tidak terbiar mulutnya terbuka maka dmasukki serangga.

(وَلَيْتَتْ مَفَاصِلُهُ) ، فَيَرُدُّ سَاعِدَهُ إِلَى عَضُدِهِ وَسَاقِفَهُ إِلَى فَخْذِهِ وَفَخْذَهُ إِلَى بَطْنِهِ ثُمَّ تَمَدَّدَ، وَتَلَيَّنَ أَصَابِعُهُ، تَسْهِيلاً لِعُسْلِهِ وَتَكَفِينِهِ، فَإِنَّ فِي البَدَنِ بَعْدَ مُفَارَقَةِ الرُّوحِ بَقِيَّةَ حَرَارَةٍ. فَأِذَا لَيْتَتْ المَفَاصِلَ حِينَئِذٍ لَأَنْتَ. وَإِلَّا فَلَا يُمَكِّنُ تَلَيُّنُهَا بَعْدَ.

1043. (dan dilembutkan sendi-sendinya) maka dihantarkan lengannya kepada lengan atasnya dan betisnya kepada pehanya dan pehanya kepada perutnya kemudian dilunjurkan dan dilembutkan jari-jarinya untuk memudahkan kerja memandikannya dan mengkafankannya, kerana selepas bercerai nyawa masih ada baki hangat pada tubuh badan, maka bila dilembutkan sendi-sendi ketika itu nescaya ia lembut. Jika tidak, maka tidak mungkin melembutkannya selepas itu.

(وَنَزَعَتْ ثِيَابَهُ) الَّتِي مَاتَ فِيهَا لِأَنَّهَا تُسْرِعُ إِلَيْهِ الْفَسَادَ، (ثُمَّ سَتَرَ) كُلُّهُ إِنْ لَمْ يَكُنْ مُحْرَمًا (بِثَوْبٍ خَفِيفٍ) ، وَيُجْعَلُ طَرْفَاهُ تَحْتَ رَأْسِهِ وَرِجْلَيْهِ لَيْلًا يَنْكَشِفُ. وَخَرَجَ بِالْخَفِيفِ الثَّقِيلِ فَإِنَّهُ يُحْمِيهِ فَيَغْيِرُهُ. وَذَكَرُ التَّرْتِيبَ بَيْنَ النَّزْعِ وَالسُّتْرِ مِنْ زِيَادَتِي.

1044. (dan ditanggalkan pakaiannya) yang dia mati didalamnya kerana ia mencepatkan rosak. (Kemudian ditutup) semuanya jika dia bukannya orang yang berihram (dengan kain nipis) dan dijadikan dua hujungnya dibawah kepalanya dan dua kakinya supaya tidak tersingkap. Keluar dengan yang nipis oleh yang tebal maka ia memanaskannya lalu mengubahnya. Menyebutkan susunan diantara tanggal dan tutup itu daripada tambahan ku.

(وَثَقَلِ بَطْنُهُ بِغَيْرِ مُصْحَفٍ) كَمِرَاةٍ وَنَحْوَهَا مِنْ أَدْوَاعِ الْحَدِيدِ، لَيْلًا يَنْتَفِخُ. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ حَدِيدٌ فَطِينٌ رَطْبٌ. وَقَدَّرَ ذَلِكَ بَنَحْوِ عَشْرَيْنِ دِرْهَمًا. أَمَّا المُّصْحَفُ وَذَكَرَهُ مِنْ زِيَادَتِي فَيُصَانُ عَذَهُ احْتِرَامًا لَهُ. قَالَ الإسْدَنْوِيُّ: وَيَنْبَغِي أَنْ يُلْحَقَ بِهِ كُتُبُ الْحَدِيثِ وَالْعِلْمِ الْمُحْتَرَمِ. (وَرَفَعَ عَنِ أَرْضٍ) عَلَى سَرِيرٍ أَوْنَحْوِهِ لَيْلًا يَتَغَيَّرُ بِنْدَاوَتِهَا، (وَوَجَّهَ) إِلَى الْقِبْلَةِ (كَمُتَحَضِّرٍ) وَقَدْ تَقَدَّمَ كَيْفِيَّةَ تَوْجِيهِهِ.

1045. (Ditindih perutnya dengan selain mushaf) seperti cermin dan umpamanya daripada jenis-jenis besi, supaya ia tidak kembung. Maka jika tidak ada besi maka tanah basah. Dikadarkan demikian itu dengan umpama dua puluh dirham. Adapun mushaf maka dipelihara ia darinya kerana menghormatinya. Kata Isnawi : sayugia bahawa dihubungkan dengannya akan kitab-kitab hadith dan ilmu yang dihormati. (Diangkat ia dari bumi) keatas katil atau umpamanya supaya tidak berubah ia dengan lembapannya. (dan dihadapkan) kekiblat (sama seperti orang yang dihadhiri kematian). Sungguh telah terdahulu kaifiat mengadapkannya.

(وَسُنَّ أَنْ يَتَوَلَّى ذَلِكَ) كُتْلَهُ (أَرْفَقُ مَحَارِمِهِ) بِهِ، الرَّجُلُ مِنَ الرَّجُلِ وَالْمَرْأَةُ مِنَ الْمَرْأَةِ، بِأَسْهَلِ مَا يُمَكِّنُهُ. فَإِنْ تَوَلَّاهُ الرَّجُلُ مِنَ الْمَرْأَةِ الْمَحْرَمِ أَوْ بِالْعَكْسِ جَازَ.

1046. (Sunat bahawa melaksanakan demikian itu) semuanya (orang yang paling mesra daripada mahram-mahramnya) dengannya, yang lelaki dengan mayat elaki dan yang perempuan dengan mayat perempuan, dengan semudah-mudah apa yang terbolehd baginya. Maka jika melaksanakannya orang lelaki pada mayat perempuan mahram atau 'akasnya harus ia.

(وَ) أَنْ (يُبَادِرَ) بِفَتْحِ الدَّالِ بَعْضُهُ وَبَعْضُهُ وَتَنْفِيذِ وَصِيَّتِهِ إِنْ تَيَسَّرَ. وَإِلَّا، سَأَلَ وَلِيَّهُ عُرْمَاءَهُ أَنْ يُحَلِّلُوهُ وَيَحْتَالُوا بِهِ عَلَيْهِ إِكْرَامًا لَهُ وَتَعْجِيلًا لِلْخَيْرِ وَلِخَبَرِ { نَفْسُ الْمُؤْمِنِ أَيْ رُوحُهُ مُعَلَّقَةٌ أَيْ مَحْبُوسَةٌ عَنِ مَقَامِهَا الْكَرِيمِ بِدَيْتِهِ حَتَّى يَقْضَى عَذَابُهُ } . رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَنَهُ. هَذَا (إِذَا تَيَقَّنَ مَوْتَهُ) بِظُهُورِ أَمَارَاتِهِ كَاسْتِرْحَاءِ قَدَمٍ وَامْتِدَادِ جِلْدَةٍ وَجْهِهِ وَمَيْلِ أَنْفٍ وَانْخِلَاعِ كَفِّ. فَإِنْ شَكَّ فِي مَوْتِهِ أَحَدٌ ذَلِكَ حَتَّى يَتَيَقَّنَ بِتَغْيِيرِ رَائِحَةٍ أَوْ غَيْرِهِ.

1047. (dan) bahawa (segera) dimandikan dan dibayar hutangnya dan diluluskan wasiatnya jika senang. Jika tidak, walinya meminta tuan-tuan hutangnya agar menghalalkannya dan memindahkan hutang itu keatas dirinya kerana memuliakannya dan kerana menyegerakan perkara baik dan kerana khabar ((diri seorang mukmin iaitu rohnya digantung iaitu ditahan dari tempatnya yang mulia dengan sebab hutangnya hingga dibayarkan darinya)). Meriwayatkannya Turmizi dan dia membilangnnya hasan. Ini (bila diyakinkan matinya) dengan nampak tandatandanya seperti jatuh tapak kaki dan kendur kulit muka dan condong hidung dan renggang tapak tangan. Maka jika disyakkan pada kematiannya ditakhirkan demikian itu hingga diyakinkan ia dengan berubah bau atau selainnya.

(وَتَجْهِيزُهُ) أَيِ الْمَيِّتِ الْمُسْلِمِ غَيْرِ الشَّهِيدِ بَعْضُهُ وَتَكْفِينِهِ وَحَمْلُهُ وَالصَّلَاةَ عَلَيْهِ وَدَفْنَهُ، وَلَوْ قَاتَلَ نَفْسَهُ، (فَرَضٌ كَفَايَةٌ) بِالْإِجْمَاعِ فِي غَيْرِ الْقَاتِلِ وَبِالْقِيَّاسِ عَلَيْهِ فِي الْقَاتِلِ. أَمَّا الْكَافِرُ فَسَيَأْتِي حُكْمُهُ. وَأَمَّا الشَّهِيدُ فَكَيْفِهِ إِلَّا فِي الْغُسْلِ وَالصَّلَاةِ. وَسَيَأْتِي حُكْمُهُمَا.

1048. (dan mempersediakannya) iaitu mayat yang muslim yang tidak syahid dengan memandikannya dan mengkafkannya dan membawanya kekubur dan menyembahyangkannya dan mengkebumikannya, walaupun dia membunuh dirinya, (adalah fardhu kifayah) dengan ijmak pada selain yang membunuh diri dan dengan kias diatasnya pada yang membunuh diri. Adapun kafir maka akan datang hukumnya, dan adapun yang syahid maka seperti yang tidak syahid melainkan pada mandi dan sembahyang. Akan datang hukum keduanya.

(وَأَقْلَّ غُسْلِهِ) وَلَوْ جُنُبًا أَوْ نَحْوَهُ (تَعْمِيمٌ بَدَنِهِ) بِالْمَاءِ مَرَّةً، فَلَا يُشْتَرَطُ تَقَدُّمُ إِزَالَةِ نَجَسٍ عَنْهُ كَمَا يَدَّوِّحُ بِهِ كَلَامُ الْمَجْمُوعِ. وَقَوْلُ الْأَصْلِ بَعْدَ إِزَالَةِ النِّجَسِ مَبْنِيٌّ عَلَى مَا صَحَّحَهُ الرَّافِعِيُّ فِي الْحَدِيثِ أَنَّ الْغُسْلَةَ لَا تَكْفِيهِ عَنِ النِّجَسِ وَالْحَدَثِ، لَكِنْ صَحَّحَ النَّوَوِيُّ أَنَّهَا تَكْفِيهِ. وَكَانَتْ تَرَكَّ الْإِسْتِذْرَاكَ هَذَا لِلْعِلْمِ بِهِ مِنْ ذَلِكَ، أَوْ لِأَنَّ الْغَالِبَ أَنَّ الْمَاءَ لَا يَصِلُ إِلَى مَحَلِّ النِّجَسِ مِنَ الْمَيِّتِ إِلَّا بَعْدَ إِزَالَتِهِ. وَبِمَا ذَكَرَ عَلِمَ أَنَّه لَا تَجِبُ نِيَّةُ الْغَاسِلِ لِأَنَّ الْقَصْدَ بِغُسْلِ الْمَيِّتِ النَّظَافَةَ وَهِيَ لَا تَتَوَقَّفُ عَلَى نِيَّةٍ.

1049. (Sekurang-kurang mandi mayat) walaupun dia berjunub atau umpamanya (adalah meratakan tubuhnya) dengan air sekali, maka tidak disyaratkan terdahulu menghilangkan najis darinya sepertimana diisyaratkan oleh kalam Majmuk. Kata Asal "selepas menghilangkan najis" dibina diatas apa yang disahkan oleh Rafi'e pada orang yang hidup bahawa sekali jirusan air tidak memada baginya dari najis dan hadath, akan tetapi Nawawi mengesahkan bahawa ia memadainya. Seolah-olah Nawawi meninggalkan istidrak¹¹⁰ disini kerana ia dimaklumi dari yang disana, atau kerana yang ghalib bahawa air tidak sampai kepada tempat najis pada mayat

¹¹⁰ Iaitu istidrak diatas Rafi'e disini iaitu pada bab mandi mayat kerana difahami dari yang disana iaitu bab najis.

melainkan selepas ia dihilangkan. Dengan apa yang disebutkan itu diketahui bahawa tidak wajib niat mandi kerana kasad dengan mandi mayat itu adalah bersih yang mana ia tidak terhenti diatas niat.

(فَيَكْفِي غُسْلُ كَافِرٍ) بِنَاءٍ عَلَى عَدَمِ وُجُوبِهَا، (لَا عَرَقٌ)، لِأَنَّ مَأْمُورُونَ بِغُسْلِهِ فَلَا يَسْقُطُ الْفَرْضُ عَنَّا إِلَّا بِفِعْلِنَا، حَتَّى لَوْ شَاهَدْنَا الْمَلَائِكَةَ تُغَسِّلُهُ لَمْ يَسْقُطْ عَنَّا، بِخِلَافِ تَظْيِيرِهِ مِنَ الْكَفَنِ لِأَنَّ الْمَقْصُودَ مِنْهُ السُّتْرُ وَقَدْ حَصَلَ وَمِنَ الْغُسْلِ التَّعَبُّدُ بِفِعْلِنَا لَهُ. وَلِهَذَا يُنْبَشُ لِلْغُسْلِ لَا لِلتَّكْفِينِ.

1050. (Maka memada mandian mayat oleh orang kafir) kerana bina diatas tidak wajib niat itu, (tidak memada oleh karam didalam air) kerana kita disuruh memandikannya maka tidak gugur fardhu dari kita melainkan dengan perbuatan kita, hinggakan kalau kita melihat malaikat memandikannya tidak gugur ia dari kita, bersalahan yang sebandingnya pada kafan, kerana tujuan darinya adalah tutup tubuh yang mana ia telah terhasil dan tujuan daripada mandi adalah ta'abbud dengan perbuatan kita akannya. Kerana ini dibongkar kubur untuk memandikan tidak untuk mengkafankan.

(وَأَكْمَلُهُ أَنْ يُغَسَّلَ فِي خَلْوَةٍ)، لَا يَدْخُلُهَا إِلَّا الْغَاسِلُ وَمَنْ يُعِينُهُ وَالْوَلِيُّ. فَيُسْتَرُ كَمَا كَانَ يَسْتَتِرُ حَيًّا عِنْدَ اغْتِسَالِهِ. وَقَدْ يَكُونُ بِيَدَيْهِ مَا يَكْرَهُ ظُهُورَهُ وَقَدْ { تَوَلَّى غُسْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيٌّ وَالْفَضْلُ بْنُ عَبَّاسٍ وَأَسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ يَنَاقِلُ الْمَاءَ وَالْعَبَّاسُ وَاقِفٌ ثُمَّ }. رَوَاهُ ابْنُ مَاجَةَ وَغَيْرُهُ وَالْأَوْلَى أَنْ يَكُونَ تَحْتَ سَقْفٍ لِأَنَّهُ اسْتَرَّ نَصَّ عَلَيْهِ فِي الْأَمِّ.

1051. (Paling sempurnanya bahawa ia dimandikan pada khalwat), tidak masuk padanya melainkan orang yang memandikan dan pembantunya dan wali mayat. Maka ia ditutupi sepertimana ia menutupi dirinya pada masa hidupnya disisi mandinya, dan terkadang pada tubuhnya ada apa yang dia tidak suka zahirnya. Sungguhnya melaksanakan mandian nabi sawm oleh Ali dan Fadhl bin Abbas, Usamah bin Zaid menghulurkan air dan Abbas berdiri disisi jenazahnya. Meriwayatkannya Ibnu Abbas dan selainnya. Yang terutama bahawa adalah ia dibawah bumbung kerana ia lebih menutupi. Syafi'e me-naskan diatasnya didalam al Umm.

(وَ) فِي (قَمِيصٍ) بَالٍ أَوْ سَخِيفٍ، لِأَنَّهُ اسْتَرَّ لَهُ وَالْيَقِيُّ. وَقَدْ { غُسَّلَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قَمِيصٍ }. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَغَيْرُهُ. وَيَدْخُلُ الْغَاسِلُ يَدَهُ فِي كُمَّهِ إِنْ كَانَ وَاسِعًا وَيُغَسِّلُهُ مَنْ تَحْتَهُ. وَإِنْ كَانَ ضَيِّقًا فَتَقَى رُغُوسَ الدَّخَارِيصِ وَأَدْخَلَ يَدَهُ فِي مَوْضِعِ الْفُتْقِ. فَإِنْ لَمْ يَوْجَدْ قَمِيصًا أَوْ لَمْ يَتَأْتْ غُسْلُهُ فِيهِ سَتَرَ مِنْهُ مَا بَيْنَ السَّرَّةِ وَالرُّكْبَةِ.

1052. (dan) didalam (gamis) yang lusuh atau yang nipis kerana ia lebih menutupi dan lebih layak. Sungguhnya ((dimandikan nabi sawm didalam gamis)). Meriwayatkannya Abu Daud dan selainnya. Tukang mandi memasukkan tangannya didalam lengan bajunya jika ia luas dan memandikannya dari bawahnya, dan jika ianya sempit dia mengoyakkan bahagian atas pesak gamisnya dan memasukkan tangannya pada tempat koyak itu. Maka jika tidak didapati gamis atau tidak terbole memandikannya didalamnya ditutupi daripada tubuhnya apa yang diantara pusat dan lutut.

(عَلَى مُرْتَفِعٍ) كَلَوْحٍ لِنَلَّا يُصِيبَهُ رَشَاشٌ، وَلِيَكُنْ مَحَلَّ رَأْسِهِ أَعْلَى لِيُنْحَدِرَ الْمَاءُ عَنَّهُ. وَتَعْدِيرِي بِمُرْتَفِعٍ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِلَوْحٍ.

1053. (diatas tempat tinggi) seperti papan supaya tidak mengenainya percikkan air. Dan hendaklah tempat kepalanya lebih tinggi supaya air mengalir turun darinya. Ibarat ku dengan "tempat tinggi" lebih umum dari ibaratnya dengan "papan".

(بِمَاءٍ بَارِدٍ) لِأَنَّهُ يَشَدُّ الْبَدَنَ، بِخِلَافِ الْمُسَخَّنِ لِأَنَّهُ يُرَخِّدُهُ، (إِلَّا لِحَاجَةِ) إِلَيْهِ كَوَسْخٍ وَبَرْدٍ. وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي. وَأَنَّ يَكُونَ الْمَاءُ فِي إِنَاءٍ كَبِيرٍ وَيَبْعُدُ عَنِ الْمَغْتَسَلِ بِحَيْثُ لَا يُصِيبُهُ رَشَاشَتُهُ.

1054. (dengan air sejuk) kerana ia mengentalkan tubuh, bersalahan yang panas kerana ia mengendurkannya, (melainkan kerana hajat) kepadanya seperti daki dan sejuk. Ini daripada tambahan ku. Dan bahawa adalah air itu didalam bejana besar dan jauh dari tempat mandi sekira-kira tidak mengenainya percikkannya.

(وَ) أَنَّ (يُجْلِسُهُ الْعَاسِلِ) عَلَى الْمُرْتَفَعِ بِرَفْقٍ (مَائِلًا إِلَى وَرَائِهِ، وَيَضَعُ يَمِينَهُ عَلَى كَتِفِهِ وَإِبْهَامَهُ بِنُقْرَةٍ قَفَاهُ) لِنَلَا يَمِيلَ رَأْسُهُ. (وَيُسْنِدُ ظَهْرَهُ لِرُكْبَتِهِ الْيُمْنَى وَيَمِرُّ يَسَارَهُ عَلَى بَطْنِهِ بِمِبَالِغَةٍ) لِيُخْرِجَ مَا فِيهِ مِنَ الْفَضَلَاتِ. وَيَكُونُ عِنْدَهُ حِينَئِذٍ مَجْمَرَةٌ مُتَقَدَّةٌ فَائِحَةٌ بِالطَّيْبِ. وَالْمُعِينُ يَصُبُّ عَلَيْهِ مَاءً كَثِيرًا لِنَلَا تَظْهَرَ رَائِحَةُ مِمَّا يَخْرُجُ.

1055. (dan) bahawa (tukang mandi mendudukkannya) diatas tempat tinggi dengan lembut (hal keadaan ia condong kebelakangnya, dan dia meletakkan tangan kanannya diatas belikatnya dan ibu jarinya pada lekuk papan tengkoknya) supaya kepalanya tidak terkulai kebelakang. (dan dia menyandarkan belakangnya kepada lututnya yang kanan, dan melalukan tangan kirinya diatas perutnya dengan kuat) supaya keluar apa yang ada didalamnya daripada kekotoran. Hendaklah ada disisinya ketika itu bekas perasapan yang menyala yang mengeluarkan bau wangi. Pembantu tukang mandi menjiruskan air keatasnya dengan banyak supaya tidak zahir bau dari apa yang keluar itu.

(ثُمَّ يَضِجَعُهُ لِقَفَاهُ وَيَغْسِلُ بِخَرْقَةٍ) مَلْفُوفَةٍ (عَلَى يَسَارِهِ سَوَاتِيهِ) أَي دُبُرَهُ وَقَبْلَهُ وَمَا حَوْلَهُمَا كَمَا يَسْتَنْجِي الْحَيُّ، وَيَغْسِلُ مَا عَلَى بَدْنِهِ مِنْ قَدْرٍ وَنَحْوِهِ. (ثُمَّ) بَعْدَ الْقَاءِ الْخَرْقَةَ وَعَسَلَ يَدَيْهِ بِمَاءٍ وَأَسْنَانَ (يَلْفَ) خَرْقَةٍ (أُخْرَى) عَلَى الْيَدِ (وَيُنْظِفُ أَسْنَانَهُ وَمَنْخَرِيَهُ) بِفَتْحِ الْمِيمِ وَالْخَاءِ وَكَسْرِهِمَا وَضَمِّهِمَا وَفَتْحِ الْمِيمِ وَكَسْرِ الْخَاءِ وَهِيَ أَشْهَرُ، بِأَنَّ يَزِيلَ مَا بِهِمَا مِنْ أَدَى بِأَصْبُعِهِ مَعَ شَيْءٍ مِنَ الْمَاءِ كَمَا فِي مَضْمُضَةِ الْحَيِّ وَاسْتِنْشَاقِهِ. وَلَا يَفْتَحُ فَاؤَهُ.

1056. (Kemudian dia membaringkannya diatas tengkoknya dan membasuh dengan potongan kain) yang dibalutkan (didas tangan kirinya akan dua kemaluannya) iaitu dubur dan kubulnya dan apa yang disekeliling keduanya sepertimana orang hidup beristinjak. Dia membasuh apa yang ada diatas tubuhnya daripada cemar-cemar dan umpamanya. (Kemudian) selepas mencampakkan perca kain itu dan membasuh dua tangannya dengan air dan usynan (dia membalut) perca (lain) diatas tangannya (dan membersihkan gigi-giginya dan dua lubang hidungnya) dengan bahawa dia menghilangkan apa yang ada pada keduanya daripada cemar-cemar dengan jari-jarinya serta sedikit air sepertimana pada kumur-kumur orang hidup da istinsyaqnya. Tidak boleh dia membuka mulutnya.

(ثُمَّ يُوَضِّئُهُ) كَحَيٍّ ثَلَاثًا ثَلَاثًا بِمَضْمُضَةٍ وَاسْتِنْشَاقٍ، وَلَا يُعْنِي عَنْهُمَا مَا مَرَّ، بَلْ ذَلِكَ سِوَاكَ وَتَنْظِيفٌ. وَيَمِيلُ رَأْسَهُ فِيهِمَا لِنَلَا يَصِلَ الْمَاءُ بَاطِنَهُ. وَذَكَرَ التَّرْتِيبَ بَيْنَ هَذَا وَمَا قَبْلَهُ مِنْ زِيَادَتِي.

1057. (Kemudian dia mewudhukkannya) seperti wudhuk orang yang hidup tiga kali tiga kali dengan kumur-kumur dan istinsyaq. Tidak mengkayakan dari keduanya oleh apa yang telah lalu, bahkan demikian itu siwak dan pembersihan. Dia mencondongkan kepala mayat itu pada keduanya supaya tidak sampai air kedalam perutnya. Menyebutkan tertib diantara ini dan apa yang sebelumnya daripada tambahan ku.

(ثُمَّ يَغْسِلُ رَأْسَهُ فَلْحَيْتَهُ بِنَحْوِ سَدْرٍ) كَخَطْمِيٍّ. وَالسَّدْرُ أَوْلَى مِنْهُ لِلنَّصِّ عَلَيْهِ فِي الْحَدِيثِ لِأَنَّهُ أَمْسَكَ لِلْبَدَنِ. (وَيُسَدِّرُ حَهُمَا) أَي شَعْرَهُمَا إِنْ تَلَبَّدَ (بِمَشْطٍ) بِضَمِّ الْمِيمِ وَكَسْرِهَا مَعَ إِسْكَانِ الشَّيْنِ وَبِضَمِّهِمَا، (وَاسِعٍ

الْأَسْنَانَ بِرَفْقٍ (لِيَقْلَّ الْإِنْتِنَافُ. (وَيُرَدُّ السَّاقِطُ) مِنْ شَعْرِهِمَا، وَكَذَا مِنْ شَعْرٍ غَيْرِهِمَا (إِلَيْهِ) بِوَضْعِهِ مَعَهُ فِي كَفْنِهِ. وَتَعْبِيرِي بِالسَّاقِطِ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالْمُنْتَنَفِ.

1058. (Kemudian dia memandikan kepalanya maka janggutnya dengan umpama kasturi) seperti khitmi. Bidara terutama darinya kerana nas di atasnya didalam hadith dan kerana ia lebih menguatkan tubuh. (dan dia mejuraikan keduanya) iaitu rambut keduanya jika kusut (dengan sikat yang jarang gigi-giginya dengan lembut) supaya sedikit tercabut rambut. (dan dia memulangkan yang gugur) daripada rambut keduanya, begitu juga rambut selain keduanya (kepadanya) dengan meletakkan rambut itu bersamanya didalam kafannya. Ibarat aku dengan "yang gugurt" lebih umum dari ibaratnya dengan "yang tercabut".

(ثُمَّ يَغْسِلُ) هُوَ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَيَغْسِلُ (شِقَّةُ الْأَيْمَنِ ثُمَّ الْأَيْسَرَ) الْمُقْبِلِينَ مِنْ عُنُقِهِ إِلَى قَدَمِهِ (ثُمَّ يَحْرِفُهُ) بِالتَّشْدِيدِ (إِلَيْهِ) أَي إِلَى شِقَّةِ الْأَيْسَرَ (فَيَغْسِلُ شِقَّةَ الْأَيْمَنِ مِمَّا يَلِي قَفَاهُ) وَظَهْرَهُ إِلَى قَدَمِهِ. (ثُمَّ) يَحْرِفُهُ (إِلَى) شِقَّةِ (الْأَيْمَنِ فَيَغْسِلُ الْأَيْسَرَ كَذَلِكَ) أَي مِمَّا يَلِي قَفَاهُ وَظَهْرَهُ إِلَى قَدَمِهِ (مُسْتَعِينًا فِي ذَلِكَ) كُلَّهُ (بِنَحْوِ سِدْرٍ).

1059. (Kemudian dia memandikan belah tubuhnya yang kanan kemudian yang kiri) yang sebelah depan, mula dari lehernya hingga kepada tapak kakinya, (kemudian dia menggerangkannya ke) belah tubuhnya yang kiri (maka dia memandikan belah tubuhnya yang kanan mula dari apa yang mengiringi tengkoknya) dan belakangnya hingga kepada tapak kakinya, (kemudian) dia mengerangkannya (ke) belahnya (yang kanan maka dia memandikan yang kiri, begitu juga) iaitu mula dari apa yang mengiringi tengkoknya dan belakangnya hingga tapak kakinya. (hal keadaan dia membuat bantuan pada demikian itu) semuanya (dengan umpama bidara,)

(ثُمَّ يُزِيلُهُ بِمَاءٍ مِنْ فَرْقِهِ إِلَى قَدَمِهِ ثُمَّ يَغْمَهُ) كَذَلِكَ (بِمَاءِ قَرَّاحٍ) أَي خَالِصٍ (فِيهِ قَلِيلٌ كَأْفُورٍ) بِحَيْثُ لَا يَضُرُّ الْمَاءَ؛ لِأَنَّ رَأْسَهُ تَطْرُدُ الْهَوَامَ. وَيُكْرَهُ تَرْكُهُ نَصٌّ عَلَيْهِ فِي الْأَمِّ وَخَرَجَ بِقَلِيلِهِ كَثِيرُهُ فَقَدْ يَغَيِّرُ الْمَاءَ تَغْيِيرًا كَثِيرًا إِلَّا أَنْ يَكُونَ صَلْبًا فَلَا يَضُرُّ مُطْلَقًا. (فَهَذِهِ) الْأَغْسَالُ الْمَذْكُورَةُ (غَسْلَةٌ).

1060. (kemudian dia menghilangkan bidara itu dengan air mula dari tengah kepalanya hingga kepada tapak kakinya, kemudian dia meratakan mayat itu) begitu juga (dengan air murni yang padanya ada sedikit kapur) sekira-kira tidak memudharatkan air itu, kerana baunya menghalau serangga. Makruh meninggalkannya. Syafi'e me-naskannya didalam al Umm. Keluar dengan yang sedikitnya oleh yang banyaknya maka sungguh ia mengubah air dengan perubahan yang banyak melainkan bahawa ia keras maka tidak memudharatkan semata-mata. (Maka ini) mandi-mandian yang disebutkan (adalah satu kali mandi).

(وَسُنُّ ثَانِيَةٌ وَثَالِثَةٌ كَذَلِكَ) أَي أَوْلَى كُلِّ مِنْهُمَا بِسِدْرٍ أَوْ نَحْوِهِ، وَالثَّانِيَةُ مُزِيدَةٌ لَهُ، وَالثَّلَاثَةُ بِمَاءِ قَرَّاحٍ فِيهِ قَلِيلٌ كَأْفُورٍ. وَهُوَ فِي الْأَخِيرَةِ أَكْذَبُ. فَإِنْ لَمْ يَحْصُلِ التَّنْظِيفُ بِالْغَسَلَاتِ الْمَذْكُورَةِ زِيدَ عَلَيْهَا حَتَّى يَحْصُلَ. فَإِنْ حَصَلَ بِشَفْعِ سُنِّ الْإِيْتَارِ بِوَاحِدَةٍ. وَلَا تُحْسَبُ الْأَوْلَى وَالثَّانِيَةُ مِنْ كُلِّ مِنَ الثَّلَاثِ لِتَغْيِيرِ الْمَاءِ بِمَا مَعَهُ تَغْيِيرًا كَثِيرًا. وَإِنَّمَا تُحْسَبُ مِنْهَا غَسْلَةُ الْمَاءِ الْقَرَّاحِ، فَتَكُونُ الْأَوْلَى مِنَ الثَّلَاثِ بِهِ هِيَ الْمُسْقِطَةُ لِلْوَجِبِ.

1061. (Sunat yang kedua dan ketiga sama seperti yang pertama itu) iaitu mandian yang pertama pada setiap satu daripada kedua mandian itu dengan bidara atau umpamanya dan mandian yang kedua menghilangkannya dan mandian yang ketiga dengan air murni yang padanya ada sedikit kapur. Kapur itu pada mandian yang akhir lebih kuat sunatnya. Maka jika tidak terhasil bersih dengan mandian-mandian yang disebutkan itu sunat ditambahkan keatasnya hinggakan terhasilnya. Maka jika terhasil bersih dengan genap sunat mengganjilkan dengan satu kali mandi lagi. Tidak dikirakan yang pertama dan yang kedua dari setiap satu daripada tiga mandian itu kerana berubah air dengan apa yang beserta dengannya sebagai perubahan yang

banyak. Hanyalah dikira daripadanya mandian dengan air murni. Maka mandian yang pertama daripada tiga mandian dengan air murni adalah yang menggugurkan wajib.⁶²

وَيُلَيِّنُ مَفَاصِلَهُ بَعْدَ الْغُسْلِ، ثُمَّ يَنْشَفُ تَنْشِيفًا بَلِيغًا لِنَلَا تَبَيُّنَ أَكْفَانِهِ فَيُسْرِعَ إِلَيْهِ الْفَسَادُ.

1062. Dia melembutkan sendi-sendi mayat selepas mandi, kemudian mengelapnya dengan bersungguh supaya tidak basah kain-kain kafan maka segera datang rosak kepadanya.

وَالْأَصْلُ فِيهَا ذِكْرُ خَبَرِ الشَّيْخَيْنِ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِعَاسِلَاتِ ابْنَتِهِ زَيْدَبَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا : اِبْدَأْنِ بِمِيَامِنِهَا وَمَوَاضِعِ الْوُضُوءِ مِنْهَا وَاعْسَلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ سَبْعًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتِنَّ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْأَخِيرَةِ كَأْفُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَأْفُورٍ. وَقَالَتْ أُمُّ عَطِيَّةٍ مِنْهُنَّ فَمَشَطْنَاهَا ثَلَاثَةَ قُرُونٍ، وَفِي رِوَايَةٍ : فَضَفَرْنَا شَعْرَهَا ثَلَاثَةَ قُرُونٍ وَالْقَيْنَاهَا خَلْفَهَا }.

1063. Asal pada apa yang disebutkan itu khabar dua syeikh ((bahawa nabi sawm berkata kepada perempuan-perempuan yang memandikan anak perempuannya, Zainab r.a : mulalah kamu dengan kanan-kanannya dan tempat-tempat wudhuknya dan mandikan dia tiga kali atau lima kali atau tujuh kali atau lebih daripada demikian itu jika kamu lihat perlu demikian itu dengan air dan bidara, dan campurkan pada yang akhir akan kapur atau sedikit daripada kafur. Kata Ummu 'Atiyyah seorang daripada mereka itu : maka kami sikatkan dia dengan membuat tiga tocang, dan pada satu riwayat : dan kami tocangkan dia tiga tocang dan kami lepaskan tocang itu kebelakangnya)).

وَقَوْلُهُ أَوْ خَمْسًا إِلَى آخِرِهِ هُوَ بِحَسَبِ الْحَاجَةِ فِي النَّظَافَةِ إِلَى زِيَادَةِ عَلَى الثَّلَاثِ مَعَ رِعَايَةِ الْوَثْرِ، لَا لِلتَّخْيِيرِ. وَقَوْلُهُ إِنْ رَأَيْتِنَّ أَيَّ أَحْتَجَّتْنَ. فَمَشَطْنَا وَضَفَرْنَا بِالتَّخْفِيفِ. وَقُرُونٍ أَيُّ ضَفَائِرٍ. وَقَوْلِي كَذَلِكَ مِنْ زِيَادَتِي مَعَ أَنَّ عِبَارَتِي أَوْضَحَ مِنْ عِبَارَتِهِ فِي إِفَادَةِ الْغَرَضِ كَمَا لَا يَخْفَى.

1064. Katanya "atau lima" hingga akhirnya adalah dengan sekira-kira hajat pada bersih hingga lebih diatas tiga serta memelihara ganjil, bukan untuk pilih. Katanya "jika kamu lihat" iaitu kamu berhajat". "فمشطنا" dan "ضفرنا" dengan tahfif. "قرون" iaitu sanggul. Kata ku "seperti demikian itu" daripada tambahan ku serta bahawa ibarat aku lebih jelas dari ibaratnya pada memberi faham sepertimana yang tidak tersulit.

(وَلَوْ خَرَجَ بَعْدَهُ) أَيُّ الْغُسْلِ (نَجَسٌ وَجَبَ إِزَالَتُهُ فَقَطُّ) ، وَإِنْ خَرَجَ مِنَ الْفَرْجِ لِسُقُوطِ الْفَرْضِ بِمَا وَجَدَ.

1065. (Kalau keluar selepasnya) iaitu mandi (oleh najis wajib menghilangkannya sahaja) sekalipun ia keluar dari faraj kerana gugur fardhu dengan apa yang sudah didapati.

(وَ) أَنَّ (لَا يَنْظُرَ غَاسِلٌ مِنْ غَيْرِ عَوْرَتِهِ إِلَّا قَدَرَ حَاجَةَ) بِأَنَّ يُرِيدَ مَعْرِفَةَ الْمَغْسُولِ مِنْ غَيْرِهِ، وَلَا يَنْظُرُ الْمَعِينُ مِنْ ذَلِكَ إِلَّا لِحَرُورَةٍ. أَمَّا عَوْرَتُهُ فَيَدْرُمُ النَّظَرَ إِلَيْهَا. وَسُنُّ أَنْ يُعْطِيَ وَجْهَهُ بِخِرْقَةٍ مِنْ أَوَّلِ وَضْعِهِ عَلَى الْمَغْسُولِ، وَأَنْ لَا يَمَسَّ شَيْئًا مِنْ عَوْرَتِهِ إِلَّا بِخِرْقَةٍ.

1066. (dan) sunat (bahawa tukang mandi tidak memandangi dari selain auratnya melainkan kadar hajat) dengan bahawa dia hendak mengetahui tempat yang sudah dimandikan dari yang belumlah, dan tidak memandangi pembantunya dari demikian itu melainkan kerana dharurat. Adapun auratnya maka haram memandangi kepadanya. Sunat bahawa dia menutupi muka mayat dengan perca kain dari mula meletakkannya diatas tempat mandi, dan bahawa dia tidak menyentuh suatu daripada auratnya melainkan dengan perca kain.

(وَ) أَنَّ (يَكُونُ أَمِينًا) لِيُوثِقَ بِهِ فِي تَكْمِيلِ الْغُسْلِ وَغَيْرِهِ. (فَإِنْ رَأَى خَيْرًا سَنَّ ذِكْرَهُ) لِيَكُونَ أَدْعَى لِكَثْرَةِ الْمُصَلِّينَ عَلَيْهِ وَالِدُعَاءِ لَهُ، وَلِخَيْرِ ابْنِ حِبَّانَ وَالْحَاكِمِ { اذْكُرُوا مَحَاسِنَ مَوْتَاكُمْ وَكُفُّوا عَنْ مَسَاوِيهِمْ } . (أَوْ)

ضِدَّهُ حَرَمٌ (نَذْرُهُ لِأَنَّهُ غَيْبَةٌ وَاللَّخْبَرِ السَّابِقِ. (إِلَّا لِمَصْلَحَةٍ) كِبْدَعَةٍ ظَاهِرَةٍ فَيَذْكُرُهُ لِيُنْزَجِرَ النَّاسُ عَذْبَهُ. وَالتَّصْرِيحُ بِسَنِّ ذِكْرِ الْخَيْرِ مِنْ زِيَادَتِي.

1067. (dan) sunat bahawa (adalah dia seorang yang amanah) supaya diyakinkan dia pada menyempurnakan mandian dan selainnya (Maka jika dia melihat perkara baik sunat dia menyebutkannya) supaya ia lebih menyeru kepada ramai orang sembahyang keatasnya dan berdoa untuknya, dan kerana khabar Ibnu Hibban dan Hakim ((sebutkan kebaikan-kebaikan mayat kamu dan tutupilah kesalahan-kesalahan mereka)). (atau lawannya haram) menyebutkannya kerana ia mengumpat dan kerana khabar itu, (melainkan kerana maslahat) seperti bid'ah yang zahir maka dia menyebutkannya supaya orang ramai tertegah dari bid'ah itu. Penjelasan dengan sunat menyebutkan kebaikan mayat daripada tambahan ku.

(وَمَنْ تَعَدَّرَ غُسْلُهُ) لَفَقْدِ مَاءٍ أَوْ غَيْرِهِ كَاخْتِرَاقٍ وَلَوْ غُسِّلَ تَهْرَى (يُمَمٌ) كَمَا فِي غُسْلِ الْجَنَابَةِ. وَلَوْ كَانَ بِهِ قُرُوحٌ وَخَيْفٌ مِنْ غُسْلِهِ تَسَارَعُ الْبُلَى إِلَيْهِ بَعْدَ الدَّفْنِ غُسْلًا، وَلَا مَبَالَاةَ بِمَا يَكُونُ بَعْدَهُ، فَالْكُلُّ صَائِرٌ إِلَى الْبُلَى.

1068. (Orang yang teruzur memandikannya) kerana luput air atau selainnya seperti terbakar yang kalau ia dimandikan akan luruh dagingnya (ditayammumkan dia) sepertimana pada mandi janabah. Kalau ada banyak luka padanya dan ditakuti dari memandikannya akan cepat reputnya selepas kebumikan dimandikan dia. Tidak dipedulikan apa yang terjadi selepas kebumi, kerana semua orang akan menjadi reput.

(وَلَا يَكْرَهُ لِنَحْوِ جُنْبٍ) كَحَائِضٍ (غُسْلُهُ) لِأَنَّهُمَا طَاهِرَانِ كَغَيْرِهِمَا. وَتَعْبِيرِي بِنَحْوِ جُنْبٍ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالْجُنْبِ وَالْحَائِضِ.

1069. (Tidak makruh ia bagi umpama orang berjunub) seperti yang berhaid (memandikannya) kerana kedua mereka suci sama seperti selain mereka. Ibarat ku dengan umpama yang berjunub lebih umum dari ibaratnya dengan "yang berjunub dan yang berhaid".

(وَالرَّجُلُ أَوْلَى بِـ) غُسْلِ (الرَّجُلِ، وَالْمَرْأَةِ) أَوْلَى (بِالْمَرْأَةِ. وَلَهُ غُسْلُ حَلِيلَتِهِ) مِنْ زَوْجَةٍ غَيْرِ رَجْعِيَّةٍ وَلَوْ نَكَحَ غَيْرَهَا، وَأَمَةٌ وَلَوْ كِتَابِيَّةً إِلَّا أَنْ كَانَتْ مُزَوَّجَةً أَوْ مُعْتَدَةً أَوْ مُسْتَبْرَأَةً.

1070. (Lelaki terutama dengan) memandikan (lelaki dan perempuan) terutama (dengan perempuan. Boleh lelaki memandikan perempuan halalalnya) daripada isteri yang tidak boleh dirujuk, walaupun dia telah berkahwin dengan perempuan lain, dan amah, walaupun keduanya kitabiah, melainkan jika dia telah bersuami atau beriddah atau diistibra'kan.

(وَلِزَوْجَةٍ) غَيْرِ رَجْعِيَّةٍ (غُسْلُ زَوْجِهَا) وَلَوْ نَكَحَتْ غَيْرَهُ، بِخِلَافِ الْأَمَةِ لَا تُغَسَّلُ سَيِّدَهَا لِانْتِقَالِهَا عَذْبَهُ، وَالزَّوْجِيَّةُ لَا تَنْقَطِعُ حُقُوقُهَا بِالْمَوْتِ بِدَلِيلِ التَّوَارِثِ. وَقَدْ { قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَانِشَةَ لَوْ مِتَّ قَبْلِي لَعَسَلْتُكَ وَكَفَنْتُكَ } . رَوَاهُ ابْنُ مَاجَةَ وَغَيْرُهُ. وَقَالَتْ عَانِشَةُ : رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا : لَوْ اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِي مَا اسْتَدْبَرْتُ، مَا غَسَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا نِسَاؤُهُ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَلِيُّ شَرِطٌ مُسْلِمٌ.

1071. (Bagi isteri) yang bukan raji'e (memandikan suaminya) walaupun dia telah berkahwin dengan lelaki lain, bersalahan amah tidak boleh dia memandikan penghulunya kerana dia telah berpindah darinya, sementara status isteri tidak putus hak-haknya dengan mati dengan dalil waris mewarisi. Sungguhnya ((nabi sawm berkata kepada Aisyah : kalau kamu mati sebelum aku nescaya aku akan memandikan kamu dan mengkapankan kamu)). Meriwayatkannya Ibnu Majah dan selainnya. Kata Aisyah r.a : kalau aku menerima hakikat urusan ku tidak aku membelakangkannya⁶³, tidak memandikan rasullullah sawm melainkan isteri-isterinya. Meriwayatkannya Abu Daud dan Hakim dan dia mengesahkannya diatas syarat Muslim.

(بِرَأْسٍ) مِنْهَا لَهُ وَلَا مِنَ الزَّوْجِ أَوْ السَّيِّدِ لَهَا، كَأَنَّ كَانَ الْغُسْلُ مِنْ كُلِّ وَعَلَى يَدِهِ خِرْقَةٌ لِنَلَّا يَنْتَقِصَ وَضَوْءُهُ.

1072. (tanpa sentuh) dari isteri akan suami dan tidak dari suami atau penghulu akan isteri, seperti bahawa adalah mandian itu dari setiap mereka itu walhal ada perca kain diatas tangannya, supaya tidak terbatal wudhuknya.

(فَإِنْ لَمْ يَحْضُرْ إِلَّا أَجْنَبِيٌّ) فِي الْمَيِّتِ الْمَرْأَةِ (أَوْ أَجْنَبِيَّةٌ) فِي الرَّجُلِ (يُمِّمَ) أَيُّ الْمَيِّتِ إِحْقَاقًا لِفَقْدِ الْغَاسِلِ بِفَقْدِ الْمَاءِ.

1073. (Maka jika tidak hadir melainkan lelaki ajnabi) pada mayat perempuan (atau perempuan ajnabi) pada mayat lelaki (ditayammumkan) mayat itu kerana menghubungkan luput tukang mandi dengan luput air.

(فَرَعَ) الصَّغِيرُ الَّذِي لَمْ يَبْلُغْ حَدَّ الشَّهْوَةِ يُغَسَّلُهُ الرَّجَالُ وَالنِّسَاءُ. وَمِثْلُهُ الْخُنْثَى الْكَبِيرُ عِنْدَ فَقْدِ الْمَحْرَمِ كَمَا صَحَّحَهُ فِي الْمَجْمُوعِ وَنَقَلَهُ عَنِ اتَّفَاقِ الْأَصْحَابِ. قَالَ : وَيُغَسَّلُ فَوْقَ ثَوْبٍ وَيَحْتَاطُ الْغَاسِلُ فِي غَضِّ الْبَصَرِ وَالْمَسِّ.

1074. (Cabangan). Budak kecil yang tidak sampai had syahwat memandikannya lelaki dan perempuan. Seumpamanya khunsa yang besar disisi luput mahramnya sepertimana disahkan Nawawi didalam Majmuk dan dia menakalkannya dari persepakatan para sahabat Syafi'e. Katanya : dimandikan dia diatas kain, dan bercermat tukang mandi itu pada menahan pandangan dan sentuh.

(وَالْأَوْلَى بِهِ) أَيُّ بِالرَّجُلِ فِي غُسْلِهِ (الْأَوْلَى بِالصَّلَاةِ عَلَيْهِ دَرَجَةٌ). وَهُمْ رَجَالُ الْعَصَبَةِ مِنَ النَّسَبِ، ثُمَّ الْوَلَاءُ، ثُمَّ الْإِمَامُ أَوْ نَائِبُهُ إِنْ انْتَضَمَ بَيْتُ الْمَالِ، ثُمَّ ذَوُو الْأَرْحَامِ. وَمَا افْتَضَاهُ كَلَامُ الْجُرْجَانِيِّ مِنْ تَقْدِيمِهِمْ عَلَى الْإِمَامِ يُحْمَلُ عَلَى مَا إِذَا لَمْ يَنْتَضِمَ بَيْتُ الْمَالِ. ثُمَّ الرَّجَالُ الْأَجَانِبُ ثُمَّ الزَّوْجَةُ ثُمَّ النِّسَاءُ الْمَحَارِمُ.

1075. (Orang yang terutama dengannya) iaitu dengan lelaki pada memandikannya (adalah orang yang terutama dengan menyembahyangkannya nisbah darjat). Mereka itu lelaki-lelaki 'asabah dari titihan, kemudian wala', kemudian imam atau naibnya jika tersusun baitulmal, kemudian zawil arham. Apa yang dikehendaki kalam Jurjani daripada mendulukan mereka diatas imam ditanggungkan diatas keadaan apabila baitulmal tidak tersusun. Kemudian lelaki-lelaki ajnabi, kemudian isteri kemudian perempuan mahram.

وَخَرَجَ بِزِيَادَتِي دَرَجَةً أَخْذًا مِمَّا ذَكَرُوهُ فِي إِخَالِهِ الْقَبْرِ الْأَوْلَى بِالصَّلَاةِ صِدْقَةً، إِذْ الْأَفْقَهُ أَوْلَى مِنَ الْأَسَنِ. وَالْأَقْرَبُ وَالْبَعِيدُ الْفَقِيهِ أَوْلَى مِنَ الْأَقْرَبِ غَيْرِ الْفَقِيهِ هُنَا، عَكْسُ مَا فِي الصَّلَاةِ. وَالْمُرَادُ بِالْأَفْقَهُ الْأَعْلَمُ بِذَلِكَ الْبَابِ.

1076. Keluar dengan tambahan ku "pada darjat" kerana faham dari apa yang mereka sebutkan pada memasukkan mayat kedalam kubur oleh orang yang terutama dengan menyembahyangkannya nisbah sifat kerana yang lebih fakeh terutama dari yang lebih tua. Yang dekat dan fakeh yang jauh terutama dari yang dekat yang tidak fakeh disini, 'akas hukum yang sabit pada sembahyang. Yang dikehendaki dengan yang lebih fakeh disini adalah yang lebih tahukan bab ini.

(وَ) الْأَوْلَى (بِهَا) أَيُّ بِالْمَرْأَةِ فِي غُسْلِهَا (قَرِيبَاتُهَا). فَيَقْدَمَنَّ حَتَّى عَلَى الزَّوْجِ. (وَأَوْلَاهُنَّ ذَاتُ مَحْرَمِيَّةٍ). وَهِيَ مَنْ لَوْ قَدَرْتُ ذَكَرًا لَمْ يَحِلَّ لَهُ نِكَاحُهَا. فَإِنْ اسْتَوَتْ ائْتَنَانِ فِي الْمَحْرَمِيَّةِ فَالْتِي فِي مَحَلِّ الْعُصُوبَةِ أَوْلَى كَالْعَمَّةِ مَعَ الْخَالَةِ. وَاللَّوَاتِي لَا مَحْرَمِيَّةَ لِهِنَّ يُقَدَّمُ مِنْهُنَّ الْقُرْبَى فَالْقُرْبَى

1077. (**dan**) yang terutama (**dengan**) perempuan pada memandikannya (**adalah kerabat perempuannya**) maka didulukan mereka hinggakan keatas suami. (**Yang terutama daripada mereka itu adalah kerabat yang punya status mahram**). Ia adalah perempuan yang kalau ditakdirkan dia itu lelaki nescaya tidak halal dia berkahwin dengannya. Maka jika sama dua orang perempuan pada status mahram maka yang pada tempat 'asabah terutama seperti emak saudara belah bapa bersama dengan emak saudara belah emak. Mereka yang tidak ada status mahram bagi mereka didulukan daripada mereka itu akan yang dekat maka yang dekat.

(ف) بَعْدَ الْقَرِيبَاتِ (ذَاتِ وِلَاءٍ) كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ. وَهَذَا مِنْ زِيَادَتِي. (فَأَجْنَبِيَّةٌ) لِأَنَّهَا أَلِيْقُ، (فَرَوْجٌ) لِأَنَّ مَنْظُورَهُ أَكْثَرُ، (فَرَجَالٌ مَحَارِمٌ كَثَرَتْ بِصَلَاتِهِمْ) إِلَّا مَا مَرَّ.

1078. (**Maka**) selepas kerabat perempuan itu (**perempuan yang memiliki wala'**) sepertimana didalam Majmuk. Ini daripada tambahan ku. (**maka perempuan ajnabi**) kerana ia lebih layak (**maka suami**) kerana yang dipandangnya lebih banyak, (**maka lelaki-lelaki mahram, sama seperti susunan pada sembahyang mereka**) melainkan apa yang telah lalu.¹¹¹

وَشَرَطُ الْمُقَدِّمِ إِسْلَامٌ إِنْ كَانَ الْمَيِّتُ مُسْلِمًا وَعَدَمٌ قَتْلٌ. أَمَّا غَيْرُ الْمَحَارِمِ كَابْنِ الْعَمِّ فَكَالْأَجْنَبِيِّ لَا حَقَّ لَهُ فِي ذَلِكَ وَإِنْ كَانَ لَهُ حَقٌّ فِي الصَّلَاةِ.

1079. Syarat orang yang diutamakan adalah Islam jika mayat itu muslim dan tidak ada bunuh. Adapun selain mahram-mahram seperti anak lelaki bapa saudara maka seperti lelaki ajnabi, tidak ada hak bagi dia pada demikian itu, sekalipun dia ada hak pada sembahyang.

(فَإِنْ تَنَازَعَ مُسْتَوِيَانِ) هُنَا وَفِي نَظَائِرِهِ الْآتِيَةِ. وَهَذَا أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَلَوْ تَنَازَعَ أَحْوَانٍ أَوْ رَوْجَتَانِ. (أَفْرَعٌ) بَيْنَهُمَا.

1080. (**Maka jika berebut dua orang yang sama taraf**) disini dan pada yang sebandingnya yang akan datang. Ini terutama dari katanya "kalau berebut dua saudara atau dua isteri" (**diundi**) diantara kedua mereka.

(وَالْكَافِرُ أَحَقُّ بِقَرِيبِهِ الْكَافِرِ) مِنْ قَرِيبِهِ الْمُسْلِمِ فِي عُسَلِهِ وَتَكْفِينِهِ وَدَفْنِهِ، لِقَوْلِهِ تَعَالَى { وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ }.

1081. (**Orang kafir lebih berhak dengan kerabatnya yang kafir**) dari kerabatnya yang Islam pada memandikannya dan mengkafakannya dan mengkebumikannya, kerana kata Allah taala ((dan orang-orang kafir itu sebahagian mereka penolong sebahagian yang lain.

(وَتُطَيَّبُ) (جَوَازًا) (مُحَدِّةٌ) (لِرِوَالِ الْمَعْنَى الْمُرْتَبِّ عَلَيْهِ تَحْرِيمِ التَّطْيِبِ وَهُوَ التَّفَجُّعُ عَلَى رَوْجِهَا وَالتَّحَرُّزُ عَنِ الرَّجَالِ).

1082. (**Dibubuh wangian**) diatas jalan harus (**perempuan yang berkabung**), kerana hilang makna yang disusunkan diatasnya pengharaman memakai wangian, iaitu terkejut diatas kehilangan suaminya dan menjauhkan diri dari lelaki.

(وَكُرْهُ أَخْذُ شَعْرٍ غَيْرِ مُحْرِمٍ وَظْفَرِهِ) لِأَنَّ أَجْزَاءَ الْمَيِّتِ مُحْتَرَمَةٌ فَلَا تُنْتَهَكُ بِذَلِكَ.

1083. (**Makruh ambil rambut selain muhrim dan kukunya**) kerana jujuk-jujuk mayat itu dihormati maka tidak dicarikkan ia dengan demikian itu.

(وَوَجِبَ إِبْقَاءُ أَثَرِ إِحْرَامٍ) فِي مُحْرِمٍ فَلَا يُؤْخَذُ شَعْرُهُ وَظْفَرُهُ، وَلَا يُطَيَّبُ وَلَا يُلْبَسُ الْمُحْرِمُ الذَّكَرُ مَخِيطًا وَلَا يُسْتَرُّ رَأْسُهُ وَلَا وَجْهٌ مُحْرَمَةٌ وَلَا كَفَاها بِقَفَّازِينَ. { قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمُحْرِمِ الَّذِي مَاتَ وَهُوَ

¹¹¹ Iaitu orang yang terutama menyembahyangkannya nisbah sifat.

وَاقْفَ مَعَهُ بِعَرَفَةَ : لَا تَمْسُوهُ بِطَيْبٍ وَلَا تَحْمَرُوا رَأْسَهُ فَإِنَّهُ يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُلَبِّبًا ۚ. رَوَاهُ الشَّيْخَانِ. وَقَدْ أَسْتَفِيدَ مِنَ التَّغْلِيلِ الْوَاقِعِ فِيهِ حُرْمَةُ الْإِلْبَاسِ وَالسَّرِّ الْمَذْكُورَيْنِ، فَلَا تُنْتَهَكُ بِذَلِكَ.

1084. (**Wajib mengekalkan kesan ihram**) pada orang yang berihram, maka tidak diambil rambutnya dan kukunya dan tidak dibubuh wangian dan tidak dipakaikan muhrim akan pakaian berjahit dan tidak ditutup kepalanya dan tidak muka muhriyah dan tidak dua tapak tangannya dengan sarung tangan. Kata nabi sawm pada muhrim yang mati sedang dia wukuf bersamanya di Arafah: jangan kamu sentuhkan dia dengan wangian dan jangan kamu tudungkan kepalanya, maka sesungguhnya dia dibangkitkan pada hari kiamat kelak dalam keadaan dia bertalbiah)). Meriwayatkannya dua syeikh. Diambil faham dari ta'lil yang jatuh padanya akan haram memakaikan pakaian dan menutupi apa yang disebutkan itu, maka tidak dicarikkan ia dengan demikian itu.

(وَلِنَحْوِ أَهْلِ مَيِّتٍ) كَأَصْدِقَانِهِ (تَقْبِيلِ وَجْهِهِ) { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبَّلَ عُثْمَانَ بْنَ مَطْعُونٍ بَعْدَ مَوْتِهِ }، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ، وَلِأَنَّ أَبَا بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَبَّلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ مَوْتِهِ رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

1085. (**Bagi umpama keluarga mayat**) seperti rakan-rakannya (**mengucup mukanya**) ((kerana nabi sawm mengucup Uthman bin Ma'zun selepas kematiannya)), meriwayatkannya Turmizi dan selainnya dan mereka mengesahkannya. Dan kerana Abu Bakara r.a mengucup rasulullah sawm selepas matinya. Meriwayatkannya Bukhari.

(وَلَا بِأَسْ بِإِعْلَامِ بِمَوْتِهِ) لِلصَّلَاةِ عَلَيْهِ وَغَيْرِهَا، لَمَّا رَوَى الْبُخَارِيُّ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { قَالَ فِي إِنْسَانٍ كَانَ يَقُمُّ الْمَسْجِدَ أَيَّ يَكْنُسُهُ فَمَاتَ فَدُفِنَ لَيْلًا : أَفَلَا كُنْتُمْ أَذُنْتُمْوَنِي بِهِ }، وَفِي رَوَايَةٍ { مَا مَنَعَكُمْ أَنْ تُعَلِّمُونِي } . وَصَحَّحَ فِي الْمَجْمُوعِ أَنَّهُ مُسْتَحَبٌّ إِذَا قَصَدَ الْإِعْلَامَ لِكَثْرَةِ الْمُصَلِّينَ. (بِخِلَافِ نَعْيِ الْجَاهِلِيَّةِ) وَهُوَ النَّدَاءُ بِمَوْتِ الشَّخْصِ وَذِكْرُ مَاتِرِهِ وَمَقَاخِرِهِ فَإِنَّهُ يُكْرَهُ { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ النَّعْيِ }، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَنَهُ. وَالْمُرَادُ نَعْيَ الْجَاهِلِيَّةِ.

1086. (**Tidak mengapa mensiarkan berita kematiannya**) untuk sembahyang keatasnya dan selainnya, kerana apa yang diriwayatkan Bukhari bahawa nabi sawm berkata pada seorang yang kerjanya membersihkan sampah masjid iaitu menyapu sampah masjid, maka dia mati lalu dikebumikan pada waktu malam : mengapa kamu tidak memberi tahu aku dengannya)), pada satu riwayat ((apa yang menghalang kamu dari memaklumkan aku)). Nawawi mengesahkan didalam Majmuk bahawa ianya sunat bila memaklumkan itu bertujuan supaya ramai orang yang sembahyang. (**bersalahan siaran kematian oleh orang jahiliyah**)). Ianya adalah seruan dengan kematian sesaorang dan menyebutkan jasa-jasa dan kemegahannya maka ianya makruh ((kerana nabi sawm menegah dari menyiarkan kematian)), meriwayatkannya Turmizi dan dia membilangnya hasan. Yang dikehendaki adalah siaran kematian jahiliyah.

(فَصَلِّ) فِي تَكْفِينِ الْمَيِّتِ وَحَمَلِهِ . (يُكْفَنُ) بَعْدَ غُسْلِهِ (بِمَا لَهُ لِبْسُهُ) حَيًّا، مِنْ حَرِيرٍ أَوْ غَيْرِهِ. فَيَحِلُّ تَكْفِينُ أَنْثَى بِحَرِيرٍ وَمَرْغَفٍ وَمَعْصَفٍ، بِخِلَافِ الرَّجُلِ وَالْخُنْثَى إِذَا وَجَدَ غَيْرَهَا. وَيُعْتَبَرُ فِيهِ حَالُ الْمَيِّتِ، فَإِنْ كَانَ مُكْتَرًا فَمِنْ جِيَادِ الثِّيَابِ، أَوْ مُتَوَسِّطًا فَمِنْ مُتَوَسِّطِهَا أَوْ مُقَلًّا فَمِنْ حَشِينِهَا.

1087. (**Fasal**) pada mengkafankan mayat dan menanggungnya. (**Dikafankan ia**) selepas dimandikan (**dengan apa yang boleh dia pakai**) ketika hidup, daripada sutera atau selainnya. Maka halal mengkafankan perempuan dengan sutera dan yang dicelup za'faran dan yang dicelup kuning, bersalahan lelaki dan khunsa bila didapati selainnya. Diiktibarkan padanya akan keadaan mayat, maka jika dia banyak harta maka kain-kain yang baik, atau sederhana maka dari yang sederhananya, atau sedikit harta maka dari yang kasar-kasarnya.

وَقَضِيَّةٌ كَلَامُهُمْ جَوَازُ تَكْفِينِ الصَّبِيِّ بِالْحَرِيرِ وَجَوَازُ التَّكْفِينِ بِالْمُتَنَجِّسِ. وَالظَّاهِرُ كَمَا قَالَ الْأَدْرَعِيُّ مَنَعَ الثَّانِي مَعَ الْفُدْرَةِ عَلَى الطَّاهِرِ، وَإِنْ جَوَّزْنَا لِبَسَةِ اللَّحْيِ فِي غَيْرِ الصَّلَاةِ وَنَحْوِهَا.

1088. Kehendak kalam mereka harus mengkafankan kanak-kanak lelaki dengan sutera dan harus mengkafankan dengan yang mutanajjis. Yang zahir sepertimana kata Azrai'e adalah ditegah yang kedua serta kuasa diatas yang suci sekalipun kita haruskan orang hidup memakainya pada selain sembahyang dan umpamanya.

(وَكُرْهٌ مُعَالَاةٌ فِيهِ) لِحَبْرِ { لَا تَعَالَوْا فِي الْكَفَنِ فَإِنَّهُ يُسَلَّبُ سَرِيعًا }، رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ. (وَ كُرْهٌ) لِأَلْتَنَى نَحْوُ مُعَصْفِرٍ) مِنْ حَرِيرٍ وَمَزْعَفِرٍ لِمَا فِيهِ مِنَ الرِّبْدَةِ وَالتَّقْيِيدِ بِالأَلْتَنَى مَعَ ذِكْرِ نَحْوٍ مِنْ زِيَادَتِي.

1089. (Makruh yang mahal padanya) kerana khabar ((jangan kamu memahalkan pada kafan maka ianya akan buruk dengan cepat)), meriwayatkannya Abu Daud dengan sanad-sanad yang baik. Makruh (bagi perempuan umpama yang kuning) daripada sutera dan yang diselup za'faran kerana apa yang ada padanya daripada perhiasan. Mengkaitkan dengan perempuan serta menyebutkan umpama daripada tambahan ku.

(وَأَقْلَهُ) أَيِ الْكَفَنِ (ثَوْبٍ) بِقَيْدِ زِدْتَهُ بِقَوْلِي (يَسْتُرُ عَوْرَتَهُ)، كَالْحَيِّ، فَيُخْتَلَفُ قَدْرُهُ بِالدُّكُورَةِ وَغَيْرِهَا، (وَلَوْ أَوْصَى بِإِسْقَاطِهِ) لِأَنَّهُ حَقٌّ لِلَّهِ تَعَالَى، بِخِلَافِ الزَّائِدِ عَلَيْهِ الْآتِي ذِكْرُهُ فَإِنَّهُ حَقٌّ لِلْمَيِّتِ، بِمِثَابَةِ مَا يُجْمَلُ بِهِ الْحَيِّ فَلَهُ مَنَعُهُ. فَأَذَا أَوْصَى بِسَاتِرِ الْعَوْرَةِ كُفِّنَ بِسَاتِرِهَا، لَا بِسَاتِرِ كُلِّ الْبَدَنِ عَلَى الْأَصَحِّ. فَإِنَّ ذَلِكَ مُفْرَعٌ عَلَى أَنَّ الْوَاجِبَ فِي التَّكْفِينِ سِتْرُ كُلِّ الْبَدَنِ، لَا سِتْرُ الْعَوْرَةِ.

1090. (Sekurang-kurang) kapan itu (sehelai kain) dengan kait yang aku tambahkan dengan kata ku (yang menutupi auratnya) sama seperti orang hidup, maka berlain-lainan kadarnya dengan jantina lelaki dan selainnya, (walaupun dia berwasiat dengan menggugurkannya) kerana ia hak Allah taala, bersalahan yang lebih diatasnya yang akan disebutkan, maka ianya hak mayat, menempati apa yang dihiaskan dengannya orang yang hidup, maka boleh dia enggan darinya. Maka bila dia berwasiat dengan apa yang menutupi auratnya dikafankan dia dengan yang menutupinya, tidak dengan yang menutupi seluruh tubuh diatas yang paling sahih. Maka demikian itu dicabangkan diatas bahawa yang wajib pada mengkapankan mayat adalah tutup semua tubuh, bukan tutup aurat.

وَمَا فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ الْمَاوَرِدِيِّ وَغَيْرِهِ مِنَ الْإِتِّفَاقِ عَلَى وَجُوبِ سَاتِرِ كُلِّ الْبَدَنِ فِيمَا دُوَّ قَالَ الْوَرِثَةُ "يُكْفَنُ بِهِ" وَالْغُرْمَاءُ "بِسَاتِرِ الْعَوْرَةِ" لَيْسَ لِكُونِهِ وَاجِبًا فِي التَّكْفِينِ، بَلْ لِكُونِهِ حَقًّا لِلْمَيِّتِ. فَيُقَدَّمُ بِهِ عَلَى الْغُرْمَاءِ وَلَمْ يُسْقِطْهُ عَلَى أَنَّ فِي هَذَا الْإِتِّفَاقِ نِزَاعًا كَمَا قَالَهُ ابْنُ الرَّفْعَةِ. وَبِتَقْدِيرِ صِحَّتِهِ فَهُوَ مَعَ حَمْلِهِ عَلَى مَا قُلْنَا مُسْتَنْتَنِي لِتَأَكُّدِ أَمْرِهِ. وَإِلَّا، فَقَدْ جَزَمَ الْمَاوَرِدِيُّ بِأَنَّ لِلْغُرْمَاءِ مَنَعَ مَا يُصْرَفُ فِي الْمُسْتَحَبِّ. وَدُوَّ لَمْ يُوَصِّ بِمَا ذُكِرَ وَاخْتَلَفَ الْوَرِثَةُ فِي تَكْفِينِهِ بِثَوْبٍ أَوْ ثَلَاثَةٍ أَوْ تَفَقُّوا عَلَى ثَوْبٍ أَوْ كَانَ فِيهِمْ مَحْجُورٌ عَلَيْهِ كُفْنٌ بِثَلَاثَةٍ.

1091. Apa yang sabit didalam Majmuk dari Mawardi dan selainnya daripada persepakatan ulamak diatas wajib kain yang menutupi semua tubuh pada keadaan kalau para waris kata "dikafankan dia dengannya" sementara tuan hutang "dengan yang menutupi aurat" bukanlah kerana keadaan kain yang menutup aurat itu wajib pada mengkafankan mayat, bahkan kerana keadaannya hak bagi mayat. Maka didulukan hak itu diatas tuan-tuan hutang dan tidak boleh dia menggugurkannya. Walaubagaimanapun pada persepakatan ini ada bantahan sepertimana dikatakan Ibnu Rif'ah. Dengan mentakdirkan sah persepakatan ini maka ia serta menanggungkannya keatas apa yang kita katakan adalah dikecualikan kerana kuat perintah menutup semua tubuh. Jika tidak, maka sesungguhnya Mawardi telah jazam dengan bahawa tuan-tuan hutang boleh menegah apa yang dipalingkan pada sunat. Kalau dia tidak berwasiat dengan apa yang disebutkan itu dan para waris berselisih pada mengkafankannya dengan sehelai kain

atau tiga atau mereka sepakat diatas sehelai kain atau ada pada mereka orang yang dihijir dikafankan ia dengan tiga.

(وَأَكْمَلُهُ لَذَكَرٍ) وَلَوْ صَغِيرًا (ثَلَاثَةً) يِعْمُ كُلُّ مِنْهَا الْبَدَنَ غَيْرَ رَأْسِ الْمُحْرِمِ، لِحَبْرِ الشَّيْخَيْنِ : قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا { كَفَّنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثَلَاثَةِ أَثْوَابٍ يَمَانِيَةٍ بَيْضَ لَيْسَ فِيهَا قَمِيصٌ وَلَا عِمَامَةٌ } . (وَجَازَ أَنْ يُزَادَ تَحْتَهَا قَمِيصٌ وَعِمَامَةٌ) كَمَا فَعَلَهُ ابْنُ عَمَرَ بِابْنِ لَهْ، رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ.

1092. (Kapan yang paling sempurna bagi lelaki) walaupun yang kecil (tiga helai) yang setiap satu daripadanya meratai tubuh selain kepala muhrim, kerana khabar dua syeikh : kata Aisyah r.a ((dikafankan rasullullah sawm pada tiga helai kain putih dari Yaman, tidak ada padanya gamis dan tidak serban)). (Harus bahawa ditambahkan dibawahnya sehelai gamis dan serban) sepertimana dibuat Umar pada anak lelakinya. Meriwayatkannya Baihaqi

(وَ) أَكْمَلُهُ (لِغَيْرِهِ) أَي لَغَيْرِ الذَّكَرِ مِنَ الْأُنثَى وَالْخُنْثَى الْمَزِيدِ عَلَى الْأَصْلِ خَمْسَةً (إِزَارٌ فَفَمِيصٌ فَخِمَارٌ فَلِفَافَتَانِ) { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَفَّنَ فِيهَا ابْنَتَهُ أُمَّ كَلْثُومٍ } رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالْإِسْرَارُ وَالْمَدْرَسُ مَا يَسْتُرُ الْعَوْرَةَ وَالْخِمَارُ مَا يُغْطِي بِهِ الرَّأْسَ.

1093. Yang paling sempurna (bagi selain) lelaki daripada perempuan dan khunsa adalah yang ditambahkan diatas asal lima itu (sehelai kain pakai maka gamis maka khimar maka dua helai balutan) ((kerana nabi sawm mengkafankan anak perempuannya Ummi Kalthum didalamnya)). Meriwayatkannya Abu Daud. "Izar" dan "mi'zar" adalah apa yang menutupi aurat, dan khimar apa yang ditutup kepala dengannya.

وَلَيْسَتْ الْخَمْسَةُ فِي حَقِّ غَيْرِ الذَّكَرِ كَالثَّلَاثَةِ فِي حَقِّ الذَّكَرِ حَتَّى تُجْبَرَ الْوَرِثَةُ عَلَيْهَا كَمَا تُجْبَرُ عَلَى الثَّلَاثَةِ. وَتَكَرَّرَ الزِّيَادَةُ عَلَى الْخَمْسَةِ فِي الذَّكَرِ وَغَيْرِهِ لِأَنَّهَا سَرَفٌ. قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : وَلَوْ قِيلَ بِتَحْرِيمِهَا لَمْ يَبْعُدْ. وَبِهِ قَالَ ابْنُ يُونُسَ. وَقَالَ الْأَدْرَعِيُّ : إِنَّهُ الْأَصْحَحُ الْمَخْتَارُ. وَذَكَرَ التَّرْتِيبَ فِي الْمَذْكُورَاتِ مِنْ زِيَادَتِي.

1094. Lima ini pada hak selain lelaki bukanlah seperti tiga yang pada hak lelaki, hinggakan dipaksa para waris diatasnya sepertimana dipaksa merka diatas tiga itu. Makruh lebih diatas lima pada lelaki dan selainnya kerana ia berlebih-lebih. Katanya didalam Majmuk : kalau dikatakan dengan haramnya tidaklah jauh. Dengannya kata Ibnu Yunus. Kata Azrai'e : ianya yang paling sah. Menyebutkan susunan pada segala yang disebutkan itu daripada tambahan ku.

(وَمَنْ كَفَّنَ) مِنْ ذَكَرٍ أَوْ غَيْرِهِ (بِثَلَاثَةِ فَهِيَ لَفَافٌ) بِوَصْفِهَا السَّابِقِ.

1095. (Orang yang dikafankan) daripada lelaki atau selainnya (dengan tiga helai maka ianya balutan-balutan) dengan sifatnya yang lalu.

(وَسُنَّ) كَفَّنَ (أَبْيَضُ) لِحَبْرِ { الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ، فَأَيُّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ، وَكَفَّنُوا فِيهَا مَوْتَاكُمْ } . رَوَاهُ النَّزْمِيُّ وَقَالَ حَسَنٌ صَحِيحٌ. (وَمَعْسُولٌ) لِأَنَّهُ لِلصَّيْدِ وَالْحَيِّ أَحَقُّ بِالْجَدِيدِ كَمَا قَالَهُ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. (وَأَنْ يَبْسُطَ أَحْسَنَ اللَّفَافِ وَأَوْسَعَهَا) إِنْ تَفَاوَتَتْ حُسْنًا وَسَعَةً، كَمَا يُظْهِرُ الْحَيُّ أَحْسَنَ ثِيَابِهِ وَأَوْسَعَهَا. (وَالْبَاقِي) مِنْ لَفَافَتَيْنِ أَوْ لَفَافَةٍ (فَوْقَهَا).

1096. (Sunat) kafan (putih) kerana khabar ((hendaklah kamu pakai pakaian kamu yang putih, maka ianya sebaik-bak pakaian kamu, dan kafankanlah mayat kamu didalamnya)). Meriwayatkannya Turmizi dan katanya : hasan lagi sah. (dan yang dah dibasuh) kerana ia untuk danur dan manusia lebih berhak dengan yang baru sepertimana dikatakan Abu Bakar r.a, meriwayatkannya Bukhari. (dan bahawa dibentangkan yang terbaik daripada balutan-balutan dan yang paling luasnya) jika semuanya berlebih kurang nisbah elok dan luas, sepertimana orang yang hidup menampakkan yang paling elok daripada pakaiannya dan paling luasnya. (dan dibentangkan bakinya) daripada dua helai atau satu helai lagi (diatasnya).

(وَ) أَنْ (يُدْرَر) بِمُعْجَمَةٍ فِي غَيْرِ الْمُحْرِمِ (عَلَى كُلِّ) مِنَ اللَّفَافِ قَبْلَ وَضْعِ الْأُخْرَى عَلَيْهَا (وَ) عَلَى (الْمَيِّتِ حَنُوطٍ) بِفَتْحِ الْحَاءِ نَوْعٌ مِنَ الطَّيِّبِ. قَالَ الْأَزْهَرِيُّ : وَيَدْخُلُ فِيهِ الْكَافُورُ وَدَرِيرَةُ الْقَصَبِ وَالصَّنْدَلُ الْأَحْمَرُ وَالْأَبْيَضُ. وَذَلِكَ لِأَنَّهُ يَدْفَعُ الْهُوَامَ وَيَشُدُّ الْبَدْنَ وَيَقْوِيهِ. وَيُسَنُّ تَبْخِيرَ الْكُفَنِ بِالْعُودِ أَوْلًا.

1097. (dan) sunat bahawa (ditaburkan) pada selain muhrim (diatas setiap satu) daripada helai-helai pembalut itu sebelum diletakkan yang lain diatasnya, (dan) diatas (mayat akan kapur baru), sejenis wangian. Kata Azhari : masuk padanya oleh kapur dan serbuk qasb¹¹² dan cendana merah dan putih. Demikian itu kerana ia menghalau serangga dan mengentalkan tubuh dan menguatkannya. Sunat mengasapkan kapan dengan gaharu mula-mula.

(وَ) أَنْ (يُوضَع) الْمَيِّتُ (فَوْقَهَا) بِرَفْقٍ (مُسْتَلْقِيًا) عَلَى ظَهْرِهِ (وَ) أَنْ (تُشَدَّ أَلْيَاهُ) بِخُرْقَةٍ بَعْدَ أَنْ يُدَسَّ بَيْنَهُمَا قُطْنٌ عَلَيْهِ حَنُوطٌ. (وَأَنْ يُجْعَلَ عَلَى مَنْأَفِهِ) كَعَيْنَيْهِ وَمَنْخَرِيهِ وَأُذُنَيْهِ وَعَلَى مَسَاجِدِهِ كَجِبْهَتِهِ (قُطْنٌ) عَلَيْهِ حَنُوطٌ.

1098. (dan) bahawa (diletakkan) mayat (diatasnya) dengan lembut (dalam keadaan telentang) diatas belakangnya, (dan) bahawa (diikatkan dua punggungnya) dengan perca kain selepas bahawa diselitkan diantara keduanya kapas yang ada kapur baru diatasnya, (dan) bahawa diletakkan diatas liang-liang tubuhnya seperti dua matanya dan dua lubang hidungnya dan dua telinganya dan diatas tempat-tempat sujudnya seperti dahinya (akan kapas) yang diatasnya kapur baru.

(وَتُلَافَّ عَلَيْهِ اللَّفَافُ)، بِأَنْ يَثْبِي أَوْلًا الدَّيِّ يَلِي شِقَّةَ الْأَيْسَرِ عَلَى شِقَّةِ الْأَيْمَنِ، ثُمَّ يَعْكَسَ ذَلِكَ. وَيَجْمَعُ الْفَاضِلُ عِنْدَ رَأْسِهِ وَرِجْلَيْهِ، وَيَكُونُ الدَّيِّ عِنْدَ رَأْسِهِ أَكْثَرَ. (وَتُشَدُّ) اللَّفَافُ بِشِدَادٍ خَوْفِ الْإِنْتِشَارِ عِنْدَ الْحَمْلِ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ مُحْرَمًا كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْجَرَجَانِيُّ. (ثُمَّ يَحَلُّ الشَّدَادُ فِي الْقَبْرِ) إِذْ يُكْرَهُ أَنْ يَكُونَ مَعَهُ فِي الْقَبْرِ شَيْءٌ مَعْقُودٌ. وَالتَّصْرِيحُ بِسَنِّ الْبَسْطِ وَمَا عُطِفَ عَلَيْهِ مَا عَدَا الْحَنُوطَ مِنْ زِيَادَتِي.

1099. (Dibalut diatasnya balutan-balutan itu) dengan bahawa mula-mula dilipatkan apa yang mengiringi belah tubuhnya yang kiri diatas belah tubuhnya yang kanan, kemudian di'akaskan demikian itu. Dihimpunkan yang lebih disisi kepalanya dan dua kakinya, dan adalah yang disisi kepalanya lebih banyak. (dan diikatkan) balutan-balutan itu dengan kuat kerana takut terburai disisi menanggungnya, melainkan bahawa adalah dia muhrim sepertimana dijelaskan Jurjani. (Kemudian diungkai ikatan-ikatan itu didalam kubur) kerana makruh bahawa ada bersamanya didalam kubur suatu yang tersimpul. Penjelasan dengan sunat hampar dan apa yang di'atafkan keatasnya yang selain kapur baru adalah daripada tambahan ku.

(وَمَحَلُّ تَجْهِيزِهِ) مِنْ تَكْفِينٍ وَغَيْرِهِ (تَرَكَّةٌ) لَهُ، يَبْدَأُ بِهِ مِنْهَا، لَكِنْ بَعْدَ الْإِبْتِدَاءِ بِحَقِّ تَعَلُّقِ بَعِينِهَا كَمَا سَيَأْتِي فِي الْفَرَائِضِ. (إِلَّا زَوْجَةً وَخَادِمَةً) تَجْهِيزُهُمَا (عَلَى زَوْجٍ غَنِيِّ عَلَيْهِ نَفَقَتُهُمَا)، بِخِلَافِ الْفَقِيرِ وَمَنْ لَمْ تَلْزَمُهُ نَفَقَتُهُمَا لِنَشُوزٍ أَوْ نَحْوِهِ. وَكَالزَّوْجَةِ الْبَائِنِ الْحَامِلِ. وَالتَّقْيِيدُ بِالْغَنِيِّ مَعَ ذِكْرِ الْخَادِمِ مِنْ زِيَادَتِي.

1100. (Tempat penyediaannya) daripada proses mengkapankan dan selainnya (adalah harta peninggalan)nya. Dimulakan dengannya daripada peninggalan itu, akan tetapi selepas dimulakan dengan hak yang bersangkutan dengan 'ainnya, sepertimana akan datang pada faraidh. (melainkan isteri dan khadam isteri, maka) penyediaan kedua mereka (diatas suami kaya yang menanggung nafkah kedua mereka), bersalahan yang fakir dan yang tidak dilazimi nafkah kedua mereka kerana nusyuz atau umpamanya. Sama seperti isteri adalah perempuan bain yang hamil. Mengkaitkan dengan "yang kaya" serta menyebutkan khadamnya daripada tambahan ku.

¹¹² Sejenis wangian. Wallahu a'lam.

(ف) إِنْ لَمْ تَكُنْ تَرْكَةً وَلَا زَوْجًا غَنِيًّا عَلَيْهِ النَّفَقَةُ فَتَجْهِيْزُهُ (عَلَى مَنْ عَلَيْهِ نَفَقَتُهُ) حَيًّا فِي الْجُمْلَةِ (مِنْ قَرِيبٍ وَسَيِّدٍ) لِلْمَيِّتِ. سِوَاءٍ فِيهِ الْأَصْلُ وَالْفَرْعُ الصَّغِيرُ وَالْكَبِيرُ لِعَجْزِهِ بِالْمَوْتِ وَالْقَنْ وَأُمُّ الْوَلَدِ وَالْمُكَاتَبُ لِإِنْفِسَاخِ كِتَابَتِهِ بِمَوْتِهِ.

1101. (Maka) jika tidak ada peninggalan dan tidak suami yang kaya yang menanggung nafkahnya maka penyediaannya (**diatas orang yang menanggung nafkahnya**) pada masa hidupnya pada sesetengah keadaan (**daripada kerabat dan penghulu**) mayat. Sama pada mayat itu asal dan fara' dan yang kecil dan yang besar kerana lemahnya dengan mati dan hamba penuh dan ummu walad dan mukatab kerana terfasakh kitabah dengan kematiannya.

(ف) إِنْ لَمْ يَكُنْ لِلْمَيِّتِ مَنْ تَلْزَمُهُ نَفَقَتُهُ فَتَجْهِيْزُهُ عَلَى (بَيْتِ الْمَالِ) كَنَفَقَتِهِ فِي الْحَيَاةِ (ف-) إِنْ تَعَدَّرَ بَيْتُ الْمَالِ فَهُوَ عَلَى (مَيَّاسِيرِ الْمُسْلِمِينَ). وَلَا يَلْزَمُهُمُ التَّكْفِيْنُ بِأَكْثَرِ مِنْ ذَوْبٍ. وَكَذَا إِذَا كَفَنَ مِنْ مَالٍ مَنْ عَلَيْهِ نَفَقَتُهُ أَوْ مِنْ بَيْتِ الْمَالِ أَوْ مِنْ مَوْقُوفٍ عَلَى التَّكْفِيْنِ، أَوْ مَنَعَ الْغُرْمَاءَ الْمُسْتَعْرِفُونَ ذَلِكَ. وَذَكَرُ بَيْتِ الْمَالِ وَمَا بَعْدَهُ مِنْ زِيَادَتِي. وَتَعْبِيرِي بِالتَّجْهِيْزِ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِالتَّكْفِيْنِ.

1102. (Maka) jika mayat itu tidak punya orang yang lazim menafkahkanya maka penyediaannya diatas (**baitulmal**), sama seperti nafkahnya pada masa hidup, (**maka**) jika teruzur baitulmal maka ia diatas (**orang-orang Islam yang kaya**). Tidak lazim mereka itu mengkafankan dengan lebih dari sehelai kain. Begitu juga bila ia dikafankan dari harta orang yang lazim menafkahkanya atau dari baitulmal atau dari yang diwakafkan keatas kafan, atau bila tuan hutang yang menghabisi menegah demikian itu. Menyebutkan baitulmal dan apa yang selepasnya daripada tambahan ku. Ibarat aku dengan penyediaan lebih umum dari ibaratnya dengan mengkafankan.

(وَحَمَلُ جِنَاةٍ) بَيْنَ الْعُمُودَيْنِ (بِأَنْ يَضَعَهُمَا) رَجُلًا (عَلَى عَاتِقِيْهِ) وَرَأْسَهُ بَيْنَهُمَا (وَيَحْمَلُ الْمُؤَخَّرِينَ رَجُلَانِ) أَحَدُهُمَا مِنَ الْجَانِبِ الْأَيْمَنِ وَالْآخَرَ مِنَ الْأَيْسَرِ، إِذْ لَوْ تَوَسَّطَهُمَا وَاحِدًا كَالْمُقَدَّمِينَ لَمْ يَرِ مَا بَيْنَ قَدَمَيْهِ، (أَفْضَلُ مِنَ التَّرْبِيعِ بِأَنْ يَتَّقَدَّمَ رَجُلَانِ) يَضَعُ أَحَدُهُمَا الْعُمُودَ الْأَيْمَنَ عَلَى عَاتِقِهِ الْأَيْسَرَ وَالْآخَرَ عَكْسَهُ. (وَيَتَأَخَّرَ آخَرَانِ) يَحْمَلَانِ كَذَلِكَ. رَوَى الْبَيْهَقِيُّ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَمَلَ جِنَاةَ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ بَيْنَ الْعُمُودَيْنِ }.

1103. (**Menanggung jenazah**) diantara dua kayu (**dengan bahawa** (seorang) **meletakkan keduanya diatas kepala bahunya**) dan kepalanya diantara keduanya (**dan menanggung belakang dua kayu itu dua lelaki**) seorang daripada keduanya dibelah kanan dan seorang lagi dibelah kiri, kerana kalau seorang lelaki berada ditengah dua kayu itu sama seperti depannya nescaya dia tidak nampak apa yang diantara kedua tapak kakinya, (**adalah erafdhal dari empat segi, dengan bahawa dua lelaki didepan**) seorang dari keduanya mereka meletakkan kayu yang kanan diatas kepala bahunya yang kiri dan seorang lagi 'akasnya (**dan dua lelaki lagi dibelakang**) menanggung seperti yang didepan. Baihaqi meriwayatkan ((bahawa nabi sawm menanggung jenazah Sa'ad bin Mu'az diantara dua batang kayu)).

(وَلَا يَحْمَلُهَا) وَلَوْ أَنْثَى (إِلَّا رَجَالًا)، لَضَعْفِ النِّسَاءِ عَنْ حَمَلِهَا غَالِبًا، وَقَدْ يَنْكَشِفُ مِنْهُنَّ شَيْءٌ لَوْ حَمَلْنَ فَيُكْرَهُ لَهُنَّ حَمَلُهَا. وَفِي مَعْنَاهُنَّ الْخَنَائِي فِيمَا يَظْهَرُ.

1104. (**Tidak menanggungnya**) walaupun perempuan (**melainkan lelaki-lelaki**) kerana perempuan lemah dari menanggungnya pada ghalibnya dan terkadang terdedah daripada mereka sesuatu kalau mereka menanggung. Maka dimakruhkan mereka menanggungnya. Pada makna perempuan adalah khunsa pada apa yang zahir.

(وَحَرْمُ حَمَلِهَا بِهَيْئَةِ مُزْرِيَةٍ) كَحَمَلِهَا فِي غِرَارَةٍ أَوْ قَفَّةٍ (أَوْ) هَيْئَةٍ (يُخَافُ مِنْهَا سُقُوطُهَا) بَلْ تُحْمَلُ عَلَى سَرِيرٍ أَوْ لَوْحٍ أَوْ نَحْوِهِ فَإِنْ خِيفَ تَعْيُرُهُ قَبْلَ حُصُولِ مَا يُحْمَلُ عَلَيْهِ فَلَا بَأْسَ أَنْ يُحْمَلَ عَلَى الْأَيْدِي وَالرَّقَابِ.

1105. (**Haram menanggungnya dengan keadaan yang menghinakan**) seperti menanggungnya pada karung atau bakul (atau) keadaan (yang ditakuti darinya akan gugurnya), bahkan ditanggung ia diatas katil atau papan atau umpamanya. Maka jika ditakuti akan berubahnya sebelum sampai apa yang ditanggung ia diatasnya maka tidak mengapa bahawa ia ditanggung diatas tangan-tangan dan tengkok-tengkok.

(وَالْمَشْيُ وَبِأَمَامِهَا وَقُرْبِهَا) بِحَيْثُ لَوْ التَّفَتَ لَرَأَاهَا (أَفْضَلُ) مِنَ الرُّكُوبِ مُطْلَقًا، وَمِنَ الْمَشْيِ بِغَيْرِ أَمَامِهَا وَيُبْعِدُهَا. رَوَى ابْنُ حِبَّانٍ وَغَيْرُهُ عَنِ ابْنِ عَمْرٍ أَنَّهُ { رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ يَمْشُونَ أَمَامَ الْجَنَازَةِ }. وَرَوَى الْحَاكِمُ خَيْرَ { الرَّاكِبُ يَسِيرُ خَلْفَ الْجَنَازَةِ وَالْمَاشِي عَنْ يَمِينِهَا وَشِمَالِهَا قَرِيبًا مِنْهَا. وَالسَّقَطُ يُصَلِّي عَلَيْهِ وَيُدْعَى لِرِوَالِدَيْهِ بِالْعَافِيَةِ وَالرَّحْمَةِ }. وَقَالَ صَدِّيقٌ عَلَى شَرَطِ الْبُخَارِيِّ. وَفِي الْمَجْمُوعِ يُكْرَهُ الرُّكُوبُ فِي الدَّهَابِ مَعَهَا لِغَيْرِ عُدْرٍ. وَالْوَأْوُ فِي وَبِأَمَامِهَا وَقُرْبِهَا مِنْ زِيَادَتِي.

1106. (**Berjalan didepannya dan dekat dengannya**) sekira-kira kalau dia menoleh nescaya dia melihatnya (**terafdhal**) dari berkenderaan semata-mata, dan dari berjalan pada selain depannya dan jauh darinya. Ibnu Hibban dan selainnya meriwayatkan dari Ibnu Umar bahawa dia melihat ((melihat Nabi sawm dan Abu Bakar dan Umar berjalan didepan jenazah)). Hakim meriwayatkan khabar ((orang yang berkenderaan berjalan dibelakang jenazah dan yang berjalan kaki dikanan dan kirinya dekat dengannya. Anak guguran disembahyangkan dan didoakan dua ibu bapanya dengan sihat dan rahmat)), katanya : sahih diatas syarat Bukhari. Didalam Majmuk : makruh berkenderaan pada pergi bersama jenazah melainkan kerana uzur. Wau pada "بأمامها" dan "قربها" daripada tambahan ku.

(وَسُنَّ إِسْرَاعُ بِهَا) لَخَيْرِ الشَّيْخَيْنِ { أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ فَإِنَّ تَكَّ صَالِحَةٌ فَخَيْرٌ تَقَدَّمُونَهَا إِلَيْهِ وَإِنْ تَكَّ سِوَى ذَلِكَ فَشَرٌّ تَضَعُونَهُ عَنْ رِقَابِكُمْ }. (إِنْ أَمِنَ تَغْيِيرُهُ) أَي الْمَيْتِ بِالإِسْرَاعِ، وَإِلَّا فَيَتَأْتِي بِهِ. وَالإِسْرَاعُ فَوْقَ الْمَشْيِ الْمُعْتَادِ وَدُونَ الْخَبَبِ لِنَلَا يَنْقَطِعَ الضَّعْفَاءُ. فَإِنْ خِيفَ تَغْيِيرُهُ بِالتَّائِي أَيْضًا زَيْدٌ فِي الإِسْرَاعِ. وَالتَّصْرِيحُ بِسُنَّ الإِسْرَاعِ مِنْ زِيَادَتِي.

1107. (**Sunat berjalan cepat membawanya**) kerana khabar dua syeikh ((hendaklah kamu berjalan cepat membawa jenazah. Maka jika ianya soleh maka kebaikkam kamu sampaikan dia kepadanya dan jika dia tidak demikian itu maka kejahatan kamu letakkan dari tengkok-tengkok kamu)). (**Jika aman dari berubahnya**) iaitu mayat itu dengan membawanya cepat. Jika tidak, maka dilakukan beranjur-anjur. Jalan cepat itu lebih dari jalan yang biasa dan kurang dari lari anak supaya tidak ketinggalan orang-orang yang lemah. Maka jika ditakuti akan berubahnya dengan beranjuran juga ditambahkan pada cepat itu. Penjelasan dengan sunat berjalan cepat itu daripada tambahan ku.

(وَ) سُنَّ (لِغَيْرِ ذِكْرِ مَا يَسْتُرُهُ كَقَبَّةٍ) لِأَنَّهُ أَسْتُرَ لَهُ. وَتَغْيِيرِي بِغَيْرِ ذِكْرِ الشَّامِلِ لِلْأُنثَى وَالْخُنْثَى أَعْمٌ مِنْ تَغْيِيرِهِ بِالْأُنْثَى.

1108. Sunat (**bagi selain lelaki apa yang menutupinya seperti kubah**¹¹³) kerana ia lebih menutupinya. Ibarat aku dengan "selain lelaki" yang meliputi perempuan dan khunsa lebih umum dari ibaratnya dengan "perempuan".

(وَكُرْهُ لَغَطِّ فِيهَا) أَي فِي الْجَنَازَةِ أَي فِي السَّيْرِ مَعَهَا، وَالْحَدِيثُ فِي أُمُورِ الدُّنْيَا، بَلَّ الْمُسْتَحَبُّ التَّفَكُّرُ فِي أُمُورِ الْمَوْتِ وَمَا بَعْدَهُ. (وَإِتْبَاعُهَا) بِإِسْكَانِ التَّاءِ (بِنَارٍ) فِي مِجْمَرَةٍ أَوْ غَيْرِهَا لِأَنَّهُ يُتَفَاعَلُ بِذَلِكَ قَالَ السُّؤْعُ.

1109. (**Makruh hingan padanya**) iaitu pada jenazah, iaitu pada berjalan bersamanya, dan berbual pada perkara-perkara dunia, bahkan sunat berfikir pada perkara-perkara kematian dan apa

yang selepasnya. (dan mengiringinya dengan api) pada bekas bara atau selainnya kerana diambil sempena dengan demikian itu akan sempena buruk.

(لَا رُكُوبَ فِي رُجُوعِ مِنْهَا) ، فَلَا يُكْرَهُ لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكِبَ فِيهِ . رَوَاهُ مُسْلِمٌ . (وَلَا اتَّبَاعَ مُسَلِّمٍ جَنَازَةَ قَرِيبِهِ الْكَافِرِ) ، لِمَا رَوَى أَبُو دَاوُدَ عَنْ عَلِيٍّ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ . وَوَقَعَ فِي الْمَجْمُوعِ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ قَالَ { لَمَّا مَاتَ أَبُو طَالِبٍ أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ : إِنَّ عَمَّكَ الشَّيْخَ الضَّالَّ قَدْ مَاتَ . قَالَ انْطَلِقْ فَوَارِهِ . قَالَ الْأَدْرَعِيُّ : وَلَا يَبْعُدُ إِحْدَاقُ الزَّوْجَةِ وَالْمَمْدُوكِ بِالْقَرِيبِ . قَالَ : وَهَلْ يَلْحَقُ بِهِ الْجَارُ كَمَا فِي الْعِيَادَةِ ؟ فِيهِ نَظْرٌ .

1110. (Tidak makruh berkenderaan pada balik darinya) maka tidak makruh kerana nabi sawm berkenderaan padanya. Meriwayatkannya Muslim. (dan tidak mengiring muslim akan kerabatnya yang kafir) kerana apa yang diriwayatkan Abu Daud dari Ali dengan sanad-sanad yang baik. Jatuh didalam Majmuk dengan sanad-sanad yang dhaif katanya ((tatkala Abu Talib mati aku datang kepada rasulullah sawm maka aku kata : sesungguhnya bapa saudara kamu ketua yang sesat itu telah mati. Katanya : pergilah kamu menanamnya)). Kata Azrai'e : tidak jauh menghubungkan isteri dan hamba dengan kerabat. Katanya : adakah dihubungkan dengannya akan jiran sepertimana pada ziarah sakit? Padanya renungan.

(فَصَلَّ) فِي صَلَاةِ الْمَيِّتِ . (لِصَلَاتِهِ أَرْكَانٌ) سَبْعَةٌ أَحَدُهَا (نِيَّةٌ كَغَيْرِهَا) أَي كُنْيَةٌ غَيْرِهَا مِنْ الصَّلَوَاتِ فِي حَقِيقَتِهَا وَوَقْتِهَا وَالْإِكْتِفَاءِ بِنِيَّةِ الْفَرَضِ بِدُونِ تَعَرُّضٍ لِلْكَفَايَةِ وَغَيْرِ ذَلِكَ .

1111. ⁶⁴Fasal pada sembahyang mayat. (Bagi sembahyangnya rukun-rukun) yang tujuh. Satu daripadanya (niat, seperti selainnya) iaitu seperti niat sembahyang lain pada hakikatnya dan waktunya dan pada memada dengan niat fardhu tanpa menyentuh kifayah, dan selain demikian itu.

(وَلَا يَجِبُ) فِي الْحَاضِرِ (تَعْيِينُهُ) بِاسْمِهِ أَوْ نَحْوِهِ وَلَا مَعْرِفَتُهُ بَلْ يَكْفِي تَمْيِيزُهُ نَوْعَ تَمْيِيزِ كُنْيَةِ الصَّلَاةِ عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَوْ عَلَى مَنْ صَلَّى عَلَيْهِ الْإِمَامُ . (فَإِنْ عَيَّنَهُ) كَزَيْدٍ أَوْ رَجُلٍ (وَلَمْ يُشْرَ) إِلَيْهِ (فَأَخْطَأَ) فِي تَعْيِينِهِ فَبَانَ عَمْرًا أَوْ امْرَأَةً (لَمْ تَصِحَّ) صَلَاتُهُ لِأَنَّ مَا نَوَاهُ لَمْ يَقَعْ ، بِخِلَافِ مَا إِذَا أَشَارَ إِلَيْهِ . وَتَقَدَّمَ نَظِيرُهُ فِي " فَصَلَّ لِلْإِفْتِدَاءِ شَرْوُطٌ " . وَقَوْلِي وَلَمْ يُشْرَ مِنْ زِيَادَتِي . (وَإِنْ حَضَرَ مَوْتَى نَوَاهُمْ) أَي نَوَى الصَّلَاةَ عَلَيْهِمْ .

1112. (Tidak wajib) pada mayat yang hadir (menentukannya) dengan namanya atau umpamanya dan tidak mengenalinya, bahkan memada membezakannya dengan satu bentuk pembezaan seperti niat sembahyang keatas mayat ini atau keatas orang yang imam sembahyangkan. (Maka jika dia menentukannya) seperti Zaid atau lelaki (dan dia tidak mengisyarat) kepadanya (maka dia silap) pada menentukannya maka nyata mayat itu Umar atau perempuan (tidak sah) sembahyangnya kerana apa yang dia niatkan tidak jatuh, bersalahan keadaan apabila dia mengisyarat kepadanya. Telah terdahulu yang sebandingnya pada "Fasal, pada ikut imam itu ada beberapa syarat". Kata aku "dan dia tidak mengisyarat" daripada tambahan ku. (jika hadir banyak mayat dia niatkan mereka) iaitu dia niat sembahyang keatas mereka.

(وَ) ثَانِيهَا (قِيَامٌ قَادِرٌ) عَلَيْهِ كَغَيْرِهَا مِنْ الْفَرَائِضِ .

1113. Keduanya (berdiri orang yang kuasa) diatasnya seperti sembahyang lain daripada fardhu-fardhu.

(وَ) ثَالِثُهَا (أَرْبَعُ تَكْبِيرَاتٍ) لِاتِّبَاعِ. رَوَاهُ الشَّيْخَانُ. (فَلَوْ زَادَ عَلَيْهَا لَمْ تَبْطُلْ) صَلَاتُهُ لِاتِّبَاعِ رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَلِأَنَّهُ إِنَّمَا زَادَ ذِكْرًا، (أَوْ زَادَ إِمَامُهُ) عَلَيْهَا (لَمْ يُتَابَعُهُ) أَي لَا تَسُنُّ لَهُ مُتَابَعَتُهُ فِي الزَّائِدِ لِعَدَمِ سُنَّةِ لِلْإِمَامِ، (بَلْ يُسَلِّمُ أَوْ يَنْتَظِرُهُ) لَيْسَلَّمْ مَعَهُ وَهُوَ الْأَفْضَلُ لِتَأْكِيدِ الْمُتَابَعَةِ. وَتَعْبِيرِي بِزَادَ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِخَمْسٍ.

1114. Ketiganya (**empat takbir**) kerana ittiba'. Meriwayatkannya dua syeikh. (Maka kalau dia menambah di atasnya tidak batal) sembahyangnya kerana ittiba' yang diriwayatkan Muslim, dan kerana dia hanyalah menambah zikir, (atau imamnya menambah) di atasnya (tidak dia mengikutinya) iaitu tidak sunat dia mengikutinya pada yang lebih itu kerana ia tidak sunat bagi imam itu, (bahkan dia memberi salam atau menunggunya) untuk beri salam bersama dengannya yang mana ia terafdhal kerana kuat ikutan sembahyang. Ibarat aku dengan "menambah" lebih umum dari ibaratnya dengan "lima".

(وَ) رَابِعُهَا (قِرَاءَةُ الْفَاتِحَةِ) كَغَيْرِهَا مِنَ الصَّلَوَاتِ، وَلِأَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ قَرَأَ بِهَا فِي صَلَاةِ الْجِدَارَةِ وَقَالَ : لَتَعْلَمُوا أَنَّهَا سُنَّةٌ، رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ، (عَقَبَ) التَّكْبِيرَةَ (الْأُولَى) لِاتِّبَاعِ رَوَاهُ النَّيْهَقِيُّ. وَهَذَا مَا جَزَمَ بِهِ فِي التَّبْيَانِ تَبَعًا لِلْجُمْهُورِ وَلِظَاهِرِ نَصِّينَ لِلشَّافِعِيِّ. وَهُوَ الْمُفْتَى بِهِ، لَا بِمَا فِي الْأَصْلِ مِنْ أَنَّهَا بَعْدَ الْأُولَى أَوْ غَيْرِهَا، وَلَا بِمَا فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا مِنْ أَنَّهَا بَعْدَهَا أَوْ بَعْدَ الثَّانِيَةِ.

1115. Keempatnya (**bacaan fatihah**) seperti sembahyang lain, dan kerana Ibnu Abbas membacanya didalam sembahyang jenazah dan berkata : hendaklah kamu tahu bahawa ianya sunnah¹¹⁴, meriwayatkannya Bukhari, (**mengiringi**) takbir (**pertama**) kerana ittiba' yang diriwayatkan Baihaqi. Bacaannya selepas takbir pertama ini adalah apa yang dijazamkan didalam Tibyan⁶⁵ kerana mengikut jumhur ulamak dan kerana zahir dua nas bagi Syafi'e, dan ianya yang difatwakan dengannya, bukan dengan apa yang sabit didalam Asal daripada bahawa fatihah itu selepas yang pertama atau selainnya, dan bukan dengan apa yang didalam Raudhah seperti asalnya daripada bahawa ianya selepas yang pertama atau selepas yang kedua.

(وَ) خَامِسُهَا (صَلَاةٌ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) لِخَبَرِ أَبِي أُمَامَةَ { أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْبَرُوهُ أَنَّ الصَّلَاةَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَلَاةِ الْجِدَارَةِ مِنْ السُّنَّةِ }. رَوَاهُ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ. (عَقَبَ الثَّانِيَةَ) لِفِعْلِ السَّلْفِ وَالْخَلْفِ. وَتَسَدَّنِ الصَّلَاةَ عَلَى الْأَلِ فِيهَا وَالِدُعَاءَ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ عَقِبَهَا وَالْحَمْدُ قَبْلَ الصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

1116. Kelimanya (**selawat atas nabi sawm**) kerana khabar Abi Umamah ((bahawa beberapa lelaki daripada sahabat nabi sawm mengkhabarkan bahawa selawat atas nabi sawm didalam sembahyang jenazah itu sunnah)), meriwayatkannya Hakim dan dia mengesahkannya diatas syarat dua syeikh. (**mengiringi takbir kedua**) kerana perbuatan salaf dan khalaf. Sunat selawat atas keluarga nabi padanya dan doa bagi mukmin dan mukminat mengiringinya dan pujian sebelum selawat atas nabi sawm itu.

(وَ) سَادِسُهَا (دُعَاءٌ لِلْمَيِّتِ)، كَأَلَّهِمْ اِرْحَمَهُ (عَقَبَ الثَّلَاثَةَ). قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : وَلَا يُجْزَى فِي غَيْرِهَا بِإِلَّا خِلَافٍ. قَالَ : وَلَيْسَ لِتَخْصِيصِهِ بِهَا دَلِيلٌ وَاضِحٌ.

1117. Keenamnya (**doa bagi mayat**) seperti "اللَّهُمَّ اِرْحَمَهُ" (**mengiringi yang ketiga**). Katanya didalam Majmuk : tidak memada pada selainnya tanpa khilaf. Katanya : tidak ada dalil yang jelas bagi menentukan doa itu pada yang ketiga.

(وَ) سَابِعُهَا (سَلَامٌ كَغَيْرِهَا) أَي كَسَلَامِ غَيْرِهَا مِنَ الصَّلَوَاتِ فِي كَيْفِيَّتِهِ وَتَعَدُّدِهِ وَغَيْرِهَا.

1118. Ketujuhnya (**salam seperti selainnya**) iaitu seperti salam sembahyang lain pada kaifatnya dan bilangannya dan selain keduanya.

¹¹⁴ Iaitu jalan yang wajib.

(وَسُنَّ رَفْعَ يَدَيْهِ فِي تَكْبِيرَاتِهَا) حَذْوً مَنْكِبِيهِ، وَيَضَعُ يَدَيْهِ بَعْدَ كُلِّ تَكْبِيرَةٍ تَحْتَ صَدْرِهِ كَغَيْرِهَا مِنْ الصَّلَوَاتِ .
1119. (Sunat angkat dua tangan pada segala takbir-takbir) setentang dua kepala bahunya, dan meletakkan dua tangannya selepas setiap takbir dibawah dadanya, sama seperti sembahyang-sembahyang selainnya.

(وَتَعَوُّذٌ) لِأَنَّهُ لِلْقِرَاءَةِ . (وَإِسْرَارٌ بِهِ وَبِقِرَاءَةِ وَبِدُعَاءِ) لَيْلًا أَوْ نَهَارًا . رَوَى النَّسَائِيُّ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ عَنْ أَبِي
أَمَامَةَ أَنَّهُ قَالَ { مِنْ السُّنَّةِ فِي صَلَاةِ الْجِنَازَةِ أَنْ يُكَبَّرَ ثُمَّ يَفْرَأُ بِأَمِّ الْقُرْآنِ مُخَافَتَهُ، ثُمَّ يُصَلِّيَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ يَخُصُّ الدُّعَاءَ لِلْمَيِّتِ وَيُسَلِّمُ } . وَيُقَاسُ بِأَمِّ الْقُرْآنِ الْبَاقِي .

1120. (dan ta'awwuz) kerana ia untuk bacaan fatihah. (dan perlahan dengannya dan dengan
bacaan fatihah dan dengan doa) pada malam atau siang. Nasai'e meriwayatkan dengan sanad-
sanad yang sahih dari Abu Umamah bahawa dia berkata ((daripada sunnah pada sembahyang
jenazah itu bahawa dia bertakbir kemudian membaca ummul Quran xx, kemudian dia selawat
atas nabi sawm, kemudian dia mengkhususkan doa bagi mayat dan memberi salam)). Dikiaskan
dengan ummul Quran akan yang tinggal lagi.

(وَتَرَكَ افْتِتَاحَ وَسُورَةَ) لِطَوْلِهِمَا وَصَلَاةِ الْجِنَازَةِ مَبْنِيَّةٌ عَلَى التَّخْفِيفِ . وَذَكَرُ سَنِّ الْإِسْرَارِ بِالتَّعَوُّذِ وَالدُّعَاءِ
مَعَ سَنِّ تَرْكِ الْإِفْتِتَاحِ وَالسُّورِ مِنْ زِيَادَتِي .

1121. (dan meninggalkan iftitah dan surah) kerana keduanya panjang sedangkan sembahyang
jenazah dibina diatas meringankannya. Menyebutkan sunat perlahan pada ta'awwuz dan doa serta
sunat meninggalkan iftitah dan surah daripada tambahan ku.

(وَأَنْ يَقُولَ فِي الثَّلَاثَةِ : اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّدِنَا، إِلَى آخِرِهِ) . تَتَمَّتُهُ كَمَا فِي الْأَصْلِ { وَمَيِّتِنَا وَشَاهِدِنَا وَعَائِدِنَا
وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذَكَرِنَا وَأُنثَانَا اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ
{ . رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُمَا . وَزَادَ غَيْرُ التِّرْمِذِيِّ { اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنْنَا بَعْدَهُ } .

1122. (dan bahawa dia berkata pada yang kedua "ya Allah ampuni yang hidup dari
kalangan kami"). Kesempurnaannya sepertimana didalam Asal ((dan yang mati dari kalangan
kami dan yang hadhir dari kalangan kami dan yang ghaib dari kalangan kami dan yang kecil dari
kalangan kami dan yang besar dari kalangan kami dan yang lelaki dari kalangan kami dan yang
perempuan dari kalangan kami. Ya Allah orang yang Engkau hidupkan dari kalangan kami maka
hidupkan dia diatas Islam dan orang yang Engkau matikan dari kalangan kami maka matikan dia
didasar iman)). Meriwayatkannya Abu Daud dan Turmizi dan selain kedua mereka. Selain
Turmizi menambah ((ya Allah jangan Engkau tahan kami dari pahalanya dan jangan Engkau
fitnahkan kami selepasnya)).

(ثُمَّ : اللَّهُمَّ هَذَا عَبْدُكَ، إِلَى آخِرِهِ) . تَتَمَّتُهُ وَابْنُ عَبْدِكَ خَرَجَ مِنْ رُوحِ الدُّنْيَا وَسَعَتَهَا أَيُّ نَسِيمٍ رِيحَهَا
وَأَسَاعَهَا وَمَحْبُوبِهِ وَأَحِبَّانِهِ فِيهَا أَيُّ مَا يُحِبُّهُ وَمَنْ يُحِبُّهُ إِلَى ظِلْمَةِ الْقَبْرِ وَمَا هُوَ لِأَقْبِيهِ أَيُّ مِنْ الْأَهْوَالِ كَانَ
يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ . اللَّهُمَّ إِنَّهُ نَزَلَ بِكَ وَأَنْتَ خَيْرُ مَنْزُولٍ بِهِ
وَأَصْبَحَ فَقِيرًا إِلَى رَحْمَتِكَ وَأَنْتَ غَنِيٌّ عَنْ عَذَابِهِ وَقَدْ جُنْنَاكَ رَاغِبِينَ إِلَيْكَ شُفْعَاءَ لَهُ اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ مُحْسِنًا فَزِدْ
فِي إِحْسَانِهِ، وَإِنْ كَانَ مُسِيئًا فَتَجَاوَزْ عَنْهُ وَلَقَدْ بِرَحْمَتِكَ رِضَاكَ وَقَدْ فَتَنَّا الْقَبْرَ وَعَذَابَهُ وَأَفْسَحَ لَهُ فِي قَبْرِهِ
وَجَافَ الْأَرْضَ عَنْ جَنَبِيهِ وَلَقَدْ بِرَحْمَتِكَ الْأَمْنُ مِنْ عَذَابِكَ حَتَّى تَبْعَثَهُ أَمَّا إِلَى جَنَّتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ . جَمَعَ
الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ذَلِكَ مِنَ الْأَحَادِيثِ وَاسْتَحْسَنَهُ الْأَصْحَابُ . وَهَذَا فِي الْبَالِغِ الذِّكْرِ . أَمَّا الصَّغِيرُ فَسَيَأْتِي
مَا يَقُولُ فِيهِ .

1123. (Kemudian "ya Allah ini hamba Mu, hingga akhirnya). Kesempurnaannya "dan anak
lelaki dua hamba Mu, dia keluar dari kesenangan dunia dan keluasannya, iaitu tiupan sepoi
anginnya dan kelapangannya, sedang apa yang dikasihinya dan orang yang dikasihinya
didalamnya kepada gelap kubur dan apa yang dia bertemu dengannya, iaitu daripada huru hara,

sentiasalah dia bersaksi tidak ada Tuhan melainkan Engkau dan bahawa Muhammad hamba dan rasul Mu, dan Engkau mengetahuinya. Yang Allah sesungguhnya dia berhenti pada Mu dan Engkau sebaik-baik orang yang berhenti sesorang padanya, dan jadilah dia fakir kepada rahmat Mu dan Engkau kaya dari mengazabnya, sesungguhnya kami datang kepada Mu dalam keadaan gemarkan syufaat Mu terhadapnya. Ya Allah jika dia orang baik maka tambahkan kebaikannya dan jika dia orang jahat maka ampunilah dia, dan temukan dia dengan rahmat Mu akan keredhaan Mu dan peliharalah dia dari fatnah kubur dan azabnya dan lapangkanlah dia didalam kuburnya dan renggangkanlah bumi dari dua lambungnya dan temukan dia dengan rahmat Mu akan sentosa dari azab Mu hingga Engkau bangkitkan dia dalam keadaan aman sentosa, wahai yang pengasih dari segala yang mengasih". Syafi'e menghimpunkan demikian itu semua dari hadith-hadith dan para sahabatnya membilangnyanya elok. Ini pada lelaki dewasa, adapun pada budak lelaki kecil maka akan datang apa yang musalli katakan padanya.

وَأَمَّا الْمَرْأَةُ فَيَقُولُ فِيهَا : هَذِهِ أَمْتُكَ وَبِنْتُ عَبْدِكَ، وَيُؤْنَتُ ضَمَائِرَهَا، أَوْ يَقُولُ مِثْلَ مَا مَرَّ عَلَيَّ إِرَادَةَ الشَّخْصِ أَوْ الْمَيِّتِ. وَأَمَّا الْخُنْثَى فَقَالَ الْإِسْنَوِيُّ الْمُنْجَبُ التَّعْبِيرُ فِيهِ بِالْمَمْلُوكِ وَنَحْوِهِ.

1124. Adapun perempuan maka dia katakan padanya : ini hamba perempuan Mu dan anak perempuan bagi dua hamba Mu, dan dia menta'nithkan dhamir-dhamirnya, atau dia mengatakan seumpama apa yang telah lalu diatas menghendaki seorang atau mayat. Adapun khunsa maka kata Isnawi : yang ada wajah adalah ibarat padanya dengan "orang yang dimiliki" dan umpamanya.

(وَ) أَنْ (يَقُولُ فِي صَدْعٍ مَعَ) الدُّعَاءِ الْأَوَّلِ { اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ أَيَّ الصَّغِيرِ فَرَطًا لِأَبِيهِ { أَيَّ سَابِقًا مُهَيَّبًا مَصَالِحَهُمَا فِي الْآخِرَةِ (إِلَى آخِرِهِ). تَتَمَّتْهُ كَمَا فِي الْأَصْلِ : وَسَدَقًا وَذُخْرًا بِدَالٍ مُعْجَمَةٌ وَعِظَةٌ أَيَّ مَوْعِظَةٌ وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا، وَثَقُلَ بِهِ مَوَازِينَهُمَا وَأَفْرَغَ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا. زَادَ فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا : وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهُ. وَتَقَدَّمَ فِي خَبَرِ الْحَاكِمِ { أَنْ السَّفَطُ يُدْعَى لَوَالِدَيْهِ بِالْعَافِيَةِ وَالرَّحْمَةِ }.

1125. (dan) bahawa dia kata pada budak kecil beserta dengan doa yang pertama itu "ya Allah jadikan dia orang yang mendahului lagi menyediakan maslahat kedua mereka diakhirat" (**hingga akhirnya**). Kesempurnaannya sepertimana didalam asal "dan orang yang mendului dan harta taruhan dan nasihat dan iktibar dan pemberi bantuan, dan beratkan timbangan kedua mereka dan tuangilah sabar keatas mereka". Nawawi menambah didalam Raudhah seperti asalnya "dan jangan Engkau fitnahkan mereka selepasnya dan jangan Engkau tegah mereka dari ganjarannya. Terdahulu pada khabar Hakim ((bahawa anak guguran didoakan bagi dua ibu bapanya dengan sihat dan rahmat)).

(وَ) أَنْ يَقُولُ (فِي الرَّابِعَةِ : اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا) بِفَتْحِ التَّاءِ وَضَمِّهَا (أَجْرَهُ) أَيَّ أَجْرَ الصَّلَاةِ عَلَيْهِ أَوْ أَجْرَ الْمُصِيبَةِ (وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ) أَيَّ بِالِابْتِلَاءِ بِالْمَعَاصِي، لِفِعْلِ السَّلْفِ وَالْخَلْفِ وَلِأَنَّ ذَلِكَ مُنَاسِبٌ لِلْحَالِ.

1126. (dan) bahawa dia kata (pada takbir keempat "ya allah jangan Engkau tegah kami dari ganjarannya) iaitu pahala sembahyang keatasnya atau ganjaran musibah itu (**dan jangan Engkau fitnahkan kami selepasnya**) dengan dikenakan bala dengan sebab maksiat-maksiat, kerana perbuatan salaf dan khalaf dan kerana demikian itu sesuai dengan keadaan.

1173. (dan) bahawa (memasukkannya) kedalam kubur oleh (orang yang lebih berhak dengan sembahyang) keatasnya (nisbah darjat), maka tidak memasukkan dia walaupun perempuan melainkan lelaki bila mereka itu ada, kerana lemah selain mereka dari demikian itu ghalibnya dan kerana khabar Bukhari ((bahawa nabi sawm menyuruh Abu Talhah turun kedalam kubur anak perempuannya)), namanya Ummi Kalthum. Jatuh didalam Majmuk kerana mengikut seorang perawi bagi khabar ini bahawa ianya Ruqayyah. Bukhari menolaknya didalam Tarikh Awsat-nya dengan bahawa nabi sawm tidak menghadhiri kematian Ruqayyah kerana dia berada di Badar. Dan yang maklum bahawa ada bagi anak perempuannya itu mahram-mahram perempuan seperti Fatimah. Na'am, sunat bagi perempuan sepertimana didalam Majmuk menanggung mayat perempuan dari tempat mandinya hingga kepada pengusungnya dan menyerahkannya kepada orang yang didalam kubur dan mengungkai pakaiannya didalam kubur.

Keluar dengan tambahan ku "darjat" oleh orang yang lebih berhak dengan sembahyang nisbah sifat, dan ianya telah diketahui pada mandi.

(لَكِنَّ الْأَحَقَّ فِي أَنْتَى رَوْجٍ)، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَقٌّ فِي الصَّلَاةِ لِأَنَّ مَنْظُورَهُ أَكْثَرُ، (فَمَحْرَمٌ) الْأَقْرَبُ فَالْأَقْرَبُ، (فَعَبْدُهَا) لِأَنَّهُ كَالْمَحْرَمِ فِي النَّظَرِ وَنَحْوِهِ، (فَمَمْسُوحٌ فَمَجْبُوبٌ فَخَصِيٌّ) لَضَعْفِ شَهْوَتِهِمْ، وَرَتَّبُوا كَذَلِكَ لِتَفَاوُتِهِمْ فِيهَا، (فَعَصْبَةٌ) لَا مَحْرَمِيَّةَ لَهُمْ كِبْنِي عَمِّ وَمُعْتَقٍ، وَعَصْبَتُهُ كَدَرْتُهُمْ فِي الصَّلَاةِ، فَذُو رَحِمٍ كَذَلِكَ كِبْنِي خَالَ وَبَنِي عَمَّةٍ، (فَالْأَجْنَبِيُّ صَالِحٌ). فَإِنْ اسْتَوَى اثْنَانِ فِي الدَّرَجَةِ وَالْفَضِيلَةِ وَتَنَازَعَا أُقْرِعَ كَمَا مَرَّتِ الْإِشَارَةُ إِلَيْهِ. وَقَوْلِي فَمَحْرَمٌ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

1174. (Akan tetapi yang lebih berhak pada perempuan adalah suaminya) sekalipun dia tidak punya hak pada sembahyang kerana pandangannya lebih banyak, (maka mahram) yang lebih dekat maka yang lebih dekat, (maka hamba lelakinya) kerana dia seperti mahram pada pandangannya dan umpamanya, (maka yang mamsuh maka yang majzub maka yang dikhasi) kerana lemah syahwat mereka itu, dan disusun mereka seperti demikian itu kerana berlebih kurang mereka padanya, (maka lelaki 'asabah) yang tidak ada status mahram bagi mereka seperti anak lelaki bapa saudara dan mu'tiq dan 'asabahnya, seperti tertib mereka pada sembahyang, maka lelaki zawil arham begitu juga seperti anak lelaki bapa saudara belah emak dan anak lelaki emak saudara belah bapa, (maka lelaki ajnabi yang soleh). Maka jika sama dua orang pada satu darjat dan fadhilat dan keduanya berebut diundi sepertimana telah lalu isyarat kepadanya. Kata aku "maka mahram lelaki" hingga akhirnya adalah daripada tambahan ku.

(وَ) سُنَّ (كَوْنُهُ) أَي الْمُدْخَلُ لَهُ الْقَبْرِ (وَتَرَا)، وَاحِدًا فَأَكْثَرَ بِحَسَبِ الْحَاجَةِ كَمَا فَعَلَ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَدْ رَوَى ابْنُ حِبَّانٍ أَنَّ الدَّافِنِينَ لَهُ كَانُوا ثَلَاثَةً، وَأَبُو دَاوُدَ أَنَّهُمْ كَانُوا خَمْسَةً.

1175. (dan) sunat (keadaannya) iaitu orang-orang yang memasukkannya kedalam kubur (ganjil), seorang maka lebih sekira-kira hajat sepertimana dibuat dengan rasulullah sawm. Maka sesungguhnya Ibnu Hibban meriwayatkan bahawa orang-orang yang mengkebumikannya tiga orang, dan Abu Daud bahawa mereka itu lima orang.

(وَ) سُنَّ (سَتْرُ الْقَبْرِ بِثَوْبٍ) عِنْدَ الدَّفْنِ لِأَنَّهُ رَبَّمَا يَنْكَشِفُ مِنَ الْمَيِّتِ شَيْءٌ فَيُظْهِرُ مَا يُطْلَبُ إِخْفَاؤُهُ. (وَهُوَ لِغَيْرِ ذِكْرِ) مِنْ أَنْتَى وَخُنْتَى (أَكَّدَ) اِحْتِيَاظًا. وَالتَّصْرِيحُ بِهَذَا مِنْ زِيَادَتِي.

1176. (dan) sunat (tutup kubur dengan kain) ketika pengkebumian kerana terkadang tersingkap suatu daripada mayat maka zahir apa yang dituntut menyembunyikannya. (Ianya bagi selain lelaki) daripada perempuan dan khunsa (lebih kuat dituntut) kerana cermat. Penjelasan dengan ini daripada tambahan ku.

(وَ) أَنْ (يَقُولَ) مُدْخَلُهُ (بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) لِلاتِّبَاعِ وَلِلْأَمْرِ بِهِ، رَوَاهُمَا التِّرْمِذِيُّ وَحَسَنَتُهُمَا، وَفِي رِوَايَةٍ وَعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. (وَ) أَنْ (يُوضَعُ فِي الْقَبْرِ عَلَى يَمِينِهِ) كَمَا فِي الْإِضْطِجَاعِ عِنْدَ النَّوْمِ. وَتَعْبِيرِي كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ بِالْقَبْرِ أَعْمٌ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِاللَّحْدِ.

1177. (dan) bahawa (orang yang memasukkannya membaca "dengan nama Allah dan diatas ugama rasulullah sawm") kerana ittiba' dan kerana suruhan dengannya yang diriwayatkan keduanya oleh Turmizi dan dia membilang keduanya hasan. Pada satu riwayat "dan diatas sunnah rasulullah sawm". (dan) bahawa (diletakkan dia didalam kubur diatas kanannya) sepertimana pada mengereng disisi tidur. Ibarat aku sepertimana didalam Majmuk dengan kubur lebih umum dari ibaratnya dengan lahad.

(وَيُوجَّهُ) لِلْقَبْلَةِ (وَجُوبًا) تَنْزِيلًا لَهُ مَنْزِلَةَ الْمُصَلِّيِّ. فَلَوْ وَجَّهَ لِغَيْرِهَا نُبِشَ كَمَا سَدَّيَاتِي، أَوْ لَهَا عَلَى يَسَارِهِ كَرَهُ وَلَمْ يُنْبَشْ. وَالتَّصْرِيحُ بِالْوُجُوبِ مِنْ زِيَادَتِي.

1178. (**dan dihadapkan**) kekiblat (**diatas jalan wajib**) kerana menempatkannya pada kedudukan orang sembahyang. Maka kalau dihadapkan dia kepada selainnya dibongkar dia sepertimana akan datang, atau kearah kiblat dan diatas kirinya makruh dan tidak dibongkar. Penjelasan dengan wajib itu daripada tambahan ku.

(وَ) أَنْ (يُسَدَّ وَجْهَهُ) وَرِجْلَاهُ (إِلَى جِدَارِهِ) أَيْ الْقَبْرِ (وَظَهْرُهُ بِنَحْوِ لَبْنَةٍ) كَحَجَرٍ حَتَّى لَا يَنْكَبَّ وَلَا يَسْتَلْقِي، وَيَرْفَعُ رَأْسَهُ بِنَحْوِ لَبْنَةٍ، وَيُفْضَى بِحَدِّهِ الْأَيْمَنِ إِلَيْهِ وَإِلَى الثَّرَابِ، (وَ) أَنْ (يُسَدَّ فَتْحَهُ) بِفَتْحِ الْفَاءِ وَسُكُونِ التَّاءِ (بِنَحْوِ لَبْنٍ) كَطِينٍ بِأَنْ يُبْنَى بِذَلِكَ ثُمَّ تَسُدُّ فَرْجَهُ بِكِسْرِ لَبْنٍ وَطِينٍ أَوْ نَحْوِهِمَا لِأَنَّ ذَلِكَ أَتْلَعُ فِي صَيَاةِ الْمَيِّتِ مِنَ النَّبْشِ وَمِنْ مَنَعَ الثَّرَابِ وَالْهَوَامَّ. وَنَحْوُ مِنْ زِيَادَتِي.

1179. (**dan**) bahawa (**disandarkan mukanya**) dan dua kakinya (**kepada dinding**) kubur¹²⁶ (**dan belakangnya dengan umpama bata mentah**) seperti tanah hingga dia tidak tersembam dan tidak menelentang, dan diangkatkan kepalanya dengan umpama bata mentah, dan disentuhkan pipinya yang kanan kepadanya dan kepada tanah, (**dan**) bahawa (**ditutup bukaannya dengan umpama bata mentah**) seperti tanah, dengan bahawa dibina ia dengan demikian itu kemudian disumbat lubang-lubangnya dengan pecah-pecahan bata mentah atau umpama keduanya, kerana demikian itu lebih mendalam pada memelihara mayat dari dibongkar dan pada menegah tanah dan serangga. Umpama daripada tambahan ku.

(وَكُرْهٍ) أَنْ يُجْعَلَ لَهُ (فُرْشٌ وَمَحْدَةٌ) بِكِسْرِ الْمِيمِ (وَصُنْدُوقٌ لَمْ يَحْتَجْ إِلَيْهِ) لِأَنَّ فِي ذَلِكَ إِضَاعَةَ مَالٍ. أَمَّا إِذَا أُحْتِيجَ إِلَى صُنْدُوقٍ لِنَدَاوَةِ وَنَحْوِهَا كَرَخَاوَةٍ فِي الْأَرْضِ فَلَا يَكْرَهُ. وَلَا تَنْفَذُ وَصِيَّتُهُ بِهِ إِلَّا حِينَئِذٍ.

1180. (**Makruh**) dibuatkan baginya (**hamparan dan bantal dan peti yang tidak diperlukan kepadanya**) kerana demikian itu mensia-siakan harta. Adapun apabila diperlukan kepada peti kerana tanah berair dan umpamanya seperti tanah peroi maka tidak makruh. Tidak lulus wasiat dengannya melainkan ketika itu.

(وَجَازٍ) بَلَا كَرَاهَةٍ (دَفْنُهُ لَيْلًا) مُطْلَقًا (وَوَقْتُتْ كَرَاهَةٌ صَلَاةٌ لَمْ يَتَحَرَّهُ) بِالْإِجْمَاعِ، بِخِلَافِ مَا إِذَا تَحَرَّاهُ، فَلَا يَجُوزُ. وَعَلَيْهِ حُمْلُ خَيْرِ مُسْلِمٍ عَنْ { عَفْبَةَ بْنِ عَامِرٍ ثَلَاثَ سَاعَاتٍ نَهَانَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الصَّلَاةِ فِيهِنَّ وَأَنَّ نَقْبَرَهُنَّ فِيهِنَّ مَوْتَانَا، وَذَكَرَ وَقْتُتْ الْإِسْتِوَاءِ وَالطُّلُوعِ وَالْغُرُوبِ }.

1181. (**Harus**) tanpa karahah (**menanamnya pada malam hari**) semata-mata (**dan pada waktu karahan sembahyang yang dia tidak mencari-carinya**) dengan ijmak, bersalahan keadaan apabila dia mencari-carinya maka tidak harus. Diatasnya ditanggungkan khabar Muslim dari ((Uqbah bin Amir : tiga masa yang rasulullah swm tegah kami dari sembahyang padanya dan bahawa kami kuburkan orang mati kami, dan dia menyebutkan waktu istiwa' dan terbit matahari dan tenggelamnya)).

(وَالسُّنَّةُ) لِلدَّفْنِ (غَيْرُهُمَا) أَيْ غَيْرُ اللَّيْلِ وَغَيْرُ وَقْتِ الْكَرَاهَةِ. وَتَعْبِيرِي بِهَذَا الْمُوَافِقِ لِعِبَارَةِ الرَّوَضَةِ أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَغَيْرُهُمَا أَفْضَلُ، وَإِنْ أَوْلُ أَفْضَلُ بِمَعْنَى فَاضِلٍ.

1182. (**Sunnah**) pada tanam mayat (**selain keduanya**) iaitu selain malam dan selain waktu karahah. Ibarat aku dengan ini yang muafakat dengan ibarat Raudhah adalah terutama dari katanya "dan sealin keduanya" sekalipun ditakwilkan yang terafdhal dengan makna yang afdhal.

(وَدَفْنٌ بِمَقْبَرَةٍ أَفْضَلُ) مِنْهُ بِغَيْرِهَا لَيْتَالُ الْمَيِّتُ دُعَاءَ الْمَارِيْنَ وَالرَّائِرِيْنَ.

1183. (**Tanam mayat pada kawasan kuburan terafdhal**) dari tanam pada selainnya supaya dia mencapai doa orang yang lalu dan yang ziarah.

¹²⁶ Bukan lahad atau parit itu.

(وَكُرِهَ مَبِيتُ بِهَا) لِمَا فِيهِ مِنَ الْوَحْشَةِ (وَدَفْنُ اثْنَيْنِ مِنْ جِنْسٍ) ذَكَرَيْنِ أَوْ اُثْنَيْنِ ابْتِدَاءً (بِقَبْرِ) بِمَحَلٍّ وَاحِدٍ (إِلَّا لِضُرُورَةٍ) كَثْرَةَ الْمَوْتَى لَوَبَاءٍ أَوْ غَيْرِهِ، (فَيُقَدَّمُ) فِي دَفْنِهِمَا إِلَى جِدَارِ الْقَبْرِ (أَفْضَلُهُمَا)، لِأَنَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { كَانَ يَجْمَعُ بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ مِنْ قَتْلَى أَحَدٍ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ ثُمَّ يَقُولُ أَيُّهُمَا أَكْثَرُ أَخْذًا لِلْقُرْآنِ؟ فَأَذَا أَشِيرَ إِلَى أَحَدِهِمَا قَدَّمَهُ فِي اللَّحْدِ }.

1184. (Makruh bermalam dikuburan) kerana apa yang sabit padanya daripada liar hati, (dan menanam dua orang dari satu jenis), dua lelaki atau dua perempuan dari mula-mula (pada satu kubur) pada tempat yang satu, (melainkan kerana dharurat) seperti banyak orang mati kerana wabak atau selainnya, (maka didulukan) pada menanam kedua mereka kepada dinding kubur (akan yang terafdhal daripada kedua mereka) kerana nabi sawm ((pernah menghimpunkan diantara dua lelaki daripada orang-orang yang terbunuh pada perang Uhud didalam sehelai kain kemudian berkata : mana satu daripada kedua mereka lebih banyak mengambil Quran? Maka bila diisyaratkan kepada seorang daripadanya dia mendulukannya didalam lahad)).

(لَا فَرْعٌ) فَلَا يُقَدَّمُ (عَلَى أَصْلِ) مِنْ جِنْسِهِ، فَيُقَدَّمُ الْأَبُ عَلَى الْإِبْنِ وَإِنْ كَانَ أَفْضَلَ مِنْهُ لِحُرْمَةِ الْأَبْوَةِ، وَالْأُمُّ عَلَى الْبِنْتِ وَإِنْ كَانَتْ أَفْضَلَ مِنْهَا لِحُرْمَةِ الْأُمُومَةِ مَعَ التَّسَاوِي فِي الْأَنْوَاثَةِ، بِخِلَافِ مَا إِذَا كَانَ مِنْ غَيْرِ جِنْسِهِ فَيُقَدَّمُ الْإِبْنُ عَلَى أُمِّهِ لِفَضِيلَةِ الذَّكَورَةِ. (وَلَا صَبِيٌّ عَلَى رَجُلٍ)، بَلْ يُقَدَّمُ الرَّجُلُ عَلَيْهِ وَإِنْ كَانَ أَفْضَلَ مِنْهُ. وَالتَّصْرِيحُ بِكَرَاهَةِ الدَّفْنِ مَعَ قَوْلِي مِنْ جِنْسٍ وَقَوْلِي لَا فَرْعٌ إِلَى آخِرِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

1185. (tidak fara'), maka tidak didulukan dia (diatas asal) yang dari jenisnya, maka didulukan bapa diatas anak lelaki sekalipun anak itu terafdhal darinya kerana kemuliaan status bapa, dan didulukan ibu diatas anak perempuan, sekalipun anak itu terafdhal darinya kerana kehormatan status ibu serta sama pada status perempuan, bersalahan keadaan bila dia dari selain jenisnya, maka didulukan anak lelaki diatas ibunya kerana fadhilat status lelaki, (dan tidak kanak-kanak lelaki diatas lelaki dewasa), bahkan didulukan lelaki diatasnya sekalipun dia terafdhal darinya. Penjelasan dengan makruh kebumi mayat itu serta kata ku "dari satu jenis" dan kata aku " tidak fara' " hingga akhirnya adalah daripada tambahan ku.

وَخَرَجَ بِالْجِنْسِ مَا لَوْ كَانَا مِنْ جِنْسَيْنِ حَقِيقَةً كَذَكَرٍ وَأُنْثَى أَوْ اِحْتِمَالًا كَخُنْثَيْنِ. فَإِنْ كَانَ بَيْنَهُمَا مَحْرَمِيَّةٌ أَوْ رَوْجِيَّةٌ أَوْ سَيِّدِيَّةٌ كُرِهَ دَفْنُهُمَا بِقَبْرِ. وَالْأَبُ، حَرَمٌ بَلَا تَأْكُدُ ضَرُورَةً. وَحَيْثُ جُمِعَ بَيْنَ اثْنَيْنِ جُعِلَ بَيْنَهُمَا حَاجِزٌ تُرَابٌ، وَقَدَّمَ مِنْ جِنْسَيْنِ الذَّكَرُ ثُمَّ الْخُنْثَى ثُمَّ الْمَرْأَةُ وَتَقَدَّمَ بَعْضُ ذَلِكَ.

1186. Keluar dengan satu jenis oleh keadaan kalau keduanya dari dua jenis pada hakikat seperti lelaki dan perempuan atau ihtimal seperti dua khunsa, maka jika ada status mahram diantara keduanya atau perkahwinan atau status penghulu makruh menanam keduanya pada satu kubur. Jika tidak, haram ia tanpa kuat dharurat. Dan sekira-kira dihimpunkan diantara dua mayat dijadikan diantara keduanya pembahagi dari tanah dan didulukan dari dua jenis akan lelaki kemudian khunsa kemudian perempuan. Telah terdahulu sebahagian demikian itu.

(وَسُنَّ لِمَنْ دَنَا) مِنَ الْقَبْرِ بِأَنْ كَانَ عَلَى شَفِيرِهِ كَمَا عَبَّرَ بِهِ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ (ثَلَاثَ حَثِيَّاتٍ تُرَابٍ) بِيَدَيْهِ جَمِيعًا { لِأَنَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتًّا مِنْ قَبْلِ رَأْسِ الْمَيِّتِ ثَلَاثًا }، رَوَاهُ النَّبَيْهَقِيُّ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ سِنَانٍ جَدِيدٌ. وَيُسْنُّ أَنْ يَقُولَ مَعَ الْأُولَى { مِنْهَا خَلْقَاتُكُمْ } وَمَعَ الثَّانِيَةِ { وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ } وَمَعَ الثَّلَاثَةِ { وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى }.

1187. (Sunat bagi orang yang dekat) dengan kubur, dengan bahawa dia diatas tubirnya sepertimana Syafi'e r.a ibaratkan (meraup tiga raup tanah) dengan kedua-dua tangannya sekali ((kerana nabi sawm meraup dari sebelah kepala mayat tiga raup)), meriwayatkannya Baihaqi dan selainnya dengan sanad-sanad yang baik. Sunat bahawa dia membaca serta dengan yang pertama

"darinya Kami jadikan kamu" dan serta yang kedua "dan padanya Kami kembalikan kamu" dan serta yang ketiga "dan darinya Kami keluarkan kamu sekali lagi".

(وَ) سُنَّ (أَنْ يُهَالَ) عَلَيْهِ (بِمَسَاحٍ) أَوْ مَا فِي مَعْنَاهَا إِسْرَاعًا لِتَكْمِيلِ الدَّفْنِ. وَيُسَنُّ أَنْ لَا يُزَادَ عَلَى تَرَابِ الْقَبْرِ لئَلَّا يَعْظَمَ شَخْصُهُ.

1188. Sunat (**bahawa dikambuskan**) keatasnya (**dengan cangkul**) atau apa yang pada maknanya kerana mencepatkan sempurna tanam itu. Sunat bahawa tidak ditambahkan keatas tanah kubur supaya tidak besar tambunnya.

(فَتَمَكَّتْ جَمَاعَةٌ) عِنْدَهُ سَاعَةً (يَسْأَلُونَ لَهُ التَّثْبِيتَ)، لِلاتِّبَاعِ رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَ إِسْنَادَهُ.

1189. (**Maka diam tetap satu kumpulan**) disisinya seketika (**memohon ketetapan baginya**) kerana ittiba' yang diriwayatkan Abu Daud dan Hakim dan dia mengesahkan sanad-sanadnya.

(وَ) أَنْ (يُرْفَعَ الْقَبْرُ شِبْرًا) تَقْرِيْبًا لِيُعْرَفَ فَيَزَارَ وَيُحْتَرَمَ، وَلِأَنَّ قَبْرَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رُفِعَ نَحْوُ شِبْرٍ، رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانٍ فِي صَحِيحِهِ. فَإِنْ لَمْ يَرْتَفِعْ تَرَابُهُ شِبْرًا فَأَلْوَجَهُ أَنْ يُزَادَ. وَخَرَجَ بِزِيَادَتِي (بِدَارِنَا) مَا لَوْ مَاتَ مُسْلِمٌ بِدَارِ الْكُفَّارِ فَلَا يُرْفَعُ قَبْرُهُ بَلْ يُخْفَى لئَلَّا يَتَعَرَّضُوا لَهُ إِذَا رَجَعَ الْمُسْلِمُونَ. وَالْحَقُّ بِهَا الْأَدْرَعِيُّ الْأَمْكِنْدَةُ الَّتِي يُخَافُ نَبْشَهَا لِسَرَقَةِ كَفْنِهِ أَوْ لِعِذَاوَةِ أَوْ لِنَحْوِهِمَا.

1190. (**dan**) bahawa (**ditinggikan kubur sejengkal**) lebih kurang supaya ia diketahui maka dizarahi dan dihormati, dan kerana kubur nabi sawm ditinggikan kadar sejengkal, meriwayatkannya Ibnu Hibban didalam Sahihnya. Maka jika tanahnya tidak menjadi tinggi kadar sejengkal maka yang paling ada wajah bahawa ia ditambah. Keluar dengan tambahan ku (**pada negeri kita**) oleh keadaan kalau orang Islam mati dinegeri kafir, maka tidak ditinggikan kuburnya, bahkan disulitkan supaya mereka tidak menggangukannya bila orang Islam balik. Azrai'e menghubungkan dengannya tempat-tempat yang ditakuti akan dibongkar kerana curi kafan atau kerana perseteruan atau kerana umpama keduanya.

(وَتَسْطِیحُهُ أَوْلَى مِنْ تَسْنِيمِهِ) كَمَا فَعَلَ بِقَبْرِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَبْرِي صَاحِبِيهِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ.

1191. (**M mendatarkannya terutama dari membonggolkannya**) sepertimana dibuat pada kubur nabi sawm dan dua sahabatnya. Meriwayatkannya Abu Daud dengan sanad-sanad yang sahih.

(وَكُرِهَ جُلُوسٌ وَوَطْءٌ عَلَيْهِ) لِلنَّهْيِ عَنْهُمَا. رَوَاهُ فِي الْأَوَّلِ مُسْلِمٌ وَفِي الثَّانِي التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ حَسَنٌ صَحِيحٌ. وَفِي مَعْنَاهُمَا الْإِتِّكَاءُ عَلَيْهِ وَالِاسْتِنَادُ إِلَيْهِ. وَبِهِمَا صَرَخَ فِي الرَّوْضَةِ. (بِلَا حَاجَةَ)، مِنْ زِيَادَتِي مَعَ التَّصْرِيحِ بِالْكَرَاهَةِ. فَإِنْ كَانَ لِحَاجَةٍ بَأَنْ لَا يَصِلَ إِلَى مَيِّتِهِ أَوْ لَا يَتِمَّكَنَ مِنَ الْحَفْرِ إِلَّا بِوَطْنِهِ فَلَا كَرَاهَةَ.

1192. (**Makruh duduk dan jижak diatasnya**) kerana tegahan dari keduanya. Meriwayatkannya pada yang pertama oleh Muslim dan pada yang kedua Turmizi dan katanya : hasan lagi sahih. Pada makna keduanya adalah berteleang diatasnya dan bersandar kepadanya. Dengan keduanya Nawawi menjelaskan didalam Raudhah. (**tanpa hajat**), daripada tambahan ku serta penjelasan dengan makruhnya. Maka jika ianya kerana hajat dengan bahawa dia tidak sampai kepada mayatnya atau tidak dapat menggali melainkan dengan menjijaknya maka tidak ada karahah.

(وَ) كُرِهَ (تَجْصِيصُهُ) أَي تَبْيِيصُهُ بِالْحِصِّ وَهُوَ الْحَبْسُ وَقِيلَ الْحَبْرُ وَالْمُرَادُ هُنَا هُمَا أَوْ أَحَدُهُمَا (وَكِتَابَةٌ) عَلَيْهِ سِوَاءَ أَكْتَبَ عَلَيْهِ اسْمَ صَاحِبِهِ أَمْ غَيْرَهُ فِي لُوحٍ عِنْدَ رَأْسِهِ أَمْ فِي غَيْرِهِ (وَبِنَاءٌ عَلَيْهِ) كَقَبَّةٍ أَوْ بَيْتٍ لِلنَّهْيِ عَنِ الثَّلَاثَةِ رَوَاهُ فِيهَا التِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَفِي الْأَوَّلِ وَالثَّلَاثِ مُسْلِمٌ وَخَرَجَ بِتَجْصِيصِهِ تَطْيِينُهُ خِلَافًا لِلْإِمَامِ وَالْغُرَالِيِّ.

1193. Makruh (**memutihkannya dengan al jish**). Ianya kapur simen dan dikatakan simen⁶⁸. Yang dikehendaki disini adalah kedua-duanya atau satu daripada keduanya. (**dan menulis**) diatasnya, sama sahaja samaada dituliskan diatasnya nama tuannya atau selainnya, pada papan disisi kepalanya atau pada selainnya, (**dan binaan diatasnya**) seperti kubah atau bilik kerana tegahan dari tiga itu yang diriwayatkan padanya oleh Turmizi, dan katanya : hasan lagi sahih, dan pada yang pertama dan ketiga oleh Muslim. Keluar dengan memutihkannya dengan jish oleh mentanahkannya bersalahan al Imam dan Ghazali.

(وَحَرَمٌ) أَيِ الْبِنَاءِ (بِ) مَقْبِرَةٍ (مُسَبَّلَةٍ) بِأَنَّ جَرَّتْ عَادَةُ أَهْلِ الْبَلَدِ بِالذَّفْنِ فِيهَا كَمَا لَوْ كَانَتْ مَوْقُوفَةً، وَلَا يَنْبَأُ يَتَأَبَّدُ بَعْدَ انْمِحَاقِ الْمَيِّتِ. فَلَوْ بُنِيَ فِيهَا هُدِمَ الْبِنَاءُ كَمَا صَرَّحَ بِهِ فِي الْأَصْلِ، بِخِلَافِ مَا لَوْ بُنِيَ فِي مَلِكِهِ. وَالتَّصْرِيحُ بِالتَّحْرِيمِ مِنْ زِيَادَتِي. وَصَرَّحَ بِهِ فِي الْمَجْمُوعِ.

1194. (**Haram**) binaan (**pada**) kuburan (**yang disabilkan**) dengan bahawa berjalan adat ahli tempat itu dengan menanam mayat padanya, sepertimana kalau ianya diwakafkan, dan kerana binaan itu kekal selepas terhapus mayat itu. Maka kalau dibina binaan didalam kawasannya diruntuhkan binaan itu sepertimana dia jelaskan didalam Asal, bersalahan keadaan kalau ia dibina didalam miliknya. Penjelasan dengan haramnya itu daripada tambahan ku. Nawawi menjelaskannya didalam Majmuk.

(وَسُنَّ رَشْتُهُ) أَيِ الْقَبْرِ (بِمَاءٍ) لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلَّ ذَلِكَ بِقَبْرِ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ رَوَاهُ ابْنُ مَاجَةَ، وَأَمَرَ بِهِ فِي قَبْرِ عُثْمَانَ بْنِ مَطْعُونٍ رَوَاهُ الْبِزْأَرُ. وَالْمَعْنَى فِيهِ التَّفَاوُلُ بِتَبْرِيدِ الْمَضْجَعِ وَحِفْظِ التُّرَابِ. وَيُذَكِّرُهُ رَشْتُهُ بِمَاءِ الْوَرْدِ.

1195. (**Sunat menjirusnya**) iaitu kubur (**dengan air**) kerana nabi sawm melakukan demikian itu pada kubur Sa'ad bin Mu'az, meriwayatkan Ibnu Majah dan dia menyuruh agar di lakukan pada kubur Uthman bin Maz'un, meriwayatkan al Bazzar. Hikmah padanya adalah sempena baik dengan menyejukkan tempat perbaringannya dan memelihara tanah. Makruh menjirusnya dengan air mawar.

(وَوَضَعَ حَصَى عَلَيْهِ) لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلَّ ذَلِكَ بِقَبْرِ ابْنِهِ إِبْرَاهِيمَ، رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ. وَسُنَّ أَيْضًا وَوَضَعَ الْجَرِيدَ وَالرِّيحَانَ وَنَحْوَهُمَا عَلَيْهِ.

1196. (**dan meletakkan anak batu diatasnya**) kerana nabi sawm melakukan demikian itu pada kubur anaknya Ibrahim, meriwayatkannya Syafi'e. Sunat juga meletakkan pelepah tamar dan selasih dan umpama keduanya diatasnya,

(وَ) وَوَضَعَ (حَجْرًا أَوْ حَشْبَةً عِنْدَ رَأْسِهِ، وَجَمَعَ أَهْلُهُ بِمَوْضِعٍ) وَاحِدٌ مِنَ الْمَقْبِرَةِ { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَوَضَعَ حَجْرًا أَوْ صَخْرَةً عِنْدَ رَأْسِ عُثْمَانَ بْنِ مَطْعُونٍ، وَقَالَ أُنْعِمَ بِهَا قَبْرَ أَخِي وَأَدْفِنُ إِلَيْهِ مَنْ مَاتَ مِنْ أَهْلِي }، رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ جَيِّدٍ. وَتَعْبِيرِي بِأَهْلِهِ أَعَمُّ مِنْ تَعْبِيرِهِ بِأَقَارِبِهِ.

1197. (**dan**) meletakkan (**batu atau kayu disisi kepalanya dan menghimpunkan kaum keluarganya pada satu tempat**) pada satu kuburan ((kerana nabi sawm meletakkan batu iaitu batu besar disisi kepala Uthman bin Ma'zun, dan katanya aku tandakan dengannya akan kubur saudara ku dan aku kebumikan kepadanya orang yang mati daripada kelaurga ku)), meriwayatkannya Abu Daud dengan sanad-sanad yang baik. Ibarat aku dengan keluarganya lebih umum dari ibaratnya dengan kerabatnya.

(وَزِيَارَةُ قُبُورِ) أَيِ قُبُورِ الْمُسْلِمِينَ (لِرَجُلٍ) لِحَبْرِ مُسْلِمٍ { كُنْتَ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فزُورُوهَا } . أَمَّا زِيَارَةُ قُبُورِ الْكُفَّارِ فَمُبَاحَةٌ، وَقِيلَ مُحَرَّمَةٌ. (وَلِغَيْرِهِ) أَيِ غَيْرِ الرَّجُلِ مِنْ أَنْتَى وَخُنْتَى (مَكْرُوهَةٌ) لِقَلَّةِ صَبْرِ الْأَنْثَى وَكَثْرَةِ جَزَعِهَا. وَالْحَقُّ بِهَا الْخُنْتَى اخْتِيَاطًا. وَذَكَرَ حُكْمَهُ مِنْ زِيَادَتِي. وَهَذَا فِي زِيَارَةِ قَبْرِ غَيْرِ

النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . أَمَا زِيَارَةُ قَبْرِهِ فَتَسَنُّ لَهْمَا كَالرَّجُلِ كَمَا افْتَضَاهُ إِطْلَافُهُمْ فِي الْحَجِّ . وَمِثْلُهُ فُبُورُ سَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْعُلَمَاءِ وَالْأَوْلِيَاءِ .

1198. (dan ziarah kubur) orang Islam (bagi lelaki), kerana khabar Muslim ((dulu aku menegah kamu dari ziarah kubur maka ziarahlah ia)). Adapun ziarah kubur kafir maka harus, dan dikatakan haram. (Dan bagi selain) lelaki daripada perempuan dan khunsa (adalah makruh) kerana sedikit sabar perempuan dan banyak gelisahannya. Dihubungkan dengannya akan khunsa kerana cermat. Menyebutkan hukumnya daripada tambahan ku. Ini pada ziarah kubur selain nabi sawm. Adapun ziarah kubur nabi maka ia sunat bagi kedua mereka sama seperti lelaki sepertimana dituntut itlak mereka itu pada haji. Seumpamanya adalah kubur sekalian para nabi dan ulamak dan wali.

(وَأَنْ يُسَلِّمَ زَائِرٌ) فَيَقُولُ { السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ } ، رَوَاهُ مُسْلِمٌ زَادَ أَبُو دَاوُدَ { اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُمْ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُمْ } . وَأَمَّا قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْكَ السَّلَامُ تَحِيَّةَ الْمَوْتَى فَنظَرًا لِعَرَفِ الْعَرَبِ حَيْثُ كَانَ مِنْ عَادَتِهِمْ إِذَا سَلَّمُوا عَلَى قَبْرِ يَقُولُونَ عَلَيْكَ السَّلَامُ .

1199. (dan bahawa orang yang ziarah mengucapkan salam) maka katanya: ((assalamu'alaikum wahai negeri kaum orang beriman, dan sesungguhnya kami insyaallah akan menghubungi kamu semua)). Meriwayatkannya Muslim. Abu Daud menambah ((ya Allah jangan engkau sekat kami dari pahala mereka dan jangan Engkau fitnahkan kami selepas mereka)). Adapun kata nabi sawm "alaika salam" sebagai penghormatan kepada orang-orang mati maka kerana memandang kepada uruf orang arab sekira-kira daripada adat mereka bila memberi salam keatas kubur mereka berkata "alaika salam".

(وَ) أَنْ (يَقْرَأَ) مِنَ الْقُرْآنِ مَا تَيَسَّرَ (وَيَدْعُو) لَهُ بَعْدَ تَوَجُّهِهِ إِلَى الْقِبْلَةِ ، لِأَنَّ الدُّعَاءَ يَنْفَعُ الْمَيِّتَ وَهُوَ عَقِبَ الْقِرَاءَةِ أَقْرَبَ إِلَى الْإِجَابَةِ . (وَ) أَنْ (يَقْرُبَ) مِنْ قَبْرِهِ (كَقُرْبِهِ مِنْهُ) فِي زِيَارَتِهِ (حَيًّا) اِحْتِرَامًا لَهُ .

1200. (dan) bahawa (dia membaca) daripada Quran apa yang senang (dan berdoa) baginya selepas dia mengadap kepada kiblat, kerana doa itu bermanfaat kepada mayat, dan ianya mengiringi bacaan Quran lebih dekat kepada perkenan. (dan) bahawa (dia dekat) dengan kuburnya (seperti dia dekat dengannya) pada ziarahnya (ketika hidup) kerana memuliakannya.

(وَحَرَّمَ نَقْلَهُ) قَبْلَ دَفْنِهِ مِنْ مَحَلِّ مَوْتِهِ (إِلَى) مَحَلٍّ (أَبْعَدَ مِنْ مَقْبَرَةِ مَحَلِّ مَوْتِهِ) لِيُذْفَنَ فِيهِ وَهَذَا أَوْلَى مِنْ قَوْلِهِ وَيَحْرُمُ نَقْلَهُ إِلَى بَلَدٍ آخَرَ (إِلَّا مَنْ بَقُرْبِ مَكَّةَ وَالْمَدِينَةِ وَإِلْيَاءِ) أَيِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ ، فَلَا يَحْرُمُ نَقْلَهُ إِلَيْهَا بَلْ يُخْتَارُ لِفَضْلِ الدَّفْنِ فِيهَا .

1201. (Haram memindahkan mayat) sebelum ditanam dari tempat matinya (ke) tempat (yang lebih jauh dari kuburan tempat matinya) untuk ditanam dia padanya. Ini terutama dari katanya "dan haram memindahkannya kepada negeri lain". (melainkan orang yang berdekatan Makkah dan Madinah dan Iliya') iaitu Baitul Muqaddas, maka tidak haram memindahkan dia kepadanya, bahkan dipilih kerana fahdhilat tanam mayat padanya.

(وَ) حَرَّمَ (نَبَشُهُ) قَبْلَ الْبَلَاءِ عِنْدَ أَهْلِ الْخَبْرَةِ بِتِلْكَ الْأَرْضِ (بَعْدَ دَفْنِهِ) لِنَقْلِ وَغَيْرِهِ كَتَّافِينَ وَصَلَاةَ عَلَيْهِ ، لِأَنَّ فِيهِ هَتْكَ لِحْرَمَتِهِ ، (إِلَّا لِضُرُورَةٍ كَدَفْنِ بِلَا طَهْرٍ) مِنْ غَسَلٍ أَوْ تَيْمُمٍ وَهُوَ مِمَّنْ يَجِبُ طَهْرُهُ (أَوْ) بِلَا (تَوَجُّهِ) لَهُ إِلَى الْقِبْلَةِ (وَلَمْ يَتَّعَيَّرْ) فِيهِمَا . فَيَجِبُ نَبَشُهُ تَدَارُكًا لَطَهْرِهِ الْوَاجِبِ وَلِيُوجِّهَهُ إِلَى الْقِبْلَةِ . وَقَوْلِي وَلَمْ يَتَّعَيَّرْ مِنْ زِيَادَتِي . (أَوْ) كَدَفْنِ (فِي مَغْصُوبٍ) مِنْ أَرْضٍ أَوْ ثُوبٍ وَوَجِدَ مَا يُذْفَنُ أَوْ يُكْفَنُ فِيهِ الْمَيِّتُ . فَيَجِبُ نَبَشُهُ وَإِنْ تَغَيَّرَ لِيُرَدَّ كُلُّ لِصَاحِبِهِ مَا لَمْ يَرْضَ بِبَقَائِهِ .

1202. Haram (membongkarnya) sebelum reput, disisi orang yang mahir dengan bumi itu, (selepas ditanam) untuk dipindahkan dan selainnya seperti mengkafkannya dan sembahyang keatasnya kerana ia mencarikkan kehormatannya, (melainkan kerana dharurat seperti dia

dikebumikan tanpa toharah) daripada mandi atau tayammum walhal dia daripada orang yang wajib toharahnya, **(atau)** tanpa **(dihadapkan)** kekiblat **(dan dia belum berubah)** pada keduanya, maka wajib membongkarnya kerana memperdapatkan toharahnya yang wajib dan untuk dihadapkan kekiblat. Kata aku "dan belum berubah" daripada tambahan ku. **(atau)** seperti dikebumikan dia **(pada yang dirampas)** daripada bumi atau kain dan didapati apa yang boleh ditanamkan atau dikapankan padanya mayat itu, maka wajib membongkarnya sekalipun ia telah berubah untuk dipulangkan setiapnya kepada tuannya, selama mana dia tidak redha dengan kekalnya.

(أَوْ وَقَعَ فِيهِ مَالٌ) خَاتَمٌ، أَوْ غَيْرُهُ، فَيَجِبُ نَبْشُهُ، وَإِنْ تَغَيَّرَ لِأَخْذِهِ، سِوَاءِ أَطْلَبَهُ مَالِكُهُ أَمْ لَا كَمَا افْتَضَاهُ كَلَامُ الرَّوْضَةِ وَالْمَجْمُوعِ. وَقَيْدُهُ صَاحِبُ الْمُهْدَبِ وَمَنْ تَبِعَهُ بِالطَّلَبِ كَمَا قَيَّدَ بِهِ الْأَصْحَابُ مَسْأَلَةَ الْإِبْتِلَاحِ الْآتِيَةِ. وَقَدْ فَرَّقْتُ بَيْنَهُمَا فِي شَرْحِ الرَّوْضِ.

1203. **(atau jatuh harta padanya)**, cincin atau selainnya, maka wajib membongkarnya sekalipun ia telah berubah, untuk mengambilnya, sama sahaja pemiliknya menuntut atau tidak seperti apa yang dikehendaki kalam Raudhah dan Majmuk. Tuan Muhazzab dan orang yang mengikutnya mengkaitkannya dengan ada tuntutan, sepertimana mengkaitkan dengannya oleh para sahabat Syafi'e akan masalah telan yang akan datang. Sungguh aku bezakan diantara keduanya didalam Syarah Raudh.

وَلَوْ بَلَغَ مَالًا لِنَفْسِهِ وَمَاتَ لَمْ يُنْبَشْ أَوْ مَالٌ غَيْرُهُ وَطَلَبَهُ مَالِكُهُ نُبْشٌ وَشَقٌّ جَوْفُهُ وَأُخْرِجَ مِنْهُ وَرَدَّ لِصَاحِبِهِ، وَلَوْ ضَمَّنَهُ الْوَرَثَةُ كَمَا نَقَلَهُ فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ إِطْلَاقِ الْأَصْحَابِ رَادًّا بِهِ عَلَيَّ مَا فِي الْعُدَّةِ مِنْ أَنَّ الْوَرَثَةَ إِذَا ضَمَّنُوا لَمْ يَشَقُّ. وَيُؤَيِّدُهُ مَا افْتَضَاهُ كَلَامُهَا مِنْ أَنَّهُ يُشَقُّ حَيْثُ لَا ضَمَانَ وَوَلَهُ تَرْكُهُ. وَفِي نَقْلِ الرَّوْيَانِيِّ عَنِ الْأَصْحَابِ مَا يُوَافِقُ مَا فِيهَا تَجَوُّزًا.

1204. Kalau dia menelan harta dirinya dan mati tidak dibongkar, atau harta orang lain dan pemiliknya menuntut dibongkar dan dikoyakkan perutnya dan dikeluarkan ia darinya dan dipulangkan ia kepada tuannya, walaupun para waris menjaminnya, sepertimana Nawawi nakalkan didalam Majmuk dari itlak sahabat Syafi'e kerana menolak apa yang ada didalam al 'Uddah daripada bahawa para waris bila menjamin tidak dikoyakkan perutnya. Menguatkannya apa yang dituntut oleh kalam al 'Uddah daripada bahawa mayat itu dikoyakkan perutnya sekira-kira tidak ada jaminan dari para waris dan ada bagi mayat itu harta peninggalan. Pada nakalan Ruyani dari para sahabat Syafi'e akan apa yang muafakat dengan apa yang ada didalam al 'Uddah adalah bermudah-mudah pada nakalan.

أَمَّا بَعْدَ الْبِلَاءِ فَلَا يَحْرَمُ نَبْشُهُ، بَلْ تَحْرَمُ عِمَارَتُهُ وَتَسْوِيَةُ التُّرَابِ عَلَيْهِ لِئَلَّا يَمْتَنِعَ النَّاسُ مِنَ الدَّفْنِ فِيهِ لِظَنِّهِمْ عَدَمَ الْبِلَاءِ. وَاسْتَشْنَى قُبُورَ الصَّحَابَةِ وَالْعُلَمَاءِ وَالْأَوْلِيَاءِ.

1205. Adapun selepas reput maka tidak haram membongkarnya, bahkan haram membaikinya dan meratakan tanah diatasnya supaya orang tidak tertegah dari menanam mayat padanya kerana mereka menyangkakan belum reputnya. Dikecualikan kubur para sahabat dan ulamak dan wali.

(وَسُنَّ تَغْزِيَةٌ نَحْوَ أَهْلِهِ) كَصَبْرٍ وَصَدِيقٍ. وَهِيَ الْأَمْرُ بِالصَّبْرِ وَالْحَمْلُ عَلَيْهِ بِوَعْدِ الْأَجْرِ وَالتَّخْذِيرُ مِنَ الدُّوْرِ بِالْجَزَعِ، وَالدُّعَاءُ لِلْمَيِّتِ بِالْمَغْفِرَةِ وَاللِّمَصَابِ بِجَبْرِ الْمَصِيبَةِ،

1206. **(Sunat takziah umpama keluarganya)** seperti menantu dan kawan baik. Ia adalah suruh dengan sabar dan menanggungnya dengan janji pahala dan amaran dari dosa dengan keluh kesah, dan doa bagi mayat dengan keampunan dan bagi orang yang dibala dengan tampungan musibah itu,

{ لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى امْرَأَةٍ تَبْكِي عَلَى صَبِيِّ لَهَا فَقَالَ لَهَا : اتَّقِي اللَّهَ وَاصْبِرِي. ثُمَّ قَالَ : إِنَّمَا الصَّبْرُ أَيْ الْكَامِلُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى } رَوَاهُ الشَّيْخَانُ، وَلِأَنَّ { أَسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ قَالَ أُرْسِلْتُ إِحْدَى بَنَاتِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَدْعُوهُ وَتُخْبِرُهُ أَنْ ابْنًا لَهَا فِي الْمَوْتِ، فَقَالَ لِلرَّسُولِ ارْجِعْ إِلَيْهَا فَأَخْبِرْهَا أَنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ وَلَهُ مَا أَعْطَى وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِأَجَلٍ مُّسَمًّى. فَمَرَّهَا فَاتَّصَبَرَ وَتَحْتَسَبَ } . وَتَفْيِيدِي بِنَحْوِ أَهْلِهِ مِنْ زِيَادَتِي.

1207. ((kerana nabi sawm lalu diatas seorang perempuan yang menangisi anaknya yang masih kecil maka katanya kepada perempuan itu : takutlah kamu akan Allah dan hendaklah kamu sabar, kemudian katanya : hanyalah sabar itu, iaitu yang sempurna, disisi tempuhan yang pertama)), meriwayatkannya dua syeikh, dan kerana ((Usamah bin Zaid berkata : seorang daripada anak perempuan nabi sawm telah mengutus utusan menjemputnya dan mengkhabarkan bahwa seorang anak lelakinya sedang menghadapi kematian, maka kata rasulullah : baliklah kamu kepadanya maka khabarkan dia bahawa milik Allah apa yang Dia ambil dan bagi Dia apa yang Dia beri dan setiap suatu itu disisiNya pada satu tempohan yang tertentu maka suruhlah dia bersabar dan mencari-cari pahala)). Mengkaitkan dengan umpama keluarganya itu adalah daripada tambahan ku.

وَسُنَّ أَنْ يَعْطَهُمْ بِهَا حَتَّى الصَّغَارِ وَالنِّسَاءِ إِلَّا الشَّابَّةَ، فَلَا يُعْزِيهَا إِلَّا مَحَارِمُهَا وَنَحْوَهُمْ.

1208. Sunat bahawa dia meratai mereka dengan takziah hinggakan yang kecil-kecil dan perempuan, melainkan perempuan muda maka tidak mentakziahkannya melainkan mahram-mahramnya dan umpama mereka.

(وَ) هِيَ (بَعْدَ دَفْنِهِ أُولَى) مِنْهَا قَبْلَهُ لِاسْتِعْجَالِ أَهْلِ الْمَيِّتِ بِتَجْهِيزِهِ قَبْلَهُ. قَالَ فِي الرَّوْضَةِ: إِلَّا أَنْ يَرَى مِنْ أَهْلِهِ جَزْعًا شَدِيدًا فَيُخْتَارُ تَقْدِيمُهَا لِيَصْبِرَ لَهُمْ. وَذَكَرَ الْأُولَوِيَّةَ مِنْ زِيَادَتِي. (ثَلَاثَةٌ أَيَّامٍ تَقْرِيْبًا) مِنَ الْمَوْتِ لِحَاضِرٍ، وَمِنَ الْقُدُومِ أَوْ بَدُوعِ الْخَبْرِ لِعَادِبٍ. فَتُكْرَهُ التَّعْزِيَةُ بَعْدَهَا إِذِ الْغَرَضُ مِنْهَا تَسْكِينُ قَلْبِ الْمُصَابِ وَالْغَالِبُ سُكُونُهُ فِيهَا فَلَا يُجَدِّدُ حَزْنَهُ.

1209. Takziah itu (selepas pengkebumian mayat terutama) dari takziah sebelumnya kerana sibuk keluarga mayat dengan mempersiapkannya sebelumnya. Kata Nawawi didalam Raudhah : melainkan bahawa dia lihat keluarganya keluh kesah yang kuat maka dipilih mendulukannya supaya dia dapat mensabarkan mereka. Menyebutkan keutamaan ini adalah daripada tambahan ku. (selama tiga hari lebih kurang) mula dari kematian bagi orang yang hadir, dan dari tiba atau sampai khabar kematian bagi yang ghaib. Maka dimakruhkan takziah selepasnya kerana tujuan darinya adalah menenangkan hati orang yang ditimpa musibah dan ghalibnya hati telah tenang pada tiga hari maka tidak diperbaharui dukacitanya.

(فَيُعْزَى مُسْلِمٌ بِمُسْلِمٍ) بِأَنْ يُقَالَ لَهُ (أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ) أَيْ جَعَلَهُ عَظِيمًا (وَأَحْسَنَ عَزَاكَ) بِالْمَدِّ أَيْ جَعَلَهُ حَسَنًا (وَعَفَّرَ لِمَيْتِكَ، وَبَكَفَّرَ أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ) مَعَ قَوْلِهِ (وَصَبَّرَكَ) أَوْ أَخْلَفَ عَلَيْكَ أَوْ جَبَرَ مُصِيبَتَكَ أَوْ نَحْوَهُ، كَمَا فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا. نَعَمْ، لَوْ كَانَ الْمَيِّتُ مَمَّنْ لَا يُخْلَفُ بِدَلُّهُ كَأَبٍ فَلْيَقُلْ بَدَلْ أَخْلَفَ اللَّهُ عَلَيْكَ : خَلَفَ اللَّهُ عَلَيْكَ أَيْ كَانَ اللَّهُ خَلِيفَةً عَلَيْكَ. نَقَلَهُ الشَّيْخُ أَبُو حَامِدٍ عَنِ الشَّافِعِيِّ.

1210. (Maka ditakziah orang Islam dengan sebab kematian orang Islam) dengan bahawa dikatakan kepadanya (Allah membesarkan ganjaran kamu dan mengelokkan sabar kamu dan mengampunkan mayat kamu, dan dengan sebab kematian kafir : Allah membesarkan ganjaran kamu) serta katanya (dan menjadikan kamu sabar) atau menggantikan bagi kamu atau menampung musibah kamu atau umpamanya, sepertimana didalam Raudhah seperti asalnya. Na'am, kalau mayat itu daripada orang yang tidak boleh digantikan orang lain seperti bapa maka hendaklah dia kata ganti dari "Allah menggantikan bagi kamu" : Allah menjadi ganti keatas kamu, iaitu adalah Allah pengganti bagi kamu. Menakalkannya syeikh Abu Hamid dari Syafi'e.

(وَ) يُعْزَى (كَافِرٌ مُّخْتَرَمٌ بِمُسْلِمٍ) بِأَنْ يُقَالَ لَهُ (عَفَرَ اللَّهُ لِمَيْتِكَ وَأَحْسَنَ عَزَاكَ). وَخَرَجَ بِزِيَادَتِي مُخْتَرَمٌ الْحَرْبِيُّ وَالْمُرْتَدُّ، فَلَا يُعْزَىٰ إِلَّا أَنْ يُرْجَىٰ إِسْلَامُهُمَا. وَلِلْمُسْلِمِ تَعْرِيبُهُ كَافِرٌ مُّخْتَرَمٌ بِمِثْلِهِ فَيَقُولُ: أَخْلَفَ اللَّهُ عَلَيْكَ وَلَا تَقْصَ عَدَدَكَ.

1211. Ditakziahkan (kafir yang dihormati dengan sebab kematian orang Islam) dengan bahawa dikatakan kepadanya (Allah mengampunkan mayat kamu dan mengelakkan kesabaran kamu). Keluar dengan tambahan ku "yang dihormati" oleh kafir harbi dan murtad, maka tidak ditakziahkan mereka melainkan bahawa diharapkan Islam mereka. Boleh orang Islam mentakziahkan kafir yang dihormati dengan kematian yang seumpamanya maka dia katakan: Allah menggantikan bagi kamu dan tidak mengurangkan bilangan kamu.

(وَجَازَ بَكَاءَ عَلَيْهِ) أَي عَلَى الْمَيِّتِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَبَعْدَهُ لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { بَكَى عَلَى وَلَدِهِ إِبْرَاهِيمَ قَبْلَ مَوْتِهِ، وَقَالَ : إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ وَالْقَلْبَ يَحْزَنُ، وَلَا نَقُولُ إِلَّا مَا يُرْضِي رَبَّنَا، وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمَحْزُونُونَ } { وَبَكَى عَلَى قَبْرِ بِنْتِ لَهُ } { وَرَأَى قَبْرَ أُمِّهِ فَبَكَى وَأَبْكَى مِنْ حَوْلِهِ } . رَوَى الْأَوَّلُ الشَّيْخَانِ وَالثَّانِي الْبُخَارِيُّ وَالثَّلَاثُ مُسْلِمٌ.

1212. (Harus menangisi) mayat sebelum matinya dan selepasnya kerana nabi sawm ((menangisi anaknya Ibrahim sebelum matinya, dan berkata: sesungguhnya mata berlingangan dan hati berduka dan tidak kami katakan melainkan apa yang meredhakan Tuhan kami dan sesungguhnya kami berdukacita dengan sebab berpisah dengan mu wahai Ibrahim)) ((dan dia menangis diatas kubur anak perempuannya)) ((dan dia menziarahi kubur ibunya lalu menangis dan menangis orang yang disekelilingnya)). Meriwayatkan yang pertama dua syeikh dan yang kedua Bukhari dan yang ketiga Muslim.

وَالْبُكَاءُ عَلَيْهِ بَعْدَ الْمَوْتِ خِلَافُ الْأَوَّلَى لِأَنَّهُ يَكُونُ حِينَئِذٍ أَسْفًا عَلَى مَا قَاتَ. نَقَلَهُ فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ الْجُمْهُورِ، بَلْ نَقَلَ فِي الْأَذْكَارِ عَنِ الشَّافِعِيِّ وَالْأَصْحَابِ أَنَّهُ مَكْرُوهٌ لِحَبْرٍ { فَإِذَا وَجِبَتْ فَلَا تَبْكِينَ بِأَكْبِيَّةٍ. قَالُوا : وَمَا الْوُجُوبُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ الْمَوْتُ } . رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ وَغَيْرُهُ بِأَسَانِيدٍ صَحِيحَةٍ.

1213. Menangisi mayat selepas matinya khilafulaula kerana ia ketika itu adalah sedih diatas apa yang luput. Menakalkannya Nawawi didalam Majmuk dari jumhur ulamak, bahkan dia menakalkan didalam Azkar dari Syafi'e dan para sahabatnya bahawa ianya makruh kerana khabar ((maka bila ia telah wajib janganlah kamu semua menangis. Kata mereka: apa yang wajib itu wahai rasulullah? Katanya: kematian)). Meriwayatkannya Syafi'e dan selainnya dengan sanad-sanad yang sahih.

(لَا نَذِبٌ) وَهُوَ عَدُّ مَحَاسِنِهِ فَلَا يَجُوزُ كَأَنَّ يُقَالَ : وَآ كَهْفَاهُ وَآ جَمَلَاهُ⁶⁹ وَآ سِنْدَاهُ وَقِيلَ عَدُّهَا مَعَ الْبُكَاءِ وَجَزَمَ بِهِ فِي الْمَجْمُوعِ، (وَ) لَا (نَوْحٌ) وَهُوَ رَفْعُ الصَّوْتِ بِالذَّبِّ، (وَ) لَا (جَزَعٌ بِنَحْوِ ضَرْبِ صَدْرٍ) كَضَرْبِ خَدِّ وَشَقِّ جَيْبٍ .

1214. (tidak harus berbiji sabak) iaitu membilang-bilang kebaikannya maka tidak harus seperti bahawa dia kata : hai Gua ku!, hai bukit ku!, hai tempat ku bersandar!. Dikatakan : ia adalah membilang kebaikannya serta menangis. Jazam dengannya Nawawi didalam Majmuk. (dan) tidak (meratap) iaitu menginggikan suara dengan berbiji sabak, (dan) tidak (keluh kesah dengan umpama menampar dada) seperti menampar pipi dan mengoyakkan tengkok baju.

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { النَّائِحَةُ إِذَا لَمْ تَتُبْ قَبْلَ مَوْتِهَا تُقَامُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَعَلَيْهَا سَرِيالٌ مِنْ قَطْرَانٍ وَدِرْعٌ مِنْ جَرَبٍ } رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُودَ وَشَقَّ الْجُيُوبَ وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ } . وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ فِي كِتَابِ الْجِهَادِ بَلْفَظٍ أَوْ بَدَلَ الْوَاوِ. وَالسَّرِيالُ الْقَمِيصُ كَالدِّرْعِ وَالْقَطْرَانُ بَفَتْحِ الْقَافِ مَعَ كَسْرِ الطَّاءِ وَسُكُونِهَا وَبِكْسَرِهَا مَعَ سُكُونِ الطَّاءِ ذَهْنٌ شَجَرٍ يُطْلَى بِهِ الْإِبِلَ الْجَرَبُ وَيُسْرَجُ بِهِ. وَهُوَ أَبْلَغُ فِي اشْتِعَالِ النَّارِ بِالنَّائِحَةِ.

1215. Kata nabi sawm ((perempuan yang meratap itu bila tidak taubat sebelum matinya dibangkitkan dia pada hari kiamat kelak sedang di atasnya ada pakaian dari minyak qatiran dan baju besi dari kurap)), meriwayatkannya Muslim, dan kata nabi sawm ((bukan dari kalangan kita orang yang menampar pipi dan mengoyakkan tengkok baju dan melaungkan laungan jahiliyah)). Pada satu riwayat bagi Muslim didalam kitab jihad dengan lafaz "atau" ganti dari "dan". Sirbal itu gamis seperti baju besi, dan "فطران" adalah minyak satu pokok yang dilumurkan pada unta yang kurap dan dijadikan minyak pelita. Ianya menguatkan makna pada nyalaan api pada perempuan yang meratap.

(وَسُنَّ لِنَحْوِ جِيرَانِ أَهْلِهِ) كَأَقَارِبِهِ الْبُعْدَاءِ وَذُو كَثَانُوا بَبَدٍ وَهُوَ بِأَخْرَ (تَهَيَّئْتُهُ طَعَامٍ يُشَدِّعُهُمْ يَوْمًا وَلَيْلَةً) لِيَسْغَلَهُمْ بِالْحَزَنِ عَنْهُ، (وَأَنْ يُلْحَ عَلَيْهِمْ فِي أَكْلِ) لِئَلَّا يَضَعُفُوا بِتَرْكِهِ. وَنَحْوُ هَذَا وَفِيمَا بَعْدَهُ مِنْ زِيَادَتِي.

1216. (Sunat bagi umpama jiran bagi keluarga mayat) seperti kerabatnya yang jauh walaupun mereka pada satu tempat dan dia pada tempat lain (**menyediakan makanan yang mengenyangkan mereka pada sehari semalam**) kerana sibuk mereka itu dengan berduka kerananya, (**dan bahawa dia menyuruh-nyuruh mereka pada makan**) supaya mereka tidak lemah dengan sebab meninggalkannya. Umpama disini dan pada apa yang selepasnya daripada tambahan ku.

(وَحَرَمْتُ) أَي تَهَيَّئْتُهُ (لِنَحْوِ نَائِحَةٍ) كَنَادِيَةِ لِأَنَّهَا إِعَادَةٌ عَلَى مَعْصِيَةٍ. وَالْأَصْلُ فِيمَا قَبْلَهُ قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { لَمَّا جَاءَ خَبْرُ قَتْلِ جَعْفَرِ بْنِ أَبِي طَالِبٍ فِي عَزْوَةِ مُوتَةَ : اصْنَعُوا لِي لَالِ جَعْفَرٍ طَعَامًا، فَقَدْ جَاءَهُمْ مَا يَشْغَلُهُمْ }. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَغَيْرُهُ، وَحَسَنَةُ التِّرْمِذِيِّ. وَمُوتَةُ بِضَمِّ الْمِيمِ وَسُكُونِ الْهَمْزَةِ مَوْضِعٌ مَعْرُوفٌ عِنْدَ الْكُرَّكِ.

1217. (**Haram**) menyediakannya (**untuk umpama perempuan yang meratap**) sama seperti yang berbiji sabak kerana ia membantu diatas maksiat. Asal pada apa yang sebelumnya itu kata nabi sawm ((tatkala datang khabar pembunuhan Ja'far bin Abu Thalib pada perang Mu'tah "buatlah makanan untuk keluarga Ja'far, maka sungguh telah datang kepada mereka apa yang menyibukkan mereka")). Meriwayatkannya Abu Daud dan selainnya, dan Turmizi membilangnya hasan. Mu'tah itu satu tempat yang maklum dekat dengan Kurk¹²⁷.

1218.

¹ Mukaddimah 1.

² Kitab thoharah 18.

³ Bab hadath-hadath 67.

⁴ xx

⁵ Bab wudhuk 121.

⁶ Bab menyapu dua khuf 171.

⁷ Bab mandi 198.

⁸ Bab najis dan menghilangkannya 218.

⁹ xx

¹⁰ xx

¹¹ Bab tayammum 249.

¹² Fasal pada kaifiat tayammum.

¹³ Bab haid 303.

¹⁴ Kitab sembahyang 445.

¹⁵ Bab waktu-waktu sembahyang 337.

¹²⁷ Dinegeri Syam.

-
- 16 Xx?
17 xx
18
19 Bab azan 380.
20 يَسْمَعَنَّ
21 Mengadap kiblat 408.
22 xx
23 Bab pada sifat sembahyang 431.
24 Seperti dia baca dua ayat pertama kemudian dia baca ayat keempat, maka dia bina diatas dua yan gpertama itu dengan bahawa dia baca ayat ketiga dan seterusnya, tidak kena dia mula dari awal.
25
26
27 Adakah tidak sabit tetapi warid.
28
29 Sunat-sunat solat.
30 Bab. Syarat-syarat sembahyang itu 431
31
32
33
34 Tuntutan sujud sahwi.
35 Sujud tilawah dan syukur.
36 Sembahyang sunat.
37 Solat jamaah.
38
39 FASAL pada sifat-sifat imam.
40 Syarat qudwah dan adabnya.
41 x
42
43 Fasal pada memutuskan qudwah
44 Kaifiat solat musafir.
45 Jumhur tu siapa.
46 Sila baca sekali lagi.
47 Syarat qasar.
48 Jamak sembahyang
49 xx
50 Daripada jamak dengan hujan ...hingga akhir.
51 **FASAL** pada mandi-mandian sunat
52 **FASAL** pada menerangkan apa yang didapat jumaat
53 **BAB** pada sembahyang khauf.
54 **FASAL pada pakaian.**
55 xx
56 **BAB** pada sembahyang dua raya
57 xx
58 **BAB** pada sembahyang dua gerhana.
59 **BAB** pada istisqa'
60 **BAB** pada hukum orang yang meninggalkan sembahyang
61 **BAB** jenazah
62 mudahkan
63 Kalau aku tahu aku berhak memandikan rasulullah nescaya aku tidak berpaling dari hak itu. Adalah dia sebelum itu mengiktikadkan bahawa isteri tidak berhak memandikan suami.
64 Fasal pada sembahyang mayat
65
66 xx
67 xx
68 xx
69 Pada satu riwayat "وا جباله". kesemuanya menunjukkan si mati itu tempat dia bergantung harap.